Dr. Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal

ensiklopedia

EKONOMI ISLAM

JILID 1

Penterjemah
Salahuddin Abdullah

ensiklopedia

EKONOMI ISLAM

ensiklopedia

EKONOMI ISLAM

JILID 1

Dr. Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal

Penterjemah
Salahuddin Abdullah

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

Buku ini adalah terjemahan yang sah daripada buku *Mausu'at al-Iqtisad al-Islami*, karangan Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal terbitan Wadrasata Muqaranah, Kaherah, 1980. Terjemahannya dalam bahasa Malaysia dibuat oleh Salahuddin Abdullah.

Cetakan Pertama 1992
Cetakan Kedua 2000
© Edisi bahasa Arab oleh Wadrasata Muqaranah, Kaherah 1980
© Edisi Terjemahan bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk pada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

al-Jammal, Muhammad Abdul Mun'im
Ensiklopedia ekonomi Islam / Muhammad Abdul Mun'im ; penterjemah Salahuddin Abdullah.
Bibliografi : hlm. 733
ISBN 983-62-2733-4 (jil. 1).
ISBN 983-62-2732-6 (jil. 2).
1. Islam and economics- -Encyclopedias.
2. Economics- -Religious aspects- -Islam- -Encyclopedias. 3. Economics- -Encyclopedias.
I. Salahuddin Abdullah. II. Judul.
297.1978503

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang / Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR vii

BAHAGIAN I 1

BAB 1 EKONOMI ISLAM 3

Fasal Satu : Pendahuluan 3

Fasal Dua : Masalah Asas Ekonomi 20

Fasal Tiga : Doktrin Ekonomi 57

Fasal Empat : Pengeluaran 74

Fasal Lima : Daya Pengeluaran 146

Fasal Enam : Monopoli 162

Fasal Tujuh : Pembangunan Ekonomi 176

BAB 2 SISTEM HAK MILIK MENURUT PANDANGAN ISLAM 181

Fasal Satu : Hak Pemilikan Harta 181

Fasal Dua : Hak Milik Umum Menurut Pandangan Islam 201

Fasal Tiga : Beberapa Panduan Islam Mengenai Masalah Ekonomi dan Sosial 208

Fasal Empat : Harta Benda Menurut Pandangan Islam 223

BAB 3 ZAKAT, *'USYUR, AL-KHARAJ, AL-JIZYAT, AL-'USYRU* 227

Fasal Satu : Pelbagai Jenis Zakat 227

Fasal Dua : *Ghanimah* 253

Fasal Tiga : *Al-Fay'* 259

Fasal Empat : *Al-Sabyu* 267

Fasal Lima : Tanah 270

Fasal Enam : Jizyah 273

Fasal Tujuh : *Al-Kharaj* 293

Fasal Lapan : *Al-'Usyur* 307

Fasal Sembilan : Cukai 316

Fasal Sepuluh : *Al-Hisbah* 361

KATA PENGANTAR

Segala pujian tertentu bagi Allah, Tuhan Maha Perkasa yang semua muka tunduk dengan rupa hina dina di bawah kekuasaan-Nya, dan semua akal fikiran pula patuh pada Keagungan-Nya.

Selawat dan salam untuk Nabi Muhammad s.a.w., insan paling agung dan tinggi akal fikirannya, paling suci rohnya dan paling sempurna akhlaknya. Utusan Allah yang membawa hidayah dan agama kebenaran sebagai rahmat untuk alam semesta dan penamat segala nabi dan rasul.

Sesungguhnya agama Islam ialah agama yang lurus, yang dibawa dan diajarkan oleh semua rasul Allah. Dengan demikian maka intisari risalah Ilahi adalah untuk memberi hidayah kepada seluruh umat manusia sejak Nabi Adam diturunkan ke dunia ini. Risalah Ilahi ini belum pernah berubah kerana sumber sebenar hidayah itu ialah Allah, Tuhan Maha Esa, tiada Tuhan selain-Nya.

Hanya umat manusia sahaja yang tidak teguh berpegang kepada hidayah Allah sejak mula dicipta. Sebab itulah para rasul Allah telah diutus silih berganti untuk membimbing umat manusia yang menghuni bumi ini, seperti firman Allah:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ فَمِنْهُم
مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُم مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا
كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

سورة النحل ١٦ : اية ٣٦

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat itu seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut". Maka antara mereka (yang menerima seruan rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang ditimpa kesesatan. Oleh itu, mengembaralah*

kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-Nya.

(Surah al-Naḥl 16:36)

Dan adalah sebahagian ilmu Allah yang *qadim* dan juga hikmah kebijaksanaan-Nya tentang kerasulan, juga rahmat-Nya untuk para hamba-Nya, bahawa Allah telah mengurniakan kepada setiap umat manusia panduan hidup yang membawa kebajikan kepada mereka, yang sesuai dengan keperluan dan zaman mereka masing-masing.

Seterusnya hikmat kebijaksanaan Allah juga telah menentukan bahawa risalah perutusan-Nya untuk seluruh umat manusia itu diakhiri dengan Risalah Muhammadiyyah, dan menurunkan Kitab Suci al-Qur'an bagi membenarkan kebenaran rasul-rasul yang diutus Allah sebelumnya, dan juga untuk memelihara dan mengawasi risalah yang telah disampaikan oleh para rasul itu daripada segala bentuk penyelewengan, serta untuk membetulkan segala kesalahan yang telah dilakukan dalam bentuk pindaan dan pembohongan ke atas risalah para *ambia*. Firman Allah:

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٧﴾

سورة يونس ١٠ : اية ٣٧

Terjemahan: *Dan bukanlah al-Qur'an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh orang yang lain selain Allah; tetapi al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan (ke atas kamu); tidak ada sebarang syak ragu-ragu pada al-Qur'an itu yang datangnya daripada Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbir sekalian alam.*

(Surah Yūnus 10:37)

Kedatangan Islam membawa perutusan terakhir untuk umat manusia dan dengan demikian semestilah ia merupakan suatu *manhaj* (jalan) dan panduan hidup yang lengkap dan suatu perlembagaan yang merangkumi semua masalah kehidupan, hinggakan semua persoalan ibadat menjadi suatu yang sangat erat pertaliannya. Pengaruhnya begitu besar dalam haluan *manhaj* itu, kerana ibadat itu sendirilah yang membimbing setiap individu dan memberi galakan untuk menghayati *manhaj* yang lengkap dan sempurna di samping memberi panduan kepada setiap individu apabila dia tersasul dan menyeleweng daripada *manhaj* berkenaan.

Oleh yang demikian dapat ditegaskan bahawa kehendak Allah telah menentukan bahawa Islam itu hendaklah dijadikan panduan dan perlembagaan yang lengkap dan menyeluruh dalam semua bidang, bukan setakat bidang kehidupan yang bercorak peribadi. Malah ia hendaklah merangkumi bidang kehidupan bermasyarakat, baik yang bercorak sosial, ekonomi dan pendidikan serta apa jua bidang yang berkaitan dengan individu dan masya-

rakat dalam melakukan hubungan untuk kepentingan bersama. Dengan menghayati perlembagaan itu umat manusia akan berhasil mencapai hidayah dalam semua bidang kerana perlembagaan itu lengkap dengan unsur hidayah, juga dengan dasar-dasar pokok yang perlu diikuti dan dihayati oleh setiap umat manusia. Setiap masyarakat itu kemudiannya diberi kebebasan untuk membina hidup mereka berdasarkan dasar-dasar itu, dan juga untuk membuat tafsiran secara terperinci dalam pembinaan masyarakat selama masih terikat dengan dasar-dasar umum itu.

Di samping beberapa kewajipan yang berkaitan dengan urusan ibadat, perlembagaan yang lengkap itu mencakupi beberapa arahan dan panduan yang berkaitan dengan masalah akhlak, sosial, ekonomi, pentadbiran, pengurusan dan seterusnya. Oleh itu hakikat perjalanan hidup yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. untuk umat manusia tidak akan dapat dicapai kecuali dengan cara mengumpul dan menyatukan seluruh aspek itu supaya ia dapat beraksi bersama dalam pembangunan dunia. Setiap bahagian saling menerima dan memberi dengan bahagian yang lain.

Dengan demikian panduan yang berkaitan dengan urusan akhlak ikut memainkan peranan dalam urusan yang berkaitan dengan masalah ekonomi atau pentadbiran. Tanpa berlandaskan panduan yang berkaitan dengan akhlak, penyusunan ekonomi, persoalan yang berkaitan dengan kemasyarakatan atau pentadbiran akan menghadapi kepincangan. Demikian juga kiranya tanpa penyusunan yang berkaitan dengan ekonomi maka keadaan masyarakat, pentadbiran dan kemasyarakatan menjadi tidak seimbang. Masalah-masalah yang tidak diberikan perhatian berat oleh prinsip-prinsip akhlak atau ekonomi tidak akan terlaksana dengan berkesan kerana semua panduan itu adalah berasaskan iman kepada Allah Yang Maha Esa.

Keadaan saling berkait dalam pelbagai bidang seperti yang telah disebut merupakan suatu ciri istimewa yang menjadi bukti keunggulan sistem Islam berbanding dengan semua sistem ciptaan manusia, baik yang sudah berlalu mahupun yang sedang dilaksanakan sekarang ini. Dengan demikian tidak diragukan bahawa panduan-panduan dan sistem Islam itu bersumberkan kitab suci al-Qur'an. Berikut dikemukakan satu contoh tentangnya dalam firman Allah S.W.T.:

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ
مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ ٱللَّهِ فَأَذَٰقَهَا ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ بِمَا كَانُوا۟
يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾

سورة النحل ١٦: اية ١١٢

Terjemahan: *Dan Allah memberikan satu misalan: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah daripada tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya mengkufuri nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan.*

(Surah al-Nahl 16:112)

Firman Allah:

لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ ﴿١﴾ إِۦلَٰفِهِمْ رِحْلَةَ ٱلشِّتَآءِ وَٱلصَّيْفِ ﴿٢﴾ فَلْيَعْبُدُوا۟ رَبَّ هَٰذَا
ٱلْبَيْتِ ﴿٣﴾ ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍۢ ﴿٤﴾

سورة قوريش ١٠٦ : اية ١ ، ٢ ، ٣ ، ٤

Terjemahan: *Disebabkan kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy, iaitu kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam), maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah ini (Kaabah), Tuhan yang memberi mereka penghidupan; menyelamatkan mereka daripada kelaparan, dan mengamankan mereka daripada ketakutan.*

(Surah Quraysh 106:1 – 4)

Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن
كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٩٦

Terjemahan: *Dan (Tuhan berfirman lagi): "Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bersabar, tentulah Kami akan bukakan kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

(Surah al-A'rāf 7:96)

Daripada ayat-ayat suci di atas dapat dibuat kesimpulan seperti juga daripada ayat-ayat yang mempunyai pengertian yang serupa dengannya seperti berikut:

Pertama, keperluan asasi umat manusia iaitu untuk hidup dalam keadaan selesa, mewah dan terlepas daripada perasaan bimbang terletak dalam keadaan yang umat manusia itu memperoleh bahan keperluan makanan yang mencukupi serta bebas daripada perasaan bimbang dan takut.

Kedua, kesemua keadaan di atas (bahan makanan yang mencukupi dan bebas lepas daripada perasaan bimbang dan takut) dapat dicapai secara berterusan dengan wujudnya sikap syukur dan terima kasih umat manusia dengan beribadat serta memperhambakan diri sepenuhnya kepada Tuhan mereka.

Ini jelas sekali memberi pengertian bahawa kedua-dua sistem ekonomi yang sedang menguasai dunia pada masa kini, tidak mampu melahirkan kedua-dua keadaan yang amat diperlukan oleh masyarakat oleh apa jua masyarakat dan negara yang tunduk dan patuh mengamalkan salah satu daripada sistem itu. Salah satunya ialah sistem komunis yang tidak percaya dan tidak beriman kepada Allah. Manakala yang satu lagi ialah sistem kapitalis. Dalam sistem ini

semua kegiatan dan aktivitinya tidak terikat atau tunduk kepada norma-norma akhlak dan budi pekerti. Oleh sebab itu bencana yang paling ditakuti tetapi terus-menerus menghantui kehidupan umat manusia ialah kelaparan dan kebimbangan, dan ia terus melanda sebahagian besar negara di dunia yang masih menghayati kedua-dua sistem itu.

Oleh yang demikian suatu perkara yang tidak dapat diragukan lagi ialah bahawa keadaan hidup umat manusia itu tidak akan dapat diperbaiki dan dibetulkan melainkan melalui penghayatan panduan dan arahan Allah, iaitu melalui firman Allah:

صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنعَمتَ عَلَيهِم غَيرِ ٱلمَغضُوبِ عَلَيهِم وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

سورة الفاتحة ١ : اية ٧

Terjemahan: *Iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka ... .*

(Surah al-Fātihah 1:7)

Jelas sekali bahawa penyelesaian masalah itu hanya terdapat dalam ayat-ayat suci al-Qur'an dan juga daripada panduan *Sunnah Nabawiyyah* yang agung dan suci, yang para *fuqaha* telah menjalankan penyelidikan dan mencapai rumusan yang telah diwarisi kepada kita sebagai:

. . . دِينًا قِيَمًا مِّلَّةَ إِبرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلمُشرِكِينَ ﴿١٦١﴾

سورة الأنعام ٦ : اية ١٦١

Terjemahan: *Agama yang tetap teguh, iaitu agama Nabi Ibrahim yang ikhlas dan tiadalah ia dari orang-orang yang musyrik.*

(Surah al-An'ām 6:161)

Oleh kerana kemajuan hidup manusia dalam bidang ekonomi merupakan suatu faktor penting yang sedang menguasai corak politik dan sosial dunia pada zaman kini, saya membuat keputusan untuk mengambil suatu corak baru dalam menulis buku ini. Saya akan cuba mendedahkan beberapa topik ekonomi Islam yang paling penting disertai dengan kajian perbandingan tentang perkembangan ekonomi semasa. Inilah yang menjadi tajuk perbincangan Bahagian Pertama buku ini dan merupakan suatu tajuk yang memerlukan suatu huraian khusus yang rapi terutama sekali dalam masalah yang berkaitan dengan ekonomi dunia dan kajian perbandingan yang menarik tumpuan pembaca supaya mudah memahami dan berminat mendalaminya. Ketenangan perasaan dan keyakinan kepada kajian ini mempunyai kaitan yang erat dengan huraian yang jelas dan mencakupi masalah-masalah terperinci yang melengkapi huraian tentang tajuk-tajuk utama dan unsur-unsur penting dalam tajuk-tajuk yang berkenaan. Oleh sebab itu dalam Bahagian Pertama buku yang bercorak Ensiklopedia ini, kami sengaja membuat huraian yang terperinci dan panjang lebar. Kami berpendapat perlu dilakukan demikian, dengan harapan semoga cara ini akan dapat melahir dan mendedahkan beberapa sudut kekuat-

an, keutamaan dan juga keunggulan sistem ekonomi Islam, juga lebih mampu menjelaskan kebaikannya serta matlamat utamanya.

Seterusnya disusuli dengan Bahagian Kedua yang mengandungi huraian tentang suatu sudut lain sistem ekonomi Islam, iaitu yang berkaitan dengan bidang kewangan umum, dengan anggapan bahawa ia merupakan cabang kepada Bahagian Pertama. Tujuan kami menyertakan yang asal dengan yang cabang ini ialah kerana kami ingin mengembalikan sesuatu itu kepada sumber asalnya yang murni. Di samping itu juga kami bermaksud mempertautkan hubungan yang erat antara sistem ekonomi Islam sebagai ilmu "induk" dengan sistem yang lahir dan berasal daripadanya dalam pelbagai bentuk ilmu pengetahuan moden sekarang.

Dalam usaha melahirkan buku bercorak Ensiklopedia yang mengandungi dua bahagian penting ini saya telah banyak mengambil panduan daripada hasil fikiran beberapa orang ulama terkemuka, di samping menyalin perkataan dan pendapat beberapa orang tokoh penyelidik daripada kalangan kaum Muslimin dan bukan Muslimin, dengan menyebutkan nama mereka dan nama buku hasil karya mereka dalam senarai buku rujukan dalam bahasa Arab, Inggeris dan Perancis. Pada beberapa tempat pula saya sebutkan nama mereka dan hasil karya mereka di bahagian catatan nota kaki dibeberapa halaman tertentu, di samping saya sengaja tidak menyebutkan halaman sebahagian buku berkenaan kerana buku-buku tersebut telah dicetak berulang kali yang biasanya menyebabkan perbezaan halaman yang mengandungi huraian dalam masalah-masalah tertentu. Manakala dalam beberapa bahagian pula saya terus mencatat dan membuat ringkasan yang perlu atas huraian mereka, tanpa terikat lagi dengan nas asli yang bercorak tulisan dan rangkaian karangan. Oleh yang demikian tidak diragukan sedikit jua pun bahawa tokoh-tokoh berkenaan mempunyai sumbangan dan peranan yang amat besar serta sangat dihargai dalam menjayakan Ensiklopedia ini.

Sesungguhnya saya sentiasa memohon kepada Allah Yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa supaya perkenan dan limpahkanlah kurnia sebesar-besar pahala kepada mereka atas hasil usaha saya ini, juga supaya Allah jualah yang menyampaikan balasan budi kepada mereka, yang tidak mampu saya lakukan.

Akhirnya dengan penuh rasa rendah hati saya memohon kepada Allah semoga usaha dan amal ini dapat kiranya memberi manfaat kepada sebilangan besar kaum Muslimin, dan seandainya manfaat itu melebihi daripada kadar yang saya harapkan, maka tiada lain yang saya pinta kecuali ganjaran dan balasan pahala di sisi Allah jua.
WalLahu Waliyul-Taufik.

Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal,
Bekas wakil Kementerian Kewangan dalam bidang Perekonomian dan Percukaian dan Profesor yang dipinjamkan kepada Universiti Iskandariah, Al-Azhar dan 'Ain Syams; dan Profesor atau Pensyarah di Kolej Pengajian Tinggi Islam.

14 Rabiulakhir 1400 H.
bersamaan awal Mac 1980 M.

BAHAGIAN
I

BAB 1
EKONOMI ISLAM

FASAL SATU: PENDAHULUAN

Ekonomi Islam bukanlah suatu masalah yang berdiri sendiri dan memang tiada garis pemisah yang membezakannya daripada semua aspek kehidupan yang lain. Ini kerana semua masalah ekonomi, sosial dan agama saling berkait dan berhubungan semenjak zaman kegemilangan Islam. Masalah ini lahir daripada satu sumber sahaja, iaitu keimanan kepada Allah S.W.T.

AKIDAH ISLAM

Perkara 1 - Prinsip Asas Ekonomi Islam

Islam sebagai suatu akidah dan beriman kepada akidah merupakan faktor pertama dalam pembinaan masyarakat, yakni akidah kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada para malaikat, kepercayaan kepada kitab-kitab suci, kepercayaan kepada rasul-rasul Allah dan kepercayaan kepada Hari Akhirat. Akidah melahirkan serta menetapkan beberapa ibadah yang mesti dihayati dan ditunaikan selaras dengan ajaran agama. Orang yang mempercayainya akan mendapat ganjaran pahala mengikut kadar kebaktiannya, kejujuran dan keikhlasannya, manakala orang-orang yang ingkar akan mendapat balasan seksa kerana meninggalkan ibadah itu. Faktor kedua dalam pembinaan masyarakat Islam ialah ibadah.[1] Faktor ketiga dalam pembinaan masyarakat Islam ialah akhlak.[2]

Ketiga-tiga faktor ini iaitu iman, ibadah dan akhlak merupakan perkara penting dalam pembentukan individu yang beriman seterusnya mampu melahirkan satu unit binaan yang layak menjadi teras sebuah masyarakat yang kukuh dan teguh.

---

1 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Ibadah dalam Islam*, dalam bahasa Arab dan Inggeris.

2 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Akhlak dan Muamalat dalam Islam*, dalam bahasa Arab dan Inggeris.

Sesungguhnya dapatlah diperhatikan bahawa dalam menjalankan perannya sebagai pembina masyarakat, Islam mengarahkan setiap individu itu supaya sentiasa ingat kepada Allah, takut akan azab-Nya, sentiasa ingat bahawa Allah ada bersamanya, memerhatikan isi hatinya dan memberi ganjaran pahala kepada amalan baiknya serta menimpakan balasan buruk atas setiap perbuatan jahatnya. Apabila setiap individu itu dapat merasai kesan akan pengaruh ibadah itu dalam akhlak serta budi pekertinya dan pengaruh ibadah itu pula lahir melalui amalan perbuatan serta tutur katanya berdasarkan kesedarannya sebagai seorang yang beriman, maka dengan sendirinya dia akan menjauhkan dirinya daripada melakukan kesilapan. Sikap sedemikian turut mempengaruhi seluruh kehidupan dan segenap aktivitinya. Dengan demikian anda tentu dapat memerhatikannya bekerja dengan rajin dan penuh ikhlas lalu mengeluarkan pengeluaran yang baik, kerana Allah sangat kasih kepada setiap orang yang rajin serta tekun bekerja.

Kita sering mendapati dalam sesebuah masyarakat tertentu ada orang yang takut untuk memberi atau menerima rasuah kerana bimbang akan dikenakan tindakan undang-undang, tetapi apabila berasa dirinya terselamat dia akan melakukan hal-hal yang bertentangan dengan undang-undang itu. Sebaliknya, dalam masyarakat Islam yang teguh pegangannya terhadap norma-norma keimanan dan akhlak, semua tindak-tanduk individu terikat dengan ajaran agama. Oleh itu, setiap orang yang beriman tidak akan melakukan sebarang perbuatan maksiat kerana takutkan azab dan kerana Allah Maha Melihat, sesuai dengan firman Allah:

يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾

سورة الموءمن ٤٠ : اية ١٩

Terjemahan: *Allah mengetahui pengkhianatan pandangan mata (pandangan serong dan tidak jujur) seseorang, serta mengetahui apa yang tersembunyi dalam hati.*

(Surah al-Mu'min 40:19)

Pada sepanjang zaman kita dapat menyaksikan banyak rancangan dan projek yang bertujuan baik menghadapi halangan besar berpunca daripada penyelewengan moral dan akhlak dalam bentuk pengurusan yang buruk, bermaharajalelanya hawa nafsu, kepentingan diri, penyalahgunaan kuasa, komplot sorok, riba serta penyelewengan ekonomi.

Peranan manusia beriman yang berpandangan jauh serta sedar akan akibat segala tindakannya merupakan paksi dan teras yang sangat penting dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan. Manusia seperti inilah yang akan terus gigih menghadapi segala rintangan, dapat menggunakan segala sumber dan tenaga dengan tepat serta bekerja keras untuk menambahkan pengeluaran seterusnya melakukan pelaburan dalam melipatgandakan hasil pendapatan negara.

Faktor keempat ialah satu kumpulan kaedah, hukum dan perundangan

serta peraturan yang mengatur urusan tindakan setiap individu iaitu yang berkaitan dengan hak dan kewajipan terhadap sesama mereka, anggota masyarakat dan negara. Ini termasuk beberapa undang-undang khusus yang menjamin terpeliharanya hak-hak, terlaksananya kewajipan-kewajipan, juga menentukan batas kekuasaan negara serta tanggungjawabnya terhadap semua urusan yang berkaitan dengan masalah penyusunan masyarakat.

Perkara 2 - Hakikat dan Intisari Ekonomi Islam

Ekonomi Islam ialah suatu kumpulan dasar umum ekonomi yang sering kita ambil daripada al-Qur'an dan sunah Nabi. Oleh yang demikian, ekonomi Islam ialah sistem ekonomi yang ditegakkan atas dasar-dasar tersebut, sesuai dengan setiap keadaan persekitaran dan zaman.

Berhubung dengan dasar-dasar ekonomi itu, Allah berfirman:

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰا۟ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٢٧٥

Terjemahan: *Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu, disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu dia berhenti (daripada mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, kekal di dalamnya.*

(Surah al-Baqarah 2:275)

Firman Allah:

يَمْحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَيُرْبِى ٱلصَّدَقَٰتِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

سورة البقره ٢ : اية ٢٧٦

Terjemahan: *Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba, Dia kembangkan (memberkati harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, serta selalu melakukan dosa.*

(Surah al-Baqarah 2:276)

Firman Allah:

وَءَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلْمِسْكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾

سورة الإسراء ١٧ : اية ٢٦

Terjemahan: *Berikanlah kepada kerabatmu, orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau.*

(Surah al-Isrā' 17:26)

Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

سورة المعارج ٧٠ : اية ٢٤ ، ٢٥

Terjemahan: *Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi yang termaklum bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta);*

(Surah al-Ma'arij 70:24 – 25)

Serta firman Allah:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

Terjemahan: *Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah harta itu tertentu bagi Allah, RasululLah, bagi kaum kerabat (RasululLah), anak-anak yatim, orang miskin, serta orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di kalangan orang kaya. Apa jua perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangan itu. Maka bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amat besar azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).*

(Surah al-Ḥasyr 59:7)

RasululLah s.a.w.: telah menjelaskan pelbagai dasar ekonomi yang penting, antaranya sabda baginda:

لايؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه مايحب لنفسه.

Terjemahan: *Tidak sempurna iman seseorang hingga dia kasih kepada*

saudaranya (supaya saudaranya itu mendapatkan apa jua) seperti dia kasih akan (supaya sesuatu itu juga dapat) dirinya sendiri.

Sabdanya:

تعس عبدالدرهم ،تعس عبدالدينار.

Terjemahan: *Celakalah (orang yang menjadi) hamba dirham, dan celakalah (orang yang menjadi) hamba dinar .*

Sabdanya:

من كان عنده طعام لاثنين فليذهب بثالث ، ومن كان عنده طعام لثالث فليذهب برابع وخامس.

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang mempunyai makanan (yang cukup dimakan untuk dua orang maka hendaklah dia makan bertiga orang dan sesiapa yang mempunyai (persediaan makanan untuk) tiga orang maka hendaklah dia makan berempat atau berlima orang.*

Serta sabdanya:

كل المسلم على المسلم حرام دمه وعرضه وماله.

Terjemahan: *Setiap orang Islam haram mencerobohi hak orang Islam yang lain; iaitu darahnya, kehormatannya dan harta bendanya.*

Dan memang banyak sekali nas al-Qur'an dan sunah Nabi s.a.w. dalam bidang ekonomi yang mengandungi dasar-dasar serta prinsip-prinsip tertentu yang boleh disebutkan dalam istilah moden sekarang sebagai *dasar jaminan sosial* dan *dasar hak milik timbal-balik* (bagi individu dan masyarakat). Ini termasuk dasar mengenai modal, jasa dan pekerjaan, pengeluaran, pelaburan, tabungan, penggunaan, agihan, meninggalkan amalan riba serta segala faedah yang berbentuk riba, keseimbangan ekonomi dan persaingan yang dibenarkan oleh undang-undang, penawaran dan permintaan, sistem perakaunan, perkongsian dan pengeluaran harta.

Perkara 3 - Ilmu Ekonomi Politik

Ilmu Ekonomi Politik ialah ilmu yang membincangkan perihal tenaga dan usaha yang dilakukan oleh manusia sebagai anggota masyarakat untuk memenuhi keperluan kebendaan dan menambah kemewahan serta keselesaan hidup.

Dalam sistem ekonomi moden, manusia mengeluarkan sesuatu barangan bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan hidupnya sendiri, tetapi juga

bertujuan untuk menukar barangan keperluan yang lebih daripada kegunaan sendiri dengan barangan yang lain. Mereka menjual perkhidmatan pekerjaan dan hasilnya sementara orang lain pula membeli pekerjaan atau hasilnya. Dengan itu berlakulah pelbagai bentuk hubungan antara individu dengan individu, para penjual dengan para pembeli, majikan dengan buruh dan pemberi dengan penerima pinjaman.

Perkembangan Ilmu Ekonomi Politik

Ilmu Ekonomi Politik berkembang dengan pesat selepas Perang Dunia Kedua, terutama dalam dua sektor asas yang penting.

Pertama, memberi perhatian utama kepada keadaan ekonomi secara menyeluruh, seperti masalah pendapatan dan pengeluaran negara, penggunaan, tabungan dan pelaburan masyarakat. Perhatian kepada masalah-masalah ini akibat tersebarnya pengaruh teori-teori Keynes menjelang Perang Dunia Kedua, dan berkembang luas beberapa tahun berikutnya. Ahli-ahli ekonomi tidak merasa puas dengan sekadar melakukan analisis tentang gelagat individu dalam sektor-sektor ekonomi serta masalah yang berkaitan dengan pengeluaran, pertukaran dan penggunaan sahaja. Malah mereka juga memberikan perhatian pada sumber pendapatan negara dan cara pengagihannya kepada faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perubahan serta perkembangannya. Oleh demikian, masalah-masalah dan tajuk-tajuk yang berkaitan menjadi perhatian utama mereka.

Kedua, secara perlahan-lahan ahli ekonomi turut memberi perhatian ke arah mengkaji intisari dan kebaikan aktiviti ekonomi dalam berbagai-bagai sistem ekonomi yang lain, bukan sahaja dalam sistem ekonomi kapitalis seperti sebelumnya. Dengan demikian dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa peraturan atau kaedah penawaran dan permintaan itu merupakan satu faktor yang menentukan tingkat umum harga dalam semua sistem ekonomi. Walau bagaimanapun, harga tetap berubah melalui sistem persaingan bebas dan tidak terdapat perbezaan harga seperti yang berlaku dalam sistem ekonomi bercorak monopoli.

Perkara 4 - Kenapakah Ilmu Ekonomi Politik Dikaitkan dengan Perkataan Politik?

Ahli-ahli perundangan berpendapat, ilmu ekonomi dikaitkan dengan perkataan politik kerana ilmu ini membincangkan beberapa masalah yang khusus berkaitan dengan negara. Sebab utama kaitan ini berlaku adalah berkaitan dengan pemberian nama sedemikian sejak zaman purba lagi, walaupun ia tidak selaras dengan hakikat sebenar tajuk perbincangan dan penerokaan ilmu ini.

Istilah "Ekonomi Politik" dalam bahasa Perancis dan Inggeris (*Economie politique - Political economy*) merupakan pecahan daripada tiga perkataan bahasa Yunani yang bermakna rumah, undang-undang dan bandar. Oleh sebab istilah bandar yang digunakan oleh orang Yunan (Greek) purba itu sama maksudnya dengan perkataan *Negara* pada zaman ini maka pengertiannya

dalam bahasa Yunani purba ialah: Undang-undang dan peraturan-peraturan mentadbir rumah (negara) secara politik.[3]

Orang pertama yang menamakan ilmu ekonomi itu sebagai *ekonomi politik* dalam bahasa Perancis ialah Antoine de Monchretien yang telah menjadikannya sebagai judul bagi sebuah buku yang diterbitkan dalam tahun 1615 dengan nama *Trait'e d'Economie Politique*. Pada zaman inilah perkataan ini biasa digunakan oleh para penulis buku di negara Perancis dan lainnya.[4]

Istilah ini telah dibincangkan juga oleh Aristotle dan tokoh-tokoh falsafah Yunani purba dengan anggapan bahawa ekonomi politik ialah ilmu mengenai cara menambahkan pendapatan negara. Perbincangan ilmu ini bagi mereka hampir serupa dengan perbincangan ilmu yang berkaitan dengan masalah kewangan dalam negara moden sekarang ini.

Para penulis Zaman Pertengahan yang membincangkan masalah ini sering memberikan perhatian bahawa hasil pendapatan negara berkait rapat dengan pendapatan rakyat jelata. Oleh itu, perhatian mereka tertumpu pada perbincangan tentang kaedah yang boleh menambahkan kekayaan rakyat. Seterusnya mereka membuat kesimpulan bahawa perkembangan dan pertambahan kekayaan rakyat bergantung pada usaha yang dilakukan oleh individu dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan demikian, tajuk serta judul perbincangan ilmu ini ialah mengenai usaha dan tugasan yang dijalankan oleh setiap individu, iaitu satu perbincangan yang bercorak sosial. Ini berbeza dengan tajuk asalnya, iaitu tajuk yang menjadi sebab ilmu ini dinamai Ekonomi Politik.[5] Maka memang sepatutnyalah ahli-ahli ekonomi menamai ilmu mereka ini dengan satu nama yang lain daripada nama Ekonomi Politik dan menumpukan penamaan itu ke arah membincangkan sudut politik dalam hubungan-hubungan ekonomi.

Akhir-akhir ini terdapat beberapa orang ahli ekonomi yang menggunakan beberapa istilah lain seperti beberapa masalah ekonomi[6] dan juga Ilmu Ekonomi.[7]

Dengan demikian, melalui ilmu ekonomi ini, boleh dikenal pasti berbagai-bagai ilmu lain seperti ekonomi pertanian, ekonomi perindustrian, ekonomi pendidikan, ekonomi kesihatan dan sebagainya.

Istilah pertama tadi telah mendapat sambutan baik di negara-negara Anglo-Saxon manakala istilah *"ekonomi politik"* masih digunakan dengan meluas di Perancis dan beberapa buah negara lain.

Perkara 5 - Pengertian Saintifik serta Hubungan Sebab dan Akibat

Sejak dahulu lagi manusia berusaha menaja teori mengenai asal usul keadaan dan hakikat alam di sekelilingnya. Mereka beroleh panduan daripada fikiran-

3 Gide, *Premieres Nations d'Economic Politique*, hlm. 34.
4 Gide, *Cours d'Economie*, Jilid 1, hlm. 6.
5 Silgman, *Principles of Economy*, hlm. 7.
6 Marshall, *Principles of Economics*.
7 Landry, *L'conomie*.

nya bahawa segala yang berlaku dalam alam ini pasti berpunca daripada sesuatu sebab. Inilah yang dikatakan hubungan antara sebab dan akibat (*Le Rapport de Causalite*). Maka menjadi tugas ilmu pengetahuan untuk menyelidik perhubungan ini, serta membuktikan hasil kajian dan penyelidikan itu dalam beberapa kaedah umum yang dinamakan peraturan.

Sebab itulah peraturan itu diberikan takrif secara saintifik sebagai kaedah umum yang menyatakan perihal hubungan sebab dan akibat antara dua keadaan ataupun lebih.[8]

Sekiranya jumlah wang yang beredar itu boleh menyebabkan peningkatan harga sebagai peraturan saintifik yang berlaku pada setiap masa dan tempat, maka peraturan ini menjelaskan kewujudan sebab dan akibat. Wang yang beredar merupakan sebab yang boleh mengakibatkan peningkatan tingkat harga.

Kadangkala suatu keadaan sahaja sudah mencukupi sebagai sebab dan akibat kepada keadaan-keadaan lain. Inilah yang dikatakan sebagai hubungan timbal balik sebab dan akibat atau *"La Depence Mutuel"*. Contohnya harga merupakan akibat daripada penawaran dan permintaan, tetapi pada masa yang sama penawaran dan permintaan itu wujud hasil daripada harga.

Perkara 6 - Kaedah Membuat Kajian dalam Bidang Ekonomi[9]

Mengikut pengertian ilmiah kaedah ialah jalan yang membawa kepada sesuatu hakikat. Manakala kaedah-kaedah ilmiah itu pula banyak sekali hingga bolehlah dikatakan bahawa setiap ilmu pengetahuan itu mempunyai kaedahnya sendiri. Kaedah-kaedah ini bolehlah dibahagikan kepada dua kumpulan kaedah yang penting iaitu kaedah deduktif dan kaedah induktif.

Perkara 7 - Kaedah Deduktif dan Induktif

Kaedah Deduktif

Kaedah deduktif bermula daripada yang umum dan berakhir kepada yang khusus. Maksudnya, pada peringkat awal ia menerima kebenaran prinsip-prinsip umum; kemudiannya dibuat kesimpulan khusus melalui analisa pemikiran berdasarkan lojik. Kaedah ini biasanya digunakan dalam bidang ilmu matematik, terutama bidang kejuruteraan dan fizik. Misalnya, kita katakan bahawa jisim itu berkembang akibat kepanasan. Daripada pernyataan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa air, tembaga dan raksa juga boleh berkembang dengan adanya kepanasan.

Kaedah Induktif

Kaedah induktif berbeza dengan kaedah yang deduktif kerana ia bermula

8 Gide, *Cours d'Economie*, Jilid 1, hlm. 13.
9 *Ibid.*, hlm. 18 – 26.

daripada yang khusus untuk mencapai yang umum. Ini bermaksud ia dimulakan dengan mengkaji beberapa hakikat yang khusus sambil menyelidik pelbagai hubungan yang mengaitkannya dengan bahagian-bahagian lain sebelum membuat kesimpulan secara umum ke arah penetapan dasar-dasar ilmu. Contohnya hasil daripada pemerhatian dan penyelidikan bahawa semua jisim itu akan jatuh ke bumi, maka Newton telah berhasil mengemukakan teori graviti. Dengan kata lain, melalui kaedah induktif ini kita mulai daripada perkara kecil; kemudian menganalisa sehingga beroleh kesimpulan dalam bentuk satu kaedah umum. Sedangkan dalam kaedah deduktif kita mulai daripada yang umum untuk membuat kesimpulan khusus yang mampu dicapai.

Perkara 8 - Kajian-kajian Ekonomi

Kajian ekonomi ialah cabang-cabang kajian yang memberi perhatian kepada jurusan serta sudut kajian mengenai kekayaan dan harta.

Sebagai contohnya ialah teori ekonomi membuat kajian mengenai kekurangan nisbah dan kesan-kesannya. Sedangkan ilmu ekonomi pula membuat kajian mengenai tindakan lahiriah setiap individu ketika berusaha mentadbir dan menguruskan keadaan hidupnya. Manakala sejarah ekonomi pula menumpukan kajiannya kepada peristiwa yang timbul dan mempunyai kaitan dengan kemampuan manusia mengolah sumber-sumber alam; contohnya hasil penemuan serta ciptaan baru. Sejarah ekonomi juga mengkaji kesan aktiviti manusia dalam bidang pengeluaran, pengagihan serta kaitannya dengan perkembangan individu dan masyarakat. Contohnya, daripada keadaan kaya kepada keadaan miskin. Ia juga dapat mengesan pergerakan modal antara pelbagai peringkat anggota masyarakat dan bangsa, serta akibat yang timbul daripada keadaan itu seperti berlakunya pergeseran antara pelbagai sektor tertentu (seperti antara pihak majikan dengan pihak kesatuan sekerja), ataupun perselisihan yang lebih besar kepada masyarakat. Contohnya, persaingan kasta, ataupun peperangan yang tercetus antara kaum secara umumnya.

Perkembangan peristiwa ekonomi (sebagai peristiwa yang berbentuk kebendaan) kebiasaannya diiringi dengan perkembangan fikiran dan teori. Sebahagian pakar ekonomi berpendapat bahawa peristiwa-peristiwa ekonomi itu biasanya berlaku mengikut perkembangan fikiran, iaitu daripada sudut hubungan serta kaitannya dengan pengeluaran dan pengagihan harta kekayaan. Manakala sebahagian mereka pula mengatakan bahawa pemikiran ekonomilah yang biasanya terpengaruh dengan peristiwa-peristiwa baru. Oleh itu, ia turut berkembang bersama peristiwa tersebut walaupun terdapat sedikit perselisihan pendapat. Namun yang jelasnya ialah peristiwa-peristiwa ekonomi itu merupakan peristiwa yang bercorak kebendaan, manakala teori ekonomi pula ialah kumpulan teori serta fahaman yang mempengaruhi tindakan manusia terhadap kekayaan dan harta.

Oleh itu, hubungan antara teori-teori atau fahaman-fahaman dengan peristiwa yang bercorak kebendaan daripada satu pihak yang lain merupakan hubungan yang berkekalan, terus-menerus dan layak dikategorikan dalam satu bidang pengetahuan yang dikenali sebagai Sejarah Ekonomi.

Perkara 9 - Kajian Ekonomi Berpandukan Al-Qur'an

Daripada huraian yang lalu nyatalah bahawa kajian ekonomi merupakan beberapa cabang daripada pelbagai bentuk pengetahuan dengan pengeluaran, pengagihan harta serta segala sesuatu yang berkaitan dengannya. Oleh itu, adakah wujud hubungan atau kaitan antara al-Qur'an (sebagai satu-satunya kitab suci yang utuh dan tidak terlibat dengan sebarang pindaan dan pengubahsuaian) dengan pelbagai bentuk pengetahuan yang begitu kompleks dan sentiasa berkembang ini, yang boleh dikaitkan antara hukum serta panduan al-Qur'an dengan kajian ekonomi?

Al-Qur'an ialah Kitab Suci yang pertama menyeru ke arah mencari bukti dan dalil dengan berdasarkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, hukum agama Islam tidak berasaskan kepada kaedah *qiyas* semata-mata seperti dakwaan oleh sesetengah penulis (antara mereka ialah Burtrand Russel dalam bukunya *Teori Ilmiah*). Oleh demikian, penelitian ilmiah itu adalah satu cara yang diperakui dalam kajian. Tiada siapa pun yang berhak diberi sanjungan dalam hal ini kerana sanjungan sebenarnya menjadi hak al-Qur'an.

Perkembangan pesat yang dicapai dalam pelbagai ilmu pengetahuan dalam dua abad yang terakhir ini telah memberikan sumbangan besar dalam meningkatkan taraf kemewahan dan kemajuan ekonomi kepada sebahagian golongan manusia.

Kemajuan ini berkembang pesat dalam beberapa sektor seperti sektor kimia dan ilmu matematik serta cara mengamalkannya. Namun demikian, terdapat satu lagi sektor penting yang masih belum mencapai kemajuan, iaitu ilmu ekonomi. Ini kerana, ia hanya maju dalam memperkenalkan teori pengeluaran tetapi masih terus menghadapi kesukaran dalam usaha memperkenalkan suatu teori yang adil mengenai pengagihan kekayaan.

Ilmu ekonomi merupakan suatu ilmu yang padu dan tidak boleh dipecah-pecahkan kerana matlamatnya untuk memberi kemewahan dan keselesaan kepada seluruh umat manusia. Para pakar ekonomi mengaku dengan berterus terang bahawa mereka belum mampu mencapai matlamat ilmu ini walaupun ilmu ini merupakan ilmu yang telah wujud sejak 2500 tahun dahulu. Sepatutnya ilmu ini telah maju bersama-sama arus kemajuan yang telah melonjak bersama-sama arus revolusi perindustrian sejak 200 tahun yang lalu. Malangnya, tiada satu kemajuan yang mampu dicapai dan dilakukannya kerana masalah ekonomi semakin rumit serta sukar diatasi walaupun pelbagai usaha dilakukan secara aman (seperti perundingan antara golongan buruh dengan majikan) dan beberapa peristiwa revolusi (seperti Revolusi Perancis dan Revolusi Sosialis), juga beberapa siri peperangan dunia.

Dalam warisan Islam banyak perbendaharaan dan bahan-bahan berharga yang boleh didapati oleh penyelidik dalam bidang ekonomi. Dengan demikian adalah tidak benar mengatakan bahawa para pemikir dan ulama Islam pada zaman dahulu tidak mengetahui ataupun sengaja tidak memberikan perhatian kepada ekonomi.

Namun demikian hakikat ini disembunyi daripada pengetahuan umum pada zaman kini oleh beberapa sebab tertentu. Dalam kajian ini hanya sebab-sebab terpenting sahaja yang akan dikemukakan.

Teori ekonomi merupakan suatu fahaman yang menyeluruh berasaskan dua unsur utama iaitu pendapatan dan pengagihan. Setiap satunya mempunyai pandangan tersendiri serta turut melengkapkan yang satu lagi.

Pakar-pakar ekonomi juga berpendapat bahawa wang mempunyai teori tersendiri yang dipandang sebagai teori yang ketiga, iaitu teori mengenai "harga". Sekiranya benar teori mengenai wang ini memberikan bahan yang berfaedah kepada setiap pengkaji ekonomi, dan bahan ini sesuai dengan teori yang berasaskan ilmu; oleh itu teori itu tidak terpisah daripada intisari sebenar ilmu ekonomi iaitu, pendapatan dan pengagihan.

Oleh sebab itu, boleh dikatakan bahawa memang wujud tiga teori yang saling melengkapi, iaitu teori pertama mengenai pendapatan, teori kedua mengenai pengagihan dan teori ketiga mengenai wang. Hasil gabungan ketiga-tiga teori ini, akan terbentuk teori ekonomi.

Jadi persoalan yang dihadapi sekarang ialah: Adakah al-Qur'an mempunyai unsur-unsur yang saling melengkapi untuk memberikan suatu bahan pemikiran ilmiah yang merupakan suatu teori yang sesuai dengan aktiviti perekonomian dalam bidang pengeluaran, pengagihan dan dalam bidang Ekonomi Kewangan? Ataupun adakah al-Qur'an telah mengemukakan contoh-contoh yang bercorak pengajaran dan panduan seperti yang terdapat dalam kitab-kitab Samawi yang terdahulu daripadanya?

Sememangnya terdapat perbezaan yang asas di antara nas al-Qur'an dan hukum-hakam yang disimpulkan daripada pengajarannya berbanding dengan kaedah-kaedah yang diterima oleh manusia sepanjang zaman. Kesimpulannya bahawa hukum-hakam yang diambil daripada al-Qur'an itu satu-satunya yang bebas daripada runtunan nafsu dan suci bersih daripada kepentingan individu atau kumpulan yang melibatkan kerugian golongan lain, dan juga terus-menerus bersifat utuh dan sesuai dengan setiap zaman dan suasana. Manakala kaedah-kaedah yang dilakukan oleh manusia itu merupakan kesan dan pengaruh daripada peristiwa-peristiwa tertentu yang terus berlaku hingga ke suatu zaman tertentu pula.

Oleh sebab masalah ini penting, eloklah dipanjangkan penjelasan mengenainya. Sememangnya sesuatu bangsa tertentu (katakanlah bangsa Inggeris) mempunyai pandangan tersendiri mengenai masalah hak milik pengeluaran bagi setiap zaman yang telah mereka lalui, seperti zaman feudal dan zaman perusahaan kecil. Selepas revolusi perindustrian dalam tempoh dua abad terakhir ini keadaan masih seperti dahulu juga.

Apa yang perlu kita bincangkan ialah adakah pandangan yang tidak berubah sejak dulu ini tidak bertentangan dengan arus perkembangan kemajuan. Inilah masalah yang perlu kita perhatikan kerana ia sangat penting.

Manakala pendapat yang dapat dirumuskan daripada kajian secara ilmiah boleh disimpulkan secara ringkas seperti berikut:

"Sesungguhnya al-Qur'an telah membawa kepada kita beberapa kaedah yang dapat memberikan kesimpulan tentang suatu teori yang jelas mengenai beberapa masalah pengeluaran dan pengagihan dalam bentuk yang paling maju dan ideal. Antaranya ialah teori kewangan. Al-Qur'an telah pun menge-

mukakan penyelesaian kepada masalah ekonomi dengan memberikan tumpuan kepada masalah mencegah masyarakat daripada menghadapi kerumitan pelbagai masalah. Oleh yang demikian ia menempatkan masalah ini dalam lingkungan yang paling sempit, seperti ia berusaha menyelesaikan penyelewengan yang jika dibiarkan akan menjadi bertambah banyak dan semakin sukar diselesaikan dan malah boleh menjadi sumber yang mengancam kesejahteraan masyarakat daripada sudut aktiviti perekonomian yang berbentuk pengeluaran dan pengagihan kekayaan. Dalam hal ini al-Qur'an tidak mengikut suatu kaedah yang wujud sebelumnya sama ada dalam kitab suci ataupun hasil karya para pemikir. Kaedahnya juga tidak sama dengan pelbagai bentuk hasil pemikiran semasa. Adapun kaedah-kaedah yang dilakukan oleh para Imam dan pejuang terkemuka Muslimin adalah fahaman yang berdasarkan al-Qur'an. Dengan demikian ia akan dapat dicapai dalam rangkanya yang umum seperti huraian terperinci mengenai hukum zakat yang tidak menyentuh kedudukannya sebagai suatu kewajipan yang mesti ditunaikan dan tidak menutup sesuatu pengaruh ekonomi walaupun mazhab dan aliran fikirannya berbeza. Ini kerana hukum masalah zakat adalah suatu persoalan yang penting dalam menggerakkan ekonomi, tetapi ia masih belum diterokai oleh para *fuqaha*. Begitu juga setiap kaedah dan panduan yang dibawa oleh al-Qur'an untuk mengatur perjalanan dan tindakan setiap individu dan masyarakat dalam mengeluar dan mengagihkan harta kekayaan dalam bentuk yang lengkap (*syumul*) yang merangkumi soal penggunaan, tabungan, pelaburan dan pemilikan. Kitab suci al-Qur'an tidak membiarkan suatu masalah yang sering dipertikaikan oleh umat manusia dalam mengendalikan masalah ekonomi tersebut".

Oleh yang demikian apa jua yang diterima sebagai takrif ilmu ekonomi, maka ia mestilah merangkumi unsur-unsur berikut:

(a) Mengkaji tindakan setiap individu dalam urusan mengatur dan mentadbir kehidupannya.

(b) Penggunaan secara alternatif bahan-bahan yang ada, yang mempunyai kekurangan secara berbanding.

(c) Persoalan-persoalan mengenai harta kekayaan dalam berbagai-bagai peringkat penggunaan, pengagihan dan penentuan peranannya.

d) Akhirnya menentukan sama ada memberikan hak milik alat-alat pengeluaran ataupun tidak kepada individu ataupun sektor swasta dalam sesetengah negara.

Di sebalik unsur-unsur yang telah disebutkan di atas, terdapat pula peranan "pendorong" yang menggerakkan setiap manusia untuk mengambil sesuatu tindakan tertentu dalam mengurus kehidupannya ataupun dalam usaha mencari rezeki. Pendorong inilah yang menyebabkan manusia berusaha

mencari barangan segera dengan menggunakan sumber yang sebaik-baiknya, ataupun untuk mencari keselamatan secara menyimpan dan mengembangkan simpanan itu.

Oleh yang demikian, masalah utama yang kita hadapi sekarang ini ialah masalah yang berkaitan dengan "pendorong". Ia merupakan masalah utama dalam persoalan ekonomi.

Perkara 10 - Keperluan dan Dorongan

Pakar-pakar ilmu jiwa telah memberikan perhatian mengenai masalah ini dan telah pun bercakap mengenai "pendorong", "pendesak" dan "keinginan" sama seperti ilmu bahasa yang mempunyai perbendaharaan kata tersendiri seperti penggerak rasa, kecenderungan, keinginan, tujuan, haluan, niat, kehendak, keazaman, sasaran dan simpati.

Di antara perkataan-perkataan di atas ada yang mempunyai pengertian yang hampir sama dan ada juga perkataan-perkataan yang mempunyai perbezaan yang jelas. Contohnya, ahli-ahli ekonomi mengatakan bahawa "keinginan" itu berkaitan dengan perasaan manusia untuk mencapai sesuatu benda yang di luar kemampuan untuk membayar harganya. Oleh itu, "keinginan" itu belum sampai ke peringkat "desakan". Oleh sebab itulah "dorongan" itu perlu wujud dalam setiap "keinginan" dan "desakan" itu. Namun demikian perselisihan fikiran terus berlaku di kalangan para penulis dalam memberi pemahaman khusus terhadap perkataan-perkataan ini.

Sebagai contohnya mereka sering mengatakan: "Bahawa dorongan itu adalah suatu keadaan sementara yang timbul kerana ketegangan jiwa atau tubuh badan, yang mempengaruhi tindakan lahir individu sehingga hilang keadaan seperti itu ...". Mereka juga mengatakan bahawa: "Dorongan itu ialah keadaan fikiran atau gerakan lahir yang menyebabkan individu itu bertindak dalam keadaan dia tidak berupaya menghindarkan dirinya daripada melakukan perbuatan itu sehingga keadaan itu hilang".

Sebagai contohnya seseorang yang lapar akan bangun daripada tidurnya ataupun dari tempat duduknya untuk mencari makanan. Dia tidak akan kembali tenang kecuali sesudah perasaan lapar itu hilang, iaitu perasaan sementara yang menyebabkannya bergerak serta-merta.

Demikian juga seseorang yang merasa sakit akan menghadapi kesusahan dan serba salah dalam tindakannya. Dia mungkin mengambil langkah tertentu seperti pergi berjumpa atau memanggil doktor dan tidak akan berdiam diri sehingga rasa sakitnya hilang.

Terdapat sebilangan pakar ilmu jiwa yang berpendapat bahawa keperluan itu lahir daripada dorongan. Manakala sebilangan pakar jiwa yang lain pula mengatakan bahawa hajat atau keperluan itulah yang asalnya. Mereka memberi takrif bahawa hajat atau keperluan itu merupakan suatu keadaan yang berpunca daripada kekecewaan kerana tidak memperolehi sesuatu keperluan ataupun oleh suatu penyakit jiwa (krisis atau kebuntuan perasaan) yang dirasakan oleh seseorang yang terhalang daripada memperolehi atau me-

menuhi kehendak dorongannya itu. Manakala sebahagian pakar ilmu jiwa yang lain berpendapat bahawa perkataan "keperluan" itu mempunyai pengertian yang sama dengan dorongan. Mereka mentakrifkannya sebagai suatu kekurangan yang minta dipenuhi ataupun suatu tekanan yang memerlukan penyelesaian.

Apa pun tahap pendapat para ahli itu; ia memberikan pengertian kepada kita bahawa tindakan yang bercorak ekonomi oleh manusia adalah digerakkan oleh beberapa dorongan atau keperluan dengan pengertian bahawa kalaulah tiada dorongan dan keperluan-keperluan itu, maka setiap orang tidak akan berusaha mencari rezekinya. Sekiranya bukan kerana dorongan atau keperluan sudah tentu pekerja tidak akan berbalah dengan majikannya dan pemberi sewa rumah atau tanah tidak akan berselisih faham dengan penyewanya. Begitu juga pemungut cukai tidak sanggup bertengkar dengan pemilik wang dan seterusnya.

Sekiranya bukan kerana dorongan atau keperluan-keperluan itu dan bukan kerana kaitan manusia dalam usaha memenuhi dorongan dan menunaikan keperluan serta hajatnya itu, dan kerana sikap tidak mampu manusia untuk mengawal dirinya daripada desakan keperluan-keperluan itu walaupun ia bertentangan dengan keadilan, dan memanglah kalau dorongan-dorongan itu dan juga desakan jiwa yang tidak mendapat bimbingan agama yang benar, maka sudah tentulah orang yang berkuasa tidak sanggup bersikap kejam dan tidak akan berlakulah pembunuhan ke atas orang yang tidak berdosa serta mencabul hak-hak rakyat dan bangsa yang lemah. Oleh sebab itulah perkelahian dan peperangan untuk memenuhi dorongan ataupun keperluan menjadi sebab berlakunya tindakan yang bercorak ekonomi ataupun usaha untuk mengurus dan mentadbirkan kehidupan. Al-Qur'an telah memberikan perakuan sejak mula lagi mengenai keperluan-keperluan asasi yang mengandungi bentuk dan corak ekonomi. Ia dikemukakan dalam bentuk yang ringkas dan terbatas dan dalam membuat perakuan mengenai masalah perekonomian yang bersifat menyeluruh itu, ia juga telah menggabungkan antara sikap teliti yang lengkap dengan ciri-ciri yang dapat membezakan manusia dengan makhluk lain.

Sesungguhnya al-Qur'an telah pun mengemukakan keperluan-keperluan asas itu. Firman Allah S.W.T.:

فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾ إِنَّ لَكَ
أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾

سورة طه ٢٠ : اية ١١٥ ، ١١٨ ، ١١٩

Terjemahan: *Maka Kami berfirman: Wahai Adam, sesungguhnya Iblis ini musuh bagimu dan bagi isterimu; oleh itu janganlah ia menyebabkan kamu berdua keluar dari syurga, kerana dengan yang demikian engkau (dan isterimu) akan menderita. Sesungguhnya telah dikurniakan berbagai-bagai nikmat kepadamu, bahawa engkau tidak akan lapar di dalam syurga itu dan tidak akan bertelanjang. Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam syurga itu, dan tidak akan merasa panas matahari.*

(Surah Tāhā 20:117 – 119)

Oleh yang demikian keperluan-keperluan asasi itu ialah:

(a) Berusaha untuk mentadbirkan urusan penghidupan itu adalah punca utama yang dilakukan oleh setiap individu untuk mencari rezeki, ataupun yang dikenali sebagai pendapatan. Daripada pendapatan inilah individu itu berbelanja untuk memenuhi keperluannya. Daripada pendapatan ini juga, seseorang itu menyimpan yang kemudiannya memperolehi modal-modal persendirian dan negara. Oleh itu, bekerja adalah tindakan semula jadi manusia untuk memperoleh rezeki dan kekayaan. Manusia juga hendaklah sabar menanggung penderitaan. Dia juga boleh menaruh rasa tamak dalam menjayakan usahanya oleh sebab-sebab yang tidak mampu dilakukannya kerana iradah Allah jualah yang menentukan segalanya. Ketentuan itu hendaklah mereka terima tanpa sebarang keraguan. Walau bagaimanapun, kita sengaja skopkan perbincangan hanya mengenai usaha setiap individu untuk mencari makanan sebagai tindakan lahiriah yang berpunca daripada beberapa dorongan jiwa.

(b) Pada asalnya berusaha dan bekerja untuk mendapatkan sumber penghidupan merupakan satu tugas dan kewajipan lelaki, bukannya kewajipan perempuan. Ini kerana perempuan mempunyai tugas dan kewajipan lain yang sesuai dengan kemampuan fizikalnya. Ini bukanlah bermakna bahawa nas al-Qur'an itu memberi pengertian bahawa orang perempuan dilarang bekerja mencari nafkah. Tetapi maksud yang sebenar, adalah menjadi dasar orang lelaki mestilah berusaha bersungguh-sungguh dan membanting tulang secara berterusan untuk mengurus dan mentadbir urusan penghidupan dirinya sendiri serta kaum keluarganya. Seperti yang dikatakan oleh al-Zamakhsyari, yang bermaksud: "Bekerja itu menjadi tanggungan yang terletak di atas pundak setiap lelaki".

Dorongan tindakan yang bercorak ekonomi ialah asas dalam pengeluaran dan pengagihan. Al-Qur'an sahajalah satu-satunya Kitab Suci yang menyatakan dorongan secara terperinci yang saya kira masih belum dikaji penyelesaiannya hingga kini. Tetapi tiada suatu pun perbandingan yang pernah dibuat oleh para penyelidik di antara nas-nas al-Qur'an dengan hasil ijtihad para pakar pada zaman moden ini kecuali semuanya mendedahkan tentang betapa kerdilnya usaha manusia.

Di samping itu, perlulah dibezakan antara keperluan-keperluan asasi dengan yang tidak asasi. Dan kita akan mulai dengan pengenalan ringkas keperluan asasi supaya kita dapat melihat betapa ia telah pun dikemukakan oleh al-Qur'an. Dan apakah fahaman-fahaman yang diterangkan oleh al-Qur'an dalam memperkenalkan teknik dan taktik ataupun untuk menyatakan cara bagaimana sambutan masyarakat kepada dorongan yang mula-mula sekali dan juga kepada apa jua pecahannya. Penjelasannya adalah seperti berikut:

(a) Al-Qur'an telah memperakui bahawa Nabi Adam a.s. telah pun mengetahui bahawa dia akan menghadapi kesusahan sekiranya dia dikeluarkan dari syurga, iaitu kesusahan dalam menghadapi empat perkara. Walau apapun bentuk sejarah yang telah ditempuh oleh Nabi Adam a.s., namun keempat-empat perkara inilah yang menjadi pendorong kepada kita (pada hari ini dan juga esok) untuk dengan begitu malas meninggalkan tempat tidur dan keluar bekerja. Serta keluar ke pasar untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan yang dapat kita berikan demi mendapatkan wang ataupun menukarkan wang dengan barangan keperluan. Semua ini dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan ini. Setiap pengkaji begitu mudah sekali membuat kajian mengenai keadaan hidupnya sendiri dan juga keluarganya meskipun dia bukan seorang pakar, untuk melihat apakah keperluan-keperluan asasi yang menyebabkan dia bersusah payah untuk mencapainya serta menyebabkan dia menanggung kesusahan dan penderitaan untuk memperolehinya, adalah juga keperluan-keperluan yang telah disebutkan oleh nas al-Qur'an. Atau apakah masih banyak keperluan asasi lain yang setaraf dengan yang disebutkan itu iaitu dari sudut pengaruh desakannya kepada jiwa umat manusia?

(b) Al-Qur'an telah mengangkat taraf hubungan seks lelaki dengan perempuan ke taraf yang lebih tinggi dan mulia daripada yang dianggap oleh Maslau dan Prof. Malinuski iaitu sebagai satu keperluan asasi ke satu taraf yang tinggi daripada keperluan asasi yang lain. Firman Allah dalam Surah *'al-Rum'*:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

سورة الروم ٣٠ : اية ٢١

Terjemahan: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya, bahawa Dia telah mencipta untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.*

(Surah al-Rūm 30:21)

Dan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

سورة النساء ٤ : اية ١

Terjemahan: *Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa), dan juga membiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang selalu kamu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.*

(Surah al-Nisā' 4:1)

Perlu diperhatikan bahawa antara sekian ramai penulis yang telah kita baca hasil karya mereka sejak dahulu hingga sekarang, tiada seorang pun yang membuat liputan mengenai hubungan antara lelaki dengan perempuan tentang sesuatu yang berbentuk kemanusiaan seperti yang telah ditegaskan oleh al-Qur'an, ketika al-Qur'an memberikan sifat hubungan antara lelaki dengan perempuan yang berlaku atas dorongan kasih sayang. Juga, atas rasa ingin mendapatkan ketenangan, ketenteraman dan kasih sayang. Inilah desakan iman di dalam jiwa yang terus wujud pada diri manusia yang sama sekali bukan didorong oleh motif tindakan ekonomi. Tambahan pula, al-Qur'an telah memberi penegasan bahawa perkahwinan merupakan suatu kaedah dan ketetapan azali ataupun sistem Ilahi yang bertujuan untuk kemajuan dan pembangunan dunia ini. Ini dibuktikan oleh firman Allah S.W.T. dalam permulaan Surah *al-Nisa'*:

. . . وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً . . .

سورة النساء ٤ : اية ١

Terjemahan: *Dan juga Dia membiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan lelaki perempuan yang ramai.*

(Surah al-Nisā' 4:1)

Di sini dapat diperhatikan bahawa kemakmuran dunia ini tegak atas dua asas, iaitu:

(i) Perasaan kasih sayang, ketenteraman dan simpati yang mengikat pasangan suami dengan isteri dan dapat mengukuhkan ikatan kekeluargaan.

(ii) Dorongan kejiwaan (atau keperluan) yang menyebabkan orang lelaki sanggup menempuh kesusahan dalam mencari rezeki.

(c) Al-Qur'an tidak mengabaikan "keperluan-keperluan sampingan" dan juga "keperluan-keperluan ilmu" atau "kemasyarakatan". Malah Islam telah mengaturnya dengan sebaik-baiknya supaya kedua-duanya dapat melahirkan perkara-perkara yang sesuai dengan suasana dan taraf yang mampu dicapai oleh perkembangan tamadun dan

ditambah lagi dengan satu peraturan iaitu memperhambakan diri kepada Tuhan Pencipta (ataupun boleh juga dikatakan sebagai sistem ibadah, peraturan dan kaedahnya) sebagai sumber penting yang dapat mencetuskan dorongan yang berbentuk kejiwaan ataupun keperluan sampingan kepada beberapa keperluan asasi yang pelbagai macam dan juga keperluan masyarakat.

FASAL DUA: MASALAH ASAS EKONOMI

Perkara 11 - Masalah Asas Ekonomi Tradisional

Masalah ekonomi wujud disebabkan oleh kekurangan sumber-sumber yang dapat memenuhi keperluan yang tidak terbatas. Oleh yang demikian setiap masyarakat akan berusaha mencari penyelesaian yang sesuai bagi memenuhi keperluan itu. Justeru itu berlakulah perbezaan penyelesaian antara pelbagai sistem iaitu Sistem Ekonomi Kolektif, Sistem Ekonomi Kapitalis dan Sistem Ekonomi Kawalan Pusat.

Masalah Ekonomi dan Perbezaan Tanggapan Mengenai Kepentingan Keperluan

Masalah ekonomi dapat dilihat dengan jelas apabila kita menghadapi keperluan yang tidak terbatas dan perbezaan tanggapan individu mengenai kepentingan keperluan kerana kekurangan bahan untuk memenuhinya serta kesesuaian bahan-bahan itu dalam penggunaan sebagai ganti. Ini bererti bahawa masalah ini mempunyai empat dimensi:

1. Keperluan yang Tidak Terbatas

Hal ini berkaitan dengan gelagat semula jadi manusia yang tidak merasa cukup dengan benda yang sedikit. Oleh yang demikian, setiap kali dia mampu memenuhi sesuatu keperluan maka dia akan terus melihat satu keperluan lain yang baru dan berusaha pula untuk memenuhi keperluan itu. Oleh sebab itulah dalam masyarakat yang miskin, jumlah keperluannya sedikit sekali dan sangat terbatas kerana sumber-sumber yang ada hanya mampu memenuhi keperluan-keperluan yang penting sahaja. Sebaliknya, dalam masyarakat yang kaya dan maju keperluannya begitu banyak sekali dan bertambah-tambah. Keperluan-keperluan itu terus bertambah melalui pertambahan keperluan fizikal terhadap keperluan-keperluan tambahan. Contohnya, keperluan kepada makanan bertambah menjadi begitu banyak sekali seperti berikut:

Iaitu keperluan pelbagai jenis daging yang bermutu dan sayur-sayuran segar yang dihidangkan dalam pelbagai bentuk serta buah-buahan dan pelbagai jenis kuih-muih. Demikian juga daripada segi barangan keperluan seperti pakaian serta tempat kediaman dan lain-lain lagi.

Keperluan-keperluan tersebut semakin bertambah disebabkan oleh:

(a) Kemajuan tamadun dan semakin mendalamnya fahaman dalam bidang sains dan amalan teknologi kerana ingin mencapai taraf hidup yang lebih selesa dan juga ingin mendapatkan hasil ciptaan baru. Semua ini mengakibatkan kepada pembikinan bahan-bahan baru yang ditawarkan dengan cara yang menarik sekali dalam pasaran. Di samping itu sudah tentu para pengeluar barangan akan menggunakan pelbagai iklan dan propaganda untuk melariskan barangan itu. Dengan demikian minat dan perhatian anggota masyarakat akan semakin bertambah.

(b) Bertambah ramainya penduduk. Pertambahan penduduk berlaku begitu pesat di sebahagian besar negara di dunia ini. Nisbah penduduk dunia ialah 1150 juta dalam tahun 1860 tetapi 100 tahun kemudian (yakni dalam tahun 1960) jumlah penduduk dunia telah meningkat kepada 3000 juta orang.

Pertambahan ini merupakan suatu kejutan besar dalam perimbangan jumlah penduduk, kerana jumlah penduduk dunia sebelum ini tidak mencapai angka 1000 juta orang melainkan sesudah berlalu beribu tahun. Kemudiannya jumlah itu bertambah sekali gus daripada 1000 juta orang kepada 3000 juta orang dalam tempoh seratus tahun.

Bertambahnya jumlah penduduk dalam angka yang begitu besar telah menyebabkan bertambah rumitnya masalah ekonomi, kerana ia akan menyebabkan bertambahnya keperluan kepada bahan-bahan makanan dan barangan keperluan, terutama sekali di negara-negara yang sedang membangun yang kadar pertambahan jumlah penduduknya berlaku secara purata di antara 2.5 peratus hingga tiga peratus setahun.

Perubahan mengejut dalam kadar pertambahan penduduk negara-negara yang sedang membangun ini disebabkan oleh berlakunya kadar kematian yang semakin rendah iaitu daripada 40 peratus kepada 20 peratus ekoran daripada kemajuan yang telah dicapai di seluruh dunia dalam usaha mencegah merebaknya penyakit-penyakit dan juga wabak penyakit berjangkit. Di sebaliknya, kadar kelahiran terus-menerus bertambah tinggi daripada kadar sebelum itu dan meningkat ke paras 45 peratus menjadikan kadar purata pertambahan penduduk setiap tahun meningkat daripada $\frac{1}{2}$ kepada $2\frac{1}{2}$ peratus dan lebih. Ketika pertambahan penduduk berlaku secara sederhana, keadaan masih selaras dengan persediaan bekalan bahan makanan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan sekarang kadar itu sudah tidak terkawal dan tidak seimbang lagi di kebanyakan negara-negara yang sedang membangun.

2. Perbezaan Kecenderungan dan Citarasa Di Antara Individu

Memang tidak dinafikan lagi bahawa keperluan itu tidaklah sama daripada sudut kepentingan kerana terdapat banyak keperluan yang wajib dipenuhi

sebelum dipenuhi keperluan yang lain. Selain itu, terdapat banyak lagi keperluan yang kurang penting, namun ia mempunyai peranan yang besar selepas keperluan yang pertama dipenuhi. Di samping itu, ukuran mengenai betapa pentingnya keperluan ini adalah berbeza mengikut suasana dan tanggapan setiap individu.

Memang terdapat perbezaan yang begitu ketara di antara individu dalam masalah ini. Alasannya bahawa keperluan yang dipandang sangat penting bagi sesetengah kalangan, dianggap kurang penting atau remeh-temeh oleh orang lain.

3. Kekurangan Bahan untuk Memenuhi Keperluan

Barangan, perkhidmatan, bahan makanan, pakaian, tempat kediaman, alat-alat perhubungan, perkhidmatan doktor, jurutera, jurukira dan ahli seni (seniman) kesemua barangan ini dianggap sedikit dan tidak mencukupi kerana ia kebiasaannya tidak boleh didapati dalam bentuk yang menyebabkan ia sesuai digunakan, kecuali dalam jumlah yang amat sedikit. Ini kerana sebahagian besar benda-benda yang boleh memenuhi keperluan kita adalah berpunca daripada proses pengeluaran yang bergantung kepada penggunaan tenaga kerja untuk mengangkut dan memproses bahan-bahan semula jadi yang akan dimanfaatkan bagi tujuan memenuhi keperluan. Pada kebiasaannya bumi tidak sesuai digunakan untuk usaha pertanian kecuali sesudah disesuaikan mengikut kaedah-kaedah pertanian dan pengairan di samping sistem perparitan dan gedung-gedung tempat menyimpan pengeluaran yang dilengkapi dengan berbagai-bagai teknik. Begitu juga bahan galian yang digali daripada perut bumi, tidak sesuai digunakan dalam bentuknya yang asli, malah hendaklah diproses terlebih dahulu mengikut kaedah sains yang ilmiah sehingga ia berubah bentuknya menjadi ketulan dan alat-alat yang boleh digunakan. Begitu juga halnya mengenai sumber-sumber tenaga yang terdapat dalam alam semula jadi.

Manakala yang dimaksudkan dengan *perkhidmatan* itu ialah pekerjaan yang dilakukan oleh individu, biasanya sesudah memperoleh pengalaman, kemahiran dan kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu yang memerlukan waktu untuk belajar serta berlatih dan kadang-kadang mengambil masa yang lama. Ini bererti bahawa usaha untuk memenuhi keperluan dan juga perkhidmatan biasanya memerlukan dua unsur penting yang kurang jumlahnya iaitu *kerja* dan *waktu* yang menyebabkan sumber itu dengan pastinya menjadi sedikit. Malah kadang-kadang ia bukanlah secara mutlaknya sedikit tetapi sedikit berbanding dengan jumlah keadaan yang memerlukannya. Dengan demikian maka bahan-bahan ekonomi itu dianggap kurang berdasarkan takrif yang telah diberikan sebelum ini, supaya ia tidak termasuk dalam bahan-bahan yang tidak diperlukan.

4. Bahan-bahan Keperluan yang Sesuai untuk Pelbagai Gantian

Tajuk di atas bermaksud bahawa sumber-sumber semula jadi tidak boleh dianggap mempunyai sifat tertentu dengan pengertian bahawa setiap jenis

sumber alam sesuai untuk kegunaan tertentu sahaja. Sebaliknya ia sesuai digunakan untuk lebih daripada satu penggunaan. Sebagai contohnya, tanah boleh digunakan untuk menanam gandum atau kapas atau ditukar menjadi kebun atau tapak tanaman sayur-sayuran, dan juga dapat digunakan untuk projek pembinaan rumah atau mendirikan padang permainan. Walau bagaimanapun apabila penggunaan tanah tersebut telah digunakan untuk sesuatu tujuan ini menyebabkan penggunaan yang lain tidak boleh dijalankan lagi.

Demikian juga besi, ia sesuai digunakan untuk membina jambatan, landasan keretapi dan juga digunakan untuk membuat kereta serta alat-alat kelengkapan perang dan lain-lain.

Memang tidak diragukan bahawa penggunaan terhadap besi untuk sesuatu tujuan dengan secara yang meluas kebiasaannya boleh menyebabkan terbatasnya penggunaannya untuk tujuan yang lain. Keadaan yang serupa ini juga boleh berlaku untuk bahan-bahan yang lain seperti kayu, simen dan tenaga jentera.

Terdapat beberapa bentuk pekerjaan yang khusus memerlukan kepakaran seperti tugas para doktor, jurutera serta para pengusaha kilang. Manakala sebahagian besar daripada tenaga kerja dipandang sebagai tenaga kerja yang tidak khusus.

Perkara 12 - Apakah Masalah Asas Ekonomi pada Dasarnya Merupakan Masalah Kekurangan?

Semua negara termasuk negara-negara yang maju masih menghadapi masalah kekurangan sumber dan bahan untuk memenuhi keperluannya yang tidak terbatas, khususnya dalam bidang perkhidmatan dan setiap individu itu masih tidak mampu mencapai semua yang diingini.

Memang mengikut tabiinya setiap manusia itu selalu sahaja mengingini perkara-perkara yang tidak mampu dicapainya, demikian pendapat Stegler.

Perkara 13 - Pendapat Stegler

Seandainya kita terima secara andaian bahawa semua keperluan yang ada dalam sesebuah masyarakat dapat dipenuhi , maka dalam keadaan seperti itu tidaklah berbangkit lagi sebarang masalah ekonomi dalam masyarakat ini dan semua sumber pengeluaran itu boleh didapati oleh semua orang sama seperti udara dan kepanasan matahari.

Namun demikian masalah sebenarnya bukanlah sekadar masalah kekurangan bahan sahaja tetapi juga masalah membuat pilihan.

Hal ini berpunca daripada dua sebab:

(a) Di antara satu keperluan dengan keperluan yang lain terdapat perbezaan daripada segi kepentingannya pada pandangan individu. Oleh yang demikian timbullah persaingan daripada segi kepentingan antara keperluan-keperluan itu untuk menentukan keperluan manakah yang dapat dipenuhi dan yang mana pula masih tidak dapat dipenuhi?

Persaingan tersebut sudah tentu bukanlah perkara mudah terutama untuk mengenal pasti akan perubahan citarasa seseorang.

(b) Sumber-sumber pengeluaran sesuai untuk beberapa penggunaan gantian. Dengan demikian pasti akan berlaku persaingan untuk mendapatkan keutamaan di antara penggunaan-penggunaan itu supaya keperluan dapat dipenuhi dengan cara yang efisien. Walau bagaimanapun selama mana keperluan yang perlu dipenuhi terlebih dahulu masih belum dikenal pasti selagi itulah sukar untuk membuat pemilihan tentang penggunaan yang paling sesuai bagi sumber-sumber ini.

Apabila masyarakat sampai ke peringkat mampu membuat pilihan yang tepat dalam menentukan keperluan-keperluan utama dan menentukan penggunaan yang perlu diberi keutamaan terhadap sumber-sumber yang ada, maka masyarakat itu juga mampu mengurangkan tekanan masalah kekurangan seberapa yang terdaya. Dengan demikian dapatlah dinyatakan bahawa untuk mengatasi masalah ekonomi yang bercorak sedemikian ia memerlukan jawapan yang tepat tentang hakikat bahan-bahan keperluan, perkhidmatan dan saiznya serta mengenal pasti sesuatu yang membawa kerugian dan pulangan, juga keadaan perkembangan dan pertumbuhan serta kuantitinya.

Perkara 14 - Masalah Ekonomi Menurut Pandangan Islam

Hakikat Masalah Ekonomi

Masalah ekonomi ialah masalah kemiskinan yang sentiasa wujud bersama-sama manusia di sepanjang sejarah. Namun manusia sendiri tidak dapat merasai tekanan kesusahan akibat kemiskinan itu kecuali secara beransur-ansur dengan cara bertambahnya keperluan yang hendak dicapainya mengikut kadar perkembangan dan kemajuan hidupnya. Oleh itu manusia pada zaman dahulu walaupun mempunyai sumber pendapatan yang sedikit tidak merasai kesusahan akibat tekanan kemiskinan kerana keperluannya yang begitu kecil dan juga kerana pengetahuannya yang sangat sempit.

Oleh itu masalah kemiskinan adalah suatu masalah yang relatif serta berbeza mengikut keadaan masa dan tempat. Memang tidak diragukan bahawa seseorang yang miskin pada zaman kini dipandang sebagai orang kaya pada zaman lampau. Demikian jugalah seorang yang sederhana taraf hidupnya di Mesir atau India dipandang sebagai seorang yang miskin berbanding dengan seorang yang sederhana taraf hidupnya di Amerika ataupun di Perancis.

Masalah kemiskinan telah sampai ke kemuncaknya secara perlahan-lahan pada zaman kita sekarang. Hal ini berlaku kerana kemudahan perhubungan di antara sesama manusia dan lahirnya ciptaan-ciptaan baru serta bertambahnya kesedaran sosial. Justeru itu petani di desa yang mempunyai taraf ekonomi yang tertutup tidak dapat merasakan kemiskinan hidupnya kecuali sesudah dia mengadakan hubungan dengan keadaan di bandar. Umpamanya masyarakat Yaman sebelum wujudnya hubungan terbukanya dengan dunia

luar, iaitu dalam era kehidupan secara terpencil daripada masyarakat dunia, mereka tidak dapat merasakan keadaan kemiskinan dan kemunduranya.

Masalah dan Hakikat Kemiskinan

Sebenarnya masalah kemiskinan bukanlah terletak pada keadaan tidak berpunya dan lapar atau kekurangan sumber pendapatan tetapi yang sebenarnya ia terletak kepada wujudnya perbezaan yang berlebihan dari segi kekayaan dan pendapatan sama ada di antara individu dengan individu lain di peringkat masyarakat setempat ataupun di antara negara dengan negara di peringkat antarabangsa. Dengan demikian maka kemiskinan itu bukanlah bererti tidak mampu langsung memenuhi secara mudah dan sederhana terhadap keperluan asasi, tetapi tidak seimbangnya kehidupan dengan taraf yang wujud dalam masyarakat itu. Seseorang atau sebuah negara yang miskin ialah seorang yang hidup dalam suatu taraf yang dipisahkan oleh jurang yang dalam dengan taraf kehidupan yang dihayati oleh masyarakat setempat atau antarabangsa.

Ini bermakna bahawa masalah ekonomi iaitu masalah kemiskinan bukanlah seperti yang digambarkan oleh pandangan tradisional yang menganggap bahawa kerana terlalu banyaknya keperluan dan kurangnya sumber-sumber pendapatan. Tetapi yang sebenarnya ialah masalah ketidakseimbangan pengagihan kekayaan dan pendapatan. Dengan perkataan lain adalah masalah umat manusia dan susunan ekonominya yang tidak betul, iaitu suatu masalah yang telah diperbetulkan oleh Islam sejak zaman pertamanya lagi.

Perkara 15 - Perhatian Berat Islam Terhadap Faktor Kebendaan dan Mental untuk Menyelesaikan Masalah Ekonomi

Manusia sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluannya. Keperluan-keperluan itu bukanlah bercorak kebendaan (ekonomi) semata-mata, malahan manusia mempunyai pelbagai keperluan lain yang berbentuk mental seperti yang bercorak keagamaan, kebudayaan atau hiburan.

Di samping itu, tidak diragukan bahawa pencapaian keperluan yang bercorak kebendaan itu menjelma dalam bahan makanan, pakaian dan tempat kediaman, iaitu sebagai keperluan asasi. Justeru itu ia merupakan masalah utama bagi setiap individu atau kumpulan terutama dalam masyarakat yang masih mundur dan majoriti rakyat dalam setiap masyarakat. Dengan demikian pentingnya faktor ekonomi itu tidak terlepas daripada setiap orang. Malah ia merupakan punca perebutan dan pertarungan antara individu dengan rakyat jelata, walaupun ia bukanlah merupakan faktor asas, kerana masih banyak lagi faktor yang lain.

Perkara 16 - Islam Sentiasa Memandang Berat dan Mengutamakan Faktor Kebendaan

Islam telah meletakkan faktor kebendaan dalam persoalan ekonomi di tempat yang penting dan hal ini dibuktikan oleh beberapa ayat berikut dalam Kitab Suci al-Qur'an.

Firman Allah:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ . . .

سورة الكهف ١٨ : اية ٤٦

Terjemahan: *Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia ... .*

(Surah al-Kahfi 18:46)

Firman Allah:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا . . .

سورة النساء ٤ : اية ٥

Terjemahan: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu ... .*

(Surah al-Nisā' 4:5)

Firman Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ قُلْ هِىَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٣٢

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal daripada rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada Hari Akhirat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui.*

(Surah al-A'rāf 7:32)

Manakala dalam rangkaian hadis pula terdapat sabda RasululLah s.a.w.

طلب كسب الحلال فريضة.

Terjemahan: *Berusaha mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan.*

طلب الحلال جهاد.

Terjemahan: *Mencari rezeki yang halal itu sejenis jihad.*

من فقه الرجل أن يصلح معيشته.

Terjemahan: *Di antara tanda bahawa seseorang itu faham (akan ajaran agamanya) ialah bahawa dia memperbaiki taraf hidupnya.*

Dan RasululLah s.a.w. selalu sahaja bermunajat mohon kepada Tuhannya dengan sabdanya:

اللهم أصلح لى دنياى التى فيها معاشى.

Terjemahan: *Wahai Tuhanku! Perbaikanlah urusan keduniaanku sebagai tempat aku meneruskan hidupku.*

Dan sabdanya:

خيركم من لم يترك آخرته لدنياه ولا دنياه لآخرته ولم يكن كلا على الناس.

Terjemahan: *Orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang tidak mahu meninggalkan urusan keakhiratannya hanya untuk memberikan tumpuan kepada urusan keduniaan sahaja dan juga tidak membiarkan urusan keduniaannya terbengkalai kerana mengerjakan urusan keakhiratan sahaja dan tidak menjadi beban kepada orang ramai.*

Perkara 17 - Islam Memandang Kemiskinan Setaraf dengan Kekufuran

RasululLah s.a.w. telah memohon perlindungan Allah daripada bahana kemiskinan; sabdanya:

كاد الفقر أن يكون كفرا.

Terjemahan: *Hampirlah kemiskinan itu menjadi kekufuran.*

Sabdanya:

اللهم إنى أعوذبك من الكفر والفقر.

Terjemahan: *Wahai Tuhanku! Aku mohon perlindungan-Mu daripada bencana kekufuran dan kemiskinan.*

Perkara 18 - Masalah Ekonomi Menurut Pandangan Islam Berbanding dengan Pandangan Kapitalisme dan Marxisme

Islam sangat berbeza pandangannya mengenai masalah ekonomi. Menurut pandangan kapitalisme, masalah ekonomi ialah masalah kekurangan sumber-sumber, iaitu alam ini sendiri tidak berupaya memenuhi permintaan dan keperluan-keperluan. Begitu juga Islam berbeza pandangan dengan pihak

marxisme yang telah memberi takrif bahawa masalah ekonomi sebagai masalah pertentangan di antara kuasa pengeluaran dengan sistem pengagihan. Maksudnya terdapat pelbagai bentuk kekuatan dalam bidang pengeluaran tetapi perkembangannya tidak sampai kepada matlamatnya dalam bentuk penyelarasan hubungan antara pengeluaran dengan sistem pengagihan.

Masalah ekonomi menurut pandangan Islam adalah masalah manusia yang berpunca daripada buruknya sistem ekonomi dan pengagihan kekayaan dan pendapatan. Ia merupakan masalah yang tiada kaitannya dengan alam atau teknik-teknik pengeluaran. Hal ini dapat difahami daripada maksud dan kandungan ayat suci Surah *'Ibrahim'*.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ
ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ
ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ
﴿٣٣﴾ وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ
ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

سورة ابراهيم ١٤ : اية ٣٢-٣٤

Terjemahan: *Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Dia memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat daripadanya). Dan Dia juga menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Dia telah memberi kepada kamu tiap-tiap apa yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu bukan pada tempatnya, dan tidak menghargai nikmat Tuhannya.*

(Surah Ibrāhīm 14:32 – 34)

Perkara 19 - Sikap Islam Terhadap Masalah Ekonomi

Menurut pandangan Islam masalah ekonomi bukanlah berpunca daripada kekurangan sumber alam yang kadang-kadang tidak mampu diterokai. Begitu juga tidak timbul hasil daripada berkurangnya kemampuan untuk mencapai matlamatnya yang mungkin juga menyebabkan berlaku keadaan sosial yang tidak adil di sepanjang rentetan sejarah. Menurut pandangan Islam masalah itu berpunca daripada kezaliman umat manusia sendiri yang bersikap tidak adil dalam pengagihan kekayaan (harta), serta tidak menghargai nikmat Allah dan cuai dalam menerokai alam serta sikap negatifnya terhadap nikmat itu ataupun tidak mampu menggunakan semua sumber yang telah dikurniakan oleh Allah kepadanya dengan cara yang efisien.

Islam telah pun menyelesaikan masalah sikap tidak menghargai nikmat

Allah melalui peraturan yang telah ditetapkannya dalam bidang pengeluaran dan pertukaran barangan. Islam juga dapat membasmi kezaliman melalui peraturan yang telah digariskan dalam bidang pengagihan dan penggunaan.

Berikut ini merupakan beberapa pendapat yang dianjurkan oleh Islam dalam bidang pengeluaran dan pengagihan:

Dari Sudut Penghasilan

1. Manusia ialah Khalifah Allah Di Bumi

Sejak empat belas abad yang lalu Islam telah memperakui bahawa manusia ialah Khalifah Allah di bumi-Nya ini.

Firman Allah:

. . . إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً . . .

سورة البقرة ٢ : اية ٣٠

Terjemahan: ... *Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di bumi* ... .

(Surah al-Baqarah 2:30)

Firman Allah:

. . . فَٱنتَشِرُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

سورة الجمعة ٦٢ : اية ١٠

Terjemahan: ... *Maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

(Surah al-Jumu'ah 62:10)

2. Pengeluaran dan Pekerjaan adalah Ibadat Menurut Islam

Dengan anggapan bahawa manusia ialah Khalifah Allah di bumi-Nya maka ajaran-ajaran Islam sentiasa memberi perangsang supaya manusia itu rajin bekerja dan berusaha menghasilkan barang-barang. Mengenai hal ini Allah berfirman:

. . . وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ . . .

سورة التوبة ٩ : اية ١٠٥

Terjemahan: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan*

segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Taubah 9:105)

Firman Allah:

. . . وَيَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ . . .

سوره الشورى ٤٢ : اية ٢٦

Terjemahan: *Dan Dia memperkenankan doa permohonan orang yang beriman serta beramal salih dan Dia menambahi mereka limpah kurnia-Nya (yang selain daripada yang mereka pohonkan) ... .*

(Surah al-Syūrā 42:26)

Yakni bahawa pekerjaan dan penambahan pengeluaran itu adalah suatu bentuk ibadat dalam pandangan Islam dan setiap individu yang bekerja adalah seorang yang dekat dengan Allah dan dikurniakan ganjaran pahala atas amal salih itu di dunia dan di akhirat kelak.

RasululLah s.a.w. bersabda:

لأن يمشي أحدكم مع أخيه في قضاء حاجته أفضل من أن يعتكف في مسجدي شهرين.

Terjemahan: *Bahawa berjalannya seseorang kamu bersama saudaranya dengan tujuan untuk menunaikan hajat saudaranya maka perbuatan itu lebih mulia di sisi Allah daripada dia duduk beri' tikaf dua bulan di dalam masjidku ini.*

Perkara 20 - Islam Sentiasa Menggalakkan Supaya Tekun Bekerja dan Meningkatkan Pengeluaran

Islam sentiasa menggalakkan supaya pekerjaan itu dilakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh, supaya dilipatgandakan penghasilan, dan Islam juga memandang bahawa perkara itu adalah suatu amanah dan tanggungjawab.

Firman Allah S.W.T.:

. . . وَلَتُسْـَٔلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

سورة النحل ١٦ : اية ٩٤

Terjemahan: ... *Dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang telah kamu kerjakan.*

(Surah al-Nahl 16:93)

Dan sabda Junjungan RasululLah s.a.w.:

إن الله يحب إذا عمل أحدكم عملا أن يتقنه.

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah suka kepada seseorang daripada kamu yang melakukan kerjanya dengan tekun dan bersungguh-sungguh.*

Firman Allah:

. . . فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

سورة الكهف ١٨ : اية ١١٠

Terjemahan: ... *Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadahnya kepada Tuhannya.*

(Surah al-Kahfi 18:110)

Firman Allah:

. . . أَنِّى لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ١٩٥

Terjemahan: ... *Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal daripada kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:195)

Firman Allah:

لِمِثْلِ هَٰذَا فَلْيَعْمَلِ ٱلْعَٰمِلُونَ ﴿٦١﴾

سورة الصافات ٣٧ : اية ٦١

Terjemahan: *Untuk memperoleh (kejayaan) yang seperti inilah hendaknya orang yang beramal itu melakukan amal usahanya dengan bersungguh-sungguh.*

(Surah al-Sāffāt 37:61)

Firman Allah:

وَلِكُلٍّ دَرَجَٰتٌ مِّمَّا عَمِلُوا۟ وَلِيُوَفِّيَهُمْ أَعْمَٰلَهُمْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٩﴾

سورة الأحقاف ٤٦ : اية ١٩

Terjemahan: *Dan bagi mereka masing-masing (daripada puak jin dan manusia yang berbuat baik dan yang berbuat jahat) disediakan berbagai peringkat (balasan) yang sesuai dengan apa yang mereka telah kerjakan, dan (ketetapan yang demikian ialah) supaya Allah menyempurnakan bagi mereka balasan amal-amal mereka, sedang mereka tidak dirugikan (sedikit pun).*

(Surah al-Aḥqāf 46:19)

Firman Allah:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿٧٤﴾

سورة الزمر ٣٩ : اية ٧٤

Terjemahan: *Serta mereka berkata: Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami, dan yang menjadikan kami mewarisi bumi syurga ini dengan sebebas-bebasnya, kami boleh mengambil tempat dari syurga ini di mana sahaja kami sukai; maka pemberian yang demikian ialah sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal.*

(Surah al-Zumar 39:74)

Perkara 21 - Masalah Kemiskinan dan Penyelesaiannya Menurut Islam

Islam memperakui bahawa orang yang mempunyai harta pada hakikatnya bukanlah menjadi pemilik sebenar harta berkenaan, walaupun harta yang mereka perolehi itu adalah hasil usaha mereka sendiri. Alasannya, sebenarnya mereka diberi milik secara pinjaman daripada pemilik-Nya yang asal.

Allah S.W.T. menegaskan:

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ الثَّرَىٰ ﴿٦﴾

سورة طه ٢٠ : اية ٦

Terjemahan: *Dialah jua yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya, dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi.*

(Surah Tāhā 20:6)

Manusia diberi kuasa untuk menguruskannya daripada sudut pentadbiran, penanaman modal dan pembangunan. Tujuannya untuk melaksanakan "keseimbangan yang sihat" di kalangan individu dalam masyarakat. Justeru itulah Islam telah menetapkan beberapa peraturan bahawa setiap orang yang memiliki harta mengikut kadar tertentu atau melebihi daripada kadar itu hendaklah menunaikan kewajipannya kepada masyarakat mengikut kadar yang boleh menjamin terlaksananya "keseimbangan" dan negara juga berkewajipan mendapatkan sebahagian pengeluaran yang dapat menjamin keseimbangan iaitu mengikut suatu nisbah yang tertentu untuk dibelanjakan ke arah rancangan-rancangan yang tertentu.

Sekiranya ternyata bahawa keseimbangan itu masih belum dapat dicapai kerana sesuatu sebab, maka pihak berkuasa berkewajipan melaksanakan 'keseimbangan' melalui sumber perbendaharaan negara. Sekiranya masih belum tercapai juga dengan cara itu maka negara berhak campur tangan mengambil kadar tertentu daripada harta orang kaya, iaitu kadar yang dapat menjamin terlaksananya keseimbangan tersebut.

Pada zaman permulaan Islam, manusia telah diberi sepenuh kebebasan untuk mengurus dan mentadbir harta mereka yang berbagai bentuk dan berasal daripada berbagai sumber tanpa diberi sebarang perhatian dan pengawasan. Sebaliknya hanya diberikan panduan mengenai garis kasar untuk membasmi kemiskinan dan menyekat faktor-faktornya seperti yang telah diatur oleh peraturan Islam kemudiannya dengan cara membuka jalan seluas-luasnya ke arah hubungan-hubungan yang bercorak kemanusiaan dan berlandaskan persaudaraan untuk dilaksanakan secara persendirian. Sehingga sampai ke suatu peringkat hati manusia telah menjadi keras dan pejal barulah dikuatkuasakan undang-undang yang mengawal pergaulan dan kehidupan masyarakat dengan tujuan memperbetulkan keadaan masyarakat dan negara.

Kejayaan besar telah pun berhasil dicapai dengan terlaksananya "keseimbangan" dan meratanya kekayaan dalam masyarakat Islam. Seperti yang telah berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin Abdul 'Aziz. Pada zaman ini kejayaan telah sampai ke peringkat tiada lagi kemiskinan dalam seluruh masyarakat dan warganegara (dalam hal ini orang Islam dan orang kafir *zimmi* sama sahaja) sama-sama berada dalam suasana persaudaraan dan saling memelihara hubungan-hubungan kemanusiaan. Keadaan ini yang membuktikan betapa kerdilnya rancangan-rancangan (projek-projek) jaminan sosial semua negara di dunia sekarang ini berbanding dengan kejayaan yang telah dicapai oleh Islam dalam lapangan ini.

Untuk memberikan huraian yang terperinci dalam masalah ini al-Allamah Muhammad Baqir al-Sadr telah menulis seperti ini:

"Ketika Islam menyelesaikan masalah keseimbangan sosial, maka ia memulakannya daripada dua hakikat. Pertama, hakikat yang berdasarkan keadaan alam dan yang kedua ialah hakikat berdasarkan mazhab atau aliran pandangan dan fikiran. Ada pun hakikat yang berdasarkan keadaan alam itu ialah wujudnya berbagai perbezaan di antara setiap individu umat manusia dalam berbagai bidang keistimewaan dan sifat-sifat kejiwaan, pemikiran dan juga tubuh badan".

Hakikat kedua dalam usaha Islam untuk menyelesaikan masalah keseimbangan ialah kaedah yang berdasarkan mazhab dalam masalah pengagihan yang menyatakan: "Bahawa usaha itulah asas hak milik dan semua hak yang bersangkutan dengan hak milik itu".

Pegangan kepada kedua-dua hakikat di atas memberikan kesimpulan bahawa wujudnya perbezaan antara individu dengan individu lain dalam memiliki harta dan kekayaan adalah dibenarkan.

Berasaskan prinsip inilah maka Islam memperakui bahawa masalah "keseimbangan sosial" mestilah difahamkan dalam batas-batas pengiktirafan kedua-dua hakikat itu.

Dalam hal ini Islam membuat kesimpulan dengan mengatakan bahawa keseimbangan sosial ialah keseimbangan di antara individu-individu dalam masyarakat menurut taraf kehidupan dan bukan berasaskan taraf jumlah pendapatan.

Keseimbangan dalam taraf kehidupan bermakna bahawa harta atau

wang itu berlegar di antara individu dalam masyarakat yang memberi kesempatan kepada setiap individu agar hidup dalam suatu taraf yang serupa dan umum. Ini bermaksud setiap individu hidup dalam suatu taraf sahaja dengan memelihara darjat penghasilan suatu taraf yang menyebabkan keadaan hidup menjadi berbeza. Tetapi perbezaan dalam peringkat jumlah pengeluaran tidaklah merupakan suatu perbezaan yang menyeluruh dalam taraf kehidupan seperti terdapatnya perbezaan dan pertentangan yang begitu ketara dalam sebuah masyarakat kapitalis. Sesungguhnya tujuan Islam ialah memberi kekayaan kepada setiap individu dalam masyarakat Islam. Memberikan kekayaan yang menyeluruh merupakan matlamat bagi nas-nas agama yang telah diwajibkan ke atas setiap pemerintah. Manakala pengertian kekayaan dalam pandangan Islam ialah kemampuan setiap individu untuk menyara perbelanjaan hidup dirinya sendiri dan juga seluruh anggota keluarganya sehingga dia mampu hidup bersama-sama dengan semua orang dan keadaan hidupnya sama dengan taraf hidup yang dinikmati dalam masyarakat, iaitu taraf hidup yang tiada kesusahan dan kemelaratan.

Perkara ini telah disentuh oleh Dr. Muhammad Syauqi al-Finjari dalam tesis yang dikemukakannya dalam bulan Januari tahun 1967 untuk mencapai Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Paris; kata beliau: "Sesungguhnya ahli-ahli fikir Islam telah mendahului orang lain dalam membuat perakuan tentang teori-teori ekonomi di samping membuktikan tentang sikap sederhana Islam dalam usaha menonjolkan keistimewaannya daripada teori-teori lain; iaitu bahawa teori Islamlah yang paling adil dan unggul daripada sudut kemanusiaan ...".

Dr. Syauqi al-Finjari juga telah mengemukakan teori yang dirumuskan oleh beberapa orang tokoh terkemuka Islam dan beberapa orang tokoh pemikir Muslim pada zaman silam yang telah mengemukakan hasil pemikiran mereka dengan penuh jujur dan amanah mengenai hakikat dan intisari Islam yang bercorak kemanusiaan, sama dengan fikiran yang dicetuskan oleh beberapa orang ahli fikir bukan Islam pada zaman moden ini. Di samping itu beliau juga telah mengemukakan beberapa contoh secara ringkasnya adalah seperti berikut:

Perkara 22 - Abu Dhar Al-Ghifaari
(Wafat Tahun 32H = Tahun 654M)

Seorang sahabat RasululLah s.a.w. yang telah menceduk Teori Kemanusiaan daripada sumber pengajaran Islam yang bolehlah disebutkan sebagai "teori yang mengatasi batas semua aliran yang melampau" yang boleh kita simpulkan sebagai "bahawa setiap orang Islam tidak boleh memiliki sesuatu melebihi keperluan makanannya selama sehari semalam. Maka yang lebih itu mestilah diperuntukkan khusus sebagai sumbangan *infaq fi sabililLah* dan masyarakat dengan tujuan mencari keredaan Allah". Beliau memperkuatkan teorinya itu dengan mentafsirkan beberapa ayat al-Qur'an yang menyokong teorinya iaitu seperti firman Allah:

. . . وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرْ

هُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ
وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۖ هَٰذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

سورة التوبه ٩ : اية ٣٤ ، ٣٥

Terjemahan:... *Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri oleh itu rasailah (azab dari) apa yang kamu simpan itu".*

(Surah al-Taubah 9:34 – 35)

Firman Allah:

. . . وَلَا تَنسَوُا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ٢٣٧

Terjemahan: *Dan janganlah kamu lupa berbuat baik dan berbudi sesama sendiri.*

(Surah al-Baqarah 2:237)

Di samping beberapa tradisi Sunah Nabi Muhammad s.a.w. yang banyak menegaskan bahawa setiap Muslim wajib membahagikan rezeki yang lebih daripada keperluannya sehari semalam kepada masyarakat terutama orang yang sedang kesempitan dan memerlukan bantuan sambil merawikan hadis daripada RasululLah s.a.w. yang pernah bersabda sambil memberi isyarat ke arah Gunung Uhud:

لو ملكت كتلة من الذهب فى حجم هذا الجبل لأعطيتها كلها باستثناء ثلاثة دنانير.

Terjemahan: *Kalaulah saya memiliki ketulan emas sebesar gunung (bukit) ini nescaya saya berikan semuanya (sebagai bantuan dan pertolongan kepada orang yang memerlukan) kecuali tiga dinar sahaja.*

Oleh sebab itulah maka Prof. Stock ketika mengulas dan menghuraikan sejarah hidup Abu Dhar telah menulis seperti berikut: "Berdasarkan teori beliau, maka diharamkan setiap orang mengumpulkan harta melebihi keperluan dirinya ...".

Kita juga mengetahui bahawa Sayidina 'Ali al-Dahhak dan tokoh lainnya daripada kalangan imam-imam mujtahid seperti Imam Malik, Ahmad bin Hanbal, Ibn 'Uqail, Ibn al-Tukhi, Ibn al-Qayyim dan lain-lainnya berpendapat

bahawa perbezaan dalam pemilikan harta itu adalah haram sama sekali apabila ternyata ia boleh menyebabkan tidak cukupnya keperluan asasi setiap individu.

Abu Dhar mempunyai murid dan pengikut yang ramai di negeri Syam. Ini menyebabkan Mu'awiyah bin Abi Sufyan memandangnya sebagai merbahaya dan mengancam kekuasaannya, lalu dipaksanya Abu Dhar menutup mulut. Apabila Abu Dhar enggan menurut perintahnya, Mu'awiyah mendesak Khalifah 'Uthman supaya memanggil Abu Dhar pulang ke Madinah. Desakan itu diterima oleh Khalifah, dan tidak lama kemudian Abu Dhar pun dibuang dan diasingkan ke al-Zubadah jauh daripada orang ramai.

Berkaitan dengan hal ini kita terkenangkan sabda RasululLah s.a.w. yang bersabda mengenai Abu Dhar:

ما أظلت الخضراء ـ أى السماء ـ ولا أقلت الغبراء ـ أى الأرض ـ أصدق لهجة من أبى ذر.

Terjemahan: *Tiada seorang pun di bawah rungkup langit dan di atas muka bumi ini yang lebih benar perkataannya daripada Abu Dhar .*

Di samping teori kemanusiaan yang telah dipelopori oleh Abu Dhar, beliau juga berhasil menarik perhatian umum kepada suatu prinsip pokok, iaitu bahawa faham "feudalisme" sentiasa berusaha untuk menyesatkan orang ramai. Dan sekiranya benar Islam itu mengiktiraf hak milik individu (atas harta dan kekayaan) dan mengakui wujudnya perbezaan pendapatan dan pengeluaran di antara individu, tetapi mestilah setelah terjaminnya keperluan setiap individu dalam masyarakat itu dipenuhi terlebih dahulu.

Perkara 23 - Ahmad bin Ali Al-Dalaji (1412 - 141 Masihi = 790 - 799 Hijrah)

Beliau ialah pengarang buku yang bertajuk *Kemiskinan dan Orang Miskin* telah diberi sanjungan oleh beberapa orang penulis Marxist berkaitan dengan huraiannya kepada masalah utama ini. Mereka mengatakan: "Beliau berpendapat bahawa kemiskinan itu bukanlah hanya salah satu gejala daripada kemelaratan daripada segi kebendaan sahaja. Bahkan ia merupakan satu faktor penghalang daripada rajin berbuat ibadah dan mencari peningkatan dalam bidang rohaniah serta mengamalkan akhlak yang baik". Oleh itu setiap orang miskin tidak boleh menjadi seorang yang beriman dengan sebenarnya ataupun menjadi seorang yang terpuji ataupun mengamalkan prinsip kemanusiaan yang tulen, seperti juga suatu umat atau bangsa yang miskin sama sekali tidak berupaya mencapai keseimbangan, dan terus menjadi beban yang terpaksa dipikul oleh seluruh masyarakat umat manusia. Beliau juga berpendapat bahawa keadaan hidup orang miskin itu sama dengan keadaan hidup seorang musyrik seperti yang telah disebutkan dalam hadis RasululLah s.a.w.

كاد الفقر أن يكون كفرا...

Terjemahan: *Hampirlah kemiskinan itu membawa kekufuran ... .*

Juga daripada ucapan yang disabdakan kepada Abu Dhar:

إذا ذهب الفقر إلى بلد ، قال له الكفر: خذني معك.

Terjemahan: *Apabila sahaja kemiskinan itu pergi ke sebuah negeri, maka kekufuran pun berkata: "Bawalah saya bersama dengan anda".*

Melalui kesimpulan yang dibuat oleh al-Dalaji dengan berasaskan ajaran Islam di peringkat masyarakat, beliau telah menegaskan bahawa orang kaya dalam sebuah masyarakat yang miskin hanyalah merupakan penyamun dan penjahat. Beliau berpendapat: "Adalah menjadi hak orang yang melarat itu melihat nikmat-nikmat yang dimiliki orang lain itu sebagai hartanya yang disamun (diambil dengan kekerasan) dan orang yang empunya harta pula berhak bekerja keras untuk mengambil balik hartanya daripada tangan para penyamun ...".

Selanjutnya beliau berpendapat bahawa orang miskin bertanggungjawab menghapuskan kemiskinan yang mereka deritai itu, ataupun dengan jelas lagi mereka ialah orang yang berbuat aniaya kepada diri sendiri dan mereka akan dicampak ke dalam neraka jahanam sekiranya mereka mencuaikan tugas itu, berasaskan firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ
قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

سورة النساء ٤ : اية ٩٧

Terjemahan: *Sesungguhnya orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang telah kamu lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*
(Surah al-Nisā' 4:97)

Jadi adakah kita fikirkan fahaman marxisme yang muncul beratus-ratus tahun sesudah al-Dalaji itu membawa sesuatu yang baru?

Sesungguhnya peperangan suci (Perang Sabil) itu, mengikut teori al-Dalaji bukanlah hanya perlu diisytiharkan untuk menentang kemiskinan sahaja, malahan juga wajib dilakukan bagi memerangi mereka yang menghalang orang miskin daripada mendapatkan hak mereka secara membolot harta kekayaan selaras dengan firman Allah:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

سورة الحج ٢٢ : اية ٣٩

Terjemahan: *Diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).*

(Surah al-Hajj 22:39)

Justeru itu maka masa depan yang digariskan oleh Islam kepada orang miskin adalah masa depan yang penuh dengan jihad dan perjuangan untuk mencapai hak mereka yang telah diperakui, iaitu hak-hak yang tidak mampu dicapai melalui saluran undang-undang yang menjamin keadilan sosial dan persamaan hak. Islam sentiasa memberikan kesempatan kepada golongan yang menjadi mangsa penindasan, yang telah lama menunggu keadilan, kekuasaan dan jalan yang perlu dilakukan dalam usaha menentang penganiayaan dan kezaliman.

Dalam hubungan ini jugalah Prof. Maxim Rodinson menyatakan: "Sesungguhnya sejarah Islam bukanlah sebuah syurga yang hilang, tetapi adalah sejarah revolusi yang berpanjangan, iaitu revolusi menentang pengkhianatan yang tidak berhenti dilakukan, malah diteruskan tanpa mengenal jerih dan penat".

Perkara 24 - Ibn Hazmin Al-Zahiri (934-106 Masihi)

Dr. Ibrahim al-Labban telah memberi penjelasan dalam Muktamar Kali Pertama Konvensyen Penyelidikan Islam tahun 1964 bahawa Ibn Hazmin sejak seribu tahun yang lalu telah pun membuat rumusan ke arah penyelesaian masalah kemiskinan mengikut kaedah ilmiah berasaskan panduan ajaran Islam, iaitu dalam kertas kerjanya yang bertajuk *"Hak Orang Miskin"*. Beliau (Dr. Ibrahim al-Labban) telah menyenaraikan Ibn Hazmin antara tokoh yang mempunyai peranan penting di kalangan ahli-ahli fikir dan penyelidik tentang 'kemajuan' sistem Islam melebihi sistem yang lain. Beliau juga menyatakan bahawa Ibn Hazmin telah mengemukakan penyelesaian terhadap masalah kemiskinan dengan kaedah yang berbeza daripada kaedah yang digunakan oleh sebahagian besar ahli fikir. Ini termasuklah ahli fikir pada zaman moden ini, yang selalunya mencari penyelesaian terhadap masalah kemiskinan, secara memberikan tumpuan kepada golongan minoriti (orang berada) yang memeras dan menindas. Seterusnya memberikan perhatian kepada golongan majoriti yang tertindas (orang miskin) ataupun dengan jelasnya dari sudut kewajipan berbuat budi oleh orang kaya kepada orang miskin dengan berlandaskan dasar-dasar Islam yang secara langsung beliau membuat kajiannya berdasarkan kaedah Islam dengan cara berperingkat-peringkat, bermula daripada majoriti rakyat hinggalah kepada pihak yang berkuasa, sambil menjelaskan kewajipan yang mesti ditunaikan oleh setiap individu kepada masyarakat, iaitu seperti firman Allah:

. . . وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ . . .

سورة النور ٢٤ : اية ٣٣

Terjemahan:... *Dan berilah kepada mereka daripada harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu ... .*

(Surah al-Nūr 24:33)

Dan firman Allah:

. . . وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٧٧

Terjemahan:... *Dan mendermanya seseorang akan hartanya, sedang ia menyayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim,dan orang miskin ... .*

(Surah al-Baqarah 2:177)

Dr. Ibrahim selanjutnya membuat kesimpulan dan ringkasan mengenai tiga dasar asas bagi teori Ibn Hazmin itu seperti berikut:

(a) Setiap individu itu mesti membuat desakan dan tuntutan (kepada pihak yang berkuasa) untuk mendapatkan taraf hidup yang sesuai.

(b) Negara mestilah bertanggungjawab sebagai sebuah badan yang berwibawa untuk memikul tugas-tugas sosial ini berdasarkan asas syariah Islam terutama sekali melalui sistem zakat.

(c) Jika terbukti bahawa hasil pendapatan zakat tidak mencukupi, maka negara-negara (Islam) mestilah mengamalkan dan menghayati ajaran Islam untuk melipatgandakan peruntukan belanjawan zakat, walaupun sampai ke peringkat mengambil balik atau memiliknegarakan semua harta atau meletakkan semua harta itu di bawah pengawasan negara. Dan sayugialah diperhatikan bahawa Imam Ibn Hazmin sebagai jurucakap Islam pada zaman hayatnya, telah mengatakan dengan jelas dan tegas bahawa peperangan yang dilancarkan bagi menentang kezaliman dan penindasan adalah matlamat utama peperangan suci (Perang Sabil) yang diwajibkan oleh agama.

Perkara 25 - Ibn Taimiyah (661-728 Hijrah = 1262-1328 Masihi)

Ibn Taimiyah dianggap sebagai salah seorang pelopor ulung yang telah membuat rumusan menyeluruh mengenai penyelesaian Islam terhadap masalah-masalah penting dalam bidang kerohanian dan kebendaan, juga mengenai hubungan di antara individu-individu dengan masyarakat, dengan satu matlamat, iaitu supaya perintah dan panduan Allah yang khusus berkaitan dengan keadilan sosial dapat dihayati dengan menyeluruh.

Dalam beberapa penulisannya Ibn Taimiyah telah mendedahkan intisari Islam sebagai sistem yang pertama sekali menetapkan bahawa masyarakat bertanggungjawab bagi menjamin sama ratanya keperluan-keperluan asasi, iaitu makanan bagi setiap individu dalam sebuah masyarakat. Ini diiringi dengan ketegasan bahawa kalaulah memang menjadi matlamat utama dalam hidup adalah untuk beribadah kepada Allah, maka matlamat itu tidak akan tercapai kecuali dengan terlaksananya jaminan beroleh makanan bagi setiap individu.

Dengan gaya yang menarik Ibn Taimiyah menegaskan bahawa setiap orang tidak boleh menjadi Mukmin sejati, kecuali setelah mampu mendapatkan segala keperluan asasnya. Justeru itulah beliau sendiri telah melancarkan Perang Sabil menentang kemiskinan dalam semua hasil tulisannya yang membincangkan masalah kehidupan bermasyarakat dan politik dalam Islam, dan bagaimana eratnya hubungan di antara kedua aspek kehidupan itu, yang menyebabkan Prof. Henery Ladost merasa tertarik untuk membuat kajian dan ulasan mengenainya dengan cara yang begitu tekun dan mendalam. Beliau mendedahkan keunggulan Ibn Taimiyah sebagai tokoh pelopor dalam bidang ini berbanding dengan para pemikir dalam bidang sosial dan politik yang muncul kemudiannya. Keunggulan beliau dengan pandangan-pandangannya yang bernas ini membuktikan bahawa pendapat-pendapat dan teori-teori yang dilahirkan oleh beberapa orang tokoh pemikir Muslim adalah lebih maju dan lebih awal daripada fikiran seluruh ahli fikir dunia dalam semua prinsip ekonomi dan kemanusiaan. Sekiranya semua ahli fikir dunia menerimanya dengan baik dan melaksanakannya nescaya mereka berhasil mencapai sistem yang terbaik dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Dr. Syauqi al-Finjari membuat kesimpulan dalam kertas kerjanya mengenai teori-teori tajaan ahli-ahli fikir Muslim dan beberapa orang tokoh Islam pada zaman dahulu dan juga peranan penting mereka mendedahkan sikap dan pendirian Islam dalam usaha membasmi kemiskinan, baik dari segi kaedah mahupun tujuan, dengan mengatakan: "Memang Islam mewajibkan supaya dijalankan usaha yang bersungguh-sungguh dalam bidang pemahaman dan perundangan untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah yang baru dan juga perubahan-perubahan yang dijangka akan berlaku...". Beliau menyatakan lagi: "Kita dapat perhatikan dengan pasti semua ulama dan tokoh ilmu pengetahuan pada hakikatnya sentiasa sepakat dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan prinsip dan dasar-dasar, walaupun mereka sering berbeza dalam perkara-perkara cabangan, sesuai dengan perubahan dan perkembangan zaman dan tempat. Namun demikian tiada seorang pun daripada mereka yang menyeleweng dan terpesong daripada landasan Islam seperti yang terkandung dalam Kitab Suci al-Qur'an dan hadis al-Syarif ...".

Perkara 26 - Cara Islam Menyelesaikan Masalah Kemiskinan[10]

Kejayaan Islam menyelesaikan masalah kemiskinan berkait dengan kaedah yang dilakukan. Ia berbeza daripada sistem-sistem lain, dalam lima perkara:

10 Dr. Ibrahim al-Tahawi dalam bukunya, *Ekonomi Islam*.

(a) Ia tidak memandang masalah kemiskinan itu sebagai suatu masalah yang berasingan dan berdiri sendiri atau terpisah daripada urusan-urusan hidup yang lain. Sebaliknya ia memandang masalah itu sebagai suatu masalah yang berhubungkait dengan masalah yang lain. Justeru itulah maka penyelesaian yang dilakukannya terhadap masalah kemiskinan merupakan sebahagian daripada penyelesaiannya terhadap semua urusan hidup yang lain.

(b) Ia memperakui secara perundangan (*tasyri'*) hak orang yang berhajat kepada keperluannya dari harta orang kaya sekadar yang cukup untuk memenuhi keperluan mereka, mengikut kadarnya yang ada.

(c) Ia menetapkan keperluan itu boleh sampai kepada orang yang berhak menerimanya melalui dua cara:

(i) Secara sukarela dalam bentuk pemberian sumbangan (*infaq*) daripada seseorang Islam untuk memenuhi keperluan saudara-saudaranya dalam masyarakat berpandukan imannya dan menunaikan hak "persaudaraan" yang dijadikan oleh Islam sebagai tali yang menghubungkan setiap individu dalam masyarakatnya. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٠

Terjemahan: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu ... .*
(Surah al-Ḥujurāt 49:10)

(ii) Melalui peraturan yang berbentuk paksaan iaitu dalam bentuk pungutan cukai.

(d) Islam juga telah menetapkan melalui peraturan undang-undang beberapa kaedah untuk melindungi cukai-cukai itu dengan tujuan memberi jaminan dan perakuan supaya ia dibayar mengikut suatu kaedah yang menjamin bahawa ia dapat dipungut dan dibayar serta digunakan untuk tujuan-tujuan yang telah ditentukan dengan sebaik-baiknya. Perlindungan itu pula, di samping *damir* dan iman yang dimiliki oleh orang kaya, adalah berkait rapat dengan negara yang sentiasa digeruni oleh orang yang melanggar peraturan. Kerajaan akan mengambil tindakan menghukum orang yang berbuat aniaya dan memaksa orang yang tidak dapat disedarkan melalui nasihat-nasihat yang baik supaya bertindak dengan betul. Dengan demikian jelaslah bahawa undang-undang Islam dalam membasmi kemiskinan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengannya adalah saling berkait

dan kejayaan pelaksanaan setiap satunya adalah bertalian dengan pelaksanaan yang lain. Justeru itulah undang-undang Islam telah meletakkan setiap orang Muslim itu sebagai sebuah markas gerakan pemikiran dan kemanusiaan yang sangat penting dan mempunyai peranan yang besar. Pada waktu yang sama juga meletakkan negara sebagai suatu badan yang sangat penting dalam menjamin pelaksanaan itu berjaya.

Berpandukan fakta yang disebutkan di atas, jelaslah kepada kita bahawa Islam merupakan sebuah benteng yang kebal bagi menentang semua dakwaan berkenaan dengan jaminan sosial, walau apa pun tafsiran orang terhadapnya. Sarjana ulung, Muhammad Baqir al-Sadr menyatakan:"Islam telah mewajibkan negara untuk menjamin penghidupan setiap individu masyarakat Islam dengan jaminan yang lengkap. Pada kebiasaannya negara melaksanakan kewajipannya itu melalui dua peringkat. Peringkat pertama ia menyediakan peluang pekerjaan dan penyertaan secara terhormat dalam aktiviti ekonomi yang membawa keuntungan, supaya setiap individu mampu hidup berdasarkan pekerjaan dan usahanya sendiri. Apabila individu itu tidak berupaya bekerja dan menyara kehidupannya sendiri dengan sepenuhnya, ataupun negara sedang berada dalam keadaan yang meleset dan tidak mampu memberikan peluang pekerjaan kepada individu, maka tibalah pula peranan peringkat yang kedua. Pada peringkat ini negara mestilah melaksanakan prinsip jaminan sosial dengan cara menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan-keperluan setiap individu dan memberikan saraan atau elaun khas kepadanya".

Prinsip jaminan sosial ini dalam mazhab ekonomi Islam adalah berpusat di atas dua asas yang menjadi sumber justifikasinya iaitu:

(a) Penampungan secara menyeluruh, dan
(b) Hak masyarakat dalam sumber umum pengeluaran negara.

Kedua-dua asas ini mempunyai batas-batas dan panduannya sendiri dalam menentukan jenis-jenis keperluan yang mesti dijamin pelaksanaannya dan menentukan had minimum kadar bantuan yang mesti diberikan bagi menjamin terlaksananya prinsip jaminan masyarakat kepada setiap individu.

Justeru itu maka asas pertama jaminan itu tidak menentukan supaya diberikan sumbangan keperluan yang lebih daripada keperluan asasi untuk hidup, manakala asas yang kedua adalah lebih sedikit daripada asas yang pertama. Dengan demikian ia menentukan supaya dipenuhi keperluan yang lebih besar dan jaminan taraf hidup yang lebih tinggi dalam kehidupan. Negara wajib melaksanakan jaminan sosial dalam lingkungan kemampuannya berdasarkan kedua-dua asas tadi.

Islam telah menghubungkan antara jaminan sosial dengan prinsip "persaudaraan" umum di kalangan kaum Muslimin dengan tujuan memperlihatkan bahawa jaminan sosial itu bukanlah sejenis cukai ke atas lebihan pendapatan

sahaja, malah sebenarnya ia adalah untuk menyatakan secara praktikal mengenai "persaudaraan" umum dalam jaminan yang diberikan oleh orang lain kepadanya, dengan mencedok fahaman Islam dan daripada sikap persaudaraan mereka ikut serta bersamanya dalam membentuk keluarga yang salih dan bercorak kemanusiaan.

Teori yang menjadi asas idea jaminan sosial, menyatakan bahawa Islam mempercayai tentang hak seluruh masyarakat untuk mendapatkan sumber-sumber kekayaan, kerana sumber-sumber alam semuanya diciptakan untuk seluruh masyarakat bukan untuk satu puak atau golongan tertentu sahaja.

Firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٢٩

Terjemahan: *Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit dengan sempurna; dan Dia Maha Mengetahui akan tiap sesuatu.*

(Surah al-Baqarah 2:29)

Nas al-Qur'an ini menerangkan bahawa setiap individu dalam masyarakat mempunyai hak mengambil manfaat daripada kekayaan alam dan beroleh kehidupan yang mulia dan terhormat daripada sumber-sumber alam. Justeru itu sesiapa sahaja daripada kalangan anggota masyarakat yang mampu bekerja dalam sektor-sektor awam atau swasta maka adalah menjadi tugas dan kewajipan negara untuk menyediakan peluang pekerjaan mengikut kadar kemampuan dan kelayakan masing-masing. Dan bagi mereka yang tidak beroleh kesempatan bekerja, ataupun tidak berkemampuan bekerja, maka negara berkewajipan menjamin hak mereka untuk memperolehi manfaat daripada sumber kekayaan alam dengan diberikan taraf hidup yang terhormat dan keperluan asas yang mencukupi.

Oleh itu, tanggungjawab langsung negara dalam melaksanakan jaminan sosial adalah berpusat di atas asas hak masyarakat umum untuk beroleh manfaat daripada hasil kekayaan alam, juga atas asas wujudnya hak orang yang tidak berupaya bekerja dalam masyarakat. Kebanyakan para *fuqaha* (antaranya Syeikh al-Hur) telah memberi fatwa bahawa jaminan seperti itu tidaklah hanya dikhaskan kepada orang Islam sahaja. Sebaliknya setiap orang yang hidup dalam sebuah negara Islam, apabila sudah tua dan tidak berupaya untuk bekerja, perbelanjaan hidupnya akan dibayar daripada wang baitulmal.

Al-Syeikh al-Hur telah menceritakan sebuah kisah daripada Sayidina 'Ali, iaitu: "Apabila beliau telah berjumpa dengan seorang buta sedang mengemis, lalu Amir al-Mu'minin bertanya: "Apakah ini?" Lalu ada orang menjawab: "Wahai Amir al-Mu'minin, dia ini seorang Kristian". Baginda pun menjawab: "Pada waktu mudanya dulu kamu gunakan dia, tetapi apabila dia sudah tua dan

tidak mampu bekerja lagi kamu melarangnya (daripada menerima saraan negara)?! Bayarlah saraan hidupnya daripada wang baitulmal".

Perkara 27 - Sumber-sumber Pendapatan dan Cara-cara Membelanjakan Pendapatan Negara dalam Usaha Islam Menyelesaikan Masalah Kemiskinan

Islam telah memberikan peranan yang sangat penting kepada negara untuk melaksanakan "keseimbangan yang sihat". Walaupun begitu ia tidak memberikan kebebasan penuh kepada negara untuk bertindak sesukanya sahaja. Malah telah diberikannya garis panduan mengenai sumber-sumber pendapatan seperti juga garis panduan mengenai cara membelanjakan wang negara. Justeru itulah zakat dikenakan ke atas harta orang kaya, sebagai suatu sumber yang akan dibelanjakan untuk mencapai "keseimbangan". Untuk mempastikan ia terus dibayar dengan teratur dan sempurna, zakat telah dijadikan sebagai satu rukun Islam yang lima. Oleh yang demikian tidak sah Islam seseorang kecuali rukun yang lima itu dilaksanakan kesemuanya. Dengan demikian apabila setiap orang Islam itu mengeluarkan zakatnya, dia dapat merasakan bahawa dia menyempurnakan tuntutan agamanya dan beribadah serta bersyukur kepada Tuhannya di atas limpah kurnia rezeki yang melebihi keperluannya. Di samping itu setiap individu pula tidak akan cuai menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat itu, dan tidak silap dalam membuat kira-kira hartanya, kerana dia beriktikad bahawa kesempurnaan Islamnya bergantung kepada bayaran yang sempurna dan kiraan yang betul. Tiada suatu bukti pun yang lebih kuat daripada ini, hingga sekarang kaum Muslimin masih terus mengeluarkan zakat harta mereka kepada orang fakir dan miskin, tanpa sebarang pengawal atau penyelia selain hati kecil dan *damir* mereka sendiri sahaja kerana mengharapkan keredaan Allah yang telah menyatakan:

. . . فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

سورة طه ٢٠ : اية ٧

Terjemahan: ... *Kerana sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi.*

(Surah Tāhā 20:7)

Negara-negara Islam pada zaman moden tidak lagi mengutip zakat harta umat Islam dan tidak melantik petugas-petugas untuk melakukan kutipan itu walaupun kaum Muslimin diwajibkan membayar berbagai jenis cukai oleh negara masing-masing.

Dalam usaha ini Islam tidak hanya mengenakan pungutan zakat sahaja, malah telah menetapkan beberapa kewajipan lain yang berbentuk harta benda, di samping memberi kuasa kepada pihak pemerintah untuk mengenakan beberapa kewajipan lain ke atas orang kaya untuk melaksanakan "keseimbangan" itu, dengan syarat tidak melebihi daripada keperluan asas mereka.

Demikianlah kewajipan yang telah diberikan oleh Islam kepada negara.

Untuk orang-orang kaya pula, Islam telah memberi arahan kepada mereka supaya tidak merasa cukup setakat membayar kadar yang diwajibkan sahaja. Malah Islam telah mengarahkan kepada setiap individu sama ada kaya atau miskin dalam berbagai bentuk galakan dan amaran berdasarkan prinsip "persaudaraan" yang menjadi tali pengikat sesama mereka, supaya setiap individu itu bersikap tidak memperdulikan keperluan saudaranya, kerana mengharapkan negara untuk menunaikannya malah dia mestilah berusaha menolong dan membantu saudaranya dengan mengorbankan wang, jiwa dan pangkat kedudukan tanpa sebarang ungkitan atau sikap yang menyakitkan hati.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُبْطِلُواْ صَدَقَٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ٢٦٤

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan) yang menyakiti ... .*

(Surah al-Baqarah 2:264)

Tujuannya untuk menjaga kehormatan dan kemuliaan diri orang miskin, kerana "persaudaraan" yang berlandaskan ajaran agama itulah tonggak sikap setiakawan antara setiap individu. Dengan demikian maka meluaslah sikap muhibah dan hormat-menghormati di antara mereka.

Antara pengaruh ajaran Islam dalam jiwa kaum Muslimin itu ialah mereka hidup dalam keadaan yang disifatkan oleh Allah S.W.T.:

. . . وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ . . .

سورة الحشر ٥٩ : اية ٩

Terjemahan:... *Dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah (saudara-saudara seagama mereka) lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat berhajat ... .*

(Surah al-Ḥasyr 59:9)

Firman Allah:

وَيُطْعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

سورة الإنسان ٧٦ : اية ٨

Terjemahan: *Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan.*

(Surah al-Insān 76:8)

Keadaan seperti yang dibentangkan oleh ayat suci itu menjelaskan kepercayaan mereka tentang kesatuan matlamat sebagai individu, dan di antara

masyarakat diwakili oleh negara mengenai betapa perlunya melaksanakan "keseimbangan yang sihat" dalam masyarakat Islam yang sedang maju ke hadapan. Pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin Abdul 'Aziz, beliau telah berhasil mencapai suatu tahap di mana pihak jabatan zakat yang berkaitan dengan fakir miskin tidak dapat menemukan seorang pun yang layak menerima wang zakat itu di seluruh pelosok negara, sama ada daripada kalangan kaum Muslimin dan bukan Muslimin. Oleh sebab itulah wang peruntukan berkenaan, dengan perintah Khalifah, telah dipindahkan kepada peruntukan yang lain, iaitu untuk membebaskan para hamba sahaya daripada belenggu perhambaan.

Dengan demikian kita bertanya sesama sendiri: Adakah terdapat suatu sistem jaminan sosial ciptaan manusia ataupun sebarang jua sistem sosial atau agama lain yang mampu mencapai kejayaan seperti itu?

Perkara 28 - Penyelesaian Masalah Kemiskinan Menurut Ajaran Agama Yahudi

Ajaran agama Yahudi mengakui hakikat ciptaan Allah yang azali bahawa kemiskinan itu dengan pengertian ketidaksamaan dalam rezeki adalah fenomena alam dan peraturan semula jadi, yang tiada jalan untuk dihapuskan sama sekali. Walau bagaimanapun, ajaran agama Yahudi telah cuba mengatasinya dengan membuat perakuan seperti berikut:

(a) Bahawa Allah jualah pemilik langit dan bumi: "Daripada Allah yang Maha Mulia pemilik semua langit dan bumi". (*Kitab Kejadian*: 14 – 19)

(b) Bahawa kemiskinan dan kekayaan itu adalah di tangan Allah jua: "Tuhanlah jua yang menentukan kemiskinan dan kekayaan, Dia merendahkan dan meninggikan". (*Semuel Pertama*: 2,6,8)

(c) Bahawa pekerjaan yang baik dan bersungguh-sungguh itu akan membawa rezeki yang mencukupi, dan sikap malas bekerja itu boleh membawa kemiskinan. "Orang yang rajin mengusahakan tanahnya dapat makan roti dengan kenyang, dan orang yang mengikuti sikap malas bekerja itu kenyang dengan kemiskinan". (*Perbandingan*: 19 – 28). "Orang yang bekerja dengan tangan yang longlai akan hidup miskin, sebaliknya, tangan orang yang rajin itu menjadi kaya". (*Perbandingan*: 4 – 10)

(d) Memberi galakan kepada semua orang yang memberi derma kepada orang miskin supaya merahsiakan pemberiannya dan memberi ancaman kepada orang yang enggan memberi sumbangan akan menerima laknat: "Sesiapa yang memberi kepada orang miskin tidak akan jatuh miskin dan sesiapa yang enggan memberi maka dia akan beroleh laknat yang banyak". (*Perumpamaan*: 27– 28)

(e) Bahawa orang miskin yang jujur lurus itu lebih baik daripada orang kaya yang berbuat aniaya: "Orang miskin yang terus bersikap jujur

dan lurusnya lebih baik daripada orang yang membelokkan jalan walaupun dia kaya". (*Perumpamaan*: 6 – 28)

Daripada nas-nas yang diterangkan di atas nyatalah bahawa ia merupakan kata nasihat dan tunjuk ajar, tanpa sebarang kemestian melalui ganjaran pahala dan dosa dunia ataupun akhirat.

Perkara 29 - Penyelesaian Masalah Kemiskinan Menurut Ajaran Agama Kristian

Ajaran agama Masihi (Kristian) juga telah membuat perakuan yang serupa dengan perakuan yang dibuat oleh ajaran agama Yahudi dalam masalah kemiskinan. Justeru itu cara penyelesaian ajaran Kristian terhadap pengaruh dan kesan-kesan kemiskinan itu dari segi sosialnya hanyalah secara memberi nasihat dan tunjuk ajar serta pendidikan akhlak dengan cara menarik perhatian dan simpati yang berdasarkan kemanusiaan dan membangkitkan sentimen untuk berbuat baik tanpa memberikan sebarang tindakan yang boleh menekan orang kaya untuk memenuhi keperluan saudara mereka yang miskin.

Cuba baca ungkapannya terhadap orang kaya: "Kebajikanlah untuk orang yang bersikap belas kasihan itu kerana mereka akan dikasihani". (*Mathew*: 5 – 6)

"Datanglah ke mari wahai orang yang beroleh berkat bapaku warisilah kerajaan yang disediakan untuk kamu, sejak terciptanya alam ini, kerana ketika aku sedang lapar maka kamu beri makanan kepadaku dan ketika aku haus dahaga maka kamu beri minuman kepadaku, ketika aku dalam keadaan dagang kamu memuliakan daku, ketika aku sedang bertelanjang kamu beri pakaian kepadaku, ketika aku sedang sakit kalian ziarahiku, ketika aku terkurung kalian selalu datang menjengukku". Maka pada ketika itu orang yang berbakti pun menyahut dengan berkata: "Ya Tuhan! bilakah kami lihat anda sedang lapar lalu kami beri anda makanan, atau sedang haus lalu kami beri minuman, dan bilakah kami lihat anda sedang dalam keadaan dagang lalu kami muliakan anda atau sedang bertelanjang lalu kami beri pakaian kepada anda, dan bilakah kami lihat anda sedang sakit sedang terkurung lalu kami datang menziarahi anda?" Maka Tuhan pun menjawab sambil berfirman kepada mereka: "Kebenaranlah aku katakan kepada kamu kerana kamu telah lakukan seperti itu kepada salah seorang saudaraku, iaitu orang kecil dan hina itu, maka maknanya kamu lakukan demikian itu kepadaku ...". (*Mathew*: 25 – 24 – 40)

"Jualkanlah harta kamu dan berilah sedekah". (*Lucas*: 12 – 3)

"Jika anda ingin jadi seorang yang sempurna maka jualkanlah semua harta milikmu dan berikan kepada orang fakir maka anda akan dapat memiliki sebuah perbendaharaan di langit". (*Mathew*: 19 – 21 – 22)

"Awaslah, jangan kamu memberikan sedekah di depan orang ramai dengan tujuan supaya mereka melihat kamu bersedekah. Kalau kamu tidak berhati-hati maka kamu tidak akan mendapat sebarang pahala". (*Mathew:* 4 – 4)

Panduan di atas adalah untuk orang kaya. Manakala untuk orang miskin pula maka ajaran agama Masihi (Kristian) menyeru mereka supaya bersikap

zuhud, berpada dan bersabar supaya terus hidup dalam keadaan miskin dan melarat. Bacalah arahan-arahan ini:

"Bukan dengan roti sahaja orang hidup". (Perutusan pertama Paul kepada penduduk Kuranthus 8 – 9)

"Kerajaan Allah itu bukanlah untuk makan dan minum". (Perutusan Paul kepada penduduk Rom 14 – 117)

"Tetapi makanan tidak dapat membawa kita menghadap Allah, kerana kalau kita makan pun kita tidak berlebihan dan kalau kita tidak makan kita tidak kurang". (Perutusan kepada orang 'Ibrani 5 – 13)

"Hendaklah hidup kamu suci daripada perasaan kasih dan cintakan harta, berpuas hatilah dengan apa yang ada pada kamu". (*Mathew*: 6 – 9 – 12)

"Berdoalah kamu seperti ini: Wahai bapa kami yang berada di langit, maha sucilah nama-Mu, biarlah berjalan terus kerajaan-Mu, biarlah berlaku kehendak dan kemahuan-Mu, seperti di langit maka begitu jugalah di bumi. Kami cukup dengan roti yang ada sahaja untuk hari ini". (*Mathew:* 3, 5 – 5)

Daripada bukti yang telah disebutkan di atas nyatalah bahawa agama Masihi menggalakkan keadaan hidup miskin sehingga disebut dalam Bible perkataan yang dinisbahkan kepada al-Masih 'alaihissalam: "Setiap orang yang tidak mahu melepaskan diri daripada semua harta kepunyaannya tidak layak menjadi murid (Hawari)ku". (*Lucas*: Jilid 14, ayat 33)

Dr. Saint Augustin mengatakan: "Sesungguhnya sikap perhambaan itu adalah suatu balasan atas dosa yang telah dilakukan oleh Adam dan Hawa".

Berdasarkan nas-nas inilah maka Marx dan Angles telah mengatakan mengenai agama Masihi itu: "Bahawa agama ini membenarkan wujudnya sistem perhambaan pada zaman silam dan turut mengakui sistem perhambaan manusia pada zaman pertengahan dan terus bersedia untuk tetap mempertahankan kezaliman sistem kasta pada zaman moden ini. Ajaran-ajaran agama Masihi itu tidak menentang wujudnya golongan penguasa yang zalim, yang tidak memberi sesuatu kepada rakyat jelata kecuali harapan dan angan-angan supaya pihak yang berkuasa akan berubah menjadi baik". Ajaran agama Masihi juga mengatakan: "Bahawa semua penyakit sosial yang merebak di seluruh dunia ini kerana adanya alam akhirat. Oleh sebab itulah ajaran agama Masihi membenarkan wujudnya penyakit-penyakit sosial itu di dunia ini, sama seperti ia membenarkan penderitaan yang ditanggung oleh orang yang dizalimi itu sebagai balasan dosa yang telah mereka lakukan, atau kesusahan yang telah dipilih oleh Allah untuk mereka kerana sesuatu hikmah tertentu, dan mereka itu telah dipilih menjadi tempat berlakunya hikmah Ilahi itu". Justeru itu mereka hendaklah menanggung penderitaan itu; sama seperti ajaran-ajaran agama Masihi yang terus membujuk rayu supaya para penganutnya rela tunduk dan menyerah kepada realiti yang berlaku.

Marx dan Angles juga selalu mencanang dan menyebarkan masalah ini dengan menyatakan bahawa pihak gereja telah gagal dalam membuat penyelesaian masalah sosial dan juga ekonomi. Pihak gereja juga telah terpaksa menjilat dan mengampu kaum kapitalis dan diktator dan sentiasa berkhidmat di bawah pihak yang lebih kuat. Perasaan dan tanggapan Marx dan Angles

seperti ini terhadap pihak gereja yang merupakan faktor yang mendorong mereka untuk menghancurkan peranan agama dalam teori ekonomi mereka.

Perkara 30 - Penyelesaian Masalah Kemiskinan Menurut Ajaran Agama Hindu

Pengaruh agama Hindu sangat besar dalam masyarakat di negara-negara Timur Jauh. Ajaran agama Hindu berasaskan prinsip "membuang" atau "membiarkan" dan menganggap sesuatu realiti itu adalah satu hakikat yang tidak boleh diubah lagi, kerana ia merupakan balasan yang adil atas amalan-amalan yang telah lalu, juga hasil daripada kepercayaannya kepada teori transmigrasi roh (*metempsychosis*).

Berdasarkan teori itulah maka ajaran agama Hindu telah mengharamkan semua perkembangan sosial atau reformasi ekonomi serta juga perubahan politik. Mengikut pandangannya percubaan untuk mengubah keadaan atau menghindarkan kesusahan umat manusia adalah suatu perbuatan kufur. Bertolak dari sinilah maka menurut pandangan agama Hindu setiap revolusi terhadap "tuan punya modal" itu merupakan revolusi terhadap "Tuhan". Akibatnya maka kaum buruh; walau bagaimana hebat penindasan yang dilakukan ke atas mereka, hendaklah menerima sahaja kesusahan itu, kerana semua penderitaan itu akan dapat menghapuskan dosa-dosa mereka yang telah lalu. Bukan setakat itu sahaja, mengikut teori agama Hindu yang bernama *karma*, segala kesusahan dan penderitaan itu tidak perlu dan tidak berhak dikasihani. Prinsip ini merupakan suatu prinsip yang ditolak sama sekali oleh ajaran Islam. Dalam ajaran Islam tidak ada sebarang nas yang mengakui wujudnya golongan bangsawan yang "mulia" dan satu golongan lain sebagai "hamba". Sebaliknya Islam hanya memperakui prinsip "persaudaraan" yang merata dan menyeluruh dan persamaan umum meliputi seluruh para mukminin berlandaskan prinsip firman Allah:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٠

Terjemahan: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara ... .*
(Surah al-Hujurāt 49:10)

Dan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١١

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) boleh jadi puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) boleh jadi puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah-setengah kamu menyatakan keaiban yang lain; dan janganlah kamu panggil-memanggil di antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang zalim.*

(Surah al-Hujurāt 49:11)

Firman Allah:

فَإِذَا نُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَلَآ أَنسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا يَتَسَآءَلُونَ ﴿١٠١﴾

سورة المؤمنون ٢٣ : اية ١٠١

Terjemahan: *Kemudian, apabila ditiup sangkakala, maka pada hari itu tidak ada manfaat pertalian kerabat di antara mereka, dan tidak pula sempat mereka bertanya-tanyaan.*

(Surah al-Mu'minūn 23:101)

Firman Allah:

. . . إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٣

Terjemahan: ... *Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya)...* .

(Surah al-Hujurāt 49:13)

Perkara 31 - Penyelesaian Masalah Kemiskinan di Negara-negara Komunis

Terdapat sesetengah kalangan yang memuji sistem jaminan sosial di Rusia yang merupakan masyarakat komunis yang paling maju. Oleh yang demikian eloklah dibuat tinjauan tentang apakah asas yang menjadi tonggak sistem di Rusia ini dan sejauh manakah ruang lingkupnya. Kemudian kita buat perbandingan di antara sistem itu dengan sistem *jaminan sosial* dalam Islam. Apabila sudah terbukti sistem yang digunakan di Rusia itu tidak mampu mengatasi sistem *jaminan sosial* Islam, maka tidak diragukan lagi bahawa tiada ruangan untuk dibuat perbandingan dengan sistem jaminan sosial untuk sebarang jua negara kapitalis, walau bagaimana tinggi tamadunnya. Ini kerana sudah diperakukan bahawa sistem jaminan sosial negara-negara kapitalis

itu lebih rendah tarafnya dan lebih sempit ruang lingkupnya daripada yang terdapat di Rusia. Sistem jaminan sosial di Rusia itu jika dibanding dengan sistem lain, dari sudut orang yang diberi jaminan yang berkenaan, adalah lebih banyak manfaat dan faedahnya kepada pihak yang berkenaan berbanding dengan sistem-sistem semasa. Ini kerana sumber kewangan sistem jaminan sosial di Rusia itu hanya berpunca daripada caruman yang dibuat oleh pihak yayasan sahaja, bukan daripada pihak pekerja atau buruh. Sedangkan di negara-negara kapitalis pihak pekerja ikut serta membayar caruman berkenaan daripada potongan wang gaji mereka bagi membiayai sistem jaminan sosial. Walaupun demikian keadaannya, nikmat jaminan sosial di Rusia itu tidaklah merata kepada seluruh warganegara, kerana faedah itu hanya dapat dinikmati oleh para pekerja perbadanan sahaja.

Sistem jaminan sosial ala komunis yang berlaku di Rusia itu merangkumi dalam rumusan yang ditulis oleh seorang pengarang Amerika yang bernama George M. Brisy, seorang pakar dalam bidang jaminan sosial. Beliau menulis tentang masalah berkenaan dalam bukunya yang bertajuk *Kehidupan Kaum Buruh Di Rusia*. Katanya: "Di sana terdapat beberapa ciri istimewa yang menyebabkan undang-undang jaminan sosial di Rusia itu berbeza dengan undang-undang negara lain dan menyebabkan undang-undang itu dapat memberikan manfaat yang lebih besar kepada kaum buruh (pekerja) melebihi undang-undang semasa. Ini kerana ia merangkumi semua buruh yang menganggotai perbadanan-perbadanan yang bekerja makan gaji; seperti juga ia memberi kuasa kepada perbadanan-perbadanan dan para pekerja sendiri untuk mengumpulkan caruman dan membahagikan faedahnya. Di samping itu kaum buruh atau pekerja di Rusia tidak membayar sebarang caruman untuk mendapat faedah daripada skim itu, bahkan semua modal caruman itu dibayar oleh pihak perbadanan. Keadaan ini berlainan dengan sistem yang terdapat di negara-negara lain, yang sudah menjadi kebiasaannya kaum buruh atau pekerja itu dikehendaki membayar sekitar 30 peratus atau 40 peratus kadar caruman modal skim itu mengikut kadar gaji mereka dan dipotong daripada jumlah gaji itu. Manakala kadar caruman yang dibayar kepada tabung-tabung kewangan jaminan sosial di Rusia bersamaan dengan 14 peratus daripada kadar gaji yang dibayar kepada orang yang berhak menerima faedah daripada skim itu, manakala di negara-negara lain kadar purata yang dibayar untuk skim ini adalah di antara dua peratus dan empat peratus sahaja daripada jumlah gaji. Dengan demikian skim ala Rusia ini mampu memberikan ganjaran yang lebih besar ketika ketidakupayaan untuk bekerja dan pada masa cuti bersalin, seperti juga ia mampu memberikan khidmat yang begitu mewah untuk penjagaan kanak-kanak dan urusan perubatan. Memang tiada sebarang keraguan bahawa sistem seperti ini dapat menghapuskan rasa curiga dan kurang yakin tentang nasib masa depan para pekerja, suatu hal yang tidak mampu dilakukan dalam negara-negara kapitalis".

Sebenarnya kebebasan bekerja yang diberikan oleh negara-negara Kapitalis kepada kaum pekerja itu sendirilah yang menghalang mereka membebaskan diri daripada mendapatkan keperluan asas mereka. Ini kerana gaji mereka yang kecil itu tidak memberi peluang kepada mereka untuk membuat simpanan

bagi keperluan pada masa mereka memerlukannya. Oleh sebab itulah kaum pekerja tidak dapat merasakan penyertaan negara mereka dalam memenuhi keperluan dan kewajipan harian mereka, serta tidak dapat mengharapkan suatu sumbangan untuk hidup di hari depan mereka. Dengan demikian bolehlah disifatkan bahawa skim jaminan sosial cara Rusia itu lebih baik daripada skim jaminan sosial kapitalis.

Demikianlah huraian mengenai kebaikan-kebaikan skim jaminan sosial cara Rusia. Dari segi kecacatan dan keaibannya, maka Brisy telah membuat kesimpulan seperti berikut: "Bahawa kepintaran dan kebijaksanaan manusia begitu terbatas sekali dan tidak berupaya mengetahui berbagai masalah yang terpaksa dihadapinya. Oleh sebab itulah skim yang dicipta oleh manusia juga ada kelemahannya. Hal ini kerana ia diasaskan berdasarkan prinsip-prinsip yang bercorak kemahiran dan kepakaran sahaja, suatu hal yang menyebabkan lahirnya satu golongan baru daripada kalangan teknokrat (iaitu golongan jurutera dan pengurus) yang menjadi punca timbulnya kepincangan dalam perimbangan kehidupan sosial. Melalui perkembangan zaman golongan teknokrat itu mempunyai beberapa kepentingan sendiri yang mereka pelihara dengan baik dan mereka berikan perhatian yang istimewa. Justeru itu mereka dinisbahkan kepada kepentingan umum; serupa dengan kaum Kapitalis dahulu. Dengan demikian golongan pekerja, terpaksalah mendewakan taukeh-taukeh atau pengurus-pengurus baru ini pula. Keadaan masyarakat pun berpecah menjadi dua golongan iaitu golongan yang berkuasa di satu pihak dan golongan yang patuh kepada penguasa di satu pihak yang lain, suatu hal yang menimbulkan perbincangan yang hebat terhadap ekonomi Soviet".

Sama ada benar atau salah dan bagaimana adil sekalipun pandangan Brisy terhadap fakta kehidupan sosial di Rusia, namun suatu hakikat yang nyata ialah sistem itu tidak merangkumi semua warganegara, kerana ia hanya memberikan jaminan kepada para pekerja perbadanan sahaja. Pekerja-pekerja daripada golongan lain tidak termasuk dalam sistem jaminan ini. Inilah satu kelemahan yang menghalangnya daripada menandingi sistem Islam yang merangkumi semua orang yang berhajat yang sama-sama beroleh jaminan sosial di peringkat negara. Sistem jaminan sosial Islam sebagai satu sistem yang lebih lengkap dan menyeluruh dari sudut pihak-pihak yang berhak mendapat faedah dan manfaat daripadanya, tidak merampas hak orang yang beroleh faedah daripadanya, dan tidak juga menyekat kebebasannya. Tetapi ia memberikan semua khidmat itu di bawah prinsip kerjasama dan persaudaraan umum yang menyebabkan setiap orang yang berada itu dapat merasakan; iaitu ketika dia membayar wangnya sama ada sebagai zakat, sedekah atau lainnya adalah semata-mata beribadah kepada Allah dan menunaikan kewajipan persaudaraan yang telah dimeteraikan oleh Allah di antara semua ummah.

Firman Allah:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٠

Terjemahan: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara ... .*
(Surah al-Ḥujurāt 49:10)

Prinsip persaudaraan umum itu jugalah yang menyebabkan setiap orang yang memerlukan bantuan, dan ketika hajat dan keperluannya tertunai, ia mendapati dirinya mendapat manfaat daripada hartanya melalui suatu hak yang diperakui oleh Allah dalam harta saudaranya yang berada. Oleh yang demikian tiada sebarang ungkitan yang berbangkit.

H.J. Wales telah menyatakan: "Sesungguhnya Islam telah membentuk sebuah masyarakat yang begitu bebas daripada kekerasan dan kezaliman sosial, melebihi mana-mana jua masyarakat ...".

Manakala jaminan sosial dan setiakawan dalam Islam itu bererti "persaudaraan" dan "bakti" serta pemeliharaan hak orang yang memerlukan bantuan. Sebaliknya dalam sistem lain ia memerlukan kekuatan undang-undang dan pentadbiran yang dilakukan oleh pihak pengurusan (urusetia). Kedua-dua prinsip di atas menurut pandangan Islam merupakan suatu hak yang boleh didapati oleh semua orang yang memerlukannya daripada segenap pelosok negara, bukan hanya untuk para pekerja perbadanan sahaja. Kedua-dua skim itu juga dalam Islam merupakan perkara yang mampu menyebarkan semangat kasih sayang dan kerjasama sesama manusia. Demikian juga idea mengenai sebuah masyarakat yang sihat dan penuh dengan semangat kebajikan ketara dengan begitu jelas sekali dalam sistem Islam yang juga berperanan untuk menegakkan sebuah masyarakat yang berakhlak, adil dan seimbang. Oleh yang demikian tiada lagi sebarang bentuk penindasan dan penganiayaan. Kita juga dapat melihat bentuk Islam yang misali itu dengan jelas kerana ia menyatakan sudut-sudut keduniaan dan kerohanian untuk diri manusia dalam bentuk yang seragam dan saling lengkap-melengkapi, kerana selain menyeru ke arah bergerak, beramal, berusaha dan berkembang maju, ia juga menyeru ke arah bantu-membantu, muhibah dan persaudaraan. Dengan demikian terlaksanalah secara praktik dan amalinya dalam sebuah masyarakat yang orang kaya tidak merasa terancam oleh kekayaannya dan orang miskin tidak terhina dan tersisih oleh kemiskinannya.

Berhubung dengan keadaan ini orientalis Gibbs mengatakan: "Islam masih dapat mengawal perseimbangan di antara kedua-dua haluan yang saling bersaingan di dunia Barat iaitu pengaruh sosialisme kebangsaan Eropah dengan fahaman komunisme Rusia ...".

Manakala Marx Wilhelm pula menyatakan: "Adapun kewajipan zakat itu merupakan suatu kewajipan agama yang wajib ditunaikan oleh anggota masyarakat. Di samping kewajipan yang bersifat keagamaan zakat juga adalah suatu sistem sosial yang umum, dan sebagai suatu sumber yang disimpan oleh negara Islam untuk memberi bantuan kepada orang miskin dan ditadbir mengikut kaedah pentadbiran di peringkat nasional. Islamlah yang pertama meletakkan asas sistem yang agung ini di sepanjang sejarah umat manusia. Jadi, zakat diwajibkan kepada golongan pemilik, peniaga dan orang kaya supaya negara dapat membelanjakan hasil kutipan ini kepada orang yang memerlukan bantuan dan juga orang yang tidak berupaya bekerja dalam masyarakat itu tanpa

membezakan kelompok-kelompok dalam sebuah negara dan menyatupadukan umat dalam lingkungan sosial yang adil. Dengan demikian maka sistem Islam ini membuktikan kepada umum bahawa ia tidak ditegakkan atas asas kepentingan diri yang melulu".

Sistem pembahagian pusaka dan pengharaman riba dalam Islam tidak membenarkan untuk mengaut keuntungan kecuali melalui keuntungan yang disyara'kan oleh agama dan bukannya keuntungan yang sudah terjamin dapat dicapai bagi wang yang dilaburkan. Semua ini memberikan suatu konsep yang unggul kepada teori-teori ekonomi Islam, yang dilaksanakan tanpa pemerasan. Ini memberikan pengertian bahawa ekonomi yang hakiki itu merupakan kemahuan bekerja dan bukan keinginan mendapat keuntungan daripada wang dan harta bagi mencapai tujuan-tujuan yang bercorak individualistik. Malah tidak diragukan lagi bahawa tonggak-tonggak ekonomi inilah yang mampu membawa keteguhan, amanah dan saling berhubung erat dalam berbagai bentuk hubungan sosial dengan menggunakan empat asas, iaitu:

(a) Amanah dari segi ekonomi;
(b) Kerjasama dalam bidang ekonomi;
(c) Menghad mengenai hak milik individu; dan
(d) Melaksanakan pelbagai projek pembangunan negara berasaskan muafakat di antara individu dengan masyarakat.

Leodorush mengatakan: "Sesungguhnya saya telah temui dalam Islam itu suatu penyelesaian dua masalah yang sentiasa menyusahkan seluruh dunia, iaitu penyelesaian pertamanya terletak dalam panduan al-Qur'an".

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٠

Terjemahan: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara ... .*
(Surah al-Hujurāt 49:10)

Ini adalah bentuk kerjasama yang paling unggul. Penyelesaian yang kedua pula terletak kepada kewajipan mengeluarkan zakat yang dikenakan ke atas setiap orang yang mempunyai harta.

Dr. Lura Fishie Faghlei pula menyatakan: "Sesungguhnya telah lenyaplah dua tamadun dan bergoyanglah dua agama, dan datanglah suatu agama baru yang mudah dan mengetuk pintu hati dan fikiran; sekaligus berhasil menegakkan bentuk baru bagi pemerintahan, yang bercorak politik dalam ciri-cirinya dan juga dalam prinsip-prinsip akhlaknya. Dengan kelahiran agama baru itu maka muncullah demokrasi yang sihat ...".

Paul Deurant pula mengatakan: "Jika kita membuat keputusan bahawa keagungan itu ialah pengaruh yang dimiliki oleh seseorang dalam masyarakat umat manusia, maka pasti kita katakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang tokoh sejarah yang paling agung sekali, kerana beliau telah mengambil tugas meninggikan taraf kerohanian dan kesusilaan bagi suatu bangsa yang

telah begitu lama berada dalam kejahilan dan kemunduran ... dan memang kita tidak berupaya menemui keagungan dalam seluruh rangkaian sejarah mengenai seorang tokoh reformis yang telah menetapkan supaya orang kaya membayar cukai seperti yang telah ditetapkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dengan tujuan membantu orang miskin".

Al-Qur'an pula telah mencetuskan dalam jiwa umat manusia aqidah kepercayaan yang paling mudah dan paling minimum kerumitannya serta paling jauh daripada terikat dengan adat resam dan upacara-upacara keagamaan dan bebas daripada semangat keberhalaan dan pendewaan kepada tokoh-tokoh agama. Islam juga memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan taraf kaum Muslimin di bidang akhlak dan kebudayaan. Islam juga telah menegakkan sistem jaminan dan perpaduan sosial, dan menggalakkan supaya diamalkan kaedah-kaedah kesihatan, serta membebaskan akal fikiran daripada perkara-perkara khurafat dan karut. Islam juga memperbaiki nasib golongan hamba sahaya di samping memberi galakan supaya mereka dimerdekakan dan ini telah mencetuskan rasa harga diri dalam jiwa umat manusia.

Islam mengajar umat manusia supaya menghadapi semua kesukaran dan menanggung ikatan-ikatan hidup tanpa keluhan. Dengan demikian tamadun Islam dalam bentuknya yang saling berkaitan dan lengkap-melengkapi itu mempunyai pengaruh yang positif lagi berkesan dalam mengubah bentuk kehidupan umat manusia serta memandunya ke arah suatu keadaan yang lebih mulia dan terhormat dari segi kebendaan, semangat dan kerohanian.

Perkara 32 - Penyelesaian Masalah Kemiskinan di Negara-negara Kapitalis

Pihak berkuasa di negara-negara kapitalis tidak berupaya membuat suatu penyelesaian terhadap masalah pengagihan kekayaan. Masyarakat dalam negara kapitalis terbahagi kepada dua kelompok:

(a) Kelompok pemilik harta dan orang kaya; dan
(b) Kelompok kaum pekerja dan orang miskin.

Pihak berkuasa selalunya cenderung dan memihak kepada pemilik harta dan orang kaya yang selalunya berperanan melindungi kepentingan modal daripada tuntutan kaum pekerja dan revolusi orang miskin. Tiada usaha yang dilakukan untuk meringankan beban orang miskin ataupun mendekatkan jurang perbezaan dalam bidang pengeluaran dan harta benda antara kedua-dua kelompok itu kecuali menambah jumlah cukai. Tujuannya untuk mendekatkan jurang perbezaan di antara kelompok-kelompok dalam masyarakat serta mengurangkan usaha pengumpulan wang dan kekayaan dalam kelompok yang kecil dan menambahkan bidang-bidang perkhidmatan awam untuk orang miskin. Selanjutnya menjadi matlamat utama negara untuk menyusun dan mengatur seberapa banyak cukai supaya wang itu dapat beredar dalam masyarakat dengan tujuan mengatasi masalah pengagihan yang tidak adil di kalangan individu. Namun demikian, walaupun pihak berkuasa di negara-negara

kapitalis sentiasa mengenakan berbagai cukai atau membuat tambahan cukai baru dan meluluskan perkhidmatan-perkhidmatan yang berbagai bentuknya, namun punca-punca perbalahan di antara pihak tuan-tuan punya harta dan orang kaya dengan para pekerja dan orang miskin masih belum mampu dihapuskan oleh pihak berkuasa. Negara juga tidak mampu meringankan ataupun mengurangkan sikap tamak haloba dan rakus oleh pihak yang pertama (tuan-tuan punya harta dan orang kaya) dan juga tidak berupaya menghapuskan perasaan benci dan dendam di pihak yang kedua (para pekerja dan orang miskin). Kelompok-kelompok itu terus bercakaran dan dengan demikian bertambah banyaklah penyakit sosial dalam masyarakat kapitalis itu. Akhirnya cukai-cukai yang dipungut oleh pihak yang berkuasa daripada orang-orang kaya dengan tujuan menyelesaikan masalah kemiskinan itu sebahagian besarnya kembali masuk ke saku tuan-tuan punya modal sebagai imbuhan atau "hutang" yang mereka berikan kepada negara dan hanya sedikit yang dapat dibelanjakan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa sistem pungutan cukai dalam negara-negara kapitalis tidak berjaya mengatasi masalah berlonggoknya harta dalam tangan segelintir anggota masyarakat. Ini menyebabkan masalah pemerasan, kemiskinan, kebencian dan dendam kaum pekerja dan orang miskin masih di tahap yang sama juga.

Ramai reformis di negara-negara kapitalis telah bersuara lantang dalam masalah ini dan mengemukakan berbagai skim untuk menyelesaikan masalah ini. Skim terakhir ialah yang dikemukakan oleh seorang tokoh di England yang dikenali dengan nama Sir William Befridge. Skim ini bertujuan menyekat perkembangan fahaman sosialis, dan menentang aliran kiri yang mulai berkembang pesat di negaranya sesudah jeritan dan laungan orang miskin yang perlukan bantuan telah kedengaran begitu nyaring sekali. Tetapi skim ini lahir sekejap sahaja lalu tidak kedengaran lagi, kerana ia ditentang hebat oleh golongan kapitalis yang memandangnya sebagai bahaya dan mengancam kekayaan serta menggugat harta mereka. Justeru itu puak konservatif telah menolak dan membekukannya sehingga teraju pemerintah negara diambil alih oleh Parti Buruh yang menjadikan skim itu sebagai polisi pemerintahannya dalam bidang sosial di peringkat nasional.

Skim berkenaan mempunyai tiga dasar untuk mencapai jaminan sosial iaitu:

(a) Memberikan wang kepada kedua ibu bapa untuk menyara setiap orang anak mereka.
(b) Peraturan yang lengkap dalam bidang jaminan kesihatan.
(c) Memberi bantuan kepada para penganggur.

Jadi apakah nilainya ini berbanding dengan sistem Islam yang bersifat mencakupi semua keadaan dan keperluan, seperti yang ditegaskan oleh ayat suci yang khusus mengenai peruntukan-peruntukan perbelanjaan wang dan harta zakat dan sedekah-sedekah dalam firman Allah:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَا

بِ وَٱلْغَـٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ . . .

سورة التوبة ٩ : اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan 'amil-'amil yang mengurusnya, dan orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (diberikan kepada) jalan Allah dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah.*

(Surah al-Taubah 9:60)

Tiada sebarang syarat selain syarat yang dapat memenuhi kelayakan untuk menerima bantuan itu daripada pihak yang beroleh manfaat seperti yang telah dinyatakan dalam ayat suci di atas.

Skim Befridge tersebut mempunyai beberapa kelemahan dan kecacatan. Antaranya ialah walaupun ia menggesa diberikan bantuan kepada kedua ibu bapa untuk menyara hidup setiap orang anak mereka, dan mengemukakan suatu sistem yang menyeluruh dalam bidang jaminan kesihatan, serta membayar beberapa bentuk bantuan kepada penganggur, ia juga memandang keadaan pengangguran yang dialami oleh setiap individu itu, dari sudut memberikan bantuan, sama tarafnya dengan gaji yang didapatinya pada ketika dia sedang bekerja, tetapi dilakukan pekerjaannya itu lambat dan lembab. Ini dengan sendirinya merupakan suatu bahaya yang akan menimpa orang yang beroleh faedah daripada bantuan itu sendiri jika mereka tidak menerima bantuan yang mencukupi keperluan sebenar mereka. Seterusnya skim ini juga menghendaki supaya pemberian bantuan itu dilakukan berterusan supaya tidak berkurang pendapatan orang yang berkenaan. Seterusnya jumlah bantuan yang dapat diberikan dalam bentuk jaminan itu semakin kurang. Ini menyebabkan Sir William Befridge menjangkakan melalui skimnya ini maka zaman sistem ekonomi bebas akan berakhir. Oleh sebab itulah beliau menggesa supaya negara campur tangan dalam menentukan harga barangan dan mengendalikan urusan pelaburan serta mengawal urusan perhubungan di samping memiliknegarakan beberapa perbadanan di beberapa sektor pengeluaran dengan memberikan kelonggaran khusus dalam bidang ekonomi dalam beberapa sektor yang lain pula.

FASAL TIGA: DOKTRIN EKONOMI

Perkara 33 - Beberapa Doktrin Ekonomi[11]

Doktrin-doktrin yang membincangkan masalah-masalah individu dengan sistematik boleh dibahagikan kepada dua.

11 Dr. Ibrahim Dusuki Abazah, *Ekonomi Islam*.

Perkara 34 - Doktrin-doktrin Ciptaan Manusia

Doktrin-doktrin ciptaan manusia ialah doktrin-doktrin yang berbentuk teori dan falsafah pemikiran manusia di sepanjang sejarah yang bertujuan mengatur pelbagai masalah individu dan masyarakat.

Perkara 35 - Doktrin-doktrin Keagamaan

Doktrin-doktrin keagamaan ialah doktrin-doktrin yang berbentuk pengajaran dan nilai-nilai yang dibawa oleh agama. Doktrin-doktrin ini mencakupi seluruh masalah hidup individu dan masyarakat dengan teratur dan tersusun.

Sama ada doktrin ciptaan manusia ataupun doktrin keagamaan, ia mesti mempunyai konsep kepercayaan tertentu. Setiap individu dan masyarakat perlu menghayati dan mengikuti panduannya, dan mungkin juga unsur terpenting yang paling berpengaruh dalam hubungannya dengan sesuatu sistem ekonomi iaitu konsep kebebasan dan persamaan taraf yang merupakan asas utama keadilan sosial yang diimpikan oleh semua.

Kebebasan yang dimaksudkan itu ialah jaminan kebebasan dari masyarakat untuk setiap individu dalam bidang pekerjaan dan pengeluaran (kebebasan memilih jenis pekerjaan dan situasinya serta kebebasan memilih jenis dan kaedah pengeluaran). Manakala persamaan pula ialah hak-hak yang diberikan oleh masyarakat kepada setiap individu dalam pengagihan dan faedah-faedah pengeluaran (iaitu pembahagian tugas-tugas dan pengagihan pulangan pengeluaran iaitu pendapatan).[12]

Perkara 36 - Doktrin-doktrin Ciptaan Manusia: Aliran Fahaman Kebendaan yang Bercorak Liberalisme dan yang Berlandaskan Marxisme

Suatu kajian yang terperinci terhadap doktrin-doktrin ciptaan manusia masa kini telah dimulai dengan doktrin liberalisme dan marxisme dengan disertai oleh perbandingan dan pelaksanaannya. Kajian ini pasti memberikan hasil bagi melahirkan kesimpulan mengenai betapa luasnya jurang yang memisahkan teori doktrin yang berkenaan dengan realiti dan ekorannya yang berbentuk penganiayaan, penindasan dan kehampaan.

Hal ini berlaku kerana liberalisme telah meletakkan kebendaan itu sebagai jalan dan matlamatnya. Oleh yang demikian ia telah menyusun dan mengatur dorongan-dorongan ke arah pengeluaran dan hak-hak pengagihan itu berasaskan sumber ekonomi bagi setiap individu. Sumber itu dibatasi oleh kebendaan dengan segala rangkaiannya yang berbentuk keistimewaan dan kekuasaan. Oleh yang demikian, asas dan matlamat aktiviti ekonomi ialah keuntungan semata-mata.

Oleh itu segala dorongan yang menggerakkan aktiviti dan yang mengarahkan gerakannya berlegar di sekitar keuntungan semata-mata. Setiap indi-

12 Dr. Ibrahim Dusuki Abazah, *Ekonomi Islam* dan juga buku karangan Dr. Ali Abdul Wahid Wafi.

vidu bebas melakukan aktiviti ekonomi menurut cara yang dikehendakinya dan dengan bentuk yang disukainya selagi aktiviti itu masih berlegar di sekitar keuntungan yang berbentuk kebendaan dan menghormati kaedah-kaedah persaingan bebas.

Oleh yang demikian, matlamat utama pengeluaran ialah keuntungan. Keuntungan boleh diperoleh melalui persaingan di antara pihak-pihak yang setaraf. Pembahagian faktor-faktor dan pengagihan faedah pengeluaran berlaku berdasarkan undang-undang dan peraturan semula jadi yang dapat memenuhi kepuasan anggota masyarakat serta dapat mewujudkan keadilan yang sama rata. Ia dilakukan melalui undang-undang atau dalam mekanisma harga. Oleh itu faktor-faktor pengeluaran sentiasa menghalakan haluannya kepada penggunaan yang paling cekap melalui sektor penentu yang mempunyai kuasa ajaib iaitu harga. Oleh yang demikian, apabila harga dalam sesuatu sektor pengeluaran lebih memuaskan berbanding dengan harga sektor yang lain ini merupakan petanda bahawa individu sedang memerlukan pengeluaran sektor itu. Berikutnya faktor-faktor pengeluaran tersebut akan bertumpu kepadanya dan ini menyebabkan pengeluaran dalam sektor yang berkenaan akan bertambah. Seterusnya harga barangan dalam sektor tersebut akan berkurangan agar seimbang dengan harga barangan dalam sektor pengeluaran yang lain.

Manakala pengagihan hasil-hasil pengeluaran beroperasi mengikut kemampuan setiap seorang untuk membayar harga sesuatu barangan. Dengan demikian permintaan kepada sesuatu barangan (sama ada barangan yang bercorak pengeluaran atau penggunaan) tidaklah dianggap sebagai permintaan sebenar mengikut pengertian ekonomi kecuali apabila ia disokong dan disertai dengan wang. Permintaan yang tidak disokong dengan wang tinggal terbengkalai tanpa dipenuhi walaupun ia merupakan keperluan yang sangat mustahak bagi kehidupan masyarakat itu.

Perkara 37 - Peranan Negara di Bawah Sistem Ekonomi Pasaran Bebas

Di bawah sistem ekonomi pasaran bebas negara merupakan sebuah lembaga politik yang berkecuali. Ia tidak boleh campur tangan dalam aktiviti ekonomi sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Tanggungjawab negara di bawah sistem kegiatan pasaran bebas semata-mata tertumpu kepada kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti tradisional sahaja. Seperti kegiatan dalam bidang kehakiman, pertahanan dan keamanan ataupun beberapa kegiatan ekonomi yang tidak berapa diminati dan juga tidak dihiraukan oleh individu.

Demikianlah halnya tokoh-tokoh fahaman ekonomi pasaran bebas mengemukakan sistem ekonomi mereka sambil mendakwa bahawa sistem itu bukanlah hasil rekaan mereka tetapi merupakan hasil penyelidikan dan penemuan mereka. Ahli-ahli ekonomi kapitalis berpendapat bahawa dalam sistem ekonomi pasaran bebas inilah terdapat sistem tabii yang sesuai dan dapat melaksanakan kepentingan individu dan masyarakat iaitu berdasarkan pertemuan di antara kedua-dua kepentingan. Oleh yang demikian ketika setiap

individu itu berusaha untuk mencapai kepentingan peribadinya maka pada masa yang sama juga dia berusaha melaksanakan kepentingan masyarakat, kerana apakah sebenarnya yang dinamakan kepentingan masyarakat itu? Ia hanya berkumpul dalam suatu perkataan sahaja, iaitu kumpulan kepentingan-kepentingan peribadi para individu.

Memang tidak perlu dihuraikan dengan panjang lebar lagi masalah tersebut kerana ternyata bahawa pelaksanaan teori-teori pasaran bebas ini telah menimbulkan natijah dan kesudahan yang sama sekali bertentangan dengan panduan dan kajian-kajian yang bercorak teori. Sebagai akibatnya terbukalah pintu yang begitu luas bagi teori marxisme dengan segala ekoran dan akibatnya yang berbentuk pemikiran itu untuk masuk ke gelanggang umat manusia sambil membawa ramalan mengenai kegagalan masyarakat yang bercorak kapitalis.

Namun demikian perlu ditegaskan di sini bahawa fahaman marxisme tidak memulakan langkahnya kecuali daripada hasil kegagalan dan kehancuran sistem kapitalis. Oleh itu ia mengambil alih peranan peninggalan sistem kapitalis dalam bentuk kezaliman-kezaliman sosial untuk ditegakkan di atasnya suatu ramalan dan impian masa depan yang cerah dan gemilang iaitu melalui pembentukan pemikiran yang penuh prasangka berasaskan aliran fahaman tradisional Inggeris peninggalan David Ricardo yang merupakan asas fikiran. Dan teori Marx, yang bernama falsafah sejarah yang ditegakkan di atas doktrin Hegel, yang menjadi hujah yang bercorak kebendaan yang mentafsirkan perkembangan masyarakat dengan realiti masyarakat yang bercorak kebendaan dan mengaitkannya dengan keadaan masyarakat sama ada secara positif ataupun negatif.

Pada ketika Marx membuat kesimpulan bahawa realiti setiap manusia yang bercorak kebendaan itulah yang menentukan corak perasaannya dan bukan faktor yang lain, Marx telah mengambil dalil bahawa setiap bentuk pengeluaran itu adalah bersamaan dengan suatu konsep kesedaran sosial. Dr. Ali Abdul Wahid Wafi membuat takrif mengenai fahaman marxisme yang juga terkenal dengan nama *teori kebendaan yang bercorak sejarah* yang menetapkan bahawa kehidupan yang berbentuk kebendaan, terutama yang berkaitan dengan urusan pengeluaran, merupakan faktor asli yang menjadi punca bagi semua peristiwa yang berlaku, sama ada dalam bidang sosial atau yang berbentuk perkembangan dan perbezaan, mengikut perkembangan dan perbezaan bangsa dan zaman. Sebagai contoh kemajuan dan perkembangan yang berlaku pada pengisar, daripada pengisar yang diputar dengan tangan bertukar menjadi pengisar yang diputar dengan angin (udara), kemudian kepada pengisar yang diputar dengan wap. Demikian juga kapal yang bergerak dengan arus air menjadi kapal layar yang berjalan dengan kekuatan angin hinggalah menjadi kapal yang menggunakan enjin. Menurut teori Marx semua kejadian dan perkembangan yang berlaku dalam alam kebendaan, terutama sekali dalam sektor pengeluaran, adalah menjadi punca dan sebab bagi segala kemajuan dan perkembangan yang berlaku dalam sektor politik, ekonomi, keluarga, moral, agama dan semua masalah sosial yang lain.

Menurut pandangan Marx semua gejala sosial yang beraneka bentuk tidak lain dan tidak bukan merupakan reaksi yang bertindak balas daripada kehidupan dan perkembangan dalam bidang kebendaan terutama sekali kemajuan dan perkembangan dalam sistem pengeluaran. Oleh yang demikian setiap keadaan yang berlaku dalam bidang kebendaan adalah pasti selaras dengan keadaan dalam sektor sosial, ekonomi, agama, moral dan sebagainya, dan tidak mustahil pula ia akan membawa kepada berlakunya keadaan yang sesuai dengan kemajuan kebendaan itu dalam semua bidang yang berkenaan. Sememangnya terdapat tamadun sesuatu umat manusia yang tertentu yang selaras dengan kehidupan ekonomi yang dipengaruhi oleh kilang yang beroperasi dengan kuasa angin, seperti juga terdapat tamadun tertentu umat manusia yang sesuai dengan kehidupan ekonomi pada zaman industri yang beroperasi dengan wap. Oleh itu, kedua-dua bentuk kehidupan ekonomi itulah yang menentukan corak tamadun yang sesuai dengannya.

Marx juga berpendapat bahawa masyarakat umat manusia itu, sebagai hasil daripada pertentangan dan persaingan yang terpendam. Mereka mengalami kehidupan yang berbentuk pertentangan dan persaingan di antara kelas. Hal ini sama seperti sistem feudal yang telah mengosongkan tempatnya untuk diisi oleh sistem kapitalis. Demikianlah juga halnya dengan sistem atau fahaman kapitalis yang sedang mengosongkan tempatnya untuk digantikan oleh sistem dan aliran komunis kerana sistem kapitalis itu sendiri sebenarnya sedang membawa dan mengandungi bibit-bibit kehancuran dirinya sendiri. Teori Marx itu berhenti setakat membuat ramalan seperti ini sahaja tanpa memberikan sebarang ketegasan dan penentuan kepada kita mengenai hakikat fahaman komunisme itu dan juga tentang prinsip-prinsip asasnya, dan juga tentang sama ada ia merupakan suatu peringkat peralihan ataupun sebagai penamat sejarah?

Pada ketika Marx cuba membuktikan bagaimana caranya sistem kapitalis itu hancur, dia pun memberikan tumpuan kepada faktor ekonomi untuk dijadikan alasan daripada faktor itu. Ini ialah kerana asas sistem kapitalis (cara-cara pengeluarannya) telah pun berubah.

Perkara 38 - Asas Atasan

Bahagian asas atasan (iaitu penyusunan dan kepercayaan-kepercayaan) masih belum menjalankan tugasnya mengikut konsep yang selaras dengan kepentingan-kepentingan kelas baru (iaitu kelas buruh dan pekerja). Oleh sebab itulah maka kelas baru ini mestilah mengharungi pergelutan dengan kelas yang beroleh faedah daripada asas bawahan, dan mestilah pula pergelutan itu berkesudahan dengan mendapat kejayaan bagi kepentingan kelas baru itu dengan cara beroleh kekuasaan memerintah dan kuasa untuk merobohkan asas atasan yang lama dengan segala penyusunan dan kepercayaannya dan menundukkannya untuk asas atasan yang baru yang selaras pula dengan cara-cara pengeluaran yang baru.

Faktor dan sebab utama peralihan itu ialah berlakunya keadaan tidak

stabil dan suasana harga yang turun naik. Ini merupakan cetusan fikiran yang diceduk oleh Marx daripada David Ricardo dan telah digunakan dalam analisanya dengan mengambil contoh daripada ahli ekonomi Jerman yang bernama Karl John Rodbertus. Persaingan di antara golongan buruh yang tertindas dengan golongan pemodal (kapitalis) yang menindas kerana harga itu bergantung kepada pekerjaan.

Manakala pihak tuan punya atau pemilik pekerjaan menguasai sebahagian besar harga dan menentukan harga untuk kepentingannya. Akibatnya, wujud keadaan tidak seimbang di antara permintaan dengan penawaran. Dengan demikian hancurlah sistem kapitalis dalam krisis-krisis yang berlaku akibat terlalu banyak pengeluaran berbanding dengan kuasa beli golongan buruh.

Namun demikian kita tidak bermaksud mengemukakan teori marxisme itu dalam ruangan ini dengan terperinci dan lengkap kerana cukup kiranya kita mengemukakan garis-garis kasarnya yang meletakkan kebendaan itu melebihi daripada segala-galanya. Di samping itu juga meletak dan memandang perkembangan dan perubahan itu pasti akan mewujudkan persaingan yang tidak dapat dihindarkan di antara kedua-dua golongan, pemodal dan buruh kerana merebut harta kekayaan. Persaingan ini sebelumnya berlaku di antara golongan feudal dengan golongan *bourgeois*. Sekarang tidak dapat dihindarkan bahawa persaingan itu pasti pula berlaku di antara golongan *bourgeois* dengan kaum buruh.[13]

Demikianlah seterusnya dalam teori Marx itu tidak ada lojik peralihan besar di sepanjang sejarah umat manusia yang dilakukan oleh nilai-nilai yang lain daripada nilai-nilai kebendaan. Manifesto Komunis yang dikarang dan disiarkan oleh Marx dan Engels dalam tahun 1848 telah membuat pengisytiharan seperti berikut: (*Manifesto du Parti Communiste*, edisi A. Costes, Paris 1953), bahawa tuntutan dan keperluan manusia itu terbatas dalam tiga perkara:

(a) Makanan;
(b) Pakaian; dan
(c) Kepuasan seks.

Dengan demikian maka sejarah umat manusia itu seluruhnya diperintah dan dipengaruhi oleh ketiga-tiga nilai di atas. Sudah pasti kemenangan dan kejayaan berada di pihak yang tiba gilirannya dari segi sejarah bagi merebut ketiga-tiga keperluan mengikut nilai-nilai itu.

Walaupun terdapat pertentangan yang sangat menonjol di antara kedua-dua doktrin ini iaitu doktrin liberalisme dengan doktrin marxisme, namun pada realitinya kedua-dua doktrin itu merupakan anak kembar yang lahir daripada seorang ibu, iaitu daripada tamadun Barat kerana kedua-duanya lahir daripada masyarakat Barat dengan segala rangkaian dan ekorannya yang bercorak kebendaan dan pemikiran, dan kedua-duanya saling bertemu di suatu

13 Dr. Ibrahim Dusuki Abazah, *Ekonomi Islam*, dan hasil karangan Prof. Muhammad Baqir al-Sadr, hlm. 17

sumber yang sama, walaupun saling berjauhan dari segi cawangan dan cabangnya, iaitu daripada kebendaan.[14]

Doktrin liberalisme telah melakukan kesilapan dengan mengorbankan persamaan (taraf) untuk mencapai kebebasan, manakala doktrin marxisme juga telah melakukan kesilapan kerana mengorbankan kebebasan untuk mendapat persamaan yang merata dalam amalannya, mengakibatkan tercicirnya prinsip-prinsip keadilan sosial yang sejati.

Oleh itu liberalisme dalam bidang ekonomi tidak lain daripada suatu khayalan kosong sahaja daripada segi amalan mahupun pelaksanaannya. Hal ini berlaku kerana ia telah melahirkan sistem kapitalis yang mengakibatkan timbulnya kezaliman dan penganiayaan dalam bidang pengagihan kekayaan yang menyebabkan berlakunya kepincangan yang sangat menjolok dalam perimbangan antara golongan dalam masyarakat.

Manakala marxisme pula tidak mampu berbuat lebih daripada menukar kezaliman dan penganiayaan itu kepada suatu bentuk kezaliman dan penganiayaan bentuk baru kerana pada ketika ia menjelma daripada teori yang ideal ke gelanggang pelaksanaan, maka ia pula telah melakukan melalui kaedah lojiknya beberapa perbezaan bentuk baru, iaitu perbezaan-perbezaan dalam pembahagian dan pengagihan kekuasaan di antara orang yang memiliki kekuasaan dengan orang yang tidak berkuasa.

Huraian sepenuhnya mengenai masalah ini menunjukkan dalam sistem kapitalis "yang dilahirkan oleh fahaman liberalisme" kekuasaan politik tidak semestinya disertai dengan kekuasaan dalam bidang ekonomi dan sosial. Walaupun dalam beberapa keadaan tertentu kekuasaan-kekuasaan itu sering juga bersatu dalam tangan pihak yang memegang kekuasaan politik. Oleh itu, para pemimpin politik dalam sistem kapitalis tidak semestinya selalu menjadi pihak yang mempunyai kekayaan dalam bidang kebendaan dan bukan selalunya ia menjadi pihak yang memegang kuasa dalam masalah yang berkaitan dengan kebebasan aktiviti secara individu dalam bidang ekonomi. Di samping itu kekuasaan tersebut tidak boleh menjangkau tanpa batasan dalam bidang sosial. Dengan demikian, dalam sistem ini setiap individu dapat menikmati kebebasan yang saling berbeza daripada suatu sistem pemerintahan dengan sistem pemerintahan yang lain kerana setiap individu itu diberi hak untuk memilih secara bebasnya sesuatu pekerjaan, atau untuk menukar pekerjaannya. Dia juga mempunyai kebebasan untuk menerima atau menolak sesuatu pekerjaan dan dia juga diberi kebebasan untuk menukar corak penghidupannya.

Namun demikian keunggulan dan kebaikan relatif daripada sistem ini selalu sahaja bertembung pula dengan satu kecacatan sosial yang lahir daripada perjalanan sistem itu sendiri, iaitu kemunculan perbezaan yang ketara dalam pengagihan kekayaan dan mengakibatkan terbahaginya masyarakat kepada dua golongan, iaitu golongan orang yang berada dan golongan yang tidak berada. Di samping itu sebahagian besar masyarakat liberal sering

14 Hasil kajian Dr. al-Mahdi bin Abud yang berjudul, *Teori Marxisme dan Asas-asasnya yang Berbentuk Iktikad.*

bersikap rakus dan melampaui batas oleh pihak pemodal yang menguasai bidang-bidang dan masalah politik dalam bentuk yang langsung atau tidak langsung, sedangkan pada dasarnya dalam sistem ini tidak dibenarkan wujudnya gabungan di antara kedua-dua kekuasaan.

Dalam sistem *kolektif* yang muncul daripada doktrin marxisme, orang yang memegang tampuk pimpinan politik daripada sesebuah parti sahaja, pada waktu yang sama ialah orang yang memegang kekuasaan dalam bidang ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian seluruh urusan masyarakat terletak dalam genggaman tangan sahaja. Alasannya, merekalah orang yang membuat ketetapan menerima dan menolak dalam masalah-masalah politik dan sosial. Dengan demikian semua hak membuat keputusan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial terbatas dalam lingkungan sebuah parti politik sahaja dan dalam kerajaan yang mewakili parti politik itu.

Oleh yang demikian tidaklah dapat dihindarkan lagi bahawa haluan pelaksanaan teori marxisme itu mestilah sentiasa terikat dengan lojik doktrinnya, iaitu selama doktrin itu menentukan kekuasaan suatu golongan tertentu atas semua golongan lain, dan memberikan arahan kepada setiap golongan yang berkuasa, dan pemimpin seluruh negara, supaya bertindak dengan baik dan teliti. Oleh itu menjadi suatu perkara yang tabii bahawa akan lahirlah daripada pemusatan kekuasan itu dan juga daripada sikap monopoli dalam melaksanakan kekuasaan itu, beberapa ciri perbezaan dalam bentuk kebendaan dan kerohanian, di antara orang yang mengendalikan kekuasaan itu dengan orang yang tidak mengendalikannya.

Faktor utama yang menyebabkan penyelewengan kedua-dua sistem ini dalam bentuk yang begitu buruk berpunca daripada asas pemusatannya yang berprinsipkan nilai-nilai kebendaan sahaja. Di samping itu, begitu jauhnya kedua-dua sistem itu daripada menghormati nilai-nilai kerohanian yang menyebabkan kedua-dua sistem itu tidak berupaya langsung untuk melaksanakan keseimbangan di antara tuntutan-tuntutan kebebasan di suatu pihak dengan prinsip-prinsip persamaan di pihak yang lain. Akibatnya, kedua-duanya tercicir dan tidak berupaya memberikan tumpuan kepada prinsip-prinsip keadilan sosial yang sejati.

Perkara 39 - Doktrin-doktrin Agama: Islam dan Kristian

Memang tidak dinafikan bahawa doktrin-doktrin dan mazhab-mazhab agama telah melaksanakan sesuatu yang tidak dapat dinafikan pengaruh dan kesannya dalam perkembangan ekonomi. Hal ini adalah sebagai tambahan atas peranan dan tanggungjawabnya dalam proses pembinaan tamadun-tamadun teragung di sepanjang sejarah, malah kemajuan besar yang telah dapat dicapai oleh umat manusia seluruhnya adalah berakar tunjang kepada dasar-dasar dan asas-asasnya kepada doktrin-doktrin serta mazhab-mazhab yang bercorak keagamaan.

Sesungguhnya ajaran dan arahan doktrin-doktrin keagamaanlah yang telah memungkinkan tercapainya kemajuan dalam bidang kebendaan dalam

lingkungan ketinggian nilai kerohanian yang didakwahkan oleh doktrin-doktrin keagamaan itu, yang moral dan norma-norma kesusilaan telah memainkan peranannya di samping ilmu pengetahuan dalam menegakkan tonggak dan memperkukuhkan sendi-sendi tamadun itu.

Hal ini ialah kerana tamadun itu bukanlah hanya hasil kemajuan dalam bidang kebendaan sahaja tetapi adalah daripada gabungan dan percantuman di antara kebendaan dan kerohanian.

Dengan pengertian yang lebih jelas pembinaan tamadun itu adalah hasil percantuman aktif yang saling memberi dan menerima di antara ilmu dan moral bersama-sama dalam satu suasana kejiwaan yang khusus dan tersendiri. Ini adalah kerana tidak mungkin sama sekali dapat ditegakkan sebuah tamadun yang lengkap sempurna di atas landasan ilmu pengetahuan sahaja, kerana tidak dapat dihindarkan sama sekali pertemuan, percantuman dan saling bantu-membantu di antara kedua-dua aspek tamadun itu. Ini disebabkan apabila sahaja ilmu pengetahuan mencapai kemajuan tanpa disertai oleh kemajuan moral, maka tamadun itu menjadi kosong dan tidak bernilai yang akan menghasilkan sebuah masyarakat yang statik dan tidak bermaya. Apabila sahaja moral mencapai kemajuan yang tinggi tanpa disertai oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan sains maka perimbangan tamadun menjadi pincang yang mengakibatkan kelemahan dan mudah menyerah kalah.

Dengan demikian maka ilmu pengetahuan (sains) dan moral itu merupakan dua unsur yang saling kait-mengait dan sangat penting dalam pembinaan sebuah tamadun yang sempurna dan pencapaian kemajuan yang *syumul* dan menyeluruh.

Sesungguhnya Arnold Toynbee telah menyedari akan hakikat ini ketika beliau menyatakan bahawa: "Manusia itu adalah jenis makhluk yang mempunyai kehormatan, pengertian dan daya usaha. Semua doktrin dan juga teori yang berlandaskan benda atau kebendaan tidak akan mampu mencapai ketinggian rohaniah untuk manusia seperti yang diberikan kepadanya oleh ajaran agama".

Sesungguhnya agama Kristian telah pun memainkan suatu peranan yang sangat penting terutama sekali daripada kumpulan-kumpulan Protestant dalam menegakkan kemajuan dan keagungan sistem kapitalis di Barat hingga sampai ke peringkat bahawa para ahli sejarah ekonomi telah sepakat mengakui bahawa kemajuan yang begitu pesat dan cepat tidak mungkin tercapai tanpa nilai-nilai kerohanian ini.

Sesuatu yang ganjil jika kemajuan ekonomi yang telah dicapai oleh sistem kapitalis Barat tidak mendapat sokongan dan dukungan daripada sesuatu doktrin atau mazhab ekonomi agama Kristian mengikut pengertian yang sebenar. Ini kerana aliran mazhab Protestant yang tegak di atas beberapa pengajaran dan nilai-nilai kerohanian yang tidak mempunyai matlamat ekonomi, dan perkembangannya pula tidak membawa hasil yang positif dari segi ekonomi kecuali melalui cara yang tidak langsung.

Oleh yang demikian agama Kristian dengan puak dan golongannya yang berbeza itu pada dasarnya adalah satu agama yang menyeru setiap individu

kepada jalan yang benar, walaupun ada beberapa kalangan pegawai-pegawai dan tokoh-tokoh gereja terutama sekali pada Zaman Pertengahan dahulu telah melakukan ijtihad dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membuat rumusan dan kesimpulan untuk menggubal satu undang-undang yang bercorak kegerejaan dan merangkumi suatu kumpulan kaedah-kaedah ekonomi yang semuanya itu berlegar di sekitar pengertian moral dan kerohanian.

Maka muncul pula teori Islam mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan individu dan masyarakat dalam bentuk yang lebih luas dan menyeluruh. Ajaran-ajaran Islam tidak hanya terbatas dan terhenti di sekitar masalah-masalah manusia yang berbentuk kerohanian semata-mata, tetapi ia juga menjangkau masalah-masalah kebendaan. Alasannya bahawa Islam itu sendiri adalah suatu seruan dan dakwah yang jelas supaya dihayati sepenuhnya dalam penghidupan ini sebagai mengamalkan perintah Allah S.W.T.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسْتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

سورة الأنفال ٨ : اية ٢٤

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila Dia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya dan sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan.*

(Surah al-Anfāl 8:24)

Hakikat ini begitu jelas dan nyata dalam banyak ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi yang mencakupi sudut kehidupan di sepanjang hayat umat manusia dengan cara teratur. Hakikat itu juga meletakkan prinsip-prinsip asas yang dapat membentuk suatu mazhab dan doktrin ekonomi yang khusus dan tersendiri dalam menghadapi masalah ekonomi.

Doktrin ekonomi Islam tidak berhenti setakat pengajaran dan prinsip-prinsipnya sahaja, malahan ia telah turun ke peringkat pelaksanaan sejak saat-saat pertama kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Inilah bidang yang membezakan Islam dengan semua doktrin agama yang lain. Daripada hasil pelaksanaan doktrin itu muncullah beberapa masalah dan keadaan yang memerlukan ijtihad bagi mengatasinya. Dengan yang demikian maka di sepanjang sejarah Islam terbentuklah satu kumpulan hasil ijtihad yang berdasarkan ilmu fiqh yang merupakan warisan terpenting dalam masalah ini. Kalaulah usaha berijtihad itu telah terhenti ataupun menjadi lemah dalam lapangan ini (ekonomi) sedangkan perkembangan ekonomi dan sosial terus berlaku dengan pesatnya berbanding dengan keadaan pada zaman permulaan Islam dahulu, maka keadaan ini tidaklah menjejaskan atau mencacatkan sistem ekonomi Islam sebagai suatu sistem yang penting dan sangat berfaedah.

Oleh yang demikian, kaedah, arahan dan panduan yang menyeluruh dan umum tidak akan berubah dalam al-Qur'an dan al-Sunah, selama-lamanya

mampu menjadi tempat dan asas ijtihad. Manakala hasil-hasil ijtihad yang telah ada dan telah dilakukan dahulu itu terus menjadi warisan kepada kita mencari ilham dan beroleh faedahnya.

Perkara 40 - Jack Austruy

Pandangan seperti di atas adalah menjadi pegangan ramai *fuqaha* Islam pada masa kini. Malahan kita masih dapat melihat kesan dan pengaruhnya di negara-negara beragama Kristian. Kesan yang paling jelas dan kuat sekali dari sudut doktrin ekonomi ialah pandangan yang dilahirkan oleh seorang pakar ekonomi moden berbangsa Perancis, Jack Austruy dalam buku karangannya yang berjudul *Islam Dalam Menghadapi Pembangunan Ekonomi.* Beliau telah membincang dan menghuraikan doktrin ekonomi Islam dengan satu kupasan yang jitu dan analisis yang jujur. Beliau telah membuat kesimpulan bahawa Islam merupakan jalan ketiga dalam pembangunan ekonomi dan memang tiada jalan lain yang pasti dalam pembangunan ekonomi seperti yang didakwa oleh doktrin sekular mulai daripada doktrin liberalisme hinggalah kepada doktrin marxisme.

Perkara 41 - Doktrin Islam dan Pembangunan Ekonomi

Islam adalah suatu agama yang mengatasi agama-agama Samawi yang lain, telah mengemukakan hasil yang bercorak tamadun yang diiktiraf oleh umat manusia. Memang tiada sebarang keraguan bahawa seorang ahli ilmu pengetahuan yang berkecuali dan tidak berat sebelah selalu menghargai dan memandang tinggi kepada matlamat-matlamat yang telah ditentukan oleh Islam dan juga kepada hakikat-hakikat yang menjadi tumpuannya dengan kaedah-kaedah pelaksanaan yang telah digariskan oleh Islam.

Semua nilai ini dipandang sebagai warisan yang sangat besar pengaruhnya untuk memajukan masyarakat Islam dan mendorongnya ke jalan pembangunan yang *syumul* dan menyeluruh.

Namun demikian pandangan seperti ini tidak mungkin terlaksana kecuali dengan dipelajari dan dikaji kembali prinsip-prinsip dan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh al-Qur'an dan yang ditafsirkan oleh sunah Nabi s.a.w. mengikut perkembangan ekonomi semasa. Alasannya bahawa daripada kajian tersebut dapatlah didedahkan sejauh manakah fleksibeliti nilai-nilai Islam itu dan sejauh mana pula keupayaannya menyesuaikan diri dengan masalah-masalah pembangunan ekonomi yang ikut serta memberikan sumbangan dan panduannya bersama-sama dengan kemajuan dan perkembangan masa dan tempat.

Hal ini adalah kerana Islam telah pun menetapkan asas-asas perundangan dan peraturan yang tersusun rapi untuk memandu aktiviti umat manusia. Oleh itu Islam tidak membiarkan umat manusia mempunyai hak sendiri dalam bidang perundangan dalam semua urusan, tetapi pada masa yang sama pula Islam tidak mengikat mereka dengan suatu bentuk perundangan khusus

kerana sesungguhnya ia telah menggariskan nas-nas dalam masalah hukum-hukum yang asasi yang tidak akan berubah oleh perubahan zaman dan tempat. Manakala dalam keadaan yang lain ia memberi kuasa kepada *Waliyul Amri* atau pihak yang berkuasa dan pakar-pakar yang berkelayakan untuk melakukan ijtihad untuk merumuskan penyelesaian mengikut *maslahat* dan kepentingan umum dalam lingkungan asas-asas umum tadi.

Berdasarkan huraian di atas maka wajib dan perlu benarlah dibezakan di antara syariah Islam dengan fiqh Islam. Alasannya bahawa syariah Islam ialah suatu kumpulan hukum yang mengandungi perintah dan larangan yang terkandung dalam kitab suci al-Qur'an dan hadis yang sahih. Manakala fiqh Islam pula ialah hasil kajian secara *aqliah* (fikiran) yang teratur mengikut kaedah-kaedah tertentu yang dilakukan oleh para *fuqaha* untuk mentafsirkan syariah Islam yang suci murni dan juga untuk memahami tujuan nas-nas syariah dan bagaimana nas-nas itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Perlu ditegaskan bahawa semua hukum yang dibawa dan pengajarannya serta nilai-nilai yang digariskan pada dasarnya tidak bercanggah dengan norma-norma asasi bagi kemajuan kebendaan dan usaha-usaha dalam bidang pengeluaran. Walau bagaimanapun percanggahan hanyalah satu percanggahan yang bolehlah dianggap sebagai rentetan perbincangan dan perdebatan yang timbul dalam usaha para mujtahid membuat tafsiran mereka.

Perkara 42 - Islam dan Perancangan Pembangunan[15]

Sememangnya logik Islam membuat ketetapan bahawa umat manusia itu adalah khalifah Allah di bumi ini dari sudut pembangunan, kemajuan dan pengeluaran serta memberikan kemenangan kepada pihak yang benar dan hak terhadap pihak yang batil. Adalah lojik bahawa ia memberikan arahan kepada umat manusia dalam melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah di bumi ini supaya dilakukan dalam bentuk penyeragaman dan gabungan di antara jasmani dan rohani dalam semua masalah kehidupan, dan juga supaya haluan yang diberikan oleh Islam kepada umat manusia dalam urusan menyusun dan mengatur hidupnya dalam bentuk yang membolehkannya menunaikan tugasnya sebagai khalifah Allah di bumi ini yang tegak atas dasar mengiktiraf naluri dan tabiat semula jadinya yang selaras dengan akal fikiran yang sihat dan tidak bercanggah dengan tugasnya sebagai khalifah Allah. Inilah jalan dan kaedah Islam dalam semua urusan yang diceburinya dengan cara memberikan arahan dan panduan daripada segenap segi kehidupan umat manusia, baik sebagai individu atau masyarakat yang kecil mahupun yang besar.

Islam memberi perhatian dengan arahan dan panduan dalam semua urusan kehidupan ke arah memelihara kedua-dua aspek jasmani dan rohani, benda dan jiwa, dalam bentuk yang dapat menjamin wujudnya keseimbangan di antara kedua sudut itu, hingga setiap manusia itu sentiasa terikat dengan Tuhannya dalam segala aktiviti yang dilakukannya. Dengan demikian setiap

15 Dr. Ibrahim al-Tahawi, *al-Iktisad al-Islami*.

insan akan berterusan terikat dengan suruhan-suruhan dan larangan-larangan agama, juga dengan arahan-arahan dan panduan-panduan serta bimbingan Tuhan dan dengan demikian dia tidak akan lupa dan cuai dengan arahan-arahan tersebut dan tidak pula bersikap melampaui batas dengan berlaku zalim dan bertindak sewenang-wenangnya.

Dalam masalah ini Allah berfirman:

هَٰذَا نُزُلُهُمْ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٥٦﴾ نَحْنُ خَلَقْنَاكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ ﴿٥٧﴾ أَفَرَءَيْتُم مَّا تُمْنُونَ ﴿٥٨﴾ ءَأَنتُمْ تَخْلُقُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ الْخَٰلِقُونَ ﴿٥٩﴾ نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ الْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ﴿٦٠﴾ عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ أَمْثَٰلَكُمْ وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾ وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ النَّشْأَةَ الْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾ أَفَرَءَيْتُم مَّا تَحْرُثُونَ ﴿٦٣﴾ ءَأَنتُمْ تَزْرَعُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ الزَّٰرِعُونَ ﴿٦٤﴾ لَوْ نَشَآءُ لَجَعَلْنَٰهُ حُطَٰمًا فَظَلْتُمْ تَفَكَّهُونَ ﴿٦٥﴾ إِنَّا لَمُغْرَمُونَ ﴿٦٦﴾ بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٦٧﴾ أَفَرَءَيْتُمُ الْمَآءَ الَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾ لَوْ نَشَآءُ جَعَلْنَٰهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾ أَفَرَءَيْتُمُ النَّارَ الَّتِى تُورُونَ ﴿٧١﴾ ءَأَنتُمْ أَنشَأْتُمْ شَجَرَتَهَآ أَمْ نَحْنُ الْمُنشِـُٔونَ ﴿٧٢﴾ نَحْنُ جَعَلْنَٰهَا تَذْكِرَةً وَمَتَٰعًا لِّلْمُقْوِينَ ﴿٧٣﴾ فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

سورة الواقعة ٥٦ : اية ٧٤

Terjemahan: *(Mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu memikirkan keadaan air mani yang kamu pancarkan (ke dalam rahim)? Adakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya? Kamilah yang menentukan (dan menetapkan masa) kematian (tiap-tiap seorang) di antara kamu, dan Kami tidak sekali-kali dapat dikalahkan atau dilemahkan; (bahkan Kami berkuasa) menggantikan (kamu dengan) orang yang serupa dengan kamu (tetapi tidak seperti bawaan kamu), dan berkuasa menciptakan kamu dalam bentuk kejadian yang kamu tidak mengetahuinya. Dan demi sesungguhnya, Kami telah sedia mengetahui tentang penciptaan diri kamu kali pertama, maka ada baiknya kalau kamu mengambil ingatan (bahawa Allah yang telah menciptakan kamu daripada tiada kepada ada, berkuasa membangkitkan kamu semula pada Hari Akhirat kelak). Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam? Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya? Kalau Kami kehendaki, sudah tentu Kami akan jadikan tanaman itu kering hancur (sebelum ia berbuah), maka dengan itu tinggallah kamu dalam keadaan hairan dan menyesal. (Sambil berkata): "Sesungguhnya kami menanggung kerugian, bahkan kami hampa (daripada mendapat sebarang hasil)". Selain itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan dia masin; maka ada baiknya kalau kamu bersyukur. Akhirnya, tidakkah kamu melihat api yang kamu nyalakan (dengan cara digesek)? Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya, atau Kami yang menumbuhkannya? Kami jadikan api (yang tercetus daripada kayu basah) itu sebagai peringatan (bagi orang yang lalai akan kebenaran Hari Akhirat) dan sebagai benda yang memberi kesenangan kepada orang musafir. Oleh yang demikian (wahai orang yang lalai) ber-*

tasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar (sebagai bersyukur akan nikmat-nikmat-Nya itu).[16]

(Surah al-Wāqi'ah 56:58 – 74)

Perkara 43: Ayat-ayat Suci Al-Qur'an

Ayat-ayat suci yang telah diterangkan di atas mengemukakan empat perkara pokok, iaitu mengenai unsur kehidupan, beberapa unsur asas bagi kewujudan umat manusia dan kehidupan mereka yang tidak terlepas salah satu daripadanya dalam melaksanakan faedahnya.

Ayat yang pertama menyebut perihal pancaran air mani, sebagai sebab yang berbentuk benda yang membawa kepada wujudnya umat manusia di bumi ini. Betapa umat manusia sangat memerlukan pancaran air mani sebagai satu faktor yang sangat penting untuk memelihara kesinambungan zuriat di bumi ini. Tanpa pancaran air mani umat manusia tidak akan hidup berterusan, apalagi untuk menambah dan memperbanyakkan jumlah umat manusia. Dengan demikian ayat ini memberi isyarat dan kiasan kepada kandungan fitrah semula jadi dan tabiat umat manusia dalam bentuk naluri menyambung zuriat keturunan atau kehidupan baka umat manusia.

Manakala ayat-ayat berikutnya pula menyebutkan perihal:

(a) Penanaman (pertanian);
(b) Air; dan
(c) Api.

Ketiga-tiga perkara tersebut merupakan sumber terpenting untuk mendapat rezeki, pengeluaran dan pembangunan. Ia merupakan punca-punca yang berbentuk kebendaan yang sangat penting yang boleh menyebabkan berterusannya kehidupan umat manusia di permukaan bumi ini setelah dilahirkan melalui proses "pancaran air mani". Di samping itu juga mengenai keperluan umat manusia kepada rezeki sebagai satu kepentingan bagi menyambung kehidupannya secara individu setelah wujud serta lahir ke dunia dan bagi melaksanakan matlamat wujudnya sebagai khalifah Allah dalam melaksanakan tugas membangun dan memakmurkan dunia ini, juga supaya terlaksanalah firman Allah:

. . . وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٤٠

Terjemahan: ... *Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang kafir terkebawah (kalah dengan sehina-hinanya), dan kalimah Allah (Islam) ialah*

16 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, kitab *al-Tafsir al-Farid Lil Qur'anil Majid,* yang menjadi pegangan Konvensyen Penyelidikan Islam Universiti al-Azhar, hlm. 3035 – 3037.

yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9:40)

Alasannya bahawa tanpa rezeki tidaklah boleh difikirkan lagi betapa umat manusia itu dapat hidup berterusan ataupun untuk menunaikan tugas dan mesejnya dalam dunia ini. Pada masa yang sama ketiga-tiga rangkaian ayat suci itu memberi isyarat dan kiasan kepada unsur-unsur yang tersusun dalam fitrah semula jadi umat manusia dalam bentuk naluri ingin memiliki ataupun mencari rezeki dengan segala macam bentuk dan ragamnya seperti makanan dan minuman, tenaga dan pembangunan untuk mempertahankan hidupnya dari segi mendapatkan pendapatan dan menambahkan jumlah umat manusia serta pembangunan.

Namun keempat-empat ayat yang pertama tadi tidaklah terhenti setakat pendedahan di sekitar huraian sebab-sebab kebendaan yang boleh membawa wujud dan hidupnya umat manusia. Ia telah menyatakannya melalui sebab-sebab lahiriah sahaja, kerana sebab dan punca sejati bagi penghasilan dan pembangunan dalam bidang ini sama ada dari segi wujud atau hidupnya, ialah hanya Allah S.W.T. sahaja dengan sifat kudrat dan hikmat-Nya sebagai suatu kurnia dan nikmat-Nya. Ayat-ayat ini juga tidak berhenti setakat membuat kiasan yang disebutkannya dalam bentuk susunan dalam fitrah dan tabiat umat manusia dalam bentuk naluri bagi menyambung zuriat dan memiliki harta benda bahkan disertakan pula dengan isyarat mengenai wujudnya di samping kebendaan itu satu arahan Ilahi yang perlu diambil kira dalam menghayati setiap sumber kebendaan itu sebagai salah satu sumber pengeluaran dalam kehidupan. Inilah sebab yang sejati dan hakiki bahawa pengeluaran itu adalah hasil kurnia Allah yang Maha Berkuasa selaras dengan iradah dan hikmat-Nya.

Firman Allah S.W.T.:

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

سورة النمل ٢٧ :اية ٨٨

Terjemahan: *Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat segala sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; sesungguhnya Dia Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Naml 27:88)

Oleh sebab itulah manusia tidak sewajarnya bertindak sesuka hati dan tidak wajar pula terpedaya oleh perasaan sombong dan bongkak pada ketika mempunyai banyak wang dan harta benda atau anak-pinak. Di samping itu tidak pula berputus asa atau menaruh rasa dendam ketika menghadapi kekurangan wang, harta dan anak-pinak.

Firman Allah:

لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٢﴾

سورة الشورى ٤٢ : اية ١٢

Terjemahan: *Dialah jua yang menguasai urusan dan perbendaharaan langit dan bumi; Dia memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan Dia juga yang menyempitkannya menurut peraturan itu); sesungguhnya Dia Maha Mengetahui akan setiap sesuatu yang berlaku.*

(Surah al-Syūrà 42:12)

Sekiranya dibaca bersama-sama dengan ayat-ayat di atas itu, firman-firman Allah berikut:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

سورة القصص ٢٨ : اية ٧٧

Terjemahan: *Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan pembahagian Hari Akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) di dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) seperti Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.*

(Surah al-Qaṣaṣ 28:77)

Firman Allah:

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ خُذُوا۟ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٣١

Terjemahan: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas.*

(Surah al-A'rāf 7:31)

Juga Firman Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ قُلْ هِىَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْآيَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٣٢

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik-baik lagi halal daripada rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada Hari Akhirat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui.*

(Surah al-A'rāf 7:32)

Jika membaca ayat-ayat suci al-Qur'an di atas[17] dan menghubungkannya dengan pendapat kita, nescaya dapatlah dilihat betapa al-Qur'an selalu menggabungkan di antara bidang kebendaan dengan bidang kerohanian dalam suatu nada yang sama. Ia akan membawa kejayaan serta kemajuan dan pembangunan dunia dan kejayaan serta keselamatan di Hari Akhirat kelak. Dan apabila kita membaca firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

سورة الملك ٦٧ : اية ١٥

Terjemahan: *Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu setelah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).*

(Surah al-Mulk 67:15)

Firman Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

سورة الجمعة ٦٢ : اية ١٠

Terjemahan: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*[18]

(Surah al-Jumu'ah 62:10)

17 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, kitab *al-Tafsir al-Farid Lil Qur'anil Majid,* yang menjadi pegangan Konvensyen Penyelidikan Islam Universiti al-Azhar, hlm. 2348, 2793, 2795, 976, 977 dan 3147.

18 *Ibid.*, hlm. 3110 dan 3111.

Kita dapati ayat ini menyuruh umat manusia berusaha mencari rezeki, di setiap tempat dan bidang tanpa menentukan jenis, jumlah dan bagaimanakah usaha itu dijalankan. Ayat ini juga menyatakan kepada umat manusia bahawa semua rezeki yang mereka perolehi itu adalah hasil daripada limpah kurnia Allah, bukan daripada diri mereka sendiri. Ayat ini juga memberi panduan kepada mereka bahawa mereka kelak akan dibangkitkan semula sesudah mati dan akan dikembalikan kepada Allah supaya Allah memberikan ganjaran pahala atas amal kebajikan mereka dan mengenakan balasan siksa di atas kejahatan yang mereka lakukan. Demikian juga ayat ini menyuburkan hati dan perasaan manusia melalui suatu bentuk pengawasan yang disebut sebagai *damir* yang pasti memimpinnya dalam setiap amalan atau usahanya supaya semuanya itu dilakukan dalam bentuk yang diredai oleh Tuhan seru sekalian alam.

FASAL EMPAT: PENGELUARAN

Perkara 44 - Pengeluaran adalah Asas Aktiviti Ekonomi dan Pembangunan

Islam memang sentiasa memberi pengajaran dan mendorong umat manusia agar bekerja dan berusaha dalam bidang pengeluaran. Firman Allah S.W.T.:

. . . وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ . . .

سورة التوبة ٩: اية ١٠٥

Terjemahan: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan ... .*

(Surah al-Taubah 9:105)

Dan sabda RasululLah s.a.w.:

اعملوا فكل ميسر لما خلق له.

Terjemahan: *Bekerjalah kamu, kerana setiap orang itu diberi kemudahan melakukan pekerjaan yang sesuai dengannya.*

Bahkan menurut pandangan Islam, bekerja dan menambah pengeluaran dan pendapatan itu ialah sejenis ibadah. Sabda RasululLah s.a.w.:

من أمسى كالا من عمل يده أمس مغفورا له يوم القيامه.

Terjemahan: *Setiap orang yang menghabiskan masa sehariannya sampai waktu petang dalam keadaan penat kerana melakukan kerja dengan menggunakan tenaganya sendiri maka dia akan menjadi seorang yang beroleh keampunan pada Hari Akhirat kelak.*

Malah menurut pandangan Islam, bekerja dan menambahkan pengeluaran itu merupakan nilai yang sangat tinggi dan mulia. Mereka ini akan beroleh ganjaran besar di dunia dan juga di Hari Akhirat. Allah berfirman:

وَيَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۚ وَٱلْكَٰفِرُونَ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿٢٦﴾

سورة الشورى ٤٢ : اية ٢٦

Terjemahan: *Dan Dia memperkenankan doa permohonan orang yang beriman serta beramal salih, dan Dia menambahi mereka daripada limpah kurnia-Nya (selain yang mereka pohonkan). Dan (sebaliknya) orang yang kafir, disediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya.*
(Surah al-Syūrā 42:26)

Pengeluaran merupakan asas bagi setiap aktiviti ekonomi kerana pengeluaran ialah pekerjaan yang kompleks yang menggunakan tenaga umat manusia dan sumber dalam lingkungan masa yang tertentu, untuk mencapai beberapa manfaat yang bercorak sosial, iaitu sama ada manfaat yang berbentuk kebendaan ataupun semangat.

Pengeluaran selalunya didorong oleh satu matlamat tertentu iaitu sama ada matlamat itu semata-mata untuk mencapai manfaat kebendaan atau bukan kebendaan. Oleh yang demikian terdapat persaingan bagi menghasilkan pengeluaran kerana tujuan pengeluaran sahaja. Terdapat juga pengeluaran yang bertujuan memberikan kesenangan kepada individu dan masyarakat dan ada pula pengeluaran yang dipandang sebagai satu jalan bagi mencapai matlamat tertentu, dan inilah yang menjadi haluan masyarakat Islam.

Jarak perbezaan di antara kedua-dua pandangan dan teori ini begitu jauh. Alasannya bahawa apabila usaha setiap individu dalam bidang pengeluaran itu bermatlamatkan pendapatan atau pengeluaran sahaja maka perimbangan kekuatan dalam masyarakat itu mestilah tunduk di bawah pandangan ini. Oleh yang demikian motif dan pendorong bagi aktiviti ekonomi dan juga matlamatnya terbatas di bawah pengertian yang sempit, iaitu kebendaan sahaja. Berikutnya nanti, lunturlah nilai-nilai kerohanian yang tinggi di hadapan kekejaman harta dan terjejaslah unsur-unsur pembahagian rezeki dalam masyarakat itu.

Sebaliknya apabila masyarakat memandang pengeluaran itu sebagai alat sahaja dan digunakannya sebagai satu jalan untuk mencapai sesuatu matlamat yang tinggi dan mulia iaitu memberikan kebahagiaan kepada individu daripada segi kebendaan dan rohani dalam lingkungan ketinggian rohani yang mencapai tujuannya, maka segala pertimbangannya adalah adil.

Perkara 45 - Teori Ibn Khaldun Mengenai Masalah Pengeluaran

Ibn Khaldun berpendapat bahawa kehidupan ekonomi sentiasa bertumpu kepada melaksanakan perseimbangan di antara penawaran dengan permin-

taan dan di antara pendapatan dengan penggunaan, juga di antara upah pekerja dengan kemampuan dalam bidang pengeluaran mengikut cara yang selaras dengan aktiviti ekonomi dalam bentuk yang tersusun rapi hingga ke peringkat ia memenuhi keinginan setiap individu dan melaksanakan kemakmuran.

Ibn Khaldun juga memperakui wujudnya:

Undang-undang yang Sangat Berpengaruh dalam Menentukan Arah Kecenderungan Ekonomi, Di Antaranya:

(a) Undang-undang pembahagian kerja. Mengikut undang-undang ini setiap orang akan mengeluarkan sesuatu untuk digunakan oleh orang lain. Orang lain pula mengeluarkan sesuatu untuk kegunaannya dan dia sendiri menggunakan pengeluaran orang lain.

(b) Undang-undang kerahan tenaga dan peningkatan kerja. Sesungguhnya Ibn Khaldun telah mendahului tokoh lain yang juga ikut menyatakan perkara yang sama selepas beliau, tentang betapa pentingnya pembahagian dan peningkatan kerja serta perbezaan pekerjaan itu di antara setiap orang seperti Sir W.H. Malock yang mengatakan: "Bahawa faktor yang membezakan di antara keadaan tamadun dengan tidak bertamadun itu bukanlah pembahagian kerja tetapi ialah peningkatan pekerjaan, ataupun kaum primitif itu merasa cukup untuk memenuhi keperluan mereka dengan adanya pekerjaan yang beraneka ragam di kalangan mereka. Orang yang bertamadun tidak merasa cukup dengan adanya berbagai pekerjaan antara mereka, tapi mereka merasa perlu adanya beberapa bentuk pekerjaan yang berbeza-beza di antara mereka".[19] Memang tidak ada sebarang keraguan bahawa peningkatan pekerjaan itu tidak terlaksana kecuali dalam sebuah masyarakat yang mempunyai banyak perbezaan pekerjaan. Oleh sebab itulah Jenz Borge mengatakan: "Kita dapati ada dua prinsip yang menguasai masyarakat iaitu prinsip kedaulatan yang bergejalakan kerahan tenaga kerja dan prinsip masyarakat dengan bergejalakan gotong-royong dan saling bantu-membantu".

(c) Undang-undang kerjasama. Dalam masalah ini Ibn Khaldun menyatakan betapa perlunya peranan kerjasama untuk menjayakan penghidupan ekonomi yang sempurna.

Perkara 46 - Alam dan Pekerjaan Serta Kesan dan Pengaruhnya Terhadap Agihan Pendapatan

Walaupun zaman Ibn Khaldun mendahului zaman perindustrian begitu lama

19 Rujuk buku karya Dr. Mohammad 'Ali Nasy'at, hlm. 35 dan dapat diperhatikan bahawa kesimpulan Sir. W. H. Malock dan Jenz Borge bukanlah merupakan satu perkara baru atau satu tambahan baru kepada pendapat Ibn Khaldun yang mendahului mereka.

jaraknya, namun melalui kebijaksanaan dan juga kepintarannya yang luar biasa itu beliau telah berhasil menyingkap faktor-faktor yang mempengaruhi bidang pengeluaran sambil memberikan huraian mengenai faktor-faktor itu, namun beliau telah memberikan perhatiannya kepada dua faktor penting iaitu alam dan pekerjaan.

Ibn Khaldun telah memberi perhatian kepada kesan dan pengaruh alam kepada umat manusia dan juga sifat-sifat alam yang mempengaruhi kehidupan umat manusia dalam bidang ekonomi. Beliau juga telah menumpukan perhatian kepada pengaruh alam yang terdapat aktiviti dan haluan perekonomian sama ada melalui kemungkinan-kemungkinan yang berbentuk kebendaan atau apa yang disediakan kepada para penduduknya dalam bentuk cuaca dan alam semula jadi yang membentuk corak kehidupan ekonominya. Sebagai contoh, beliau menyatakan pendapatnya mengenai kepentingan cuaca dalam mempengaruhi kehidupan manusia yang tinggal di kawasan-kawasan yang mempunyai cuaca dan udara yang sederhana: "Kita dapati mereka sangat sederhana daripada segi tempat kediaman, makanan dan perusahaan, mereka mendirikan rumah-rumah yang dihiasi dengan batu yang dibentuk indah melalui seni pertukangan dan mereka sering bersikap berlebihan dalam mencipta alat-alat kelengkapan dan perabut dan mereka terus ingin mencapai taraf yang paling tinggi dalam hal itu".[20]

Kemudian beliau menerangkan kesan dan pengaruh alam dan iklim kepada sifat-sifat pembawaan manusia dengan mengatakan: "Oleh kerana Mesir berada dalam garis lintang yang sama atau hampir sama dengan negeri al-Jazair (Algeria) maka sifat dan watak penduduk kedua-dua negeri itu hampir sama sahaja, iaitu tidak menghiraukan akibat yang akan mendatang hinggakan mereka tidak menyimpan bahan makanan untuk tempoh setahun malah untuk sebulan dan pada umumnya mereka mendapatkan bahan makanan daripada pasar-pasar. Adapun Fez (di Moroko) penduduknya sangat berbeza daripada segi sifatnya dengan penduduk-penduduk al-Jazair (Algeria) itu kerana kawasan kediaman mereka terletak atas tanah dataran tinggi yang beriklim sejuk. Oleh sebab itu anda dapat melihat para penduduk kawasan ini sentiasa menundukkan kepala sebagai orang yang dirundung duka dan mereka pula bersikap agak berlebihan dalam memikirkan akibat yang akan mendatang hinggakan setiap orang daripada mereka sering menyimpan bahan makanannya yang mencukupi jangka masa dua tahun dalam bentuk bijian gandum dan sentiasa bergegas ke pasar-pasar untuk membeli bahan makanan hariannya kerana bimbang kalau-kalau bahan simpanannya tidak mencukupi ataupun berkurangan ...".

Perkara 47 - Guna Tenaga[21]

Ibn Khaldun telah memberikan tumpuan mengenai masalah guna tenaga dan memandangnya sebagai faktor pengeluaran yang utama. Di samping itu ia juga

20 Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, yang telah disusun semula dalam Fasal Satu, Kitab Pertama dan kitab karangan Dr. Ibrahim al-Tahawi.
21 *Ibid.*, Fasal Lima (Hakikat rezeki dan usaha).

dianggap sebagai pengukur yang sebenarnya dalam menentukan harga sesuatu barangan itu jika masyarakat memerlukannya. Oleh sebab itulah beliau telah menghubungkan di antara guna tenaga dengan harga, seperti yang pernah beliau hubungkan kedua perkara itu sebelumnya pada waktu yang sama, dengan hukum penawaran dan permintaan.

Perhatikan tulisan beliau ketika membuat perakuan bahawa: "Memang tidak dapat dihindarkan faktor guna tenaga dalam setiap usaha yang membawa keuntungan" dan beliau menyatakan: "Kerana kalaulah ia berbentuk satu pekerjaan dengan sendirinya seperti seorang tukang maka jelas sekali pekerjaan itu dilakukan dengan bersumber kepada haiwan, tumbuhan dan bahan galian maka pasti tidak dapat dihindarkan daripada pekerjaan yang berbentuk kemanusiaan, dan kalaulah tiada pekerjaan kemanusiaan maka pekerjaan itu tidak akan berhasil dan tidak dapat mencapai sebarang manfaat daripadanya ...".

Kemudian beliau menjelaskan pula pentingnya kaitan di antara guna tenaga dan harga dengan mengatakan: "Ketahuilah bahawa apa jua faedah yang dicapai oleh manusia dalam perkembangan harta yang diperolehinya itu kalaulah dalam bentuk perusahaan maka hasil faedah yang diperolehinya ialah harga dan nilai guna tenaganya, iaitu maksud untuk memperoleh faedah, kerana tiada faktor yang lain daripada guna tenaga dan tidak ada pencapaian sesuatu yang dimaksudkan dengan sendirinya dan kadang-kadang pekerjaan itu dilakukan dalam bentuk yang lain seperti bertukang kayu dan bertenun, yang disertai oleh kayu dan kerja menenun. Namun demikian kalaulah pekerjaan yang dilakukan dalam kedua-dua bidang dibuat dengan banyak maka harganya pun menjadi bertambah banyak juga. Jika ia bukan bercorak pertukangan maka tidak dapat dihindarkan juga faktor guna tenaga dan hasil yang dicapai itu, iaitulah guna tenaga yang dihasilkan tanpa pekerjaan, maka pencapaiannya tidak akan diperolehi. Dengan demikian maka contoh-contoh tadi telah mendedahkan tentang betapa pentingnya peranan guna tenaga itu dalam menentukan kadar harga, iaitu sama ada peranan besar ataupun kecil di samping terdapat juga beberapa keadaan lain yang "kadang-kadang pengaruh dan kesan guna tenaga itu tidak berapa ketara" iaitu seperti halnya harga bahan-bahan makanan dalam sesebuah masyarakat, kerana guna tenaga dan perbelanjaan untuk bahan-bahan makanan ini lebih tertumpu kepada harga bijian,[22] tetapi masalah seperti ini tidak ketara dalam negara-negara yang sudah maju sistem dan alat-alat pertaniannya, kerana kesan atau pengaruhnya tidak dapat dirasakan kecuali oleh golongan petani sahaja".

Daripada keterangan itu juga dapatlah diperhatikan bahawa Ibn Khaldun ketika membuat rumusan bahawa semua hasil faedah itu, adalah sebenarnya merupakan nilai-nilai guna tenaga manusia, dan oleh sebab itulah beliau tidak memandang guna tenaga itu sebagai satu-satunya tafsiran kepada harga, tetapi beliau telah memberikan gambaran dan konsep mengenai betapa pentingnya pengaruh guna tenaga itu dalam menentukan kadar harga.

Di samping itu dapat diperhatikan juga bahawa dalam membuat rumusan

22 Yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun di sini ialah para petani yang belum maju.

seperti itu beliau tidak mengatakan bahawa semua pekerjaan umat manusia itu mempunyai harga dan nilai yang sama, dan dengan demikian tidaklah boleh diambil kesimpulan daripada pendapat beliau itu bahawa semua faedah dan manfaat itu berbeza-beza dari segi harga dan nilainya mengikut kadar pekerjaan untuk mencapai faedah dan manfaat (iaitu suatu teori yang juga dipakai dalam teori marxisme saintifik).

Pandangan seperti di atas adalah mengenai kaitan dan hubungan guna tenaga dengan harga yang tidak sama dan bertetapan dengan teori harga dan nilai pekerjaan. Dan apa yang hendak ditegaskannya ialah (dalam hal ini nampaknya beliau berada di pihak yang benar dan tepat) bahawa sesungguhnya pekerjaan manusia itu sangatlah berkesan dan berpengaruh dalam bidang pengeluaran dan selanjutnya dalam bidang penentuan harga. Apa yang sebenarnya beliau maksudkan ialah dari satu sudut tertentu, guna tenaga itu merupakan satu unsur bagi menentukan corak pengeluaran manakala dari satu sudut yang lain pula guna tenaga itu merupakan satu unsur yang sangat penting dalam menentukan harga kerana beliau menyorot masalah ini daripada kedua-dua sudut, iaitu sudut jumlah dan cara.

Manakala sudut sorotan marxisme saintifik pula hanyalah tertumpu kepada faktor jumlah sahaja dan bukan kepada sudut cara dan bagaimanakah pekerjaan itu dilakukan; sebagai hasilnya ia telah bersikap keterlaluan dari sudut pandangan beratnya kepada faktor tenaga buruh semata-mata tanpa memberikan sebarang pandangan kepada bentuk dan jenis manfaat yang dihasilkan oleh tenaga buruh itu.

Perkara 48 - Faktor Pengeluaran

Ibn Khaldun berpendapat, terdapat dua faktor asas yang menentukan perkembangan pengeluaran. Pertama, hukum tenaga minimum dan kedua, hukum permintaan dan harga. Beliau juga berpendapat bahawa pelajaran dan pengalaman, kepakaran serta perhubungan dengan bangsa dan umat yang lain dapat mempengaruhi pengeluaran. Ketika Ibn Khaldun mengemukakan rumusannya mengenai pengaruh perkembangan ilmu pengetahuan (sains) dan kepakaran kepada pengeluaran maka jelas kepada kita seakan-akan beliau membuat sorotan begitu jauh ke zaman depan yang amat jauh sekali. Di samping itu beliau telah dapat merasakan pengaruh kemajuan dan perkembangan teknologi kepada bidang pengeluaran, malahan beliau tidak juga memandang kecil dan melupakan langsung kesan dan pengaruh keamanan, keadilan dan kestabilan kepada sektor pengeluaran.

Hukum Tenaga Minimum

Ibn Khaldun telah mencatatkan bahawa sejak umat manusia mula menceburi bidang ekonomi, maka sewajarnya dimulai dengan suatu bidang yang paling sedikit menggunakan tenaga dan perhatian daripada pekerjaan yang lain. Oleh sebab itulah dia mulai dengan bidang pertanian kerana bidang itu agak primitif bentuknya dari suatu pihak dan bersifat semula jadi (tabii) dari suatu sudut

yang lain. Selanjutnya dalam bidang pertanian juga ia hanya memerlukan tenaga yang kecil dan sedikit daripada yang diperlukan oleh bidang pertukangan yang bukan bercorak semula jadi, kerana ia memerlukan bakat, kepakaran dan kemahiran yang khusus; demikian juga ia membawa perkembangan tamadun dan suasana perbandaran yang melangkaui peringkat primitif. Oleh yang demikian orang yang lebih maju dan tinggi tingkatan dan taraf pelajarannya dapat melakukannya dengan mudah kerana pekerjaan itu memang mudah dilakukan oleh orang yang mempunyai bakat, kepakaran dan kemahiran kerana ia sangat penting dan memerlukan beberapa faktor tertentu untuk memindahkan hasil dan teknologi pertukangan itu. Oleh yang demikian, orang berkenaan itu merupakan orang yang lebih maju dalam bidang pendidikan dan kepakaran.[23]

Hukum Permintaan dan Harga

Ibn Khaldun telah merumuskan dan memperakui bahawa banyaknya permintaan terhadap barangan mewah adalah akibat perkembangan yang pesat dalam tamadun dan perbandaran. Kesannya ia menyebabkan bertambahnya pendapatan dan melambungnya harga barangan mewah, seperti alat-alat hiburan dan lain-lain barangan yang bercirikan kemewahan.[24]

Kepentingan Faktor Kemajuan Sains

Ibn Khaldun juga berpendapat bahawa peningkatan taraf pendidikan dan sains mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan dan kemajuan pengeluaran. Keadaan seperti ini berlaku mengikut satu daripada dua cara ini:

(a) Pendidikan, beliau telah menerangkan bahawa "pertukangan dan perusahaan ini mestilah ada gurunya".[25]

(b) Membuat perhubungan dengan pengalaman orang lain iaitu dengan anggapan bahawa pertukangan dan perusahaan, pada hakikatnya tidaklah tegak di atas bakat dan kepandaian yang dibawa oleh perkembangan tamadun sahaja. Alasannya bahawa ia sebenarnya boleh merupakan beberapa keadaan pemindahan teknologi secara langsung, dan lebih luas serta lengkap.[26]

Oleh sebab itulah pertukangan dan perusahaan tidak sampai ke peringkat yang elok dan kukuh sekali gus. Alasannya, kebiasaannya melalui peringkat perkembangan daripada bentuk yang mudah kepada yang berbentuk seni dan rumit, daripada bahan keperluan asas hingga bahan mewah dan dengan demikian beliau mengatakan: "Kemudian pertukangan dan perusahaan itu ada

23 Ibn Khaldun, *op. cit.*, Fasal Lima (Pertukangan dan perusahaan itu memerlukan guru dan tenaga pengajar).
24 *Ibid.*
25 *Ibid.*
26 *Ibid.*

yang mudah dan ada pula yang sukar. Yang mudah itu ialah yang berkaitan dengan bahan-bahan keperluan manakala yang sukar pula ialah yang berkaitan dengan barang-barang mewah. Dan yang dipelajari lebih dahulu ialah yang mudah, pertamanya kerana ia mudah, dan juga kerana ia khusus berkaitan dengan bahan-bahan keperluan yang perlu dipindahkan dan dibawa dari satu tempat ke tempat lain. Dengan demikian ia dipelajari lebih dahulu. Oleh itu, cara mengajarnya juga belum lengkap dan sentiasa menggunakan pelbagai cara pemikiran daripada kekuatan tenaga kepada pemakaian kaedah-kaedah baru sedikit demi sedikit, secara beransur-ansur hingga ia jadi sempurna. Perkembangan itu tidak mencapai kesempurnaannya dalam beberapa zaman dan generasi kerana kerja menghasilkan sesuatu dengan menggunakan kekuatan tenaga hingga menjadi kekuatan alat-alat seperti jentera dan sebagainya tidaklah berlaku sekali gus sahaja, terutama dalam bidang perusahaan yang selalunya mengambil masa yang lama".

Keamanan, Keadilan dan Kestabilan

Ibn Khaldun berpendapat selanjutnya bahawa kestabilan kehidupan umat dalam sesebuah negara, bersama dengan meluasnya keadilan dan keamanan mempunyai pengaruh yang besar terhadap kemantapan pengeluaran. Oleh yang demikian apabila keadaan yang stabil, adil dan aman itu wujud dalam sesebuah negara maka sudah pastilah ia dapat membantu memajukan pengeluaran dan pendapatan. Alasannya bahawa keadaan sedemikian dapat memberikan jaminan perlindungan kepada setiap individu, dan dapat mengatur dengan baiknya hubungan saling bantu-membantu di antara mereka. Sebagai kesannya keadaan tenang dan damai pun meluas dan merata hingga dapat dirasakan daripada hasil pekerjaan itu. Oleh yang demikian, bertambah kuatlah dorongan ke arah pertambahan pengeluaran, baik daripada segi jumlah mahupun mutunya.

Oleh sebab itulah Ibn Khaldun selalu sahaja memberi nasihat kepada negara dan pihak yang memegang tampok pemerintahan, dengan memberi amaran supaya mereka tidak cenderung untuk mengikut hawa nafsu apabila berhubung dengan rakyat jelata ataupun bersikap diskriminasi di antara mereka tanpa sebarang sebab dan alasan. Di samping itu beliau menyatakan juga bahawa keadaan seperti itu boleh menjejaskan kemakmuran, seperti juga kemakmuran itu boleh terjejas dengan sikap boros melalui tambahan cukai yang melebihi kadar kemampuan rakyat. Di samping itu beliau menegaskan lagi bahawa pentingnya sikap sederhana pihak negara dan kerajaan dalam melaksanakan rancangan-rancangannya dan tidak kurang pentingnya daripada peranan keadilan dalam melaksanakan undang-undang.

Perkara 49 - Beberapa Bentuk Aktiviti Ekonomi

Pengeluaran Primitif Menurut Pendapat Ibn Khaldun

Pengeluaran primitif ialah pengeluaran yang bergantung kepada faktor alam

dalam pelaksanaannya, tanpa memerlukan maklumat atau kepakaran khusus. Ibn Khaldun telah memusatkan pengeluaran jenis ini terhadap bidang pertanian yang dianggapnya sebagai bidang pengeluaran yang paling lama diteroka oleh umat manusia. Beliau mengatakan: "Pertanian itu adalah pekerjaan yang paling lama sekali dalam bidang pengeluaran kerana bidang ini sangat mudah dilaksanakan, hanya dengan berdasarkan keadaan alam semula jadi, tanpa memerlukan sebarang kajian dan juga ilmu pengetahuan".

Oleh sebab itu, bidang pertanian telah pun dinisbahkan kepada moyang umat manusia seluruhnya, iaitu Nabi Adam a.s. kerana beliaulah guru pertama dalam bidang ini yang sekali gus melakukannya, sebagai tanda bahawa bidang pertanian ini adalah bidang penghidupan yang paling tua dan paling sesuai dengan alam semula jadi.[27]

Di sinilah kita dapati bahawa Ibn Khaldun mempunyai pandangan yang berbeza dengan pandangan para pakar ilmu fizik. Alasannya, beliau memperakukan bahawa pertukangan dan perniagaan itu adalah termasuk dalam bidang pengeluaran yang bercorak alam semula jadi, sedangkan ahli-ahli ilmu fizik pula berpendapat bahawa bumi ialah satu-satunya sumber pengeluaran yang hakiki. Dengan demikian maka golongan petani merupakan satu-satunya golongan pengeluar. Tidak ada sebarang keraguan untuk menyatakan bahawa pandangan dan pendapat Ibn Khaldun adalah lebih tepat dan lebih adil. Di samping itu beliau pula berpendirian sama dengan ahli-ahli fizik dalam mengambil kira sektor pertanian sebagai satu-satunya golongan yang produktif dan berbeza pendapat pula dengan para peniaga yang mencuaikan peranan perniagaan itu. Maka dengan sikap demikian beliau telah mengambil jalan tengah di antara ahli-ahli fizik dengan ahli-ahli perniagaan dan sikap yang sama juga telah diikuti oleh Adam Smith kemudiannya.

Seperti juga ketika beliau bersependapat dengan List, yang telah membahagikan perkembangan pengeluaran itu kepada beberapa peringkat, yang didahului oleh peranan bidang pertanian dalam bentuk penanaman pokok atau bijian dan penternakan. Namun demikian beliau juga berbeza pendapat daripada List, kerana beliau tidak mengutamakan peranan perusahaan daripada peranan perniagaan, iaitu masalah yang belum wujud sebarang bukti sehingga sekarang ini tentang kejadiannya yang sebenar mengikut peringkat perkembangannya.

Dan seandainya kemajuan kebendaan itu pada pandangan Ibn Khaldun dapat disertakan dengan beraneka pengeluaran, bukan dengan bertambah jumlahnya, maka perhatian berat beliau tertumpu kepada bidang perusahaan atau pembuatan kerana bidang itu merupakan suatu bidang yang memerlukan perhatian khusus dan pelbagai jenis, bukan seperti bidang pertanian.

Pengeluaran Sektor Perusahaan

Pada pandangan Ibn Khaldun, peranan perusahaan muncul selepas beberapa waktu berlalunya peranan sektor pertanian, "Kerana bidang perusahaan itu

27 *Ibid.*, (Pelbagai bentuk jenis dan aliran pandangan yang berkaitan dengan kehidupan).

begitu kompleks dan saintifik, yang memerlukan tumpuan fikiran dan pandangan, dan oleh sebab itulah maka bidang perusahaan itu biasanya tidak dapat dilakukan kecuali di kalangan orang bandar sahaja".[28] Ini memberikan pengertian bahawa Ibn Khaldun bermaksud bahawa pembuatan atau perusahaan itu adalah satu bidang yang kompleks, mempunyai pelbagai bentuk dan ragam kesulitan serta tidak dapat wujud kecuali sesudah umat manusia mencapai suatu tahap tamadun dan pengetahuan yang tertentu. Dengan demikian beliau berpendapat bahawa terdapat pertalian yang begitu erat di antara perusahaan dan tamadun manusia. Memang pandangan Ibn Khaldun begitu berbeza dengan pandangan serta pendapat tokoh-tokoh yang muncul kemudian daripadanya, seperti yang telah diterangkan oleh Dr. Muhammad Ali Nasy'at dalam bukunya yang berjudul *Pelopor Ekonomi*. Beliau berpendapat bahawa Ibn Khaldun telah menyorot secara menyeluruh bidang ekonomi yang belum pernah didahului oleh sesiapa pun dan beliau menganggapnya melengkapi beberapa bentuk penyalahgunaan di samping wujudnya pengeluaran pelbagai barangan yang bercorak benda. Beliau menyatakan: "Dan hasil usaha manusia itu adakalanya dalam bahan-bahan tertentu yang dipanggil sebagai perusahaan, seperti hasil tulisan, pertukangan kayu, tenunan, dan kepintaran dalam ilmu yang berkaitan dengan kuda ataupun dalam bahan-bahan yang tidak ditentukan, iaitu segala bentuk penyalahgunaan dan keputusan yang diambil[29] ...". Seperti yang beliau katakan pula: "Pembuatan atau perusahaan itu terbahagi pula kepada perkara-perkara yang khusus mengenai masalah penghidupan, sama ada yang penting atau tidak penting, dan juga kepada bidang yang khusus berkaitan dengan pemikiran yang merupakan ciri khusus umat manusia iaitu ilmu (sains) perusahaan dan politik. Termasuk dalam bidang yang pertama tadi ialah tenunan, sulaman, serta penyembelihan haiwan dan termasuk dalam bidang yang kedua itu ialah kemahiran berkaitan dengan kertas (iaitu mengambil berat mengenai kitab-kitab dengan cara menyalin semula dan menjilid), nyanyian, syair, sajak, mengajar ilmu pengetahuan dan termasuk dalam bidang yang ketiga pula ialah lapangan ketenteraan serta yang setaraf dengannya".[30] Beliau (Ibn Khaldun) dengan pandangan yang meliputi semua bidang pengeluaran itu adalah berbeza dengan ahli-ahli fizik yang menganggap bahawa semua golongan yang lain daripada para petani itu sebagai golongan tidak produktif; iaitu seperti beliau tidak bersependapat dengan beberapa kalangan ahli perniagaan yang tidak mahu memberikan perhatian kecuali hanya mengumpulkan emas dan perak sahaja. Beliau juga berbeza pendapat dengan Adam Smith yang enggan mengiktiraf sifat penyalahgunaan kecuali secara *nisbi* sahaja, kepada bidang yang hanya dapat menghasilkan barangan-barangan yang berbentuk kebendaan sahaja.

Dengan demikian pada pandangan Ibn Khaldun: "Pembuatan dan perusahaan menjadi banyak jumlahnya disebabkan banyaknya kerja yang di-

28 *Ibid.*, (Sesuatu jenis dan pertukangan dan perusahaan itu memerlukan guru dan tenaga pengajar).
29 *Ibid.*
30 *Ibid.*

lakukan dalam bidang pembangunan dan kemakmuran, yang tidak mampu dihitung satu persatu. Alasannya, mengikut pandangan beliau pembuatan dan perusahaan itu saling berbeza daripada segi keperluannya dan juga pandangan mulia kepada sesuatu perusahaan itu. Beliau telah memberi contoh mengenai perkara yang perlu dan mustahak seperti pertanian, pembinaan, perniagaan, bidang tenunan dan sulaman ... seperti juga contoh tentang perkara-perkara yang dipandang tinggi itu dengan perusahaan penulisan, kedoktoran dan nyanyian ...".

Ketiga-tiga jenis perusahaan ini merupakan faktor ke arah pergaulan, percampuran dan perkenalan mesra dengan raja-raja yang agung dalam majlis-majlis pertemuan peribadi mereka. Oleh yang demikian, perusahaan ini mempunyai kemuliaan dan kehormatan yang tiada pada perusahaan yang lain.[31]

Di sini dapatlah diperhatikan bahawa Ibn Khaldun telah memasukkan kerja kedoktoran dan nyanyian itu ke dalam senarai perusahaan. Dengan demikian bererti beliau telah memasukkan perkhidmatan ke dalam senarai pertukangan dan perusahaan; maka perkhidmatan itu mempunyai sifat dan ciri pengeluaran. Pada pandangan beliau, perkhidmatan seperti itu belum dipandang sebagai mempunyai sifat pengeluaran kecuali pada zaman akhir-akhir sesudah melalui usaha yang terus menerus daripada beberapa kalangan pakar ekonomi tanpa mencapai hasil yang sama seperti yang diperakui oleh Ibn Khaldun sebelumnya. Adam Smith hanya mengiktiraf perkhidmatan itu sebagai satu faktor pengeluaran sahaja, apabila ia berhasil mewujudkan penghasilan yang berbentuk kebendaan, tetapi beliau enggan mengiktiraf pengeluaran yang lain daripada perkhidmatan itu seperti pelbagai perkhidmatan yang bercorak kejiwaan seperti khidmat pengurusan, sedangkan kita dapati Ibn Khaldun merakamkan sebuah Fasal khusus (Mengajar ilmu pengetahuan itu termasuk dalam senarai perusahaan).[32] Dengan demikian Ibn Khaldunlah tokoh pertama yang memperakui wujudnya sifat pengeluaran bagi semua jenis perkhidmatan pada umumnya.

Perniagaan dan Perdagangan

Setelah membuat analisa secara saintifik kepada pengamalan bidang perniagaan dan perdagangan, beliau mengatakan bahawa perniagaan ialah satu usaha mencari pendapatan dengan cara menyuburkan dan mengembangkan. Hal ini dinamakan "keuntungan".[33] Seterusnya beliau mengambil langkah menghuraikan beberapa syarat mengenai perniagaan, dengan didahului oleh huraian tentang situasi dan suasana yang mengelilingi perniagaan itu. Terdapat banyak kejadian penipuan dan kecurangan yang menindas serta menganiaya dalam sesuatu pengeluaran, umpamanya perbuatan menaikkan harga barangan serta sikap ingkar dan tidak mengiktiraf hak tuan yang memiliki modal. Jika tidak diikat dengan surat-surat keterangan dan saksi, iaitu satu

31 *Ibid.*, (Isyarat kepada perusahaan-perusahaan yang penting).
32 *Ibid.*, Fasal Enam.
33 *Ibid.*, Fasal Lima, (Pengertian perniagaan, aliran-aliran fikiran dan juga berbagai corak dan jenisnya).

keadaan yang memastikan bahawa setiap peniaga itu wajib bersikap berani, sanggup bertengkar dan berkelahi, mahir atau cekap dalam ilmu kira-kira, sanggup bersikap degil serta keras kepala terhadap pihak yang berkuasa ataupun yang mempunyai pangkat dan pengaruh yang boleh menyebabkan pihak berkuasa terpaksa bersikap adil terhadapnya dalam menghadapi para pelanggan atau pihak-pihak yang berurusan dengannya sambil menyatakan lagi: "Sesiapa sahaja yang tidak berani tampil membela kepentingannya, dan tidak punya sebarang pangkat kedudukan serta pengaruh terhadap pihak yang berkuasa maka sayugialah dia menjauhkan dirinya daripada terlibat dengan urusan perniagaan. Alasannya, perbuatan seperti itu boleh mengancam harta benda dan wang ringgitnya. Dirinya sendiri akan menjadi mangsa penipuan dan penganiayaan daripada para penjual yang dia tidak mampu mendapatkan keadilan daripada mereka".

Huraian Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah*nya mengenai masalah perniagaan menegaskan bahawa beliau sebenarnya tokoh ilmu ekonomi yang pertama menyokong prinsip kebebasan perniagaan. Beliau mendahului Adam Smith selama lebih daripada 500 tahun dan beliau telah menyatakan dengan cara saintifik tentang keutamaan dan kebaikan ekonomi pasaran bebas. Beliau telah mengemukakan pendapatnya itu dengan jelas dan nyata sekali dalam kitab *Muqaddimah*nya. Beliau bukan sahaja telah memberikan sokongan kepada sistem pasaran bebas malahan telah menyebut beberapa faedah daripada sistem itu sambil menyokong pendapatnya dengan teori "pendekatan daya pembelian" dan apa yang dapat diperolehi oleh semua pihak yang berurusan melalui sistem itu bagi mencapai manfaat maksimum untuk diri mereka masing-masing. Oleh sebab itulah beliau telah menghentam perbuatan monopoli dan mendedahkan keaiban dan keburukannya kerana ia boleh menghapuskan sistem *muamalat* bebas. Namun demikian beliau juga telah menyatakan tentang wujudnya perbezaan di antara barangan yang dimonopoli itu sama ada ia berbentuk barang-barang keperluan asas ataupun barangan mewah yang mungkin kurang diperlukan oleh umat manusia. Oleh yang demikian, beliau telah menghentam para monopolis barangan keperluan asas dengan caranya yang tersendiri.

Oleh kerana menjadi satu resam sikap monopoli itu menuntut sesuatu barangan yang dikehendaki yang tidak dapat diperolehi dengan mudah, maka syarikat-syarikat perniagaan yang melakukan monopoli itu sentiasa berusaha keras untuk menguasai barangan yang sangat diperlukan oleh masyarakat. Oleh sebab itu bertambah hebatlah sikap cengkaman dan maharajalelanya syarikat berkenaan yang sangat besar padah dan bahayanya kepada masyarakat. Dengan demikian, ini membuktikan betapa pentingnya penjelasan yang dibuat oleh Ibn Khaldun mengenai perbezaan di antara monopoli bahan-bahan keperluan asas dengan monopoli bahan-bahan yang kurang diperlukan. Alasannya, barangan yang bukan keperluan asas, permintaannya tidak anjal. Undang-undang mengenai pertukaran barangan perlulah menyekat perbuatan monopoli dan juga kesannya dengan cara yang bersungguh-sungguh.[34]

34 Dr. Muhammad Ali Nasy'at, *Pelopor Ekonomi*, hlm. 46 – 52.

Pendapat Ibn Khaldun mengenai masalah ini seterusnya: "Dan di antara masalah yang diketahui dan terkenal di kalangan individu yang rasional, mempunyai pandangan yang jauh dan juga berpengalaman dengan keadaan hidup di bandar-bandar, perbuatan monopoli bahan-bahan hasil pertanian ketika menjelangnya musim kenaikan harga barangan adalah satu perbuatan yang membawa akibat buruk, kerugian dan kekecewaan yang menangguk di air keruh. Ini disebabkan (Allah jualah yang Maha Mengetahui) umat manusia pada masa itu dalam keadaan yang sangat memerlukan makanan merasa terdesak dan terpaksa untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan itu". Dengan demikian perasaan mereka pun sentiasa tertumpu kepada wang. Dalam kaitan hubungan jiwa manusia dengan wang ringgitnya mengandungi satu rahsia penting yang mengakibatkan bencana besar kepada orang yang merampasnya secara percuma. Mungkin sikap dan perbuatan seperti inilah yang dimaksudkan oleh ajaran agama dengan istilah "mengambil harta orang ramai dengan cara yang tidak benar". Perbuatan monopoli itu kalaupun bukan berupa perbuatan mengambil dengan percuma namun seluruh jiwa dan perasaan benci orang ramai tertumpu kepada pelaku monopoli itu kerana mengambil suatu barangan keperluan asas tanpa sebarang sebab yang munasabah. Dalam keadaan itu, ia sama dengan seorang yang melakukan paksaan.

Barangan jualan yang lain selain barangan makanan asasi tidaklah begitu diperlukan oleh umat manusia. Mereka hanya terdorong untuk mendapatkan barangan yang lain oleh desakan ingin bermewah-mewah dan mengikut runtunan hawa nafsu. Oleh itu mereka tidak akan membelanjakan wang untuk barangan mewah kecuali dengan pilihan dan kehendak hati mereka sendiri, dan mereka tidak begitu terasa dengan wang yang mereka bayar itu. Oleh sebab itulah setiap monopolis menjadi tumpuan kebencian orang ramai kerana wang yang diragutnya adalah di luar kerelaan hati mereka, dan sebagai akibatnya terjejaslah keuntungan.[35]

Perkara 50 - Pengeluaran Bertujuan Membahagiakan Masyarakat Islam[36]

Di antara masalah yang dapat diterima dengan mudah ialah pengeluaran merupakan asas kegiatan ekonomi. Apa yang dimaksudkan dengan pengeluaran ialah gerakan atau operasi kompleks yang menggunakan tenaga manusia serta sumber-sumber tenaga dalam lingkungan waktu yang tertentu dengan tujuan mendapatkan beberapa faedah dan manfaat yang bercorak sosial, sama ada manfaat itu berbentuk kebendaan ataupun semangat. Namun, pengeluaran itu selamanya tetap dibayangi oleh satu matlamat iaitu sama ada untuk mencapai faedah-faedah yang berbentuk kebendaan ataupun bercorak semangat dan kerohanian. Dengan demikian, persaingan dalam bidang pengeluaran untuk pengeluaran sahaja. Terdapat matlamat kedua yang berbentuk jalan serta alat

35 Ibn Khaldun, *op. cit.*, Fasal Lima (Monopoli).
36 Dr. Muhammad Baqir al-Sadr; Dr. Ali Abdul Wahid Wafi; Dr. Raf'at al-Mahjub, *Ekonomi Politik*, dan Dr. Ibrahim Dusuki Abazah.

bagi mencapai sesuatu tujuan serta cita-cita tertentu dan inilah yang selalu diamalkan oleh masyarakat Islam.

Perbezaan di antara kedua-dua pandangan di atas sangat jauh sekali. Alasannya, apabila usaha yang dicurahkan oleh setiap individu dalam bidang pengeluaran hanya untuk pengeluaran sahaja, maka dengan sendirinya pertimbangan-pertimbangan masyarakat yang berkenaan pasti tunduk kepada matlamat itu. Oleh yang demikian, motif aktiviti dan kegiatan ekonomi dan juga matlamatnya tunduk di bawah pengertian yang sangat sempit iaitu kebendaan. Akibatnya, rosaklah nilai kerohanian yang mulia dan suci itu di hadapan sikap ganas wang, harga serta tergugatlah kestabilan pengagihan dalam masyarakat itu.

Tetapi apabila masyarakat memandang pengeluaran itu sebagai alat dan menggunakannya untuk suatu matlamat yang mulia iaitu untuk mencapai kebahagiaan individu dari sudut kebendaan serta kerohanian dalam rangkaian kemuliaan jiwa yang sentiasa dirindui dan dicarinya, maka semua pertimbangan pastilah akan menjadi lebih mulia walaupun ia berbeza disebabkan perbezaan matlamat. Walau bagaimanapun pembahagian dan pengagihan akan menjadi atau kembali seimbang serta kukuh keadaannya.

Perkara 51 - Hubungan di Antara Pengeluaran dengan Pengagihan

Dari sudut yang lain pengeluaran itu saling berkait dengan pengagihan. Namun demikian pengeluaran itu tidaklah mendahului kegiatan pengagihan dengan sendirinya kerana banyak sekali operasi pengagihan yang mendahului pelaksanaan pengeluaran iaitu, urusan-urusan yang berkaitan dengan pengagihan faktor-faktor atau bahan-bahan pengeluaran itu.

Sememangnya banyak operasi pengagihan yang berkaitan dengan operasi pengeluaran iaitu operasi yang berkaitan dengan pengagihan hasil pengeluaran. Berdasarkan keadaan ini maka agak sukar untuk memisahkan pengeluaran dengan pengagihan dan pemisahan ini perlu sekali untuk kelancaran penawaran dan kelicinan kajian dan analisis.

Namun demikian pertalian di antara pengagihan dengan pengeluaran meliputi suatu pengertian khusus dalam sistem ekonomi Islam kerana ia bukanlah satu bentuk pertalian yang bersifat sementara di mana pengagihan itu terpaksa tunduk kepada bentuk pengeluaran, seperti yang selalu didakwa oleh aliran fahaman marxisme. Ia juga bukan merupakan satu bentuk pertalian daripada sebelah pihak sahaja yang menyebabkan pengagihan tertakluk kepada kemampuan ekonomi bagi individu yang berkenaan dalam batas kebebasan penuh, seperti yang difahami oleh aliran kapitalisme. Berdasarkan prinsip ekonomi Islam pertalian di antara pengeluaran dengan pengagihan tegak di atas hubungan saling pengaruh mempengaruhi di antara pengeluaran dengan pengagihan iaitu pertalian yang tegak dalam kemungkinan sahaja bukanlah suatu yang dipastikan. Oleh itu penyusunan pengagihan bukanlah mengikut perkembangan bentuk pengeluaran (seperti yang difahami oleh aliran marxisme) dan tidak juga mengikut kemampuan ekonomi para individu dalam

masyarakat (seperti yang difahami oleh aliran kapitalisme), tetapi pengagihannya mengikut keperluan-keperluan dan tuntutan umat manusia dalam satu bentuk yang dapat menjamin terpeliharanya ciri kemanusiaan di kalangan umat manusia sejagat.

Apabila kita membuat kesimpulan daripada pengertian-pengertian pengeluaran dan pengagihan kepada peringkat operasi pengeluaran serta pengagihan itu sendiri, nescaya kita dapati dengan jelas dan nyata bahawa kedua-duanya tersusun daripada beberapa unsur khusus dan tunduk pula kepada beberapa kaedah yang khusus juga.

Dengan demikian keputusan mengenai pengeluaran dan pelaburan dalam sistem ekonomi Islam kebiasaannya tunduk kepada kemahuan individu seperti juga ia tunduk di bawah pengawasan, panduan serta arahan negara. Manakala ketetapan mengenai cara bagaimana melaksanakan unsur-unsur pengeluaran dan hasil-hasilnya, juga mesti tunduk kepada kehendak individu yang berkaitan dengan campur tangan dan panduan negara.

Dalam lingkungan seperti inilah dapat difahami dengan lengkapnya konsep umum pengeluaran dan pengagihan mengikut sistem ekonomi Islam.

Perkara 52 - Peranan Pengeluaran dalam Memenuhi Keperluan

Dalam sistem ekonomi Islam, pengeluaran bukanlah dianggap sebagai satu matlamat terakhir, malah sebagai satu cara dan jalan untuk mencapai sesuatu matlamat tertentu, iaitu kebahagiaan individu dan kemewahan masyarakat. Dengan demikian semua usaha dalam bidang pengeluaran adalah suatu kerja yang berbentuk kebendaan yang mengakibatkan bercampur-baurnya barangan-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Dari sinilah jelas menunjukkan bahawa matlamat utama pengeluaran ialah berkenaan kepentingan memenuhi tuntutan keperluan-keperluan itu. Apabila pengeluaran itu menyimpang keluar daripada garis-garis keperluan tersebut, maka dengan sendiri ia akan bertentangan dengan matlamat kewajipannya dan adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk mengembalikannya kepada landasan asalnya yang bercorak kemasyarakatan. Pandangan seperti ini bercanggah dengan beberapa unsur yang terdapat dalam sistem ekonomi Islam, kerana penentuan unsur-unsur itu dan menyatakan sejauh manakah penyertaan setiap unsur dalam peringkat pengeluaran, adalah bergantung kepada matlamat pengeluaran dalam masyarakat Islam selaras dengan falsafah umumnya.[37]

Terdapat dua jenis barangan pengeluaran yang dikeluarkan dalam sesuatu perekonomian:

(a) Barangan penggunaan iaitu barangan-barangan yang disediakan untuk kegunaan secara langsung.

37 *Ibid.*

(b) Barangan-barangan untuk pengeluaran iaitu barangan-barangan yang dikeluarkan untuk menghasilkan barangan yang lain.[38]

Perkara 53 - Penentuan Faktor-faktor Pengeluaran dalam Sistem Ekonomi Islam

Faktor-faktor yang menjadi bahan pengeluaran mengikut sistem ekonomi Islam adalah berbeza daripada faktor-faktor pengeluaran mengikut doktrin-doktrin ekonomi yang lain. Oleh sebab itu penting untuk dilakukan kajian perbandingan bagi faktor-faktor pengeluaran dalam sistem Ekonomi Politik Tradisional dengan sistem ekonomi Islam bagi melahirkan berbagai bentuk perbezaan dan keistimewaan sistem ekonomi Islam, yang tidak hanya terbatas kepada faktor-faktor yang berbentuk jumlah tetapi juga yang mencakupi faktor-faktor yang berbentuk kaedah dan cara.

Perkara 54 - Faktor-faktor Pengeluaran dalam Sistem Ekonomi Politik Tradisional[39]

Faktor-faktor pengeluaran di bawah sistem Ekonomi Politik Tradisional terbatas kepada bahan-bahan berikut:

(a) Alam semula jadi;
(b) Modal;
(c) Guna tenaga; dan
(d) Pengurusan atau organisasi.

Perkara 55 - Alam Semula Jadi

Berasaskan definisinya yang dimaksudkan alam semula jadi mengikut sistem Ekonomi Politik Tradisional ialah hasil-hasil dan sumber-sumber penghasilan yang diperolehi di permukaan bumi dan juga dalam perut bumi. Oleh itu ia mengandungi bahan-bahan berikut:

(a) Tanah-tanah pertanian serta tanah-tanah yang sesuai untuk tujuan pertanian dan hutan belantara.

(b) Kawasan pantai, laut, danau-danau serta sungai-sungai yang didapati dalam sesebuah negara.

(c) Hasil-hasil daripada perut bumi sama ada ia berupa bahan galian yang keras mahupun yang cair.

38 Dr. Raf'at al-Mahjub, *op. cit.*
39 *Ibid.*

Perkara 56 - Modal

Dalam sistem Ekonomi Politik Tradisional, modal ditakrifkan sebagai harta yang diperolehi daripada operasi berbentuk pengeluaran yang telah dilakukan sebelumnya, dan yang digunakan untuk memperolehi barangan yang baru.

Oleh itu yang termasuk dalam senarai faktor-faktor itu ialah bahan-bahan berikut:

(a) Bangunan-bangunan, kilang-kilang dan peralatan-peralatan.
(b) Bahan-bahan utama dan separuh buatan.
(c) Barangan-barangan yang masih tersimpan.

Menurut pengertian ini, bahawa modal pada umumnya terbahagi kepada dua jenis:

(a) Modal tetap seperti kilang-kilang dan pejabat-pejabat; dan

(b) Modal berubah seperti bahan-bahan asas dan bahan-bahan yang termasuk dalam senarainya.

Berdasarkan sistem Ekonomi Politik Tradisional ia tidak memandang penting sumber modal mengikut pengertian yang disebutkan tadi iaitu unsur bumi dengan berasaskan anggapan bahawa bumi bukan hasil kerja manusia tetapi adalah suatu kurniaan alam semula jadi, walaupun bumi itu telah diusahakan oleh manusia melalui pembangunan ataupun pindaan daripada keadaan asalnya.

Perkara 57 - Guna Tenaga

Guna tenaga menurut sistem Ekonomi Politik Tradisional ialah usaha pengurusan yang dilakukan oleh manusia dengan tujuan menghasilkan pengeluaran yang berbentuk barangan dan perkhidmatan. Berdasarkan pandangan yang sedemikian maka usaha-usaha manusia yang bertujuan untuk mencapai matlamat yang lain tidaklah dianggap termasuk dalam lingkungan dan senarai pengeluaran, iaitu seperti melakukan kegiatan dalam bidang sukan.

Jumlah guna tenaga yang terdapat dalam sesebuah negara bergantung kepada dua faktor penting berikut:

(a) Jumlah penduduk, apabila jumlah penduduk bertambah ramai maka jumlah guna tenaga akan meningkat.

(b) Taraf latihan sains dan kemahiran, kerana tidak mencukupi wujudnya jumlah tenaga kerja yang banyak dalam sesebuah negara itu, malah para pekerja perlulah memiliki taraf kelayakan yang tinggi dalam bidang sains dan kemahiran.

Perkara 58 - Pengurusan dan Organisasi

Mengikut sistem Ekonomi Politik Tradisional, pengurusan merupakan faktor pengeluaran. Ia merupakan faktor keempat bagi pelaksanaan pengeluaran. Tanpa pengurusan yang baik maka pengeluaran moden mustahil dapat dihasilkan dengan berkesan.

Pengurusan dianggap sebagai tugas pihak pengurus yang menjalankan peranan membuat perancangan dalam sistem ekonomi kapitalis. Oleh yang demikian pihak pengurus dan pentadbirlah yang menjalankan tugas mengumpulkan faktor-faktor pengeluaran yang telah disebutkan sebelum ini (alam semula jadi, modal dan guna tenaga) serta keseragaman di antara ketiga-tiga faktor itu mengikut kadar dan keadaan yang diperlukan oleh sektor pengeluaran, iaitu dengan tujuan mencapai kadar pengeluaran tertentu yang boleh membawa keuntungan.

Perkara 59 - Tugas Seseorang Pengurus

1. Menentukan jenis pengeluaran yang dikehendaki mengikut perancangan dan juga jumlahnya.

2. Mengenal pasti pasaran tempat menjual barangan-barangan dan juga suasana permintaan dan penawaran yang wujud dalam pasaran.

3. Mengadakan perjanjian dan persetujuan dengan pihak pemilik bahan-bahan pengeluaran dan menentukan upah pekerjanya.

Kadar kejayaan seseorang pengurus itu bergantung kepada kebolehan dan kemampuannya membuat perhitungan dan jangkaan ekonomi dalam semua masalah yang berkaitan dengan perancangannya. Tugasannya itu adalah berkaitan dengan keuntungan yang berubah-ubah bentuk dan kadarnya mengikut apa yang dilaksanakan oleh rancangan itu dalam bentuk berbagai keuntungan dalam sektor penjualan. Oleh sebab itulah keuntungan yang diperolehi oleh pihak pengurus itu dianggap sebagai sumber pendapatan yang terpenting dalam sistem kapitalis.

Perkara 60 - Faktor-faktor Pengeluaran Menurut Sistem Ekonomi Islam

Menurut pandangan sistem ekonomi Islam ia berbeza dengan pandangan ekonomi politik tradisional mengenai faktor-faktor pengeluaran yang empat perkara itu, iaitu perbezaan daripada segi dasar dan asasnya.[40]

Walaupun memang telah wujud persamaan daripada segi lahiriah di antara sebahagian faktor yang menjadi bahan pengeluaran di kalangan kedua-dua pihak ahli ekonomi itu, namun perbezaan asas tetap berlaku juga.

---

40 Abul-A'la Maududi, *Dasar-dasar Ekonomi Dalam Islam* dan Dr. Mahmud Abu al-Su'ud, *Garis-garis Kasar Tentang Ekonomi Islam*.

Alasannya bahawa, walaupun ekonomi Islam dapat menerima betapa pentingnya faktor modal, namun ia mempunyai pengertian dan tanggapan khusus mengenai masalah itu, yang mengakibatkan timbulnya hasil-hasil khusus pula. Seperti juga faktor guna tenaga mempunyai ciri tersendiri menurut pandangan Islam dengan sebab tunduknya ia kepada suatu bentuk pengurusan yang khusus, iaitu sama ada yang berkaitan dengan pekerjaan yang bercorak individu ataupun pekerjaan suatu kumpulan individu dalam satu unit ekonomi.

Berdasarkan huraian di atas maka dapatlah dibuat rumusan dan kesimpulan mengenai ajaran Islam dalam masalah yang berkaitan dengan faktor-faktor pengeluaran dan membataskannya kepada tiga perkara sahaja:

(a) Alam semula jadi;
(b) Pengurusan yang teratur; dan
(c) Modal.

Sebelum dibincangkan ketiga-tiga unsur ini secara agak terperinci maka kita berpendapat perlulah ditumpukan perhatian ke arah membincangkan sebab-sebab dan faktor-faktor yang mengesahkan pergantungan serta perlunya faktor modal di antara faktor pengeluaran dalam sistem ekonomi Islam. Sebab-sebab itulah juga yang menjadi sandaran dan alasan dalam menggabungkan faktor pengurusan dalam faktor pekerjaan.

Perkara 61 - Kenapakah Modal Dianggap Sebagai Satu Faktor Pengeluaran?

Sebahagian *fuqaha* dalam bidang ekonomi Islam berpendapat tidak sepatutnya modal itu dimasukkan ke dalam senarai faktor-faktor pengeluaran.[41] Pendapat mereka ini berasaskan suatu sebab saintifik, iaitu modal pada hakikatnya dianggap sebagai satu harta yang produktif, iaitu harta yang telah selesai dihasilkan terlebih dahulu, dan bukanlah merupakan satu sumber asli daripada berbagai faktor yang melahirkan penghasilan atau pengeluaran.

Oleh yang demikian, menurut pendapat ini modal tidak dianggap sebagai suatu bentuk harta yang telah diperolehi dalam suatu tempoh masa yang terdahulu. Oleh sebab itu, apabila membincangkan masalah modal ia terkeluar daripada lingkungan teori mengenai pengeluaran dan termasuk dalam lingkungan teori pengagihan. Memang tiada sebarang keraguan bahawa pendapat seperti ini sukar diterima kerana walaupun modal pada hakikatnya tidak dianggap sebagai suatu sumber yang asli bagi pengeluaran namun ia dipandang sebagai sesuatu yang sangat diperlukan dalam sistem ekonomi moden, iaitu satu keperluan yang ditentukan oleh suasana dan situasi perkembangan dalam pelbagai lapangan pengeluaran, yang umat manusia selalu menggunakan alat-alat dan kelengkapan yang tidak boleh dihindarkan dalam operasi pengeluaran untuk mencapai taraf pengeluaran yang tertentu daripada segi kuantiti dan kualitinya. Memang tidak dipertikaikan bahawa pada dasarnya modal itu

41 Profesor Muhammad Baqir al-Sadr, hlm. 296 dan seterusnya.

dipandang sebagai satu pekerjaan dan harta yang sudah sedia ada lebih dahulu, iaitu harta yang telah diperoleh dari suatu peringkat masa yang dahulu, tetapi dari sudut lain ia telah disediakan untuk satu kegunaan semula dalam meraih dan mencari harta-harta yang lain dalam tempoh waktu berikutnya. Daripada sudut pandangan syara' yang murni, tiada sebarang keterangan dalam nas-nas al-Qur'an ataupun al-Sunah yang bertentangan dan bercanggah dengan pandangan ini; sedangkan dasar pokok syariah Islamiah ialah *ibahah* atau boleh dilakukan sesuatu yang tiada keterangan yang menjelaskan larangannya, kecuali dalam masalah yang ada nas khusus mengenai haramnya sesuatu perkara itu. Berdasarkan pandangan inilah maka kita tidak menemui bukti dan keterangan yang berdasarkan syariah ataupun sains untuk menyingkirkan peranan modal daripada senarai faktor-faktor pengeluaran iaitu alam semula jadi, pekerjaan yang teratur dan tersusun rapi.

Perkara 62 - Adakah Pengurusan Boleh Dimasukkan ke dalam Kategori Pekerjaan?

Memang tiada sebarang keraguan bahawa pekerjaan yang dilakukan oleh umat manusia merupakan satu nilai yang paling lama dan mulia dalam pandangan Islam kerana pekerjaan itu merupakan asas dan sumber harga. Pekerjaan juga merupakan satu-satunya unsur kerohanian daripada pelbagai jenis faktor pengeluaran yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu alam semula jadi, pekerjaan yang teratur dan tersusun serta modal.

Memang telah dicipta satu takrif mengenai faktor guna tenaga iaitu takrif yang menyatakan bahawa guna tenaga ialah satu usaha berbentuk pengurusan dan pentadbiran yang dilakukan oleh manusia untuk mendapatkan sesuatu manfaat ekonomi. Walau bagaimanapun, tidak cukup setakat usaha berbentuk pengurusan dan pentadbiran untuk menghasilkan sesuatu manfaat yang berbentuk ekonomi sama ada yang berbentuk kebendaan ataupun rohani, kerana usaha yang berbentuk pengurusan dan pentadbiran perlulah tersusun dan teratur mengikut satu cara yang tertentu. Ia bertujuan supaya pekerjaan umat manusia menjadi produktif, maka tidak dapat dihindarkan bahawa ia satu sistem penyusunan dan pentadbiran, kerana tanpa penyusunan dan organisasi, usaha manusia akan hilang percuma sahaja. Pandangan Islam kepada faktor guna tenaga tertumpu kepada pekerjaan yang teratur dan tersusun rapi. Dengan demikian tiada sebarang keutamaan bagi pekerjaan melebihi faktor penyusunan rapi dan tiada juga sebarang keutamaan bagi penyusunan yang rapi melebihi peranan pekerjaan kerana kedua-duanya saling memerlukan.

Pengurusan dan pentadbiran tegak di atas dua landasan. Pertama, pengurusan yang bercorak saintifik dan kedua, pengurusan yang bercorak pentadbiran. Kedua-dua corak pengurusan ini diperlukan untuk melahirkan dan memajukan pengeluaran.

Perkara 63 - Pemilik ataupun Pengurus

Pemilik ataupun kebiasaannya disebut dalam ilmu ekonomi politik tradisional sebagai *pengurus* bertugas menyusun dan menyelaraskan pelbagai

faktor pengeluaran yang beraneka bentuk bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk dijual dengan tujuan mendapatkan keuntungan.

Menurut pandangan Islam, pengurus memainkan peranan paling penting kerana pada keseluruhannya, peranannya berbeza dengan peranan semua pekerja dan petugas lain dalam perancangan. Alasannya bahawa penguruslah orang yang pertama bertanggungjawab mengenai peranannya sebagai pemimpin dan pengarah. Walaupun pada asasnya dia dapat meraih keuntungan dan juga berhak menerima upah atau gaji yang sesuai dengan peranan dan pekerjaannya seperti yang berlaku di kalangan Syarikat-syarikat Perkongsian Berhad di mana pengurus dibayar gaji oleh pihak syarikat dan dengan sendirinya dia berhak mendapat faedah daripada keuntungan perniagaan itu di samping menerima gaji terhadap pekerjaannya.

Perkara 64 - Mengenal Pasti Beberapa Faktor Pengeluaran dalam Sistem Ekonomi Islam

Kita baru sahaja memberi penjelasan bahawa pengeluaran menurut sistem ekonomi Islam tegak berlandaskan tiga faktor asasi yang penting:

(a) Alam semula jadi;
(b) Pengurusan yang teratur dan tersusun rapi (pengurusan yang cekap);
(c) Modal.

Berikut ialah huraian mengenai ketiga-tiga faktor yang berkenaan:

Perkara 65 - Alam Semula Jadi

Sebenarnya alam semula jadi ialah faktor pengeluaran utama bagi pengeluaran. Menurut pandangan sistem ekonomi Islam dan hukum-hakam syariah ia mempunyai peraturan-peraturan yang lengkap dan sesuai dengan peranan penting dalam bidang pengeluaran. Islam telah menetapkan bahawa sumber ini terletak di bawah berbagai bentuk pemilikan dan tidak menentukan bahawa hak memiliki sumber tertentu bagi setiap individu, seperti pandangan pihak kapitalis dan tidak pula milik masyarakat secara kolektif seperti pandangan golongan sosialis. Malahan Islam telah mengagihkan pemilikan faktor alam semula jadi mengikut keperluan dan kepentingan umat manusia. Oleh itu Islam mengagihkan pemilikan faktor alam semula jadi seperti berikut:

(a) Hak milik khusus dengan matlamat memenuhi beberapa keperluan khusus yang bercorak kemanusiaan.

(b) Hak milik umum dengan tujuan memenuhi keperluan-keperluan umum yang bercorak insani yang dapat dimanfaatkan oleh setiap individu dengan sifatnya sebagai seorang anggota masyarakat.

(c) Hak milik negara yang dapat menjamin wujudnya perseimbangan sosial dalam pengagihan kekayaan apabila pengagihan mengalami

kecacatan daripada segi perseimbangannya ataupun kerana sesuatu sebab yang lain.

Berasaskan peranan faktor alam semula jadi, maka dalam sistem ekonomi Islam ia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

(a) Tanah (bumi): Ia dipandang sebagai faktor alam semula jadi yang paling penting. Tanpanya manusia tidak mampu membuat perancangan bagaimana hendak menjalankan sebarang kegiatan dalam bidang pengeluaran.[42]

(b) Sumber-sumber dalam perut tanah (bumi): Ia meliputi sumber-sumber dan bahan-bahan asli yang terdapat dalam perut bumi, seperti bijih besi, arang batu, petroleum dan lain-lain.

(c) Sumber air asli: Iaitu air laut, danau dan tasik juga sungai dipandang sebagai syarat utama kehidupan umat manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alat yang paling mudah digunakan bagi komunikasi serta pengangkutan berat.

(d) Sumber-sumber tenaga semula jadi: Iaitu kuasa air terjun yang boleh digunakan sebagai sumber tenaga elektrik dan tenaga angin serta lain-lain sumber tenaga alam semula jadi yang boleh digunakan untuk menggerakkan jentera.

(e) Kekayaan alam yang lain: Iaitu haiwan, pelbagai jenis tumbuhan yang didapati di atas muka bumi, berjenis-jenis burung yang berterbangan di udara dan sumber-sumber kekayaan yang tersimpan di dasar lautan dan lain-lain lagi.

Perkara 66 - Pengurusan yang Cekap

Dalam huraian yang lalu kita telah menyatakan tentang peranan penting guna tenaga dalam lapangan ekonomi politik yang pada hakikatnya berlandaskan pandangan dan teori Islam yang khusus mengenai usaha dan kerja manusia; kerana Islam sangat menekankan soal pengerahan tenaga dan usaha manusia untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sama ada dari sudut jasmani mahupun mental. Seperti juga Islam memberikan perhatian berat terhadap penggunaan tenaga manusia dengan pelbagai cara dan memperakui bahawa sesiapa yang menggunakan tenaganya dalam suatu lapangan yang dihalalkan oleh agama maka dia dipandang sebagai seorang pekerja, tanpa mengira taraf dan statusnya dalam kehidupan bermasyarakat.

---

42 Buku karya Prof. Muhammad Baqir al-Sadr hlm. 398 dan halaman berikutnya; juga sebuah buku lagi hasil karya al-'Allamah Muhammad al-Mubarak yang berjudul *Sistem Islam Mengenai Masalah Ekonomi*, dan juga sebuah buku hasil karya Dr. Ali Abdul Wahid Wafi.

Nas-nas agama memberi isyarat bahawa pengurusan menurut matlamat Islam ialah pengurusan yang teratur dan tersusun rapi, iaitu pengurusan yang lahir dari kehendak hati dan disertai dengan kesedaran oleh akal fikiran. Di samping itu, pengurusan tersebut bukanlah satu hal yang produktif dan mempunyai manfaat ekonomi kecuali disertakan dengan satu faktor lain iaitu penyusunan dan organisasi. Dengan demikian sesuatu pengurusan itu mestilah teratur dan tersusun rapi sehingga mampu menghasilkan pelbagai bentuk hasil ekonomi yang berpunca daripada kerja-kerja itu. Ini kerana adalah tidak mencukupi setakat penghasilan pengurusan dalam bidang barangan dan perkhidmatan sahaja, bahkan barangan dan perkhidmatan itu perlulah mengatasi kadar harga yang dikeluarkan untuk menghasilkannya. Inilah yang dikenali sebagai pengurusan pengeluaran. Demikianlah lengkapnya konsep pengurusan yang teratur dan tersusun rapi dan bukannya satu usaha yang dilakukan secara kebetulan sahaja. Tetapi ia merupakan hasil usaha yang dilakukan dalam lingkungan suatu sistem yang tertentu dan selaras dengan kaedah pengurusan yang diketahui yang akhirnya akan membawa kepada tercapainya pengeluaran tambahan dalam apa juga barangan dan perkhidmatan daripada segi harga melebihi usaha yang teratur dan faktor lain yang dipakai untuk menghasilkannya.

Untuk tujuan supaya pengurusan yang teratur menjadi sempurna maka perlulah dipenuhi dua syarat penting berikut:

(a) Pengagihan pekerjaan yang tepat kepada orang yang betul-betul pandai dan berkelayakan menjalankannya.

(b) Pengagihan pekerjaan yang tepat dalam beberapa jenis operasi produktif yang berterusan.

Perkara 67 - Kecekapan Mengagihkan Pekerjaan

Pada asasnya umat manusia memang berbeza-beza daripada segi kemampuan dan kebolehan mereka yang berbentuk jasmaniah dan juga mental, pendidikan dan pelajaran walaupun mereka saling memberikan sumbangan dalam usaha meringankan dan memperkecilkan perbezaan itu, namun tidaklah membawa ke peringkat tiada langsung perbezaan itu.

Dari sudut lain memang jelas perbezaan di antara para individu tentang bakat dan kecenderungan yang berkaitan dengan pemilihan kerja dan usaha yang akan dilakukan.

Dapat kita lihat haluan para individu kepada bidang kerja dan usaha yang sesuai dengan persediaan mereka daripada segi jasmaniah, mental dan jiwa. Kaedah mengenai wujudnya perbezaan di antara para individu daripada segi kebolehan dan kemampuan, kecenderungan masing-masing kepada bidang kerja, usaha yang sesuai dengan kemampuan dan persediaan yang sedia wujud pada setiap individu itu tidak boleh dinafikan sama sekali. Malah, boleh dikatakan bahawa pendekatan yang begitu rapat di antara individu-individu

dalam bentuk daya jasmaniah, mental dan perbezaan yang sangat kecil dalam bentuk pekerjaan yang dilakukan dipandang sebagai satu ciri yang begitu ketara dalam masyarakat primitif. Ini kerana setiap kemajuan yang terdapat dalam masyarakat itu menjelaskan lagi perbezaan dalam bidang kemampuan dan bertambahlah perbezaan daripada segi bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh setiap individu hasil daripada perhatian mereka masing-masing kepada bidang-bidang yang khusus. Namun demikian pelaksanaan kaedah ini dari satu sudut yang lain memerlukan satu syarat yang amat penting, iaitu wujudnya jaminan kebebasan dalam memilih bidang pekerjaan. Syarat ini dijamin oleh Islam sejak mula lagi kerana menjadi dasar pokok dalam ajaran Islam bahawa setiap individu berhak memilih bentuk pekerjaan yang sesuai dengan kecenderungan dan bakatnya. Tiada sebarang nas syara' yang memberikan kuasa kepada pihak yang berkuasa untuk menjalankan tugas mengagihkan pekerjaan di kalangan setiap individu secara kekerasan atau paksaan seperti yang berlaku dalam sistem pemerintahan sosialis.[43]

Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak menafikan sama sekali kemungkinan timbulnya keadaan-keadaan yang luar biasa serta istimewa dan pihak yang berkuasa berhak memaksa seseorang ataupun beberapa individu tertentu untuk melaksanakan sesuatu tugas atau pekerjaan tertentu, pada ketika pekerjaan itu sangat diperlukan untuk kepentingan masyarakat kaum Muslimin dan tiada orang lain yang mampu atau berkebolehan menjalankan pekerjaan itu selain individu yang berkenaan.

Perkara 68 - Kecekapan Membahagikan Bidang Pekerjaan

Adalah tidak memadai bahawa pengagihan pekerjaan dilakukan dengan bebas kepada setiap orang yang ahli dalam bidang pekerjaan yang berkenaan malah mestilah pula dilengkapkan dengan faktor kerja. Menurut pandangan Islam, bahawa pekerjaan itu dibahagikan mengikut satu jenis bidang pengkhususan dan kepakaran bagi melaksanakan setiap bahagian dalam operasi pengeluaran, pengkhususan atau kepakaran walaupun sangat lemah dan kurang pada zaman permulaan Islam disebabkan oleh kekurangan dan kemunduran daripada segi teknik pengeluaran dan tidak wujudnya keperluan yang hakiki bagi melakukan pengagihan pekerjaan mengikut taraf yang tinggi akibat daripada terlalu sempit dan terbatasnya pasaran di samping memberikan keutamaan kepada faktor mencukupkan keperluan sendiri dalam bidang pengeluaran. Namun, perhatian dan tumpuan ke arah pengagihan pekerjaan dengan kepakaran yang lebih baik dan berkesan dalam operasi pengeluaran seluruhnya atau sebahagiannya mulai bertambah dan meningkat dalam era pemerintahan Khalifah Umaiyah dan Abbasiyah dan di bawah Khalifah di Andalus (Sepanyol) secara khususnya. Dengan demikian maka pengeluaran dalam bidang pembangunan yang berbentuk Andalusia (Sepanyol) sebagai contohnya telah mengenal pasti kaedah pengagihan pekerjaan dengan cara yang maju dan tinggi mutunya kerana operasi pembangunan yang berkenaan telah dibahagi

43 Profesor Muhammad al-Mubarak, *Sistem Islam Mengenai Ekonomi.*

kepada beberapa bahagian yang khusus mengenai teknik kerja yang tersendiri, seperti bahan-bahan pembinaan yang asasi, batu marmar dan hiasan bangunan, cat mengecat, pertukangan kayu, pertukangan besi dan sebagainya mengikut kemahiran serta kepakaran para pekerja dalam bidang masing-masing. Pada waktu tertentu setiap jenis pekerjaan itu terbahagi kepada beberapa bidang kepakaran yang sangat teliti dan seni. Setiap pekerja ataupun setiap kumpulan pekerja itu mempunyai kepakaran khusus dalam melaksanakan bidang kerja masing-masing. Kalaulah ilmu ekonomi politik tradisional merujukkan manifestasi pengagihan pekerjaan dan kepakaran ini kepada pakar ekonomi Inggeris Adam Smith, keadaan ini tidaklah menggugat pendapat yang mengatakan bahawa manifestasi berkenaan sudah pun wujud dan berlaku dalam masyarakat Islam pada zaman lampau walaupun dalam bentuk yang terbatas. Sebenarnya Adam Smith telah berusaha membuktikan manifestasi ini dan juga melahirkan kebaikannya sesudah ia lahir dalam bentuk yang jelas pada zaman hidupnya melalui revolusi perindustrian.

Satu perkara yang diterima umum bahawa kemajuan yang berlaku dalam bidang ekonomi yang berbentuk unit-unit pengeluaran yang besar jumlahnya dan juga pencapaian kemajuan teknikal dalam mengagihkan operasi pengeluaran bagi setiap unit itu memerlukan pengagihan pekerjaan dan kepakaran yang meluas kerana penghasilan sesuatu barangan tentunya memerlukan kerjasama yang erat di kalangan beberapa bidang perusahaan dan kepakaran dalam bidang kemahiran untuk menukar atau memproses bahan asli menjadi barangan-barangan yang sesuai digunakan.

Di samping itu pula kemajuan alat-alat perhubungan dan komunikasi serta media penyiaran juga telah ikut serta memainkan peranan penting dalam bidang perkembangan sistem pemasaran sama ada dalam atau di luar negeri.

Sebenarnya pengagihan pekerjaan dan bidang kepakaran telah memberikan sumbangan jasa bagi mengatasi beberapa kelemahannya kerana ia telah mengakibatkan meningkatnya mutu kerja dan kelayakan setiap orang pekerja daripada segi kepakarannya dalam bidang operasi tertentu atau sebahagian daripadanya. Ia juga telah mengakibatkan turunnya harga atau kos pengeluaran dan telah memberikan pengalaman kepada pekerja yang berkenaan untuk menjimatkan waktu seterusnya dapat membawa kepada banyaknya jumlah pengeluaran yang merupakan faktor istimewa bagi sistem ekonomi moden.

Kalaulah ditakdirkan bahawa kepakaran dan kemahiran yang bermutu tinggi itu boleh menyebabkan seseorang pekerja mahir merasa jemu dan menghadapi beberapa kesukaran kerana kesulitan melakukan sesuatu pekerjaan di luar daripada bidang kepakaran dan kemahirannya, namun jumlah kesukaran dan kesulitan itu adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan beberapa bentuk kebaikan yang telah disebutkan sebelum ini.

Memang tidak perlu dinyatakan lagi bahawa pengagihan pekerjaan dan kepakaran itu boleh berlaku atau berkekalan tanpa pasaran yang meluas atau memerlukan beberapa jenis kepakaran dan kemahiran dalam menghasilkan berbagai operasi pengeluaran.

Perlu ditegaskan di sini bahawa prinsip pembahagian kerja dan kepakaran

itu dipandang sebagai sebahagian daripada prinsip-prinsip asas yang diperakui oleh sistem ekonomi Islam. Walaupun pelaksanaan prinsip-prinsip ini kurang mendapat perhatian pada zaman pemerintahan Islam yang berbentuk khafilah seperti sebab-sebab yang telah dijelaskan, ini tidak bermakna bahawa sistem ini tidak sesuai dilaksanakan ataupun perlu diabaikan dalam suasana kemajuan pada zaman moden ini.

Perkara 69 - Peranan Guna Tenaga Menurut Pandangan Islam

Guna tenaga memang mempunyai peranan positif dan produktif dalam pandangan syariah Islamiah dan ia juga mempunyai tugas besar dalam menghasilkan, mengumpul dan mengembangkan harta untuk membentuk sebuah masyarakat yang serba cukup serta adil; kerana dengan adanya guna tenaga maka wujudlah pengeluaran. Dengan guna tenaga itu juga terdapat penambahan jumlah pengeluaran dalam jumlah yang betul dan seimbang. Dengan adanya guna tenaga maka berlakulah keadaan serba cukup dalam bidang pengeluaran dan berikutnya wujudlah pula keadaan lebihan dalam sektor tabungan. Oleh sebab itulah Islam sentiasa menyeru ke arah melakukan pekerjaan dan berusaha sambil memberikan peransang ke arah itu, melarang serta memandang jelik kepada pengangguran dan bermalas-malas. Islam juga memandang buruk dan haram kepada setiap usaha atau kerja yang dibuat secara kebetulan atau dengan tujuan menipu, atau hendak menutup mata dan memalsu.

Teori kapitalisme dalam bentuk umumnya tidak mementingkan serta mewajibkan wujudnya sebarang perlakuan moral dalam semua bentuk pekerjaan kecuali dalam lingkungan undang-undang dan peraturan buruh seperti yang dikanunkan oleh negara dan bukannya memandang bahawa perlakuan moral itu sebagai perkara yang berkait rapat dengan sistem kapitalis tetapi hanya dengan anggapan bahawa perlakuan moral itu adalah satu bentuk reformasi sosial yang boleh memajukan negara. Selanjutnya, bentuk perlakuan moral itu adalah berbeza-beza dalam setiap masyarakat kapitalis dengan masyarakat-masyarakat kapitalis yang lain. Ini kerana, guna tenaga dalam masyarakat kapitalis bertujuan mendapatkan keuntungan daripada tenaga kerja tanpa dibatasi oleh sebarang kewajipan moral atau agama yang mesti dipatuhi oleh setiap orang pekerja dalam menjalankan pekerjaannya. Keadaan seperti ini menyebabkan timbulnya beberapa keburukan yang merosakkan banyak masyarakat umat manusia dengan adanya penyelewengan, penipuan, monopoli, penindasan, saling bercakaran dan berebut-rebut kedudukan penting secara meluas.

Perkara 70 - Matlamat Islam Mengenai Pekerjaan

Islam sentiasa menyeru manusia supaya melakukan amal salih seperti yang dimaksudkan dalam nas-nas al-Qur'an. Perkataan "pekerjaan" dengan sifat salih yang membuktikan bahawa Allah S.W.T. sentiasa memberi perangsang dan galakan kepada umat manusia untuk melakukan pekerjaan yang baik dan

menjalankan pekerjaannya itu dengan bersungguh-sungguh dan tekun supaya pekerjaan itu menjadi satu amal salih yang berhak diberikan ganjaran oleh Allah S.W.T.

Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ
وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِّن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۚ نِعْمَ ٱلثَّوَابُ
وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

سورة الكهف ١٨: اية ٣٠، ٣١

Terjemahan: *Sebenarnya orang yang beriman dan beramal salih, sudah tentu Kami tidak akan menghilangkan pahala orang yang berusaha memperbaiki amalnya. Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau daripada sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat dalamnya dengan berteleku di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikianlah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah syurga tempat berehat yang semolek-moleknya.*

(Surah al-Kahfi 18:30 – 31)

Firman Allah:

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ
ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

سورة النساء ٤: اية ١٢٤

Terjemahan: *Dan sesiapa yang mengerjakan amal salih, daripada lelaki dan perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedemikian.*

(Surah al-Nisā' 4:124)

Dengan pengertian bahawa menjadi suatu syarat keimanan itu ialah setiap pekerjaan yang dilakukan oleh orang yang beriman itu mestilah "salih" dan bersungguh-sungguh serta tekun dalam pekerjaan adalah satu kewajipan beragama.

Al-Baihaqi dan Ibn 'Asakir telah merawikan hadis nabi:

إن الله تعالى يحب إذا عمل أحد كم عملا أن يتقنه.

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah kasih apabila seseorang kamu melakukan pekerjaan maka dilakukannya dengan rajin dan tekun.*

Seperti yang difahami dengan jelasnya bahawa "amal salih" itu tidak akan wujud tanpa iman, kerana iman dalam pandangan Islam ialah roh dan jiwa pekerjaan yang Allah gariskan panduannya dan mengawalnya daripada menyeleweng. Dengan demikian sesiapa sahaja yang bekerja tanpa iman maka dia dianggap sebagai satu robot yang tidak mampu mendengar dan melakukan apa yang disuruh tanpa sebarang roh yang dapat memberikan ilham dan meng gerakkan ataupun suatu yang boleh memberikan dorongan. Dengan demikian maka peranan agama di sini adalah untuk mengawasi supaya pekerjaan itu dilakukan dalam bentuk yang bercorak kemanusiaan yang mulia dan dapat memberikan perangsang kepada pekerja yang berkenaan tentang betapa pentingnya nilai diri dan juga pekerjaannya.

Sememangnya terdapat perbezaan yang amat besar di antara seseorang yang dalam keadaan dapat merasakan bahawa pekerjaannya itu menjadi pusat perhatian dan penilaian Allah yang Maha Berkuasa dan memiliki seluruh isi alam ini, di langit dan di bumi dan pekerjaannya itu menjadi tempat Allah memberi pahala dan ganjaran-Nya di samping upah dan gaji yang berbentuk kebendaan yang dibayar oleh pihak pemilik pekerjaan itu. Ini adalah berbeza dengan seseorang yang bekerja tanpa sebarang perasaan bahawa dia akan beroleh ganjaran pada Hari Akhirat hasil daripada pekerjaannya itu selain upah dan ganjaran keduniaan yang didapatinya. Memang tiada sebarang keraguan bahawa pekerjaan yang pertama tadi, yang bekerja dengan penuh perasaan dan kesedaran dengan berpandukan keputusan hati nurani dan akal fikirannya sudah pasti akan mengarahkan pekerjaannya kepada satu bentuk amal salih untuk kebajikan seluruh masyarakat. Dengan sedaya upayanya dia akan berusaha bersungguh-sungguh agar pekerjaan yang dilakukannya yang diserta dengan kesedaran penuh mengenai perhatian dan pengawasan Allah ke atas dirinya supaya pekerjaannya itu bersih dan sempurna tanpa sebarang penipuan dalamnya dan tiada pula sikap bermalas-malas dalam menunaikan pekerjaan itu.

Bagi pekerja Muslim itu keadaan seperti ini merupakan unsur yang positif dalam keselamatan dan kebaikan mutu pengeluaran dan juga kelebihan nilainya. Hal ini tidak mampu dilakukan oleh pekerja jenis kedua tadi yang bekerja tanpa iman, tanpa sesuatu desakan dan dorongan kejiwaan. Melainkan kecilnya bentuk kebendaan yang diperolehinya hasil daripada pekerjaannya itu, iaitu suatu hal yang menjadi bahan keluhan dan rintihan kerana akibatnya yang buruk, oleh semua sistem ekonomi moden yang tidak terdapat kebaikan mutu pengeluaran dan bertambah jumlah pengeluaran berbanding dengan para pekerja pada zaman kini.

Suatu perkara yang perlu diambil kira ialah bahawa "amal salih" yang selalu dibicarakan dan dihuraikan oleh nas-nas al-Qur'an itu bukanlah terbatas kepada amal ibadah dan pekerjaan-pekerjaan yang bercorak keagamaan sahaja, tetapi ruang lingkup dan pengaruhnya juga melibatkan masalah-masalah kehidupan keduniaan kerana Islam sebenarnya adalah satu agama yang diutuskan untuk membahagiakan para hamba Allah dalam dunia dan juga di Hari Akhirat.

Firman Allah:

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

سورة الزلزلة ٩٩: اية ٧، ٨

Terjemahan: *Maka sesiapa yang berbuat kebajikan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalannya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya).*

(Surah al-Zalzalah 99:7 – 8)

Firman Allah:

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

سورة النساء ٤: اية ١٢٤

Terjemahan: *Dan sesiapa yang mengerjakan amal salih, daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun.*

(Surah al-Nisā' 4:124)

Firman Allah:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

سورة النحل ١٦: اية ٩٧

Terjemahan: *Sesiapa yang beramal salih, sama ada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.*

(Surah al-Nahl 16:97)

Oleh sebab itu balasan terhadap mereka yang melakukan amal salih seperti yang bercorak keakhiratan, ia akan memperoleh ganjaran syurga. Sebaliknya mereka yang melakukan kemungkaran akan menerima seksa neraka. Oleh itu, balasan tersebut ada juga yang berbentuk keduniaan iaitu ganjaran memperoleh nikmat kemewahan hidup yang selesa, termasuklah daripada segi kebendaannya.

Tafsiran ayat di atas ialah,[44] sesiapa yang mengerjakan perbuatan taat kepada Allah dan menyempurnakan janjinya apabila dia berjanji, sama ada daripada kalangan orang lelaki ataupun orang perempuan sambil percaya kepada pahala dan ganjaran Allah S.W.T. yang telah dijanjikan-Nya kepada orang yang berbuat taat kepada-Nya, maka Allah S.W.T. menghidupkan dia dengan satu corak kehidupan yang baik yang diliputi oleh keharmonian, kebahagiaan dan perasaan serba cukup dengan rezeki kurniaan Allah S.W.T. kepadanya dan juga dengan rasa reda dengan qadak dan qadar Allah S.W.T. Di samping itu seandainyalah dia merupakan seorang yang kaya dan berada sudah tentu dia sentiasa bersedia menghulurkan tangannya untuk memberi derma dan sumbangan.

Perkara 71 - Pada Pandangan Islam, Pekerjaan adalah Penghormatan dan Kemuliaan kepada Pemiliknya

Islam telah memberikan perhatian yang istimewa kepada sektor pekerjaan. Bukti yang cukup untuk melahirkan keutamaan Islam dalam masalah ini ialah bahawa pengajaran yang dibawa oleh Islam adalah suatu pengajaran yang istimewa yang tiada suatu peraturan agama yang terdahulu daripadanya mengemukakan penyelesaian kepada setiap masalah seperti yang dibawa oleh ajaran Islam, sama ada agama Samawi ataupun agama ciptaan manusia sendiri. Semua peraturan dan perundangan ciptaan manusia juga tiada satu pun yang sampai kepada taraf seperti yang dibawa dan diajarkan oleh Islam dan tidak dapat menyelesaikan semua masalah seperti yang telah dilakukan oleh Islam terutama apabila kita mengetahui bahawa sebahagian besar kandungan undang-undang dan peraturan itu. Ini terutamanya yang berkaitan dengan masalah pekerjaan setelah menyinsingnya fajar keagungan Islam. Perkara ini dilakukan bukanlah untuk sesuatu motif yang bercorak kemanusiaan ataupun kerana cintakan keadilan tetapi semata-mata sebagai hasil desakan dan tekanan kaum pekerja untuk menentang penganiayaan yang dilakukan oleh para pemilik pekerjaan itu. Di samping itu ia juga bukan bertujuan untuk menentang sikap kejam dan kuku besi mereka ataupun kerana bimbang kepada bertambahnya kucar-kacir masalah mereka dan bahaya yang menimpa kekayaan dan kelompok mereka. Oleh sebab itu, menurut pandangan Islam sesuatu pekerjaan itu walau apa bentuk dan rupanya merupakan kehormatan dan kemuliaan kepada pihak pekerja dan suatu perkara yang dapat menyelesaikan dan mengatasi keperluan mereka. Dalam masalah ini RasululLah s.a.w. pernah bersabda seperti berikut:

أطيب الكسب عمل الرجل بيده.

Terjemahan: *Usaha yang paling baik itu ialah pekerjaan yang dilakukan sendiri oleh setiap orang itu.*

44 *Al-Tafsir al-Farid Lil-Qur'an al-Majid, op. cit.*, hlm. 1789.

Sabda RasululLah s.a.w. berikutnya:

إن أطيب ماأكلتم ما كسبتم.

Terjemahan: *Sesungguhnya bahan makanan kamu yang paling baik itu ialah hasil usaha kamu sendiri.*

Dan juga sabda RasululLah s.a.w.:

لأن يحمل الرجل حبلافيحتطب به ثم يجي ء فيضعه فى السوق فيبيعه ثم يستغنى فينفقه على نفسه ـ خير له من أن يسأل الناس أعطوه أومنعوه.

Terjemahan: *Bahawa seseorang lelaki yang membawa seutas tali maka pergi mencari kayu api dan membawa kayu api itu ke pasar serta menjualnya kemudian dia tidak perlu kepada bantuan orang dan mampu memberi nafkah kepada dirinya sendiri, adalah lebih baik daripada dia mengemis dan meminta-minta kepada orang, sama ada mereka memberi kepadanya ataupun mereka menolak permintaannya.*

Berkenaan masalah ini juga Muhammad bin 'Asim menyatakan yang bermaksud:

"Saya ada mendengar khabar bahawa apabila sahaja Khalifah 'Umar terpandang kepada seorang pemuda yang menarik perhatiannya terus sahaja beliau menanyakan hal pemuda itu: "Adakah orang muda ini mempunyai sesuatu pekerjaan?" Maka kalau jawapannya "tiada" maka jatuhnya nilai orang muda itu dalam pandangannya,[45] *oleh itu apabila ada seseorang yang dipuji di hadapannya, beliau pun terus menyoal: "Adakah orang itu mempunyai sesuatu pekerjaan?" Kalau dijawab "ada" maka beliau pun menyampuk "memang orang itu berhak dipuji". Tetapi kalau jawapannya "tiada" maka beliau menjawab: "Dia tidak berhak dipuji dan dipandang tinggi".*[46] *Beliau ('Umar) juga selalu memberi nasihat dan pesanan kepada orang miskin dan juga kepada orang kaya, supaya belajar menjalankan sesuatu pekerjaan, sambil berkata bagi membuktikan kebenaran pendiriannya: Kerana hampir setiap orang daripada kamu memerlukan sesuatu pekerjaan, sekalipun dia seorang hartawan".*[47]

Setiap kali beliau bertemu dengan seorang lelaki yang duduk di tepi jalan di hadapan rumahnya beliau terus memegang tangan orang itu sambil memandunya untuk membuat sesuatu pekerjaan, sambil berkata yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang hidup menganggur, tidak bekerja untuk dunia dan juga tidak bekerja untuk Hari Akhirat".[48]

---

45 Ibn al-Jauzi, *Sirah 'Umar.*
46 *Ibid.*
47 *Ibid.*
48 *Ibid.*

Beliau juga sangat benci kepada orang yang mampu bekerja tetapi suka berehat dan bersikap malas.

Dan beliau telah pun mengucapkan kata-kata yang sangat popular itu, iaitu yang bermaksud:

> *"Janganlah setiap orang daripada kamu suka duduk bermalas-malas daripada berusaha mencari rezeki sambil berdoa: Wahai Tuhanku, berilah rezeki kepadaku, sedangkan dia tahu bahawa langit itu tidak menurunkan hujan emas dan perak".*[49]

Siti 'Aisyah r. a. pernah berkata yang bermaksud:

> *"Alat bertenun di tangan seorang perempuan itu lebih baik daripada sebilah lembing di tangan seorang pejuang di jalan Allah ... ".*[50]

Ini memberi pengertian bahawa Siti 'Aisyah Ummul Mukminin memandang penting kepada peranan pekerjaan dan perusahaan selain memandang mulia kepada pekerjaan. Oleh sebab itu rangsangan untuk bekerja berdasarkan pandangan mulia, hormat dan sanjungan kepadanya termasuk dalam dasar dan tonggak Islam supaya tiada lagi seorang yang mampu bekerja itu hidup menganggur dan menjadi beban kepada orang lain daripada suatu pihak dan dari sudut yang lain pula supaya tidak hilang daya pengeluaran atau terpendam tanpa digunakan. Ini bertujuan untuk mencapai tahap "serba cukup" untuk semua anggota masyarakat Islam daripada segi pengeluarannya, dengan anggapan bahawa pengeluaran itu adalah suatu syarat penting dalam mencapai pembangunan dan kemajuan, juga dengan tujuan memelihara maruah dan kehormatan hidup setiap individu dalam masyarakat. Oleh sebab itulah Allah membenci dan memandang rendah kepada orang yang malas bekerja daripada kalangan orang kaya yang suka hidup boros, membazir dan tidak melakukan sebarang pekerjaan. Allah S.W.T. telah berfirman tentang mereka ini dalam Surah *'al-Furqan'* seperti berikut:

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ مَا كَانَ يَنۢبَغِى لَنَآ أَن نَّتَّخِذَ مِن دُونِكَ مِنْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِن مَّتَّعْتَهُمْ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ نَسُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَكَانُوا۟ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٨﴾

سورة الفرقان ٢٥ : اية ١٨

Terjemahan: *Mereka menjawab: Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami)! Sudah tentu tidak patut bagi kami mengambil sesiapa pun yang lain daripada-Mu sebagai pelindung yang disembah (dan tidak patut juga orang menyembah kami) tetapi engkau (wahai Tuhan kami) telah melimpahkan kemewahan kepada mereka dan kepada datuk neneknya sehingga mereka lalai dan cuaikan ajaran agama-Mu, dan menjadilah mereka kaum yang binasa.*

(Surah al-Furqān 25:18)

---

49 *Al-Mustatraf fi Kulli Fannin Mustatraf*, Jilid 2, hlm. 70.
50 Rida Kahalah, *A'lam al-Nisa'*, Jilid 3, hlm. 118.

Ibn Khalikan telah menyatakan dalam kitab *Tarikh*nya dengan tujuan memberi galakan supaya semua pihak bekerja yang bermaksud:

> *"Kalau orang Islam dan anak cucu kaum Muslimin mengetahui kurnia yang disediakan Allah dalam bidang menghidupkan bumi (pertanian) nescaya setiap orang Muslim itu tidak sanggup membiarkan sekeping tanah tanpa diusahakan sambil mengharapkan ganjaran yang telah disediakan oleh Allah S.W.T.".*

Perkara 72 - Adakah Islam Mengangkat Taraf Pekerjaan Menjadikannya Sebagai Sejenis Ibadah dan Istighfar?

Islam bukan hanya mengangkat taraf pekerjaan itu ketaraf kemuliaan sahaja malah Islam memandang pekerjaan itu sebagai sejenis ibadah, istighfar dan suatu kesyukuran terhadap nikmat kurniaan Allah. Oleh sebab itulah Allah telah berfirman yang ditujukan kepada kaum keluarga Nabi Daud a.s.:

. . . ٱعۡمَلُوٓاْ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكۡرٗاۚ وَقَلِيلٞ مِّنۡ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

سورة سبأ ٣٤ :اية ١٣

Terjemahan: *(Setelah itu Kami perintahkan): "Beramallah kamu wahai keluarga Daud untuk bersyukur!" Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur.*[51]

(Surah Saba' 34:13)

Sehubungan tentang pekerjaan itu sebagai sejenis ibadah pula; Rasulul-Lah s.a.w. telah bersabda:

إن من الذنوب ذنوبا لا يكفرها الصلاة ولا الحج ولا العمرة ... يكفرها الهموم فى طلب المعيشة .

Terjemahan: *Di antara banyak dosa itu ialah dosa-dosa yang tidak dapat dihapuskan oleh solat (sembahyang), dan juga tidak oleh Haji dan 'Umrah ... tetapi ia boleh dihapuskan oleh kesusahan dalam mencari kehidupan ... .*[52]

Oleh yang demikian, setiap usaha dan kerja yang dilakukan oleh seseorang itu merupakan sejenis *ibadah* yang dapat menghapuskan beberapa jenis dosa. Dosa-dosa ini boleh dihapuskan tidak hanya setakat menunaikan ibadah yang selalu dilakukannya, seperti sembahyang, puasa dan haji walaupun ibadah-ibadah itu sangat penting kerana tarafnya sebagai rukun-rukun Islam yang asasi.

---

51 *Al-Tafsir al-Farid Lil -Qur'an al-Majid, op. cit.*, hlm. 2526

52 Dikeluarkan oleh Abu Na'im, dalam bab *al-Hilyah*, daripada Abu Hurairah.

Sabda RasululLah s.a.w.:

من أمسى كالا من عمل يده أمسى مغفورا له.

(أخرجه الطبر انى فى معجمه)

Terjemahan: *Sesiapa yang menghabiskan waktu petang dalam keadaan penat dan susah payah melakukan kerjanya sendiri, nescaya dia menghadapi waktu petang dalam keadaan beroleh keampunan daripada Allah S.W.T.*
(Hadis riwayat al-Tabrani dalam kitab Mu'jamnya)

RasululLah s.a.w. tidak hanya memandang bahawa pekerjaan itu sebagai sejenis ibadah yang boleh menghapuskan dosa. Malahan beliau memandang bahawa kepenatan bekerja juga sebagai satu lagi sebab, dan bukanlah hanya amalan itu sendiri, untuk mendapat keampunan dosa. Di samping itu, pekerjaan itu sendiri dan kepenatan bekerja juga menjadi dua penyebab yang menjadi punca bagi pengampunan segala dosa. Oleh yang demikian tiada sebarang keraguan bahawa sesiapa yang mengamalkan kedua-dua sikap itu maka dia akan menjadi seorang "yang sentiasa memohon pengampunan dan seorang yang sentiasa melakukan ibadah kepada Tuhannya ...".

Menurut riwayat hadis daripada Muslim bin Yasar bahawa sekumpulan orang suku Asy'ari sedang dalam musafir dan setelah kembali mereka pun datang mengadap RasululLah s.a.w. sambil menyatakan: "Tiada seorang pun selepas diri RasululLah s.a.w. sendiri yang lebih mulia daripada si polan itu, dia selalu berpuasa siang hari dan apabila sahaja kami singgah di suatu tempat dia pun terus bersembahyang sehinggalah kami bertolak semula ...". Sehubungan dengan perkara ini, RasululLah s.a.w. pun bertanya kepada orang suku Asy'ari itu:

من كان يمهن له،أو يكفيه،أو يعمل له؟ قالوا نحن، قال: كلكم أفضل منه.

Terjemahan: *Kalau begitu siapakah yang bekerja untuk menyara hidupnya, atau menanggung belanjanya atau bekerja untuknya?" Maka mereka pun menjawab: "Kami semualah". Maka RasululLah s.a.w. pun menjawab: "Kalau begitu kamu semua adalah lebih mulia dan utama daripada orang itu.*[53]

Perkara 73: Adakah Pekerjaan Itu Suatu Tugas yang Wajib Dilakukan oleh Setiap Orang yang Mampu pada Pandangan Islam?

Memang tiada sebarang keraguan bahawa dalam ajaran Islam bekerja itu merupakan suatu tugas yang wajib ke atas setiap orang yang mempunyai kemampuan. Melakukan pekerjaan bertujuan mencari rezeki dan sebagai suatu usaha ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang "serba cukup" dan juga "keamanan".

53 Ibn Qutaibah, *Uyun al-Akhbar*, Jilid 1, hlm 336.

Mengenai masalah itu Allah berfirman:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

سورة الملك ٦٧: اية ١٥

Terjemahan: *Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).*

(Surah al-Mulk 67:15)

Firman Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

سورة الجمعة ٦٢: اية ١٠

Terjemahan: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya (dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di Hari Akhirat).*

(Surah al-Jumu'ah 62:10)

Iaitu apabila sahaja kamu selesai menunaikan sembahyang Jumaat mengikut cara yang betul, maka bertebaranlah kamu di seluruh muka bumi ini dan berjalanlah ke segenap penjurunya untuk melakukan pekerjaan kamu dan mencari kepentingan kamu yang bercorak kebendaan, dan carilah punca-punca rezeki tetapi jangan sekali-kali kamu lupa menyebut dan mengingati Allah S.W.T. dalam semua urusan kamu supaya kamu beroleh kejayaan di dunia dan di Hari Akhirat.[54]

Sabda RasululLah s.a.w.:

طلب الحلال فريضة بعد الفريضة.

(الطبرانى)

Terjemahan: *Mencari rezeki yang halal itu ialah suatu kewajipan sesudah kewajipan beribadah (sembahyang yang wajib).*

(al-Tabarani)

Dalam kitab *al-Ikhtiar, Syarah al-Mukhtar* karangan al-Musili di bawah tajuk yang bernama "Suatu fasal tentang mencari rezeki yang halal" telah

54 *Al-Tafsir al-Farid Lil-Qur'an al-Majid, op. cit.*, hlm. 3111.

dicatatkan seperti berikut Muhammad bin Suma'at telah berkata: "Saya pernah mendengar Muhammad bin al-Hasan berkata: Mencari rezeki yang halal itu menjadi suatu kewajipan ke atas setiap orang Islam".

Dan sabda RasululLah s.a.w.:

طلب الكسب بعد الصلاة المكتوبة.

Terjemahan: Mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan sesudah (di samping) suatu kewajipan menunaikan sembahyang yang wajib.

Para Rasul Allah *'Alaihimussalam* semuanya berusaha dan bekerja. Ini kerana Nabi Adam a.s. sendiri ialah seorang petani, yang telah menanam gandum dan mengairi tanaman itu dan menuainya, diirik, dikisar dan diuli serta dimasaknya menjadi roti untuk dimakannya.

Sedangkan Nabi Noh ialah seorang tukang kayu, Nabi Ibrahim pula seorang peniaga pakaian, Nabi Daud menjadi tukang pembuat perisai perang dan juga baju besi perang, manakala Nabi Sulaiman pula membuat kepingan daripada pelepah kurma. Manakala Nabi Zakariya ialah seorang tukang kayu, dan Nabi kita Muhammad s.a.w. ialah seorang gembala kambing. Semua nabi dan rasul itu mencari rezeki daripada hasil usaha mereka sendiri.

Sayidina Abu Bakar r.a. ialah seorang peniaga pakaian, dan Sayidina 'Umar pula pernah bekerja dalam perusahaan kulit, dan Sayidina 'Uthman pula seorang saudagar yang mencari bahan makanan dan dijualnya. Sedangkan Sayidina 'Ali sering mengambil upah bekerja, dan mengambil upah bekerja untuk menyara hidupnya.

Kita tidak mahu memberikan perhatian kepada suatu kumpulan orang yang tidak mempercayai dan tidak mahu mengikuti teladan daripada nabi-nabi dan para sahabat RasululLah s.a.w. Mereka rela duduk dalam masjid sambil menjeling dan tangan mereka sentiasa terhulur untuk menerima harta hasil pemberian orang. Mereka menganggap diri mereka sebagai orang yang bertawakal dan menyerah diri kepada Allah sedangkan sebenarnya mereka bukanlah seperti itu. Kononnya mereka itu berpegang kepada panduan firman Allah S.W.T. berikut:

وَفِي ٱلسَّمَآءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ ﴿٢٢﴾

سورة الذاريات ٥١ : اية ٢٢

Terjemahan: *Dan di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan dijanjikan kepada kamu).*
(Surah al-Dhāriyāt 51:22)

Sedangkan dalam hadis terdapat sabda RasululLah s.a.w.:

إن الله تعالى يقول: ياعبدى حرك يدك أنزل عليك الرزق.

Terjemahan: *Allah S.W.T. berfirman: Wahai hamba-Ku, gerakkanlah tanganmu supaya Aku turunkan rezeki kepadamu.*

Allah telah pun berfirman:

وَهُزِّيٓ إِلَيْكِ بِجِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ تُسَٰقِطْ عَلَيْكِ رُطَبًا جَنِيًّا ﴿٢٥﴾

سورة مريم ١٩ : اية ٢٥

Terjemahan: *Dan gegarlah ke arahmu batang pokok tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak .*

(Surah Maryam 19:25)

Allah S.W.T. Maha Berkuasa memberi rezeki kepada Siti Maryam tanpa sebarang gegaran dan goncangan daripadanya, tetapi Allah menyuruhnya berbuat demikian dengan tujuan hendak mengajar umat manusia supaya tidak meninggalkan usaha mencari rezeki dan melakukan pekerjaan kerana Allah S.W.T. adalah Maha Pengurnia rezeki. Begitu juga halnya ciptaan manusia sendiri, kerana sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Berkuasa menciptakan umat manusia tanpa melalui sebab iaitu seperti ciptaan Nabi Adam a.s., dan juga daripada suatu sebab tetapi bukan dalam lingkungan sebab seperti ciptaan Siti Hawa. Kadang-kadang ciptaan dalam suatu sebab tanpa melalui sebab iaitu seperti ciptaan Nabi Isa, dan kadang-kadang Allah mencipta sesuatu berpunca daripada suatu sebab dalam lingkungan suatu sebab iaitu seperti ciptaan seluruh anak Adam yang lain.

Perkara 74 - Adakah Pekerjaan Itu Dipandang Setaraf dengan Jihad pada Jalan Allah?

Diriwayatkan pada suatu hari RasululLah s.a.w. sedang berada bersama dengan para sahabatnya dan mereka nampak seorang pemuda keluar pada waktu awal pagi untuk pergi bekerja dan para sahabat pun berkata: "Amboi kesiannya orang muda ini, alangkah baiknya kalau pada zaman muda dan gagah sasanya itu digunakan untuk berjihad pada jalan Allah ...". Maka RasululLah s.a.w. pun bersabda:

لا تقولوا هكذا فإنه إن كان يسعى عل نفسه ليكفيها عن المسألة، ويغنيها عن الناس، فهو فى سبيل الله وإن كان يسعى على أبوين ضعيفين أو ذرية ضعاف ليغنيهم ويكفيهم فهو فى سبيل الله.

Terjemahan: *Janganlah kamu berkata begitu kerana orang muda itu berusaha mencari rezekinya sendiri supaya dia tidak terpaksa mengemis dan meminta belas kasihan orang, dan dirinya pun tidak merasa terikat kepada orang lain, kerana sebenarnya dia pun sedang berjihad pada jalan Allah, dan kalaulah dia berusaha untuk menyara hidup kedua ibu bapanya yang sedang uzur dan daif ataupun kepada anak cucunya yang masih lemah untuk*

mencukupi keperluan hidup mereka dan melepaskan mereka daripada menjadi beban orang ramai maka dia adalah di jalan Allah .[55]

Sayidatina 'Aisyah telah berkata yang bermaksud:

"Alat bertenun dalam tangan seorang perempuan itu lebih baik daripada sebilah lembing atau tombak dalam tangan seorang mujahid (pejuang)".[56]

Perkara 75 - Adakah Islam Menggalakkan Supaya Diperbanyak Sumber Pekerjaan Seperti Ia Menggalakkan Supaya Melakukan Pekerjaan dengan Tekun dan Baik?

Islam sentiasa menggalakkan umat manusia supaya bekerja kerana pekerjaan merupakan asas yang kukuh bagi kesejahteraan kehidupan mereka. Oleh sebab itu Islam sentiasa memerangi pengangguran dalam apa sahaja bentuknya. Islam telah meletakkan tanggungjawab mengagih dan menyediakan pekerjaan sebagai satu tugas negara. Iaitu setiap negara sewajarnya menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai bagi setiap orang yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi mampu menjalankan pekerjaan sekiranya diberi peluang, walaupun ia tidak berupaya mendapatkan pekerjaan itu dengan usahanya sendiri. Seperti mana masyarakat mempunyai beberapa hak terhadap harta yang dicari melalui penat lelah dan titik peluh mereka sendiri, maka negara juga mempunyai kuasa mengambil sebahagian daripada hak-hak itu. Demikian juga setiap rakyat mempunyai hak yang mesti diberikan oleh masyarakat kepadanya dengan menyediakan peluang pekerjaan apabila dia sedang menganggur dan cuba mencari pekerjaan tetapi tidak berhasil. Selanjutnya tugas dan tanggungjawab negara adalah untuk memenuhi hak masyarakat yang menjadi tanggungannya iaitu yang berkaitan dengan hak setiap individu dalam masyarakat itu, termasuklah juga tugas dan tanggungjawab menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemampuan dan kelayakan setiap penganggur untuk menjalankan pekerjaan yang diberikan kepadanya.

Sesungguhnya tanggungjawab negara menurut pandangan Islam tidak hanya terbatas dalam bidang memberikan peluang pekerjaan kepada setiap penganggur, malahan meliputi peringkat mengawasi setiap pekerja itu sesudah dia berhasil memperoleh pekerjaan. Ini bertujuan untuk membuat kajian sama ada setiap penganggur yang mendapat peluang bekerja itu berhasil mencapai tujuannya iaitu mencapai taraf "serba cukup" dan memenuhi keperluan mendapatkan pekerjaan.

Di samping itu pula setiap orang pekerja, sama ada yang telah berhasil mendapat pekerjaan dengan usahanya sendiri ataupun melalui peluang yang disediakan oleh pihak negara, maka tanggungjawabnya tidaklah berhenti setakat menjalankan pekerjaannya sahaja, bahkan sebagai imbangan kepada

55 Imam al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, dalam tajuk (Kitab tentang adab berkelakuan dan mencari penghidupan).
56 Rida Kahalah, *op. cit.*, Jilid 3, hlm. 118.

gaji atau upah yang diterimanya, dia adalah bertanggungjawab untuk bekerja dengan rajin, tekun dan bersikap ihsan dalam bekerja, dengan anggapan bahawa kerajinan, ketekunan dan sikap ihsan itu adalah satu matlamat bersama untuk kepentingan masyarakat dari sudut penambahan dan ketinggian mutu kerja itu sendiri.

RasululLah s.a.w. telah bersabda:

إن الله يحب إذا عمل أحدكم عملا أن يتقنه.

(رواه البيهقى و أبو يعلى و ابن عساكر)

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah sangat kasih jika seseorang daripada kamu bekerja, bahawa dia rajin dan tekun dalam kerjanya.*

(Hadis riwayat al-Baihaqi, Abu Ya'la dan Ibn 'Asakir)

Sikap rajin dan tekun itu bukan satu sumbangan daripada pihak pekerja yang berkenaan, tetapi merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab setiap orang pekerja yang akan diminta bertanggungjawab sekiranya dia cuai daripada menjalankannya.

Dan Allah berfirman:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَلَتُسْـَٔلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

سورة النحل ١٦ : ٩٣

Terjemahan: *Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya; dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang telah kamu kerjakan.*

(Surah al-Naḥl 16:93)

Perkara 76 - Bagaimanakah Caranya Lapangan Pekerjaan Itu Dapat Mencakupi Semua Aktiviti Ekonomi?

Perkara 77 - Apakah Pekerjaan dalam Bidang Pertanian?

Nabi Muhammad s.a.w. telah menggalakkan umatnya menceburkan diri dalam lapangan pertanian di samping memberi amaran supaya mereka tidak hanya menumpukan sepenuh perhatian kepada lapangan pertanian itu sahaja.

Sabda RasululLah s.a.w.

من كانت له أرض فليزرعها ...

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang mempunyai tanah maka hendaklah digunakan tanahnya itu untuk bertani ...* .[57]

Malah RasululLah s.a.w. telah memberikan perangsang kepada manusia supaya menceburi bidang pertanian dalam sabdanya:

ما من مسلم يغرس غرسا أو يزرع زرعا فيأكل منه طير أو إنسان أو بهيمة إلا كان له به صدقة.

Terjemahan: *Tiada seorang Muslim pun yang menanam sepohon pokok ataupun menanam benih lalu dimakan oleh burung atau manusia (hasil tanamannya itu) ataupun oleh binatang, melainkan apa yang dimakan itu menjadi sedekah untuknya.*[58]

Hadis ini jelas menunjukkan betapa beratnya perhatian yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. terhadap sektor pertanian.

Walaupun begitu, RasululLah s.a.w. memberi amaran supaya tidak hanya menumpukan perhatian dan menceburkan diri dalam bidang pertanian sahaja, tanpa melibatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain, seperti perindustrian, perniagaan dan sebagainya. Penumpuan yang keterlaluan dalam bidang pertanian sahaja boleh menyebabkan kemunduran umat dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Seterusnya membawa kepada kelemahan dalam bidang ketenteraan. Ini boleh mengakibatkan ekonomi dan ketenteraman bangsa itu terjajah. Oleh sebab itu, ketika RasululLah s.a.w. melihat besi yang dijadikan mata bajak[59] di beberapa buah rumah orang Ansar, baginda s.a.w. bersabda:

ما دخلت هذه دار قوم إلا دخله الذل.

Terjemahan: *Tidaklah masuk alat-alat membajak ini ke dalam rumah sesuatu kaum melainkan mereka mendapat kehinaan.*[60]

Jika diteliti maksud hadis ini, didapati bahawa hukumnya bukanlah menunjukkan sifat mutlak, kerana Imam al-Bukhari telah memahaminya seperti berikut: "Terlalu memberikan perhatian kepada pertanian dengan meninggalkan sektor perdagangan dan perindustrian". Oleh itu, Imam al-Bukhari telah menyenaraikan hadis ini dalam sebuah bab khusus yang diberi judul: "Suatu bab yang menyatakan amaran RasululLah s.a.w. mengenai akibat daripada terlalu menumpukan perhatian kepada sektor pertanian dan alat-alatnya sahaja serta melebihi batasan yang telah diperintahkan mengenainya".

Sesuatu perkara yang memang diperintahkan melakukannya tidak perlu diberi apa-apa peringatan lagi. Sebaliknya dalam konteks ini, peringatan itu

57 Dirawikan oleh Abu Daud, Ibn Majah, al-Bukhari, Muslim dan al-Nasa'i.
58 Riwayat Anas r.a.
59 Iaitu besi yang ditempa untuk menjadi alat membajak.
60 Riwayat al-Bukhari.

perlu dengan tujuan supaya tidak hanya menumpukan usaha kepada pertanian sahaja dan meninggalkan langsung aktiviti-aktiviti ekonomi lain. Bidang lain juga diperlukan untuk memenuhi keperluan rakyat. Penglibatan dalam bidang pertanian tidak harus dilaksanakan dengan cara yang boleh menjejaskan tumpuan kepada bidang perindustrian dan perdagangan.

Tidak syak lagi bahawa peringatan RasululLah s.a.w. yang bertujuan 'memenuhi' keperluan umat ini adalah bukti kebenaran kenabian RasululLah s.a.w. Baginda telah memperkatakan tentang bala dan malapetaka yang bakal dihadapi oleh umat pada beberapa abad kemudiannya. Baginda s.a.w. juga telah menegaskan bahawa negara mundur dan terjajah sebenarnya disebabkan negara-negara tersebut hanya bergantung kepada sektor pertanian sahaja sebagai aktiviti asas dalam ekonominya. Mereka memperbanyakkan pengeluaran pertanian sahaja tanpa menghiraukan sektor perdagangan dan perindustrian bagi memenuhi keperluan negaranya, ataupun paling kurang mengikut kadar yang tidak membenarkan negara lain ikut campur menguasai kedaulatan negara yang berkenaan. Walaupun begitu, aktiviti pertanian dalam bidang yang dibolehkan dan bagi memenuhi keperluan umat, berkait rapat dengan penghayatan terhadap nilai-nilai dan kaedah-kaedah umum akhlak yang telah ditetapkan oleh Islam dalam apa jua pengeluaran yang mereka ceburi.

Firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّٰتٍ مَّعْرُوشَٰتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۚ كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

سورة الأنعام ٦ : اية ١٢١

Terjemahan: *Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya, dan buah zaitun dan delima yang bersamaan (warna atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya(zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampau-lampau.*[61]

(Surah al-An'ām 6:141)

Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٩٦

61 *Al-Tafsir al-Farid Lil-Qur'an al-Majid, op. cit.,* hlm. 936.

Terjemahan: *Dan (Tuhan berfirman lagi) sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan ke atas mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*[62]

(Surah al-A'rāf 7:96)

Firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِبَاسًا وَٱلنَّوْمَ سُبَاتًا وَجَعَلَ ٱلنَّهَارَ نُشُورًا ﴿٤٧﴾ وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦ ۚ وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

سورة الفرقان ٢٥ : اية ٤٧ . ٤٨

Terjemahan: *Dan Dialah Tuhan yang menjadikan malam untuk kamu sebagai pakaian, dan menjadikan tidur untuk berhenti rehat, serta menjadikan siang untuk keluar mencari rezeki. Dan Dialah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya, dan Kami menurunkan dari langit: air yang bersih suci.*[63]

(Surah al-Furqān 25:47 – 48)

لِّنُحْىِۦَ بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا وَنُسْقِيَهُۥ مِمَّا خَلَقْنَآ أَنْعَٰمًا وَأَنَاسِىَّ كَثِيرًا ﴿٤٩﴾

سورة الفرقان ٢٥ : اية ٤٩

Terjemahan: *Untuk Kami hidupkan dengan air itu bumi yang mati, serta memberi minum air itu kepada sebahagian daripada makhluk-makhluk Kami, khasnya binatang ternak yang banyak dan manusia yang ramai.*[64]

(Surah al-Furqān 25:49)

Perkara 78 - Apakah Pekerjaan dalam Bidang Perindustrian?

Nabi Muhammad s.a.w. telah memberi amaran tentang akibat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada sektor pertanian melebihi daripada kadar yang diperlukan. Aktiviti ekonomi setiap individu itu perlu dijuruskan ke arah aktiviti yang berlainan dalam bidang perekonomian negara. Al-Qur'an telah mengarahkan kaum Muslimin supaya menceburi dalam pelbagai bidang perindustrian ini.

Firman Allah:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْمِيزَانَ لِيَقُومَ ٱلنَّاسُ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَأَنزَلْنَا ٱلْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥ

62 *Ibid.*, hlm. 1020 dan 1021.
63 *Ibid.*, hlm. 2227.
64 *Ibid.*, hlm. 2228.

وَرُسُلَهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

سورة الحديد ٥٧ : اية ٢٥

Terjemahan: *Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mujizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan. Dan Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta pelbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong rasul-rasul-Nya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.*[65]

(Surah al-Hadīd 57:25)

Allah telah berfirman:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَٰجِبَالُ أَوِّبِى مَعَهُۥ وَٱلطَّيْرَ ۖ وَأَلَنَّا لَهُ ٱلْحَدِيدَ ﴿١٠﴾ أَنِ ٱعْمَلْ سَٰبِغَٰتٍ وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ ۖ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾ وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾

سورة سبأ ٣٤ : اية ١٠، ١١، ١٢

Terjemahan: *Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Daud limpah kurnia daripada Kami (sambil Kami berfirman): "Hai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama dengan Nabi Daud, dan wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)!" Dan Kami juga telah melembutkan besi baginya; (Serta Kami wahyukan kepadanya) "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki dan kerjakanlah kamu (wahai Daud dan umatmu) amal-amal yang salih, sesungguhnya Aku Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan". Dan Kami kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya; sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan; dan Kami alirkan baginya mata air daripada tembaga; dan (Kami mudahkan) sebahagian daripada jin untuk bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan sesiapa daripada jin itu yang menyeleweng daripada perintah Kami, Kami akan merasakannya (pukulan) daripada azab api neraka.*[66]

(Surah Saba' 34:10 – 12)

65 *Ibid.*, hlm. 3054.
66 *Ibid.*, hlm. 2527.

Besi dianggap sebagai bahan asas bagi kebanyakan industri berat yang dapat membawa sesebuah negara ke mercu kemajuan tamadun dan dalam usaha membasmi kemunduran serta bagi membina kekuatan. Ungkapan "mata air daripada tembaga" itu (ayat 12) ialah tembaga yang dituang sesudah dipanaskan dan dibakar, kerana tembaga itu adalah satu bahan logam penting yang digunakan dalam pelbagai jenis industri berat, elektrik dan juga untuk membuat alat-alat kelengkapan peperangan serta bahan-bahan letupan.

Kemudian Allah S.W.T. memberi panduan kepada kita, mencampurkan dua jenis logam bagi mengeluarkan suatu bentuk bahan kebal yang sangat sukar didapati. Inilah yang telah digambarkan oleh beberapa ayat suci daripada Surah *'al-Kahfi'*:

ءَاتُونِى زُبَرَ ٱلْحَدِيدِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ ٱلصَّدَفَيْنِ قَالَ ٱنفُخُوا۟ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا قَالَ ءَاتُونِىٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾ فَمَا ٱسْطَٰعُوٓا۟ أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾ قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

سورة الكهف ١٨ : اية ٩٦، ٩٧، ٩٨

Terjemahan: *Bawalah kepadaku ketul-ketul besi; sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, ia pun perintahkan mereka membakarnya dengan berkata: "Tiuplah dengan alat-alat kamu" sehingga apabila ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah ia: "Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya". Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya. (Setelah itu) berkatalah Zul-Qarnain: "Ini ialah satu rahmat daripada Tuhanku; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya (tembok itu) hancur lebur, dan adalah janji Tuhanku itu benar.*[67]

(Surah al-Kahfi 18:96–98)

Perkara 79 - Apakah Peranan dan Pekerjaan dalam Bidang Industri yang Berasaskan Pengeluaran Pertanian, Ternakan atau Lain-lain?

Di antara jenis-jenis industri tersebut ialah perindustrian gula. Allah berfirman:

وَمِن ثَمَرَٰتِ ٱلنَّخِيلِ وَٱلْأَعْنَٰبِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

سورة النحل ١٦ : اية ٦٧

Terjemahan: *Dan daripada buah kurma (tamar) dan anggur, kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal;*

67 *Ibid.*, hlm. 1811-1819.

sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang yang mahu menggunakan akalnya.[68]
(Surah al-Nahl 16:67)

Termasuk juga dalam jenis perusahaan yang telah pun dibicarakan oleh al-Qur'an mengenainya ialah perusahaan bertukang kayu dalam cerita tentang Nabi Nuh:[69]

وَيَصْنَعُ ٱلْفُلْكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيْهِ مَلَأٌ مِّن قَوْمِهِۦ سَخِرُوا۟ مِنْهُ ۚ قَالَ إِن تَسْخَرُوا۟ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾

سورة هود ١١ : اية ٣٨

Terjemahan: *Dan Nabi Nuh a.s. pun membuat bahtera itu, dan tiap-tiap kali sepuak daripada kaumnya melalui di tempat dia membina bahteranya, mereka mengejek-ejeknya. Nabi Nuh pun menjawab: Jika kamu memandang kami bodoh (kerana membuat bahtera ini), maka sesungguhnya kami juga memandang kamu bodoh (kerana keingkaran kamu), sebagai (balasan) ejekan kamu.*
(Surah Hūd 11:38)

Al-Qur'an juga telah membicarakan mengenai masalah pertukangan atau industri anyaman dan menenun seperti dalam satu ayat Surah *al-Anbiya'*:

وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

سورة الأنبياء ٢١ : اية ٨٠

Terjemahan: *Dan Kami mengajar Nabi Daud a.s. membuat baju-baju besi untuk kamu, untuk menjaga keselamatan kamu dalam mana-mana peperangan kamu, maka adakah kamu sentiasa bersyukur?*[70]
(Surah al-Anbiyā' 21:80)

Perkataan *labuus* dalam ayat di atas bermakna baju rantai, senjata dan baju perang yang diperbuat daripada rantai-rantai besi dan juga daripada anyaman yang tidak dapat ditembusi oleh peluru. Oleh yang demikian, ia dapat melindungi orang yang memakainya daripada pukulan senjata tajam dan juga daripada pelbagai alat yang boleh membunuh dan dapat melindungi daripada dibunuh curi.

Firman Allah:[71]

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ قَدْ أَنزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَٰرِى سَوْءَٰتِكُمْ وَرِيشًا ۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ۚ ذَٰلِكَ مِنْ

68 *Ibid.*, hlm. 1670 dan 1428.
69 *Ibid.*
70 *Ibid.*, hlm. 1977, 973, 1680 dan 1681.
71 *Ibid.*

ءَايَـٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ٢٦

Terjemahan: *Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).*

(Surah al-A'rāf 7:26)

Termasuk dalam jumlah industri yang berasaskan pengeluaran peternakan ialah seperti yang diterangkan oleh al-Qur'an:[72]

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِّنۢ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِّن جُلُودِ ٱلْأَنْعَـٰمِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا
يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ ۙ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَآ أَثَـٰثًا وَمَتَـٰعًا إِلَىٰ حِينٍ
﴿٨٠﴾ وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَـٰلًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْجِبَالِ أَكْنَـٰنًا
وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَٰبِيلَ تَقِيكُمُ ٱلْحَرَّ وَسَرَٰبِيلَ تَقِيكُم بَأْسَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُتِمُّ
نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

سورة النحل ١٦ : اية ٨٠، ٨١

Terjemahan: *Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Dia menjadikan bagi kamu daripada kulit binatang-binatang ternak; khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (dibawa ke mana-mana) pada masa kamu merantau dan pada masa kamu berhenti; dan Dia menjadikan bagi kamu daripada pelbagai jenis bulu binatang ternak itu, barang perkakas rumah dan perhiasan (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian daripada yang diciptakannya benda-benda untuk berteduh, dan menjadikan bagi kamu sebahagian daripada gunung-gunung tempat berlindung; dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Dia menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepada-Nya dan mematuhi perintah-Nya.*

(Surah al-Nahl 16:80 – 81)

Firman Allah:

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْبَحْرَانِ هَـٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَآئِغٌ شَرَابُهُۥ وَهَـٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ ۖ وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا ۖ وَتَرَى ٱلْفُلْكَ فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا۟ مِن

72 *Ibid.*, hlm. 1977, 973, 1680 dan 1681.

فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

سورة فاطر ٣٥ : اية ١٢

Terjemahan: *Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekali pun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum*[73] *sementara yang satu lagi masin lagi pahit. Dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu); daripada tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula kamu mengeluarkan benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki daripada limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur.*

(Surah Fātir 35:12)

Perkara 80 - Adakah Islam Menggalakkan Bekerja dalam Bidang Perniagaan?

RasululLah s.a.w. telah memberi galakan dan perangsang untuk umat manusia menceburi bidang perniagaan serta menumpukan perhatian kepada masalah perniagaan oleh sebab itu beliau telah bersabda:

تسعة أعشار الرزق فى طلب التجارة.

Terjemahan: *Sembilan persepuluh rezeki itu terletak dalam bidang perniagaan.*[74]

Dan sabdanya lagi:

تسعة أعشار رزق أمتى فى البيع والشراء.

Terjemahan: *Sembilan persepuluh rezeki umatku terletak dalam bidang jual beli.*[75]

Sabdanya lagi:

التاجر الصدوق مع الكرام البربرة.

Terjemahan: *Seorang peniaga yang jujur dan amanah itu bersama-sama dengan malaikat-malaikat yang mulia dan berbakti.*[76]

Perlu diingat bahawa perniagaan juga terikat dengan nilai-nilai dan contoh-contoh utama yang telah digariskan oleh Islam untuk membina masya-

73 *Ibid.*, hlm. 2552.
74 Riwayat al-Sajazi.
75 Riwayat al-Tayalisi dalam *Musnad* al-Firdausi.
76 Al-Mausili, *al-Ikhtiar Syarah al-Mukhtar*, Jilid 2, hlm. 126.

rakat mulia. Walaupun Islam tidak campur tangan dalam soal-soal *muamalat* secara terperinci tetapi ia telah menggariskan mengenai dua bentuk perniagaan, iaitu perniagaan (atau *muamalat*) yang halal dan yang haram melalui firman Allah dalam Surah *'al-Baqarah'*:[77]

. . . ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٢٧٥

Terjemahan: ... *Yang demikian ialah kerana mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu dia berhenti (daripada mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman riba), adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka dan mereka kekal di dalamnya.*

(Surah al-Baqarah 2:275)

Perlulah diketahui juga bahawa semua *muamalat* dan urusan perniagaan yang dibolehkan oleh Islam mestilah dilaksanakan dalam lingkungan pekerti dan akhlak Islam. Ini berdasarkan kepada jawapan RasululLah s.a.w. ketika beliau ditanya tentang usaha apakah yang paling baik? Maka jawab RasululLah s.a.w.:

... وكل بيع مبرور...

Terjemahan: ... *Dan setiap penjualan itu (perniagaan itu menjadi satu jual beli) yang baik ...* .[78]

Hadis ini membuktikan bahawa ada di antara perniagaan yang sebenarnya dihalalkan oleh Allah S.W.T. tetapi telah dicemari oleh sesuatu sebab yang menjadikannya tidak baik lagi. Oleh sebab itu, Allah berfirman dalam Surah *al-Nisa'*:[79]

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ ۚ . . .

سورة النساء ٤ : اية ٢٩

77 *Al-Tafsir al-Farid Lil-Qur'an al-Majid, op. cit.*, hlm. 284.
78 Dirawikan oleh Imam Ahmad dalam kitab *Musnad*.
79 *Op. cit.*, hlm. 532.

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.*

(Surah al-Nisā' 4:29)

Ayat di atas menegaskan tentang pentingnya wujud perasaan suka sama suka di antara kedua pihak yang terlibat dalam *'aqd* atau persetujuan jual beli yang halal itu supaya menjadi suatu jual beli yang baik atau *mabrur*. Dalam masalah ini kerap kali Allah S.W.T. menyatakan dalam al-Qur'an tentang beberapa bentuk penggunaan harta-harta orang lain dengan cara yang salah, dan daripada keterangan itu ternyatalah bahawa perbuatan itu menjejas dan merosakkan pelaksanaan suka sama suka di antara kedua belah pihak yang membuat persetujuan itu. Di antara perbuatan yang dilarang itu ialah seperti yang dinyatakan dalam Surah *al-Syu'ara'*:[80]

أَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ﴿١٨٢﴾ وَلَا تَبْخَسُوا
النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

سورة الشعراء ٢٦: اية ١٨١، ١٨٣

Terjemahan: *Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan cupak-gantang, dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain. Dan timbanglah dengan neraca yang betul timbangannya. Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi.*

(Surah al-Syu'arā' 26:181 – 183)

Firman Allah dalam Surah *'al-Mutaffifin'*:[81]

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا اكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ
يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾

سورة المطففين ٨٣: اية ١، ٢، ٣، ٤، ٥

Terjemahan: *Kecelakaan besar bagi orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) daripada orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi. Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? Pada Hari Akhirat yang amat besar (huruharanya).*

(Surah al-Mutaffifin 83:1 – 5)

80 *Ibid.*, hlm. 3275.
81 *Ibid.*

Allah berfirman:[82]

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿٩﴾

سورة الرحمن ٥٥ : اية ٩

Terjemahan: *Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.*
(Surah al-Rahmān 55:9)

Perkara 81 - Perniagaan yang Jujur (*Bai' Mabrur*) ialah Perniagaan yang Selamat daripada Penyelewengan Sukatan

Daripada sorotan ayat-ayat yang telah dikemukakan sebelum ini terbuktilah bahawa jual beli yang *mabrur* tidak mungkin menjadi baik kecuali ia terselamat daripada perbuatan curang, seperti penipuan dalam sukatan gantang, cupak dan timbangan dan juga daripada perbuatan mengambil harta orang lain dengan cara yang tidak betul. Oleh sebab itulah Islam tidak reda dan tidak menerima beberapa jenis jual beli atau perniagaan berikut:

1. Jual beli *al-gharar*
2. Jual beli *al-najsyi*
3. Jual beli *al-saum*
4. Jual beli *al-jalbi*
5. Jual beli *talaqi al-rukban*
6. Jual beli *al-hadir li al-badi*
7. Jual beli *al-mandub*
8. Jual beli *al-daini bil-daini*
9. Jual beli seseorang atas penjualan saudaranya
10. Jual beli *al-wajib*
11. Jual beli *al-mafrud*

Berikut ialah penjelasan mengenai pengertian jual beli atau perniagaan-perniagaan di atas:

1. Jual beli *al-gharar* (tipu): Suatu jual beli apabila pihak penjual tidak mampu menyerahkan barangan jualannya kepada pihak pembeli dengan serta-merta sama ada suatu yang betul-betul ada ataupun yang sememangnya tiada.

2. Jual beli *al-najsyi* (jual agah): Suatu jual beli apabila seseorang itu menawarkan harga yang lebih tinggi terhadap sesuatu barangan yang hendak dibeli sedangkan dia sendiri tidak bercadang untuk membeli barangan itu. Tujuannya ialah untuk menipu si pembeli sebenar agar membayar harga yang lebih tinggi.

82 *Ibid.*, hlm. 3008.

3. Jual beli *al-saum* (ganda): Suatu jual beli apabila pembeli menawarkan harga yang lebih tinggi daripada harga yang telah dipersetujui oleh seorang penjual dengan seorang pembeli sebelumnya.

4. Jual beli *al-jalbi* (import tipu): Suatu jual beli apabila pengimport menjual barangan keperluan sesebuah negara, yang bermutu rendah. Mereka menyembunyikan harga barangan yang sebenar dan menjualnya dengan harga yang tinggi dengan cara menindas dan menghisap darah para pembeli dan mengeksploitasi tentang kepentingan barangan itu kepada mereka.

5. Jual beli *talaqi al-rukban*: Suatu jual beli apabila para peniaga sesebuah negara berebut-rebut keluar dari sesuatu daerah ataupun negara untuk membeli sesuatu barangan yang sangat diperlukan. Pada masa yang sama, barangan ini kuantitinya amat berkurangan. Berikutnya para peniaga tersebut mengambil kesempatan menjual semula barangan itu kepada penduduk yang memerlukan barangan itu dengan harga yang lebih mahal lagi.

6. Jual beli barangan keluaran pengusaha bandar kepada masyarakat luar bandar: Sejenis jual beli apabila masyarakat dari bandar mengambil kesempatan menjual barangan keluarannya kepada masyarakat luar bandar dengan menaikkan harga berlipat ganda daripada harga barang tersebut yang sebenar. Ini berlaku kerana penduduk luar bandar terpedaya dengan pujuk rayu para penjual itu.

7. Jual beli secara menjerat (memerangkap): Iaitu suatu jenis jual beli yang dilakukan dengan cara menjerat atau memerangkap pembeli melalui suatu sumpah yang diucapkan oleh penjual untuk memperdaya dan memujuk pembeli sedangkan barangan itu tidak begitu diperlukannya.

8. Jual beli secara tindih hutang: Iaitu suatu bentuk jual beli apabila sesuatu barangan yang tiada di hadapan mata dijual dengan harga yang masih belum dibayar.

9. Jual beli potong jalan: Suatu bentuk jual beli apabila seorang pembeli telah membeli suatu barangan, harganya telah ditentukan. Walau bagaimanapun ia diberi hak membuat pilihan (*khiar*) barangan. Pada masa yang sama datang seorang penjual lain menawarkan harga yang lebih rendah terhadap barangan yang sama jenisnya kepada pihak pembeli yang sedang dalam tempoh *khiar*nya itu.

10. Jual beli wajib: Suatu jenis jual beli apabila seseorang itu terpaksa membeli sesuatu barangan. Walau bagaimanapun keadaan terpaksanya itu belumlah sampai ke peringkat sangat sempit, kerana keadaan hidupnya yang sedang susah itu akan terus berlaku juga kecuali dengan membeli barangan yang hanya ada dijual oleh seorang penjual tertentu itu sahaja.

11. Jual beli sesuatu yang diwajibkan: Ia merupakan suatu jual beli yang dilakukan oleh seorang yang terpaksa, jika dia tidak membeli sesuatu barangan tertentu itu nescaya dia akan beroleh bencana atau akan kehilangan salah satu anggota badannya.

Perkara 82 - Suatu Contoh dalam Urus Niaga Berdasarkan Prinsip Islam

Islam sentiasa berpandu kepada budi pekerti yang baik dan sifat jujur dalam semua urus niaga. Berikut ialah satu contoh utama yang disebutkan dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali: "Dirawikan bahawa Yunus bin 'Ubaid memiliki pelbagai jenis barangan perhiasan dan pakaian (baju) di dalam kedainya. Setiap jenis perhiasan itu berharga 400 dirham dan sejenis lagi berharga 200 dirham. Pada suatu masa, Yunus bin 'Ubaid keluar meninggalkan kedai untuk pergi menunaikan sembahyang di sebuah masjid dengan meninggalkan anak saudaranya menjual barangan tersebut. Kemudian datanglah seorang Arab Dusun. Dia meminta sehelai baju yang berharga 400 dirham, walau bagaimanapun penjaga kedai itu menunjukkannya sehelai baju yang berharga 200 dirham tanpa menyebut atau memberitahu bahawa baju itu berharga 200 dirham sahaja". Maka orang Arab Dusun itu tertarik dengan baju tersebut dan bertanya harganya. Jawab anak saudara Yunus, harganya 400 dirham, lantas dia pun membayar harga 400 dirham itu dan keluar membawa baju tersebut di atas lengannya. Dalam perjalanan pulang dia bertembung dengan Yunus bin 'Ubaid, iaitu pada ketika Yunus pulang daripada sembahyang di masjid. Yunus mengenali bahawa baju itu ialah baju yang dibeli dari kedainya, lantas dia pun bertanya kepada orang Arab Dusun itu: "Berapakah harga baju yang anda beli ini?" Orang Arab Dusun itu pun menjawab: "400 dirham". Maka Yunus pun menyatakan: "Harganya yang sebenar ialah 200 dirham, marilah ikut saya supaya saya kembalikan wang lebihnya ...". Tetapi orang Arab Dusun itu menjawab: "Di kampung kami harga baju ini lebih daripada 500 dirham, lagi pun saya membayar harga dengan penuh reda ...". Yunus pun menjawab lagi: "Sesungguhnya nasihat-menasihati sesama kaum Muslimin lebih berharga daripada dunia ini berserta dengan kandungannya"; kemudian dibawanya semula orang Arab Dusun itu ke kedainya dan beliau memulangkan semula wang 200 dirham kepadanya. Dia menegur anak saudaranya dengan kasar terhadap perbuatan mengambil untung secara berlebihan itu, dengan mengatakan: "Tak malukah engkau? Ataupun tidakkah engkau takut kepada Allah? Engkau mengambil untung 100 peratus dengan meninggalkan amalan nasihat-menasihati sesama kaum Muslimin?" Maka anak saudaranya pun menjawab: "Demi Allah dia telah membeli baju itu dengan kerelaan hatinya sendiri?" Lalu Yunus pun menjawab dengan mengatakan: "Adakah engkau reda perkara tersebut berlaku ke atas orang itu seperti engkau reda ia berlaku pada dirimu sendiri?" (Atau adakah betul-betul engkau bersikap ikhlas kepadanya seperti kamu ikhlas kepada dirimu sendiri).

Perkara 83 - Peranan Modal dalam Sistem Ekonomi Tradisional

Adam Smith ialah orang pertama yang telah memberikan definisi modal. Beliau mengatakan modal merupakan satu daripada faktor pengeluaran. Istilah modal telah digunakan orang semenjak zaman sebelum Adam Smith lagi, iaitu oleh beberapa orang penulis dan pengarang daripada kalangan ahli ilmu fizik dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun pada umumnya mereka memandang modal itu sebagai wang yang diberi pinjam dengan dikenakan faedah.

Pengertian modal seperti di atas masih lagi digunakan oleh ahli-ahli perniagaan kerana mereka masih lagi menganggap bahawa modal itu ialah wang ataupun dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kewangan seperti jaminan kredit dan sebagainya. Tetapi kemudiannya setelah pengertian mengenai modal menjadi bertambah luas, maka modal itu ditakrifkan pula sebagai "harta yang dapat memberikan hasil pulangan kepada pemiliknya".

Pada akhirnya takrif yang lumrah digunakan untuk modal ialah "sesuatu kekayaan yang dikeluar dan digunakan untuk memperoleh suatu bentuk kekayaan yang lain ...".

Sekali imbas kadang-kadang terfikir juga bahawa tidak ada perbezaan di antara takrif yang pertama dengan takrif yang kedua. Alasannya, kerana terdapat banyak harta kekayaan yang digunakan dalam bidang pengeluaran pada masa yang sama juga merupakan sumber pendapatan kepada pemiliknya. Contohnya, pinjaman yang diberikan oleh seseorang kepada seorang pengusaha kilang digunakan untuk pengeluaran, dan pada masa yang sama ia juga memberikan pendapatan kepada peminjam tersebut.

Namun demikian, daripada pemerhatian yang dibuat terdapat beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa harta itu diperuntukkan khusus untuk pengeluaran tanpa membawa sebarang pulangan. Di antara contohnya ialah wang yang telah diperuntukkan oleh pengusaha kilang untuk membayar upah atau gaji para pekerjanya. Selain itu, wujud juga beberapa keadaan di mana harta itu boleh membawa pulangan tanpa digunakan dalam bidang pengeluaran. Sebagai contoh, sejumlah wang yang dipinjamkan kepada seorang lain yang menggunakannya untuk melabur, ataupun sebuah rumah yang disewakan oleh tuannya kepada seorang lain sebagai tempat kediamannya. Persoalan modal telah diperbincangkan dengan panjang lebar dan telah dianalisis dengan terperinci oleh Stanley Jefonez di England, Karl Menger dan Bohm Bawerk di Austria. Pendapat mereka ini mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam ilmu ekonomi, terutama sekali di Amerika Syarikat.

Perkara 84 - Modal Produktif dan Modal Lukratif

Sesetengah kalangan ahli ekonomi membahagikan modal kepada dua jenis, iaitu:

(a) Modal Produktif iaitu modal yang digunakan untuk mengeluarkan aset yang baru.

(b) Modal Lukratif ialah modal yang dapat memberi pulangan kepada pemiliknya tanpa disalurkan ke dalam bidang pengeluaran.

Hanya modal jenis pertama sahajalah merupakan modal yang produktif dan dapat menambah kekayaan masyarakat secara menyeluruh. Modal jenis kedua bukan merupakan modal yang produktif (kerana pengeluaran dan pulangan pendapatan yang diperoleh daripada modal jenis kedua ini kepada pemiliknya adalah semata-mata datangnya daripada hasil pendapatan yang diperoleh oleh orang yang memberi pinjaman atau sewaan sahaja). Oleh itu sesetengah ahli ekonomi seperti Bohm Bawerk telah berpendapat bahawa modal yang berbentuk produktif sewajarnya disebut sebagai modal yang bercorak kemasyarakatan (*capital social*) manakala modal lukratif itu dinamakan sebagai modal yang bercorak pengeluaran atau membawa faedah kepada individu (*capital individual*).

Perkara 85 - Perbezaan di Antara Modal dengan Kekayaan

Berdasarkan keterangan lalu jelaslah bahawa semua jenis modal sebenarnya merupakan harta atau kekayaan. Bukan semua harta dan kekayaan itu menjadi modal atau merupakan sejenis modal dengan sendirinya, kerana harta dan kekayaan itu mempunyai makna yang lebih luas dan menyeluruh daripada makna modal. Dengan demikian harta atau kekayaan ini mengandungi dua makna:

(a) Modal mengikut kedua-dua pengertian yang disebutkan di atas.

(b) Harta yang digunakan untuk mencapai faedah ataupun untuk penggunaan sahaja, iaitu yang digunakan untuk memenuhi pelbagai keperluan seperti bahan-bahan pakaian dan makanan.

Terdapat banyak harta yang boleh digunakan sebagai modal ataupun bahan-bahan yang memberi faedah untuk kegunaan mengikut keadaan penggunaannya. Sebagai contoh; jika sebuah rumah didiami sendiri oleh pemiliknya maka ia dianggap sebagai kekayaan atau harta untuk kegunaan sendiri (yang memberi manfaat langsung), tetapi jika rumah itu disewakan kepada orang lain maka ia dianggap sebagai modal yang membawa keuntungan. Jika rumah itu selanjutnya digunakan menjadi sebuah kilang atau sebuah kedai tempat berniaga maka ia dianggap sebagai sejenis modal yang produktif. Demikian juga halnya dengan wang, kalaulah digunakan dalam proses pengeluaran umpamanya diperuntukkan untuk membayar upah atau gaji pekerja atau untuk membeli alat-alat kelengkapan untuk menjalankan sesuatu pekerjaan dan bahan-bahan asasnya, ataupun diberi pinjam kepada seseorang tertentu yang akan menggunakannya untuk keperluan pengeluaran, maka ia dianggap sebagai modal yang produktif. Walau bagaimanapun wang itu dipinjamkan kepada seseorang yang kemudiannya dibelanjakan dengan membazir, maka ia merupakan suatu modal yang membawa pulangan keuntungan secara

relatif kepada pihak yang memberi pinjam dan pinjaman itu untuk kegunaan pihak yang menerima pinjaman.

Perkara 86 - Pelbagai Jenis Modal

Ahli-ahli ekonomi pada zaman moden telah membahagikan modal yang digunakan bagi tujuan pengeluaran kepada beberapa jenis:

Modal Tetap

Modal tetap ialah modal yang boleh digunakan lebih daripada satu bidang pengeluaran, tanpa menyebabkan berlakunya perubahan bentuk dan rupa modal itu sendiri seperti paku kecil dan jentera-jentera besar.

Modal Berubah

Modal berubah ialah modal yang tidak boleh digunakan lebih daripada satu bidang pengeluaran, seperti biji-bijian, benih, baja, arang batu, petroleum dan bahan-bahan asas yang lain.

Perbezaan ini terletak lebih banyak dalam bidang penggunaannya berbanding dengan ciri-ciri dan bentuknya. Oleh yang demikian, jentera kilang merupakan modal tetap bagi pemilik kilang yang menggunakannya untuk tujuan pengeluaran. Sebaliknya, jentera tersebut merupakan modal berubah bagi peniaga yang menjual jentera itu.

Kebaikan-kebaikan pembahagian modal kepada modal tetap dan modal berubah dapat dilihat dalam beberapa keadaan:

(a) *Untuk Kepentingan Rakyat (dan Negara)*

Perlulah diseimbangkan jumlah modal tetap dalam sesebuah negara dengan jumlah modal yang berubah. Ini disebabkan, sesuatu bangsa atau sesebuah negara yang mempunyai jumlah dan kadar modal tetap melebihi daripada kadar yang diperlukan, umpamanya negara membina jalan dan landasan keretapi dengan cara yang tidak sesuai dengan pemasaran dan sumber pendapatan. Oleh yang demikian, ini bererti bahawa negara melakukan pemborosan dan pembaziran modal yang boleh dimanfaatkan dalam melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain.[83]

---

83 Keadaan seperti ini telah berlaku di Amerika Syarikat di sekitar tahun 1875 dan di Perancis di sekitar tahun 1880 kerana keadaan dan perkembangan perindustrian di negara-negara itu tidak dapat menampung keperluan rangkaian jalan keretapi yang dibina, dan dengan penggunaan jalan-jalan dan landasan itu tidak berupaya membawa pulangan keuntungan kepada pihak yang membuatnya dan penambahan modal tetap yang lebih besar telah mengakibatkan ketidak perseimbangan di antara modal tetap dengan modal berubah, (Blanchard, *Cours d'Econimie Politique*, Jilid 1, hlm. 109).

Terdapat juga sesebuah negara yang kaya dengan bahan dan sumber-sumber aslinya, tetapi tidak mempunyai rangkaian perhubungan jalan raya dan alat-alat kelengkapan dalam bidang perindustrian dan sebagainya yang selaras dengan sumber kekayaan alam semula jadi itu. Dengan demikian ia tidak mampu mengambil manfaat dengan mengolah sumber-sumber aslinya itu. Namun secara keseluruhannya dapatlah diperhatikan bahawa pertambahan modal tetap secara beransur-ansur dalam sesebuah negara itu merupakan salah satu faktor penting bagi kemajuan bidang ekonominya.

(b) Untuk Kepentingan Individu

Seperti perlunya keseimbangan di antara kedua bentuk modal tadi di peringkat kebangsaan dan negara, maka keseimbangan itu juga perlu wujud di kalangan individu. Ini adalah kerana apabila modal tetap yang berlebihan dalam beberapa projek tertentu melebihi kadar yang diperlukan, umpamanya jika para individu itu membelanjakan modal yang besar untuk membangunkan gedung-gedung perindustrian yang besar dan dilengkapi pula dengan pelbagai alat yang mahal-mahal yang tidak selaras dengan jumlah tenaga kerja, maka dengan sendirinya ia memerlukan tambahan modal berubah dan boleh menyebabkan kerugian terbesar. Demikian juga setiap orang yang menjalankan sesuatu projek itu mestilah tidak cuai dan lalai tentang bertambahnya jumlah modal tetap setiap kali keadaan seperti itu diperlukan oleh keadaan pasaran. Jika ianya tidak diawasi dan disedari dengan betul, maka pelaksanaan itu akan ditinggalkan oleh orang lain dalam lapangan perniagaan yang berbentuk persaingan bebas.

(c) Daripada Segi Pembaharuannya, Kedua-dua Jenis Modal itu Tunduk kepada Pelbagai Kaedah

Sekiranya modal berubah tidak boleh digunakan untuk tujuan pengeluaran yang lebih daripada sekali, maka kos pembeliannya mestilah sama dengan nilainya yang sebenar. Sebagai contoh, kos pengeluaran sesuatu barangan termasuklah harga arang batu atau petroleum yang digunakan untuk menjalankan jentera dan semua kos bahan mentah yang digunakan untuk mengeluarkan barangan itu termasuklah juga upah dan gaji yang dibayar kepada para pekerja yang mengambil bahagian dalam pengeluaran itu. Sebaliknya, modal tetap, memadailah pihak pengeluar dapat menampung hanya sebahagian sahaja daripada keseluruhan kos itu. Kebiasaannya, pembaharuan modal tetap mengambil masa beberapa tahun sebelum ia perlu diperbaharui semula. Kadang-kadang, modal tetap itu tidak mendapat apa-apa kerosakan dan gangguan, tetapi manfaat kegunaannya

sudah tiada lagi kerana sesuatu sebab tertentu. Oleh itu, ia perlu diperbaharui semula. Keadaan seperti inilah yang sering menimpa kebanyakan modal-modal tetap pada zaman lampau, iaitu masalah yang juga dihadapi oleh sebahagian modal tetap itu pada zaman kini. Ini disebabkan oleh pembinaan pelbagai alat komunikasi dan perhubungan moden, ataupun penemuan baru beberapa jenis perkakas dan alat moden dalam bidang pekerjaan, ataupun penggunaan tenaga yang lain daripada tenaga wap dan letrik dalam bidang perindustrian. Semua ini memang wajar dan lumrah ke arah menghilangkan manfaat sebahagian modal harta-harta tetap.[84] Perkara seperti ini perlu mendapat perhatian dan peringatan setiap orang yang tampil untuk menubuhkan dan melaksanakan projek-projek jangka panjang.

(d) Daripada segi bentuk penggunaannya anda dapat melihat bahawa modal berubah boleh digunakan untuk pelbagai jenis tujuan. Contohnya, arang batu dan petroleum dapat digunakan dalam pelbagai bidang industri. Walau bagaimanapun modal tetap tidak sesuai dipelbagaikan kegunaannya. Contohnya, perkakas menenun tidak sesuai digunakan dalam bidang yang lain daripada pertenunan. Oleh sebab itulah, terdapat para pengeluar barangan yang merasakan bahawa memadailah mendapat pulangan yang sedikit daripada modal tetapnya, iaitu kurang daripada kadar pulangan yang boleh dicapai oleh modal berubah pada masa yang sama. Oleh sebab itu, ia berpendapat bahawa dia tidak berupaya menggunakan modal tetapnya dalam bidang perniagaan yang boleh membawa keuntungan yang lebih banyak.[85]

Perkara 87 - Modal Pertanian, Perusahaan dan Perdagangan

Modal dibahagi mengikut bidang penggunaannya dalam sektor pengeluaran sama ada modal pertanian, modal perindustrian dan modal perdagangan. Modal pertanian merangkumi bahan-bahan yang digunakan dalam pengeluaran sektor pertanian seperti alat-alat kelengkapan pertanian, binatang ternakan, baja, tali air, alat-alat pengairan, tempat kediaman buruh pertanian dan stor-stor tempat simpanan keluaran pertanian dan sebagainya. Tanah atau bumi tidak dianggap sebagai modal, kerana ia merupakan sumber asli bagi segala

84 Keadaan seperti inilah yang selalu menimpa alat-alat pengangkutan seperti kilang membuat kapal, kerana penubuhan beberapa buah syarikat baru yang menghasilkan kapal-kapal moden yang lebih cepat, dan lebih tahan serta lebih banyak alat-alat untuk beristirehat, keadaan inilah yang selalunya memaksa beberapa syarikat mahir untuk berhenti mengeluarkan kapal-kapalnya kerana kapal bikinannya, kalaupun tidak kuno dan ketinggalan zaman, masih sesuai dipakai untuk belayar.

85 Piero, *Cours*, Jilid 1, hlm. 117.

harta kekayaan, dan modal itu sendiri tidak lain daripada hasil pekerjaan dan kekayaan bumi.[86]

Modal perindustrian mencakupi bahan-bahan yang digunakan oleh umat manusia dalam bidang pengeluaran untuk sektor perdagangan dan perindustrian, bangunan-bangunan kilang dan bahan-bahan asas. Manakala modal perdagangan atau perniagaan merangkumi kapal-kapal, kereta, keretapi, pelabuhan-pelabuhan dan stor-stor atau gudang-gudang tempat menyimpan barangan dan lain-lain alat kelengkapan yang boleh memberikan kemudahan urusan pertukaran barang. Sering juga berlaku sesuatu benda itu dianggap sebagai modal pertanian, modal perindustrian atau modal perdagangan pada masa yang sama mengikut kegunaan dan penggunaan modal yang berkenaan. Sebagai contoh, sebuah kereta yang digunakan dalam operasi sebuah perindustrian seperti dalam sebuah kilang, maka kereta itu dianggap sebagai modal perindustrian dan apabila kereta itu digunakan untuk mengangkut barangan seseorang pedagang atau peniaga maka ia dianggap sebagai modal perdagangan dan akhirnya kalaulah ia digunakan untuk mengangkut barangan di ladang maka ia dianggap sebagai modal sektor pertanian.[87]

Perkara 88 - Modal yang Bercorak Nilai dan Modal yang Bercorak Tabii

Modal dibahagi mengikut bentuknya. Sama ada ia bersifat wang (modal nilai) dan modal yang tidak bersifat wang iaitu modal tabii (semula jadi). Modal nilai ialah modal yang berbentuk wang yang diperuntukkan khusus bagi tujuan pengeluaran. Modal ini merupakan modal yang paling bernilai, kerana ia boleh didapati dengan cara saling tukar-menukar, sebagai alatnya yang bercorak asli, mengatasi semua jenis modal yang lain. Manakala modal tabii pula merangkumi pelbagai bentuk harta kekayaan yang digunakan dalam bidang pengeluaran mengikut bentuknya yang tersendiri.[88]

Perkara 89 - Bagaimana Modal Terjadi dan Terkumpul?[89]

Pada zaman moden ini, untuk mewujudkan modal terlebih dahulu perlulah wujud suatu pengaliran atau lebihan barangan pengeluaran yang menjadi

86 Ada satu pendapat yang memandang tanah atau bumi itu sebagai suatu bentuk modal kerana tanah itu dengan keadaannya yang ada sekarang ini, iaitu yang sedang digunakan untuk projek pertanian itu, tidak lain daripada hasil kerja dan usaha generasi yang dahulu yang telah membangunkan tanah itu dan menyediakannya bagi tujuan pertanian. Dengan demikian tanah itu sama sahaja dengan modal-modal lain, kerana semuanya adalah hasil usaha dan kerja manusia dan alam semula jadi yang digunakan untuk menghasilkan suatu keluaran berbentuk lain, dan Prof. Gide sering memberikan perhatiannya kepada masalah dan pendapat ini, dengan menegaskan bahawa semua usaha yang dicurahkan untuk menghasilkan suatu bentuk pengeluaran yang lain, dan juga modal yang dikeluarkan, akhirnya menjadi sebahagian daripada penghasilan bumi atau tanah itu juga, dan berlakulah undang-undang yang berkaitan dengan bumi dan tanah, iaitu seperti hukum pulangan semakin berkurangan dan lain-lainnya. (Profesor Gide, *Cours*, Jilid 1, hlm. 183 dan 184).

87 Seilgemaan, *Principles*, hlm. 319.

88 Peiro, *Cours*, Jilid 1, hlm. 104 – 105.

89 Bohm Bawerk, *Positive Theory of Capital*, hlm. 100 – 105.

sumber penghidupan bagi orang yang memberikan tumpuan dalam bidang pengumpulan modal dan perlu pula dilakukan usaha pendahuluan untuk mengumpul dan mewujudkan modal itu. Terdapat satu faktor yang menyebabkan daya pengumpulan modal kebiasaannya tidak dapat dilaksanakan dengan mudah. Pada masa ini apa yang dikumpul dan disimpan kebiasaannya dalam bentuk wang ataupun yang setaraf dengan wang, seperti juga biasanya orang yang menyimpan wang itu bukanlah orang yang berusaha mengumpulkan modal. Dengan demikian para pekerja yang bertugas dalam beberapa projek yang menghasilkan modal mendapat sumber penghidupan mereka daripada harta yang telah disimpan oleh satu golongan dalam bentuk wang yang mereka laburkan melalui pembiayaan projek-projek itu. Upah atau gaji yang dibayar kepada para pekerja itu dalam bentuk wang sebenarnya tidak lain daripada sejumlah kecil wang yang membolehkan para pekerja itu mendapatkan barangan keperluan hidup mereka pada masa mereka bekerja melakukan pengeluaran itu.

Perkara 90 - Syarat-syarat Pembentukan Modal Baru yang Digunakan dalam Pengeluaran

1. Semestinya ada sejumlah lebihan harta-harta produktif yang melebihi daripada harta-harta yang digunakan. Dengan perkataan lain perlulah disimpan sebahagian harta atau wang yang boleh mengeluarkan keluaran yang lain. Alasannya, kalau semua orang menggunakan semua bahan pengeluaran maka tidak akan ada lagi modal. Oleh itu modal merupakan hasil daripada simpanan yang dilakukan.

2. Harta-harta yang disimpan mestilah dilaburkan, kerana pelaburan adalah satu syarat penting simpanan dan dengan melaburkan simpanan ini maka terdapatlah perbezaan di antara perbuatan semata-mata menyimpan atau yang berbentuk menyimpan sahaja harta itu tanpa tujuan *(theaurisation)* dan niat untuk melaburnya.

3. Orang yang menyimpan wang dan harta hendaklah mengambil langkah mengumpul modal, kerana wang yang disimpan dan digunakan dalam bentuk kredit yang diberikan kepada orang yang membazir atau kepada pihak kerajaan yang membelanjakannya untuk melaksanakan beberapa projek mewah tidaklah dapat memberikan sebarang penambahan kepada modal. Demikian juga keadaannya kalau pinjaman itu digunakan untuk membiayai projek yang hanya mengeluarkan barangan penggunaan sahaja.

Perkara 91 - Apakah Projek-projek Penting yang Menentukan Daya Pengumpulan Modal yang Digunakan dalam Bidang Pengeluaran?

Terdapat dua jenis projek yang menentukan daya pembentukan modal yang boleh digunakan dalam bidang pengeluaran dalam sesebuah negara iaitu:

1. Projek-projek atau rancangan-rancangan yang menumpukan perhatian mengumpul modal sahaja seperti projek membuat alat-alat pekerjaan dan beberapa barangan penting lainnya.

2. Projek-projek yang boleh mewujudkan wang dan harta yang perlu digunakan ataupun boleh menghasilkan modal mengikut haluan perjalanannya. Sebagai contoh, kilang pemotongan kayu yang moden dan beroperasi dengan kuasa jentera dapat mengeluarkan kayu-kayan yang digunakan sebagai bahan bakar, seperti ia juga memotong kayu untuk membuat rumah. Pada zaman Peperangan Dunia Kedua, didapati bahawa banyak sekali projek yang dulunya mengeluarkan alat-alat pengeluaran telah bertukar menjadi kilang yang mengeluarkan alat-alat kelengkapan ketenteraan yang berbentuk bahan kegunaan. Hal itu telah menyebabkan terancamnya kedudukan beberapa buah industri berat akibat kekurangan modal yang berbentuk alat-alat kelengkapan yang perlu. Sesudah peperangan keadaan sebaliknya berlaku. Beberapa projek dan industri yang ditubuhkan pada zaman perang yang bertujuan untuk membuat alat-alat keperluan ketenteraan telah bertukar menjadi projek dan industri pengumpul modal. Negara Jepun dan Persekutuan Jerman, melalui aktiviti projek-projek besar itu telah berupaya menyusun semula infrastruktur dalam bidang pengangkutan di samping melipatgandakan pengeluaran serta pembangunan ekonomi dan sosial, juga membekalkan kilang-kilang perindustriannya dengan pelbagai alat kelengkapan moden yang canggih menurut kaedah-kaedah teknologi termoden.

Secara keseluruhannya, modal telah bertambah dengan banyak dalam beberapa buah negara tertentu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan aktiviti ekonomi yang begitu pesat telah menyebabkan beberapa buah negara berkenaan menjadi kaya raya dan makmur.

Perkara 92 - Apakah Faktor-faktor yang Membantu Mewujudkan Sikap Suka Menabung dan Menambah Modal?

Terdapat beberapa faktor yang boleh membantu dan mendorong masyarakat ke arah sikap suka menabung dan menambah modal di antaranya ialah:

Kestabilan Politik dan Pemerintahan

Apabila setiap individu merasa selamat dan aman terhadap harta kepunyaannya dan juga wang simpanannya, maka ini merupakan satu faktor yang menyebabkan orang ingin menabung. Di atas alasan itulah dalam abad ke-18 setiap petani di Perancis tidak begitu cenderung menabung kerana kekacauan dan tergugatnya keselamatan dan sikap kuku besi pihak kerajaan, yang mengenakan cukai dengan cara yang tidak bertimbang rasa. Demikian jugalah sikap diktator dan kuku besi kerajaan-kerajaan Mesir pada zaman lampau. Gangguan keamanan dan keselamatan negara serta terlalu banyak cukai dan ketidak-

stabilan pemerintahannya merupakan sebab utama golongan petani tidak cenderung untuk menabung. Tetapi sekarang, setelah setiap rakyat terutama para petani percaya bahawa diri mereka selamat daripada sebarang ancaman dan wang serta harta mereka tidak terdedah lagi kepada sebarang gangguan, maka petani kecil itu telah tampil bersama-sama dengan semua golongan rakyat Mesir yang lain untuk melaburkan modal mereka dan juga wang simpanan mereka mengikut kaedah dan peraturan ekonomi semasa dan termoden. Mereka seterusnya berkongsi dengan para pemodal asing dan para pemodal negara-negara Arab lain dalam beberapa projek pembangunan ekonomi dan sosial juga projek-projek keselamatan, makanan dan tempat kediaman serta revolusi hijau yang menambahkan lagi keamanan, ketenteraman di segenap rantau dan pelosok negara.

Banyaknya Sumber Pelaburan

Kesan daripada rekaan dan pelbagai bentuk ciptaan moden dan juga perusahaan yang berlaku kepada hasil-hasil rekaan lama, maka para penyimpan telah mendapat peluang dalam lapangan pelaburan yang belum pernah wujud sebelumnya kerana abad ke-19 dan ke-20 adalah kaya dan penuh dengan pelbagai jenis rekaan dan penemuan baru yang menyebabkan timbulnya perubahan besar dalam dunia perindustrian dan teknologi. Oleh sebab itulah, modal telah bertambah dengan banyak sekali hasil pelaburan yang diceburinya dalam pelbagai sektor perindustrian yang besar dan berat serta lain-lainnya. Kemajuan dan perkembangan pesat dalam bidang pengangkutan dan komunikasi dan pelbagaian jenisnya telah memudahkan lagi pelaburan modal dalam beberapa buah negara asing. Banyak modal Arab, Amerika, Inggeris, Jepun, Perancis dan Rusia yang telah berpindah dan beralih tempat hingga melimpah kepada beberapa negara di sebelah timur dan barat, selatan dan utara dalam pelbagai bidang pelaburan sektor pembangunan ekonomi, sosial, cari gali petroleum dan bahan-bahan galian lain untuk mengolah pelbagai sumber dan kekayaan alam semula jadi. Kaedah-kaedah moden dalam bidang pelaburan telah mempermudahkan lagi kerja para penyimpan wang kerana tugas dan kerja utama mereka hanyalah terbatas kepada membuat pemilihan dan penentuan saham-saham pelbagai projek yang akan dilaburkan modal mereka.

Awasan Masa Depan

Rasa cinta dan kasih kepada keluarga dan keinginan untuk menjamin masa depan orang yang dalam tanggungan setiap insan juga merupakan suatu tenaga pendorong yang sangat penting ke arah tabiat dan sikap suka menabung. Pada setiap keadaan dan tempat setiap insan itu biasanya ingin meninggalkan anak-anak dan zuriat keturunannya dalam keadaan yang lebih baik dan lebih selesa daripada keadaan hidup dirinya sendiri, ataupun pada ketika dia baru menempuh arus kehidupan. Sememangnya, setiap kali bertambah baiknya dan juga bertambah majunya umat manusia dalam taraf hidupnya, maka bertambahlah pula perhatiannya kepada masa depan anak-anaknya dan orang yang ada kaitan dengannya.

Oleh sebab itu, sering kita temui bahawa kebanyakan dan sebahagian besar wang dan harta yang disimpan dalam Syarikat Insuran nyawa di Amerika Syarikat, Eropah dan negara-negara di sebelah timur tidak disertai oleh para penyimpan untuk faedah diri mereka sendiri, tetapi adalah dengan tujuan supaya faedah dan manfaatnya dibayar kepada anak-anak dan isteri-isteri mereka sesudah mereka meninggal dunia.

Pendidikan Untuk Masa Depan

Bertambahnya perhatian ibu bapa mengenai masalah pendidikan anak-anak kerana keadaan sedemikian boleh menyebabkan bertambahnya pengeluaran anak-anak mereka dan dengan demikian mereka akan mampu berusaha dan menyimpan lebih banyak daripada yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Memang menjadi lumrah, setiap perubahan keadaan pekerja daripada segi kebendaan, pada semangat dan mental ke arah yang lebih baik, akan menyebabkan bertambahnya kemampuan setiap individu itu dari segi pengeluaran. Seterusnya ia akan membawa pertambahan jumlah upah atau gajinya iaitu suatu keadaan yang menyebabkan bertambahnya kemampuan peribadi dan individu berkenaan untuk menyimpan.

Sesetengah kalangan ahli ekonomi moden berpendapat bahawa modal merupakan faktor ketiga yang sangat penting dalam susunan dan urutan pengeluaran.

Perkara 93 - Perlukah Dibezakan di Antara Modal Menurut Pengertian Ekonomi dengan Modal Menurut Pengertian Undang-undang?

Modal Menurut Pengertian Ekonomi

Modal menurut pengertian ekonomi bermaksud setiap operasi produktif yang memerlukan penyertaan modal dalam melaksanakannya. Hal ini kerana pada asalnya modal itu tidak digunakan bagi tujuan-tujuan penggunaan, tetapi biasanya ia digunakan untuk tujuan menghasilkan beberapa barangan baru, sama ada barangan itu berbentuk barangan untuk pengeluaran yang bakal digunakan dalam sektor tersebut, ataupun ia berupa barangan untuk kegunaan.

Modal menurut pengertian ini termasuk dalam lingkungan operasi produktif yang bercorak kebendaan. Perbahasan mengenai modal mengikut pengertian ini tidak termasuk dalam aliran doktrin ekonomi, tetapi termasuk dalam bidang perbincangan sejenis ilmu yang dikenali sebagai ekonomi politik.

Modal Menurut Pengertian Undang-undang

Modal menurut pengertian undang-undang ialah beberapa hak dan kewajipan yang timbul bersama dengan modal itu. Perbahasan mengenai modal menurut pengertian ini termasuk dalam bidang perbincangan doktrin ekonomi, kerana dengan membincangkan hal ini bermakna kita berada di tengah-tengah masalah

yang berkaitan dengan pengagihan, sama ada pengagihan itu berdasarkan faktor-faktor pengeluaran ataupun hasil-hasil pengeluaran. Modal sebagai satu faktor pengeluaran dalam pengertian ekonomi Islam terbahagi kepada dua bahagian yang penting:

(a) Modal perniagaan (perdagangan), dan
(b) Modal pengeluaran

Setiap bahagian modal di atas mempunyai beberapa penghasilan yang bercorak syariah yang sangat penting dan khusus, mengenai kaitannya dengan masalah pengagihan.[90]

Perkara 94 - Modal Perniagaan

Modal perniagaan ialah suatu kumpulan wang dan harta yang berbentuk ekonomi yang digunakan sebagai alat pertukaran. Harta-harta itu sama ada berbentuk tabii seperti barangan ataupun yang berbentuk tunai (kontan) seperti wang yang berlegar. Oleh yang demikian, barangan yang digunakan sebagai alat pertukaran dianggap sebagai suatu bentuk modal perniagaan kerana ia tidak digunakan dalam sektor penggunaan yang langsung bagi setiap orang yang memilikinya tetapi ia dimaksudkan untuk membeli barangan, dengan tujuan memperoleh keuntungan.

Wang yang diperuntukkan untuk tujuan pertukaran, dengan tujuan untuk mendapatkan untung, dianggap sebagai suatu jenis modal perniagaan. Alasannya, dengan wang berkenaan dapatlah dibiayai beberapa operasi perniagaan, iaitu bagi tujuan membeli beberapa jenis barangan untuk dijual semula dengan maksud mendapatkan untung.

Walau bagaimanapun modal perniagaan itu, sama ada yang berbentuk tabii ataupun wang, mempunyai beberapa hasil yang telah disepakati oleh para pakar ekonomi, dan mungkin hasil yang paling penting sekali bahawa ia membolehkan pemiliknya mengaut keuntungan. Modal pengeluaran menimbulkan perbezaan pendapat dari segi memperoleh bahagian masing-masing dalam keuntungan yang dicapai.

Perkara 95 - Modal Pengeluaran

Modal pengeluaran terbahagi kepada dua bahagian:

1. Modal wang (tunai). Modal wang ialah suatu kumpulan atau sejumlah wang yang digunakan untuk membiayai operasi pengeluaran.

2. Modal tabii (alamiah). Modal tabii ialah kumpulan harta yang berbentuk material (benda) yang digunakan dalam operasi pengeluaran yang mengakibatkan bertambahnya produktiviti kerja.

---

90 Profesor Muhammad Baqir al-Sadr, *Ekonomi Kita*, dan Dr. Ibrahim Dusuqi Abazah, *Ekonomi Islam*.

Tidak perlu dihuraikan lagi bahawa modal tabii hanya terbatas kepada kumpulan harta yang mempunyai sifat dan nilai ekonomi. Harta-harta yang masih bebas atau belum diterokai lagi dan boleh didapati dengan banyaknya dalam alam semula jadi tidak boleh dimasukkan ke dalam senarai modal, kerana ia termasuk dalam senarai dan susunan operasi pengeluaran.

Daripada segi peranan dan fungsinya pula maka modal tabii itu terbahagi kepada dua iaitu modal tetap dan modal berubah.

Modal tetap itu tidaklah boleh dimaksudkan sebagai sejenis modal yang tidak akan hilang lenyap sama sekali, tetapi ia dimaksudkan sebagai modal yang boleh digunakan beberapa kali dalam pengeluaran. Ia tidak terlepas daripada penggunaan sekali ataupun beberapa kali untuk digunakan, tetapi ia mungkin tidak diperlukan secara beransur-ansur dalam tempoh masa tertentu, iaitu seperti bangunan dan alat kelengkapan. Modal berubah tidak digunakan dalam operasi pengeluaran kecuali sekali sahaja dan ia hancur rosak selepas itu seperti bahan-bahan mentah yang perlu digunakan dalam operasi pengeluaran dan dipandang sudah terpakai dengan sebab digunakan, iaitu seperti arang batu, petroleum dan bahan-bahan utama yang lain.

Perkara 96 - Perkembangan Teknologi

Teknologi moden yang terus maju dan berkembang mempunyai peranan yang sangat penting pada zaman kini berbanding dengan beberapa unsur penghasilan hingga beberapa golongan daripada ahli ekonomi berpendapat bahawa teknologi modenlah yang mengawal dan menguasai modal dan ia mempunyai kesan dan pengaruh besar dalam bidang pengeluaran.

Perkara 97 - Pengagihan dan Pengedaran dalam Sistem Ekonomi Islam[91]

Terdapat dua unsur penting yang menjadi asas pengeluaran dalam sistem ekonomi tradisional yang menjadi prinsip asas pengagihan dan pengedaran dalam sistem kapitalis, iaitu:

(a) Alam semula jadi; dan
(b) Modal.

Dalam sistem ekonomi Islam, modal dianggap sebagai satu sumber asli kepada pengeluaran, dengan berdasar kepada keadaan bahawa modal itulah suatu jenis harta yang telah dihasilkan sebelumnya dalam beberapa operasi pengeluaran yang terdahulu. Dengan demikian ia turut mengambil peranan dalam operasi pengeluaran yang berikutnya, dan menjadi suatu bahan pengagihan dan pengedaran dalam pandangan Islam. Berdasarkan pandangan

91 Profesor Muhammad Baqir al-Sadr, *Pengagihan Faktor-faktor Pengeluaran;* Profesor Sayyid Qutb, *Keadilan Sosial Dalam Islam* dan Dr. Ibrahim Dusuqi Abazah, *Ekonomi Islam*.

inilah maka perbincangan mengenai pengagihan dan pengedaran faktor-faktor pengeluaran itu beralih kepada tanah dan modal.

Kedua-dua faktor di atas (iaitu tanah dan modal) dianggap sebagai asas yang menentukan perseimbangan dalam pengagihan kekayaan dalam apa jua bentuk ekonomi dan sosial yang wujud. Cacatnya pengagihan faktor-faktor ini adalah di antara yang menjadi asas lembaga masyarakat itu akan menimbulkan beberapa perbezaan dan kepincangan besar dalam pengagihan hasil-hasil pengeluaran; kerana pengagihan faktor-faktor pengeluaran itu adalah saling berkaitan dengan pengagihan hasil pengeluaran. Apabila faktor-faktor pengagihan sudah dilakukan dengan tidak adil maka ia akan mempengaruhi pula pendapatan, yang mengakibatkan cacat dan terjejas cara pengagihan dan pengedarannya. Islam telah menyedari hakikat ini dan diberinya sorotan khusus kepada pengagihan faktor-faktor pengeluaran yang terkumpul dalam himpunan hukum-hakam yang khusus berkaitan dengan masalah mengagih faktor-faktor ini, terutama sekali dalam soal yang berkaitan dengan faktor alam semula jadi. Berikutnya ialah huraian dan penjelasan mengenai pengagihan faktor-faktor itu:

Alam Semula Jadi

Islam telah menetapkan suatu kaedah yang sihat mengenai pengagihan faktor alam semula jadi, iaitu kaedah yang berdasarkan perseimbangan dalam tiga kepentingan yang saling bertentangan dalam masyarakat Islam:

(a) Kepentingan individu;
(b) Kepentingan masyarakat; dan
(c) Kepentingan negara.

Menyedari tentang mustahaknya kepentingan ini, maka pengagihan hak milik faktor alam semula jadi itu bolehlah diagihkan seperti berikut:

(a) Hak milik khusus (bagi individu);
(b) Hak milik umum; dan
(c) Hak milik negara.

Berikutnya merupakan perbincangan mengenai masalah pengagihan setiap cawangan alam semula jadi itu:

Tanah

Tanah dalam bentuk dan keadaan yang asli dan semula jadi dianggap sebagai milik imam ataupun milik negara. Hak para individu dalam memiliki tanah itu pada pandangan syariah Islam pemberian hak milik bergantung kepada tiga sebab di bawah ini:[92]

92 Al-'Allamat 'Alal al-Faasi, *Mengkritik Diri Sendiri,* dan Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, *Kisah Berkenaan Masalah Hak Milik Di Seluruh Dunia.*

(a) Bahawa individu tertentu mengusahakan suatu bahagian kecil tanah atau bumi negara.

(b) Bahawa penduduk asal sesebuah negara yang dibuka dan dikuasai oleh Islam itu menganut agama Islam dengan kerelaan mereka sendiri. Mereka bermastautin dan menguasai tanah-tanah milik asal mereka, dengan demikian hak milik tanah berkenaan diberikan kepada mereka terus, dan dengan demikian hak milik tanah itu diiktiraf oleh pihak pemerintah Islam.

(c) Negara berkenaan termasuk dalam lingkungan pengaruh Islam melalui satu perjanjian damai yang menentukan bahawa hak milik tanah itu dikurniakan kepada orang yang berusaha memajukan tanah itu.

Sebab pertama bagi pemberian hak milik di atas tadi agak berbeza sekali dengan kedua-dua sebab lainnya daripada segi bahawa mengusaha dan memajukan tanah itu boleh menyebabkan individu yang mengerjakannya berhak diberi milik tanah itu mengikut kadar yang dapat memberi kesempatan kepadanya untuk mengerjakan dan mengambil manfaat daripada tanah itu tanpa diganggu oleh orang lain: "Apabila setiap individu itu membuka (mengusahakan) sekeping tanah yang masih belum dimilik oleh orang lain sebagai milik individunya, walaupun apa juga cara dan kaedah yang dilakukannya dalam mengusaha dan memajukan tanah itu, umpamanya dengan cara mengusahakan tanah yang berkenaan supaya sesuai digunakan untuk ditanam, maka tanah yang berkenaan adalah menjadi hak milik dan kepunyaan individu tadi, dengan syarat hendaklah dia membayar cukai tanah dan hasil buah-buahan yang wajib dibayarnya ...".

Tetapi syariah Islam meletakkan syarat bagi kelayakan untuk mendapat hak milik di peringkat permulaan iaitu supaya tanah berkenaan diusaha terus dalam tempoh tiga tahun; dan kiranya tempoh sedemikian tidak dapat dipenuhi maka ia tidak berhak mendapat hak milik tanah itu.

Dalam masalah ini RasululLah s.a.w. telah bersabda:

عادى الأرض لله ورسوله، ثم لكم من بعد، فمن أجي أرضا ميتة فهي له، وليس لمحتجز حق بعد ثلاث سنين.

Terjemahan: *Tanah 'ad*[93] *yang tidak diketahui siapa pemiliknya itu adalah kepunyaan Allah dan Rasul-Nya, kemudian untuk kamu semua, maka sesiapa yang menghidupkan (mengusaha / mengerjakan) sekeping tanah yang mati maka tanah itu adalah kepunyaannya, dan setiap orang yang membiarkan sekeping tanah itu tanpa diusahakan tidak mempunyai sebarang hak lagi (atas tanah itu) selepas tiga tahun ...* .[94]

---

93 Tanah *'ad* bermakna tanah lama yang dimiliki sejak kaum Nabi Hud. Istilah ini digunakan bagi mengatakan sesuatu yang lama, zaman berzaman dan diketahui pemiliknya. Lihat kitab *al-Khaduri*, hlm. 211 dan seterusnya.

94 Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, berjudul *Kisah Berkenaan Masalah Hak Milik Di Seluruh Dunia*, hlm. 143 – 144.

Kedua-dua sebab yang terakhir, milik perseorangan dikekalkan kepada pemiliknya tetapi pemilikan itu tidak mutlak kerana ia terikat dengan kepentingan masyarakat seperti yang ditentukan oleh Islam.[95] Hak milik khusus dalam pandangan Islam tidaklah boleh dianggap pada asalnya sebagai suatu keistimewaan yang diberikan kepada pihak pemilik tanah kerana ia adalah keistimewaan yang terikat dengan batas-batas tugas sosial dalam hak milik seperti yang telah digaris oleh Islam. Pada pandangan Islam, keistimewaan mengenai penggunaan tanah itu, sama ada dalam bentuk dan peringkat hak mengambil manfaat ataupun hak milik adalah suatu keistimewaan yang terikat, dengan syarat setiap individu itu menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya terhadap tanah itu. Dengan demikian apabila sahaja orang berkenaan melakukan sesuatu hal yang menjejaskan tugas dan tanggungjawab maka gugurlah haknya daripada mendapat keistimewaan menggunakan tanah itu dan dia tidak boleh menahan pemberian milik tanah itu, juga dilarang melakukan sebarang sikap monopoli dan melarang orang lain daripada mengguna dan mengusahakan tanah itu.

Memangnya banyak dalil syara' yang telah disebutkan berkaitan dengan masalah ini. Contohnya, dalam *Kitab Hadis Sahih* Mu'awiyah Ibn Wahab bahawa Imam Ja'afar pernah berkata yang bermaksud:

> *"Sesiapa sahaja yang datang atau menemui sekeping tanah terbiar lalu diusahakannya dan digali sungai maka sekiranya tanah berkenaan dimiliki oleh seseorang yang lain sebelumnya lalu ditinggalkan dan dibiarkannya tanpa diusahakan lalu tanah itu menjadi rosak, kemudian dia datang semula menuntut tanah itu, maka tanah itu adalah milik Allah dan orang yang mengusahakannya".*[96]

Demikianlah, kewajipan sosial bagi hak milik tanah yang telah dijelaskan dalam bentuk dan rupa yang begitu terang dan nyata sekali digariskan oleh Islam seperti jelasnya sudut ekonomi bagi hak milik berkenaan sesuai dengan tuntutan pengeluaran, dengan dijelaskan lagi betapa perlunya pengeluaran itu dipertingkatkan. Dengan demikian tidak boleh sama sekali dibiarkan tanah kosong tanpa diusahakan dan juga tidak boleh melarang orang Islam meneroka dan mengambil manfaat daripadanya dengan memakai nama hak milik atau nama-nama lain yang berbentuk hak dan keistimewaan, kerana yang demikian itu boleh membebankan daya pengeluaran kepada perkara yang membawa kebajikan kepada masyarakat Islam. Dan Islam tidak membenarkan seorang pemilik itu menyekat dan menghalang penggunaan hak miliknya. Jika berlaku demikian, Islam membenarkan pihak yang berkuasa menarik balik atau membatalkan hak milik itu dan memberikannya kepada orang yang mampu mengusahakannya. Hal seperti ini telah pun dilakukan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khattab terhadap Bilal bin al-Haris al-Mazni. Sesungguhnya telah dinyatakan dalam kitab-kitab yang berkenaan dengan *al-amwal* dan *al-kharaj* (harta dan hasil tanah) dan lainnya bahawa RasuluìLah s.a.w. pernah memberi hak milik

95 Terdapat dalil syara' yang lain tentang hal ini. Rujuk buku karya Prof. Muhammad Baqir al-Sadr yang telah disebutkan sebelum ini, hlm. 400 dan seterusnya.

96 *Ibid.*, hlm. 426 dan seterusnya.

tanah *al-'aqiq* kepada Bilal bin al-Haris al-Mazni, iaitu suatu kawasan tanah berhampiran dengan Madinah, tetapi Bilal tidak berupaya mengusahakan semua tanah itu. Apabila Khalifah 'Umar bin al-Khattab memegang teraju pemerintahan negara sesudah dipilih menjadi khalifah, beliau telah memanggil Bilal bin al-Haris al-Mazni dan berkata: "Wahai Bilal, anda telah memohon kepada RasululLah s.a.w. memberi hak milik tanah yang lebar dan luas sekali dan RasululLah s.a.w. menunaikan permohonanmu itu dan diberinya anda hak milik tanah itu; dan RasululLah s.a.w. tidak pernah mengecewa ataupun menolak permohonan yang dikemukakan kepadanya, sedangkan anda tidak mampu mengusahakan semua tanah itu". Bilal pun menjawab: "Benar sekali ucapan Amir al-Mukminin itu". Lalu Khalifah 'Umar pun berkata lagi: "Kalau begitu lihatlah setakat manakah yang anda mampu mengusahakannya, dan bahagian yang anda tidak mampu mengerjakannya, serahlah balik kepada kami supaya kami bahagikan kepada kaum Muslimin". Bilal menjawab: "Demi Allah tidak akan saya lakukan dan saya tidak akan mensia-siakan sesuatu yang telah diberi milik oleh RasululLah s.a.w. kepada saya". Khalifah 'Umar pun menjawab lagi: "Demi Allah anda mesti lakukannya"; lalu beliau pun memerintahkan supaya diambil balik tanah yang tidak mampu diusahakannya dan dibahagikannya kepada kaum Muslimin.[97]

Sumber Kekayaan di Bawah Tanah

Di antara sumber asli yang terdapat dalam perut bumi ialah besi, arang batu dan sebagainya. Imam Malik berpendapat bahawa semua hasil kekayaan yang terpendam dalam perut bumi adalah menjadi kepunyaan khusus perbendaharaan negara, iaitu pihak negara. Jadi hak milik bahan-bahan logam atau galian itu adalah kepunyaan masyarakat dan negara, walaupun ia ditemui dalam perut bumi yang menjadi hak milik perseorangan atau beberapa orang ataupun sesuatu pihak dan jabatan tertentu. Hujah beliau (Imam Malik) dalam masalah ini ialah di atas dasar bahawa pemilik tanah itu hanya berhak memiliki yang di atas permukaan tanah itu sahaja bukan yang dalam perutnya, dan juga kerana kebiasaannya benda yang boleh diambil faedahnya daripada tanah itu ialah binaan dan tanaman. Mengambil faedah daripada bahan galian yang terdapat dalam perut bumi itu pada adatnya tidaklah termasuk faedah yang biasanya diambil. Ini kerana logam dan galian itu adalah amanah Allah dalam bumi itu dan dengan demikian manfaat itu adalah untuk seluruh makhluk Allah bukan untuk orang tertentu sahaja. Juga kerana ia termasuk dalam bahan-bahan yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai. Dengan demikian ia adalah serupa dengan beberapa bahan dan perkara yang telah disebut oleh RasululLah s.a.w. bahawa tiada seorang pun yang berhak mendapat keistimewaan memilikinya, juga kerana ia tidak boleh didapati kecuali pada beberapa tempat tertentu sahaja sedang semua umat manusia memerlukannya. Sekiranya dibenarkan ia dimiliki secara individu, nescaya orang

97 Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, *Persamaan Dalam Islam*, hlm. 95.

ramai akan beroleh bahaya dan bencana besar. Pandangan dan pendapat Imam Malik dalam masalah ini merupakan pandangan yang paling sesuai dengan roh dan semangat syariah Islamiah.

Di samping itu, memang terdapat banyak sekali persamaan di antara pandangan dan pendapat majoriti para *fuqaha* umat Islam dengan pandangan dan pendapat Imam Malik itu dalam masalah yang berkaitan dengan tanah yang mengandungi logam, sedangkan tanah itu belum menjadi kepunyaan sesiapa pun sebelumnya. Bahan logam itu pula dapat dilihat tandanya dan boleh diambil dan dikeluarkan dengan mudah tanpa susah payah dan tanpa operasi penggalian. Dalam masalah seperti inilah Imam al-Syafi'i telah menulis dalam kitabnya *al-Umm*: "Dan seperti inilah juga semua sumber alam yang dapat dilihat seperti minyak petroleum, minyak tar, belerang atau momia (iaitu sejenis bahan ubatan) ataupun sejenis batu permata yang dilihat dan masih belum dimiliki oleh sesiapapun, maka tiada seorang pun yang berhak mengawal atau menyekatnya daripada diambil oleh orang lain dan juga tidak oleh seorang sultan, raja atau sesuatu pihak berkuasa untuk membuat keputusan menggunakan bahan itu untuk kepentingan dirinya sendiri atau bagi kepentingan orang daripada golongan tertentu. Semuanya itu nyata dan terang seperti air dan padang ragut. Dengan demikian, kalaulah ada orang tertentu membuat keputusan dan mengeluarkan perintah mengenai pemakaiannya, ataupun dilarang oleh pihak yang berkuasa atas tujuan dan kepentingan dirinya, maka orang yang berkenaan adalah seorang yang zalim".[98]

Al-Kasani menulis dalam kitabnya *Badai'e al-Sana'iy* iaitu sebuah buku rujukan yang paling penting dalam mazhab Imam Abu Hanifah, katanya: "Tanah yang mengandungi bahan garam, tar, minyak benzen dan petroleum dan sebagainya adalah bahan-bahan yang sangat diperlukan oleh kaum Muslimin, yang tidak boleh diberi milik oleh Imam (ketua negara) kepada orang perseorangan kerana ia menjadi hak milik seluruh kaum Muslimin. Memberi milik kepada orang perseorangan adalah satu perbuatan menafikan hak kaum Muslimin dan perbuatan seperti ini tidak dibenarkan sama sekali ...".

Ibn Qudamah (salah seorang tokoh penting mazhab Hanbali) telah menyatakan (menulis) dalam kitab karangannya yang bernama *al-Mughni* seperti berikut: "Kesimpulan masalah ini ialah bahan logam dan galian yang sangat diperlukan dan banyak digunakan oleh umat manusia itu tidak boleh diberi kuasa (memilikinya) kepada orang bukan Islam; seperti bahan asli dan galian yang berupa garam, air, belerang, minyak tar, momia (sejenis bahan ubatan), minyak dan permata delima dan sebagainya; kerana pemberian hak milik bahan-bahan itu kepada orang bukan Islam boleh membahaya dan menyempit'kan sumber pendapatan orang Islam ...".[99]

Cara dan kaedah ini pada dasarnya bercanggah dengan cara dan kaedah yang dipakai oleh faham liberalisme ketika ia membuat keputusan untuk membenarkan pemberian milik kepada individu dan orang perseorangan un-

98 Imam Syafi'i, *al-Umm*, Jilid 3, hlm. 266, cetakan Bulaq (Mesir), Bab "Menghidupkan Bumi yang Mati".
99 Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, *Persamaan Dalam Islam*, hlm. 82 – 83.

tuk mengolah dan meneroka sumber kekayaan alam yang tersimpan dalam perut bumi, dalam bentuk pemberian milik khusus dan istimewa yang mengakibatkan beberapa individu atau golongan tertentu mendapat keistimewaan untuk menguasai sumber-sumber alam itu serta tersekatnya peluang seluruh masyarakat untuk mengambil faedah daripadanya. Keadaan seperti ini, ditambah pula dengan kemajuan sistem kapitalis itu akan mengakibatkan lahirnya beberapa perbezaan yang besar dan ketara dalam pengagihan kekayaan di antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada. Namun demikian sistem kapitalis pada zaman kini telah berusaha mengambil langkah ke arah mencari pendekatan dengan teori dan pandangan Islam daripada segi pengagihan sumber kekayaan alam iaitu dengan cara memiliknegarakan semua sumber alam yang penting itu. Langkah seperti itu jelas sekali bercanggah dengan prinsip fahaman liberalisme mengenai dasar pemberian hak milik yang membenarkan pemberian keistimewaan kepada orang dan golongan tertentu dalam masyarakat untuk memiliki dan menguasai sumber asli alam itu.[100] Walaupun sistem-sistem ekonomi kolektif yang sedang berjalan sekarang ini menetapkan bahawa hak milik sumber-sumber alam yang penting itu adalah kepunyaan masyarakat, namun cara dan kaedah ini sama sekali tidak bersamaan ataupun bertepatan dengan pandangan dan teori Islam; kerana persamaan dan keserupaan dalam kedua-dua pandangan itu adalah untuk sementara waktu daripada segi lahirnya sahaja. Seluruh sistem pemberian hak milik mengikut kaedah kolektif adalah suatu peringkat peralihan dan sementara sahaja yang pasti akan berakhir dengan terlaksananya fahaman dan sistem komunis. Dengan demikian, pemilikan negara atas sumber-sumber alam semula jadi adalah suatu keadaan sementara sahaja yang berlaku sebagai suatu peringkat peralihan sejarah dan juga bertalian rapat dengan perkembangan sejarah. Keadaan seperti itu sudah pasti akan berkecai dengan sampainya masyarakat ke suatu peringkat atau fasa baru dalam perkembangan sejarah iaitu komunisme penuh.

Islam sama sekali tidak percaya kepada faham materialisme sejarah, juga kepada perkembangan sejarah mengikut fahaman Marx dan tokoh-tokoh sesudahnya, kerana wujudnya pertalian dengan bentuk pengeluaran dan terpengaruhnya hak milik dengan bentuk pengeluaran juga adalah suatu hal yang ditolak oleh Islam dan dinafikan kebenarannya oleh amalan praktikal seperti telah kita sebutkan dalil dan buktinya sebelum ini iaitu ketika kita membicarakan kajian berkenaan asas-asas falsafah dan doktrin bagi sistem ekonomi Islam.[101]

Sumber Air Asli

Sumber air asli sama ada air laut, danau, tasik dan juga sungai-sungai

100 Rujuk mengenai jalan penyelesaian dan langkah-langkah yang diambil oleh berbagai sistem ekonomi khusus mengenai masalah ini dalam sebuah buku karya Prof. J. Schumpeter yang berjudul, *Capitalisme, Socialisme et Democratie*, Paris, 1951.

101 Rujuk perbincangan kita di bahagian pertama dan bahagian kedua dalam perbincangan kita seterusnya khususnya yang berkaitan dengan peranan negara mengikut sistem ekonomi Islam.

merupakan satu syarat utama bagi kehidupan di muka bumi ini. Oleh sebab itulah Islam memandangnya sebagai bahan-bahan milik bersama (hak umum) yang tidak boleh diberi hak milik kepada individu dan orang perseorangan ataupun suatu golongan tertentu untuk mendapat hak istimewa bagi menggunakannya dan adalah dibenarkan setiap individu dalam masyarakat Islam untuk beroleh manfaat daripadanya. Walaupun begitu sesuatu sumber air asli yang diusahakan oleh setiap orang dengan menggunakan tenaga dan tulang empat keratnya dipandang sebagai suatu milik khas baginya. Adapun sumber air asli yang sebenar dan juga pengawasan ke atasnya tetap terus terpelihara sebagai milik umum dan termasuk dalam senarai hak milik umum.

Tenaga Alam Semula Jadi (Tenaga Tabii)

Iaitu seperti angin, air terjun dan jeram yang boleh digunakan untuk janakuasa letrik. Semua ini dipandang sebagai kemudahan yang disediakan untuk umum dan tidak boleh diberi milik kepada individu atau golongan tertentu, malah ia merupakan hak milik bagi semua kaum Muslimin dan terserahlah kepada pihak negara untuk mengatur dan menguruskan soal pengolah dan pemakaiannya serta mengambil faedah dan manfaat daripadanya.

Memang tiada sebarang keraguan bahawa sumber alam semula jadi untuk tenaga itu dianggap sebagai asas dan sumber bagi semua kemajuan ekonomi dan memberi keistimewaan untuk memikul dan menguasainya secara hak milik istimewa dan khusus boleh mengukuhkan kedudukan ekonomi dan sosial bagi semua orang dan pihak yang diberikan keistimewaan itu dan untuk menegakkan kekuasaan ekonominya yang pada akhirnya boleh menjejaskan soal mengagihkan kekayaan dan boleh mengancam kepentingan masyarakat.

Kekayaan Alam yang Lain

Kekayaan alam yang lain selain yang telah disebutkan tadi dikenal dalam istilah syara' sebagai *al-Mubahat al-'Amah* ataupun perkara-perkara yang dibenarkan diberi milik kepada individu untuk mengambil manfaatnya dan memeliharanya, iaitu seperti haiwan, burung-burung, ikan dan sebagainya.

Hak milik atas *al-Mubahat al-'Amah* ini dalam pandangan syariah Islamiah adalah lebih berdasarkan tenaga yang dicurahkan oleh setiap individu bagi mengolah dan menggunakannya untuk berbagai jenis pekerjaan.

Sesungguhnya Islam telah mengeluarkan daripada senarai hak milik individu itu beberapa perkara yang wujud dan pengambilan manfaat daripadanya tidak bergantung atau berkaitan dengan usaha dan penat jerih perseorangan. Perkara itu menjadi suatu perkara yang sangat penting kepada semua orang. Dengan demikian Islam mewajibkan supaya hak milik kekayaan alam itu diserahkan kepada masyarakat umum, supaya tidak digunakan secara sewenang-wenangnya oleh individu atau beberapa individu sahaja, yang boleh mengakibatkan kepincangan dalam masyarakat.

Sesungguhnya RasululLah s.a.w. telah menyenaraikan sumber alam yang

tidak boleh diberi milik kepada orang atau suatu golongan tertentu itu seperti berikut:

(a) Air;
(b) Rumput (padang ragut); dan
(c) Api.

Hadis yang bermaksud:

"Abu Daud telah merawikan bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada RasululLah s.a.w. dengan katanya: "Ya RasululLah! Apakah bendanya yang tidak boleh dilarang (diberi milik kepada orang perseorangan ataupun suatu golongan tertentu)". Maka jawab RasululLah s.a.w.: "Air". Lalu orang itu bertanya lagi: "Apakah lagi?" Maka jawab RasululLah s.a.w.: "Rumput". Kemudian orang itu bertanya lagi: "Dan apakah lagi ya RasululLah?" Maka jawab baginda: "Garam".

Api bermaksud bahan bakar yang pengambilan manfaat daripadanya tidak bergantung kepada usaha khusus seperti kayu api, hutan belantara dan beberapa jenis pokok daratan yang belum dimiliki oleh sesiapa pun, dan juga kayu yang dibawa oleh angin di tengah padang pasir dan sebagainya. Manakala apa yang dimaksudkan "rumput" ialah setiap jenis tumbuhan yang tumbuh sendiri di atas tanah yang tidak menjadi milik orang.

Maksud "garam" ialah bahan garam yang lahir dan tumbuh sendiri di bukit-bukit dan juga di tengah-tengah padang pasir dan sebagainya dan boleh diambil tanpa bersusah payah dan berpenat lelah, dan tidak pula dengan suatu operasi khusus.

Pendirian dan sikap seperti itu disokong oleh sebuah hadis dalam *Kitab Sunah* bahawa Abyad bin Jamal telah datang dari negeri Yaman untuk menghadap RasululLah s.a.w. dengan tujuan supaya memberi milik kepadanya garam yang terdapat di beberapa tempat di negerinya (Yaman). Lalu RasululLah s.a.w. pun bersetuju meluluskan permohonannya itu; apabila Abyad bin Jamal kembali daripada tempat pengadapan itu dalam keadaan penuh sukacita dan riang gembira, seorang lelaki yang hadir di situ pun terus memberitahu RasululLah s.a.w.: "Ya RasululLah! Garam itu berada dalam sekeping tanah yang tidak berair", yakni boleh diambil keluar tanpa sebarang kesusahan, dan bukan seperti garam yang dikeluarkan daripada kawasan pantai laut dengan suatu kaedah tertentu. "Dan sesiapa sahaja yang datang ke tempat itu boleh diambilnya garam itu, iaitu seperti air deras yang tidak putus-putusnya". Setelah mendengar penjelasan sedemikian, RasululLah s.a.w. pun bersabda: "Kalau begitulah keadaannya, saya tarik balik kelulusan tadi". Oleh itu ditarik baliklah izin mengambil garam asli itu daripada Abyad bin Jamal.

Al-'Alamah al-Sindi dalam huraian dan ulasannya berkenaan hadis ini melalui *Sunan Ibn Majah* mengenai dasar dan asas yang dipegang oleh RasululLah s.a.w. mengenai permohonan Abyad bin Jamal itu, mengatakan: "Pada mulanya RasululLah s.a.w. bersetuju meluluskan permohonan itu dan memberi hak milik kepadanya dengan kepercayaan bahawa garam itu ialah sejenis

bahan galian yang memerlukan usaha dan susah payah untuk menggali dan mengolahnya, tetapi ternyata kepada RasululLah s.a.w. bahawa keadaan yang sebenarnya tidak sama dengan sangkaannya itu, maka beliau pun membuat keputusan menarik balik kelulusan itu ...". Kemudian al-Alamah al-Sindi menulis lagi: "Keputusan yang diambil oleh RasululLah s.a.w. dalam peristiwa ini membuktikan bahawa sekiranya bahan galian itu begitu terang dan nyata sekali dan dapat diambil manfaatnya tanpa sebarang susah payah dan penat jerih maka bahan galian itu tidak boleh diberi milik kepada orang perseorangan, kerana semua orang adalah sama-sama berhak mengambil manfaatnya seperti juga air dan rumput". Ibn Qudamah pula pernah menyatakan dalam kitabnya yang bernama *al-Mughni* iaitu salah sebuah kitab rujukan terpenting dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal menjelas dan mengulas maksud hadis ini dengan katanya: "Kerana garam itu ada mempunyai hubungan erat dengan beberapa kepentingan kaum Muslimin dan dengan demikian itu tidaklah boleh ia diberi milik kepada individu tertentu ...".

FASAL LIMA: DAYA PENGELUARAN

Perkara 98 - Perkembangan Daya Pengeluaran[102]

Setiap negara Islam sentiasa memberikan perhatian tentang cara menggunakan sumber-sumber pengeluaran untuk meningkatkan pengeluaran yang lebih maksimum. Oleh itu, perkembangan daya pengeluaran sewajarnya mengikut lunas-lunas Islam. Antara panduan-panduan itu ialah program yang telah dilakukan dan diarahkan oleh Amir al-Mukminin 'Ali bin Abi Talib Karamal-Lahu-wajhahu kepada pegawainya Muhammad bin Abu Bakar yang telah diberi kepercayaan menjadi Gabenor Mesir dan telah diperintahkannya supaya terus menjalan dan melaksanakan program itu. Khalifah 'Ali bin Abi Talib telah menulis sepucuk surat perintah kepada Muhammad bin Abu Bakar sambil memberi arahan supaya membaca kandungan surat berkenaan kepada penduduk dan rakyat jelata negeri Mesir, supaya melaksanakan semua kandungan surat itu. Dalam surat yang berkenaan, Khalifah 'Ali telah menyatakan yang bermaksud:

> *"Wahai para hamba Allah! Sesungguhnya orang yang muttaqin (bertaqwa) berhasil mendapatkan kebaikan dunia yang cepat dan juga yang lambat diperolehi, mereka berjaya mendapat hasil kebaikan dunia bersama dengan orang yang mengejar keduniaan, tetapi orang yang mengejar keduniaan itu tidak berhasil ikut bersama mereka dalam kehidupan mereka di akhirat kelak, yang juga telah dapat dicapai oleh orang yang bertaqwa itu dengan cara yang melimpah-ruah dan mencukupi. Allah memberi kebenaran kepada mereka untuk mengambil manfaat dunia ini sekadar yang mencukupi dan menyebabkan mereka kaya dan tidak perlu kepada yang lain lagi".*

---

102 Profesor Muhammad Baqir al-Sadr, *Ekonomi Kita;* Dr. Muhammad Syauqi al-Finjari, *Pengantar Ekonomi Islam,* dan Dr. Muhammad Ahmad Saqar, *Ekonomi Islam.*

Firman Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

سورة الأعرف ٧ : اية ٣٢

Terjemahan: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal daripada rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada Hari Akhirat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui.*

(Surah al-A'rāf 7:32)

"Mereka telah menetap di dunia ini dengan cara hidup yang paling baik, dan mereka makan daripada hasil pengeluaran dunia dengan cara yang paling utama. Mereka juga telah ikut serta dengan para penduduk dunia dalam kehidupan keduniaan mereka dan mereka makan makanan terbaik yang dimakan oleh para penghuni dunia, dan mereka minum minuman terbaik yang diminum oleh para penghuni dunia, juga mereka pakai pakaian yang paling baik yang pernah dipakai oleh para penghuni dunia itu, mereka tinggal di tempat-tempat kediaman terbaik yang pernah didiami oleh para penghuni dunia dan menaiki kenderaan terbaik yang pernah dinaiki dan ditunggangi oleh para penghuni dunia. Mereka merasakan pelbagai nikmat kelazatan dunia bersama-sama dengan para penduduk dunia yang lain, sedangkan pada esok hari mereka menjadi jiran tetangga Allah yang terus-menerus menggantung sepenuh harapan dan pandangan baik kepada Allah, lalu Allah kurniakan kepada mereka apa sahaja yang mereka inginkan, dalam keadaan tiada sekalipun panggilan dan permohonan mereka yang akan ditolak, dan tiada suatu kelazatan pun yang dikurangi daripada mereka. Dengan demikian, seluruh hamba Allah, semua orang berakal sentiasa mengimpikan keadaan dan keselesaan seperti ini, dan terus bekerja untuk memperoleh keadaan seperti itu dengan penuh taqwa kepada Allah, kerana tiada sebarang daya dan kekuatan yang mampu dilakukan kecuali dengan beroleh izin dan perkenan Allah jua ...".

Surat Khalifah 'Ali di atas mengandungi huraian yang jujur sekali berkenaan segala nikmat yang dapat dirasai oleh semua orang yang bertaqwa dalam dunia ini, dan juga suatu harapan dan impian tinggi yang pasti dapat dicapai oleh para *muttaqin* dalam masyarakat mereka di dunia ini.

Pada masa Islam mengemukakan pemikiran yang membawa kemajuan dan perkembangan ini dan pada ketika ia menetapkan perkembangan harta dan pemakaian sumber alam sebagai satu matlamat masyarakat Islam, pada masa yang sama Islam juga telah menumpukan segala dayanya untuk melaksanakan matlamat ini.

Cara melaksanakan matlamat ini terbahagi kepada dua. Pertama, cara yang berbentuk doktrin, dan doktrin mestilah diikuti oleh masyarakat. Kedua, ialah cara-cara pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak negara yang mengamalkan doktrin yang bercorak sosial seperti di atas, dengan cara merumuskan suatu dasar pelaksanaan yang selaras dengan haluan umum doktrin sosial tadi. Sesungguhnya Islam mempunyai pelbagai cara termasuklah cara doktrin sosial dan puncak tamadun yang lengkap dan *syumul*.

Cara Penyelesaian Islam daripada Sudut Pemikiran dan Mental

Daripada sudut pemikiran dan mental, Islam telah memberi galakan dan perangsang kepada umat manusia supaya rajin bekerja dan menghasilkan barangan serta mengembangkan penghasilan serta menambahkan jumlah dan mutunya. Islam telah memperakui pelbagai ukuran dan nilaian yang bercorak moral dan akhlak dan juga pelbagai bentuk penghargaan mengenai taraf pekerjaan dan juga pandangannya mengenai pengangguran, iaitu ukuran dan nilaian yang belum pernah dikenal oleh sejarah umat manusia sebelumnya. Dalam penilaian Islam melakukan sesuatu pekerjaan yang baik itu dipandang sebagai sejenis perbuatan ibadah yang setiap pelakunya itu diberikan ganjaran pahala, dan setiap pekerja yang berusaha mencari rezeki itu lebih mulia pada pandangan Allah daripada seorang *'abid* (ahli ibadah) yang tidak bekerja dan hidupnya menjadi beban dan tanggungan masyarakat umum.

Dalam sebuah hadis, terdapat riwayat yang menyatakan bahawa Imam Ja'afar telah bertanya mengenai perihal hidup seorang lelaki. Beliau diberi jawapan bahawa orang yang berkenaan sedang menghadapi sesuatu keperluan, tetapi dia tidak bekerja memenuhi keperluan itu, malah sedang berada di rumahnya beribadat kepada Tuhannya, manakala perbelanjaan hidupnya ditanggung oleh saudara maranya, maka RasululLah s.a.w. (yang berada di tempat itu) pun bersabda:

الذى يقوته أشد عبادة منه.

Terjemahan: *Orang yang memberi makan dan minum kepadanya itu adalah lebih kuat beribadat daripadanya.*

Dirawikan daripada RasululLah s.a.w. bahawa pada suatu hari beliau telah mengangkat tangan seorang pekerja yang sedang keletihan lalu dikucupnya tangan itu sambil bersabda:

طلب الحلال فريضة على كل مسلم ومسلمة. ومن أكل من كد يده مر على الصراط كالبرق الخاطف. ومن أكل من كد يده نظر الله إليه بالرحمة ثم لا يعذبه أبدا. ومن أكل من كد يده حلالا فتح له أبواب الجنة يدخل من أيها شاء.

Terjemahan: *Mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan ke atas setiap orang Islam lelaki dan perempuan. Dan sesiapa sahaja yang makan daripada hasil penat-lelah usahanya sendiri dia akan melintas secepat kilat menyambar dan sesiapa sahaja yang memakan hasil daripada usahanya sendiri nescaya Allah akan melihatnya dengan pandangan rahmat kemudian tidak akan mengenakan azab ke atasnya selama-lamanya. Dan sesiapa sahaja yang memakan hasil daripada jerih usahanya sendiri secara halal nescaya Allah membukakan kepadanya semua pintu syurga, dan dia boleh masuk daripada mana sahaja dia suka ... .*

Mengikut riwayat sirah (sejarah hidup RasululLah s.a.w.) bahawa RasululLah s.a.w. sering bertanyakan perihal seseorang yang menarik perhatiannya (daripada segi sikap lahirnya yang kelihatan segak dan kacak). Jika diberitahu kepadanya bahawa orang lelaki yang berkenaan tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang dilakukannya sendiri, maka jatuhlah nilai orang yang berkenaan dalam pandangan RasululLah s.a.w., sambil bersabda:

إن المؤمن إذا لم تكن له حرفة يعيش بدينه ...

Tejemahan: *Sesungguhnya seseorang yang beriman itu jika tidak mempunyai sebarang pekerjaan maka ia hidup dengan dikelilingi hutang ... .*

Dalam beberapa hadis yang lain pula, RasululLah s.a.w. telah memandang pekerjaan itu sebagai sebahagian daripada iman. Dirawikan pula bahawa RasululLah s.a.w. pernah bersabda:

إن إصلاح المال من الإيمان.

Terjemahan: *Memperbaiki dan menambahkan harta itu adalah termasuk sebahagian daripada iman.*

Manakala dalam sebuah hadis yang lain pula dirawikan bahawa RasululLah s.a.w. telah bersabda:

ما من مسلم يزرع أو يغرس غرسا فيأكل منه الإنسان أو دابته إلا وكتب له به صدقة...

Terjemahan: *Di mana-mana sahaja setiap orang Islam itu menabur benih atau menanam pokok lalu dimakan hasil kerjanya oleh manusia atau binatang melainkan semuanya itu dicatatkan sebagai suatu sedekah untuk dirinya... .*

Menurut riwayat lain yang bermaksud:

"Dalam suatu khabar (riwayat) daripada Imam Ja'afar bahawa beliau telah bertanya kepada Mu'az iaitu seorang sahabatnya yang tidak mahu terus bekerja lagi dengan katanya: "Wahai Mu'az, anda telah tidak mampu ber-

niaga lagikah ataupun anda bersikap zahid (dengan keuntungan yang anda capai daripada perniagaan yang anda lakukan selama ini)?" Mu'az pun menjawab: "Tidak! Saya bukan tidak mampu dan bukan juga bersikap zahid. Sebabnya adalah kerana saya telah memiliki banyak harta dan saya tiada mempunyai sebarang tanggungan lagi. Saya kira harta yang ada ini pun tidak habis untuk dimakan hingga saya mati. Maka jawab Imam Ja'afar: "Jangan buat begitu wahai sahabatku Mu'az! Jangan tinggalkan perniagaanmu itu, kerana perbuatan seperti itu boleh menghilangkan akal fikiran ...". Dalam suatu dialog lain pula Imam Ja'afar telah menolak permintaan orang yang merayu supaya beliau mendoakan orang berkenaan beroleh rezeki dengan mudah, dengan mengatakan: "Saya tidak mahu mendoakan anda. Berusahalah sendiri mencari rezeki seperti Allah menyuruh anda berbuat demikian ...".

Dirawikan pula darihal suatu kumpulan sahabat RasululLah s.a.w. bahawa mereka telah mengunci diri (tinggal tetap) di rumah masing-masing dan menumpukan perhatian kepada beribadat sahaja ketika turunnya ayat ini:

. . . وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ۝٢ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ . . .

سورة الطلاق ٦٥: اية ٢، ٢

Terjemahan: *... dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada segala perkara yang menyusahkannya) serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas dihatinya ...*
(Surah al-Talāq 65:2 – 3)

Para sahabat itu pun berkata: "Kami sudah cukup (mendapat jaminan Allah)", maka RasululLah s.a.w. pun menghantar seseorang untuk menyampaikan sabdanya kepada mereka: "Sesiapa yang berbuat begitu tidak akan diperkenankan doanya. Oleh sebab itu, hendaklah kamu berusaha mencarinya".

Islam telah menentang keras konsep suka hidup bermalas-malas dan menggalakkan bekerja, seperti itu jugalah Islam menentang sikap tidak mahu mengolah sumber kekayaan alam semula jadi dan membekukan sebahagian wang dan harta, daripada mengeluarkannya untuk dimanfaatkan dan dilaburkan. Di samping itu, ia mendorong pemakaian dan penggunaan sebahagian besar sumber alam dan juga sumber-sumber kekayaannya untuk tujuan pengeluaran dan memberi khidmat kepada umat manusia dalam bidang penggunaan dan pelaburan. Islam memandang konsep membekukan ataupun membiarkan sebahagian sumber-sumber kekayaan alam semula jadi sebagai sejenis perbuatan ingkar dan tidak bersyukur kepada nikmat kurniaan Allah kepada para hamba-Nya.

Firman Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ قُلْ هِىَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ۝٣٢

سورة الأعرف ٧: اية ٣٢

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal daripada rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada Hari Akhirat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui.*

(Surah A'rāf 7:32)

Berkenaan pengharaman sebahagian bahan kekayaan yang bersumber daripada haiwan Allah S.W.T. telah berfirman:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٍ وَلَا سَآئِبَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامٍ وَلَٰكِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَأَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٣﴾

سورة المائدة ٥: اية ١٠٢

Terjemahan: *Allah tidak sekali-kali mensyariatkan bahirah (unta betina yang telah beranak lima kali dan pada kali yang kelima ia melahirkan anak jantan, maka unta yang tersebut dibelah telinganya dan dilepaskan bebas dan tidak boleh diganggu) dan tidak juga saa'ibah (unta betina yang dibiarkan lepas bebas kerana dinazarkan untuk berhala), tidak juga wasilah (kambing betina yang beranak kembar dua anak betina berturut-turut sebanyak enam kali dan pada kali yang ketujuh ia beranak kembar dua: jantan dan betina; maka anak yang betina itu dinamakan "wasilah" lalu dibiarkan tidak diganggu; dan kambing jantan yang seperut dengannya tidak disembelih untuk berhala), juga tidak juga haram (unta jantan yang telah membuntingkan unta betina sebanyak sepuluh kali, ia dibiarkan lepas bebas dan tidak diganggu). Akan tetapi orang kafir itu sentiasa mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah; dan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal fikirannya.*

(Surah al-Mā'idah 5:103)

Untuk memberi perangsang kepada umat manusia supaya melaburkan harta dan wangnya dalam berbagai bidang pelaburan, Allah telah berfirman:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

سورة الملك ٦٧: اية ١٥

Terjemahan: *Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu untuk mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).*

(Surah al-Mulk 67:15)

Islam lebih memberikan pandangan tinggi dan keutamaan kepada *infaq* (membelanjakan harta) yang bercorak produktif lebih daripada *infaq* yang

berbentuk penggunaan, dengan tujuan untuk menambahkan pengeluaran dan menambahkan jumlah kekayaan seperti yang telah tersebut dalam beberapa nas hadis Nabi Muhammad s.a.w. dan juga imam-imam yang melarang menjual tanah dan rumah serta menggunakan sepenuh harta yang diperolehi untuk keperluan penggunaan sahaja.

Perkara 99 - Beberapa Perundangan Islam untuk Mengalakkan Pelaburan dan Pengeluaran

Islam telah membuat perakuan undang-undang dan hukum berkenaan penarikan balik hak milik tanah daripada tangan pemiliknya jika dia membiarkan tanah yang berkenaan tidak diusahakan dan meninggalkannya begitu sahaja tanpa mendatangkan sebarang penghasilan dan enggan memajukan tanah itu. Berdasarkan panduan undang-undang dan hukum itu, pihak pemerintah berhak menguasai dan mengambil sesuatu tindakan tentang tanah yang berkenaan dan memajukannya dengan cara yang betul supaya tidak tinggal terbiar begitu sahaja peranan tanah tersebut secara positif dalam bidang pengeluaran. Tanah itu hendaklah sentiasa dipandang dan diletakkan sebagai suatu faktor yang kuat dan sentiasa memainkan peranan penting dalam memberikan kebahagiaan dan keselesaan hidup umat manusia dan untuk mencapai kebajikan masyarakat dan juga individu.

Perkara 100 - Islam Sentiasa Menghubungkaitkan di Antara Hak Milik dengan Operasi Menyubur dan Menggunakan Tanah untuk Pengeluaran

Islam melarang perbuatan menguasai dan memiliki tanah dengan banyak atau memiliki tanah berkenaan dengan menggunakan kekerasan tanpa menjalankan sesuatu usaha untuk membangun dan melaburkannya. Islam juga telah menghubungkaitkan hak memiliki tanah itu dengan kerja dan operasi membangun tanah berkenaan ke arah mencapai kemajuan yang lebih pesat lagi dan juga memajukan tanah berkenaan untuk kebahagiaan umat manusia.

Perkara 101 - Islam Tidak Membenarkan Pembekuan Sumber-sumber Alam

Islam tidak memberi hak kepada individu-individu yang memulakan operasi dalam meneroka sumber-sumber asli alam untuk membekukan sumber-sumber berkenaan dan menghentikan kerja memajukannya. Islam juga tidak membenarkan mereka terus memiliki dan menjaganya pada ketika mereka berhenti bekerja memajukan tanah itu, kerana kekuasaan mereka yang berterusan dan berpanjangan ke atas tanah yang berkenaan akan mengakibatkan terhalang dan tersekatnya pengeluaran daripada sumber-sumber itu dan tidak dapat dicapai hasil mahsulnya. Oleh sebab itu, Islam telah memerintahkan kepada pihak yang berkuasa supaya menarik balik hak menguasai sumber alam semula

jadi daripada para pemiliknya apabila mereka berhenti berusaha untuk memajukannya, dan tidak memberi kemudahan kepada mereka untuk mendapatkan hak menguasainya apabila mereka tidak berhajat lagi untuk menyambung pekerjaan memajukan sumber alam itu.

Islam juga tidak membenarkan pihak pemerintah memberi milik dan kuasa menguasai sesuatu sumber alam kepada setiap individu melainkan mengikut kadar kemampuannya untuk memaju, meneroka serta mengerjakannya. Memberi hak milik dan kuasa tentang sesuatu sumber alam yang melebihi kemampuan seseorang akan merosakkan kekayaan alam dan juga daya pengeluarannya.

Perkara 102 - Pengharaman Memperoleh Pendapatan Tanpa Bekerja

Islam telah mengharamkan mengambil faedah dan manfaat tanpa sebarang usaha dan kerja, iaitu dengan cara seseorang itu menyewa sekeping tanah dan menyewakannya pula kepada seorang lain dengan kadar sewa yang lebih tinggi. Tujuannya ialah untuk mendapat keuntungan daripada bayaran yang berlebihan daripada kadar sewa asal. Pengharaman ini termasuk juga semua bentuk pemberian pinjaman dan lain-lain yang sama tarafnya dengan perbuatan yang disebutkan itu.

Perkara 103 - Islam Mengharamkan Pinjaman dengan Faedah yang Berbentuk Riba

Islam mengharamkan pinjaman dengan faedah-faedah yang berbentuk riba. Dengan pengharaman itu terjaminlah bahawa modal itu beredar dan berlegar dalam masyarakat Islam menjadi modal yang produktif dan mengambil bahagian dan berperanan dalam pelbagai projek industri dan pertanian, terutama sekali projek-projek revolusi hijau dan juga rancangan-rancangan keselamatan, kediaman, pemakanan dan juga perindustrian berat.

Memang tidak asing lagi bagi kita cara-cara urusan bank-bank yang bercorak riba menjalankan operasi dan kegiatannya yang bercorak kewangan yang akhirnya boleh mengakibatkan berbagai bentuk krisis.

Dalam sistem kapitalis orang ramai selalu menyimpan wang lebihan mereka dalam bank-bank dengan mendapat bayaran faedah yang sangat rendah yang telah ditetapkan oleh pihak bank terhadap wang simpanan mereka itu. Sedangkan pihak bank pula memberi pinjaman kepada para pelanggan dan orang yang berurusan dengannya dengan dikenakan kadar faedah yang tinggi. Pihak bank mendapat keuntungan daripada hasil perbezaan di antara jumlah yang diterima daripada penyimpan dengan jumlah yang diberi pinjaman. Dalam hal ini bank sentiasa memandang wang simpanan para penyimpan itu sebagai wang cagaran yang dapat digunakan untuk memberi pinjaman kepada para peminjam dengan dikenakan faedah yang tinggi. Setiap kali pihak peminjam membayar balik pinjamannya maka wang itu dimasukkan ke dalam neraca

yang berkenaan dan terus sahaja digunakan untuk memberi pinjaman dan beroleh bayaran balik daripadanya. Dari sinilah datangnya keuntungan yang besar dan berlipat ganda jumlahnya untuk bank-bank dalam sistem kapitalis, dalam keadaan terus aman dan terjamin daripada sebarang ancaman dan dapat bersenang hati atas bayaran balik wang yang dipinjamkan itu dengan disertai faedahnya sekali sedangkan bank-bank itu selamat sejahtera daripada sebarang bahaya kerugian.

Pada pendapat saya, tugas dan fungsi bank seperti ini merupakan punca utama pengharaman riba itu, kerana di samping pengharaman yang berlandaskan hukum syara' seperti ini, telah terbukti pula di kalangan ahli ekonomi bahawa tugas dan fungsi seperti ini seringkali membawa bencana besar kepada ekonomi negara. Hal ini adalah kerana dengan menggunakan wang-wang simpanan dalam bentuk seperti itu, bank-bank berkenaan pada hakikatnya mencipta "wang-wang tiruan" yang mereka namakan sebagai "jaminan perniagaan". Ini bererti, bank-bank berkenaan merampas kuasa negara yang sah di sisi undang-undang dalam mencipta dan mengeluarkan wang, dan dengan sendirinya bank-bank berkenaan mengambil tugas dan tanggungjawab yang biasanya dilakukan oleh negara.

Kami bukanlah bersendirian sahaja dalam pendapat ini, malah ramai sekali ahli ekonomi di Barat telah sepakat menyatakan bahawa "jaminan" ataupun "amanah" (*trust*) perniagaan sama ada dalam bentuk pinjaman untuk kegunaan ataupun pengeluaran, kebiasaannya, boleh menjejaskan sistem ekonomi dan menjadi suatu punca ketidakstabilan dan selanjutnya boleh mengakibatkan berbagai bentuk krisis yang berpanjangan yang memang menjadi resam sistem ekonomi kapitalis. Hal ini adalah kerana urusan *muamalat* dalam sistem kapitalis itu tidak lagi dilakukan di atas dasar cagaran emas dan perak ataupun dengan wang tunai. Adapun kebanyakan urusan dan *muamalat* itu dilakukan dengan cek-cek yang berdasarkan simpanan dalam bank. Simpanan-simpanan ini yang kebanyakannya berbentuk sijil-sijil kewangan bank dipandang setaraf dengan wang ciptaan bikinan yang dikuasai oleh bank-bank dan secara lumrahnya pula bank-bank berkenaan selalu sahaja bersikap suka mengeluarkannya dengan mudah pada waktu senang dan mewah (dalam keadaan ekonomi sedang berkembang) dan selalu bersikap kedekut dan keras pada zaman ekonomi meleset.

Berdasarkan keterangan di atas dan juga kejadian semasa, nyatalah bahawa bank-bank itu dengan peranan yang dimainkannya dalam mengurus amanah bank itu telah mengambil peranan lembaga kewangan dengan berdasarkan kepada simpanan yang ada padanya. Pada kepercayaannya, simpanan itu akan terus mencurah masuk dan selalunya memberi manfaat kepada masyarakat daripada segi mendapat kemudahan perdagangan dan perniagaan. Tetapi pada masa yang sama, ia boleh membawa bencana besar kepada masyarakat, khususnya bencana yang berasal daripada dua sumber:

(a) Keadaannya yang tidak memerlukan sebarang sokongan daripada sesuatu pihak (secara di luar saluran undang-undang) kerana ia

sentiasa terjamin mendapat faedah-faedah yang sudah ditetapkan daripada bayaran para peminjam, dan sikapnya tidak melibatkan diri, malah menjauhkan diri dalam projek-projek mereka (para peminjam) yang penuh spekulasi itu.

(b) Kecenderungannya yang berterusan pada zaman mudah dan senang (ekonomi sedang stabil) untuk membuka kesempatan yang luas dalam bidang memberi pinjaman, iaitu dengan cara membuka peluang bagi mendapatkan jaminan pinjaman yang berlipat ganda melebihi jumlah simpanannya. Selain itu, ia juga cenderung mengetatkan syarat pinjaman itu pada masa ekonomi meleset atau ia akan berhenti sama sekali daripada memberikan pinjaman kerana bimbang akan memikul kerugian. Di samping berusaha untuk mendapatkan balik pinjaman itu, dan memaksa para peminjam untuk membayar dan menjelaskan hutang pinjaman mereka. Sikap mudah memberi pinjaman pada waktu mewah serta sikap kedekut pada masa meleset yang selalu menjadi amalan pihak bank yang berorientasikan riba merupakan suatu faktor paling penting yang menjejaskan keadaan ekonomi dan menyebabkan krisis yang berlarutan.

Dengan demikian, bank-bank dalam masyarakat kapitalis, melalui skim pembiayaannya kepada beberapa projek melalui neraca dan jumlah simpanan, sering sekali membawa manfaat dan juga pada masa yang sama akan mengakibatkan bencana.

Sistem Islam sangat memberi tumpuan kepada masalah mengelakkan bahaya dan menarik seberapa banyak faedah dan manfaat serta meneruskannya. Oleh sebab itulah, sistem Islam membolehkan urusan saling bersyarikat atau berkongsi ataupun berkongsi modal (*mudarabah*), iaitu sistem yang disebut sebagai *The Islamic Alternatives*.

Perkara 104 - Perundangan-perundangan Islam yang Menyeru ke Arah Perkembangan Pengeluaran

Asas perundangan Islam ialah *maslahat* dan kepentingan, dan melaksanakan kepentingan itu adalah berbeza mengikut keadaan masa dan tempat. Perundangan Islam sentiasa memberikan keutamaan kepada kepentingan-kepentingan dan perancangan-perancangan, yang dalam sesebuah masyarakat Islam tidak dibenarkan pihak yang berkuasa membina istana-istana dan membelanjakan wang untuk barang-barang mewah sedangkan keperluan umum dan rancangan-rancangan asas terbiar dan terbengkalai. Perbuatan seperti itu adalah termasuk perkara yang dipandang buruk oleh al-Qur'an, firman Allah:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ فَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ ﴿٤٥﴾

سورة الحج ٢٢ : اية ٤٥

Terjemahan: *Maka bukan sedikit negeri yang Kami binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya, lalu runtuh-ranaplah bangunan-bangunannya; dan bukan sedikit pula telaga yang telah terbiar, dan istana yang tersergam (telah kosong, ditinggalkan).*

(Surah al-Hajj 22:45)

Perkara 105 - Adakah Islam Menyeru ke Arah Melaksanakan Perseimbangan dan Penyelarasan di Antara Kepentingan Individu dengan Kepentingan Masyarakat?

Sesungguhnya, perancangan Islam itu sentiasa tegak di atas asas perseimbangan dan penyelarasan dengan bersendikan keadilan di antara kepentingan individu dengan kepentingan masyarakat. Sebarang penyelesaian bercorak ekonomi bagi sesuatu masalah diambil berdasarkan kepada rumusan yang boleh melaksanakan perseimbangan dan penyelarasan di antara kedua jenis kepentingan itu, iaitu kepentingan khusus dan kepentingan umum. Terdapat kekeliruan dan kesilapan besar untuk cuba mengait dan menggabungkan sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi kapitalis ataupun sosialis ataupun untuk membuat konsep dan tanggapan bahawa politik ekonomi Islam itu secara umumnya tidak lain daripada beberapa campuran dan gabungan di antara sistem kapitalis dengan sosialis, yang mana sistem Islam mengambil suatu sudut tertentu sahaja daripada kedua-dua sistem itu.

Sebenarnya sistem ekonomi Islam itu adalah suatu sistem khusus yang mempunyai bentuk dan identiti tersendiri dan juga mempunyai politik ekonomi yang unik dan berbeza daripada sebarang sistem ekonomi tradisional. Dengan demikian tiada sebarang pemisahan dan perbezaan di antara sistem ekonomi politik Islam itu dengan masalah keagamaan yang lain, kerana ia saling memberi dan menerima serta juga saling bantu-membantu dan berasal daripada satu sumber sahaja, iaitu sumber iman kepada Allah S.W.T.

Perkara 106 - Adakah Islam Mengorbankan Kepentingan Individu Demi Mencapai Kepentingan Umum Masyarakat?

Memang tidak dapat dihindarkan lagi bahawa dalam keadaan tertentu, pengagihan kekayaan tidak dapat berjalan lancar apabila setiap individu dalam sesebuah masyarakat itu tidak mampu mencapai kadar sara hidup. Pada masa itu, hak milik perseorangan tidak mendapat tempat dan tidak dipandang hormat lagi dan beberapa kepentingan individu perlu dikorbankan untuk mencapai kepentingan umum. Tujuannya adalah untuk menjamin cukupnya kadar pendapatan secukup hidup dengan anggapan bahawa hak Allah itu mengatasi semua hak yang lain. Dalam keadaan seperti itu, seringkali terdapat bahawa fikiran dan konsep ekonomi Islam itu merupakan suatu konsep sosialisme yang paling melampau seperti pendapat dan pendirian Abu Zar al-Ghafari, seorang sahabat ulung RasululLah s.a.w. dan juga Imam Ibn Hazmin. Dia mencanangkan bahawa setiap individu itu tidak boleh memiliki sesuatu lebih daripada keperluannya tetapi ini tidaklah bermakna bahawa Islam berse-

tuju dengan sistem dan pemikiran yang keterlaluan itu kecuali dalam keadaan yang luar biasa dan tidak perlu dilakukan dalam keadaan sedang merebaknya kesengsaraan rakyat, kelaparan dan mala petaka seperti perang dan bencana besar.

Ini bererti bahawa dalam suasana yang luar biasa dan darurat, sistem ekonomi Islam mempunyai suatu cara penyelesaian yang istimewa dan tidak terikat kepada kepentingan individu semata-mata seperti yang terdapat dalam aliran ekonomi pasaran bebas dan semua sistem pecahannya. Ia juga tidak hanya mementingkan kepentingan masyarakat sahaja seperti doktrin ekonomi sosialisme dan juga semua sistem yang menjadi cawangan-cawangannya, kerana asas dan dasar penyelesaian sistem ekonomi Islam itu ialah wujudnya keseragaman dan penyelarasan serta perseimbangan di antara kepentingan individu dengan kepentingan masyarakat, iaitu suatu hal yang disebut sebagai politik pertengahan dengan berpandukan kepada firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٤٣

Terjemahan: *Dan demikianlah (seperti Kami telah memimpin kamu kejalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang terpilih lagi adil.*

(Surah al-Baqarah 2:143)

Sikap pertengahan dan sederhana ini bererti ketertiban, keadilan dan perseimbangan, yang merupakan tanda pengenalan yang unik bagi agama Islam.

Perkara 107 - Adakah Zakat Sudah Memadai untuk Menggantikan Cukai?[103]

Infaq atau memberi sumbangan itu lebih luas ruang lingkupnya daripada zakat yang hanya berlaku mengikut suatu nisbah kadar tertentu sahaja daripada harta kepunyaan seseorang pemilik itu. *Infaq* mencakupi semua jenis pemberian dan sumbangan yang dikeluarkan daripada saku dan hak setiap pemilik itu pada jalan agama Allah iaitu untuk urusan kebajikan umum. Telah dirawikan daripada RasululLah s.a.w. bahawa beliau telah bersabda:

إن فى المال حقاسوى الزكاة...

Terjemahan: *Dalam harta yang dimiliki itu masih ada lagi hak (orang lain) yang lain daripada hak zakat ... .*

---

103 Almarhum Dr. Muhammad Abdullah al-'Arabi, Nota ceramah dan kuliah mengenai pelbagai sistem Islam; dan Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Beberapa Kajian Tentang Cukai-cukai dalam Islam dan Zaman Moden.*

Kemudian RasululLah s.a.w. pun membawa firman Allah S.W.T.:

لَّيْسَ الْبِرَّ أَن تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا ۖ وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

سورة البقرة ٢ : اية ١٧٧

Terjemahan: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan Hari Akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedangkan ia menyayanginya kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba abdi; dan seseorang yang akan mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan pada masa kesakitan, dan juga pada masa bertempur dalam perjuangan Perang Sabil. (Orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar-benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah orang yang bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah 2:177)

Pemisahan yang terdapat dalam ayat suci di atas, di antara *infaq* dan zakat dengan sembahyang, juga menjadi bukti dan dalil tentang wujudnya perbezaan di antara *infaq* dengan zakat. Nas yang terang telah menyebutkan perkataan *infaq* dan zakat itu secara berasingan dalam suatu ayat yang menjadi bukti bahawa setiap perkataan itu memang mempunyai pengertian yang berbeza daripada perkataan lain dan kedua-duanya merupakan dua kewajipan yang berlainan.

Dengan demikian maka *infaq* itu pada asalnya merupakan suatu kewajipan yang terpaksa dilakukan, tetapi diberi kebebasan untuk memilih jurusan atau lapangan yang hendak diberikannya, dengan pengertian bahawa menentukan jumlah dan sumbangan yang hendak dikeluarkannya daripada hartanya itu terserah kepada pilihannya sendiri dan juga kepada tuntunan hati nuraninya.

Infaq itu sendiri merupakan suatu kewajipan yang tidak boleh dielakkan lagi oleh setiap individu yang mampu, kerana di dalam al-Qur'an, Allah sering mengangkat darjat dan taraf *infaq* itu ke suatu peringkat yang paling tinggi dan mulia di antara kewajipan-kewajipan lain. Islam mewajibkan *infaq* untuk menjamin kesejahteraan masyarakat Islam. Firman Allah yang ditujukan kepada anggota masyarakat Islam:

وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٩٥

Terjemahan: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil).*

(Surah al-Baqarah 2:195)

Di sini Allah meletakkan taraf yang sama di antara *infaq* (berderma kerana menegakkan agama Allah) dengan selamatnya masyarakat kaum Muslimin daripada segala kerosakan dan kehancuran. Allah juga meletakkan sikap kedekut dan enggan menunaikan kewajipan ini setaraf dengan perbuatan membunuh diri. Dalam beberapa ayat yang lain pula Allah memberikan taraf yang sama di antara *infaq* pada jalan agama Allah dengan kewajipan mengorbankan jiwa raga kerana membela agama Allah, bahkan sering sekali Allah menyebutkan perkataan *infaq* itu sebelum daripada mengorbankan jiwa.

Firman Allah:

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

سورة الصف ٦١ : اية ١١

Terjemahan: *Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*

(Surah al-Saff 61:11)

Dan firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾

سورة الحجراة ٤٩ : اية ١٥

Terjemahan: *Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang yang benar (pengakuan imannya).*

(Surah al-Hujurât 49:15)

Firman Allah:

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ اللَّهِ . . .

سورة التوبة ٩ : اية ٢٠

Terjemahan: *(Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberi minum orang haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang yang berjaya.*

(Surah al-Taubah 9:20)

Dengan demikian maka kewajipan ber*infaq* pada jalan Allah itu adalah terikat dengan penetapan jumlah sumbangan *infaq* itu daripada harta setiap orang Muslim. Penetapan jumlah itu terserahlah kepada kerelaan dan budi bicara setiap orang Muslim, berlainan dengan zakat yang telah pun ditetapkan oleh Islam tentang berapakah jumlah, nisab dan juga pihak yang berhak menerimanya.

Namun demikian pilihan dan budi bicara setiap orang Muslim itu bukanlah mutlak dan bebas dalam semua keadaan; kerana Islam telah pun mengenakan kewajipan ber*infaq* pada jalan Allah untuk kepentingan masyarakat Islam. Pihak berkuasa dan pemerintah merupakan pihak yang mewakili masyarakat untuk bertindak bagi pihak mereka dalam melaksanakan arahan yang bercorak akhlak dan kesusilaan, melalui kuasa pemerintahan yang telah diserahkan oleh masyarakat kepada mereka. Oleh yang demikian apabila sahaja umat manusia cuai dan mengabaikan pelaksanaan kewajipan melakukan *infaq* ini, ataupun mereka lakukannya dengan kadar dan jumlah yang tidak mencukupi dan tidak seimbang dengan keperluan masyarakat, maka pihak berkuasa berhak menetapkan jumlah *infaq* yang perlu diambil daripada harta setiap orang Islam mengikut kadar kemampuan mereka membayar cukai dan dengan berdasarkan keperluan-keperluan dan keadaan masyarakat. Pihak berkuasa berhak membuat peraturan dan ketetapan mengenai kutipan beberapa jenis cukai tambahan ataupun meninggikan lagi jumlah cukai ke atas hasil dan pendapatan yang tidak diusahakan berbanding dengan jumlah cukai paling tinggi yang diambil dan yang dikenakan ke atas pendapatan yang diusahakan.

Perkara 108 - Perbuatan Menipu Dilarang dalam *Muamalat*

Islam sentiasa memerintahkan setiap orang yang mempunyai harta supaya tidak menggunakan hartanya untuk membahayakan orang lain ataupun masyarakat umum. Dalam perlembagaan Islam masalah ini adalah seperti yang telah diperakui oleh RasululLah s.a.w.:

لا ضرر ولاضرار فى الإسلام.

Terjemahan: *Tiada bahaya (untuk diri sendiri) dan tiada juga membahayakan (orang lain) dalam Islam.*

Antara perbuatan-perbuatan yang seringkali dilakukan oleh orang yang mempunyai harta dan wang yang boleh membahayakan masyarakat ialah perbuatan curang (tipu), monopoli dan riba.

Perbuatan Curang atau Menipu

Dalam kaitan dengan perbuatan curang dan menipu ini, sistem ekonomi barat sangat memandang keji dan melarangnya kerana akibatnya yang buruk dalam melaksanakan kemajuan dan kemakmuran ekonomi yang berdasarkan kepada saling percaya mempercayai di antara semua pihak yang berurusan dalam *muamalat*. Hal ini disokong pula oleh sistem perundangan barat yang menetapkan bahawa wujudnya perbuatan curang dan menipu pada masa menghadapi mahkamah pengadilan boleh menyebabkan terbatal dan tidak sahnya perjanjian di antara pihak-pihak yang membuat persetujuan dan perjanjian. Walau bagaimanapun sebahagian besar *muamalat* harian masih belum diwujudkan melalui perjanjian yang bertulis yang boleh dibincang dan dibicarakan dalam mahkamah pengadilan. Malah sebahagian besarnya masih berlaku melalui persetujuan mulut (lisan) ataupun dengan penyerahan daripada tangan ke tangan (tanpa resit dan tanda penerimaan yang sah). Daripada keadaan seperti inilah pihak pemilik harta dan wang mendapat kesempatan dan peluang yang cukup luas untuk menambah keuntungan melalui jalan penipuan dan perbuatan curang. Kalau dia seorang pengeluar sesuatu barangan, penipuan dilakukan dengan secara sulit iaitu melalui kandungan bahan-bahan berkenaan. Jika dia menjadi pihak pengedar barangan pula, dia akan menghiaskan barangan itu dalam kempen dan percakapannya kepada orang ramai dengan cakap-cakap bohong dan kadang-kadang pula dengan melakukan penipuan menerusi iklan. Jika dia seorang majikan maka dia akan menipu para pekerjanya dengan cara curang daripada membayar gaji dan upah yang setimpal dengan kerja mereka dengan cara menurunkan kadar gaji pekerja. Jika dia seorang pembeli barangan yang dihasilkan oleh orang lain, dia akan menurunkan mutu barangan hasil keluaran orang lain itu, demikianlah seterusnya.

Dalam melakukan *muamalat* harian seperti ini negara dan juga pihak pengadilan tidak mampu dan tidak berupaya mengesan dan juga tidak berupaya mencegahnya kecuali dengan wujudnya dorongan pengaruh agama dan kesedaran setiap orang Islam atas perhatian Allah kepada setiap tindakan dan tingkah lakunya, tetapi sistem ekonomi barat tidak mengiktiraf peranan kesedaran beragama itu dalam mengarah dan menentukan aktiviti ekonomi dan juga dalam mengatur perhubungan sesama umat manusia. Pada zaman lampau orang Islam telah berhasil menaja dan melaksanakan sistem pemeriksaan (mengejut) untuk membanteras perbuatan curang dan penipuan dalam semua bentuk dan rupanya, baik yang lahir mahupun yang tersembunyi. Dalam sistem ini pemeriksa yang berkenaan sentiasa meronda dan berkeliling di pasar-pasar dan melawat kilang-kilang dan gedung-gedung perniagaan dan terus menyelesaikan perbuatan curang dan penipuan itu dengan mengambil tindakan dan juga memberi amaran keras pada waktu itu juga (secara serta merta). Memang kita mempunyai warisan yang agung dan penting dalam bidang ini dan elok benar jika diberikan fokus dan perhatian kepada warisan ini pada zaman kita ini.

FASAL ENAM: MONOPOLI

Perkara 109 - Pengharaman Monopoli

Islam melarang keras dan mengharamkan perbuatan monopoli, dan Islam juga mewajibkan pihak yang berkuasa campur tangan dalam membanteras perbuatan monopoli dan mencegah kegiatan pihak-pihak yang melakukan monopoli itu.

Pengharaman ke atas perbuatan monopoli itu adalah untuk mengelakkan rakyat jelata daripada menjadi mangsa pihak-pihak yang melakukan monopoli daripada berleluasa menahan pengedaran bahan makanan dan bahan-bahan keperluan hidup lainnya. Ia juga bertujuan untuk menyekat mereka daripada menguasai pasaran dan pengedaran bahan-bahan keperluan daripada para pengeluarnya dan para pengedarnya dengan tujuan menentukan harga barangan berkenaan mengikut sesuka hati mereka. Dengan demikian kita dapati perbuatan seperti ini berlaku dalam apa juga urusan dan itulah perbuatan monopoli yang dilarang oleh Islam.

Perbuatan monopoli cara moden yang berlaku dalam negara-negara kapitalis pada zaman ini memang mempunyai motif seperti di atas, yang dilakukan dalam pelbagai bentuk dan meliputi ruangan yang sangat luas, serta menggunakan bentuk sejagat dan antarabangsa. Dengan demikian, pengharaman dan larangan Islam ke atas perbuatan monopoli itu berlaku dalam semua bentuk dan keadaan. Perbuatan monopoli moden itu didorong dan dibantu oleh beberapa keadaan dan bentuk iaitu:

Pertama, berbagai kaedah dan cara perindustrian moden yang berdasarkan teknologi rekaan dan ciptaan baru.

Kedua, perkongsian dan pakatan persefahaman yang berlaku di antara tokoh-tokoh perindustrian moden dengan lembaga-lembaga dan badan-badan kewangan yang berorientasikan riba.

Namun sebelum kita mendedahkan beberapa bentuk dan keadaan itu perlulah terlebih dahulu kita membongkarkan dan mendedahkan dasar psikologi ataupun boleh juga dikatakan dasar aqidah dan kepercayaan bagi aliran yang bercorak monopoli ini.

Dasar utamanya ialah kebebasan yang diberikan oleh sistem ekonomi barat kepada pemilik-pemilik harta dan pemilik wang untuk memiliki semua harta dan wang itu tanpa batas dan sekatannya. Dengan demikian mereka diberi sepenuh kebebasan oleh sistem ekonomi barat tanpa sebarang sekatan dan halangan untuk memiliki dan juga membolot sebanyak mungkin keuntungan para pengguna hasil pengeluaran mereka.

Ini menyebabkan aliran yang bercorak monopoli itu pun berhasil mencapai matlamatnya melalui keadaan yang menyelubungi perindustrian moden dan juga dengan penyertaan sokongan beberapa buah bank yang memberikan kredit dan pinjaman yang berorientasikan riba kepada tokoh-tokoh perindustrian ditambah pula dengan pakatan sesama mereka untuk mengagihkan keuntungan yang berdasarkan monopoli itu. Sebelum ini kita telah mene-

rangkan bahawa revolusi perindustrian moden yang disertai oleh pelbagai hasil rekaan dan ciptaan baru dalam bidang sains dan teknologi telah mengakibatkan mudah dan banyaknya jumlah pengeluaran dan terhapusnya perusahaan tangan dengan alat-alatnya yang serba sederhana yang dimiliki oleh para pengusaha perusahaan yang sangat terbatas. Maka perindustrian moden itu terbatas dalam penguasaan beberapa orang kaya yang mempunyai harta yang dengan kekayaan itu mereka mampu memiliki pelbagai peralatan moden dan dapat pula mengatasi kekurangan modal mereka daripada wang pinjaman bercorak riba yang diberikan oleh pihak bank ataupun dengan cara bank-bank berkenaan membeli sejumlah saham syarikat-syarikat perindustrian yang berkenaan.

Memang suatu perkara yang diharap dan dinantikan bahawa mudah serta banyaknya jumlah pengeluaran melalui perindustrian moden pasti akan mengakibatkan murahnya harga barangan yang dihasilkan itu. Jika para pemilik harta merasa cukup dengan beroleh keuntungan yang sederhana dan berpatutan sahaja, ataupun jika pihak negara campur tangan supaya para pemilik harta merasa cukup menerima keuntungan yang sederhana. Dengan demikian, tentu sekali tidak akan berleluasa perbuatan monopoli moden dan para pengguna pula pasti akan dapat menikmati hasil daripada berbagai penemuan dan rekaan sains dan teknologi itu. Tetapi para pemilik harta dan modal itu selalunya bersikap tamak dan terus ingin mengaut sebanyak mungkin keuntungan dengan mengeksploitasi keperluan rakyat jelata yang malang itu daripada hasil pengeluaran mereka (pemilik harta itu). Namun demikian masih wujud satu batu penghalang yang menyekat para pemilik harta itu daripada mencapai keinginan mereka, iaitu lahirnya sikap persaingan dan perebutan di antara sesama mereka, yang mengakibatkan timbulnya persaingan sengit. Mereka tidak bermaksud sama sekali untuk memperbaiki kualiti pengeluaran atau menurunkan harganya untuk faedah para pengguna, tetapi persaingan itu berlaku dalam bentuk saling cuba menyingkirkan setiap orang yang menjadi saingan daripada beroleh pasaran yang baik. Caranya ialah salah seorang pengeluar barangan itu akan menurunkan harga barangannya walaupun terpaksa menanggung kerugian buat sementara waktu supaya pasaran menjadi kucar-kacir dan barangan keluaran pihak lawannya menjadi rosak dan tidak laris di pasaran, ataupun barangan pihak lawan itu terhenti sama sekali daripada pengeluaran kerana dipulaukan oleh para pengguna ataupun oleh sebab yang lain. Apabila dia dapat menguasai pasaran dengan sepenuhnya, dia pun mulalah menaikkan semula harga barangan keluarannya dengan sesuka hati. Keadaan seperti ini kadang-kadang boleh memberi kesempatan kepada pihak-pihak lawannya untuk memasuki gelanggang persaingan sekali lagi, dan persaingan seperti itu biasanya berlaku berulang kali. Demikianlah persaingan dan perebutan serta saling singkir menyingkir itu terus berlaku yang kemenangan dan kehancuran saling bertukar ganti di antara sesama mereka. Jadi mengapakah mereka tidak berhenti daripada bertelagah dan bersaing sesama mereka? Mengapakah mereka tidak berpakat menentukan harga barang-barang pengeluaran mereka dan juga khidmat mereka dengan cara yang

dapat menjamin keuntungan besar kepada mereka semua? Mengapa pula mereka tidak sanggup bekerjasama dalam suatu barisan yang padu menentang musuh mereka, iaitu rakyat jelata yang menjadi pengguna barangan dan perkhidmatan mereka?

Sesungguhnya, kekayaan dan hak milik mereka yang mutlak dan tidak terbatas terhadap alat-alat pengeluaran, dan juga harta serta wang yang mereka gunakan untuk mengurus dan membiayai pengeluaran yang mereka miliki, di samping tidak ada kesedaran dan dorongan keagamaan, telah menyebabkan mereka melakukan pakatan jahat yang penuh dengan dosa dan noda dalam bentuk dan keadaan yang dianalisis di bawah.

Beberapa Gambaran dan Bentuk Monopoli Moden

Pada keseluruhannya keadaan itu berlaku dalam dua bentuk. Setiap bentuk itu mempunyai pelbagai gambaran dan rupa iaitu bercorak monopoli yang dikuasai dan dikendalikan oleh sebuah badan sahaja. Bentuk yang lain pula dikendalikan oleh sebuah badan yang mempunyai pelbagai unit, yang setiap unit itu berdiri sendiri dalam keadaan bebas tetapi bertemu dan bersatu atas prinsip yang sama.

Monopoli yang berbentuk suatu badan sahaja maka ia berlaku mengikut salah satu daripada pelbagai cara berikut:

Bentuk amanah (*trust*) ataupun *Holding Company* iaitu syarikat induk ataupun dalam bentuk *merger* atau *amalgamation* (Gabungan atau Penggabungan). Monopoli yang dikendalikan oleh sebuah badan yang mempunyai pelbagai unit yang berdiri sendiri pula berlaku mengikut salah satu daripada bentuk berikut:

(a) Bentuk Perjanjian Harga (*Price Agreement*);
(b) Bentuk Pimpinan Harga (*Price Leadership*);
(c) Bentuk *Pool* ; dan
(d) Bentuk Kartel

Monopoli Melalui Sebuah Badan

1. Amanah[104]

Syarikat Amanah (*trust*) yang disatukan itu mengikut istilah ekonomi ialah berkumpulnya pelbagai rancangan dan projek dalam salah satu cawangan pengeluaran yang diletakkan di bawah satu pengurusan dengan tujuan mempunyai pengaruh dan kuasa dalam pasaran. Kadang-kadang perkataan ini mengandungi pengertian yang lebih luas lagi iaitu nama ini juga digunakan ke

104 Marshall, *Industry and Trade* , hlm. 217 dan Dr. Muhammad Abdullah al-'Arabi, Nota-nota kuliah mengenai sistem Islam.

atas setiap projek perindustrian atau perdagangan yang mempunyai pengaruh dan kekuatan besar yang menyebabkan projek berkenaan mempunyai kuasa dan pengaruh yang menonjol dalam bidang pengeluaran yang diterokainya, sama ada kekuatan dan pengaruh itu didapatinya dengan kemajuan dan perkembangannya secara bersendirian ataupun dengan cara digabungkan pelbagai projek menjadi satu.

Perkataan amanah itu dalam bahasa Arab bererti *kepercayaan* dan *amanah*, tetapi amanah yang dimaksudkan mengikut kaedah menamakan sesuatu itu dengan cara yang bertentangan dengannya. Dr. Muhammad Abdullah al-'Arabi menyatakan bahawa bentuk ini tergabung daripada suatu lambang dan badan yang disebut Lembaga Amanah. Lembaga ini bukanlah bertugas mengumpul barangan yang hendak dimonopolikan itu daripada pasaran (ataupun mengumpulkan bahan-bahan pengeluarannya) tetapi lembaga itu bertugas membeli saham-saham syarikat pengeluar barang-barang ataupun semua faktor pengeluarannya, iaitu bahan yang membolehkannya menguasai sepenuhnya operasi dan dasar syarikat yang berkenaan.

Dosa besar dalam mencipta bentuk monopoli seperti ini adalah ditanggung oleh Syarikat Petroleum "*Standard Oil Company*" yang bersikap begitu tamak untuk menguasai pasaran petroleum di Amerika Syarikat dan bertindak membeli sebahagian besar saham beberapa syarikat petroleum lain dalam tahun 1879 yang membolehkannya menguasai pengeluaran petroleum dan menentukan harganya kepada seluruh rakyat Amerika Syarikat. Ia beroleh faedah dan manfaat bersama-sama dengan beberapa buah syarikat yang dikuasainya bagi menentukan harga sedemikian rupa, walaupun perbuatan itu boleh membawa bencana kepada rakyat jelata Amerika. Kemudian cara ini telah menjadi ikutan dan amalan dalam beberapa bidang ekonomi di kebanyakan negara kapitalis Barat dan lain-lainnya.

Setelah masalah ini menjadi suatu masalah yang menggemparkan rakyat Amerika, Kongres Amerika pun terpaksa meluluskan suatu undang-undang mengenai masalah ini dalam tahun 1890 yang dikenal sebagai Akta Sherman (*Sherman Anti-Trust Act*).

Langkah seperti ini juga diikuti oleh dewan-dewan perundangan di peringkat negeri, yang telah melulus dan menguatkuasakan akta-akta seperti itu. Pihak badan kehakiman juga telah mengambil langkah melaksanakan akta-akta ini, dan Mahkamah Tinggi di negeri Ohio telah membuat keputusan membubarkan organisasi Syarikat Standard Oil. Tetapi adakah syarikat yang berkenaan rela menerima begitu sahaja keputusan mahkamah itu? Ia telah membubarkan dirinya sebagai sebuah badan amanah (*trust*) dan membentuk sebuah badan dan organisasi lain untuk menjalankan kegiatan monopoli itu dengan menggunakan nama syarikat induk (*holding company*).

2. *Syarikat Induk (Holding Company)*

Syarikat induk atau *holding company* itu berbeza daripada *trust* kerana ia berbentuk sebuah badan dan lembaga baru yang terpisah dan berdiri sendiri,

sebagai ganti lembaga pemegang amanah yang berlaku dalam *trust* tadi, yang dinamakan sebagai syarikat induk.

Badan dan lembaga baru ini juga membeli beberapa bahagian saham syarikat ahli, yang dengan sendirinya juga membolehkannya menguasai syarikat-syarikat ahli itu. Pada peringkat permulaan, iaitu pada ketika sistem *trust* masih belum dilarang pihak pengadilan (kehakiman) telah memandang tertubuhnya syarikat induk ini sebagai suatu tindakan di luar daripada undang-undang dan dilarang beroperasi (kecuali sesudah dikeluarkan satu undang-undang khusus yang membenarkan penubuhan syarikat-syarikat induk itu).

Tetapi badan perundangan (Dewan Undangan) salah sebuah negeri bahagian Amerika (iaitu negeri bahagian New Jersey) telah meluluskan satu rang undang-undang dalam tahun 1889 iaitu suatu rang undang-undang yang memberi kebenaran mendirikan syarikat induk dengan tujuan untuk mendapatkan cukai ke atas syarikat-syarikat itu. Dengan demikian syarikat-syarikat yang dahulunya berbentuk *trust* yang diharamkan oleh undang-undang 1890, telah bertumpu menjalankan operasinya di negeri bahagian New Jersey dan mendaftarkan diri sebagai syarikat-syarikat induk, iaitu dengan mengguna nama barunya. Kemudian beberapa buah dewan undangan di negeri-negeri bahagian tertentu pula telah mengikuti jejak yang dilakukan oleh negeri New Jersey dengan meluluskan undang-undang yang sama seperti yang diluluskan oleh negeri New Jersey itu. Syarikat-syarikat induk (*holding companies*) itu terus dipandang halal mengikut undang-undang tahun 1900 hingga tahun 1904 ketika mahkamah agung perlembagaan mengeluarkan keputusan yang memandang wujudnya syarikat-syarikat induk sebagai suatu amalan yang dilarang dan tidak mengikut lunas undang-undang. Kemudian Parlimen Persekutuan iaitu *Congress America* telah meluluskan satu rang undang-undang yang melarang dan mengharamkan operasi dan penubuhan syarikat-syarikat induk dalam tahun 1914 kerana wujudnya syarikat-syarikat itu boleh mengakibatkan penguasaan ke atas beberapa buah syarikat yang menyainginya dan seterusnya mengakibatkan berlakunya amalan monopoli. Tetapi pengharaman ini dibiarkan begitu sahaja tanpa dilaksana dan dikuatkuasakan. Oleh sebab itu, syarikat-syarikat induk masih wujud dan tegak hingga sekarang.

Penggabungan (Amalgamation - Merger)

Syarikat-syarikat induk walaupun dilarang oleh undang-undang masih terus wujud dan beroperasi, walaupun rakyat terus menggugat dan menanggung derita akibat daripada pemerasan dan penindasannya, maka beberapa buah kerajaan negeri berpura-pura melahirkan keburukan syarikat-syarikat itu.

Di samping itu tokoh-tokoh monopoli telah berhasil mendapatkan suatu rumusan baru tentang amalan tersebut, iaitu rumusan yang berbentuk penggabungan dan terus memberikan perhatian mereka bagi melakukan rumusan itu, sebagai contohnya dalam tahun 1922 penggabungan syarikat-syarikat itu bertambah jumlahnya daripada 67 menjadi 221 dan aliran ini terus dilakukan

hingga sekarang. Penggabungan ialah bersatu atau bercantumnya antara dua buah syarikat atau lebih ataupun salah sebuah syarikat itu membeli saham semua syarikat lain, yang pada hakikatnya tidak wujud lagi dalam kenyataannya kecuali sebuah syarikat sahaja, iaitu syarikat yang membeli dan menguasai saham-saham itu. Ataupun wujudnya sebuah syarikat baru yang membeli saham syarikat-syarikat itu kemudiannya membubarkan semua syarikat itu dan tinggal syarikat baru itu sebagai satu-satunya syarikat yang beroperasi.

Dalam kedua-dua keadaan di atas hasilnya satu sahaja, iaitu berdiri dan tegaknya sebuah syarikat raksasa, dan tidaklah perlu lagi syarikat raksasa ini melakukan monopoli sepenuhnya ke atas barangan, tetapi dengan bentuk raksasanya itu, ia berhasil mendapat tenaga monopoli yang cukup besar dan kuat, dan sebahagian besar syarikat-syarikat raksasa Amerika pada zaman ini adalah hasil daripada penggabungan dan percantuman seperti ini.

Perbuatan Monopoli Melalui Pelbagai Lembaga dan Badan

Dalam bentuk pertama tadi monopoli tidak dapat berjalan dengan lancar melalui sebuah lembaga atau badan sahaja dalam semua cawangan pengeluaran iaitu suatu hal yang jarang sekali berlaku kecuali dalam industri-industri kecil sahaja. Monopoli menumpukan perhatian ke arah mengamalkan bentuk dan corak kedua, yang dilakukan dalam beberapa bentuk seperti berikut:

1. Persetujuan Tentang Harga

Dalam keadaan ini, monopolis mengadakan persetujuan dan pakatan di antara sesama mereka berkenaan penetapan harga ataupun menentukan jumlah dan kadar pengeluaran. Persetujuan dan pakatan itu kadang-kadang dilakukan secara lisan sahaja dan kadang-kadang pula secara bertulis. Dengan berbuat demikian, mereka berhasil mencapai matlamat yang mereka sama-sama inginkan iaitu untuk memperoleh keuntungan sebesar mungkin walaupun mereka adalah para pengeluar yang berlainan. Di sinilah berlakunya monopoli tulin, walaupun tidak dipusatkan melalui sebuah badan atau lembaga sahaja.

Di Amerika Syarikat sendiri pihak Jawatankuasa Dewan Perdagangan Persekutuan telah mendedahkan tentang wujudnya beberapa pakatan dalam bentuk ini yang meliputi lebih daripada dua puluh barangan, dan Kementerian Kehakiman sendiri telah gagal mengambil tindakan ke atas pakatan-pakatan seperti ini yang dilakukan terhadap pemberian subsidi pihak kerajaan. Di antara contoh-contoh yang disebutkan oleh jawatankuasa yang berkenaan ialah Jabatan Pembangunan Tanah. Ketika mengumumkan kekurangan suatu bahan atau barangan tertentu, jabatan itu telah memberikan bantuan kepada sejumlah tujuh belas bentuk subsidi dan empat belas daripadanya dikenakan harga yang sama (oleh beberapa buah syarikat pembekal) sepenuhnya. Jabatan Pembinaan, tempat simpanan air beberapa buah syarikat pula telah mengemukakan surat tawaran tender untuk menjalankan pembinaan takungan air itu sebanyak dua belas surat tawaran, yang sebelas daripada surat tawaran itu

mengandungi jumlah harga yang sama sahaja. Kementerian Pengurusan Maritime telah membuka empat puluh tender yang diiklannya, tiba-tiba seluruh tender itu adalah dengan kadar harga yang sama. Demikian juga Jabatan Penasihat Pengguna telah menemui lebih daripada dua ratus kes yang merangkumi seratus lima puluh jenis barangan yang dikeluarkan oleh lima puluh buah kilang yang disenaraikan harga yang bersamaan yang telah disepakati terlebih dahulu oleh pihak pengeluar.

Keadaan seperti ini berlaku dalam kilang-kilang dan perusahaan yang dikendalikan oleh sebahagian besar pihak pengeluar, yang tidak mampu memusatkan bentuk monopolinya dalam suatu cara sahaja. Dari sinilah persetujuan atau pakatan tentang harga boleh menyebabkan tercapainya matlamat monopoli yang sama-sama diinginkan oleh pihak berkenaan, iaitu mengaut keuntungan sebesar mungkin daripada para pengguna.

2. *Kepimpinan Harga*

Dalam perusahaan yang dijalankan oleh bilangan pengeluar yang terbatas jumlahnya, wujud peranan kepimpinan harga, iaitu kepimpinan menentukan harga oleh perusahaan yang paling besar. Dengan demikian, pihak pengeluar yang paling besar dan kuat itulah yang menentukan kadar harga, tanpa sebarang pakatan terlebih dahulu dengan pihak pengusaha kecil yang lain. Sekiranya para pengusaha kecil melakukan sesuatu yang bertentangan dengan pengusaha besar dan menurunkan harga yang telah ditentukan bagi sesuatu hasil pengeluaran mereka yang sama, maka pihak pengusaha besar boleh sahaja menurunkan harganya dengan lebih rendah untuk sementara waktu, tanpa mengambil kira belanja atau kos pengeluaran mereka. Dengan demikian, para pengusaha kecil terpaksa menanggung rugi dan tidak berupaya menentang kekuatan pihak pengusaha besar.

3. *Pool*

Pool bermakna tasik kecil ataupun kolam tempat air berkumpul. Pengertian dan maknanya daripada segi istilah ekonomi pula ialah mengumpulkan kemungkinan dan kemampuan yang dimiliki oleh suatu kumpulan pengeluar yang setaraf kegiatan pengeluaran mereka, dan membuat statistik tentang kemungkinan dan kemampuan mereka. Kemudian mereka berpakat supaya tidak saling bersaingan di antara sesama mereka dan menentukan kadar harga mengikut cara-cara yang boleh memberi keuntungan maksimum melalui rangkaian monopoli daripada barangan-barangan hasil keluaran mereka, iaitu dengan cara sama-sama menetapkan kuota atau jumlah yang boleh dilakukan oleh setiap anggota itu dalam bidang pengeluaran, yang setiap orang tidak boleh melangkau had kuota yang telah ditetapkan itu. Ataupun dengan cara mereka mempersetujui suatu bentuk pembahagian dan pengagihan bahan mentah yang diperlukan oleh perusahaan mereka masing-masing di samping menentukan bahagian yang akan diperolehi oleh setiap anggota pakatan itu. Kaedah

lain adalah dengan cara saling berpakat untuk mengagihkan pasaran bagi hasil pengeluaran mereka, dengan cara membuat ketetapan bahawa setiap anggota mempunyai kawasan dan daerah pemasaran masing-masing dan tidak melakukan kegiatannya dalam kawasan dan daerah yang lain.

4. *Kartel*[105]

Perkataan kartel sering dikenal sebagai sindiket pengeluaran, iaitu suatu pakatan di antara para pengeluar dalam suatu cawangan pengeluaran berkenaan beberapa masalah dengan tujuan menghindarkan diri mereka daripada berlakunya persaingan yang membahayakan di samping memelihara kebebasan mereka dalam urusan-urusan yang tidak termasuk dalam pakatan itu.

Kartel dari Segi Makna yang Sempit

Kartel mempunyai makna yang sangat sempit dan telah diberikan gambaran oleh sebahagian ahli undang-undang sebagai sebuah persatuan para pengeluar yang bekerjasama dalam menjual hasil pengeluar masing-masing dan menentukan harga barang-barang penghasilan yang berkenaan sahaja iaitu suatu bentuk kerjasama untuk melakukan angkara dan permusuhan, bukan untuk melakukan kebajikan dan taqwa kepada Allah. Dengan demikian persatuan itu membeli semua hasil pengeluaran para anggotanya sesudah ditentukan jumlah atau kuota pengeluaran setiap anggotanya, kemudian mengambil tindakan menjual barang-barang tersebut dengan harga yang telah dipersetujui bersama, kemudian diagihkan keuntungannya kepada setiap anggotanya mengikut bahagian pengeluaran masing-masing.

Makna yang Lebih Luas bagi Perkataan Kartel

Makna yang lebih luas bagi perkataan kartel ini diberikan kepada setiap rupa dan keadaan monopoli, terutama sekali yang menjangkau sempadan negara yang berkenaan dan beroperasi di peringkat antarabangsa, maka ia disebut sebagai kartel antarabangsa (*international cartel*) yang merupakan satu bentuk monopoli moden yang paling buruk dan jahat kerana akibatnya menjangkau semua bangsa di dunia ini. Ketegasan seperti ini bukanlah suatu hal yang melampau kerana sejarah telah mencatatkan dan merakamkan di sepanjang 200 tahun yang akhir ini bahawa kartel-kartel inilah yang merupakan tenaga pendorong utama bagi penjajahan dan penaklukan negara-negara asing.

Kartel-kartel Antarabangsa (International Cartels)

Dalam kebanyakan keadaan kita dapati bahawa kartel-kartel tempatan mempunyai ikatan dan pertalian yang sangat rapat dengan beberapa rangkaian

105 Rujuk buku *Les Syndicats Industriel de Producteurs-Rousiers*, juga buku Liefmann yang berjudul *Cartels et Trust*, dan karya Aftaion dalam *Majalah Ekonomi Antarabangsa* tahun 1908 dan 1911.

kartel yang beroperasi dalam beberapa buah negara kapitalis yang lain, yang kemudiannya bergabung dan bercantum secara menyeluruh maka dengan itu wujudlah "Kartel-kartel Antarabangsa". Sebagai contohnya di Amerika Syarikat sebanyak 40 buah kartel tempatan telah bertukar bentuknya menjadi kartel-kartel antarabangsa. Sebelum Perang Dunia Pertama jumlahnya bertambah menjadi 114 buah. Kemudian peperangan tercetus dan bahana peperangan itu, berlakulah keretakan hubungan antara negara-negara yang mempunyai cawangan-cawangan kartel antarabangsa itu, seperti Amerika dengan Jerman yang mengakibatkan berpecahnya persatuan-persatuan itu. Tetapi selepas peperangan tamat kartel-kartel itu telah bercantum semula dan menyambung aktiviti lamanya, malah jumlahnya bertambah banyak lagi. Para pakar ekonomi di Amerika sendiri mengakui bahawa mereka tidak mampu menghitung berapa banyakkah jumlahnya. Di samping itu pula ahli ekonomi berkenaan menegaskan bahawa sebahagiannya telah menimbulkan kebencian rakyat Amerika kepada kartel-kartel antarabangsa itu dan juga beberapa buah cawangannya di Amerika, kerana dasar yang digunakan telah membawa bahaya dan bencana besar kepada usaha pihak berkuasa Amerika dalam Peperangan Dunia Kedua.

Di sini bolehlah kita bertanya dan mengemukakan kemusykilan tentang apakah pendorong yang sebenar bagi perkembangan yang begitu buruk bagi kartel-kartel antarabangsa itu? Mengapakah pihak kerajaan dan pemegang kekuasaan dalam negara-negara kapitalis tidak mengambil tindakan yang berkesan bagi menghapuskan kartel-kartel itu dan menyelamatkan rakyat jelata daripada menjadi mangsa?

Jawapannya ialah pendorong utamanya ialah sikap tamak orang kaya dan juga sikap rakus mereka untuk mengaut keuntungan yang berlebihan daripada para pengguna. Itulah juga pendorong yang menggerakkan kartel-kartel tempatan dan juga kartel-kartel antarabangsa. Namun demikian kartel-kartel antarabangsa itu ditambah lagi dengan sokongan beberapa faktor lain untuk meluaskan perkembangannya, seperti perkembangan dan kemajuan teknologi yang disertai dengan perindustrian moden, diikuti pula dengan bertambahnya kemajuan dalam tenaga komunikasi moden yang telah dapat menakluki dan menembusi sempadan-sempadan geografi di antara negara-negara, dan telah berhasil pula mempertautkan yang jauh dengan yang dekat melalui pertalian ekonomi yang begitu rapat sekali. Dengan demikian sebaik sahaja kartel-kartel tempatan berhadapan dengan kartel-kartel antarabangsa yang begitu kuat dalam bidang perdagangan luar, mereka mendapati adalah lebih baik dan lebih menguntungkan sekiranya mereka tidak turut terlibat dalam pertarungan yang bercorak persaingan itu, yang akan berkesudahan dengan kerugian besar di pihaknya, terutama sekali dalam keadaan-keadaan iaitu pihak monopoli antarabangsa itu mendapat sokongan daripada pihak kerajaan yang sedang berkuasa di negara-negara yang berkenaan. Keadaan seperti ini berlaku khususnya di negara Jerman. Sebaliknya, telah terbukti pula bahawa kerajaan dan pemerintah di beberapa buah negara Eropah tidak cukup setakat memberi galakan kepada pertumbuhan badan-badan monopoli

itu, malah telah memerintahkan supaya badan-badan seumpama itu ditubuhkan, seperti yang berlaku dalam kerajaan Nazi Jerman dan Fasis Itali, juga seperti yang berlaku secara terbatasnya di England dan Perancis untuk membantu beberapa buah syarikat perusahaan dan menyelamatkannya daripada bahaya persaingan dengan beberapa buah kartel asing.

Cara yang menjadi kaedah perjalanan kartel-kartel antarabangsa itu adalah seperti kaedah yang dilakukan oleh kartel-kartel di peringkat kebangsaan ataupun tempatan. Iaitu bekerja untuk memerangi dan menghapuskan setiap pihak yang menyainginya yang berbentuk kegiatan pengeluaran secara bersendirian (yang tidak bergabung dan bercantum dalam kartel-kartel itu). Dengan demikian, dalam beberapa ketika ia berusaha menyekat pihak pengeluar bersendirian itu daripada mencapai bekalan bahan mentah yang mencukupi dan diperlukan bagi operasi pengeluarannya ataupun melakukan sekatan penghasilan dengan cara melarang dan menyekat para pengedar daripada mengedar barang-barang pengeluaran pihak persendirian itu. Kadang-kadang ia memberi arahan kepada cawangan-cawangannya supaya tidak membekalkan ataupun menyekatnya daripada menggunakan sebarang hasil rekaan atau ciptaan baru ataupun mendapatkan sebarang maklumat hasil ciptaan sains dan teknologi semasa. Pada ketika tertentu pula, mereka melancarkan perang harga-harga tempatan yang tidak mampu diikuti dan diatasi oleh pihak pengeluar bebas (bersendirian). Kemudian kartel antarabangsa pula melakukan pembahagian dan pengagihan kawasan pasaran dunia bagi setiap anggotanya yang berbentuk kartel-kartel kebangsaan mengikut cara yang sesuai dan selaras dengan kedudukan setiap kartel tempatan itu. Setiap anggota itu mempunyai kawasan pasarannya sendiri dan tidak boleh menceroboh ke dalam kawasan pasaran kartel yang lain. Pembahagian dan pengagihan kawasan pasaran ini dilakukan mengikut arahan beberapa buah kartel tempatan Amerika, kerana dengan demikian ia boleh mengambil pengaruh mengikut jumlah yang perlu baginya dengan kawasan pasarannya yang begitu besar dan luas serta menjamin ketinggian harga yang berterusan di bawah naungan kawalan cukai yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Amerika.

Sesungguhnya, kenaikan harga itu adalah suatu hasil daripada kegiatan kartel-kartel antarabangsa yang telah sampai ke suatu taraf yang begitu buruk sekali.

Seorang tokoh ekonomi Amerika telah membuat perbandingan dengan mengemukakan beberapa contoh, yang kita petik satu sahaja contohnya iaitu: sejenis barangan yang bernama *tungstin carbide* yang merupakan satu bahan yang diperlukan untuk membuat alat-alat memotong besi telah dijual dengan harga AS$50 setiap kati dalam tahun 1927; tetapi syarikat Amerika yang mengeluarkan barangan itu, iaitu "Syarikat General Electric" yang bergabung dengan sebuah syarikat Jerman yang bernama "Syarikat Frederik Krop" telah bergabung dalam sebuah kartel yang bercorak monopoli menyebabkan harga setiap kati barangan itu naik menjadi AS$453. Pada beberapa ketika tertentu, kegiatan yang dilakukan oleh kartel-kartel antarabangsa inilah yang menjadi sumber bahaya dan ancaman kepada keselamatan beberapa buah negara yang

menjadi anggotanya. Sebagai contoh, menjelang Perang Dunia Kedua, iaitu sebelumnya, ternyata bahawa beberapa buah kartel Jerman yang bergabung dengan kartel-kartel antarabangsa itu bukanlah merupakan badan-badan yang bebas daripada pengaruh kerajaan Jerman, malah merupakan suatu bahagian penting yang ikut serta menjalankan peranan politik kerajaan Nazi. Oleh yang demikian, kartel-kartel Jerman itu telah memainkan peranan yang aktif untuk menghalang dan melumpuhkan kegiatan beberapa pihak anggotanya yang berbangsa Amerika tanpa mendapat sebarang halangan dan bangkangan daripada pihak yang berkenaan sendiri. Oleh yang demikian, kartel-kartel itu telah berjaya mendapatkan beberapa maklumat rahsia yang diperolehi oleh cawangan-cawangannya di Amerika melalui jalan memeteraikan perjanjian untuk mengimport beberapa alat kelengkapan perang. Contoh tentang perkara ini amat banyak sekali dan begitu terang yang tidak muat ruangan ini untuk dibongkar dan didedahkan semua sekali. Hinggakan beberapa kalangan penyelidik dan pengkaji Amerika pernah mengatakan: "Bahawa kartel-kartel antarabangsa itu tidak percaya kepada hak-hak negara dan tanah air mereka walaupun sekadar yang sama dengan kepentingan-kepentingan kewangan mereka, manakala dalam kegiatan atau aktiviti perdagangan, sebahagiannya menjadikan kesetiaan mereka kepada negara dan tanah air sendiri lebih rendah daripada taraf kesetiaan mereka kepada kepentingan anggota-anggota kartel, walaupun anggota-anggota itu terdiri daripada rakyat negara-negara musuh".[106] Akhir sekali, tibalah pula keburukan yang paling besar daripada kartel-kartel antarabangsa ini, iaitu pelbagai usaha telah dilakukannya dengan segala kemampuan yang ada untuk menyekat dan menghalang operasi industrialisasi di negara-negara jajahan ataupun di kalangan negara-negara yang sedang membangun, supaya negara-negara berkenaan tidak akan menyainginya dalam pengeluaran perindustrian juga supaya kartel-kartel antarabangsa itu dapat terus menguasai bahan-bahan mentah yang dihasilkan oleh negara-negara berkenaan dengan harga yang paling rendah. Oleh sebab itu, kartel-kartel itu sengaja berusaha untuk memperluaskan keadaan miskin dan juga meneruskan kehidupan yang susah dan melarat di kebanyakan negara di dunia ini. Dalam hal ini, cukup kiranya kita memetik perakuan yang telah dikemukakan oleh Edger Dallas yang menjadi naib presiden Amerika Syarikat dalam jangka masa yang pendek: "Pada hakikatnya hubungan kita dalam bidang ekonomi dengan semua negara di dunia ini sentiasa tunduk kepada hukum dan keputusan suatu golongan kecil yang menjalankan pengagihan sumber-sumber dan pasaran dunia yang mereka kuasai ke atas pengeluaran dan harga, juga pengedaran dan pembahagian, malah ke atas seluruh kehidupan dalam perindustrian dunia. Kumpulan kecil ini mempunyai kerajaan mereka sendiri di peringkat antarabangsa dengan duta-dutanya yang wujud di merata jabatan asing di kebanyakan negara besar dunia. Kerajaan khusus inilah yang menciptakan sistem tarif kastam yang sesuai dengan

106 Dipetik daripada buku Prof. Gese dalam sebuah perakuan yang dikemukakan oleh Corwin Edwards kepada Jawatankuasa Dewan Pertuanan *(Senate)* tentang mobilisasi peperangan, hlm. 32 – 33.

seleranya, dan dia juga yang menentukan pemberian izin ke atas barangan yang akan dihasil, dijual ataupun dibelinya ...".[107]

Kalau kita hendak memberikan sifat secara terperinci tentang monopoli yang begitu meluas pada zaman ini di seluruh dunia, tentu sekali huraian dan perbincangan kita akan jadi lebih panjang. Oleh yang demikian, cukup kiranya di peringkat akhir huraian ini kita akan menegaskan bahawa setiap badan atau lembaga monopoli dalam mana-mana juga negara kapitalis pasti mempunyai banyak cawangannya dalam negara-negara kapitalis yang lain, yang kemudiannya pasti akan bergabung dan bercantum dalam suatu barisan dan blok raksasa yang menguasai pembuatan sesuatu barangan tertentu. Mereka juga menguasai sesuatu yang diperlukan oleh perusahaan itu dalam bentuk bahan-bahan mentah yang wujud di segenap pelosok dunia, terutama sekali di negara-negara jajahan negara kapitalis itu, ataupun dalam meneruskan peringkat penjajahan tradisional dalam bentuk penguasaan simbolik dan menyembunyikan kekuasaan mutlak oleh badan-badan monopoli antarabangsa yang berbentuk kartel-kartel itu. Sesungguhnya, badan-badan monopoli itu telah pun menguasai pemasaran dan pengedaran bahan-bahan mentah di kebanyakan negara di dunia ini, juga barangan yang menggunakan bahan mentah itu. Oleh yang demikian, ciri yang paling menonjol sekali dalam dunia ekonomi moden ialah pakatan sulit dan komplot tokoh-tokoh pemilik wang dalam semua negara penjajah ataupun mempunyai kecenderungan ke arah penjajahan untuk mendirikan badan-badan monopoli sehingga menjadikan penjajahan dan perbuatan monopoli sebagai rakan setia yang tidak boleh dipisahkan lagi.

Monopoli Menurut Pandangan Sistem Ekonomi Islam[108]

Kita telah membincangkan dengan panjang lebar tentang tajuk monopoli mengikut pandangan sistem ekonomi tradisional.

Kita juga telah menyebut dan menegaskan bahawa dari segi bahasanya perkataan monopoli itu bermakna mengumpul atau menahan barangan daripada beredar di pasaran dengan tujuan untuk bertindak sesuka hati dalam pengedaran barangan sedemikian. Kita telah menyebutkan juga bahawa monopoli dalam sistem ekonomi bikinan manusia itu bermakna menguasai penawaran ataupun permintaan sesuatu barangan dengan tujuan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Manakala monopoli menurut pandangan sistem ekonomi Islam pula bermakna mengumpul ataupun menahan sesuatu barangan yang diperlukan oleh orang ramai, supaya dapat dijual dengan harga yang tinggi, berdasarkan sabda junjungan s.a.w.:

من احتكر حكرة يريد أن يغلى بها على المسلمين فهو خاطئ.

---

107 *Ibid.*

108 Profesor Muhammad Syauqi al-Finjari, *Pengantar Ekonomi Islam;* Dr. Muhammad Abdullah al-'Arabi, Nota-nota kuliah mengenai sistem Islam; dan Dr. Muhammad Ahmad Saqar, *Ekonomi Islam.*

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang melakukan monopoli (ihktikar) yang bertujuan untuk menjual dengan harga yang mahal kepada kaum Muslimin, maka orang yang berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan.*

Daripada hadis di atas dapatlah difaham bahawa pengertian atau makna monopoli itu satu sahaja dalam sistem ekonomi bikinan manusia dan juga sistem ekonomi Islam, yang telah diberikan pentafsiran oleh Imam Abu Hanifah dengan perkataannya yang bermaksud:

"Setiap barangan yang disimpan (daripada pengedaran) yang boleh menyusah dan membahayakan orang ramai maka perbuatan itu adalah sejenis ihtikar (monopoli) ... ".

Hukum dan Syarat-syarat Monopoli

Ihtikar atau monopoli itu diharamkan oleh Islam (ataupun pada hukum syara') yang memerlukan campur tangan pihak negara bagi memaksa orang yang melakukan monopoli itu supaya menjual barangan dalam simpanan mereka dengan harga yang serupa dengan harga pasaran biasa. Namun para *fuqaha* telah meletakkan beberapa syarat tertentu dengan merujuk kepada kitab-kitab fiqh dan memberikan kesimpulan bahawa syarat-syarat berkenaan ialah:

Pertama, bahawa perbuatan monopoli itu dilakukan pada masa kesempitan, yang menyebabkan orang ramai merasa susah kerana perbuatan itu. Oleh itu, sebab utama haramnya perbuatan monopoli itu bukanlah kerana perbuatan itu sendiri, tetapi menyalahgunakan keadaan sempit dan susah yang sedang dihadapi oleh orang ramai dan menaikkan harga seperti yang disebutkan dalam hadis dengan sabda RasululLah s.a.w.:

يريد الغلاء .

Terjemahan: *Bertujuan hendak menaikkan harga.*

Kedua, bahawa barangan yang dimonopoli itu hendaklah melebihi kadar yang mencukupi untuk kegunaannya dan juga untuk orang dalam tanggungannya bagi tempoh satu tahun, kerana setiap orang itu dibolehkan menyimpan keperluan makanan dan pakaian dan bahan keperluan asas untuk dirinya sendiri dan juga orang dalam tanggungannya untuk tempoh satu tahun.

Ketiga, sebahagian ulama seperti Imam Abu Hanifah mensyaratkan bahawa barangan yang dimonopoli itu hendaklah barangan yang dibeli ataupun dikeluarkan dalam kawasan negeri atau wilayah yang berkenaan, tempat berlaku keadaan sempit dan susah itu, dengan anggapan bahawa pendapatan dan penghasilan itu juga suatu perkara yang sangat dituntut dan digalakkan, dan sekiranya orang yang mengumpul atau menghasilkan barangan itu telah diupah atau digaji untuk membeli dengan suatu kadar harga yang tertentu sebelum berlakunya kekurangan barangan dan orang ramai tidak berusaha mencari dan menghasilkan barangan itu. Namun dalam keadaan seperti itu

tidaklah boleh dibiarkan orang yang mengumpulkan atau menghasilkan barangan menjual barangan tersebut dengan harga yang tinggi dan mengambil kesempatan daripada keadaan sempit dan susah yang sedang dihadapi oleh orang ramai, sebab kalau dibiarkan keadaan seperti itu nescaya berlakulah pula suatu bentuk baru monopoli berdasarkan kaedah yang bermaksud:

> *"Sesuatu barangan yang disimpan daripada dijual yang boleh menyebabkan kesusahan orang ramai maka perbuatan menyimpan itu adalah sejenis perbuatan monopoli".*

Oleh yang demikian, kesimpulan daripada huraian di atas ialah mengumpul sesuatu barangan daripada pasaran ataupun sikap bersendirian yang diambil oleh seseorang pengeluar atau penjual dalam menawarkan barangan itu, adalah suatu perkara yang dibenarkan ataupun *jaiz* hukumnya daripada segi syara'. Dengan syarat perbuatan itu tidak membawa bahaya atau bencana kepada orang ramai ataupun tidak menjadi punca dan sebab naiknya harga barangan melebihi kadar biasa ataupun dapat mengaut keuntungan yang istimewa dan luar biasa. Oleh yang demikian, masalah pokoknya bukanlah monopoli itu sendiri tetapi menyalahgunakan keperluan orang ramai. Oleh itu, ia memerlukan campur tangan dari pihak yang berkuasa bagi mengatasi dan menyelesaikannya.

Sering juga dijadikan bukti tentang monopoli dan sejauh mana perhatiannya dalam bidang pengeluaran, iaitu dengan dilihat daripada sudut jumlah badan-badan atau yayasan pengeluaran. Oleh yang demikian, kalau sebuah badan sahaja yang mengeluar dan memasarkan barangan secara bersendirian, maka bentuk pemasaran seperti itu dinamakan sebagai "Pasar Monopoli Tulin". Jika badan yang bertindak sedemikian berkurangan jumlahnya, maka monopoli sedemikian dinamakan sebagai "Monopoli Sebahagian".

Masalah ini adalah suatu masalah yang selalunya berkaitan dengan jumlah dan kadar harga barangan, dan yang penting dalam masalah ini ialah melaksanakan dasar atau polisi yang berkaitan dengan harga. Dalam keadaan-keadaan tertentu pula, adalah lebih baik bagi sesebuah masyarakat menyerahkan sahaja masalah pengeluaran kepada sebuah badan tertentu, iaitu apabila keadaan pasaran tidak memerlukan wujudnya banyak badan seperti itu. Ataupun keadaan perkembangan teknologi memang memerlukan tugas mengendalikan perkara itu kepada badan-badan dan yayasan pengeluaran yang besar, ataupun keadaan barangan itu sendiri memerlukan supaya ia terus-menerus boleh didapati dengan mudah, seperti tenaga elektrik. Dalam keadaan ini, pasaran sendiri tidak sanggup menerima sebarang kegoncangan dan putusnya bekalan barangan akibat berlaku persaingan.

Dalam keadaan seperti ini juga tiada halangan untuk mendirikan hanya sebuah badan dan yayasan sahaja ataupun sejumlah kecil yayasan seperti itu dalam bidang pengeluaran dengan syarat pihak kerajaan hendaklah sentiasa menentu dan menetapkan suatu kadar harga yang adil dan munasabah sesuai dengan kemampuan para pengguna dan juga para pelabur. Manakala yang diharamkan oleh syara' ialah melaksanakan pelbagai cara dan kaedah monopoli yang terkenal iaitu melalui kaedah menutup pasaran, ataupun bertindak

sebelah pihak dalam bidang pengeluaran dengan cara melarang dan menyekat badan-badan lain daripada menggunakan bahan mentah atau menyekat mereka daripada menjalankan sistem pemasaran yang agak longgar dengan tujuan menghancurkan badan-badan yang menyainginya.

Dalam keadaan seperti inilah, pihak negara wajib campur tangan untuk memberikan panduan dan memperbetulkan operasi pengeluaran dan mencegah tindakan yang menyeleweng dalam bidang harga ataupun dalam bidang pengeluaran serta mencegah berlakunya pelbagai bentuk perbuatan monopoli yang kejam itu.

FASAL TUJUH: PEMBANGUNAN EKONOMI

Perkara 110 - Bolehkah Dilaksanakan Integrasi Ekonomi bagi Umat Islam?

Memang tiada sebarang garis yang dapat memisahkan seluruh negara Islam dan juga tiada sebarang sempadan geografi, ekonomi ataupun politik di antara semua negara Islam, bahkan pada peringkat permulaan dahulu negara Islam merupakan satu umat yang padu dan kukuh yang dilindungi oleh bayang al-Qur'an. Dalam jangka masa yang sangat lama fiqh Islam tidak mengiktiraf pemberian *bai'ah* kecuali hanya kepada seorang imam yang melindungi kaum Muslimin seluruhnya dan mencakupi perhatian dan pengawasannya kepada mereka semua.

Pada zaman ini, dunia Islam telah berpecah kepada beberapa buah negara yang masing-masingnya mempunyai sempadan geografi, politik dan dasar ekonomi sendiri, juga perwakilan luarnya serta angkatan tentera masing-masing yang mengawal dan mempertahankan kawasan dan kedaulatan masing-masing.

Wajiblah ke atas setiap negara Islam yang menerima seluruh fahaman dan syariat Islam yang suci untuk mengambil berat tentang betapa penting dan perlunya melaksana dan menghayati integrasi ekonomi bagi seluruh umat Islam. Integrasi ekonomi itu mempunyai pelbagai sudut yang sebahagiannya begitu menonjol daripada sudut ekonomi. Integrasi itu juga dapat membantu dan memberikan sumbangan yang sangat besar ke arah menyelesaikan masalah pemasaran yang dianggap sebagai suatu ikatan atau halangan besar untuk membawa masuk industri-industri berat, seperti juga ia dapat membantu ke arah menyerapkan teknologi moden. Ini kerana memang terdapat banyak halangan teknikal dan ekonomi untuk membawa masuk teknologi moden itu ke sebuah negeri yang kecil, iaitu seperti pengeluaran kapal terbang, kapal-kapal besar dan juga kapal angkasa serta alat-alat kelengkapan tentera yang terus berkembang maju dengan pesat dalam pelbagai bentuk dan jenis.

Integrasi seperti itu dapat memberi sumbangan ke arah mengatasi kekurangan dalam bahan-bahan pengeluaran penting seperti kepakaran teknik, bahan-bahan mentah, modal dan teknik organisasi dan pengurusan peringkat yang lebih tinggi.

Integrasi berkenaan juga membolehkan wujudnya pelbagai jenis kemahiran khusus dalam negara-negara Islam, yang setiap negara itu mempunyai bidang khususnya sendiri sesuai dengan sumber alamnya dan juga kemahiran rakyat jelatanya. Kepakaran dan juga pencapaian akademik adalah suatu hal yang membolehkan terbinanya suatu tapak dan pusat perindustrian raksasa yang berjalan seiring dengan pelbagai rancangan revolusi hijau, keselamatan bahan makanan dan tempat kediaman bagi menjamin tercapainya semua keperluan dalam bidang pemakanan dan juga keperluan-keperluan pembangunan dalam bentuk bahan-bahan mentah pertanian yang dapat menjamin terlaksananya perancangan pembangunan. Ia juga dapat menjamin belanja pembangunan yang mencukupi melalui kaedah mengenepikan pelbagai bentuk rancangan dan projek yang pada hakikatnya tidak mempunyai nilai yang diperlukan. Kesimpulannya ialah bahawa semua ini akan membawa kepada kemakmuran dan kemewahan umat dan juga kebajikan untuk seluruh masyarakat Islam.

Memang tidak diragukan lagi bahawa pembangunan industri dalam rangka integrasi ekonomi ini akan dapat menyelesai dan menghuraikan suatu masalah besar yang sedang dihadapi oleh umat Islam dalam bidang pembinaan industri alat-alat kelengkapan perang yang terus berkembang pesat dengan pelbagai bentuk dan ragamnya. Ini merupakan suatu perkara yang pasti akan menghadapi risiko yang berat terutama dalam masalah yang berkaitan dengan penyelidikan sains.

Memang tiada sebarang keraguan bahawa wujudnya industri moden yang maju dapat memenuhi keperluan-keperluan yang dihadapi oleh negara-negara Islam, iaitu suatu perkara yang sangat penting untuk membolehkan negara-negara Islam itu berdikari dan membebaskan diri daripada cengkaman dan belenggu negara-negara besar, yang menganut pelbagai prinsip dan sistem politik, yang selalunya menggunakan senjata dan kuasanya untuk membekalkan senjata yang diperlukan oleh negara-negara kecil yang lemah. Negara maju menahan pemberian mereka dan juga meluluskan permintaan negara-negara kecil dengan suatu cara yang begitu berkesan untuk melaksana dan juga memeras dengan tujuan melakukan tekanan politik yang sesuai dengan kepentingan negara pembekal senjata yang selalunya bertentangan dengan kepentingan negara-negara Islam.

Memang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa integrasi itu adalah satu jalan lurus ke arah mencapai kemerdekaan dalam bidang ekonomi bagi kaum Muslimin dan bagi memperbaiki syarat-syarat perdagangannya dengan dunia luar, kerana pengeluaran dalam bidang kebendaan dan menggalakkan kaum Muslimin mencapai peningkatan dalam bidang itu adalah juga dipandang sebagai sebahagian daripada aqidah Islamiah.

Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

سورة الأعرف ٧ : اية ٩٦

Terjemahan: *Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab siksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

(Surah al-A'rāf 7:96)

Dr. Muhammad Ahmad Saqar menyatakan, bahawa dunia ekonomi Islam yang bergerak dengan berpandukan kepada pendirian dan pencapaian yang diasaskan kepada fahaman dan falsafah Islam, sebenarnya telah melakukan suatu kebenaran sejati yang berdasarkan keadaan tabii, yang sentiasa menghayati kaedah sains yang memberi faedah dan manfaat besar, sehingga analisa yang dilakukan itu berpandu kepada dasar-dasar ekonomi yang dirumus dan dicadangkannya, yang sesuai untuk dihayati dan dilaksanakan, dan dapat pula mencapai matlamat-matlamat yang selaras dengan tabiat masyarakat Islam. Melalui analisa perbandingan kepada beberapa sistem ekonomi, nyatalah daripada penyelidikan dan kajian itu bahawa dasar hak milik individu dalam ajaran Islam itu mempunyai pengertian dan pandangan yang istimewa yang menetapkan bahawa sistem hak milik dalam Islam itu lebih mirip kepada bentuk amanah dalam tangan pihak pemilik berkenaan untuk menggunakannya dan memajukannya serta melaburnya dan menikmati pulangannya. Pihak pemilik itu mestilah sentiasa menghormati prinsip keperluan masyarakat. Aliran dan haluan hak milik (dan semua sumber ekonomi) menurut pandangan seperti ini dapat menjadikannya (hak milik itu) sebagai suatu perkara yang mampu melaksanakan kemakmuran dan kemewahan masyarakat yang menjadi idaman umat manusia. Ini kerana pengeluaran itu sendiri sentiasa ditumpukan ke arah memenuhi keperluan-keperluan asas yang sentiasa berkembang mengikut keadaan zaman, dengan syarat bahawa keinginan dan keperluan itu sentiasa selaras. Dalam sistem Islam, pihak negara tidak sepatutnya lalai dan bersikap bodoh kepada peristiwa yang berlaku dalam lapangan ekonomi, kerana negara itu sendiri mempunyai pelbagai peranan yang penting, iaitu peranan mengatasi gejala-gejala negatif yang timbul akibat meresapnya sistem peningkatan harga, dan memberi jaminan tercapainya segala keperluan pembangunan serta kemajuan sains dan ekonomi, dan juga membuka peluang pekerjaan dalam negara serta ikut mengambil bahagian dalam operasi pengagihan supaya terlaksanalah suatu taraf hidup yang layak dan terhormat bagi seluruh warganegara.

Di samping itu pula, Islam memandang pelaburan kemanusiaan sebagai suatu bentuk pelaburan yang paling tinggi nilainya, berlainan dengan peruntukan dan tawaran yang diberikan oleh teori kapitalisme yang ditentukannya terutama sekali dalam era revolusi industri yang tidak tepat, yang juga menentukan bahawa perkembangan sistem kapitalis dan kemajuan industri itu tidak akan berlaku kecuali dengan risiko yang sangat buruk iaitu mundur dan rendahnya taraf hidup golongan buruh dan pekerja. Sesungguhnya semua sumber kekayaan yang berkaitan dengannya telah dikurniakan oleh Allah Maha Pencipta untuk kemakmuran dan kemewahan hidup seluruh umat

manusia dan juga untuk meninggikan darjat dan juga keadaannya. Dengan demikian mengapakah diberi peluang kepada segelintir umat manusia sahaja untuk mengeksploitasi kemudahan kurniaan Allah itu bagi kepentingan dirinya sendiri sahaja kerana tamak untuk mencapai kemewahan hidup menurut pandangan dan teori yang sempit berdasarkan kebendaan?

Perkara 111 - Pembangunan Ekonomi Mestilah Mempunyai Bentuk Islam yang Tidak Diceduk daripada Sumber Asing

Dr. Ibrahim Dusuqi Abazah telah menulis dalam bukunya *Ekonomi Islam*: "Bahawa sikap kita tidak mahu menceduk pembangunan ekonomi yang dilakukan di beberapa buah negara Barat yang berdasarkan kapitalis ataupun negara-negara Timur yang bercorak komunis sebenarnya berlandaskan kepada suatu prinsip asas yang telah dibuktikan oleh ujian dan pengalaman yang bercorak sejarah yang menyatakan bahawa mengatasi dan menyelesaikan masalah kemunduran ekonomi dan sosial itu tidak boleh diimport dan juga dibuat di luar negeri".

Kemunduran ialah suatu fenomena sosial yang cara penyelesaiannya pasti wujud daripada suasana sebuah negara yang mundur itu sendiri. Oleh itu, keaslian dan kemurnian fikiran merupakan suatu syarat mutlak dan sangat perlu untuk penyelesaian pembangunan. Dengan demikian, pembikinan contoh baru dalam bidang pembangunan, yang jauh sama sekali daripada pengaruh ideologi-ideologi yang diimport pada keyakinan kita merupakan satu tugas utama di atas bahu setiap pihak yang bertanggungjawab mengenai masalah pembangunan di setiap negara yang masih mundur. Dari sinilah teori Islam menunjukkan kuasanya dengan anggapan bahawa Islam adalah suatu peninggalan yang berkesan, yang pandangan-pandangan falsafahnya menjangkau ke dalam realiti sosial dan ekonomi.[109]

Berdasarkan keterangan di atas, kiranya hidup ini tidak mengandungi sebarang corak penindasan dalam perjalanan dan geraknya malah ia memerlukan pelbagai bentuk dan warna yang berbagai corak yang dapat memenuhi tabiat dan keperluan berbagai sektor dan cawangan pengeluaran yang juga mempunyai pelbagai bentuk dan rupanya, maka dengan sendirinya kita terima bahawa wujudnya sebarang bentuk penindasan dalam seluruh aktiviti ekonomi yang berbagai ragamnya itu sudah pasti akan membahayakan masa depan seluruh pola pembangunan itu. Dengan demikian, perkembangan sektor awam ataupun sektor swasta dalam bentuk ini sudah tentu tidak akan dapat meninggalkan taraf kemajuan pengeluaran kepada suatu keadaan yang lebih baik memandangkan betapa perlunya diwujudkan penyelarasan atau penyesuaian di antara kedua sektor itu dalam suatu sistem ekonomi sahaja. Apabila selesai pelaksanaan operasi ini, maka terbuktilah bentuk yang sempurna bagi sektor awam, dan bermulalah pula usaha penyelidikan untuk memilih pelbagai bentuk penyusunan yang sesuai dengan kegiatan dan aktivitinya.

---

109 J. Austruy, Paris 1961, *Keupayaan Islam Dalam Bidang Pembangunan Ekonomi.*

Pandangan yang bersifat analisis terhadap fakta ekonomi menegaskan tentang meningkatnya pertentangan unsur di antara sektor awam dengan sektor swasta. Perbezaan seperti ini memang nampak pada lahir sahaja, kerana sebenarnya sektor awam dan sektor swasta itu tidak lain daripada dua rupa yang berbeza dengan suatu hakikat sahaja, yang terdapat dalam tenaga-tenaga dan kekuatan yang tersembunyi dalam ekonomi nasional. Keduanya saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan. Kerjasama di antara keduanya dalam operasi pembangunan adalah satu hal yang sangat diperlukan bagi menjamin kejayaan pembangunan. Dengan demikian, pendapat yang menghendaki supaya keduanya itu dipisahkan akan menyebabkan kakunya tenaga dan daya umat manusia yang tersembunyi dan melambatkan perkembangan pembangunan ekonomi. Bagi mengamalkan pandangan tersebut dan juga untuk membuktikan betapa perlunya dilakukan penyelidikan yang bercorak teori dan amali,[110] maka kami telah membuat ketentuan untuk menolak pelbagai contoh yang melampau. Antara contoh-contoh itu ialah mengenai perlunya dipisahkan sektor awam dengan sektor swasta ataupun menghapuskan satu sektor itu atau menyempitkan bidang operasinya dalam apa juga corak dan bentuknya dengan menegakkan pelbagai contoh berunsurkan Islam yang berpegang kepada penyelarasan di antara kedua sektor itu, iaitu di antara hak individu dalam mengamalkan kebebasan dalam bidang ekonomi dan juga hak masyarakat untuk melaksana dan menerapkan kebebasan itu. Contoh itu biarlah berlandaskan kaedah teknikal yang dapat menjamin terlaksananya perseimbangan di antara kedua sektor itu, yang mengambil kira semua masalah ekonomi dan sosial bagi setiap negara Islam sedangkan matlamat yang diidamkan adalah untuk mencapai kemajuan dan pembangunan ekonomi dan sosial yang *syumul* dan menyeluruh yang dapat menjamin terlaksananya kemewahan individu dan kebajikan masyarakat. Untuk mencapai matlamat penting ini, maka perlulah diwujudkan jaminan bagi perseimbangan dalam bidang pembangunan yang mampu melaksanakan keadilan secara menyeluruh dalam bidang pengedaran dan pengagihan, sedangkan keadilan pengagihan yang kita idamkan itu tidak terlaksana kecuali dengan pengedaran dan pengagihan kekayaan yang sedia ada, tetapi sebelum itu ia juga bertujuan mengagihkan kekayaan yang akan diperolehi. Yakni, ia bertujuan untuk melaksanakan keadilan dalam bidang pengagihan seluruhnya yang berjalan dengan keadaan pengeluaran yang juga terikat dengan keperluan melaksanakannya terus menerus berserta dengan pengagihan semua hasil pencapaiannya dalam semua peringkat perkembangannya.

Mudah-mudahan dengan timbulnya idea yang berkaitan dengan perseimbangan di antara kedua-dua sektor awam dan swasta itu, maka akan terbukalah suatu jalan untuk difahami idea dan pemikiran penyelarasan di antara kedua sektor itu, iaitu suatu hal yang sangat diidamkan kerana begitu besar jangkauan dan pengaruhnya untuk mencapai keadilan dalam bidang pembangunan dan perkembangan ekonomi.

---

110 Terutamanya seperti yang diterangkan oleh beberapa ahli ekonomi moden dalam jurnal-jurnal dan praktik seperti J. Austruy, R. Dumont - R. Bast a-Netto, J. Bhagwati E.S. Mason.

BAB 2
SISTEM HAK MILIK MENURUT PANDANGAN ISLAM

FASAL SATU: HAK PEMILIKAN HARTA

Perkara 112 - Pemilikan Harta Menurut Sistem Islam, Komunis dan Kapitalis

Islam bukan sahaja mengiktiraf hak setiap pemilik harta untuk menikmati faedah daripada harta kepunyaannya itu, malah ia mengiktiraf juga hak pemilik itu untuk mengurusnya semasa dia masih hidup dan sesudah meninggal dunia. Dengan demikian, sistem Islam berbeza dengan sistem komunis yang tidak mengiktiraf hak milik individu terhadap sumber-sumber pengeluaran, suatu hal yang bercanggah dengan naluri semula jadi manusia yang ingin memiliki. Sistem komunis seperti itu adalah suatu sikap memandang ringan dan tidak mengambil tahu tentang wujudnya suatu dorongan mengarah dan menggerakkan aktiviti ekonomi.

Sistem hak milik Islam ini juga berbeza daripada sistem hak milik dalam ekonomi kapitalis. Sistem kapitalis memberi sepenuh kuasa kepada pemilik harta untuk melakukan apa sahaja ke atas harta kepunyaannya tanpa sebarang ikatan dan sempadan undang-undang.

Perkara 113 - Panduan-panduan Akhlak dalam Masalah Pemilikan Harta

Setiap peraturan Islam biasanya didahului oleh persediaan dan kelengkapan jiwa. Akidah yang kukuh mampu mengawasi peraturan itu agar setiap Muslim itu sentiasa bersiap sedia menerima dan mematuhi dengan penuh kerelaan.

Akidah ini memperakui bahawa semua yang wujud dalam alam merupakan kepunyaan Allah, iaitu Tuhan yang menciptakan kewujudan ini, seluruh langit dan bumi serta yang wujud di antara keduanya. Manusia dengan harta yang dimilikinya tidak lain hanya memegang amanah Allah yang telah dikurniakan kepadanya (yang Allah jadikan sebagai amanah untuk dijaga dan disimpannya dengan baik). Oleh yang demikian, hanya Allah sahajalah yang memiliki seluruh isi langit dan bumi, merupakan pemilik sebenar semua harta itu, sama ada harta yang berbentuk "barangan ekonomi" ataupun "barangan bebas". Perbezaan barangan yang berdasar kepada prinsip "kekurangan" hanyalah merupakan suatu perbezaan buatan manusia sahaja.

Perkara 114 - Ayat-ayat Al-Qur'an Mengenai Tugas Khalifah Allah

Manusia ialah khalifah Allah di bumi-Nya ini. Mereka telah diperintahkan supaya mengambil manfaat daripada harta-harta yang terdapat dalam bumi itu. Allah juga telah memberi kebenaran kepadanya untuk mengambil faedah daripada harta itu bagi memenuhi keperluan-keperluannya dan memperbaiki taraf hidupnya. Pengambilan faedah ini berasaskan dengan syarat bahawa manfaat itu hendaklah selaras dengan kepentingan masyarakat setempatnya. Sesungguhnya Allah telah menciptakan segala sesuatu itu dan pemilik sejati dengan ciptaan-Nya.

Firman Allah:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ . . .

سورة الأنعام ٦: اية ١٠٢

Terjemahan: *Yang demikian (sifat-sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap sesuatu.*

(Surah al-An'ām 6:102)

Firman-Nya lagi:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

سورة هود ١١: اية ٦١

Terjemahan: *Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menjadikan kamu memakmurkannya.*

(Surah Hūd 11:61)

Firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

سورة الأنعام ٦: اية ١٦٥

Terjemahan: *Dan Dialah yang menjadikan kamu Khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu terhadap sesetengahnya yang lain beberapa darjat, kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurnia-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab siksanya dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah al-An'ām 6:165)

Firman Allah:

ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَأَنفِقُوا۟ مِمَّا جَعَلَكُم مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَأَنفَقُوا۟ لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

سورة الحديد ٥٧ : اية ٧

Terjemahan: *Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta benda (Pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah) mereka tetap beroleh pahala yang besar.*

(Surah al-Hadīd 57:7)

Harta benda yang ada pada tangan manusia itu merupakan harta Allah dan mereka hanya menjadi khalifah serta wakil Allah bagi menjaga dan menguruskan harta itu, bukan pemilik sejati. Allah berfirman mengenai orang yang sedang berusaha membebaskan diri (melalui surat perjanjian) daripada kalangan hamba sahaya.

Firman Allah:

. . . وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ . . .

سورة النور ٢٤ :اية ٣٣

Terjemahan:... *Dan berilah kepada mereka daripada harta Allah yang telah dikurniakannya kepada kamu ... .*

(Surah al-Nūr 24:33)

Harta benda dan wang yang diberikan oleh para pemilik hamba sahaya itu sebenarnya bukan hak milik sejati mereka. Mereka memberikannya daripada harta Allah dam hanya menjadi orang tengah sahaja.

Firman Allah:

. . . إِنَّ ٱلْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٨﴾

سورة الأعراف ٧ :اية ١٢٨

Terjemahan:... *Sesungguhnya Bumi ini kepunyaan Allah, diwariskan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada hamba-hamba-Nya; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa.*

(Surah al-A'rāf 7:128)

Berdasarkan aqidah agama ini, manusia itu dipandang sebagai khalifah dan wakil Allah atas harta yang ada di bawah jagaannya. Oleh yang demikian, manusia berkewajipan menunaikan tanggungjawabnya sebagai wakil yang menjaga harta itu dengan penuh amanah dan sedar ke manakah harta itu akan dipergunakan kelak. Oleh sebab harta itu adalah harta Allah yang dipinjamkan

kepada umat manusia bagi mengurus dan mengendalikan harta itu, maka umat manusia sama sekali tidak berhak bersikap cuai daripada melaksanakan segala apa yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T. tentang harta itu.

Perkara 115 - Hak Menjaga dan Membelanjakan Harta

Faqid al-Islam (tokoh Islam yang kematiannya merupakan suatu kehilangan besar bagi agama dan umat Islam) al-Syeikh Mahmud Syaltut, bekas Syeikh al-Azhar telah memberikan pandangan tentang masalah ini.[1]

Menyedari bahawa faedah yang lahir daripada harta itu akan merangkumi semua pihak dalam masyarakat, dan harta itu pula dapat memenuhi keperluan masyarakat seperti yang telah kamu sebutkan, maka Allah S.W.T. telah menyandarkan harta itu supaya diambil perhatian tentang betapa pentingnya harta itu dan kadang-kadang kepada diri-Nya sendiri. Allah juga menjadikan para pemilik harta itu sebagai wakil-wakil Allah untuk menjaga dan membelanjakannya mengikut cara yang telah digariskan oleh Allah untuk mereka melalui firman-Nya:

ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَأَنفِقُوا۟ مِمَّا جَعَلَكُم مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَأَنفَقُوا۟ لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

سورة الحديد ٥٧ : اية ٧

Terjemahan: *Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil ...*
(Surah al-Hadid 57:7)

Kadang-kadang Allah S.W.T. menyandarkan perkataan harta itu kepada masyarakat, dan dengan sandaran itu Allah menjadikan harta itu sebagai milik masyarakat. Firman-Nya:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٨٨

Terjemahan: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain dalam masyarakat) di antara sesama kamu dengan cara yang salah ...*
(Surah al-Baqarah 2:188)

Dan firman-Nya lagi:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا . . .

سورة النساء ٤ :اية ٥

1 Rujuk kitab *al-Islam Akidah wa Syariah*, hlm. 272.

Terjemahan: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu ... .*

(Surah al-Nisā' 4:5)

Allah S.W.T. telah memberi panduan dengan firman-Nya bahawa melanggar arahan ataupun bertindak sendirian tentang harta seperti itu adalah suatu pelanggaran sikap yang tidak baik dan menyusahkan masyarakat. Arahan itu adalah suatu ketetapan yang perlu dilakukan. Ini berdasarkan perakuan Islam bahawa harta itu adalah suatu alat untuk kepentingan seluruh masyarakat. Oleh itu, harta tersebut dapat membangunkan bumi ini, mendirikan perindustrian dan juga meluaskan bidang perniagaan serta perdagangan. Kemudian para pemilik berkenaan dapat mengambil bahagian dan memberi sumbangan bagi memenuhi keperluan orang yang memerlukan bantuan. Ini dengan cara mendirikan projek-projek yang bermanfaat berdasarkan kaedah-kaedah sains bagi menjayakan revolusi hijau dan mengeksploitasi padang pasir dengan berbagai jenis bahan pertanian. Keadaan sedemikian, walaupun bukan berpunca daripada perasaan simpati yang berasaskan silaturahim dan tolong-menolong, tetapi ia berdasarkan kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. daripada harta orang kaya yang menjadi sebahagian daripada hak orang miskin. Ia juga berdasarkan kewajipan membayar cukai yang ditentukan oleh pihak yang berkuasa mengikut ukuran keperluan negara dalam menjalankan pelbagai projek pembangunan, perindustrian dan kemajuan tamadun.

Sesungguhnya al-Qur'an memberi perhatian berat dan galakan ke arah membantu serta memberi sumbangan kepada golongan fakir miskin dalam menegakkan agama Allah (Islam). Perkataan *sabililah* ialah perkataan yang unik dan selalu disebutkan dalam al-Qur'an, iaitu suatu perkataan yang mencetuskan perasaan kudus dan hormat serta dapat memenuhi kebaikan dan kebajikan kepada seluruh alam semesta. Tiada bentuk kebajikan yang khusus ataupun umum yang tidak terkeluar daripada pengertian perkataan ini.

Al-Syeikh Mahmud Syaltut Rahimahulah menyatakan dalam ruangan lain pula.[2]

Apabila harta itu adalah harta Allah dan seluruh umat manusia itu adalah hamba Allah, maka kehidupan yang menjadi arena pekerjaan umat manusia itu bekerja dengan menggunakan harta Allah ialah juga kerana (mencari keredaan) Allah. Maka dengan sendirinya harta itu walaupun dikaitkan dengan nama individu tertentu tetapi adalah untuk seluruh hamba Allah yang sama-sama dijaga dan dipelihara serta diambil manfaatnya oleh semua orang. Allah S.W.T. telah memberikan panduan mengenai masalah ini melalui firman-Nya:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا . . .

سورة البقرة ٢ : اية ٢٩

2 Rujuk kitab *Manhaj al-Qur'ani fi Binai al-Mujtama'*, hlm. 97.

Terjemahan: *Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.*

(Surah al-Baqarah 2:29)

Firman-Nya:

وَلَا تَأْكُلُوٓا أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٨٨

Terjemahan: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.*

(Surah al-Baqarah 2:188)

Firman-Nya lagi:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا . . .

سورة النساء ٤ : اية ٥

Terjemahan: .... *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu.*

(Surah al-Nisā' 4:5)

Oleh yang demikian marilah kita memberikan tumpuan kepada pengertian ayat ini:

(... Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu).

Ayat yang diwahyukan ini mengandungi maksud tentang jaminan kesejahteraan umat dan tanggungjawab setiap anggota masyarakat terhadap kesejahteraan anggota masyarakat yang lain. Harta yang berada dalam tangan beberapa orang individu itu merupakan "penjamin kesejahteraan" masyarakat seluruhnya. Ia dapat dimanfaatkan bagi projek-projek pembangunan dan dapat mengatasi krisis serta kesulitan-kesulitan yang dihadapi melalui pembayaran zakat, bantu-membantu dan saling bertukar-tukar khidmat dan manfaat. Inilah sebenar peranan wang dan harta benda menurut pandangan Islam. Dengan demikian tiada siapa pun yang berhak mendabik dada sambil mengatakan: "Apa orang lain peduli, hartaku adalah milik mutlakku, aku boleh berbuat apa sahaja sesuka hatiku, hartaku milik peribadiku sendiri dan orang lain tidak berhak mengambil manfaat daripada harta bendaku, tiada siapa pun yang berhak ikut campur dan berkata itu dan ini".

Memang tiada seorang pun yang berhak berbuat dan bertindak begitu sombong dan bongkak. Ini kerana harta itu adalah harta semua orang, iaitu harta Allah yang berhak diambil manfaatnya oleh semua orang melalui jalan dan cara yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. dalam memenuhi berbagai keperluan dan menyelesaikan berbagai kesukaran. Harta itu menjadi milik tuannya bukan bertujuan melakukannya sesuka hatinya, tetapi adalah menurut panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. yang diterangkan dalam kitab suci-Nya: "Apabila ia melakukan sesuatu yang mencacatkan tugas itu melalui sikap boros dan membazir atau kedekut, maka harta itu berhak ditahan daripada digunakan olehnya ataupun diambil alih daripadanya. Ini sama ada dengan secara paksa ataupun mengikut budi bicara dan keputusan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bahawa harta itu perlu diambil alih daripada orang yang seperti itu ...".

Perkara 116 - Pandangan Syeikh Muhammad Abu Zahrah

Allahyarham Fadilah al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah pernah memberikan pandangannya dalam masalah ini:[3] "Hak pemilikan semakin berkurangan dan bertambahnya sumbangan kepada orang lain dalam keadaan tertentu hingga hampir luput hak milik itu terutama dalam keadaan musafir atau dalam keadaan kelaparan".

Abu Sa'id al-Khudri pernah merawikan dengan mengatakan:

كنا في سفر، فقال النبي صلى الله عليه وسلم : من كان معه فضل زاد فليعد به على من لا زاد له، ومن كان له فضل ظهر فليعد به على من لا ظهر له، وأخذ يحدد أصناف الأموال حتى ظننا أننا ليس لنا من أموالنا إلا ما يكفينا.

Terjemahan: *Suatu waktu kami sedang dalam musafir, maka RasululLah s.a.w. pun bersabda: "Sesiapa yang mempunyai bekalan yang lebih hendaklah diberinya kepada orang yang kehabisan (dan tidak punya) bekalan, dan sesiapa yang mempunyai kenderaan lebih hendaklah diberinya kepada orang yang tidak punya kenderaan, lalu beliau (RasululLah s.a.w.) pun menentukan jenis harta yang boleh dimiliki sehingga kami semua menyangka yang kami tidak berhak memiliki harta kecuali yang cukup untuk keperluan kami masing-masing sahaja.*

Perkara 117 - Ucapan Khalifah 'Umar bin Al-Khattab Mengenai Kekurangan Bahan Makanan

Masyarakat Arab telah menghadapi kebuluran yang sangat dahsyat pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab, iaitu pada tahun yang dikenal sebagai *am al-ramadah* atau "tahun kesusahan". Pada tahun yang

3 Syeikh Muhammad Abu Zahrah, Risalah *Al-Takaful Al-Ijtimaa'ie* (Jaminan Sosial), hlm. 15.

berkenaan seluruh kaum Muslimin di merata ceruk rantau saling bekerjasama untuk mengatasi bencana kebuluran yang berlaku di seluruh Semenanjung Arab. Sesudah bencana kebuluran itu berjaya diatasi, maka Khalifah 'Umar pun berucap dengan mengatakan bahawa: "Kalaulah berlaku lagi peristiwa ini sekali lagi, nescaya saya perintahkan setiap keluarga menerima tambahan penghuni lain serupa dengan bilangan keluarga yang sudah ada (untuk disara makan minumnya) kerana semua orang tidak akan mati dengan makan separuh kenyang sahaja."

Ini membuktikan bahawa kebebasan hak milik dan pengiktirafan hak milik individu itu tidak bertentangan dengan hak-hak masyarakat terhadap hak milik itu.

Kesimpulan ini diikuti dengan suatu huraian lagi:[4] "Islam membawa suatu sistem sendiri, yang bukan bercorak terlalu individualistik dan bukan juga kolektif mengikut kedua-dua makna yang terdahulu (iaitu sistem kapitalis dan sistem komunis) juga bukan yang berdekatan di antara salah satunya dan tidak juga pertengahan di antara kedua-dua sistem itu. Malah ia mempunyai pemikiran sosial yang khusus, yang berasas kepada prinsip bahawa semua hak milik itu adalah kepunyaan Allah sahaja. Semua hak itu telah ditetap dan diatur oleh Allah, dan Allah telah memberikan kepada setiap individu itu hak mereka masing-masing dan juga kepada masyarakat itu haknya sendiri. Allah juga telah menentukan bahawa individu adalah untuk masyarakat dan masyarakat itu adalah untuk individu". Hal ini digambarkan dengan jelas dan terang sekali dalam sabda RasululLah s.a.w.:

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم كمثل الجسد إذا اشتكى منه عضو تداعى له سائر الجسد بالسحر والحمى.

Terjemahan: *Perbandingan dan perumpamaan orang beriman itu dari segi sikap kasih sayang dan hubungan silaturahim mereka adalah bagai sebuah tubuh manusia, apabila sesuatu anggota itu merasa sakit, maka seluruh tubuh itu akan ikut juga menderita demam dan tak dapat tidur.*

"Selama semua hak itu adalah daripada dan kepunyaan Allah, maka hak itu sentiasa mendidik setiap individu supaya berkhidmat untuk masyarakat, dan Islam telah pun mengamalkan dasar memberi hak-hak khusus (untuk individu) sambil memelihara hak-hak umum (masyarakat). Dengan demikian Islam memberikan hak milik khusus, tetapi dibatasinya hak-hak itu dan menetapkan garis sempadannya yang tidak boleh diingkari ...". Kita mampu mengemukakan bukti yang jelas dengan mengambil beberapa pendapat dan pandangan daripada kalangan para *fuqaha* dalam menegaskan sikap aqidah daripada ajaran Islam yang berbentuk akhlak tentang masalah hak milik, khusus mengikut cara yang telah dikemukakan sebelum ini.

Sebelum kita ke peringkat yang memberikan penjelasan tentang kewajip-

4 Fadilah al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah, kuliah di Insitut Pengajian Tinggi Islam tentang *Beberapa Kajian Tentang Ilmu Fiqh*, hlm. 30.

an yang digariskan oleh ajaran-ajaran akhlak tentang aqidah hak milik Allah ke atas semua harta itu, perlu dikemukakan beberapa ayat al-Qur'an yang mengaitkan masalah hak milik harta itu kepada beberapa individu umat manusia.

Firman Allah:

وَلَا تَأْكُلُوٓا أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٨٨

Terjemahan: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.*

(Surah al-Baqarah 2:188)

Firman Allah:

لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ . . .

سورة آل عمران٢ : اية ١٨٦

Terjemahan: *Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu.*

(Surah āli-'Imrān 3:186)

Firman-Nya:

وَءَاتُوا۟ ٱلْيَتَٰمَىٰٓ أَمْوَٰلَهُمْ . . .

سورة النساء ٢ : اية ٢

Terjemahan: *Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka.*

(Surah al-Nisā' 4:2)

Firman-Nya:

. . . خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا . . .

سورة التوبة ٩ ٢ :اية ١٠٣

Terjemahan: *Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).*

(Surah al-Taubah 9:103)

Firman Allah:

وَفِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

سورة الذاريات ٥١ : اية ١٩

Terjemahan: *Dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah al-Dhāriyāt 51:19)

Dan firman Allah:

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

المعارج ٧٠: اية ٢٤، ٢٥

Terjemahan: *Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah al-Ma'ārij 70: 24-25)

Perkara 118 - Tafsiran Perkataan "Dinisbahkan" Harta kepada Allah dan kepada Manusia

Sekali imbas nampak seakan-akan terdapat sedikit pertentangan di antara menisbahkan harta itu kepada Allah dan pada waktu yang lain pula dinisbahkan kepada masyarakat, manakala dalam kesempatan lain harta itu dinisbahkan kepada manusia pula. Tetapi pertentangan itu dengan sendirinya ternafi apabila kita sebutkan beberapa tujuan syara' daripada berbagai sebutan mengenai harta iaitu:

1. Nisbah atau kaitan hak milik harta itu kepada Tuhan Maha Pencipta adalah suatu jaminan yang tegas supaya harta itu digunakan untuk memberi manfaat kepada para hamba-Nya. Sandaran perkataan hak milik itu kepada manusia adalah suatu jaminan yang mengandungi arahan kepada pihak pemilik untuk menggunakan harta itu berdasarkan batasan yang telah digariskan oleh Allah. Sandaran ini tidak mempunyai motif yang lain selain daripada memberi hak milik harta itu dalam segala bidang yang boleh membawa pulangan seperti hak mengurus, mengguna dan melabur. Oleh yang demikian, kaitan dan sandaran itu sudah cukup untuk mencapai sebab yang paling minimum. Al-Qur'an telah pun menyandarkan harta orang yang belum sempurna akal itu kepada para wali dan penjaga mereka melalui firman Allah S.W.T.:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ . . .

سورة النساء ٤: اية ٥

Terjemahan: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu.... .*

(Surah al-Nisā' 4:5)

Sandaran seperti itu bukan kerana para wali dan penjaga itu menjadi pemiliknya, tetapi kerana mereka (wali) itu mempunyai hak untuk menguruskan harta itu. Al-Razi telah mengatakan yang bermaksud: "Menyandarkan sesuatu perkataan dalam sesuatu sebutan itu cukup dengan hanya ada sebab yang paling minimum."

2. Islam ialah agama yang menitikberatkan soal tanggungjawab. Ini dijelaskan oleh firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾

سورة المدثر ٧٤ : اية ٣٨

Terjemahan: *Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.*

(Surah al-Muddaththir 74:38)

Firman-Nya lagi:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ . . .

سورة الأنعام ٦ : اية ١٦٤

Terjemahan: *Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).*

(Surah al-An'ām 6:164)

Dan firman Allah:

وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾

سورة الإسراء ١٧ : اية ١٣

Terjemahan: *Dan tiap-tiap seorang manusia, Kami kalungkan bahagian nasibnya dilehernya, dan pada Hari Akhirat kelak Kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk ditatapnya).*

(Surah al-Isrā' 17:13)

Oleh sebab itulah, Islam tidak menerima bahawa tanggungjawab umat manusia tentang harta yang telah diberi oleh Allah untuk mereka pergunakan dan menyimpannya dalam tangan serta atas kekuasaan mereka itu menjadi tanggungjawab yang tidak terhad dan meluas sekali. Oleh itu, ia (Islam) sengaja memperakui hak milik individu supaya setiap orang itu disoal tentang harta masyarakat yang ada dalam tangannya, iaitu mengenai hak masyarakat yang ada dalam harta itu. Kemudian Islam menetapkan bahawa pihak yang berkuasa itu bertanggungjawab tentang hak masyarakat bagi harta yang ia berikan

kepada para individu supaya digunakannya hak itu mengikut keadaan yang boleh membawa tercapainya kepentingan masyarakat serta kewajipan yang ditentukan oleh hidup bermasyarakat. Ini juga bagi melaksanakan arahan-arahan yang ditentukan berdasarkan panduan serta peranan akhlak dalam hak milik para individu terhadap harta yang berkenaan.

3. Islam ialah agama fitrah yang diciptakan oleh Allah berdasarkan fitrah manusia. Fitrah umat manusia itu sendiri sentiasa merindui dan menginginkan hak memiliki harta dan mempunyai rasa sayang dan cinta kepada harta itu. Maka perlulah syariah Islam menentukan ikatan sebahagian daripada harta itu ke atas setiap individu dan peribadi manusia supaya naluri mereka terlepas bebas daripada belenggu perasaan kedekut, dan supaya aktiviti mereka sentiasa terdorong untuk melabur serta mengembangkan harta yang ada dalam jagaan mereka itu. Menerusi pelaburan harta itu mereka akan mendapat faedah untuk diri mereka dan juga untuk masyarakat seperti syariah Islam telah menetapkan bahawa tidak boleh dikaitkan dan diberi milik kepada para individu dan orang perseorangan, iaitu seperti bahan-bahan keperluan asas untuk kehidupan.

Terdapat hadis RasululLah s.a.w. yang menyatakan:

الناس شركاء في ثلاثة: الماء والكلأ والنار...

Terjemahan: *Semua manusia itu berkongsi dalam memiliki tiga perkara iaitu air, rumput dan api ... .*

Ini boleh dikiaskan pula dengan bahan-bahan keperluan asas yang lain yang mesti dimiliki bersama (menjadi hak milik masyarakat) iaitu negara.

Kesimpulannya, hak milik Allah terhadap harta merupakan hak sejati dan asli. Sedangkan hak milik manusia pula merupakan hak milik dalam kenyataan dan memang tiada sebarang percanggahan di antara kedua-dua sebutan dan pemberian nama itu.

Perkara 119 - Hak Milik Tanah Menurut Pandangan Islam[5]

Hak milik individu yang terkenal pada zaman keagungan Islam kebiasaannya berlaku dalam bentuk harta-harta mudah cair seperti wang (emas dan perak) dan hak milik kebun-kebun pertanian dan buah-buahan serta hak milik haiwan dan hak milik tanah. Hak milik tanah merupakan hak milik yang terpenting dalam masyarakat Islam. Ini disebabkan tanah merupakan sumber kekayaan terpenting dalam masyarakat Islam (yang bercorak nasional), maka di sini kami merasa perlu mengemukakan bentuk hak milik yang berlaku dalam berbagai keadaan sesuai dengan jenis dan bentuk tanah-tanah itu. Ini kerana pada zaman pemerintahan Islam dahulu tanah hanya terbahagi kepada tiga kategori sahaja, iaitu tanah pertanian, tanah terbiar dan tanah yang tiada pemiliknya.

5 Dr. Ibrahim al-Tahawi, *Ekonomi Islam.*

Perkara 120 - Hak Milik Tanah Pertanian

Apa yang dimaksudkan dengan tanah pertanian ialah tanah yang sesuai digunakan untuk tujuan pertanian, iaitu:

1. Sama ada penduduk negeri atau wilayah itu telah menganut agama Islam dengan sukarela serta mereka sudah memiliki tanah itu, dan negeri mereka itu tidak ditakluki secara kekerasan oleh tentera Islam. Oleh itu, para penduduk berkenaan telah menjadi sebahagian daripada umat Islam dan tanah milik mereka itu pun setaraf dengan tanah yang dimiliki oleh seluruh umat Islam yang lain. Oleh yang demikian, hak milik tanah itu diberikan kepada orang yang sudah memiliki tanah berkenaan sebagai milik khusus dan istimewa yang berhak sama ada untuk mewariskannya, menjual ataupun membelinya. Cukai ke atas tanah mengikut sistem *'usyur* (10 peratus) dan oleh sebab itulah, tanah berkenaan dinamakan sebagai tanah *'usyur*. Walau bagaimanapun, pihak pemerintah mempunyai hak dan kuasa untuk mengambil balik ataupun memiliknegarakan tanah berkenaan untuk kepentingan masyarakat apabila keadaan memerlukan. Inilah yang disebut sebagai tanah *hima* (الحمى) ataupun rizab sewaktu zaman pemerintahan Islam. Antara tanah yang termasuk untuk dijadikan rizab seperti itu adalah tanah kepunyaan Bani Tha'labah. Ia telah diambil alih dan dijadikan sebagai rizab padang ragut bagi seluruh kaum Muslim pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar. Sebahagian Bani Tha'labah itu telah datang mengadap Khalifah sambil membuat rayuan atau bantahan: "Wahai Amir al-Mukminin, tanah kami telah diambil alih dan dijadikan kawasan rizab. Kami telah berjuang mempertahankan tanah kami itu pada zaman Jahiliah dahulu dan kami menganut Islam pada masa kami sedang memiliki tanah itu ...". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Tanah itu adalah kepunyaan Allah, dijadikan rizab supaya ia dapat memberi bekalan kepada harta benda Allah dan dapat digunakan untuk berperang fisabilillah ...".

2. Sama ada para penduduk negeri atau wilayah itu masih terus menganut agama asal mereka dan mengadakan perdamaian dengan kaum Muslimin dengan beberapa syarat tertentu. Hak milik tanah mereka itu adalah diberikan dengan tertakluk kepada syarat-syarat perdamaian, iaitu sama ada hak milik itu diberikan kepada para penduduk asal itu dalam bentuk hak milik istimewa atau dijadikan sebagai hak milik negara, iaitu dalam bentuk hak milik umum. Kedua-dua bentuk hak milik itu dikenakan membayar *jizyah* ke atas setiap orang dan dikenakan pula membayar *kharaj* atas tanah mereka, iaitu tanah yang termasuk dalam syarat perdamaian itu. Tanah berkenaan dipanggil sebagai *ard kharajiah* ataupun "tanah yang dikenakan hasil *kharaj*".

3. Sama ada negeri yang berkenaan telah ditakluk dengan cara kekerasan (perang). Semua penduduk negeri yang ditakluk seperti ini, maka pihak negara mempunyai tiga bentuk tindakan dan layanan yang boleh dilakukan kepada mereka:

Pendapat Sebahagian Fuqaha

Apa yang telah berlaku pada zaman RasululLah s.a.w. bahawa tanah yang berkenaan dibahagi dan diagihkan kepada anggota tentera Muslimin yang menakluk negeri yang berkenaan sebagai suatu *al-ghanimah* untuk mereka selaras dengan firman Allah:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ . . .

سورة الأنفال ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan).*

(Surah al-Anfal 8:41)

Ini seperti peristiwa yang berlaku kepada tanah di wilayah Khaibar. Oleh yang demikian, tanah yang berkenaan menjadi tanah milik khas mengikut syariat Islam yang diambil cukai daripadanya dalam bentuk *'usyur* dan dikenali sebagai tanah *'usyur*.

Ketika Penaklukan Negeri Iraq

Ketika penaklukan negeri Iraq, telah berlaku perdebatan yang agak sengit di antara Khalifah 'Umar bin al-Khattab dengan orang yang menyertai peperangan menakluki negeri itu. Mereka menganggap semua tanah di negeri Iraq itu sebagai sejenis *al-ghanimah* atau "harta rampasan perang" yang mesti dibahagi dan diagihkan. Mereka dijangka akan mendapat 4/5, manakala 1/5 lagi diperuntukkan kepada perbendaharaan negara berpandukan firman Allah:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ . . .

سورة الأنفال ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin serta ibnus-sabil (orang musafir yang sedang keputusan).*

(Surah al-Anfal 8:41)

Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa 4/5 daripada bahagian itu hendaklah dibahagikan di antara mereka tanpa dikurangkan sedikit pun.

Tetapi Khalifah 'Umar yang dapat memahami kebenaran melalui kurnia Allah dan tokoh yang tegas berdasarkan sabda RasululLah s.a.w.:

أن الله كتب الحق على لسان عمر وقلبه - فسرها غنيمة نغنم وأنها لا تدخل فى قوله تعالى.

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menetapkan kebenaran itu melalui lidah dan hati 'Umar.*

Beliau mentafsirkan bahawa tanah-tanah negeri Iraq itu sebagai suatu jenis *al-ghanimah* yang didapati secara kebetulan sahaja. Oleh itu, ini tidak termasuk dalam *al-ghanimah* yang dimaksudkan dalam firman Allah ayat Surah *'al-Anfal'* iaitu:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَ ٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ. . .

سورة الأنفال ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan).*

(Surah al-Anfāl 8:41)

Apa yang dimaksudkan dengan *al-ghanimah* itu ialah harta yang boleh diambil, sedangkan tanah adalah harta yang tidak boleh diambil tetapi boleh diperintah. Dalam hal ini, beliau dapat membezakan di antara pengambilan dengan penguasaan. Berdasarkan pandangan jauh Khalifah 'Umar yang telah dapat memahami masalah ini, beliau pun menjawab hujah mereka itu dengan mengatakan: "Kalaulah kamu bahagi-bahagikan tanah itu di antara sesama kamu, maka tiada lagi bahagian untuk menjaga sempadan (keselamatan) negara dan tiada lagilah peruntukan untuk perkhidmatan umum selepas itu ...". Dengan membuat ketegasan sedemikian, bermakna Khalifah 'Umar memandang perbuatan membahagikan tanah-tanah itu di kalangan para pejuang merupakan sejenis sikap *otokrasi* tentera yang bercorak *feudal*, dan mereka ingin melakukan seperti yang telah dilakukan oleh orang Rumawi sebelum itu. Oleh sebab itulah, Khalifah 'Umar membantah keinginan mereka dan mempertahankan pendirian beliau itu seperti pihak tentera Arab yang terlibat dalam penaklukan negeri Iraq itu mempertahankan pendirian mereka. Orang yang paling keras sikapnya dan paling tegas pendiriannya daripada kalangan mereka ialah 'Amar bin Yasir yang pada asalnya adalah seorang hamba sahaya, tetapi telah dimerdekakan oleh Abu Bakar dan melepaskannya daripada belenggu perhambaan. Dalam usahanya membebaskan beberapa orang hamba sahaya

itu, Allah telah memberi penghormatan kepadanya untuk menganut Islam. Dalam peristiwa ini beliau telah menentang keras dan bersikap tegas terhadap Khalifah 'Umar bin al-Khattab dalam perdebatan itu, sehingga Khalifah 'Umar telah memohon doa kepada Allah dengan katanya yang bermaksud:

"Ya Allah, cukup setakat itu sahajalah sikap 'Amar terhadapku, Ya Allah cukup setakat itu sahajalah sikap 'Amar dan sahabat-sahabatnya terhadapku!"

Perbincangan dan perdebatan mengenai masalah itu berlanjutan hingga tiga hari, mereka berdebat tanpa mencapai sebarang keputusan. Kemudian Khalifah 'Umar pun memilih sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada 10 orang Ansar iaitu lima orang daripada golongan Aus dan lima orang daripada al-Khazraj untuk membuat keputusan mengenai masalah perselisihan pendapat yang telah berlarutan di antara beliau dengan para penentangnya itu.

Pada waktu itu Khalifah 'Umar teringatkan ayat suci Surah *'al-Hasyr'*, firman Allah:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا
نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

سورة الحشر ٥٩ :اية ٧

Terjemahan: *Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau kampung (desa) dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah dan bagi RasululLah, dan bagi kaum kerabat (RasululLah) dan anak-anak yatim, dan orang miskin, serta orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya daripada kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab siksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).*

(Surah al-Hasyr 59:7)

Apa jua yang Allah kurniakan kepada kamu sama ada yang berbentuk tanah atau wang dan harta benda yang lain dengan sebab kepungan sahaja (tidak berperang), maka wajiblah dikekalkan untuk baitulmal (perbendaharaan negara) atau untuk kegunaan Kementerian Kewangan. Berikutnya beliau memberitahu mereka dengan berkata: "Saya telah mendapat penyelesaiannya". Kemudian beliau pun membaca ayat itu sambil mentafsirnya. Mereka meminta jawatankuasa orang Ansar itu supaya membuat keputusan tentangnya dan jawatankuasa itu bersetuju berdasarkan ayat tujuh dalam Surah *'al-Hasyr'* tersebut dan keputusan itu telah dipersetujui sebulat suara. Oleh yang demikian, tanah-tanah yang berkenaan dibiarkan kekal kepada para pemilik asalnya

dengan anggapan bahawa mereka adalah orang yang mengambil upah mengerjakan tanah itu dan hak milik sebenar tanah adalah kepunyaan negara.

Para *fuqaha* pula memberi pendapat mereka dalam masalah ini supaya hasil dan manfaat daripada tanah itu hendaklah dibelanjakan untuk kepentingan kaum Muslimin. Demikian juga keputusan yang telah dilakukan kepada tanah-tanah di negeri Iraq, Parsi, kawasan Mesopotamia, negeri Syam dan juga negeri Mesir.

Suatu Pendapat Lain

Mu'az bin Jabal telah memberikan pendapatnya kepada Khalifah 'Umar dengan katanya: "Jika berbuat begitu (mengikut kehendak para pejuang itu) pasti akan berlaku apa yang anda tidak ingini itu; sebab kalau anda bahagi-bahagikan kepada mereka, puak itu akan mempunyai harta yang banyak dan berlebihan kemudian mereka akan habiskan harta itu. Kemudiannya akan menjadi milik orang lelaki atau wanita tertentu sahaja dan akan tiba serta muncul pula suatu kaum yang berjuang dan bekerja bertungkus lumus untuk menegakkan Islam, tetapi tidak mempunyai apa-apa habuan pun. Oleh yang demikian, maka fikirkanlah suatu penyelesaian yang dapat menjamin kebajikan mereka semua, sama ada generasi permulaan dan generasi mendatang ...". Dengan sumbangan fikiran Mu'az itu, maka Khalifah 'Umar pun merasa puas hati dengan tindakan yang diambilnya dan keputusan yang telah dicapai itu. Terutama sekali kerana ayat Surah *'al-Hasyr'* itu menyokong dan menguatkan lagi pendirian itu, iaitu firman Allah:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا
نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

Terjemahan: *Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk-penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang. Maka adalah ia bertentu bagi Allah, dan bagi RasululLah, dan bagi kaum kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin, serta orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya daripada kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu) maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab siksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).*

(Surah al-Hasyr 59:7)

Oleh sebab itulah ketika Khalifah 'Umar menghuraikan maksud ayat ini, beliau telah menegaskan: "Ayat ini merangkumi umat manusia seluruhnya.

Oleh yang demikian tiada seorang Islam pun terkecuali melainkan ada bahagiannya dalam ayat ini". Oleh sebab itulah beliau telah menulis kepada Sa'ad bin Abi Waqas, panglima perang kaum Muslimin di Iraq dengan mengatakan: "Sesungguhnya saya telah menerima surat anda yang menyatakan bahawa orang ramai telah meminta anda membahagikan *al-ghanimah* itu untuk mereka, maka oleh sebab itu periksa dan halusilah apa juga haiwan ternakan dan harta benda yang ada dalam kem anda. Maka bahagikanlah di antara orang Islam yang telah ikut serta dalam perang itu, dan biarkanlah tanah dan sungai-sungai itu kepada orang yang mengusahakannya supaya tanah-tanah itu menjadi sebahagian daripada sumber kekayaan kaum Muslimin. Ini kerana kalaulah takdirnya kita bahagikan tanah itu di antara orang yang ikut serta dalam perang itu, tentulah orang yang lahir selepas mereka tidak punya sesuatu apa pun lagi ..."[6]

Perkara 121 - Tindakan Orang Islam Ketika Menakluki Andalus (Sepanyol)

Orang Islam yang menakluki negeri Andalus (Sepanyol) telah memperakui hak milik harta-harta kecil seperti keadaan asalnya (sebelum penaklukan itu berlaku). Sementara itu mereka mengambil alih hak milik harta-harta yang besar dan penting daripada para pemilik asalnya serta membuat pembahagian semula kepada para penduduk secara adil dan saksama.

Daripada huraian yang lalu jelaslah bahawa dalam sistem hak milik, Islam sentiasa memelihara dasar umum yang telah diperakui dalam bidang pemilikan harta, iaitu dasar atau prinsip bahawa harta itu adalah harta Allah yang dikurniakan dan diberi-Nya kemudahan untuk kegunaan dan kepentingan umat manusia seluruhnya. Pihak negara pula sentiasa terikat dengan kewajipan untuk menjaga dan memeliharanya supaya terjaminnya pelaksanaan dan kepentingan itu untuk seluruh masyarakat, bagi menjaga harta dan juga melabur atau mengembangkannya. Dengan demikian, pihak negara berkuasa membenarkan pihak-pihak yang diinginnya untuk terus menjaga dan memiliki harta, seperti juga negara berhak menetapkan beberapa syarat dan ikatan terhadap penggunaan dan pengurusan harta. Pihak negara juga berhak mengambil balik harta berkenaan dengan membayar pampasan dan imbuhan yang berpatutan mengikut kaedah-kaedah yang jelas dalam syariah Islamiah. Semua itu adalah dalam lingkungan melaksanakan kepentingan dan kebajikan masyarakat tanpa sebarang perbezaan termasuk hak membayar ganti rugi atau pampasan di antara semua jenis tanah yang disebutkan itu kecuali mengikut kaedah cukai yang dikenakan ke atasnya, iaitu bagi tanah-tanah yang dikenakan cukai *kharaj* maka dikenali tanah *kharaj* dan tanah yang lain pula diambil cukai *'usyur* dan dinamakan sebagai tanah *'usyur*. Tiada suatu pun tanah yang terkecuali daripada kaedah hak milik ke atas tanah yang dikuasai dengan kekerasan (peperangan atau penaklukan) melainkan tanah di Makkah

6 Abi 'Ubaidah Qassim bin Salam, *al-Amwal*, hlm. 59.

sahaja. RasululLah s.a.w. telah membuat keputusan supaya dikekalkan hak milik tanah kepada para pemilik asalnya sebelum penaklukan Makkah, tanpa memandang tanah itu sebagai *al-ghanimah* ataupun *al-fay*, tetapi beliau telah memberi layanan istimewa kepada para penduduk Makkah dengan beroleh taraf sebagai tanah atau negeri yang penduduknya menganut agama Islam dengan suka rela. Oleh sebab itulah tanah-tanah di Makkah diiktiraf sebagai tanah *'usyur*.

Perkara 122 - Hak Milik Tanah Terbiar

Pada dasarnya negara berkuasa memberi hak milik tanah terbiar kepada sesiapa yang hendak mengusaha dan membangunkannya. Kekalnya hak setiap individu pemilik tanah itu yang tinggal dan menjadi warganegara yang berkenaan bergantung sama ada dia seorang Islam ataupun kafir *zimmi*. Dia dapat menguasai tanah yang berkenaan itu mengikut kadar yang tertentu dengan tujuan untuk mengusahakan dan membangunkannya, dan bahagian tanah itu akan menjadi hak miliknya secara kekal. Namun demikian, kekal atau tidaknya hak milik itu adalah berkait langsung dengan usaha menghidupkan atau membangunkan tanah itu dalam tempoh tiga tahun dari tarikh mula menguasainya dengan syarat dia tidak cuai mengusahakan tanah tersebut bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Apabila dia tidak mematuhi salah satu daripada dua syarat di atas, maka hak milik tanah itu dipulang kembali kepada negara. Orang Islam yang lain pula berhak memiliki tanah itu bagi tujuan yang sama dan menjadi hak milik khusus kepadanya pula. Tentang masalah seperti inilah RasululLah s.a.w. bersabda:

من أحيا أرضا ميتة فهي له. وليس لمحتجر حق بعد ثلاث سنين.

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang memajukan tanah yang mati (terbiar), maka tanah itu menjadi miliknya. Dan seorang yang tidak mengusahakan tanah yang diberi milik kepadanya sesudah tiga tahun tidak mempunyai sebarang hak lagi atas tanah itu.*[7]

Dengan berpandukan hadis ini, dapatlah difahamkan bahawa seseorang yang mendapat kuasa untuk menguruskan tanah terbiar tersebut bukanlah menjadi sebab bahawa hak milik khususnya merupakan hak milik yang berkekalan.

Perkara 123 - Hak Milik Tanah Secara Feudal dan Tanah yang Belum Dimiliki

Tanah yang berkenaan samalah tarafnya dengan tanah yang tiada pemilik ataupun tiada orang yang mewarisinya. Tanah ini boleh diberi kuasa oleh pihak pemerintah untuk dimiliki terus ataupun mengambil manfaatnya kepada

7 Abul A'la Maududi, *Hak Milik Tanah Dalam Islam*, hlm. 37.

sesiapa yang dikehendaki oleh pihak pemerintah mengikut keperluan dan kepentingan masyarakat Islam.

Oleh sebab itulah, maka tanah-tanah pertanian yang telah ditinggalkan oleh pemilik asalnya ataupun yang telah dihalau keluar oleh pihak kerajaan, iaitu seperti tanah kepunyaan orang Yahudi suku Bani al-Nadir di sekitar Madinah ataupun tanah di beberapa buah negara yang ditakluki, seperti tanah-tanah milik Kisra dan kaum keluarganya di negeri Iraq kemudian para pemiliknya telah tewas (mati) dalam perang ataupun lari keluar dari negeri Islam, maka semua tanah itu dengan sendirinya menjadi hak milik negara. Tanah tersebut akan digunakan ataupun diberi hak milik kepada sesiapa yang dikehendakinya dengan dikenakan syarat-syarat seperti yang dikenakan kepada tanah-tanah mati atau terbiar. Jika tanah itu tinggal terbiar tanpa diusahakan oleh pemiliknya selama tiga tahun mulai daripada tarikh pemberian milik ataupun sesudah tamatnya tempoh itu, gugurlah hak miliknya ke atas tanah tersebut dan tanah itu kembali menjadi hak negara. Ketika itu setiap warganegara mempunyai hak untuk membuat permohonan memilikinya dan memajukannya. Oleh yang demikian, hak milik orang yang kedua ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pemberian hak milik tanah yang mati (terbiar). RasululLah s.a.w. sendiri dan beberapa orang Khalifah al-Rasyidin telah memberi hak sejumlah besar tanah kepada para pemiliknya, iaitu daripada tanah-tanah yang belum dimiliki lagi.

أقطنى رسول الله عليه وسلم ، وعمر بن الخطاب أرض كذاوكذا...

Terjemahan: *Daripada Urwah bin al-Zubir bahawa Abdul Rahman bin 'Auf telah berkata: "RasululLah s.a.w. dan juga Khalifah 'Umar bin al-Khattab telah memberi kuasa kepada aku untuk memiliki tanah sekian dan sekian...*

Al-Kadi Abu Yusof telah merawikan: "Bahawa Khalifah 'Umar telah memberi hak milik semua tanah kepunyaan Kisra, atau milik kaum keluarganya (Kisra) ataupun kepunyaan orang yang terbunuh dalam peperangan atau menggabungkan diri mereka berperang dengan tentera musuh, maka Khalifah 'Umar telah memberi milik tanah yang berkenaan kepada sesiapa yang dipandangnya berhak dan layak diberi milik tanah itu ...".[8] Abu 'Ubaid telah menyebutkan dalam kitab karangannya *al-Amwal*, bahawa al-Haris bin Bilal bin al-Haris al-Mazni daripada ayahnya bahawa RasululLah s.a.w. telah memberi hak milik tanah di al-'Aqiq semuanya, apabila tiba zaman pemerintahan Khalifah 'Umar, maka Khalifah berkata kepada Bilal: "Bahawa sesungguhnya RasululLah s.a.w. tidak memberi milik tanah itu dengan tujuan supaya anda menyekat orang lain daripada mengusahakannya, tetapi beliau telah memberi milik itu dengan tujuan supaya anda mengerjakannya. Oleh itu, ambillah setakat yang anda mampu mengerjakannya dan serahlah yang baki itu (kepada kerajaan atau negara) ...".[9]

8 Abu Yusuf, *al-Kharaj*, hlm. 57 dan 58.
9 Abu Ubaid, *op. cit.*, hlm. 29, dan Abu Yusuf, *op.cit.*, hlm. 68 – 69.

Oleh sebab itulah, Islam telah memperakui hak milik individu ke atas tanah dalam beberapa keadaan tertentu seperti juga Islam telah memilik-negarakan tanah-tanah itu dalam beberapa keadaan tertentu untuk menjadi-kannya sebagai hak milik umum yang dapat memberi faedah kepada semua kaum Muslimin. Juga pada beberapa ketika tertentu, Islam membenarkan mengambil balik tanah-tanah tertentu dan membahagikannya semula kepada orang yang tidak punya tanah. Semua tindakan seperti itu dibenar dan diper-akui oleh Islam mengikut keadaan yang dapat menjamin tercapainya kepenting-an masyarakat Islam.

FASAL DUA : HAK MILIK UMUM MENURUT PANDANGAN ISLAM

Perkara 124 - Pendirian dan Sikap Negara Terhadap Hak Milik Umum

Kita baru sahaja menjelaskan bahawa hak milik harta itu pada asalnya ada-lah kepunyaan Allah S.W.T. dan Allah S.W.T. telah memberi kemudahan kepada para hamba-Nya (umat manusia) untuk mengurus harta itu sebagai wakil-Nya dengan tujuan membangun dan memakmurkan bumi ini supaya yang hak itu dapat menewaskan yang batil di bumi-Nya. Kita juga telah me-nyebutkan bahawa negara merupakan badan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang dan menghayati perjalanan undang-undang serta peraturan Allah di bumi ini.

Selanjutnya fungsi negara dalam kaitannya tentang harta adalah berpe-ranan sebagai wakil Allah, iaitu dari sudut memberi milik, melabur dan mengambil manfaat serta membelanjakannya mengikut cara yang dikehendaki dan ditetapkan oleh Allah S.W.T. Negara juga berhak memberi kepercayaan dan menyerahkan harta itu dalam bentuk pemberian milik individu serta berhak menahan pemberian milik itu dalam apa sahaja bentuk harta yang dianggap perlu dijaganya sendiri untuk kepentingan masyarakat. Ini seperti bahan-bahan logam, petroleum dan sebagainya, iaitu bahan-bahan yang sangat diperlukan oleh semua orang dan juga berdasarkan panduan oleh RasululLah s.a.w. supaya tidak memberi hak milik secara individu bahan-bahan keperluan umum, iaitu "rumput", "api", "air" dan "garam". Pemeliharaan bahan-bahan itu sebagai milik dan jagaan negara ialah untuk faedah setiap anggota masyarakat tanpa sebarang perbezaan di antara mereka dengan apa sebab sekalipun. Ini berdasarkan pengertian bahawa setiap anggota masyarakat mempunyai hak sebagai "ahli-ahli syarikat" yang menjamin persamaan taraf agar bahan-bahan penting itu dapat digunakan untuk faedah setiap individu dalam masyarakat secara sama rata.[10]

---

10 Iaitu sama ada mereka itu orang Islam ataupun orang bukan Islam kerana nas hadis menga-takan *"Semua manusia itu berkongsi (haknya) dalam (menggunakan) tiga bahan penting ..."* dengan memakai perkataan "al-Nas" yang memberi pengertian "semua manusia" tanpa melihat sama ada mereka itu orang Islam atau bukan Islam.

Oleh yang demikian, bahan-bahan keperluan umum itu tidaklah boleh diberi milik secara individu. Ini kerana hal yang demikian bercanggah dengan jaminan bahawa setiap individu itu sama tarafnya untuk mengambil faedah daripadanya dari segi pemakaian dan pengambilan manfaatnya. Ini memberi pengertian bahawa bahan-bahan keperluan umum itu terbuka bagi kegunaan individu dan sama-sama berkongsi di antara mereka. Dalam keadaan seperti ini, setiap orang mendapat peluang yang sama untuk menikmati faedahnya tanpa disekat atau dihalang oleh sesiapa pun. Sekiranya bahan-bahan keperluan umum itu kurang jumlahnya, iaitu tidak dapat memenuhi keperluan semua orang dengan secukupnya, maka dalam keadaan ini pihak negara perlulah campur tangan untuk menjamin bahawa setiap anggota masyarakat akan mendapat bahagian dan kadar yang munasabah mengikut batas-batas keperluannya.

Apabila kita mengkaji masalah ini dengan teliti, nescaya kita dapati bahawa bahan-bahan keperluan asas itu merupakan bahan keperluan yang melibatkan semua orang hinggakan tiada seorang pun anggota masyarakat yang tidak memerlukannya. Dengan demikian, dapatlah diyakini bahawa bentuk syarikat dan perkongsian bahan itu melibatkan setiap individu dalam masyarakat. Ini berdasarkan hukumnya memang berbentuk "syarikat" sama ada daripada segi hak memilikinya dan juga mengambil faedah serta manfaatnya di antara seluruh anggota masyarakat. Dengan demikian, bahan-bahan keperluan asas itu sebenarnya tidaklah terhad kepada bahan-bahan yang tersebut dalam hadis di atas sahaja. Ini kerana bahan-bahan itu dipandang penting pada zaman RasululLah s.a.w. yang memang diperlukan oleh semua orang. Maka setiap bahan yang mempunyai ciri keperluan umum untuk semua orang, merupakan bahan-bahan keperluan asas yang termasuk dalam hukum keperluan asas pada zaman RasululLah s.a.w. juga.

Bahan-bahan asas untuk keperluan umum itu tidaklah seharusnya dipandang dari sudut yang primitif, malah hendaklah dipandang daripada suatu skop yang meluas dan menyeluruh, iaitu daripada segi keperluannya sesuai dengan perkembangan zaman dan keadaan. Sebagai contohnya air sebagai bahan keperluan umum untuk diminum berdasarkan firman Allah:

وَأَرْسَلْنَا ٱلرِّيَـٰحَ لَوَٰقِحَ فَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَسْقَيْنَـٰكُمُوهُ وَمَآ أَنتُمْ لَهُۥ بِخَـٰزِنِينَ ﴿٢٢﴾

سورة الحجر ١٥ : اية ٢٢

Terjemahan: *Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.*

(Surah al-Ḥijr 15:22)

Air juga digunakan untuk mengairi tanam-tanaman, dan menghasilkan tenaga elektrik dan air batu dan untuk kegunaan-kegunaan lain yang membawa manfaat yang besar.

Apa yang dimaksudkan dengan perkataan "rumput" itu ialah padang-padang ragut dan tanah-tanah rizab untuk menternak dan lain-lain penghasilan perindustrian dan pertanian. Oleh itu, wajiblah ia terus dibenarkan untuk kegunaan semua orang tanpa sebarang sikap monopoli atau penyelewengan.

Perkataan "api" merangkumi semua kegunaan yang berasal daripada api, seperti semua jenis tenaga dalam berbagai bentuk dan rupa yang kemudiannya dikenali dengan berbagai nama seperti cahaya, sinar x, kepanasan, dan pergerakan yang berpunca daripada berbagai sumber api seperti kayu api, arang batu, petroleum, tenaga suria (solar), nuklear dan juga elektrik. Oleh itu, mestilah dijauhkan sama sekali daripada menjadi hak milik individu, dan hendaklah pihak negara mengurus, mengendali dan mengatur penggunaannya dengan memberi peluang yang sama bagi semua anggota masyarakat.

Perkataan "garam" pula yang tersebut dalam hadis RasululLah s.a.w. bahawa pemakaiannya diberikan kepada semua orang dan tidak boleh dimiliki oleh segelintir manusia sahaja yang membuat keputusan sendiri mengenai hak orang ramai. Termasuk dalam perkataan "garam" itu juga adalah semua jenis logam dan galian yang berbagai bentuk dan jenisnya.

Majoriti *fuqaha* telah bersetuju secara *ijma'* bahawa pihak negara yang memberi kuasa kepada beberapa individu untuk mengusahakan pengeluaran bahan-bahan galian itu sentiasa mengawasi supaya pihak pengusaha yang menjalankan tugas sebagai wakil masyarakat itu hendaklah benar-benar menjaga harta kekayaan yang berkenaan. Ini sama ada dalam bentuk pelaburan, pengambil manfaat dan perbelanjaannya hendaklah dilakukan dengan cara yang selaras untuk kepentingan umum.

Menurut lingkungan batasan-batasan perundangan dan peraturan Islam yang berkaitan dengan harta dan kewangan, individu yang berkesempatan mengerjakan bahan-bahan keperluan umum itu adalah bertanggungjawab tentang kesan-kesan dan akibat hak milik yang diperoleh itu. Individu ini bebas membuat keputusan dan bertindak terhadap harta yang di bawah miliknya mengikut cara yang dibenarkan oleh syara' dan undang-undang. Ini sama ada dari sudut jual beli, pajakan dan gadaian, pemberian kelonggaran, wakaf, *infaq*, memberi pinjam, dan membuat wasiat daripada harta itu. Namun demikian, hak milik ini apabila dinisbahkan mengikut undang-undang (sebagai kepunyaan) orang yang diberi milik itu, dengan tanggungjawab undang-undang mengikut apa yang telah disebutkan di atas, tidaklah boleh dilakukan dengan cara yang bebas daripada sebarang ikatan dan syarat ataupun keistimewaan hak-hak tertentu. Ini kerana kaitan dan nisbah itu secara umumnya mestilah dilakukan untuk kepentingan masyarakat.

Perkara 125 - Pemilikan Menurut Masyarakat Kapitalis

Dalam masyarakat dan negara kapitalis, hak milik itu adalah bercorak individu (perseorangan) baik daripada segi penguasaan dan pengambilan manfaat tanpa sebarang ikatan ataupun batas-batas hak milik yang dilakukan oleh pihak negara. Ini memberi pengertian bahawa masyarakat kapitalis itu ditegakkan

atas dasar hak milik individu sebagai asas dan tapak pembangunan ekonomi. Walaupun hal ini tidak menghalang, tetapi dalam lingkungan yang sangat terbatas, umpamanya pihak negara boleh mengambil alih hak milik tersebut apabila keadaan memerlukan berbuat demikian. Sebagai contoh, untuk mendirikan bangunan-bangunan pentadbiran awam ataupun yang berkaitan dengan kepentingan umum yang tidak sepatutnya menjadi milik individu (seperti meluaskan jalan raya, menggali parit dan longkang, membina padang permainan kanak-kanak, taman peranginan awam dan jabatan-jabatan serta perkhidmatan umum lain yang memerlukan ditarik balik hak milik individu dengan syarat pihak berkuasa membayar pampasan yang adil dan munasabah). Ini memberikan pengertian bahawa hak milik individu itu merupakan asas dan dasar dalam masyarakat kapitalis. Hak milik umum, jarang berlaku kecuali apabila keadaan memerlukan.

Perkara 126 - Pemilikan Menurut Masyarakat Sosialis

Hak milik dalam masyarakat sosialis merupakan sesuatu yang bercorak kolektif, iaitu hak milik untuk semua anggota dan individu dalam masyarakat yang berkumpulan sebagai suatu badan sahaja. Namun demikian, kadang-kadang diberikan kelonggaran kepada para individu untuk memiliki harta secara paling terbatas. Ini bermakna pada asasnya, hak milik dalam masyarakat dan negara sosialis itu bercorak kolektif dengan diberi pengecualian menurut batas-batas yang sangat terhad untuk hak milik individu.

Perkara 127 - Pemilikan Menurut Pandangan Islam

Hak milik menurut pandangan Islam adalah kepunyaan Allah S.W.T. pada masa yang sama ia terbahagi kepada hak milik individu (khusus) dan hak milik masyarakat (umum).

Dalam Islam hak milik khusus itu dibolehkan bagi para individu dengan pengertian bahawa setiap individu itu mempunyai hak untuk memiliki dan mengambil manfaat. Dengan demikian individu itu juga mempunyai hak membuat keputusan dengan cara menjual atau membeli, menggadai, membuat wasiat dan memberi pusaka serta tindakan-tindakan lain termasuk tindakan undang-undang penuh (*la propriete, pleine*).

Namun dalam Islam, setiap pemilik itu bukanlah pemilik harta yang sejati, seperti yang berlaku dalam sistem kapitalis. Tetapi dia dijadikan wakil memegang harta benda yang dipunyainya (*viceregent*) itu sebagai seorang pemilik yang menerima perwakilan untuk mengguna dan mengurus (mentadbir). Ini bermakna apabila terbukti kepada pihak berkuasa bahawa pemilik yang bertaraf sebagai wakil itu (*viceroy*) tidak melaksanakan kewajipan dengan cara membuat keputusan dan menjalankan pelaburan yang tepat atau sebagainya, maka pihak berkuasa berhak menarik balik hak milik itu dan memberikannya kepada orang lain yang tahu menggunakan sama ada melabur dan mengurusnya dengan baik dan tepat. Ini kerana hak itu adalah suatu

kewajipan sosial sesudah pihak pemilik pertama tadi diberikan bayaran pampasan yang munasabah.

Dasar ini menegaskan bahawa perlindungan yang diberikan oleh masyarakat kepada hak milik khusus itu tidaklah berlaku untuk semua keadaan dan apa jua bentuk pelaburan. Tetapi hak milik khusus itu dilindungi oleh negara selama hak milik itu tetap melaksanakan tugas sosialnya dengan cara yang selamat dan adil.

Menurut pandangan Islam hak milik khusus ini merupakan suatu kewajipan sosial, iaitu suatu tugas yang telah ditentukan oleh Allah kepada setiap orang pemilik. Ini supaya dia dapat mengambil bahagian dalam memberikan sumbangan dan melaksanakan tugas sebagai khalifah yang telah dikurnia oleh Allah sebagai suatu penghormatan kepada umat manusia di dunia ini dan bukanlah suatu hak milik yang sejati. Maka memang menjadi suatu yang lumrah dan munasabah bahawa setiap pemilik itu mestilah tunduk kepada arahan-arahan dan kepentingan-kepentingan masyarakat Islam.

Hadis yang dirawikan daripada RasululLah s.a.w. tentang membangun atau mengusahakan tanah yang mati atau terbiar seperti:

إن الإرض لله تعالى جعلها وقفاً على عباده، فمن عطل أرضاً ثلاث سنين متو الية لغير ماعلة أخذت من يده ودفعت إلى غيره... .

Terjemahan: *Sesungguhnya bumi itu adalah kepunyaan Allah yang telah dijadikan-Nya sebagai suatu harta wakaf untuk para hamba-Nya. Dengan demikian sesiapa sahaja yang membiarkan tanah itu tanpa dikerjakan selama tiga tahun berturut-turut tanpa sebarang sebab, maka tanah itu hendaklah diambil balik daripadanya dan diberikan kepada orang lain ... .*

Demikianlah kita dapati bahawa hadis di atas telah memberi sumbangan besar tentang suatu pengertian hak milik tanah dan peranan setiap individu dalam mengendalikan hak milik itu. Ia juga memberi penjelasan tentang hak pihak berkuasa untuk mengambil balik tanah daripada pihak pemiliknya dan juga alasan yang menguatkan sikap pihak berkuasa.

Hak milik umum (atau hak milik bersama) dibolehkan juga menurut pandangan Islam di samping hak milik khusus. Dalam kedua-dua keadaan tersebut, hak milik itu bukanlah merupakan hak yang sejati bagi para individu. Ia juga bukanlah suatu hak milik yang sebenar bagi masyarakat, kerana pada asalnya hak milik itu adalah kepunyaan Allah S.W.T. Ini kerana Islam mengakui bahawa hak milik yang sejati dan sebenarnya itu hanyalah kepunyaan Allah sahaja, dan semua "harta" itu adalah harta Allah. Oleh itu, harta itu adalah suatu bentuk amanah Allah kepada manusia untuk melaburkannya. Oleh sebab itulah, maka umat manusia adalah orang yang menerima amanah Allah atas harta itu. Berikutnya pula, manusia itu ditugaskan untuk memelihara dan mengawasi harta yang diamanahkan itu dan melaksanakan haknya terhadap Allah. Tidak terkecuali juga terhadap manusia, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Allah dalam al-Qur'an. Memang tiada sebarang keraguan apabila setiap manusia pada ketika melaburkan harta dengan perasaan

dan kesedaran seperti ini. Tetapi ia berlainan sama sekali ketika dia melaburkannya dengan perasaan bahawa dia sendirilah tuan yang memiliki harta itu, atau tuan yang melaburkan harta itu. Selanjutnya setiap pemilik harta tidak akan melakukan sesuatu melainkan mengikut kadar yang difikir dan dikehendakinya. Memang terdapat suatu perbezaan yang sangat besar di antara manusia dalam kedua-dua keadaan itu apabila dia memberikan sesuatu sumbangan dan pemberian kepada orang ramai. Ini kerana dalam keadaan yang pertama tadi, dia merasakan bahawa berbuat demikian adalah semata-mata untuk menunaikan kewajipan yang telah diletakkan oleh Allah kepada dirinya dan dia menunaikan suatu hak kepada saudara-saudaranya. Dengan keadaan seperti ini, maka tiada sebarang ungkitan dan sikap yang menyakitkan hati. Yang ada hanyalah perasaan untuk menunaikan tanggungjawab dan merasa yakin dengan tanggungjawab itu. Sedangkan dalam keadaan yang kedua, dia merasakan bahawa dirinyalah yang mempunyai keutamaan dan kelebihan yang diberikannya itu serta tiada sebarang rasa tanggungjawab.

Sikap dan keadaan yang pertama merupakan tiang dan tonggak bagi tegaknya sesebuah masyarakat yang berperikemanusiaan, baik dan saling bantu-membantu serta saling jamin-menjamin hak sesama sendiri. Sikap dan keadaan yang kedua pula adalah tonggak bagi tegaknya sebuah masyarakat yang penuh dengan pemerasan untuk kepentingan diri dan pemujaan individu.

Berdasarkan asas perjalanan dan perlakuan Islam yang *syumul* dan merangkumi semua aspek, maka sistem Islam itu ditegakkan dengan corak kemanusiaan yang berasaskan akhlak, suci dan bersih daripada semua keaiban serta kecacatan daripada sistem ekonomi yang lain. Oleh yang demikian, tidak wujudlah corak individualistik yang tidak terbatas yang menyebabkan kepentingan individu itu diberi keutamaan melebihi segala kepentingan lain tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat. Ini memberi sepenuh peluang kepada individu itu untuk melakukan apa sahaja tanpa tertakluk kepada nilai-nilai yang lain. Sistem Islam juga bukanlah suatu sistem kolektif sepenuhnya. Ia juga bukanlah suatu sistem yang tidak menghiraukan kepentingan peribadi setiap individu dan tidak memberikan sebarang bentuk pertimbangan terhadap peranan individu itu dalam pembentukan masyarakat. Dalam menentukan garis perjalanannya dan juga dalam pergaulan serta muamalatnya seolah-olah peribadi itu hanyalah suatu bahagian daripada sebuah alat yang besar, yang tidak punya hak kebebasan dan keinginan dalam sesuatu keputusan ataupun tindakannya.

Tetapi Islam dalam masalah ini mengambil suatu jalan pertengahan yang adil serta boleh diterima dan dipertimbangkan. Ini kerana ia mengiktiraf peranan peribadi setiap individu itu dan juga peranan pentingnya dalam pembentukan masyarakat. Dengan demikian, setiap individu itu mempunyai tugas dan kewajipan tertentu kepada masyarakat, iaitu setiap individu itu hendaklah sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat kepada masyarakat, sesuai dengan hadis RasululLah s.a.w.:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا.

Terjemahan: *Perbandingan setiap orang beriman terhadap orang beriman yang lain itu adalah seumpama sebuah bangunan besar yang setiap bahagiannya saling kuat menguatkan di antara satu individu itu dengan yang lainnya.*[11]

Islam memperakui tugas masyarakat terhadap individu dan masyarakat itu wajib memberikan perhatian kepada masalah keselamatan dan kesejahteraan individu. Masyarakat itu juga hendaklah sentiasa berusaha melakukan tindakan yang dapat membawa kesejahteraan yang boleh melaksanakan kepentingan masyarakat. Antara firman Allah S.W.T.:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ
وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ
ٱللَّهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

سورة التوبة٩ : اية ٧١

Terjemahan: *Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengah-setengahnya menjadi penolong bagi setengah-setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sseungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah 9:71)

Menurut pengertian seperti inilah al-'Alim al-Kabir Prof. Muhammad Baqir al-Sadr menulis:

"Tiada lagi sebarang bukti yang lebih tepat tentang kesahihan pendirian dan sikap Islam dalam masalah hak milik, iaitu sikap yang tegak di atas prinsip dasar hak milik yang bercampur-aduk daripada kenyataan dan fakta sistem kapitalis dan sosialis. Ini kerana kedua-dua bentuk ini memaksa kita mengakui tentang benarnya suatu bentuk hak milik lain yang bercanggah dengan kaedah umum itu. Fakta itu telah membuktikan betapa silap dan tidak benarnya pendapat yang menerima hanya satu bentuk sahaja hak milik itu. Sejak dahulu lagi masyarakat kapitalis telah menerima idea dan konsep pemiliknegaraan dan tidak mengakui hak milik khusus (individu) dalam beberapa sektor umum yang tertentu. Sedangkan gerakan atau tindakan memiliknegarakan itu tidak lain daripada suatu bentuk pengiktirafan yang menyeluruh daripada berbagai masyarakat kapitalis tentang tidak layaknya prinsip kapitalis dalam masalah hak milik. Ia juga tentang wujudnya suatu percubaan untuk menyelesaikan keburukan yang berbentuk percanggahan dan kejanggalan prinsip kapitalis itu. Demikian juga dengan masyarakat sosialis, dari suatu sudut lain telah mendapati (walaupun ia baru sahaja muncul) terpaksa juga mengiktiraf

11 Riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi dan al-Nasaai.

wujudnya hak milik khusus itu daripada segi undang-undang negara, dan juga dalam bentuk yang tidak berdasarkan undang-undang pada beberapa ketika yang lain". Sebahagian daripada pengiktirafan undang-undang itu ialah kandungan beberapa fasal peruntukan undang-undang dasar atau perlembagaan negara Soviet Rusia yang menetapkan seperti berikut: "Setiap keluarga kelompok ladang pertanian koperatif, berhak memiliki sebidang tanah yang khusus untuk keluarga itu di samping pendapatan asasinya yang bersumber daripada penghasilan ekonomi ladang pertanian koperatif itu. Ia juga berhak mendapat sebuah tempat kediaman yang bersambung dengan tanah itu. Keluarga itu juga berhak mendapatkan hasil tambahan daripada tanah yang berkenaan, juga sebuah rumah kediaman dan haiwan ternakan yang memberikan tambahan pendapatan keluarga itu. Termasuk juga burung-burung peliharaan dan alat-alat pertanian ringan sebagai hak milik peribadi ...". Dan peruntukan fasal sembilan perlembagaan itu juga memberi pengiktirafan hak milik para petani secara individu dan juga para pengusaha. Ini adalah untuk menjalankan berbagai projek ekonomi kecil-kecilan dan mendirikan perusahaan kecil-kecilan daripada hak milik itu di samping sistem sosialis yang berkuasa.

FASAL TIGA: BEBERAPA PANDUAN ISLAM MENGENAI MASALAH EKONOMI DAN SOSIAL[12]

Perkara 128 - Prinsip-prinsip Pemilikan Harta Umat Islam

Terdapat beberapa prinsip yang membatasi perjalanan dan sikap setiap orang Islam terhadap harta yang dimiliknya. Prinsip ini berkaitan dengan sikap dan kelakuan yang dihayati oleh setiap orang Islam dengan berpandukan ilham daripada kepercayaan dan keimanannya kepada Allah yang Maha Mengawasinya, iaitu Tuhan Pencipta harta dan yang memberi amanah kepadanya menyimpan, melantiknya sebagai wakil untuk mengurus amanah tersebut. Dalam konteks ini imanlah yang memberi ilham kepadanya supaya sentiasa berhati-hati dan takut kepada Hari Akhirat. Oleh yang demikian, apabila sahaja setiap orang Islam itu menyeleweng daripada prinsip-prinsip yang ditetapkan itu, maka sesungguhnya dia telah melakukan berbagai dosa. Setiap dosa itu mempunyai akibat dan balasannya, di samping tindakan balas yang diambil oleh pihak yang berkuasa sebagai wakil seluruh masyarakat yang melaksanakan berbagai bentuk tindakan dan hukuman untuk menjamin prinsip itu dihormati dan dipatuhi. Di bawah ini ialah ringkasan mengenai prinsip-prinsip tersebut.

Prinsip Pertama

Ikatan terhadap kebebasan pihak pemilik harta dengan mengenakan kewajipan supaya melaburkan hartanya dan mengembangkannya. Ini berdasar-

12 Kuliah Dr. Muhamad Abdullah al-'Arabi.

kan jika harta itu termasuk dalam senarai alat-alat pengeluaran supaya tidak terhenti begitu sahaja perkembangan kekayaan masyarakat dengan sebab tiadanya usaha pelaburan dan pengembangan.

Islam mewajibkan pihak pemilik harta supaya terus melabur dan mengembangkan hartanya. Ini kerana sikap menghentikan pelaburan itu boleh menyebabkan kemiskinan pemiliknya dan seterusnya mengakibatkan kemiskinan dan kemelaratan hidup masyarakat. Sedangkan Islam membenci kemiskinan. Pelaksanaan kewajipan ini telah pun berjalan pada zaman permulaan Islam lagi, iaitu apabila RasululLah s.a.w. memberi arahan dengan sabdanya:

ليس لمحتجر حق بعد ثلاث سنين.

Terjemahan: *Orang yang tidak melaburkan hartanya atau tidak memajukan tanahnya tidak mempunyai sebarang hak lagi (atas harta dan tanah itu) sesudah selesai tempoh tiga tahun.*

Perkara 129 - Persoalan *Ihtijaar*

Ihtijaar bermaksud mengusahakan tanah mati (terbiar) dengan tujuan untuk membangun dan memajukannya. Tanah mati ialah tanah yang belum menjadi milik sesiapa pun, iaitu seperti sabda RasululLah s.a.w.:

لله وللرسول ثم لكم من بعد ... .

Terjemahan: *Tanah itu (tanah yang mati itu) adalah milik Allah dan Rasul-Nya kemudian menjadi milik anda pula sesudah itu ... .*

Maka yang dimaksudkan dengan perkataan "milik anda" itu ialah milik masyarakat seluruhnya.

Sesungguhnya Khalifah 'Umar r.a. telah melaksanakan prinsip ini melalui ucapan beliau yang bermaksud:

"Sesiapa yang mengusahakan bumi yang mati (terbiar) maka tanah itu menjadi miliknya, tetapi setiap pemilik tidak mempunyai sebarang hak lagi atas tanah yang tidak dikerjakannya sesudah tiga tahun."

Kemudian Khalifah 'Umar mengumumkan pelaksanaan peraturan itu melalui ucapannya yang bermaksud:

"Sesiapa yang membiarkan tanahnya tanpa diusaha dan dimajukannya selama tiga tahun dan datang orang lain yang mengusahakannya maka tanah itu menjadi kepunyaan orang yang mengerjakannya ... ".

RasululLah s.a.w. telah memberi milik kepada Bilal bin al-Haris al-Mazni seluruh tanah di kawasan al-'Aqiq. Apabila Khalifah 'Umar memegang tampuk pemerintahan beliau pun berkata kepada Bilal: "Sesungguhnya RasululLah s.a.w. telah memberi hak milik tanah kepadamu bukan dengan tujuan dibiar-

kan ia tinggal kosong tanpa diusahakan dan menyekat orang lain daripada mengusahakannya. Sesungguhnya RasululLah s.a.w. memberi milik tanah itu kepadamu supaya anda kerjakan. Oleh itu, ambillah tanah itu sekadar yang anda mampu mengerjakannya dan serahkanlah yang baki lagi itu ...".

Hikmat yang tersembunyi di sebalik pelaksanaan arahan ini adalah untuk membuktikan hasrat pihak yang membuat peraturan (Allah S.W.T.) supaya pihak pemilik itu sentiasa melabur dan mengembangkan hartanya kerana harta itu adalah kepunyaan Allah dan juga hak masyarakat. Usaha yang berterusan daripada pihak pemilik untuk melabur dan memajukan harta itu pasti akan membawa pulangan manfaat kepada dirinya sendiri dan juga kepada masyarakat. Ini kerana hasil pelaburan itu merupakan suatu tambahan kepada pendapatan dan kekayaan negara. Begitu juga dengan harapan bahawa sumbangan yang diberikan oleh pihak pemilik harta itu merupakan sebahagian daripada kewajipan (mengikut ajaran Islam) dalam memberi khidmat kepada masyarakat. Oleh yang demikian, pihak pemerintah (sebagai wakil masyarakat) berhak campur tangan bagi menjamin terlaksananya kewajipan itu.

Kewajipan atau tugas meneruskan pelaburan seperti ini di*qias*kan dengan kewajipan untuk mengikut jalan yang paling baik dan sesuai dalam melaksanakan pelaburan. Ini kerana kedua-duanya mempunyai alasan yang sama. Ajaran dan panduan Islam mewajibkan ke atas setiap orang agar rajin dalam melakukan sesuatu pekerjaan, tekun dan dengan cara yang paling baik. Kalaulah pihak pemilik sengaja menggunakan suatu cara tersendiri dalam melabur dan mengembangkan hartanya, iaitu suatu cara yang boleh menyebabkan merosotnya pengeluaran atau membawa akibat hancurnya modal, maka pihak berkuasa berhak mengambil tindakan dan menyekatnya daripada melakukan cara yang merosakkan itu kepada satu cara yang tepat dan baik. Ini bertujuan agar keadaan yang sedang berlaku dalam masyarakat itu dapat menjamin taraf kehidupan mengikut cara yang baik dalam pelaburan itu.

Sekiranya orang ramai sengaja memusatkan harta mereka kepada aspek pertanian sahaja dan tidak mahu menceburkan diri dalam bidang yang lain seperti bidang perindustrian dan perdagangan, maka pihak pemerintah berhak campur tangan dengan mengambil langkah-langkah yang perlu agar boleh menjamin berubahnya sikap orang ramai. Ini bertujuan supaya mereka dapat melibatkan diri dalam bidang pengeluaran yang berbagai bentuknya, seperti perindustrian, perdagangan ataupun perlombongan dan sebagainya. Mengambil bahagian dalam lapangan-lapangan yang berkenaan itu merupakan kewajipan yang termasuk dalam senarai fardu kifayah. Pihak berkuasa dan juga seluruh masyarakat akan menanggung dosa jika tiada seorang pun yang tampil mengambil peranan dalam bidang-bidang itu dan memberikan perhatian memajukannya. Ini kerana pihak berkuasalah (kerajaan) yang bertanggungjawab tentang kemantapan kehidupan rakyat dan menghindarkan segala bencana serta memberi seberapa banyak manfaat kepada mereka.

Seandainya berlaku keadaan bahawa kekayaan hanya terkumpul dalam tangan segelintir puak sahaja daripada sejumlah rakyat jelata yang begitu ramai, sedangkan harta itu merupakan sumber penghasilan yang menjadi

nadi keteguhan masyarakat dan seterusnya terbukti pula bahawa ada golongan kecil yang tidak mampu melabur dan mengembangkan harta itu dengan cara yang berkesan serta memberi faedah kepada umum. Kelemahan seperti ini telah mengakibatkan suatu keadaan yang menyebabkan masyarakat tidak mendapat apa-apa faedah daripada pelaburan yang betul. Dalam hal ini pihak berkuasa berhak campur tangan supaya masyarakat dapat diselamatkan daripada bahaya yang berkenaan. Tindakan pihak berkuasa itu adalah bersesuaian dengan kaedah syara' yang mengatakan bahawa yang bermaksud:

"Kebijaksanaan dan tindakan pihak pemerintah hendaklah selaras dengan kepentingan rakyat jelata".

Dan dengan kaedah yang bermaksud:

"Hendaklah ditanggung bahaya atau bencana yang khusus (yang melibatkan orang tertentu sahaja) untuk mengelakkan bencana yang umum (dan merata meliputi seluruh masyarakat.".

Juga kaedah yang bermaksud:

"Hendaklah diterima (ditanggung dan dihadapi) bencana yang kecil untuk mengelakkan malapetaka yang lebih besar".

Campur tangan pihak pemerintah boleh dilakukan sama ada dengan cara memaksa para pemilik harta atau mengambil tindakan yang betul dalam melaburkan sumber-sumber penghasilan yang mereka miliki. Pihak pemerintah juga boleh mengekalkan sebahagian daripada harta itu dalam tangan para pemilik, iaitu mengikut kadar yang munasabah dan berpatutan dengan kemampuan mereka untuk melabur dan mengurus harta itu. Pihak pemerintah pula akan mengambil alih sebahagian harta lagi dengan tujuan menjalankan pelaburan dan pengurusannya dengan cara yang lebih berkesan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Ini sesudah para pemilik itu dibayar ganti rugi atau pampasan secara tunai (tidak bertangguh) sesuai dan selaras pula dengan harga modal itu. Hal ini perlu dilakukan sekiranya harta-harta itu mereka miliki secara sah mengikut saluran undang-undang. Sekiranya semua atau sebahagian daripada harta itu mereka perolehi melalui saluran yang tidak dibenarkan oleh undang-undang seperti melalui penipuan atau rompakan, maka pihak pemerintah wajiblah mengambil alih sebahagian atau seluruh harta itu tanpa sebarang bayaran ganti rugi.

Prinsip Kedua

Dengan cara mengikat pihak pemilik harta itu dengan melalui paksaan supaya ia membayar zakat daripada hartanya apabila harta itu sudah cukup kadar nisab zakatnya.

Perbincangan tentang zakat akan kita peruntukan satu bab yang khusus

dengan huraian secara terperinci kerana zakat itu adalah salah satu rukun Islam yang ditetapkan secara *ta'abbudi* (sebagai sejenis ibadah yang wajib dilakukan). Oleh yang demikian, apabila seseorang Islam itu enggan membayar dan mengeluarkan zakat, maka sesungguhnya dia telah meruntuhkan salah satu rukun agama Islam.

Prinsip Ketiga

Dengan cara membatasi kebebasan pemilik harta dengan memberi perintah agar dia memberi sumbangan (*infaq*) kepada jalan Allah (*fi sabililLah*) mengikut kadar yang dapat memenuhi tuntutan dan keperluan masyarakat.

Kita akan memperuntukkan juga satu bab khusus tentang masalah *infaq* ini selepas bab mengenai zakat.

Prinsip Keempat

Setiap pemilik harta dia diperintahkan supaya penggunaan hartanya itu tidak menjadi punca bencana kepada orang lain ataupun kepada seluruh masyarakat. Ini kerana semua hak yang diberikan oleh hukum syara' itu terikat dengan syarat supaya tiada sebarang bahaya atau bencana kepada orang lain. Hak-hak yang mutlak tanpa prinsip itu tidak mungkin didapati dalam sesuatu mana syariat yang mengambil sumber hukumnya daripada wahyu Ilahi. Syariat Allah memandang tinggi sikap berbuat baik kepada sesama umat manusia secara menyeluruh, bukan sahaja kepada diri atau individu. Oleh yang demikian semua hak yang ada dalam syariat Ilahi berasaskan dengan tujuan mengelakkan bahaya dan bencana kepada masyarakat dan mendapatkan sebanyak mungkin manfaat serta perseimbangan antara manfaat-manfaat itu. Oleh sebab itu, sesiapa sahaja yang menyalahgunakan haknya dengan cara menimbulkan bahaya dan bencana kepada orang lain, maka hendaklah dilarang daripada melakukan perbuatan itu jika bahayanya boleh melibatkan malapetaka yang besar.

Di antara perakuan-perakuan yang terdapat dalam ajaran Islam bahawa semua hak itu berasal daripada pencipta syariat (Allah S.W.T.). Oleh yang demikian, seluruh perjanjian itu tidak boleh melahirkan sebarang kesannya, kecuali berpandukan hukum syara'. Perjanjian-perjanjian itu menjadi sebab dan dasar yang mesti dipatuhi dan bukan dasar tabii (semula jadi). Oleh kerana pemberi semua hak itu ialah Allah S.W.T., maka dengan sendirinya hak memiliki, menguasai, mendapat keistimewaan, menggunakan harta dan mengambil alih harta serta barang-barang yang dibenarkan (*mubah*) menurut pandangan agama, berdasarkan ciptaan dan perkembangannya adalah diambil daripada hukum-hukum syara'. Ketika Allah memberikan hak-hak itu, Allah telahpun mengikatnya supaya tidak membawa mudarat dan bencana. Sekiranya ia membawa mudarat kepada pihak lain, maka ia bukan lagi suatu hak, tetapi adalah suatu pelanggaran. Sedangkan melanggar hak orang lain dilarang keras oleh Allah S.W.T., melalui firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

سورة المائدة ٥ : اية ٨٧

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.*

(Surah al-Mā'idah 5:87)

Dalam masalah ini, Ibn al-Qayyim menulis: "Jika anda perhatikan syariat yang telah dikurniakan oleh Allah kepada para hamba-Nya, nescaya anda dapati semua syariat itu tidak terkeluar daripada garis yang menghasilkan kepentingan yang khusus atau yang lebih kuat. Apabila kepentingan-kepentingan itu bersaingan, maka didahulukan yang paling penting dan yang lebih besar. Walaupun ini boleh menyebabkan hilangnya manfaat dan kepentingan yang lebih kecil seperti juga syariat itu tidak pernah terkeluar daripada landasan bagi menghenti dan membenteras kerosakan yang besar dan kuat seberapa yang mungkin. Jika keburukan itu terlalu banyak, maka dihapuskan yang lebih besar dan ditanggung yang paling kecil dan minimum sekali. Berdasarkan prinsip inilah, Allah yang Maha Bijaksana telah menetapkan syariat-syariat agama-Nya dengan memberikan panduan yang jelas tentang agama itu berdasarkan ilmu-Nya yang Maha Sempurna dan lengkap. Ini juga dengan limpahan hikmah-Nya kepada hamba-Nya serta dengan sifat ihsan-Nya kepada mereka ...". [13]

Dalam kaedah syariat pula ada panduan yang bermaksud:

"Tiada bahaya dan tiada hal yang membahayakan (orang lain) dalam (ajaran) Islam".

Daripada beberapa cawangan kaedah yang berasal daripada kaedah fiqh itu maka ilmu fiqh Islam telah memberikan panduan yang terbaik dan tidak mampu dilakukan oleh sebarang jua sistem perundangan buatan manusia. Ini sama ada dalam memberikan garis perbezaan di antara bencana yang melibatkan semua orang dengan bencana yang dilakukan dengan sengaja (untuk memberi bencana kepada pihak) atau yang tidak disengajakan. Di samping itu ia juga membuat perbezaan di antara peringkat-peringkat bencana, iaitu sama ada bencana besar, bencana kecil, juga bencana yang sering berlaku dan juga bahaya besar yang jarang-jarang berlaku. Keadaan ini hinggalah ke akhir perbendaharaan ilmu yang sangat berharga dan menghiasi warisan ilmu fiqh kita, yang terdapat perseimbangan yang adil di antara prinsip mencapai kepentingan dan menolak kerosakan.

13 Al-Sa'adah, *Miftah*, hlm. 350.

Berikut ialah tiga prinsip mengenai jenis-jenis bencana itu:

(a) Bencana yang melibatkan semua orang termasuk dalam perkara yang dilarang sama sekali melakukannya. Setiap orang yang melakukan bencana itu dianggap melakukan kejahatan kepada orang yang menerima bencana itu. Sebab itulah ilmu fiqh Islam mengambil sikap menegah beberapa perkara yang selalunya boleh menimbulkan penyalahgunaan hak. Dalam keadaan seperti ini, perbuatan yang pada asalnya diizinkan bertukar corak menjadi perbuatan yang dilarang. Ini kerana bencana yang umum itu selalunya dianggap sebagai bencana besar, maka bencana itu hendaklah ditegah daripada berlaku dan kadang-kadang dalam usaha mencegah bencana yang umum itu, terpaksalah dipikul bencana yang khusus.

(b) Bencana-bencana umum itu tidak diambil kira wujudnya niat memberi bencana atau tidak wujudnya faktor niat itu. Apa yang diberi perhatian dalam bencana-bencana seperti ini ialah akibat-akibat yang akan timbul daripada perbuatan bencana itu. Oleh yang demikian, jika perbuatan itu boleh membawa akibat berlakunya bencana yang merata, hendaklah dilarang dan dicegah, walaupun dalam konteks ini pihak yang melakukannya tidak berniat melakukan bencana. Oleh yang demikian, pandangan kepada harta juga tidak ditumpukan kepada niat yang punya harta tetapi kepada hasil dan akibat perbuatan itu.

Jadi yang paling penting ialah dalam melakukan suatu hak yang diizinkan kemudian faktor mengakibatkan bencana umum, iaitu kadar bencana yang akan ditimbulkan oleh perbuatan itu. Dalam hal ini, ia bukan hanya kepada niat pelakunya sahaja.

Al-Syatibi telah menambah penjelasannya tentang masalah ini seperti berikut: "Apabila perkara atau masalah itu berkaitan dengan orang ramai, maka bencana itu menjadi bencana umum. Walau bagaimana berat sekalipun bencana yang mungkin menimpa seseorang yang empunya hak, tetapi bencana itu adalah kecil berbanding dengan bencana yang mungkin menimpa orang ramai. Oleh sebab itu, hendaklah diberi keutamaan kepada hak umum (orang ramai). Tetapi wajiblah diberi ganti rugi atau pampasan kepada tuan punya hak itu sebagai imbangan kepada bencana dan kerugian yang menimpanya dengan sebab hilangnya manfaat yang sah mengikut undang-undang (syara') ... ".[14]

(c) Bencana atau kerugian dan kerosakan yang berlaku kepada orang perseorangan. Dalam hal ini, seseorang itu tidak dipandang sebagai melakukan kejahatan dalam menggunakan haknya kecuali jika penggunaan haknya itu berlaku sesuatu pelanggaran dan pencabulan

14 Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, Jilid 2 hlm. 369.

yang sebenarnya. Ini berkait sama ada wujudnya niat untuk melanggar hak seperti yang dapat dibuktikan oleh kejadian yang berlaku itu tiada sebarang muslihat dalam penggunaan hak itu. Ataupun perbuatan menggunakan hak peribadinya belum tentu boleh membawa kebaikan atau boleh menyebabkan pelanggaran had yang telah ditentukan. Misalnya dia menggunakan haknya dengan cara yang luar biasa (tidak mengikut kebiasaan) seperti mengairi tanamannya pada waktu yang masih boleh ditangguh. Sedangkan jirannya atau rakan kongsinya yang bersama-sama mengusahakan tanah pertanian memerlukan air serta merta (tetapi dia enggan melepaskan air ke bahagian tanah jiran atau rakan kongsinya) dan seterusnya. Dengan berbuat demikian, dia berniat menghilangkan sesuatu faedah pihak-pihak yang berurusan (ber*muamalat*) dengannya. Keadaan yang lahir ini dapat membuktikan adanya niat sedemikian.[15] Sumber-sumber rujukan ilmu fiqh kita (kitab-kitab fiqh kita) penuh dengan contoh daripada kejadian-kejadian amali (yang benar-benar berlaku) tentang masalah kewajipan ini, sama ada bencana yang khusus ataupun bencana umum. Semuanya memberikan kewajipan kepada pihak badan kehakiman pemerintah untuk melaksanakan kewajipan ini.

Tetapi sekarang kita dapat saksikan dalam kebanyakan negara Islam berlakunya bencana yang sangat besar dilakukan oleh pihak yang mendapat hak milik secara individu. Ini disebabkan iaitu berlakunya perlonggokan sebahagian besar kekayaan dalam tangan segelintir orang kaya hingga harta itu seolah-olah terkurung dalam genggaman mereka sahaja. Keadaan ini menjadi punca bagi beberapa bencana dalam bidang ekonomi, kepincangan yang ketara dalam bidang sosial dan politik. Ini dapat diketahui dan dikesan oleh setiap penyelidik pada zaman kita dan juga di beberapa buah negara kapitalis yang kekayaan negaranya dimonopoli oleh segolongan kecil orang kaya sahaja. Ini amat bercanggah dengan hidayah dan panduan al-Qur'an yang mewajibkan supaya harta itu berlegar dalam masyarakat.

Oleh sebab itulah, kami menyarankan supaya pihak pemerintah setiap negara Islam (malah memang menjadi kewajipan pihak berkuasa dan masyarakat seluruhnya) agar segera mengambil tindakan positif bagi melaksanakan kewajipan ini. Ini dapat melindungi masyarakat daripada bencana terkumpulnya harta itu dalam tangan segelintir warganegara sahaja. Oleh itu ia seharusnya mengikut cara yang sesuai dengan keadaan negara masing-masing. Ini harus selaras dengan perkembangan ekonomi yang berlaku serta setakat manakah merebaknya penyakit ini dalam masyarakat.

Prinsip Kelima

Kewajipan atau prinsip ini memberi isyarat tentang kebebasan setiap pemilik harta dengan melarang daripada melabur atau mengembangkan hartanya

15 Fadilah Imam Muhammad Abu Zahrah, *Ensiklopedia Fiqh Islam* (Penyalahgunaan hak), hlm. 89 – 90.

melalui jalan yang haram seperti yang dilakukan dengan cara riba, menipu ataupun monopoli.

Cara dan kaedah yang diharamkan oleh Islam ini nampaknya telah merebak dan diamalkan dalam sistem ekonomi semasa, sehinggakan usaha pihak pemerintah untuk mencegah dan memberkasnya menjadi begitu sukar sekali. Pencegahan perbuatan menipu boleh dilakukan dengan mudahnya oleh pihak pemerintah. Ini kerana untuk mengatasi dan mencegah penipuan ini, Islam telah menetapkan suatu sistem pengiraan yang bercorak Islam. Tindakan yang boleh diambil ke atas orang yang melakukan penipuan tertakluk kepada keputusan pihak pemerintah. Mereka berhak mengambil tindakan memberi amaran, mendenda atau menghukum mereka serupa dengan penipuan yang telah mereka lakukan. Walau bagaimanapun, kadar ini mungkin berlipat kali ganda daripada jumlah penipuan itu.

من غش فليس منى... .

Terjemahan: *Sesiapa yang menipu (atau melakukan penipuan) maka dia bukan daripada kalanganku ... .*

Dan sabda RasululLah s.a.w.:

والبيعان بالخيار فإن صدقا وبينا بورك لهما فى بيعهما ، وإن كتما وكذبا محقت بركة بيعها... .

Terjemahan: *Kedua belah pihak yang berjual beli berhak melakukan khiyar (membuat pemilihan sama ada meneruskan urusan jual beli itu atau membatalkannya selama mereka belum berpisah). Oleh sebab itu kalau mereka bersikap jujur dan berterus-terang, maka mereka dikurniai berkat dalam jual beli mereka. Tetapi kalau mereka bersikap curang (dan menipu) dan menyembunyikan kebenaran serta berbohong, maka tiada lagi keberkatan jual beli (perniagaan) mereka ... .*

Oleh itu, setiap orang Muslim dilarang keras daripada menipu dan bersikap curang terhadap nilai dan mutu barangan yang hendak dijual sewaktu dalam perundingan dan interaksinya. Oleh yang demikian kalaulah barangan itu terdapat keaiban atau cacat celanya, maka dia berkewajipan menyatakan kecacatan itu kepada bakal pembeli. Tanpa berbuat demikian dia telah bersikap curang dan keuntungan yang didapati daripada penjualan itu adalah haram baginya.

Dalam suatu hadis lain junjungan RasululLah s.a.w. bersabda:

إنه لايربو لحم نبت من سحت إلا كانت النار أولى به... .

Terjemahan: *Sesungguhnya tidak tumbuh sekeping daging (dalam tubuh manusia) yang bersumber daripada makanan yang haram itu melainkan neraka jualah yang paling layak baginya ... .*

Di samping itu pula, sekiranya seseorang pemilik harta itu menggaji ataupun mengupah beberapa orang pekerja untuk mengembang dan mencari keuntungan daripada hartanya, tetapi dia mengurangkan jumlah gaji atau upah para pekerja berkenaan, maka dia telah melakukan suatu perbuatan jenayah. Ini termasuklah dalam kalangan orang yang dipanggil sebagai *al-mutaffifin* yang telah diberi amaran oleh Allah S.W.T. dengan firman-Nya:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا اكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾

سورة المطففين ٨٣: اية ١، ٥

Terjemahan: *Kecelakaan besar bagi orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), ... Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) daripada orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi ... Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? Pada Hari Akhirat yang amat besar (huru-haranya).*

(Surah al-Mutaffifin 83:1,5)

Perkara 130 - Monopoli Menurut Pandangan Islam

Ilmu fiqh telah memberi kelonggaran kepada pihak pemerintah untuk mengambil tindakan mencegah dan menghukum orang yang melakukan monopoli. Ini dengan cara memaksa monopolis itu untuk menjual harta yang dimonopoli itu dengan harga yang munasabah ataupun dengan memberi amaran keras supaya mereka menjual barangan itu. Memang kita akui terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama fiqh dalam menentukan bahan-bahan dan barangan yang dianggap salah dan berdosa yang dilakukan oleh monopoli. Ini kerana sesetengah kalangan *fuqaha* itu membataskan bahan yang boleh diambil tindakan jika ia dimonopolikan setakat beberapa jenis makanan sahaja, iaitu gandum dan kurma (tamar). Bahan-bahan itu merupakan bahan makanan orang Arab pada zaman itu. Mereka telah mentafsirkan bahan makanan seperti itu berdasarkan hadis sabda junjungan RasululLah s.a.w.:

جالب الطعام مرزوق والمحتكر عاص وملعون...

Terjemahan: *Orang yang tidak menyimpan bahan makanan itu (daripada dijual) akan diberi rezeki yang berkat dan orang yang melakukan ihtikar (monopoli) itu berdosa dan dilaknati oleh Allah ... .*

Berdasarkan hadis ini, mereka mentafsirkan bahawa bahan-bahan yang tidak halal dimonopoli ialah bahan-bahan makanan orang Arab sahaja. Di kalangan para *fuqaha* itu pula, ada yang berpendapat dan membuat tafsiran bahawa makanan umat manusia itu tidak hanya terhad kepada jenis makanan

orang Arab sahaja. Ini kerana terdapat ramai orang yang tidak menjadikan makanan orang Arab itu sebagai makanan asasi mereka. Ramai di antara mereka yang tidak makan kurma sebagai bahan makanan utama, tetapi mereka makan jagung ataupun nasi. Oleh yang demikian, perkataan "makanan" itu merangkumi semua jenis makanan. Ada pula di kalangan *fuqaha* kita mentafsirkan bahawa yang dimaksudkan dengan makanan itu termasuk juga makanan haiwan. Ini berdasarkan bahawa dosa itu juga menimpa ke atas setiap orang yang mencegah dan menghalang setiap makhluk yang bernyawa itu daripada mendapat bahan makanannya.

Tetapi pendapat yang *rajih* (kuat dan diterima umum) ialah pendapat Abu Yusuf, murid dan sahabat Imam Abu Hanifah. Beliau mengatakan bahawa: "Semua perbuatan menyorok barangan daripada pasaran yang boleh membawa bencana dan mudarat kepada orang ramai, maka perbuatan itu adalah *ihtikar* atau monopoli, sekalipun bahan itu emas ataupun perak. Sesiapa sahaja yang melakukan *ihtikar* atas bahan itu, maka sesungguhnya dia telah menyalahgunakan hak tentang harta yang dimilikinya. Ini berasaskan bahawa setiap perbuatan menyorok barangan boleh membawa mudarat kepada orang ramai seperti kain umpamanya, yang juga tidak kurang membawa kesusahan kepada orang ramai secara umumnya. Oleh itu, ia tidak hanya terhad kepada bahan makanan sahaja. Maksud utama larangan kepada perbuatan *ihtikar* itu ialah mencegah kesusahan dan kemudaratan orang ramai, dan mudarat juga boleh berlaku dengan cara menahan dan menyorok bahan pakaian seperti juga ia boleh berlaku dengan menyorok bahan makanan. Ini kerana umat manusia itu memang mempunyai beraneka jenis keperluan. Melakukan *ihtikar* dalam bahan keperluan itu boleh menyebabkan orang ramai menghadapi kesusahan dan kesempitan ...". Demikianlah luasnya pendapat Abu Yusuf tentang semua harta benda yang jika ditahan dan disorok daripada pasaran boleh menyebabkan kesempitan hidup ataupun mudarat kepada masyarakat. Begitu juga dengan bahaya yang timbul hasil daripada menahan dan menyorok semua bahan rezeki umat manusia.

Berkenaan dengan bencana dan mudarat yang ditimbulkan oleh perbuatan monopoli kepada ekonomi dunia, maka ia tidak perlu kepada sebarang huraian tambahan. Kita memang mengetahui dengan jelasnya tentang perbuatan monopoli itu boleh menggugat secara terbuka ataupun tersembunyi dalam beberapa bidang pengeluaran dunia. Ini terbukti sebagaimana para monopolis di seluruh pelosok dunia telah saling bersumpah setia dengan rakan mereka di beberapa buah negara lain, dan betapa mereka telah mencapai kejayaan besar dalam menentukan kadar harga yang memberi pulangan keuntungan yang sangat lumayan kepada mereka tetapi buruk sekali akibatnya kepada orang ramai. Mereka juga telah berpakat untuk menimbulkan berbagai krisis dan ketegangan untuk menurunkan harga bahan-bahan mentah yang dihasilkan oleh negara-negara sedang membangun dengan tujuan untuk menimbulkan kesusahan dan kemudaratan kepada lebih daripada dua pertiga penduduk dunia ini. Walaupun usaha-usaha gigih Bangsa-bangsa Bersatu (iaitu daripada unsur-unsur yang baiknya) yang terus sahaja berusaha, tetapi jelas teragak-agak dalam usaha untuk meringankan penyakit kronik ini.

Perkara 131 - Ibn 'Abidin Berpendapat Bahawa Amalan Monopoli Adalah Haram

"Daripada segi bahasa, *ihtikar* (monopoli) itu bermakna menahan atau menyorok sesuatu barangan kerana menunggu ketika harganya menjadi mahal. Daripada segi syara' pula ia bermaksud membeli sesuatu barangan makanan dan sebagainya dan menyimpan hingga tiba masanya barangan itu berharga mahal ...". Memang terdapat beberapa hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang menyatakan haram melakukan perbuatan monopoli itu. Antaranya ialah hadis RasululLah s.a.w.:

لا يحتكر إلا خاطئ...

Terjemahan: *Tidak akan sanggup melakukan ihtikar (monopoli) itu melainkan oleh orang yang berdosa ... .*

Juga hadis:

من دخل فى سيء من أسعار المسلمين ليخليه عليهم كان حقا على الله أن يقعده بعظم من النار يوم القيامة... .

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan membeli suatu barang keperluan kaum Muslimin dengan tujuan untuk menjualnya semula kepada mereka dengan harga yang tinggi, maka adalah menjadi suatu kewajipan bagi Allah untuk menempatkannya di atas kepingan tulang daripada api neraka pada Hari Akhirat kelak ... .*

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

من احتكر حكرة يريد أن يغلى بها على المسلمين فهو خاطئ... .

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang melakukan sekali sahaja perbuatan monopoli dengan tujuan untuk meninggikan harga jualannya kepada kaum Muslimin, maka dia telah melakukan dosa ... .*

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

الجالب مرزوق والمحتكر ملعون... .

Terjemahan: *Orang yang menjual barang-barang keperluan tanpa disorok itu akan dikurnia rezeki dan sesiapa yang melakukan monopoli akan dilaknat Allah ... .*

Juga sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

من احتكر طعاماً أربعين يوماً فقد برئ من الله وبرئ الله منه... .

Terjemahan: *Sesiapa yang melakukan monopoli (dengan menyorok) bahan makanan selama empat puluh hari, maka putuslah hubungannya dengan Allah dan Allah juga memutuskan sebarangan hubungan dengannya ... .*

Sebahagian *fuqaha* yang menumpukan perhatian untuk mentafsirkan hadis ini telah mengambil sikap membataskan pengharaman *ihtikar* itu ke atas bahan-bahan makanan dan bahan-bahan yang setaraf dengannya sahaja. Pendapat yang *rajih* (kuat) pula ialah pendapat yang menyatakan bahawa hukum haram itu berlaku secara umum ke atas semua bahan keperluan masyarakat.

Abu Yusuf menyatakan pendiriannya: "Semua bahan yang jika disorok boleh menimbulkan kesusahan dan bencana kepada orang ramai, maka itulah suatu perbuatan *ihtikar* walaupun bahan itu emas ataupun kain (bahan pakaian) ...".

Riba merupakan suatu malapetaka besar yang telah berjaya menguasai sistem ekonomi dunia pada masa kini. Tentang masalah riba ini kita akan memperuntukan perbincangan tersendiri bagi membincangkan masalah bank-bank yang berbentuk Islam, riba dan alternatif Islam.

Prinsip Keenam

Menyekat kebebasan pemilik harta dengan cara memaksanya supaya tidak melakukan pembaziran dalam urusan dan tindakannya. Dengan kata lain, menyekat kebebasan pemilik harta dalam melakukan tindakan terhadap hartanya, iaitu harta dalam bentuk modal ataupun pendapatan yang berpunca daripada modal itu. Dengan demikian, diharamkan bersikap kedekut, boros dan pembaziran hartanya.

Tentang perbuatan membazir, pihak yang berkuasa (*wali al-Amri*) berhak campur tangan mencegahnya. Ini kerana hak pihak berkuasa mencegah orang yang belum cukup akal memang diperaku dan ditetapkan oleh nas agama. Perkataan *al-safiih* (orang yang belum sempurna akalnya) mempunyai tafsiran dan makna yang sangat luas oleh sesuatu masyarakat, keadaan ekonomi dan juga sosial pada sesuatu zaman tertentu. Sesuatu perbuatan dan sikap yang tidak dipandang sebagai bodoh atau tidak sempurna akal pada suatu zaman tertentu, wajib dipandang tidak sempurna akal pada zaman dan keadaan tertentu pula. Pada zaman Perang Dunia Kedua dulu, terdapat beberapa buah negara yang tidak beragama Islam memandang bahawa perbuatan bersenang-senang dengan barang-barang mewah pada asalnya dibolehkan. Ini termasuk dalam perbuatan kurang sempurna akal. Memang terdapat undang-undang di beberapa buah negara yang telah mengenakan sekatan ke atas beberapa perkara yang pada mulanya dibenarkan kepada rakyat jelata dan warganegaranya untuk berbelanja pada ketika mereka melancong di luar negeri. Dengan demikian, sifat belum sempurna akal itu tidaklah terbatas kepada keadaan kurang cerdik sahaja. Ini seperti kelakuan orang *safiih* atau belum sempurna fikirannya untuk membelanja dan mengurus hartanya sendiri serta bencana yang timbul terhadap dirinya sendiri sahaja. Malah ia mempunyai kaitan dan

hubungan yang sangat erat dengan suasana masyarakat orang yang belum sempurna akal fikirannya(*safiih*) itu masih hidup.

Sebagai lanjutan kepada prinsip keenam dan perhatian yang diberikan oleh majoriti *fuqaha* tentang masalah ini, maka ditegaskan di sini bahawa kewajipan yang dikenakan kepada pihak berkuasa ke atas pemilik harta dalam mengurus dan mengambil manfaat daripada hartanya adalah untuk mencegah dan menyekat daripada berlakunya perbuatan membazir, kedekut atau bakhil. Ia merupakan suatu perintah dan arahan yang perlu diberikan perhatian yang berat. Ini kerana ia bertentangan dengan kepentingan masyarakat.

Hal ini kerana sifat bakhil adalah juga sifat yang bersamaan dengan sifat yang suka menyimpan emas dan perak serta lain-lain bahan kewangan yang boleh menyekat pengedaran wang. Sedangkan pengedaran wang itu sangatlah diperlukan untuk kehidupan ekonomi dalam sesebuah masyarakat. Perbuatan menyorok harta itu adalah suatu perbuatan yang boleh membantutkan tugas dalam meluaskan lagi bidang penghasilan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada kaum buruh.

Firman Allah :

. . . وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٣٤

Terjemahan: *Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya kepada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab siksa yang tidak terperi sakitnya.*

(Surah al-Taubah 9:34)

Sifat bakhil bertentangan dengan ajaran dan panduan Islam yang menghendaki supaya setiap orang Islam mengambil bahagiannya dalam kehidupan dunia. Ini bertujuan supaya dia dapat menikmati keindahan dan kebahagiaan hidup tanpa membazir dan angan-angan kosong atau sengaja bersikap mudah dan menderita. Padahal dia mampu mengatasinya, dan ini dianggap sebagai suatu perbuatan yang mengingkari nikmat Allah.

Sikap melampau dan keterlaluan bagi perbuatan yang membazir dan boros adalah termasuk dalam perbuatan bermewah-mewah. Sekiranya tidak kena pada tempatnya, ini boleh melahirkan kebencian di kalangan orang yang tidak bernasib baik. Oleh itu akan menyebabkan timbulnya ancaman bahaya yang boleh menghancurkan dan memporak perandakan masyarakat. Oleh sebab itulah, Allah S.W.T. telah memberi kebenaran kepada pihak yang berkuasa untuk menahan penggunaan harta orang *safiih*, iaitu melalui firman-Nya:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا وَٱرْزُقُوهُمْ فِيهَا . . .

سورة النساء ٤ : اية ٥

Terjemahan: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu.*
(Surah al-Nisā' 4:5)

Demikianlah panduan tentang perjalanan ekonomi Islam yang telah menggariskan suatu jalan tengah yang seimbang di antara dua keadaan dan sikap yang bertentangan itu. Sikap pertengahan itu telah dirakamkan dalam ayat suci al-Qur'an, firman Allah:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

سورة الإسراء ١٧ :اية ٢٩

Terjemahan: *Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dalam keadaan yang tercela serta kering keputusan ... .*
(Surah al-Isrā' 17:29)

Prinsip Ketujuh

Menyekat kebebasan pemilik harta dengan cara memaksanya berhenti menggunakan hartanya dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pengaruh, khususya kuasa politik.

Sejak dahulu lagi ajaran Islam telah membuat ramalan yang tepat tentang suatu bencana yang dahsyat akan merebak dengan meluas dalam amalan demokrasi ala Barat pada masa kini. Ini kerana sistem demokrasi Barat di sepanjang abad ke-19 telah memulakan peranannya dengan melakukan monopoli hak politik dalam pilihanraya. Ini dengan cara menentukan bahawa orang yang mempunyai kadar harta tertentu sahaja berhak menjadi calon dalam pilihanraya. Oleh sebab itu, dalam abad ke-20 ini sistem demokrasi Barat atas desakan dan tuntutan rakyat jelata telah menarik balik ketetapan ini. Penarikan balik itu bukan dengan tujuan mencegah golongan tertentu daripada memperoleh penga-ruh dan kuasa politik.

Terdapat berbagai bentuk alat komunikasi dan media massa yang mereka miliki sentiasa beroperasi untuk memenuhi segala kepentingan mereka. Begitu juga melalui penguasaan mereka atas semua sumber penghasilan ekonomi negara. Apa yang jelas ialah seluruh para pengundi mendapat bahan makanan daripada sumber itu.

Tugas pihak berkuasa (*wali al-Amri*) dalam keadaan ini ialah melakukan tugas dengan betul dan berkesan bagi melaksanakan kewajipan ini dengan cara menggabungkan dan menyatukan melalui sistem ekonomi yang dikuatkuasa kepada masyarakat.

Terdapat dua faktor yang lazim disebut dalam bahasa moden ini sebagai "kebebasan politik" dengan "kebebasan sosial". Ini kerana kedua faktor ini pada zaman sekarang dipandang sebagai suatu kebebasan dan kemerdekaan sejati, tanpa kedua-dua bentuk itu maka kebebasan yang sejati dan tulen tidak akan mampu melahirkan keadilan.

Prinsip Kelapan

Menyekat kebebasan pemilik harta supaya tidak melanggar ketentuan hukum syara' tentang pusaka dan wasiat.

Dalam masyarakat Islam setiap pemilik harta tidak diberi kebebasan untuk bertindak sesuka hatinya dalam bidang yang telah ditentukan oleh hukum syara' iaitu dalam sistem pembahagian dan pemberian pusaka dan wasiat. Sekiranya pemilik harta itu melanggar ketentuan hukum syarak maka pihak badan kehakiman wajiblah bertindak membatalkan dan memansuhkan tindakannya yang zalim itu. Dalam hal ini, pihak berkuasalah yang melaksanakan segala keputusan badan kehakiman itu.

Inilah prinsip-prinsip langsung yang dikenakan ke atas hak milik individu. Prinsip itu ditetapkan oleh nilai-nilai akhlak Islam dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa kerajaan Islam melalui panduan hukum syara'. Faktor ini dikenakan ke atas setiap orang yang tidak mampu melaksana dan mematuhi panduan-panduan daripada ajaran Islam dengan kerelaan hatinya sendiri. Islam pula telah menjamin pelaksanaan hukum-hakam syara' itu dengan beberapa kaedah dan peraturan yang bersumber daripada syariat Islamiah bagi menjamin terlaksananya semua kebaikan dan terhindarnya segala keburukan serta tegaknya keadilan di kalangan seluruh umat manusia.

FASAL EMPAT: HARTA BENDA MENURUT PANDANGAN ISLAM[16]

Perkara 132 - Pencarian Harta Disertai Zakat

Menurut pandangan Islam harta benda itu bukanlah suatu matlamat akhir yang jika diusahakan untuk mendapatkannya umat manusia mesti sentiasa bercakaran untuk mencapainya. Menurut pandangan Islam, harta benda itu adalah semata-mata sebagai alat untuk suatu tujuan dan matlamat bagi mendapat keredaan Allah (*mardati Allah*), kebajikan individu dan faedah masyarakat.

RasululLah s.a.w. bersabda:

تعس عبد الدرهم ، تعس عبد الدينار

Terjemahan: *Celaka (orang yang menjadi) hamba dirham, dan celakalah (orang yang menjadi) hamba dinar (wang ringgit).*

Seseorang itu dianggap terkeluar daripada landasan yang sebenar apabila harta benda sebagai suatu tujuan dan matlamat hidupnya, serta tumpuannya hanyalah untuk mengumpul harta melalui apa jua jalan. Begitu juga apabila beliau bersikap bongkak dan sombong kepada sesama umat manusia dengan

16 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jamal, *Percukaian dan Politik*, hlm. 50 dan seterusnya.

menggunakan hartanya. Terdapat juga keadaan mereka membuat keputusan dan undang-undang sendiri dengan perantaraan harta sambil melakukan penindasan dan penganiayaan kepada orang lain dengan bersikap kedekut atau membazir, maka orang yang berkenaan telah melakukan suatu penyelewengan yang tidak direstui oleh syariat Islam.

Dengan demikian, perlulah dikenakan beberapa bentuk ikatan undang-undang yang dapat memberi amaran ataupun mencegah sesuatu perbuatan buruk itu mengikut kadar tindakannya yang menyeleweng itu. Islam sentiasa menyeru supaya setiap individu itu berusaha memelihara kehidupannya dan supaya seluruh warganegara ikut serta dan berkongsi menikmati semua kekayaan negara mereka. Dalam suatu hadis RasululLah s.a.w. telah memberikan garis panduan seperti berikut:

من كان عنده طعام لاثنين فليذهب بثالث، ومن كان عنده طعام لثلاثة فليذ هببرابع وخامس

Terjemahan: *Sesiapa yang mempunyai makanan yang cukup untuk dua orang, maka hendaklah dia makan bertiga orang, dan sesiapa yang punya makanan untuk tiga orang, maka hendaklah dia makan berempat dan berlima orang.*

Islam mewajibkan ke atas setiap individu supaya tidak menyimpan harta melebihi daripada keperluan keluarganya, keperluan urusan kilang, perniagaan atau ladangnya, dan memerintahnya supaya membelanjakan wang yang baki untuk kepentingan umum.

Dalam hadis sabda junjungan RasululLah s.a.w.:

لايؤمن أحد كم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

Terjemahan: *Tidak beriman setiap kamu sehingga dia kasihkan saudaranya seperti dia kasihkan dirinya sendiri.*

(Terjemahan *harfiyah*: Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah dia suka supaya saudaranya (sesama Islam) mendapatkan sesuatu benda yang dia sukakan untuk dirinya sendiri).

Di samping tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkan oleh syara' ke atas para individu, syara' juga meletakkan kewajipan kepada pihak yang berkuasa di negara Islam agar memberi makanan kepada setiap orang yang lapar dan mengubati setiap orang yang sakit serta membantu setiap orang yang lemah dan tidak bermaya. Ia juga harus membiayai semua projek umum di samping menegakkan keadilan, menyebarkan pelajaran, membanteras segala jenis penyakit dan melindungi keselamatan semua rakyat. Sebagai imbangan kepada tugas-tugas berat itu, pihak negara berhak pula melakukan kutipan cukai harta mengikut sumber-sumber yang halal daripada segi hukum syara'.

Memang telah terbukti dengan jelas bahawa perhatian yang ditumpukan oleh Khalifah pertama iaitu Sayidina Abu Bakar al-Siddiq dalam usaha pengumpulan zakat. Beliau telah menghantar tentera untuk menghapuskan fitnah, huru-hara dan membanteras perbuatan derhaka serta menentang orang yang enggan membayar zakat sebagai salah satu rukun Islam. Beliau juga telah membuktikan kebenaran prinsip tanggungjawab negara tentang perbelanjaan awam dan melindungi perekonomian negara yang baru muncul itu.

Antara masalah yang perlu dikemukakan di sini ialah bahawa Islam sentiasa memerangi keadaan yang pernah disebutkan oleh RasululLah s.a.w. sebagai:

الفقر المنسى والغى المطغى...

Terjemahan: *Kemiskinan dan kemelaratan yang menyebabkan orang lupa dan lalai akan kewajipannya dan kekayaan itu menyebabkan orang menjadi taghut (syaitan)* ... .

Kemiskinan, akan menyebabkan orang yang berkenaan lupakan tugas dan tanggungjawabnya akibat kehidupan yang terlalu susah. Begitu juga kekayaan akan menyebabkan manusia tenggelam dalam hawa nafsu dan kemewahan.

Perkara 133 - Kutipan Cukai untuk Mengatasi Bencana

Islam meletakkan tanggungjawab kepada pihak perbendaharaan negara (Kementerian Kewangan) supaya mengeluarkan perbelanjaan untuk membantu orang yang malang yang terlibat dengan bencana-bencana umum seperti banjir, gempa bumi, kebuluran dan sebagainya. Pertolongan yang wajib diberikan itu bukanlah memberi bantuan khemah-khemah atau bijirin (bahan makanan) sahaja, tetapi juga bantuan yang membolehkan mereka menikmati taraf kehidupan yang mulia lagi dihormati seperti keadaan kehidupan orang lain juga.

Apabila pihak perbendaharaan negara menghadapi kekurangan wang bagi meneruskan usaha membantu dan menampung kehidupan orang yang malang itu, maka pihak negara berhak menguatkuasakan beberapa jenis cukai khusus untuk menghadapi bencana-bencana itu. Antaranya cukai yang mesti ditunaikan oleh orang kaya mengikut kemampuan mereka daripada segi kewangan. Prinsip ini merupakan salah satu kewajipan yang mesti ditunaikan untuk mencapai persaudaraan dan perpaduan yang diwajibkan oleh Islam, sebagai lambang muhibah dan perpaduan sejati dalam masyarakat.

Ketika peristiwa kebuluran yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar, beliau telah mengirim utusan kepada gabenor-gabenor supaya memberikan bantuan makanan dan wang. Setiap gabenor yang berkenaan itu mengirimkan derma dan bantuan mengikut kemampuan masing-masing. Bantuan ini dibahagikan sendiri oleh Khalifah kepada orang yang sedang kebuluran itu dengan cara sama rata. Antara ucapan beliau yang sangat menarik dan berkesan mengenai bencana ini yang bermaksud:

"Jikalah takdirnya kebuluran seperti ini berpanjangan, nescaya saya bahagi-bahagikan setiap orang yang menghadapi kebuluran itu kepada setiap buah rumah orang Islam (untuk dijadikan saudara angkat yang ditanggung makan minumnya) kerana manusia itu tidak akan mati dengan makan separuh kenyang sahaja".

Tetapi Allah S.W.T. telah melimpahkan kurnia-Nya dengan menamatkan keadaan kebuluran itu dan negara pun menjadi maju dan mewah semula.

Perkara 134 - Apakah Hukum Islam Tentang Masalah Pampasan dan Apakah Nama yang Setanding dengannya dalam Undang-undang Cukai pada Zaman Moden Ini?

Hukum Islam tentang masalah pampasan atau gantian kepada keluarga itu adalah bersamaan dengan undang-undang cukai pelepasan peribadi terhadap isteri atau *Personal Exemption*. Menurut riwayat hadis bahawa RasululLah s.a.w. apabila sahaja dibawa harta *al-fay* (harta rampasan perang tanpa pertempuran), maka beliau terus membahagikan harta itu pada hari yang sama juga. Beliau memberi dua bahagian kepada orang yang mempunyai isteri dan satu bahagian sahaja kepada orang yang hidup membujang.

Khalifah 'Umar pula telah mengarahkan supaya setiap orang anak itu diberikan satu bahagian sendiri sebagai tambahan kepada bahagian ayahnya (iaitu 100 dirham) dan setiap kali jumlah anak bertambah, maka bertambahlah pula jumlah bayarannya. Inilah yang dinamakan sebagai peruntukan untuk anak-anak.

BAB 3
ZAKAT , 'USYUR , AL-KHARAJ, AL-JIZYAT, AL-'USYRU

FASAL SATU: PELBAGAI JENIS ZAKAT

Perkara 135 - Zakat[1]

Zakat telah difardukan melalui firman Allah S.W.T.:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

سورة التوبة ٩ : اية ١٠٣

Terjemahannya: *Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*
(Surah al-Taubah 9:103)

Zakat diwajibkan ke atas orang Islam yang merdeka, berfikiran sempurna, cukup umur, memiliki harta yang mencukupi nisab, tidak terlibat dengan hutang, berlebihan daripada keperluan-keperluan asasnya dan harta itu menjadi milik yang sebenar baginya daripada awal hingga akhir tahun.

Adakah Nas-nas yang Berkaitan dengan Masalah Zakat Merupakan Sebahagian daripada Urusan Sebab Musabab ataupun Urusan Ibadah ?[2]

Bagi menyokong pendapat dan pendirian mereka para *fuqaha* telah menyatakan: "Mereka telah sepakat (*ittifaq*) menyatakan bahawa semua nas yang didapati tentang urusan zakat itu, daripada sudut harta bendanya, adalah

1 Al-Musili, a-*Ikhtiyar fi Syarh al-Muktar*, Jilid 1, hlm. 98 dan Dr. al-Tahawi, *Ekonomi Islam* .
2 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Beberapa Kajian Mengenai Masalah Percukaian Cara Islam Masa Kini*.

termasuk masalah yang berkaitan dengan sebab musabab dan bukanlah urusan ibadah sahaja. Memang tiada suatu dalil yang menyatakan bahawa nas-nas itu adalah bercorak *ta'abbudiyah* (ibadat yang wajib ditunaikan tanpa sebarang sebab). Namun demikian, semua urusan yang berkaitan dengan hitungan dan kadar itu bukanlah suatu bahan yang boleh di*qiyas*kan, dan hendaklah diikuti kadar yang telah ditetapkan pada tempat dan ruangannya dalam hukum-hukum fiqh".

Apakah Sebabnya Harta Dikenakan Zakat?

Para *fuqaha* telah bersetuju (*ittifaq*) bahawa harta-harta dikenakan zakat adalah kerana untuk mengembangkan harta itu sama ada secara dikerja atau berdasarkan kekuatan (sama ada harta itu dimajukan dengan sendiri ataupun melalui paksaan daripada pihak berkuasa). Zakat itu diwajibkan ke atas hasil-hasil pertanian dan buah-buahan. Ini kerana ia merupakan suatu kewajipan ke atas apa yang tumbuh dan berkembang daripada penghasilan bumi, iaitu bijirinnya (seperti jagung, gandum dan lain-lain) dan juga buahnya. Apa yang didapati daripada bumi dan semua penghasilannya adalah sejenis harta yang sebenarnya. Walaupun perkembangan dan kemajuan yang berlaku kepada bumi merupakan sesuatu yang bukan tabii (tidak daripada perkembangan alam, tetapi dengan dimajukan dan diusahakan) seperti hasil pertanian dan binatang ternakan, tetapi ia adalah hasil yang berbentuk bikinan yang serupa dengan yang tabii yang dipandang oleh Islam sebagai perkembangan yang selaras dengan hukum syara' dan halal.

Perkara 136 - Adakah Wang Dianggap Sebagai Sejenis Harta yang Berkembang?

Wang tidak dapat mengeluarkan hasil dengan sendirinya, tetapi ia berkembang dan memberikan hasil dengan cara digunakan dalam perniagaan dan perindustrian kerana wang itu sendiri dicipta untuk tujuan tersebut. Oleh yang demikian, wang itu sendiri tidak mampu memenuhi segala keperluan umat manusia kecuali apabila ia digunakan sebagai alat perantaraan untuk mencapai sesuatu keperluan kerana wang merupakan alat pengukur nilai sesuatu keperluan. Oleh sebab itu, wang adalah sejenis harta yang boleh berkembang dan membawa kekuatan serta kuasa sekalipun ia dibiarkan tetap dalam simpanan perbendaharaan. Oleh yang demikian, wang itu mestilah dikeluar dan digunakan untuk segala keperluan pembangunan dan kemakmuran melalui penggunaannya bagi memenuhi beberapa aspek keperluan masyarakat, keperluan ekonomi dan individu. Ia tidak seharusnya dibiarkan seperti air bertakung yang dirosakkan oleh kekeruhan dan berubah keadaannya menjadi buruk akibat disimpan dan tidak dialirkan. Sesungguhnya wang itu dianggap sebagai sejenis harta yang berkembang serta mengandungi pengaruh dan kekuatan. Hukum Islam menggalakkan supaya wang itu tidak dipendamkan, tetapi hendaklah dilahirkan sebagai suatu faktor yang dapat digunakan dan dapat

menegakkan berbagai-bagai cara penggunaannya dengan berlandaskan asas-asas ilmu pengetahuan.

Para sahabat RasululLah s.a.w, *tabi'in* dan juga para *fuqaha* telah memberi pelepasan beberapa jenis harta yang dipandang sebagai sebahagian daripada keperluan asas. Ini seperti alat-alat industri yang penting seumpama alat bertukang yang selalu digunakan oleh tukang kayu dan juga tukang besi serta rumah-rumah kediaman yang diperuntukkan sebagai tempat tinggal. Semua itu tidak dipandang sebagai harta-harta yang berkembang dengan sendirinya dan tidak juga dengan menggunakan kekuatan.

Penggunaan alat-alat pertukangan ini disebabkan oleh kepandaian dan kemahiran tukang yang berkenaan dan juga kebolehan tangannya menggunakan alat tersebut.

Perkara 137- Bentuk Pembahagian Harta daripada Segi Perkembangan dan Penggunaannya

1. Sebahagian harta digunakan untuk memenuhi pelbagai keperluan peribadi (individu), seperti rumah yang menjadi tempat kediaman pemiliknya. Harta-harta yang sedemikian ini tidak diwajibkan zakat ke atasnya. Ini bersamaan dengan rumah kediaman keluarga (isteri dan anak-anaknya) yang diberi pelepasan daripada cukai harta pusaka dan bayaran cukai evolusi di Mesir.

2. Bahagian yang kedua ialah harta yang digunakan untuk memajukan pelaburan, seperti hasil *mahsul* dan pendapatan yang diperoleh daripada bumi.

3. Bahagian yang ketiga pula masih diragukan sama ada ia dapat memenuhi keperluan peribadi dan pembangunan, seperti binatang ternakan dan barang-barang perhiasan.

Para *fuqaha* telah berbeza pendapat sama ada harta seperti ini diwajibkan zakatnya. Oleh sebab itu, sesiapa yang berpendapat bahawa harta seperti itu boleh dimajukan dan dikembangkan, maka wajib dibayar zakatnya. Sesiapa yang berpendapat bahawa ia tidak boleh dimaju dan dikembangkan, maka tidak dikenakan zakatnya.

Perkara 138- Pelbagai Jenis Zakat yang Dikenal Pasti pada Zaman Permulaan Islam

Sumber zakat bermakna setiap harta yang boleh digunakan dan diambil manfaatnya oleh manusia. Harta itu juga layak digunakan untuk dikembangkan dan di samping itu ia boleh dilaburkan.

Di antara benda-benda yang dikenal pasti sebagai barang yang diwajibkan zakat pada zaman permulaan Islam ialah:

(a) Unta;
(b) Lembu, sapi dan kerbau;

(c) Kambing dan biri-biri;
(d) Kuda;
(e) Perak dan emas;
(f) Perhiasan yang diperbuat daripada emas;
(g) Wang (mata wang);
(h) Barang-barang yang diperniagakan;
(i) Logam-logam dan bahan galian, harta-harta simpanan, ataupun barang-barang berharga yang ditanam dalam bumi; dan
(j) Hasil-hasil bumi.

Perkara 139 - Saham-saham, Wang Simpanan dan Bangunan-bangunan

Benda yang dikenakan zakat pada zaman ini ialah alat-alat industri, harta benda syarikat-syarikat perniagaan seperti saham dan cagaran, gedung bertingkat yang didiami oleh orang yang bukan daripada kalangan keluarga sendiri, serta gedung-gedung perniagaan dan syarikat-syarikat besar yang berbagai-bagai bentuk.

Nisab setiap bahan dan jenis yang dikenakan zakat itu pula berbeza di antara satu jenis dengan jenis yang lain. Ini kerana nisab itu dihitung dan ditetapkan mengikut kadar yang tertentu. Sebagai contohnya, nisab minimum bagi emas ialah 20 *misqal*, manakala nisab minimum perak pula ialah 200 dirham.

Nisab minimum unta ialah lima ekor, dan bagi lembu dan kerbau ialah 30 ekor, tetapi nisab minimum kambing biri-biri ialah 40 ekor.

Tentang nisab minimum bagi barang-barang perniagaan pula sama dengan kadar perhitungan yang dikenakan ke atas emas atau perak. Tetapi bagi hasil tanaman dan buah-buahan yang disirami dengan air hujan ataupun daripada air pancuran atau sumber-sumber air yang lain, tanpa menggunakan alat (seperti jentera dan parit yang dibina) ialah 10 peratus daripada pendapatan ketika ia dituai atau dipungut.

Projek pertanian yang mendapat sumber bekalan air yang menggunakan alat ialah lima peratus. Tetapi kadar zakat yang dikenakan pada wang emas dan perak dan wang yang setaraf dengannya ialah 2 ½ peratus sahaja.

Perlu dijelaskan bahawa kalau kita taksirkan kadar yang wajib ditunaikan zakat mengikut nisabnya daripada sudut semua jenis haiwan yang diwajibkan zakat mengikut huraian terperinci dalam kitab-kitab fiqh maka kita dapati pada umumnya (atas kadar puratanya) sekitar 2 ½ peratus harganya.

Perkara 140 - Kepentingan Zakat

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang bercorak *ta'abbudiyah* (salah satu kewajipan beribadah) lima perkara itu. Dengan demikian, apabila setiap orang Islam enggan menunaikan kewajipan membayar zakat bererti dia telah meruntuhkan salah satu daripada tiang agama Islam (meruntuhkan

suatu rukun asas Islam). Para *fuqaha* telah menyebutkan bahawa sesiapa sahaja yang enggan menunaikan zakat dan beriktikad bahawa zakat itu adalah suatu perkara yang wajib ditunaikan apabila sudah cukup syarat-syaratnya, maka hendaklah bayaran zakat itu diambil daripadanya dengan cara paksaan dan kekerasan. Orang yang ingkar dan enggan menunaikan zakat seterusnya tidak mengakui bahawa membayar zakat itu adalah suatu perkara yang wajib, maka dia adalah seorang murtad yang terkeluar daripada agama Islam dan wajib dikenakan hukuman. Para sahabat RasululLah s.a.w telah sepakat dengan sebulat suara untuk memerangi orang yang enggan membayar zakat apabila ia diminta melakukannya atau ia tahu akan kewajipan berzakat itu tetapi ia enggan melaksanakanya seperti yang dipinta. Tindakan Khalifah Abu Bakar memerangi orang yang enggan membayar zakat memang jelas sekali kisahnya dalam sejarah Islam. Khalifah Abu Bakar telah menegaskan bahawa: "Demi Allah akan aku perangi sesiapa sahaja yang membezakan di antara sembahyang dengan zakat ... ".

Di samping itu, hak pihak berkuasa (*wali al-Amri*) dalam usaha mengutip dan memungut zakat, membahagikan hasil zakat itu kepada peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan mengikut ajaran syara', dan mengagih serta memisahkan hasil kutipan zakat dengan hasil kutipan cukai daripada sumber-sumber lain, merupakan suatu perkara yang jelas dan tegas sekali dalam hukum syara' dan tidak dipertikaikan lagi.

Tetapi masalah yang menyekat pihak pemerintah zaman sekarang serta menghalang kewajipannya melaksanakan tugas ini ialah perbezaan jenis-jenis harta zaman kini dengan jenis-jenis harta pada zaman 14 abad yang lalu. Ini ditambah pula oleh perbezaan pendapat dan pandangan yang berlaku di kalangan tokoh-tokoh ilmu fiqh kita tentang masalah zakat ini. Sedangkan merekalah orang yang menjadi sumber ikutan pihak-pihak yang berkuasa di negara-negara Islam. Perbezaan yang berlaku itu terlalu jauh dan amat ketara sekali, sehingga Faqid al-Islam al-Imam al-Akhbar al-Syeikh Mahmud Syaltut, bekas Syeikh al-Azhar telah menyatakan: "Betapa sedih dan pilunya hatiku apabila saja kita dapati bahawa jurang perbezaan di antara para Imam dan tokoh-tokoh ilmu fiqh dalam melaksanakan kewajipan zakat ini begitu luas sekali, seperti yang kita dapati dalam kitab-kitab fiqh dan juga kitab-kitab tentang hukum-hukum agama. Sebagai contohnya tokoh ini mengenakan zakat ke atas harta kanak-kanak kecil dan orang gila, manakala tokoh lain pula tidak mengenakan zakat atas harta itu. Tokoh ini pula mengenakan zakat atas hasil pertanian yang diusahakan oleh manusia dan tokoh yang lain pula enggan mengenakan zakatnya, kecuali ke atas beberapa jenis hasil pertanian yang tertentu sahaja. Tokoh ini mengenakan zakat ke atas semua barang perdagangan dan yang lain pula enggan mengenakannya. Tokoh ini mengatakan bahawa barang-barang perhiasan kaum wanita harus dibayar zakat, manakala yang lain pula menyatakan ia tidak kena zakat. Tokoh ini mengenakan nisab barang perhiasan itu sedangkan tokoh lain tidak menetapkan nisabnya. Tokoh ini juga melahirkan pendapat mengenai benda-benda yang wajib dibayar zakatnya dan yang tidak wajib serta perkara yang boleh dibayar daripada peruntukan zakat dan yang lain pula menyatakan pendirian yang berlainan sama sekali ...".

Kemudian al-Imam al-Syeikh Mahmud Syaltut menyatakan lagi: "Kewajipan zakat ini perlulah didedahkan kepada kaum Muslimin supaya mereka menganggap bahawa kewajipan menunaikan zakat itu sama dengan kewajipan menunaikan sembahyang. Ini kerana sembahyang bagi kaum Muslimin adalah suatu hukum yang jelas dan terang sekali. Tiada sebarang kesamaran dan tiada sebarang perbezaan pendapat ulama tentangnya, iaitu lima kali sembahyang sehari semalam ...". Selanjutnya beliau menarik perhatian tentang pentingnya diwujudkan penyatuan dasar dan politik seluruh kaum Muslimin terhadap berbagai-bagai kewajipan mereka yang bercorak keagamaan dan kemasyarakatan serta telah ditentu dan ditetapkan oleh Allah sebagai kewajipan dan piagam yang mesti mereka tunaikan. Beliau menyatakan seterusnya: "Penyatuan itu memerlu dan menuntut para *fuqaha* serta pemerintah kaum Muslimin supaya segera membuat kajian semula tentang tajuk-tajuk yang mencetuskan perbezaan di kalangan imam-iman dan tokoh-tokoh ilmu agama yang bimbang akan menyentuh kewajipan membayar zakat. Tinjauan serta pandangan terhadap sikap baru itu hendaklah berlandaskan asas yang telah ditentukan oleh al-Qur'an dalam matlamat menjadikan zakat ini sebagai suatu kewajipan yang berdasarkan agama". Kemudian beliau memberikan contoh tentang haluan yang perlu dijalani dalam melakukan usaha-usaha menghapuskan jurang perbezaan dan mewujudkan penyatuan hukum, dengan menyatakan:[3] "Dan memang setiap orang tentunya tidak sukar memahami makna perkataan "harta benda" dan juga makna perkataan "fakir miskin" dan makna pada "jalan Allah" dan juga makna "emas dan perak". Benda-benda ini dijadikan harta oleh umat manusia dalam hidup di dunia ini. Setiap orang yang tidak mempunyai harta yang mencukupi dan dapat memenuhi keperluannya, ataupun orang yang tidak mempunyai kekuatan untuk bekerja, adalah orang fakir dan miskin. Setiap urusan dan perkara yang boleh memberi manfaat kepada seluruh kaum Muslimin dan tidak menjadi sesuatu yang memberi faedah dan manfaat yang khusus kepada seseorang sahaja, dipandang sebagai urusan yang termasuk dalam sebutan *fi sabililLah*.

Punca utama perbezaan pandangan dan pendirian para *fuqaha* fiqh itu umumnya berlaku di sekitar perkataan yang sering kali disebutkan dalam al-Qur'an. Perkataan ini ialah tentang perkara yang wajib dikeluarkan zakat. Perkataan dan kalimat ini memberi pengertian umum yang meliputi semua benda yang dimiliki oleh umat manusia, iaitu perkataan *amwal* atau "harta-harta", seperti dalam firman Allah:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ
سُنۢبُلَةٍ مِّا۟ئَةُ حَبَّةٍ ۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٢٦١

3 Fadilah al-Imam al-Akhbar al-Marhum al-Syeikh Mahmud Syaltut, *Al-Islam: Aqidah wa Syari'ah*, hlm. 90 – 91.

Terjemahan: *"Bandingan (derma) orang yang membelanjakan "hartanya" pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya".*

(Surah al-Baqarah 2:261)

Dan juga seperti firman Allah yang bermaksud:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا . . .

سورة التوبة ٩ : اية ١٠٣

Terjemahan: *"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk)."*

(Surah al-Taubah 9:103)

Begitu juga dengan firman Allah yang lain, maksudnya:

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

سورة المعارج ٧٠ : اية ٢٤ ، ٢٥

Terjemahan: *"Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-harta mereka, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)".*

(Surah al-Ma'ārij 70:24-25)

Seperti juga terdapat sebutan dalam beberapa ayat tentang emas dan perak serta juga hasil-hasil yang keluar daripada perut bumi. Sesungguhnya RasululLah s.a.w telah menyatakan pelaksanaan yang berbentuk amali tentang beberapa jenis harta yang wajib dibayar zakatnya. Beliau juga menyatakan jumlah kadar yang mesti dibayar daripada harta itu. Dengan demikian, beliau telah mengambil zakat dalam tiga jenis harta, iaitu:

(a) Emas, perak dan barangan perniagaan. Kadarnya ialah 2.5 peratus.

(b) Binatang ternakan seperti unta, lembu, biri-biri dan kambing sebagai binatang ternakan yang banyak terdapat di tanah Arab. Kadarnya hampir sama seperti kadar zakat emas dan perak.

(c) Hasil pertanian dan buah-buahan (bijirin) dengan kadar 10 peratus bagi tanah yang disirami dengan air tanpa menggunakan tenaga dan alat (tanaman yang disiram semula jadi). Kadar zakat lima peratus sekiranya tanah diairi dengan menggunakan alat dan sebagainya.

Al-Marhum al-Imam al-Syeikh Mahmud Syaltut menyambung lagi penjelasannya: "Dan yang lain daripada itu, daripada jenis barangan dan kadar zakatnya, adalah menjadi bahan *ijtihad* dan kajian ...".[4] Disyaratkan dalam mengenakan zakat jenis ini, ia hendaklah cukup setahun dan melebihi daripada keperluan asas seseorang dalam kehidupannya. Dengan demikian, rumah kediaman, kain serta bahan pakaian yang dipakai, bahan makanan yang disimpan untuk dimakan oleh keluarga, serta alat-alat keperluan kerja tangan yang digunakan untuk melakukan pekerjaan mencari rezeki tidak termasuk dalam jumlah nisab ini.

Oleh yang demikian, pada zaman kita sekarang zakat wajib terikat dengan ketiga-tiga kategori harta ini. Ini akan membataskan kewajipan mengeluarkan zakat kepada ketiga-tiga kategori harta ini, tanpa mengambil kira berbagai-bagai jenis harta yang telah lahir dan muncul pada zaman berikutnya yang menjadi begitu penting sekali terutama pada zaman kita ini.

Perkara 141- Adakah pada Zaman Sekarang Ini Sumber Zakat Hanya Tertentu kepada Tiga Jenis Harta yang Diambil pada Zaman Islam atau Mesti Menambah Sumber Lain yang Baru?

Saya lebih memberi keutamaan jawapan kepada soalan di atas itu diambil dan diceduk daripada rumusan yang bernilai tinggi, yang telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh terkemuka *fuqaha* kita kepada siri kajian sosial yang telah dianjurkan oleh liga Negara-negara Arab.[5]

Para *fuqaha* yang berkenaan telah menyatakan: "Bahawa pada zaman moden ini, zakat perlulah dikenakan terhadap beberapa jenis harta yang belum dikenal pasti pada zaman hayat RasululLah s.a.w. juga pada zaman para sahabat serta zaman perkembangan pengeluaran hukum fiqh (*istinbat*). Mereka juga telah mencadangkan supaya zakat itu dituntut pembayarannya daripada beberapa jenis harta tersebut. Persidangan itu telah bersetuju menerima rumusan dan cadangan itu serta dijadikan sebagai keputusan muktamar yang berkenaan".

Harta-harta yang dimaksudkan itu ialah:

(a) Alat-alat perindustrian;
(b) Semua bentuk wang kertas;
(c) Hasil usaha dan pekerjaan bebas (tanpa paksaan); dan
(d) Rumah-rumah dan tempat-tempat yang diperniagakan.

Bagi menyokong pandangan itu, para *fuqaha* terkemuka telah menyatakan: "Semua *fuqaha* telah sepakat yang semua nas agama yang berkaitan

4 *Ibid., hlm. 79.*

5 Rumusan dan perakuan ini telah dilakukan oleh tokoh-tokoh *fuqaha* terkemuka zaman ini, iaitu Fadilah al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah dan al-Syeikh Abdul Wahab Khallaf, juga al-Syeikh Abdul Rahman Hasan. Persidangan di bawah rangkaian kajian itu telah berlaku di Damsyik dalam bulan Disember 1952. (Daripada hasil percetakan Liga Negara-negara Arab mengenai cara melaksanakan prinsip Jaminan Sosial di Negara-negara Arab).

dengan zakat harta itu adalah berkaitan dengan sebab musabab dan bukan dengan urusan ibadah (*ta'abbudiyah*)". Memang tiada sebarang dalil yang menyatakan bahawa kewajipan itu bercorak *ta'abbudiyah*.[6]

Kemudian rumusan yang berkenaan melanjutkan huraian tentang pembahagian yang telah dilakukan oleh para *fuqaha* kepada harta-harta yang dikenakan zakat itu. Ini daripada aspek perkembangan dan pertumbuhannya dengan menyatakan bahawa sebahagian harta berkenaan digunakan untuk memenuhi keperluan-keperluan (khusus) peribadi, seperti rumah-rumah yang dikhaskan sebagai tempat kediaman para pemiliknya sendiri. Rumah seperti ini tidak wajib dibayar zakat. Rumah jenis yang kedua pula ialah yang digunakan untuk menambah pendapatan dan mendapatkan keuntungan, maka rumah jenis ini wajib dibayar zakatnya. Harta jenis ketiga pula dipertikaikan di antara kegunaan untuk kepentingan dengan mencari keuntungan, iaitu haiwan ternakan dan barang-barang perhiasan. Para *fuqaha* mempunyai pendapat yang berbeza tentang hukum zakatnya. Dengan demikian, sekiranya sesuatu harta itu menjadi bahan perniagaan dan mendapat keuntungan, maka hendaklah dibayar zakatnya. Sebaliknya sesiapa yang memandang bahawa harta itu tidak membawa sebarang keuntungan, maka tidak diwajibkan zakat kepadanya.

Rumusan itu memberikan perakuan seterusnya: "Sesungguhnya melaksanakan pembahagian ini pada zaman sekarang tidak mustahil bagi kita memasukkan senarai harta-harta yang dikenakan zakat itu kepada beberapa jenis. Ini sama ada digunakan sebagai bahan perniagaan dan mencari keuntungan, tetapi belum dikenal pasti pada zaman *istinbat* hukum fiqh dahulu. Harta yang berkenaan menjadi alat bagi pemiliknya untuk digunakan dalam bidang perniagaan dan mencari keuntungan. Ini seperti seorang pemilik sebuah kilang besar yang menggaji para pekerja untuk mengurus dan mengendalikan perjalanan kilang berkenaan. Dengan demikian, modal bagi pemilik harta itu ialah alat-alat perkilangan dan perindustrian yang dipandang sebagai sejenis harta yang berkembang. Ini kerana faedah dan manfaat itu akan datang kepadanya (pihak pemilik itu) daripada sumber alat-alat perindustrian itu. Dalam hal ini, alat-alat perindustrian itu tidaklah boleh dipandang sama dan setaraf dengan alat-alat tukang besi atau tukang kayu yang bekerja dengan menggunakan tenaga dan tangannya sendiri. Oleh sebab itu, kami berpendapat bahawa wajib dikeluar atau dibayar zakat daripada harta-harta itu (alat-alat itu). Ini memandangkan ia sebagai sejenis harta yang berkembang dan tidak merupakan keperluan asas yang diperlukan untuk memenuhi kehendak peribadi sahaja. Sekiranya para *fuqaha* pada zaman dulu tidak mengenakan kewajipan membayar zakat ke atas alat-alat pertukangan pada zaman mereka, maka hal ini disebabkan keadaan alat-alat berkenaan pada zaman mereka. Alat-alat ini dianggap primitif dan sangat sederhana sekali serta tidak dipandang sebagai sejenis harta yang berkembang bagi mengeluarkan hasil dengan sendirinya. Ini kerana penghasilan alat-alat itu bergantung kepada usaha pekerja yang berkenaan. Pada zaman sekarang, semua alat perkilangan itu dipandang sebagai sejenis harta. Oleh sebab itu, kami menegaskan lagi:

6 Rujuk Perkara 135, 136, 137 dan 138 hlm. yang lalu.

"Bahawasanya semua alat pertukangan yang dimiliki oleh setiap pekerja atau tukang yang menjalankan pekerjaan sendiri, sebagai contohnya seperti alat-alat menggunting rambut yang dimiliki oleh seorang tukang gunting yang bekerja sendiri mencari rezeki untuk diri dan keluarganya, dikecualikan daripada kewajipan membayar (cukai) zakat. Alat berkenaan dipandang sebagai suatu keperluan asas baginya. Kilang-kilang perindustrian pula, perlulah dikenakan zakat. Keputusan ini tidak boleh dianggap bercanggah dengan pendirian asal para *fuqaha* yang tidak mengenakan hukum wajib zakat ke atas alat-alat perindustrian atas dasar mereka tidak sempat melihat alat-alat itu. Kalaulah ditakdirkan mereka melihatnya, tentu mereka akan memberikan pendapat dan pendirian yang sama dengan pendapat dan pendirian kami. Pada hakikatnya kami juga melaksanakan kaedah dan dasar yang sama dengan mereka seperti yang mereka *istinbat*kan dalam kitab-kitab ilmu fiqh ...".

Rumusan mereka tentang kadar zakat yang diambil daripada penggunaan alat-alat pertanian hendaklah berdasarkan jumlah pendapatan hasil pertanian itu, iaitu sebanyak 10 peratus berdasarkan *qiyas* ke atas zakat hasil pertanian dan buah-buahan. Bahawa alat-alat pertanian yang terus digunakan itu diambil zakatnya daripada pendapatannya, bukan daripada modalnya. Ini diambil daripada pendapatan bersih, setelah ditolak segala perbelanjaan dan bayaran yang berkaitan dengan penghasilan itu. Ini disebabkan RasululLah s.a.w. telah mengenakan zakat 10 peratus ke atas hasil pertanian (tanaman) yang disirami oleh air hujan atau oleh sumber mata air asli.

Memang diakui bahawa pendapat mengenakan zakat 10 peratus daripada hasil bersih alat-alat perindustrian itu, dengan di*qiyas* kepada hasil keluaran bumi dianggap sebagai *qiyas* yang tidak tepat (*qiyas ma'al al-Fariq qiyas* kepada suatu hal yang berbeza dan tidak bersamaan). Ini kerana bumi tidak akan binasa dan penggunaan bumi daripada segi ekonomi boleh dikatakan hampir tiada langsung. Ini berlainan dengan alat-alat pertanian dan perindustrian yang jangka hidupnya sangat terbatas sekali. Penggunaannya memberikan pengaruh besar kepadanya. Oleh yang demikian, mungkin pendirian yang lebih sahih adalah supaya ditolak terlebih dahulu perbelanjaan penggunaan alat itu (termasuk perbelanjaan penjagaannya) sebelum dikenakan jumlah zakat 10 peratus ke atas penggunaan alat-alat itu.

Seterusnya rumusan itu dilanjutkan lagi untuk membincangkan masalah zakat wang dan semua dokumen kewangan seperti saham-saham dan stok. Perkara ini hanya baru dikenali pada zaman moden ini. Dalam perakuan itu dinyatakan seperti berikut: "Manakala saham-saham dan stok pula, sekiranya digunakan untuk berniaga bagi mencari keuntungan, maka ia dianggap sebagai sejenis barang perniagaan. Dengan demikian, hendaklah diambil zakatnya berdasarkan kadar harga di awal tahun dan juga kadar harganya pada akhir tahun dan diambil zakat daripada seluruh negara itu, mengikut pendapat majoriti *fuqaha*. Sekiranya saham-saham dan stok itu digunakan untuk mengambil faedah daripada penggunanya (bukan daripada hasil perniagaan yang dijalankan melalui saham-saham dan stok itu), maka zakat yang diambil adalah daripada syarikat itu sendiri. Ini sama ada syarikat yang bercorak perindustrian atau bukan bercorak perindustrian sudah mencukupi".

Memang telah diakui bahawa pendapat ini menggabungkan di antara saham-saham dan bon dalam suatu rangkaian. Sedangkan saham-saham itu merupakan sebahagian daripada modal dan tunduk kepada perkembangan untung rugi. Bon-bon pula merupakan beberapa bahagian daripada kredit dan pinjaman yang telah dilakukan oleh pihak syarikat. Syarikat itu akan membayar sejumlah faedah yang tetap serta terjamin dan tidak terlibat dengan kerugian. Oleh yang demikian, saham-saham itu dibenarkan dalam hukum syara', manakala bon adalah suatu benda yang diharamkan. Ini kerana hasil pulangannya adalah berbentuk riba.

Kadar zakat bagi saham-saham pula, sebahagian daripada *fuqaha*[7] berpendapat bahawa zakat ke atas saham yang diperniagakan ialah 2.5 peratus daripada harga saham dan juga harga keuntungannya seperti pendapat Imam Malik ataupun daripada harta saham-saham itu sahaja. Begitu juga pendapat majoriti *fuqaha* berdasarkan *qiyas* bahawa saham-saham itu termasuk barang-barang perniagaan. Saham-saham itu digunakan untuk mendapat keuntungan bukan untuk diperniagakan, maka zakatnya ialah 2 1/2 peratus daripada harga saham-saham itu. Ini dengan mengambil contoh daripada zakat harta yang disimpan ... .

Kemudian perakuan itu beralih kepada membincangkan masalah zakat atas hasil pekerjaan atau hasil daripada berbagai-bagai jenis pekerjaan bebas. Beliau menyatakan: "Tiada keraguan bahawa jika dikumpulkan hasil usaha seperti di atas sehingga cukup nisabnya dan genap pula setahun dalam simpanan walaupun ia berkurangan di pertengahan tahun, maka wajiblah dibayar zakat. Ini dengan syarat bahawa pendapatan itu berkekalan di sepanjang tahun tanpa dibelanjakan semuanya, maka keadaan seperti itu menjadi suatu dalil bahawa wang atau harta itu tidak termasuk dalam kumpulan keperluan asasnya. Dengan demikian, ia berkembang dan anggapan bahawa wang menurut Islam dipandang sebagai sejenis harta yang berkembang. Ini kerana ia dibuat dengan tujuan untuk digunakan dan dikembangkan bukan untuk disimpan".

Terdapat perakuan dan rumusan tentang zakat ke atas rumah-rumah dan tempat-tempat yang digunakan untuk mendapat faedah dan keuntungan. Keadaan ini adalah seperti berikut: "Adalah diketahui daripada para *fuqaha* bahawa mereka tidak memperakukan diambil zakat daripada rumah-rumah dan gedung-gedung itu bukanlah digunakan untuk mencari manfaat tambahan, tetapi ia termasuk dalam senarai keperluan asas. Keputusan seperti itu adalah termasuk suatu bentuk keadilan sosial pada zaman *istinbat* hukum-hukum fiqh dahulu. Walau bagaimanapun pada zaman sekarang ini, pembangunan telah berjalan begitu pesat dan kemakmuran serta kemewahan hidup telah dapat dirasakan dengan merata. Bangunan-bangunan besar dan juga istana-istana serta wisma-wisma perniagaan telah didirikan dengan megahnya yang kadang-kadang membawa hasil pulangan lebih daripada hasil pulangan yang diperoleh daripada sumber pembangunan tanah. Ini termasuk dalam *maslahat* dan kepentingan umum untuk mengenakan zakat ke atas

7 Dari catatan kuliah Dr. Muhammad Abdullah al-'Arabi.

penghasilan daripada gedung-gedung itu seperti zakat yang dikenakan ke atas hasil pertanian. Ini kerana memang tiada sebarang perbezaan di antara seorang pemilik yang memperoleh kekayaan hasil daripada pembangunan tanah setiap tahun dengan seorang pemilik yang mempunyai gedung-gedung dan rumah-rumah sewa yang mendapat hasil bulanan daripadanya. Tambahan lagi sekiranya kita melepaskan kewajipan zakat itu daripada hasil pertanian yang telah ditetapkan oleh Allah daripada pemakaian tanah bagi penggunaan bidang-bidang pembangunan yang lain, maka perbuatan itu merupakan diskriminasi dalam dua kes dan masalah yang bersamaan bererti juga suatu penganiayaan kepada para pemilik tanah pertanian. Ini boleh menyebabkan para pemilik tanah pertanian tidak mahu lagi meneruskan usaha dalam bidang pembangunan pertanian dan akan berebut-rebut pula membangunkan gedung dan rumah-rumah besar. Maha Suci Allah daripada sikap menjadikan syariat-Nya mempunyai perbezaan dan diskriminasi dalam dua masalah yang serupa".

Sedangkan perbezaan di antara kita dengan tokoh-tokoh besar ilmu fiqh (*fuqaha*) pada zaman dahulu itu ialah perbezaan pada zaman sahaja. Pada zaman mereka dahulu, rumah-rumah dan bangunan-bangunan itu tidaklah digunakan untuk mendapat faedah dan manfaat keuntungan seperti yang berlaku pada zaman sekarang.

Demikianlah rumusan dan perakuan yang telah dijelaskan oleh tiga tokoh ulama besar pada zaman ini tentang pelaksanaan hukum zakat ke atas beberapa jenis harta yang baru didapati. Perkara ini dibuat berdasarkan kepada persamaan sebab atau *'illat* dengan harta-harta yang sudah ada pada zaman permulaan Islam dahulu. Ini juga berdasarkan kaedah yang telah dipersetujui oleh *fuqaha* secara *ijma'* dan telah kita bentangkan sebelum ini, iaitu kaedah yang bermaksud:

> *"Bahawa nas-nas agama yang sudah ada tentang masalah zakat daripada segi harta-hartanya (yakni harta yang kena dibayar zakatnya) adalah nas-nas yang berkaitan dengan sebab musabab, dan bukan merupakan sebahagian daripada urusan ibadah (ta'abbudiyah) walaupun penentuan kadarnya bukanlah suatu perkara yang boleh diqiyaskan ...".*

Oleh sebab dalam perbincangan ini, kita telah dan sedang memperkatakan masalah hak pihak pemerintah (*wali al-Amri*) bagi urusan mengutip zakat dan kewajipan mereka menunaikan amanah itu, maka adalah menjadi tugas masyarakat Islam untuk membantu memudah dan melancarkan tugas pihak yang berkuasa. Ini atas usaha untuk melaksanakan hukum agama yang telah diwajibkan oleh Allah S.W.T sebagai salah suatu rukun dan tonggak yang penting dalam mengatur perjalanan masyarakat, iaitu dengan wujudnya kata sepakat para ulama Islam (*fuqaha*) tentang hukum dan segala sesuatu yang berkaitan dengannya. Setelah mereka berbeza pendapat dan sesudah mencapai kata sepakat, maka hukum yang berkenaan perlulah diberitahu serta disiarkan kepada umum agar boleh dilaksanakan kewajipan itu.

Keadaan seperti di atas (sepakatnya para *fuqaha* dalam menentukan hukum-hakam yang berkaitan dengan zakat) perlu dilakukan. Kelonggaran yang diberi oleh Khalifah 'Uthman bin 'Affan r.a. bahawa zakat itu boleh

ditunaikan oleh setiap orang *mukallaf* kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya mengikut ketentuan hukum syara', dengan anggapan mereka semua sebagai wakil-wakil Imam (Khalifah atau pihak berkuasa). Tetapi pada zaman kita sekarang ini, keadaan menjadi rosak binasa. Kesedaran dan rasa tanggungjawab beragama telah menjadi lemah. Tiada jalan lain yang lebih berkesan tentang urusan mengutip zakat ini, kecuali diberi tanggungjawab kepada pihak yang berkuasa *wali al-Amri* dan tidak hanya dibiarkan atas kesedaran para individu.

Perkara 142- *Infaq Fi SabililLah*

Menyekat dan mengikut hak kebebasan pihak pemilik harta dengan mewajib dan memaksanya menjalankan *infaq fi sabililLah*. Alasannya bahawa al-Qur'an dan sunah telah memberikan galakan dan perangsang ke arah berbuat *infaq fi sabililLah* ini, dan telah memberi amaran dan ancaman kepada seluruh masyarakat bahawa mereka akan ditimpa kehancuran dan kemusnahan apabila mereka bersikap tidak mengambil berat dalam menunaikan kewajipan ini. Sehinggalah ajaran agama telah menukar bentuknya daripada suatu kewajipan yang bercorak akhlak menjadi suatu kewajipan yang dipaksakan dan tidak berbeza daripada kewajipan menunaikan zakat, kecuali dengan memberi kebebasan kepada pihak pemilik untuk menentukan jumlah yang hendak dibayarnya dalam konsep *infaq* ini.

Telah didapati bahawa tafsir yang bercorak fiqh telah dibuat secara *ijma'* ulama bahawa perkataan *fi sabililLah* itu adalah mencakupi rangkaian masalah pelaksanaan setiap keperluan masyarakat yang berlaku secara berterusan. Masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat kebajikan, demikian juga negara yang tegak di tengah-tengah masyarakat Islam itu adalah sebuah negara yang bercirikan kebajikan.

Dengan demikian, maka tugas dan beban sesebuah negara kebajikan yang baik itu adalah begitu luas dan tiada akhirnya. Demikian juga dengan tanggungjawab dan tugas pihak *wali al-Amri* dalam melaksanakan tugas dan memikul beban itu juga merupakan tugas yang *syumul* dan merangkumi semua aspek matlamat syara'. Jelas sekali bahawa lapangan dan jurusan beban-beban ini adalah berbeza daripada suatu zaman ke suatu zaman yang lain mengikut suasana dan keadaan yang dihadapi oleh negara Islam, situasi serta kondisi setiap zaman itu.

Pada zaman permulaan Islam dahulu, kewajipan *infaq fi sabililLah* ini seperti yang dilakukan oleh Abdul Rahman bin 'Auf atau Uthman bin 'Affan sanggup mengeluarkan lebih separuh daripada seluruh harta dan hak miliknya yang sangat berharga itu untuk *infaq fi sabililLah*. Beberapa zaman lain selepas itu, wang kutipan zakat didapati melebihi daripada kadar yang diperlukan oleh orang yang berhak menerimanya (zakat). Pernah berlaku pada suatu zaman tertentu bahawa tidak ditemui orang yang berhak menerima pemberian zakat mengikut syarat-syaratnya. Namun keadaan zaman sekarang jauh sekali berbeza dengan zaman yang berkenaan.

Pihak *wali al-Amri* (pemerintah) pada zaman itu merasa tidak perlu untuk campur tangan dalam menyekat hak milik individu. Ini kerana peranan anggota masyarakat yang begitu tinggi nilainya dalam menunaikan tugas mereka di bawah projek *infaq fi sabililLah* ini. Namun pada zaman sekarang pihak pemerintah wajib mengambil langkah dan kaedah serta pendekatan yang lain bagi melaksanakan suatu kaedah syara' yang bermaksud:

"Hukum itu berubah dengan berubahnya zaman ...".

Inilah kewajipan yang telah diberi panduan oleh syara' ke atas harta milik individu dalam masyarakat Islam. Ini merupakan suatu tugas yang luas dan tidak terbatas, kecuali mengikut keperluan yang dikehendaki atas kepentingan masyarakat.

Perkara 143 - Pelaksanaan Sistem Pencukaian yang Adil

Cara paling baik yang perlu diikuti oleh pihak berkuasa ialah melaksanakan suatu sistem pencukaian yang adil dan sentiasa mengamalkan dasar yang sentiasa berkembang maju. Ini bermaksud bahawa nilai cukai akan naik daripada hasil pendapatan setiap orang yang berkewajipan membayar cukai itu, dan cukai itu tidak akan dikenakan ke atas harta seseorang itu kecuali sesudah ditolak jumlah bayaran zakat. Kaedah ilmu kewangan dalam keadaan biasa sering memberi panduan supaya cukai itu dikenakan ke atas hasil pendapatan yang diperoleh sebagai keuntungan daripada modal yang dilabur atau diniagakan. Ini biasanya tidak boleh dikenakan cukai ke atas modal pokok, kerana penghasilan atau keuntungan terus menerus mengalir. Dalam hal ini, maka keselamatan dan keamanan masyarakat pada waktu-waktu tertentu dalam keadaan luar biasa atau darurat. Ini memerlukan tindakan yang bertentangan dengan kaedah asal itu, iaitu kaedah ilmu (pentadbiran) kewangan dan mengambil sikap mengenakan cukai istimewa dan bercorak sementara ke atas modal pokok itu sendiri. Kaedah syara' menyatakan bahawa: "Keadaan darurat itu menghalalkan segala yang dilarang". Kaedah itu boleh digunakan dalam masalah keagamaan. Mengapakah pula kaedah itu dibiarkan dan tidak dijadikan sebagai panduan dalam menyelesaikan masalah duniawi sebagai salah satu panduan dalam bidang ilmu dan kaedah pentadbiran kewangan?

Memang tidak diragukan bahawa mengambil sebahagian daripada modal pokok itu boleh menjejaskan pendapatan tahunan. Ini merupakan satu ikatan dan sekatan yang agak berat dipikul oleh individu yang berkenaan. Namun sikap demikian merupakan hak pihak berkuasa atau *wali al-Amri* yang sememangnya dikehendaki oleh keadaan dan kepentingan masyarakat. Hal seperti ini telah disokong supaya dilaksanakan oleh ramai tokoh *fuqaha* kaum Muslimin.

Perkara 144 - Pandangan Al-Qurtubi, Al-Ghazali dan Al-Suatibi Tentang Masalah Cukai

Al-Qurtubi telah mengatakan: "Para ulama telah bersepakat bahawa apabila kaum Muslimin menghadapi suatu keadaan yang memerlukan sumbangan

kewangan yang lain selain sumber zakat, maka wajiblah dikumpulkan wang untuk memenuhi hajat dan keperluan itu. Imam Malik juga telah mengatakan: "Orang ramai (masyarakat dan negara) wajib menebus kembali orang tawanan mereka (yang jatuh ke tangan musuh), walaupun akan menghabiskan semua harta mereka. Hukum ini adalah hasil *ijma'* ulama".[8]

Imam al-Ghazali menyatakan: "Apabila anggota-anggota tentera tidak mempunyai wang dan perbendaharaan negara tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membayar gaji anggota tentera dan segala alat kelengkapan pertahanan negara, maka keadaan seperti itu boleh menimbulkan kebimbangan bahawa pihak musuh akan menyerbu masuk ke dalam negara Islam untuk menakluki dan menjajahnya. Ini juga boleh menyebabkan tercetusnya fitnah, kekacauan dan huru-hara dalam negeri (yang dilakukan oleh anak negeri sendiri). Oleh yang demikian, ketika itu pihak Imam (kepala negara) berhak mengambil sebahagian harta orang kaya (sekadar cukup untuk membiayai urusan pertahanan negara), bagi membayar gaji anggota tentera dan polis serta alat-alat kelengkapan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Ini kerana diketahui bahawa apabila didapati ada dua keadaan buruk atau bahaya, maka hendaklah ditolak dan dihindarkan bencana dan bahaya yang lebih besar. Apa jua sumbangan yang diberikan oleh orang kaya itu adalah kecil jika dibandingkan dengan manfaat dan kepentingan yang mereka peroleh, iaitu jaminan keselamatan jiwa dan harta bendanya. Perkara ini tentu akan datang menimpanya kalau agama Islam tidak berdaulat dalam negara dengan dijaga dan dipertahankan oleh pihak yang menjaga keselamatan dan ketenteraman bagi menjaga dan mengatur ketertiban dan mencegah segala bencana dan bahaya. Antara bukti yang dapat dilihat bahawa pihak yang menjaga (wali) kanak-kanak itu berhak membina tempat mandi (kolam mandi) yang khusus untuk kanak-kanak itu dengan membayar upah dan belanja doktor yang merawat kanak-kanak itu. Walaupun semuanya merupakan perbuatan yang merugikan pada lahirnya, tetapi dengan tujuan menjaga supaya tidak timbul bencana dan penyakit yang lebih teruk lagi".[9]

Al-Suatibi menyatakan apabila kita memperakui dan mematuhi seorang Imam (kepala negara) yang ditaati rakyat jelata, sedangkan dalam keadaan itu juga kita sangat berhajat bagi menambah bilangan tentera untuk mengawal keselamatan negara dan mempertahankan kedaulatan kerajaan yang begitu luas dengan kelengkapan yang diperlukan oleh angkatan tentera berkenaan, tetapi wang yang ada dalam perbendaharaan negara tidak mencukupi bagi menjayakan keperluan itu, maka sekiranya Imam itu seorang yang adil, tentulah dia berhak meminta sumbangan bantuan (dengan melalui peraturan dan undang-undang yang memaksa supaya dipatuhi) daripada para hartawan bagi mendapatkan jumlah wang yang diperlukan untuk tujuan mempertahankan kedaulatan negara. Hinggalah hasil *mahsul* negara cukup untuk menanggung perbelanjaan tersebut (barulah Imam boleh mengambil tindakan menamatkan sumbangan para hartawan itu).

---

8 *Al-Jamik Li-Ahkamil Qur'an*, Jilid 1, hlm. 223.
9 *Al-Mustasfa*, Jilid 1, hlm. 303 dan 305.

Kemudian Imam itu juga berhak mendapatkan peruntukan bagi menyelenggarakan soal pertahanan dan keselamatan negara dengan mengenakan beberapa jenis cukai ke atas barangan dan hasil *mahsul* dan sebagainya. Masalah seperti ini tidak terdapat berita tentangnya daripada para pemerintah yang terdahulu (iaitu pada zaman pemerintahan Islam dahulu) kerana pada zaman permulaan dahulu, wang yang terdapat dalam simpanan Baitulmal (perbendaharaan negara) adalah begitu banyak dan berlebihan daripada keperluan.

Ini berbeza dengan keadaan yang berlaku pada zaman sekarang yang penuh dengan pelbagai masalah, ada maslahat umum di sebalik kutipan cukai dan sumbangan daripada para hartawan itu. Ini kerana kalaulah Imam tidak berbuat begitu, nescaya lemahlah pengaruh dan kekuasaan pihak Imam, dan negara terdedah kepada berbagai ancaman orang kafir. Sistem kutipan cukai dan sumbangan seperti itu adalah semata-mata dengan tujuan menguatkan pengaruh dan kuasa Imam.

Oleh sebab itu, orang yang merasa bimbang terhadap berlakunya bencana-bencana seperti itu, merasa kecil sahaja sumbangan yang diminta itu berbanding dengan jumlah harta dan wang mereka yang banyak. Apa lagi jika dibandingkan dengan betapa kecil dan sedikitnya jumlah wang yang mereka sumbangkan untuk negara. Dengan demikian, jika dikaitkan pula bencana besar yang bakal menimpa negara (kerana pencerobohan pihak musuh yang tidak terdaya dikawal itu) dengan bencana yang lebih besar lagi yang akan timbul sesudah itu, maka cara pengambilan harta mereka sama sekali tidak sama di antara keadaan itu. Inilah rahsia yang dapat diselami daripada maksud hukum syarak yang memberi kelonggaran pada pihak Imam mengambil langkah seperti itu, sebelum diteliti bukti lain daripada ajaran syara' (sama ada daripada nas-nas al-Qur'an, hadis dan sebagainya).[10]

Perkara 145 - Peruntukan Pengagihan Wang Zakat

Al-Qur'an telah menetapkan bayaran harta dan wang zakat ini kepada lapan *asnaf* melalui firman Allah S.W.T.:[11]

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ
وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan*

10 *Al-I'tisam*, Jilid 2, hlm. 104.
11 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *al-Tafsir al-Farid Lil Qur'an al-Majid*, hlm. 1246 - 1248, diperakui oleh Majlis penyelidikan Islam Universiti al-Azhar.

pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9:60)

Pengertian Lafzi (Perkataan Demi Perkataan)

Al-sadaqat: Perkataan sedekah yang dimaksudkan dalam ayat zakat yang wajib ditunaikan daripada wang tunai, haiwan, binatang ternakan, pertanian dan perniagaan.

Al-fuqara' (fakir): Orang yang mempunyai harta yang sedikit dan tidak cukup nisab (kurang daripada dua belas paun emas).

Al-masakin (miskin): Orang miskin ialah orang yang tidak mahu meminta-minta (mengemis). Ini kerana dia tidak mempunyai sesuatu apapun (dengan demikian orang miskin itu lebih daif lagi keadaan hidupnya daripada orang fakir). Tetapi mengikut pandangan Imam Syafi'i, ia berbeza dengan pengertian ini (orang fakir lebih daif daripada orang miskin). Rujuk kitab-kitab fiqh.

Al-'amilin 'alaiha: Orang yang bertugas mengutip dan menguruskan masalah bayaran zakat (pegawai-pegawai urusan zakat), iaitu orang yang bertugas menilai jumlah dan mengumpulkan zakat. Mereka ini dibayar gaji daripada hasil *mahsul* zakat, sesuai dengan tugas yang mereka jalankan.

Al-mualafatu qulubuhum: Suatu golongan yang baru menganut Islam, tetapi mereka masih lemah lagi, ataupun orang kafir yang diberi bayaran daripada wang zakat supaya mereka menjadi bertambah baik dan dekat dengan Islam. Tetapi peruntukan orang mualaf ini telah digugurkan dengan *ijma'* para sahabat RasululLah s.a.w. Ini berdasarkan zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar, kerana Allah S.W.T telah mengurniakan kemuliaan dan kehormatan kepada agama Islam dengan beroleh penganut yang ramai jumlahnya. Menurut kaedah hukum fiqh, "apabila sesuatu hukum itu wujud kerana adanya sesuatu sebab tertentu, maka hukum itu akan mansuh dengan sendirinya apabila sebab yang berkenaan itu sudah tiada lagi".

Fil riqab: Wang zakat itu juga boleh di*infaq*kan untuk memerdekakan hamba sahaya dan melepaskan mereka daripada belenggu perhambaan.

Al-gharimin: Orang yang menanggung hutang, iaitu yang terhutang kerana urusan nafkah diri mereka sendiri, bukan kerana maksiat menyebabkan mereka tidak berdaya membayar hutang. Orang seperti ini berhak diberikan sumbangan daripada wang zakat mengikut kadar hutang mereka sekiranya mereka tidak mempunyai wang atau harta lain. Ataupun orang yang berhutang dalam usaha untuk memperbaiki hubungan silaturahim dan melakukan pekerjaan makruf. Orang seperti ini berhak diberikan sumbangan daripada wang

zakat untuk membayar hutang mereka daripada usaha itu, walaupun mereka terdiri daripada orang kaya yang berada.

Fi sabililLah: Orang fakir daripada kalangan para pejuang yang menegakkan agama Allah ataupun orang yang terputus bekalan, ataupun untuk di*infaq*kan bagi kepentingan umum.

Ibn al-sabil: Orang musafir yang keputusan wang dalam perjalanan.

Faridatan minalLah: Suatu kewajipan yang telah ditentukan Allah dan tidak boleh ditentukan dengan fikiran manusia.

'Alim dan hakim: Allah Maha Mengetahui kepentingan para hamba-Nya dan Maha Bijaksana dalam semua kewajipan yang ditentukan-Nya ke atas para hamba-Nya.

Tafsiran Pengarang Buku Ini

Allah S.W.T. telah menerangkan pihak-pihak yang berhak menerima bayaran zakat dan juga orang yang berhak diberikan peruntukan zakat kepada mereka. Golongan-golongan ini berhak dikeluarkan ataupun dibelanjakan wang zakat itu untuknya:

(a) Zakat wang, haiwan, perniagaan ataupun pertanian tidak berhak diberikan, kecuali kepada orang fakir yang memerlukan bantuan daripada orang kaya. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai wang atau harta yang mencukupi untuk memenuhi keperluan mereka.

(b) Juga kepada orang miskin yang lebih teruk dan dahsyat lagi keadaan mereka daripada orang fakir, berdasarkan firman Allah S.W.T. seperti berikut:

أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾

سورة البلد ٩٠ : اية ١٦

Terjemahan: *Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.*
(Surah al-Balad 90:16)

Tubuhnya terletak di permukaan bumi, tetapi di bawah pinggangnya berada dalam lubang. Ini bertujuan untuk menutup aurat sebagai pengganti pakaian kerana perutnya kosong. Keadaan seperti inilah merupakan puncak kesusahan dan penderitaan.

(c) Para *'amil* atau petugas yang mengutip zakat dan mengumpulnya serta menjaganya dengan baik supaya dapat dibahagikan kepada

pihak-pihak yang berhak menerimanya. Mereka ini juga berhak mendapat upah dan gaji daripada wang zakat.

(d) Orang yang masih dipujuk oleh Nabi Muhammad s.a.w. supaya hatinya menjadi lembut dan jinak untuk memeluk agama Islam. Alasannya, agar mereka dapat merasakan bahawa dalam ajaran Islam itu terdapat rasa simpati dan belas kasihan terhadap orang yang menganut Islam. Dengan demikian mereka akan memeluk Islam, ataupun orang yang sudah memeluk agama Islam tetapi rasa cintanya kepada Islam masih nipis dan lemah. Oleh itu dilembutkan hatinya dengan memberikan wang zakat kepada mereka.

(e) Untuk membebaskan hamba sahaya. Yang dimaksudkan di sini ialah memberi bantuan kewangan kepada mereka untuk mencapai kemerdekaan dan melepaskan diri mereka daripada belenggu perhambaan dan penderitaan ketika berada dalam tawanan. Dengan cara memberikan wang kepada hamba tersebut agar dapat membuat perjanjian dengan tuannya untuk mencapai kemerdekaannya dengan membayar sejumlah wang tertentu kepada tuannya. Dalam hal ini, tuannya pun menolong hamba itu juga dalam usahanya membebaskan diri.

Firman Allah:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

سورة النور ٢٤ : اية ٢٤

Terjemahan: *Berilah kepada mereka daripada harta Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu.*

(Surah al-Nūr 24:24)

Peruntukan ini juga mengandungi pengertian wang yang disumbangkan untuk mencapai kemerdekaan sesuatu umat agar mendapat kebebasan daripada kehinaan dan belenggu penjajahan politik, ekonomi dan sosial.

(f) Orang yang menanggung beban hutang. Golongan ini sedang menanggung beban hutang yang tidak terbayar hasil daripada pinjaman yang diperolehi bagi sesuatu projek. Walaupun dengan usaha yang halal dan bukan berbentuk maksiat, tetapi mereka tidak berupaya membayarnya lalu mereka juga diberi sumbangan wang zakat sekadar jumlah hutang mereka supaya mereka membayar hutang itu. Ini juga atas dasar jika mereka tidak mempunyai wang langsung, ataupun mereka yang meminjam wang untuk melakukan usaha makruf atau meminjam wang untuk mendamaikan orang yang sedang bersengketa ataupun untuk menyatupadukan seluruh kaum Muslimin.

(g) *Fi sabililLah*: Yang dimaksudkan dengan perkataan ini ialah kepentingan umum kaum Muslimin, iaitu dalam urusan yang boleh meninggikan taraf hidup umat Islam untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang kebajikan umat. Ini seperti perkhidmatan umum, khidmat-khidmat sosial dan melengkapkan senjata angkatan tentera dengan alat-alat yang moden.

(h) *Ibn al-sabil:* Orang musafir yang terputus hubungan dengan negeri asalnya sewaktu musafir dan tidak punya wang untuk menyara hidupnya. Orang seperti ini juga diberikan sumbangan daripada hasil kutipan zakat.

Perlu kiranya dilanjutkan perbincangan tentang pemberian sumbangan hasil zakat kepada empat *asnaf* pertama tadi (fakir, miskin, 'amil dan mualaf) memberikan kesimpulan bahawa mereka mendapat hak milik penuh atas pemberian itu. Ini dengan pengertian bahawa sumbangan yang diberikan kepada mereka itu boleh mereka miliki terus dan tidak boleh diminta balik. Kalau mereka terima pemberian itu, maka mereka mempunyai kebebasan penuh untuk menggunakannya mengikut kehendak mereka tanpa dikawal dan dibatasi. Hamba sahaya yang terikat dengan perjanjian untuk memerdekakan diri, maka mereka tidak berhak menggunakan wang itu kepada perkara yang lain daripada urusan mencapai kemerdekaan. Ini kecuali untuk membayar kepada tuannya sahaja, supaya mereka dapat menjadi orang yang bebas merdeka. Demikian juga orang yang berhutang, tidak berhak menggunakan pemberian itu kepada perkara yang lain daripada membayar hutang sahaja. Begitu juga halnya dengan anggota tentera, mereka hanya boleh menggunakan wang itu untuk membeli alat-alat kelengkapan perang sahaja. Orang musafir yang keputusan belanja juga terikat dengan syarat menggunakan wang pemberian itu untuk mencapai tujuannya (sama ada meneruskan perjalanan atau membaiki kenderaan atau sebagainya). Hal ini adalah suatu kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas manusia. Sedangkan Allah S.W.T. Maha Mengetahui tentang hal ehwal dan keadaan sebenar serta kadar keperluan umat manusia. Allah S.W.T. juga Maha Bijaksana dalam hukum yang diwajibkan-Nya kepada mereka untuk membersihkan jiwa mereka daripada kekotoran dosa dan membersihkan akhlak dan budi pekerti mereka.

Abu al-Hasan al-Mawardi[12] telah memberikan penjelasan tentang zakat dengan menyatakan: "Sedekah itulah zakat dan zakat itu juga adalah sedekah, namanya sahaja yang nampak berbeza tetapi pada hakikat sebenarnya ia adalah sama". Memang dalam harta setiap orang Islam itu tiada sebarang kewajipan lain selain kewajipan membayar zakat. Sabda RasululLah s.a.w. adalah seperti berikut:

ليس فى المال حق سوى الزكاة.

12 Abu al-Hassan al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniah Wal Wilayah al-Diniyah*, cetakan ke-2, 1966, Mesir.

Terjemahan: *"Tiada sebarang hak dalam harta itu kecuali hak (membayar) zakat sahaja".*

Zakat merupakan suatu pembayaran yang wajib dikeluarkan dalam semua jenis harta yang layak dimaju dan juga dikembangkan. Sama ada ia dimajukan dengan menggunakan harta itu sendiri ataupun menggunakannya untuk tujuan menyucikan diri pemiliknya sendiri (daripada dosa).

Harta-harta yang dikenakan zakat itu pula terbahagi kepada dua jenis. Pertama ialah harta-harta yang zahir dan kedua, harta-harta yang batin. Harta-harta yang zahir ialah harta-harta yang tidak dapat disembunyikan seperti tanam-tanaman, hasil-hasil pertanian (seperti bijirin dan buah-buahan) serta juga binatang ternakan. Harta-harta yang batin pula ialah harta-harta yang boleh disembunyikan seperti emas, perak dan barang-barang yang diperniagakan. Pihak pengawal atau wali zakat tidak berhak memeriksa harta-harta yang batin untuk diambil zakatnya. Oleh itu, para pemiliknya sendiri sahajalah yang lebih berhak mengeluarkan zakat terhadap harta-harta itu. Kecuali sekiranya para pemilik itu menyerahkan harta-harta yang diberi zakat itu untuk dibahagikan kepada pihak berkuasa, maka bolehlah ia diterima dengan sukarela. Pembahagian harta kepada pihak yang berhak menerimanya ini merupakan sejenis pertolongan kepada para pemilik harta-harta itu. Oleh yang demikian, penyeliaan pihak berkuasa adalah khusus untuk harta-harta yang zahir sahaja dan boleh diarahkan supaya pihak pemiliknya membayar atau mengeluarkan zakat harta yang zahir itu.

Al-Mawardi menyambung huraiannya mengenai hukum mengambil zakat dengan mengatakan bahawa harta-harta yang boleh dikenakan zakat terdapat empat jenis.

Haiwan-haiwan ternakan yang boleh dikenakan zakat adalah seperti unta, lembu, kambing, kuda dan sebagainya. Ia dinamakan sebagai *masyiah* yang bermaksud "yang berjalan" kerana ia diperlihara atau digembala dalam keadaan sambil berjalan. Sebelum ini kita telah pun membincangkan masalah ini dan di bawah ini ialah huraian lanjut mengenainya:

(a) Zakat Unta

Unta nisabnya yang pertama sekali ialah lima ekor. Mulai daripada lima hingga sembilan ekor, maka zakatnya ialah seekor kambing biasa berumur dua tahun lebih. Di bawah ini disenaraikan jumlah nisab unta dan zakatnya.

Jadual 1 Jumlah nisab unta dan zakatnya

Nisab	**Zakatnya**	
	Bilangan dan jenis zakat	Umurnya
5 - 9	1 ekor kambing biasa atau 1 ekor kambing biri-biri	2 tahun lebih 1 tahun lebih

Sambungan **Jadual 1**

Nisab	Zakatnya	
	Bilangan dan jenis zakat	Umurnya
10 - 14	2 ekor kambing biasa atau 2 ekor kambing biri-biri	2 tahun lebih 1 tahun lebih
15 - 19	3 ekor kambing biasa atau 3 ekor kambing biri-biri	2 tahun lebih 1 tahun lebih
20 - 24	4 ekor kambing biasa atau 4 ekor kambing biri	2 tahun lebih 1 tahun lebih
25 - 35	1 ekor unta	1 tahun lebih
36 - 45	1 ekor unta	2 tahun lebih
46 - 60	1 ekor unta	3 tahun lebih
61 - 75	1 ekor unta	4 tahun lebih
76 - 90	2 ekor unta	2 tahun lebih
91 - 120	2 ekor unta	2 tahun lebih

Demikianlah *ijma'* ulama tentang nisab dan kadar zakat unta dan seterusnya.

(b) Zakat Lembu dan Kerbau

Nisab dan zakat lembu dan kerbau itu adalah seperti berikut:

Jadual 2 Jumlah nisab unta dan zakatnya

Nisab	Zakatnya	
	Bilangan dan jenis zakat	Umurnya
30 - 39	1 ekor anak lembu atau seekor kerbau	1 tahun lebih
40 - 59	1 ekor anak lembu atau seekor kerbau	2 tahun lebih
60 - 69	2 ekor anak lembu atau dua ekor kerbau	1 tahun lebih
70 dan selebihnya	satu ekor anak lembu atau seekor kerbau dan 1 ekor anak lembu atau seekor kerbau (selepas ini pada setiap 40 ekor satu ekor anak lembu berumur 2 tahun.	2 tahun.

(c) Zakat Kambing dan Biri-biri

Zakat kambing dan biri-biri tidak diwajibkan, kecuali apabila bilangannya genap 40 ekor yang sepanjang tahun hidup di padang ragut. Daripada jumlah 40 hingga 120 ekor, maka zakatnya ialah seekor kambing betina biasa berumur dua tahun lebih ataupun seekor biri-biri betina berumur setahun lebih.

Apabila jumlahnya bertambah menjadi 121 ekor maka zakatnya ialah dua ekor kambing betina biasa berumur dua tahun lebih atau dua ekor biri-biri berumur satu tahun lebih. Apabila jumlahnya menjadi 201 ekor, zakatnya ialah tiga ekor kambing betina berumur dua tahun lebih. Sekiranya jumlah itu bertambah, maka zakatnya ialah seekor kambing betina berumur dua tahun lebih pada setiap 100 ekor kambing atau biri-biri.

(d) Zakat Kuda, Baghal dan Keldai

Tiada sebarang kewajipan zakat ke atas kuda, baghal dan keldai. Tetapi Imam Abu Hanifah mewajibkan diambil zakat setiap kuda betina yang hidupnya sepanjang tahun di padang ragut. Ia hendaklah diambil zakatnya satu dinar bagi tiap seekor kuda.

Zakat Haiwan Ternakan

Diwajibkan zakatnya dengan dua syarat. Pertama, bahawa ia adalah haiwan ternakan yang digembala di padang ragut, dan dengan demikian kuranglah belanja memeliharanya serta banyaklah susu serta biaklah ia (banyak anaknya). Dengan demikian, kalaulah haiwan itu disuruh bekerja keras atau dibebankan membawa barang atau menarik pedati ataupun kereta, maka tidak wajib dibayar zakatnya mengikut mazhab Abu Hanifah dan Syafi'i. Tetapi Imam Malik mewajibkan zakatnya sama seperti haiwan ternakan.

Kedua, cukup tahun, iaitu genap setahun daripada tarikh kelahirannya, berdasarkan sabda RasululLah s.a.w.:

لازكاة فى مال حتى يحول عليه الحول.

Terjemahan: *"Tiada sebarang zakat atas sesuatu harta itu hingga cukup (genap) tahunnya".*

Zakat Kurma dan Pokok-pokok Lain

Imam Abu Hanifah mewajibkan zakat ke atas semua jenis pokok yang mengeluarkan buah dan hasil.

Zakat buah kurma itu menjadi wajib dengan dua syarat:

(a) Ternyata buahnya bagus dan sedap dimakan; dan

(b) Jumlahnya mencukupi lima *wasak*, dan satu *wasak* itu ialah enam puluh *sa'* (cupak). Satu *sa'* itu ialah 5 1/3 kati Iraq. Abu Hanifah mewajibkan zakat buah-buahan ini, sama ada jumlahnya sedikit mahupun banyak.

Zakat Pertanian dan Buah-buahan

Imam Abu Hanifah telah mewajibkan zakat ke atas semua hasil pertanian dan buah-buahan.

Sesungguhnya semua hasil bumi itu wajib zakatnya dengan kadar 1/10 penghasilannya jika ia diairi menggunakan tenaga dan usaha seperti diairi dengan air hujan ataupun air banjir. Sekiranya tanah itu diairi dengan menggunakan tenaga dan usaha, iaitu dengan menggunakan alat-alatan dan kelengkapan seperti kincir angin ataupun parit tali air atau lainnya, maka zakatnya atas kadar 1/20 ataupun lima peratus.

Madu lebah dan buah-buahan yang terdapat di padang pasir atau hutan belantara, maka wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 1/10.

Zakat Perak, Emas, Perhiasan dan Alat-alat Perhiasan

Jika nilai perak harganya sama dengan 200 dirham. Oleh itu, wajib juga dikeluarkan zakat emas apabila seseorang itu memiliki 20 *misqal* emas. Satu *misqal* itu lebih kurang sama dengan satu dinar.

Kadar zakat yang wajib ke atas emas dan perak ialah 1/40 daripada harganya, seperti juga wajib dibayar zakat daripada emas dan perak yang dituang (seperti dijadikan mata wang dan diukir). Begitu juga wajib zakat atas barang-barang dan juga alat-alat perhiasan.

Imam Syafi'i telah mengatakan: "Tiada sebarang kewajipan membayar zakat yang dikenakan ke atas barang-barang perhiasan yang halal dipakai".

Zakat Wang Kertas dan Surat-surat Berharga

Wang kertas atau surat-surat berharga yang lain itu wajib dibayar zakat jika nilainya melebihi daripada 12 paun Mesir ataupun mata wang asing yang senilai dengannya. Kadar zakatnya ialah 2 1/2 peratus daripada nilai yang telah disebutkan di atas atau lebih daripada jumlah baki yang masih ada dalam simpanan seseorang bagi tempoh setahun genap.

Zakat Barang-barang Perhiasan

Wajib dibayar zakat barangan perhiasan apabila harga atau nilainya melebihi 200 dirham, iaitu sebanyak 2 1/2 peratus daripada harga barang berkenaan.

Zakat Bahan Galian atau Harta Terpendam

Bahan-bahan galian seperti emas, perak, petroleum, besi, timah, tembaga dan

lain-lain bahan galian dan harta-harta terpendam adalah termaktub kepada pungutan zakat sebanyak 1/5 daripada harganya. Oleh yang demikian, jika seseorang itu menjumpai harta terpendam yang tertanam di kawasan rumahnya, maka wajib dikeluarkan zakatnya.

Imam Abu Hanifah telah mengatakan: "Setiap orang yang menemui harta terpendam (*rikaz*) itu diberi kebebasan untuk melahirkannya ataupun untuk menyembunyikannya".

Perkara 146 - Zakat Fitrah

Zakat fitrah wajib dibayar oleh setiap orang Islam yang merdeka (tidak menjadi hamba) yang memiliki harta mengikut kadar nisab syari'e (yang telah ditetapkan oleh syara'). Ini sesudah ditolak belanja makan minumnya sendiri dan juga makan minum keluarganya pada malam dan Hari Raya Fitrah. Ia juga sesudah ditolak segala perbelanjaan yang perlu bagi kaum keluarganya juga orang yang menjadi tanggungannya seperti kedua ibu bapanya, isteri, anak-anak dan khadamnya.

Zakat fitrah itu dikira atas kadar 15 *qirisy* Mesir (*piastre*) ataupun lebih kurang 40 sen Amerika ataupun 36 pence Inggeris (sekarang sudah berubah mengikut peredaran zaman dan perlu dirujuk kepada pihak yang berkuasa Jabatan atau Majlis Agama di setiap negeri). Pada mulanya, kadar zakat fitrah itu dikira mengikut sukatan atau timbangan buah kurma atau anggur. Dalam masalah ini, para *fuqaha* telah memberi keutamaan supaya nilai atau kadar zakat fitrah itu dikira dengan jumlah wang tunai, kerana ia lebih memberi manfaat kepada orang fakir miskin. Harga itu biasanya dibuat mengikut harga sukatan gandum yang dikira atas kadar 1/2 sukatan gandum bagi setiap orang (juga telah berubah kadarnya dan perlu dirujuk kepada penilaian dan kadar yang dibuat oleh pihak yang berkuasa mengenai urusan itu pada setiap waktu dan tempatnya).

Bilakah Zakat Fitrah Itu Perlu Dikeluarkan?

Dalam sebuah hadis RasululLah s.a.w. telah bersabda:

إن زكاة الفطر طهرة للغو والرفث وطعمة للمساكين ...

(ابن عباس)

Terjemahan: *"Sesungguhnya zakat fitrah itu merupakan suatu perbuatan yang boleh mensuci dan membersihkan setiap orang yang berpuasa (daripada dosa) perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan juga perkataan yang buruk, dan juga menjadi bahan makanan orang miskin ..."*.

(Ibn 'Abbas)

Sesiapa yang membayar zakat fitrahnya sebelum sembahyang Hari Raya Fitrah, maka zakatnya sah dan diterima. Tetapi sesiapa yang membayarnya selepas sembahyang Hari Raya, wangnya itu menjadi sedekah sahaja.

Terdapat para *fuqaha* yang berpendapat bahawa zakat fitrah itu boleh dibayar sehari atau dua hari sebelum Hari Raya, iaitu pendapat Imam Malik. Ataupun mulai daripada awal bulan Ramadan lagi, iaitu menurut pendapat Imam Syafi'i dan Imam Abu Hanifah.

Perkara 147- Apakah Rahsia dan Matlamat Zakat Itu?

Kemiskinan merupakan suatu masalah asas yang dihadapi oleh setiap masyarakat. Oleh sebab itulah, zakat telah diwajibkan supaya pihak negara dapat membahagi dan mengagihnya. Dengan demikian dapatlah dibantu mereka yang fakir dan miskin serta orang lain dengan tujuan meninggikan taraf hidup di kalangan seluruh anggota masyarakat. Ini bertujuan agar setiap anggota masyarakat itu tidak menderita disebabkan kepapaan dan kemelaratan.

Dengan menjalankan pungutan zakat, maka negara itu berusaha menegakkan keadilan sosial dan mendekatkan jurang perbezaan di antara golongan yang berada dengan yang tidak berada. Zakat juga dipandang sebagai suatu jalan dalam membina dan menegakkan sebuah masyarakat berdasarkan muhibah, rasa setiakawan dan tolong-menolong. Ini disebabkan zakat itu dapat menghilangkan rasa benci, dendam dan dengki yang memenuhi hati orang yang tidak berpunya. Dengan demikian, akan terbentuk sebuah masyarakat yang bahagia dengan keadaan anggotanya saling bantu-membantu, bersaudara dan saling kukuh-mengukuh serta hormat-menghormati dan kasih-mengasihi.

Dengan demikian, orang Islam yang beriman berkewajipan mengeluarkan zakat untuk kepentingan masyarakat Islam bagi mematuhi arahan Allah S.W.T. Surah *'al-Mu'minun'*:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

سورة المؤمنين ٢٣ : اية ١ ، ٦

Terjemahan: *Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela.*

(Surah al-Mu'minūn 23:1-6)

Dan firman Allah S.W.T.:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٤٣

Terjemahannya: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.*

(Surah al-Baqarah 2:43)

FASAL DUA: *GHANIMAH*

Perkara 148 - Definisi

Mengikut pengertian syari'at Islam, *ghanimah* ialah semua jenis harta yang sampai ke tangan orang Islam (kaum Muslimin) daripada orang kafir melalui jalan menang dalam peperangan dan dengan menggunakan kekuatan (senjata).

Sejak Bilakah Orang Islam Mula Mengenal Ghanimah?

Orang Islam tidak (belum) mengenal *ghanimah* itu kecuali sesudah mereka berhijrah ke Madinah, kerana peringkat permulaan yang dilalui oleh gerakan dakwah Islam adalah tertumpu kepada usaha menyeru dan mengajak orang ramai mengenal dan menganut Islam melalui cara bimbingan, memberikan pengenalan tentang Islam dan keagungan tauhid.

Orang Islam mula aktif bergerak dalam bidang perniagaan dan bersaing dengan orang Yahudi dalam perniagaan hingga menyebabkan mereka (orang-orang Yahudi) bersungut dan merasa gelisah. Lahirlah kebencian dan sikap permusuhan dari mulut mereka lalu mereka pun berusaha untuk membunuh dan menghancurkan RasululLah s.a.w. dan para sahabat. Di samping itu, pada waktu yang sama orang Quraisy (di Makkah) telah mengambil tindakan merampas harta benda orang Islam yang berhijrah ke Madinah (Muhajirin) dan ekoran daripada itu tercetuslah permusuhan di antara orang Yahudi dengan orang Islam dan juga pergolakan di antara orang Quraisy dengan orang Islam. Gerakan dan tindakan mengutus rombongan tentera pun bermula yang diikuti pula oleh peraturan yang memberi kebenaran bertempur dan berperang yang menghasilkan berbagai-bagai bentuk *ghanimah* dan berbagai-bagai jenis harta yang merupakan sumber kekuatan bagi kaum Muslimin.

Abu Yusuf telah menyebutkan dalam kitab *al-Kharaj*: "Jika *ghanimah* itu didapati sebagai hasil pertempuran dengan pihak musuh maka hendaklah dibahagi dan diagihkan mengikut panduan wahyu yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Rasul-Nya Muhammad s.a.w.".

Firman Allah S.W.T. :[13]

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ ٱلْفُرْ

13 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *op. cit.*, hlm. 1151, 1152 dan 1153.

قَانِ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

سورة الأنفال ٨ : اية ٤١

Terjemahannya: Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (1/5) (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (RasululLah s.a.w.) dan anak-anak yatim, dan orang miskin, serta ibnu-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad), pada "Hari al-Furqan" iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Anfal 8:41)

Makna Secara Harfiah

Ghanimah bermakna apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang iaitu semua harta bergerak yang didapati oleh kaum Muslimin daripada musuh mereka dengan cara kekerasan melalui peperangan. Perkataan itu berasal dari perkataan *ghanam*. Harta ini dibahagi kepada lima bahagian. Empat bahagian untuk anggota tentera yang berjuang. Daripada jumlah harta untuk anggota tentera dua bahagian daripadanya untuk tentera berkuda dan satu bahagian lagi untuk tentera berjalan kaki. Di samping itu 1/5 bahagian yang baki untuk RasululLah s.a.w. serta empat golongan yang telah disebutkan dalam ayat tersebut. Sememangnya ada saham Allah dalam pembahagian *ghanimah* itu, dan disebutkan nama Allah itu semata-mata untuk membesarkan-Nya dan juga mengambil berkat dengan nama-Nya, seperti firman-Nya:

يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمْ لِيُرْضُوكُمْ وَٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَحَقُّ أَن يُرْضُوهُ إِن كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٦٢

Terjemahannya:... *Dan Allah dan Rasul-Nya jualah yang berhak mereka cari keredaan-Nya jika mereka benar-benar orang yang beriman.*

(Surah al-Taubah 9:62)

Manakala tanah bagi negara yang dikuasai dan ditakluki oleh kaum Muslimin daripada pihak musuh menjadi hak negara yang berkenaan. Negara yang berkenaan berhak membelanjakan daripada hasil buminya bagi projek-projek kepentingan umum dan keselamatan negara.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa dua bahagian yang diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya serta kaum kerabat RasululLah s.a.w. itu telah pun dimansuhkan dengan wafatnya RasululLah s.a.w. dan hendaklah diperuntukkan kepada perbelanjaan:

(a) Untuk kepentingan umum, seperti membeli kelengkapan tentera dan

memberi latihan untuk membentuk sebuah angkatan perang yang kuat, mendirikan masjid-masjid dan juga hospital-hospital, membuka jalan-jalan raya, menyebarkan pelajaran dan pendidikan, menegakkan keadilan serta membentuk sebuah masyarakat yang mewah dan sejahtera dari segi ekonomi dan sosial.

(b) Untuk kerabat iaitu keturunan Bani Hasyim, Bani Abdul Mutalib, bukan untuk Bani Abdul Syams dan Bani Naufal.

(c) Untuk anak-anak yatim iaitu anak pihak orang Islam yang bapa mereka meninggal dunia dalam keadaan fakir.

(d) Untuk ibnus-sabil iaitu orang Islam yang keputusan bekalan dalam masa sedang musafir.

(e) Untuk hamba Kami iaitu RasululLah s.a.w.

(f) Untuk Hari al-Furqan iaitu hari Perang Badar, kerana hari itu adalah hari perpisahan antara yang hak dengan yang batil.

(g) Untuk hari bertemunya dua angkatan tentera iaitu angkatan tentera Islam dengan tentera kafir.

Dan ingatlah, Allah Maha Kuasa dan tiap sesuatu iaitu berkuasa memenangkan yang sedikit dengan mengalahkan yang banyak, dan yang hina mengalahkan yang mulia, seperti yang telah Allah S.W.T. lakukan kepada kamu di hari ini.

Tafsir Ayat di Atas

Ketahuilah wahai orang yang beriman bahawa semua harta yang anda peroleh dengan jalan kekerasan dan peperangan itu, daripada harta orang kafir (harta yang bergerak dan boleh dipindahkan) yang berperang dengan anda itu, maka hukum pembahagiannya seperti berikut:

Satu per lima daripada jumlah harta (rampasan perang) itu adalah untuk Allah S.W.T., iaitu dalam kerja-kerja yang diredai-Nya dalam beberapa perkara yang membawa manfaat dan maslahat umum kaum Muslimin, seperti menyebarkan dakwah Islamiah dan menegakkan sebuah masyarakat yang kuat dan makmur dari segi ekonomi, sosial, politik dan agama. Kemudian berilah pula kepada RasululLah s.a.w. suatu jumlah yang mencukupi untuk belanja dirinya sendiri dan juga untuk isteri-isterinya selama genap setahun. Seterusnya berilah pula peruntukan kepada kaum kerabat RasululLah s.a.w., iaitu orang yang ada pertalian kerabat dari segi asal keturunan, kaum keluarganya dan juga kesetiaan kepadanya. RasululLah s.a.w. sendiri telah membuat ketetapan yang khusus tentang kaum kerabat yang berhak menerima peruntukan harta rampasan perang atau *ghanimah* itu, iaitu daripada Bani Hasyim dan Bani

Abdul Mutalib sahaja, sedangkan kaum kerabat dari keturunan lain tidak berhak mendapat bahagian. Kemudian peruntukan itu diberikan pula kepada orang yang benar-benar perlu dan berhajat dalam masyarakat Islam seperti anak-anak yatim, orang miskin dan orang musafir yang keputusan bekalan.

Dalil tentang pengkhususan kaum kerabat itu tercatat dalam hadis riwayat al-Bukhari seperti berikut yang bermaksud:

> *"Daripada Mat'am bin Jubair (dari suku Bani Naufal) katanya: "Saya telah berjalan bersama-sama dengan Usman bin 'Affan (dari Bani Abdu Syamsi) menuju ke tempat RasululLah s.a.w., maka kami pun menyatakan (kemusykilan kami) kepadanya: "Wahai RasululLah" RasululLah telah memberikan (habuan daripada harta ghanimah) kepada Bani Abdul Mutalib dan RasululLah membiarkan kami tanpa sebarang bayaran." Maka RasululLah s.a.w. pun menjawab: "Sesungguhnya Bani Hasyim dan Bani Mutalib itu hanyalah satu sahaja".*

Ada pihak yang berpendapat bahawa rahsia di sebalik hukum ini ialah bahawa apabila kaum Quraisy menulis *sahifah* (surat pemberitahuan) Bani Hasyim dari Makkah dan mengepong mereka dalam keadaan susah kerana mereka memberi perlindungan kepada RasululLah s.a.w. dan mempertahankannya daripada serangan dan gangguan mereka, maka puak Bani al-Mutalib pun ikut serta dalam golongan Bani Hasyim. Tetapi Bani Naufal dan Bani Abdu Syams tidak masuk dalam golongan atau puak yang membantu dan memberi perlindungan kepada RasululLah s.a.w. itu, kerana telah berlaku permusuhan di antara Bani Umaiyah bin Abdu Syams dengan Bani Hasyim pada zaman Jahiliah dahulu. Keadaan itu telah bertukar menjadi perebutan pengaruh dan kedudukan sesudah kedatangan Islam, dan sememangnya Abu Sufyan, sebelum memeluk Islam sentiasa memusuhi Nabi Muhammad s.a.w. dan juga orang Islam, hingga Allah membuat penentuan dengan kemenangan kaum Muslimin dan penaklukan Makkah. Dengan demikian seluruh umat Arab tunduk dan mengikut kaum Muslimin, dan Allah telah mengurniakan kemenangan besar kepada kaum Muslimin hinggakan Abu Sufyan sendiri pun telah memeluk Islam bersama-sama dengan orang ramai semasa kota Makkah ditakluki. Di samping itu suasana persaingan dan perebutan pengaruh itu masih berjalan begitu sengit sekali setelah zaman Islam hinggakan Muawiyah telah menentang dan memerangi Sayidina 'Ali bin Abi Talib. Tetapi sebahagian *fuqaha* berpendapat bahawa saham atau bahagian yang diperuntukkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum kerabatnya daripada satu per lima harta rampasan perang itu telah pun mansuh dan terbatal dengan wafatnya RasululLah s.a.w. dan kedua-dua peruntukan itu hendaklah diserap dan dimasukkan di bawah peruntukan untuk kepentingan kaum Muslimin dan urusan-urusan umum mereka, seperti pembinaan dan pengurusan masjid-masjid, pusat-pusat kesihatan dan pembangunan jalan raya dan sebagainya.

Satu per lima bahagian *ghanimah* ini, wahai para pejuang sekalian, wajiblah anda gunakan untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah supaya dapat dibelanjakan bagi tujuan mencapai kepentingan kaum Muslimin

dan kamu hendaklah merasa cukup beroleh empat bahagian yang baki lagi itu selama kamu masih beriman kepada Allah, dan Rasul-Nya. Ketegasan ini memberi pengertian bahawa sesiapa yang tidak memberikan perhatian dan tidak mematuhi arahan Allah tentang pembahagian ini maka sesungguhnya dia telah menderhaka kepada RasululLah s.a.w., kerana Allah yang telah menurunkan wahyu tentang pembahagian harta rampasan ini adalah Tuhan yang telah mengurniakan kemenangan dan membantu anda mencapai kemenangan itu dengan para malaikat-Nya dan menentukan kemenangan untuk anda dan memuliakan anda dengan kejayaan besar dalam pertempuran Badar sedangkan pada ketika itu anda sedang dalam keadaan hina-dina. Allah jua telah memenangkan anda yang sedikit jumlahnya itu mengalahkan orang kafir yang ramai sekali angkatan tenteranya, sedangkan kamu sangat sedikit jumlah lagi daif dan lemah keadaannya pada hari pertempuran Badar, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera, iaitu hari Allah membezakan di antara kebenaran yang ditinggikan kalimah-Nya dengan kebatilan yang dikecewakan bersama para pengikutnya kerana Allah Amatlah Perkasa Kekuasaan-Nya. Allah menolong orang yang menolong menegakkan agama-Nya dan menghancurkan orang yang memusuhi pembela agama-Nya dan sesungguhnya Allah telah membantu anda pada hari Peperangan Badar dan memberi sokongan kepada Rasul-Nya. Allah telah melaksanakan janji-Nya kepada Rasul-Nya dengan beroleh kemenangan walaupun jumlah kaum Muslimin kecil sekali dan jumlah orang kafir begitu ramai, kerana mengikut ceritanya jumlah tentera Islam pada hari Peperangan Badar itu hanya 313 orang sahaja sedangkan jumlah tentera kafir musyrik lebih daripada 1000 orang.

Pembahagian harta rampasan yang disebutkan dalam ayat suci di atas adalah hanya untuk harta yang bergerak dan dapat dipindahkan sahaja. Walau bagaimanapun tanah orang musyrik yang telah dirampas oleh tentera Islam maka hasil pendapatannya adalah dibelanjakan untuk urusan yang berkaitan dengan urusan kebajikan dan pembangunan masyarakat Islam, dan harta seperti itu adalah menjadi hak milik negara.

Abu Yusuf telah menyatakan selanjutnya dalam kitab *al-Kharaj*: "Dan masalah ini, Allah jualah Yang Maha Mengetahui tentang hukum harta rampasan yang diambil oleh kaum Muslimin daripada tentera kafir musyrik, dan juga semua harta yang mereka rampas daripada orang kafir itu baik yang berbentuk harta benda, alat-alat senjata dan binatang (ternakan dan kenderaan), maka dalam harta itu ada seperlima bahagian untuk orang yang telah dinamakan oleh Allah S.W.T. dalam kitab suci-Nya al-Qur'an, manakala empat perlima bahagian lagi itu dibahagi-bahagikan kepada anggota-anggota tentera yang menyertai peperangan itu yang berjaya mendapat harta rampasan itu, iaitu daripada peringkat pimpinan dan lainnya: dengan diberikan tiga bahagian untuk tentera berkuda, atas kiraan dua bahagian untuk (belanja saraan) kudanya dan satu bahagian untuk dirinya. Untuk tentera berjalan kaki satu bahagian, iaitu dengan berpandu kepada panduan daripada hadis-hadis dan *athar* dan kuda itu tidak dibezakan di antara apa-apa jenis pun, berpandukan firman Allah:

وَٱلْخَيْلَ وَٱلْبِغَالَ وَٱلْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً ۚ وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

سورة النحل ١٦ : اية ٨

Terjemahannya: *Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan, dan dia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.*

(Surah al-Nahl 16:8)

Firman Allah:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ . . .

سورة الأنفال ٨ : اية ٦٠

Terjemahannya: *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu ... .*

(Surah al-Anfāl 8:60)

Hadis yang bermaksud:

"Abu Yusuf telah merawikan daripada Abdullah bin Abbas r.a. bahawa RasululLah s.a.w. telah membahagikan harta rampasan peperangan Badar bagi tentera berkuda dua bahagian dan bagi tentera berjalan kaki satu bahagian."

Hadis yang bermaksud:

"Abu Yusuf menyatakan: Muhammad bin Ishak telah menceritakan kepada kami bahawa bahagian tentera berkuda itu tidak dibahagikan lebih daripada dua (bahagian). Adapun mengenai seperlima bahagian yang diambil keluar dari ghanimah itu, maka daripada (Abdullah) Ibn'Abbas bahawa seperlima itu pada zaman hayat RasululLah s.a.w. dibahagi kepada lima bahagian: kepada (agama) Allah dan Rasul-Nya satu bahagian, kepada kaum kerabat (RasululLah s.a.w) satu bahagian, kepada anak-anak yatim, orang miskin dan ibnus-sabil tiga bahagian. Kemudian harta ghanimah (rampasan perang) itu telah dibahagi semula pada zaman pemerintah Khalifah Abu Bakar r.a., Khalifah 'Umar dan juga Khalifah 'Uthman kepada tiga bahagian sahaja, iaitu dengan digugurkan (dibatalkan) bahagian RasululLah s.a.w. dan kaum kerabat, dan dengan demikian ia dibahagi kepada tiga bahagian yang masih baki lagi. Kemudian harta rampasan itu juga telah dibahagikan oleh Khalifah 'Ali bin Abi Talib serupa dengan pembahagian yang telah dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar, 'Umar dan 'Uthman, radialLahu'anhum".

FASAL TIGA: *AL-FAY'*

Perkara 149 - Harta Rampasan Tanpa Perang *"al-Fay'"*

Al-fay' itu ialah semua jenis harta rampasan yang diambil daripada orang musyrik tanpa peperangan, juga tanpa memecut kuda dan sebarang kenderaan perang.

Firman Allah :

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا
نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

Terjemahan: *"Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi RasululLah, dan bagi kaum kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin, serta orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya daripada kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya bagi orang yang melanggar segala perintah-Nya.*

(Surah al-Hasyr 59:7)

Tafsir Ayat di Atas

(a) Sesuatu harta yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya daripada harta penduduk negeri iaitu sebarang harta pihak musuh yang dikurniakan Allah tanpa perang, iaitu *al-fay'*. Penduduk negeri yang dimaksudkan di sini pada asalnya ialah kaum Bani al-Nadir sesudah mereka menyerah kalah.

(b) Supaya ia tidak beredar di antara orang kaya di kalangan kamu iaitu sebagai ciri kekayaan, kemewahan dan suka berkuasa, sebagai suatu amalan Jahiliah.

(c) Apa sahaja perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. termasuk juga urusan pembahagian *al-fay'* dan *ghanimah*.

(d) Patuhilah larangannya dan segera berhenti melakukannya.

(e) Bertaqwalah kepada Allah, beringatlah daripada terkena azab-Nya dengan mentaati suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Makna Secara Harfiah[14]

Melalui ayat suci ini Allah telah memberikan penjelasan secara terperinci kepada kamu tentang pembahagian harta *al-fay'* yang telah ditinggalkan oleh suku Bani al-Nadir. Maka Allah telah memberi perintah kepada Nabi-Nya supaya membelanjakan harta itu dalam pelbagai bentuk kerja kebajikan dan tidak dibahagikan seperti kaedah pembahagian harta rampasan perang (*ghanimah*). Oleh yang demikian RasululLah s.a.w. berhak mengambil *al-fay'* itu untuk dirinya sendiri dan untuk kaum kerabatnya daripada kalangan Bani Hasyim dan Bani Mutalib yang tidak halal menerima harta zakat dan tidak boleh juga menerima wang atau harta sedekah, untuk anak-anak yatim yang sedang memerlukan bantuan, untuk orang fakir dan miskin dan orang musafir yang keputusan. Harta *al-fay'* ini dilarang diberikan kepada orang kaya yang tidak memerlukannya. Alasannya, jika harta itu diberikan juga kepada orang kaya nescaya mereka bertambah kaya dan menjadi sombong seperti yang berlaku pada zaman jahiliah dulu. Oleh itu, apa jua yang dibawa dan diberikan oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu maka terimalah dan patuhilah arahan Allah kerana semua itu adalah daripada suruhan dan perintah Allah dan perintah RasululLah s.a.w. melarang kamu menerima harta *al-fay'* (untuk orang kaya) maka patuhilah larangannya itu, kerana RasululLah s.a.w. tidak bercakap dan mengeluarkan perintah dengan berpandukan fikiran dan hawa nafsunya. Dan ingatlah, sesiapa sahaja yang taat kepada RasululLah s.a.w., maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah S.W.T.

Abu Hasan al-Basri al-Baghdadi al-Mawardi telah menyebutkan hukum-hukum *al-fay'* dan *al-ghanimah*:[15]

Adapun harta-harta *al-fay'* dan *ghanimah* itu ialah harta yang telah dirampas daripada orang musyrik. Inilah faktor yang menjadi sebab dan punca sampainya harta itu ke tangan orang Islam.

Kedua-dua harta itu (*al-fay'* dan *ghanimah*) berbeza daripada segi hukumnya. Kedua-dua harta itu juga berbeza daripada harta-harta sedekah (zakat) berasaskan empat sudut:

(a) Sedekah (zakat) itu diambil daripada orang Islam dengan tujuan membersihkan dan menyucikan mereka, sedangkan *al-fay'* dan *ghanimah* diambil daripada orang musyrik sebagai tanda membalas dendam kepada mereka.

(b) Pembahagian sedekah (zakat) itu telah ditetapkan melalui nas agama dan tidak ada ruang untuk dilakukan ijtihad oleh imam-imam ahli agama. Manakala harta *al-fay'* dan *al-ghanimah* itu, pembahagiannya terserah kepada ijtihad imam-imam ahli ilmu agama.

(c) Harta sedekah (zakat) boleh dibahagi-bahagikan sendiri oleh para pemilik harta itu kepada pihak-pihak yang berhak menerima pemba-

14 *Ibid.*, hlm. 3078 – 3079.
15 Abu al-Hassan al-Mawardi, *op. cit.*, hlm. 126.

hagiannya, sedangkah harta *al-fay'* dan *al-ghanimah* tidak boleh dibahagi-bahagikan oleh pemilik asal harta itu kepada pihak yang berhak menerimanya hinggalah urusan itu dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang mendapat persetujuan daripada ahli-ahli agama yang berhak menjalankan ijtihad.

(d) Kedua-dua harta *al-fay'* dan *al-ghanimah* itu berbeza daripada segi pihak yang berhak menerimanya.

Adapun harta *al-fay'* dan *al-ghanimah* itu bersamaan daripada dua segi dan berbeza daripada dua segi pula.

Daripada segi persamaannya ialah kedua-dua harta tersebut berasal daripada orang kafir. Kedua, pihak yang berhak menerima seperlima bahagian keduanya ialah satu sahaja.

Manakala perbezaan di antara *al-fay'* dengan *al-ghanimah* itu ialah pertama, harta *al-fay'* diambil dengan mudah, dan harta *al-ghanimah* diambil (dirampas) dengan menggunakan kekerasan. Kedua, bahawa peruntukan pembahagian empat perlima harta *al-fay'* itu berbeza dan tidak sama dengan peruntukan pembahagian empat perlima harta *al-ghanimah*.

Harta al-Fay'

Al-fay' ialah semua jenis harta yang dirampas daripada orang kafir musyrik dengan cara mudah tanpa pertempuran dan peperangan, dan tanpa memecut kuda dan kenderaan perang. Ia serupa dengan harta yang didapati hasil gencatan senjata, jizyah dan satu per sepuluh daripada harta perniagaan mereka, atau harta yang berasal daripada pihak orang musyrik dengan sesuatu sebab tertentu, seperti harta jizyah, yang jika diterima daripada mereka (orang musyrik) hendaklah ditunaikan hak seperlima bahagian untuk pihak yang berhak menerimanya, iaitu dengan cara dibahagi kepada lima bahagian mengikut kaedahnya.

Imam Abu Hanifah telah menyatakan: "Tiada bahagian seperlima daripada harta *al-fay'*, dan nas al-Qur'an tentang pembahagian seperlima harta *al-fay'* itu dilarang mengubahnya". Firman Allah:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ. . .

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

Terjemahan: *"Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi RasululLah dan bagi kaum kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin serta orang musafir (yang keputusan) ..."*.

(Surah al-Hasyr 59:7)

Oleh sebab itulah maka pembahagian harta *al-fay'* itu hendaklah dilakukan kepada kelima-lima bahagian yang sama sahaja, iaitu:

(a) Bahagian untuk RasululLah s.a.w. selama hayatnya, beliau boleh berbelanja daripada wang itu untuk dirinya sendiri dan juga isteri-isterinya, dan juga untuk kepentingan atau faedah dirinya dan juga faedah kaum Muslimin. Tetapi para *fuqaha* telah berbeza pendapat tentang harta *al-fay'* itu sesudah wafatnya RasululLah s.a.w. Orang yang berpendapat bahawa Nabi Muhammad s.a.w. boleh memberi pusaka menyatakan bahawa peruntukan beliau daripada harta *al-fay'* itu hendak diberikan kepada ahli-ahli warisnya. Abu Thaur menyatakan bahawa harta itu menjadi milik kepada imam (ketua negara) sesudah RasululLah s.a.w. yang menjalankan tugas sebagai pengganti RasululLah s.a.w. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa bahagian RasululLah s.a.w. itu luput dan hapus dengan wafatnya baginda. Manakala Imam Syafi'i pula menyatakan bahawa peruntukan RasululLah s.a.w. itu hendaklah dibelanjakan untuk faedah dan kepentingan kaum Muslimin seperti membayar gaji anggota tentera, membeli dan membuat alat-alat kelengkapan perang dan senjata, membina benteng-benteng pertahanan, membina jambatan, membayar gaji para hakim dan imam-imam masjid dan lain-lain kepentingan kaum Muslimin.

(b) Bahagian untuk kaum kerabat (RasululLah s.a.w.), yang mengikut pandangan Imam Abu Hanifah, peruntukan ini juga telah luput dan gugur pada zaman sekarang ini. Manakala mengikut pandangan Imam Syafi'i hak kaum kerabat RasululLah s.a.w. dalam harta *al-fay'* ini masih terus berlaku, iaitu untuk zuriat dan keturunan Bani Hasyim dan Bani Mutalib sahaja dan tiada sebarang hak bagi orang Quraisy daripada keturunan dan zuriat yang lain. Hak ini sama sahaja untuk orang kaya dan miskin, yang kecil dan yang tua, dan pembahagiannya diberi keutamaan kepada orang lelaki dengan mendapat dua bahagian daripada yang didapati oleh orang perempuan, kerana pemberian itu dilakukan atas nama hak kaum kerabat RasululLah s.a.w., dan tiada hak untuk hamba sahaya dan juga anak-anak mereka daripada isteri mereka yang menjadi sahaya; dan sesiapa sahaja di antara mereka yang meninggal dunia sesudah harta itu diperoleh tetapi sebelum dibahagikan, maka bahagiannya itu adalah untuk ahli-ahli warisnya.

(c) Bahagian anak-anak yatim yang memerlukan bantuan daripada harta ini. Pengertian anak yatim itu ialah seseorang anak yang kematian bapanya pada ketika dia masih kecil, dan sama sahaja hukumnya di antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan, dan apabila sahaja mereka cukup umur (baligh) maka dengan sendirinya hilanglah sifat yatim pada diri mereka.

Sabda RasululLah s.a.w.:

لايتم بعد حلم

Terjemahan: *Tiada lagi sifat yatim sesudah cukup umur (bermimpi melakukan persetubuhan).*

(d) Untuk orang miskin iaitu orang yang tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk keperluan hidup mereka, daripada kalangan orang yang berhak menerima bayaran *al-fay'* ini, kerana orang miskin untuk menerima habuan daripada *al-fay'* itu berbeza dengan orang miskin yang berhak menerima pembayaran zakat kerana perbezaan bentuk peruntukan.

(e) Untuk orang musafir yang keputusan, iaitu orang musafir yang tidak mempunyai belanja, sama ada yang baru mula bermusafir ataupun yang sedang meneruskan perjalanan. Inilah hukum pembahagian satu per lima bahagian *al-fay'* itu.

Adapun empat per lima daripada harta *al-fay'* itu, maka ada dua pendapat ulama berkenaan dengannya:

Pendapat pertama menyatakan bahawa harta atau wang itu adalah khusus untuk anggota-anggota tentera sahaja dan tidak boleh dicampur-aduk dengan orang lain, iaitu supaya harta atau wang itu disediakan khusus untuk membayar gaji dan habuan mereka.

Manakala pendapat kedua pula menyatakan bahawa ia boleh dibelanjakan untuk beberapa kepentingan yang boleh menghasilkan wang bagi membayar gaji tentera dan semua urusan yang penting untuk kaum Muslimin, dan tidak boleh diberikan bayaran *al-fay'* kepada orang yang berhak menerima zakat dan juga tidak sah diberikan bayaran zakat kepada orang yang menerima *al-fay'*.

Setiap wang hasil zakat dan *al-fay'* itu hendaklah dibelanja atau dibayar kepada orang yang berhak menerimanya. Orang yang berhak menerima zakat itu ialah orang yang tidak terlibat dengan peristiwa hijrah dan bukan seorang anggota pejuang dan tentera yang berperang untuk mempertahankan keselamatan kaum Muslimin dan juga bukan para pembela kesucian agama. Manakala orang yang layak menerima bayaran *al-fay'* itu ialah orang yang berhijrah dan mempertahankan kesucian agama dan mempertahankan kesucian dan kehormatan kaum wanita serta berjuang menentang musuh, manakala nama hijrah itu tidak diberikan kecuali kepada orang yang berhijrah meninggalkan kampung halamannya sendiri untuk tinggal di Madinah kerana mencari agama Islam; dan setiap kabilah atau suku yang menganut Islam dan berhijrah semua sekali dipanggil *al-bararah* dan setiap suku atau kabilah yang membahagikan anggota sukunya sahaja yang berhijrah dinamakan sebagai *al-khaiyirah,* dan oleh sebab itu semua orang yang berhijrah itu menjadi orang *bararah* dan

khaiyirah; kemudian sesudah berlaku penaklukan Makkah maka gugurlah tuntutan hijrah dan orang Islam pun menjadi dua puak, iaitu Muhajirin dan Arab (orang Arab biasa), dan pada zaman hayat RasululLah s.a.w. orang yang berhak menerima zakat itu dipanggil sebagai Arab, dan orang yang berhak menerima *al-fay'* itu disebut sebagai Muhajirin.

Oleh sebab terdapat perbezaan di antara kedua puak itu berkenaan hukum kedua jenis harta itu maka kedua puak itu berbeza, tetapi kemudiannya Imam Abu Hanifah telah memberikan taraf kedudukan yang sama kepada kedua-dua puak itu. Oleh yang demikian, beliau membolehkan harta *al-Fay'* dan zakat itu dibahagi sama dan serupa sahaja kepada kedua-dua puak itu.

Jika pihak imam atau ketua negara bermaksud mengeratkan hubungan antara sesuatu kaum itu dengan seluruh kaum Muslimin yang lain, iaitu seperti para utusan yang membawa surat dan pesanan penting kepada rakyat dan para petugas dan juga orang yang masih dijinakkan hatinya (mualaf), maka bolehlah imam itu membayar kepada mereka daripada wang peruntukan *al-fay'*, kerana RasululLah s.a.w. telah memberi peruntukan daripada *al-fay'* kepada golongan mualaf pada masa peperangan Hunain iaitu dengan memberi 100 ekor unta kepada 'Uyaninah bin Hisnin al-Fazari, dan juga 100 ekor unta kepada al-Aqra' bin Habis al-Tamimi, dan 50 ekor unta kepada al-'Abbas bin Mirdas al-Salami, tetapi pemberian sebanyak itu menimbulkan sungutan dan kemarahannya, lalu dia pun mencaci RasululLah s.a.w.. Ini menyebabkan RasululLah s.a.w. pun bersabda kepada 'Ali bin Abi Talib dengan katanya:

اذهب فاقطع عنى لسانه.

Terjemahan: *Pergilah dan potonglah lidahnya daripada mencaciku.*

Kemudian al-Abbas pun bertanya kepada RasululLah s.a.w.: "Adakah RasululLah s.a.w. mahu memotong lidah saya?" Maka jawab RasululLah s.a.w.: "Tidak, tetapi saya suruh beri jumlah yang sama kepadamu supaya anda puas hati". Lalu diberilah kepadanya seperti yang diarahkan oleh RasululLah s.a.w. itu, dan pemberian itu merupakan perbuatan memotong lidahnya kerana tidak merungut dan marah-marah lagi. Kalaulah pihak imam tidak bermaksud mencari kepentingan kaum Muslimin tetapi kepentingan orang yang diberikan itu sahaja, maka pemberian kepada mereka itu hendaklah diambil daripada harta imam itu sendiri.

Perkara 150 - Syarat Kelayakan Pemungut *al-Fay'*

Ciri-ciri utama pemungut hasil *al-fay'* itu di samping amanah, keberanian dan kecekapannya adalah berbeza dengan sebab berbezanya tugas yang dijalankannya dalam urusan pekerjaannya, dan sifat itu terbahagi tiga:

(a) Hendaklah dia membuat penilaian tentang *al-fay'* dan juga menentukan peruntukannya kepada pihak-pihak yang benar-benar berhak,

iaitu seperti membuat penentuan tentang bayaran *kharaj* dan jizyah. Di antara syarat kelayakan petugas ini ialah hendaklah dia seorang yang merdeka, beragama Islam dan mampu berijtihad mengenai hukum-hukum syarikat dan cukup mahir dalam ilmu kira-kira dan ukur ruang.

(b) Bahawa petugas itu mendapat kuasa perlantikan atau tauliah yang bersifat umum dan menyeluruh untuk mengutip semua harta *al-fay'*. Dengan demikian maka syarat kelayakan untuk mendapat kuasa dan tauliah seperti ini ialah pegawai itu hendaklah seorang yang beragama Islam, merdeka, dan mempunyai kepandaian juga kemahiran tentang ilmu kira-kira dan ukur ruang dan tempat, dan tidak diambil kira atau disyaratkan bahawa dia seorang yang alim dalam ilmu fiqh dan seorang mujtahid kerana dia bertugas mengambil dan menerima pungutan harta yang telah tersedia mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

(c) Bahawa kuasa dan tauliahnya adalah berbentuk khusus untuk mengutip dan mengawasi sesuatu jenis harta yang tertentu sahaja daripada harta *al-fay'* itu dan dengan demikian maka kuasa dan tugasnya adalah berkaitan dengan jenis yang dia ditauliahkan sahaja. Jika dalam menjalankan tugas itu dia terlepas daripada menerima tugas lain sebagai ganti orang lain maka syarat kelayakannya ialah Islam dan merdeka dengan disertai oleh kemampuan dalam ilmu kira-kira, ukur ruang dan tempat, dan tidak memadai bahawa dia itu seorang kafir *zimmi* dan juga seorang hamba sahaya, kerana dalam tugas itu ada kuasa pemerintahan, tetapi kalau dia tidak terlibat dengan masalah menjadi wakil pihak pemerintah maka bolehlah orang yang berkenaan itu bertaraf seorang hamba kerana tugasnya hanyalah sebagai seorang utusan yang menjalankan perintah sahaja. Adapun tarafnya sebagai seorang kafir *zimmi* maka terlebih dahulu perlulah dilihat jenis harta *al-fay'* yang dipercaya akan kepadanya, dan jika urusan yang dilakukannya atau transaksinya adalah berkenaan dengan orang *zimmi* juga, seperti mengutip jizyah dan cukai *'usyur* daripada harta orang *zimmi* itu, maka petugas itu bolehlah daripada kalangan orang *zimmi* juga.

والغنيمة فهي أكثر أقساما وأحكاما لأنها أصل تفرع عنه الفيء فكان حكمها أعم.

Terjemahan:*Manakala harta ghanimah pula maka lebih banyak bahagian dan hukum-hakamnya kerana ia merupakan dasar dan asal yang menyebabkan timbulnya cawangan al-fay'. Dengan demikian maka hukum ghanimah itu adalah lebih umum dan menyeluruh lagi.*

Perkara 151 -*Al-ghanimah* Mempunyai Pelbagai Bahagian dan Hukum kerana Ia Merupakan Asas dan Dasar serta Sumber bagi *al-Fay'*

Ghanimah mengandungi beberapa bahagian. Pertama orang tawanan (*asra*), orang tawanan perempuan dan kanak-kanak (*al-sabyu*), tanah-tanah yang ditawan (*al-ardin*), harta benda (*amwal*), orang tawanan perang (lelaki). Mereka ini disebut sebagai *al-Asra* iaitu orang lelaki yang menyertai perang sebagai anggota tentera daripada kalangan orang kafir. Apabila mereka dapat ditawan oleh kaum Muslimin dalam keadaan masih hidup maka para ulama telah berbeza pendapat tentang hukum mereka. Imam Syafi'i berpendapat bahawa Imam (ketua negara atau panglima perang) ataupun orang yang telah diberi amanah dan kuasa perwakilan oleh Imam dalam menjalankan jihad, adalah diberi kuasa memilih untuk mengambil tindakan kepada orang tawanan ini, jika mereka masih terus ingin kekal sebagai orang kafir, pilihlah yang manakah yang lebih baik daripada empat pilihan ini:

(a) Membunuh mereka.
(b) Mengambil mereka menjadi hamba sahaya.
(c) Membayar tebusan dengan membayar wang ataupun ditukar dengan orang tawanan perang (orang Islam yang ditawan oleh pihak kafir).
(d) Membebaskan mereka tanpa sebarang bayaran wang tebusan.

Jika mereka menganut agama Islam maka gugurlah hak membunuh mereka dan pilihan pihak imam atau wakilnya adalah terhad kepada tiga pilihan yang masih baki kemudiannya.

Imam Malik mengatakan, imam atau wakilnya berhak memiliki di antara tiga sahaja, bunuh atau dijadikan hamba, ataupun ditebus dengan orang tawanan (orang Islam yang ditawan oleh orang kafir) dan bukan dengan membayar wang, dan imam tidak berhak membebaskan mereka tanpa sebarang syarat.

Imam Abu Hanifah pula menyatakan, imam atau wakilnya berhak melakukan dua pilihan sahaja, bunuh ataupun dijadikan hamba. Imam tidak berhak membebaskan dan juga mengambil sebarang tebusan dengan bayaran wang atau harta lain. Al-Qur'an telah menyebutkan perkara memberi kebebasan dan membayar tebusan itu.

Firman Allah:[16]

. . . فَإِمَّا مَنًّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّىٰ تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا . . .

سورة محمد ٤٧ : اية ٤

Terjemahan: *... maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak memberi kebebasan (kepada orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusnya ... .*
(Surah Muhammad 47:4)

16 *Ibid.*, hlm. 2889.

Pengertiannya, (kamu berhak membuat pilihan di antara membebaskan mereka tanpa membayar sebarang tebusan atau kamu mengambil penebusnya daripada mereka hinggalah berakhir peperangan itu).

FASAL EMPAT: *AL-SABYU*

Perkara 152 - *Al-Sabyu*

Perkataan *al-Sabyu* bermakna orang tawanan yang terdiri daripada kaum wanita dan kanak-kanak. Oleh yang demikian mereka tidak boleh (tidak dibenarkan oleh hukum syara') dibunuh jika mereka itu daripada orang kafir *Kitabi* (orang-orang yang sudah ada Kitab seperti orang Yahudi dan Kristian) kerana berpandu kepada larangan RasululLah s.a.w. daripada membunuh wanita dan kanak-kanak. Oleh yang demikian mereka merupakan orang tawanan yang boleh dijadikan hamba sahaya dan dibahagikan bersama harta-harta *ghanimah* yang lain. Sekiranya orang tawanan wanita tersebut berasal daripada orang kafir bukan *Kitabi* seperti orang Dahrien (orang yang percaya kepada masa sebagai Tuhan) dan penyembah-penyembah berhala dan enggan menganut agama Islam, maka mengikut pandangan Imam Syafi'i mereka itu boleh dibunuh, tetapi mengikut pandangan Imam Abu Hanifah, mereka hendaklah dijadikan hamba.

Dan jika Imam menerima pembebasan orang tawanan *al-Sabyu* itu dengan membayar sejumlah wang atau harta lain maka hal itu boleh dilakukan kerana bayaran tebusan itu adalah sejenis jual beli dan dengan demikian wang bayaran tebusan itu dijadikan sebagai harta *ghanimah* yang menggantikan tempat mereka dan pihak Imam tidak perlu mendapat persetujuan pihak yang merampas dan menawan mereka itu terlebih dahulu daripada bahagian kepentingan mereka, dan jika Imam bercadang menjadikan orang tawanan itu sebagai tebusan untuk mendapatkan balik orang Islam yang menjadi tawanan perang pihak musuh maka hal itu boleh dan berhak dilakukannya berdasarkan kepentingan umum, tetapi jika Imam bermaksud hendak membebaskan mereka maka maksud itu tidak boleh dilakukan kecuali terlebih dahulu mendapat keizinan dan pelepasan daripada pihak yang menawannya, iaitu sama ada dengan memaafkan ataupun dengan syarat membayar sejumlah wang kepada mereka. Tetapi jika pembebasan tawanan itu hendak dilakukan berdasarkan kepentingan keselamatan umum maka Imam berhak melakukannya dengan mengambil bahagian kepentingan umum, dan jikalau pembebasan itu hendak dilakukan berdasarkan kepentingan peribadi Imam itu sendiri maka hendaklah Imam itu membayar tebusan orang tawanan yang berkenaan daripada wang sakunya sendiri, dan jika di antara pihak yang melakukan rampasan perang itu enggan melepaskan haknya maka orang yang berkenaan tidak boleh dipaksa supaya melepaskannya. Hal ini berbeza dengan hukum mengenai orang tawanan lelaki, kerana pihak Imam tidak perlu mendapatkan persetujuan pihak yang menawan mereka itu, jika tawanan-tawanan itu hendak dibebaskan, kerana membunuh orang tawanan lelaki adalah satu perkara yang diboleh-

kan (tidak dilarang) sedangkan membunuh orang tawanan daripada kalangan wanita dan kanak-kanak itu suatu perbuatan yang dilarang oleh agama. Oleh yang demikian orang tawanan secara *al-Sabyu* itu merupakan sejenis harta yang terbuka serta terdedah dan pihak yang menawan itu tidak boleh dipaksa melepaskan haknya kecuali dengan kerelaan hati.

Suku kaum Hawazin telah merayu pertimbangan kepada Nabi s.a.w. ketika RasululLah s.a.w. menawan kaum wanita dan kanak-kanak mereka dalam pertempuran Hunain, dan Nabi s.a.w. telah dikunjungi oleh beberapa rombongan suku kaum yang berkenaan, sedangkan pada ketika itu beliau sudah pun membuat agihan mengenai pembahagian harta dan orang tawanan (wanita dan kanak-kanak) maka mereka pun menyebut peristiwa suku mereka dapat penghormatan menjadi kaum yang menyusukan Nabi s.a.w., kerana Halimah al-Sa'adiah adalah daripada suku kaum Hawazin.

Ibn Ishak telah menceritakan bahawa apabila suku Hawazin dijadikan tawanan perang dan harta benda mereka dijadikan *ghanimah* hasil kekalahan mereka dalam peperangan Hunain, maka datanglah beberapa rombongan mereka mengadap RasululLah s.a.w. yang sedang berada di Ja'ranah. Rombongan itu telah membuat rayuan kepada RasululLah s.a.w. dengan mengatakan: "Wahai RasululLah! Kami mempunyai ramai anak buah dan sahabat handai, dan kami telah ditimpa bala bencana seperti yang RasululLah sudah diketahui; oleh itu kasihanilah kami, nescaya Allah mencucurkan rahmat kepada RasululLah, lalu tampillah anggota rombongan yang bernama Abu Sardi Zuhair bin Sardi memberi ucapan dengan mengatakan: "Wahai RasululLah! Dalam sekian ramai tawanan perang itu terdapat ramai ibu saudara dan inang pengasuh RasululLah sendiri yang telah membelai RasululLah dahulu dengan penuh kasih sayang, sedangkan kalaulah takdirnya kami jatuh menjadi orang tawanan Harith bin Abi Syamri ataupun al-Nukman bin al-Munzir kemudian kami menerima bencana bala seperti ini sudah tentu juga kami datang mengadapnya dan mohon kasihan belasnya (inikan pula dengan RasululLah s.a.w. yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan kami). RasululLah s.a.w. adalah seorang pemberi jaminan (keselamatan) yang paling baik sekali ...".

Maka RasululLah s.a.w. bertanya kepada mereka: "Yang manakah lebih kamu kasihi anak isteri kamu ataupun harta benda kalian? ... ".

Mereka pun menjawab: "RasululLah s.a.w telah meminta kami membuat pilihan di antara harta benda dengan anak isteri kami; oleh itu pulangkanlah kepada kami anak-anak dan isteri-isteri kami kerana mereka itulah yang paling kami kasihi ...". Mendengar jawapan seperti itu RasululLah s.a.w. pun bersabda: "Semua hak diriku dan Bani Abdul Mutalib adalah menjadi milik kamu semua ...". Lalu orang Quraisy pun berkata: "Semua bahagian dan harta untuk kami adalah menjadi hak RasululLah", dan orang Ansar pun berkata demikian juga: "Semua bahagian kami adalah untuk RasululLah". Dan berkata al-Aqraa' bin Habis: "Adapun saya dan Banu Tamim tidak (mahu serahkan kepada RasululLah)" dan 'Uyainah bin Hasnin pula berkata: "Adapun saya dan Banu Fuzarah tidak juga", dan al-'Abbas bin Mirdas al-Salami pula berkata:

"Adapun saya dan Banu Salim juga tidak", lalu semua suku Banu Salim berkata: "Semua hak dan bahagian kami adalah untuk RasululLah s.a.w.!" Maka al-'Abbas pun menjawab: "Kamu telah melemahkan ku (tidak memandang hormat lagi kepadaku)", maka RasululLah s.a.w. pun bersabda: "Adapun orang yang masih terus ingin memegang haknya daripada orang tawanan (wanita dan kanak-kanak) ini maka dia boleh menerima tebusan bagi setiap orang tawanan itu dengan enam ekor unta muda, dan oleh itu kembalikanlah kepada mereka anak-anak dan juga isteri-isteri mereka", lalu mereka pun menyerah kembali para tebusan itu. Kebetulan sekali, Uyainah bin Hasnin telah mengambil seorang tawanan yang sudah tua, dan berkata: "Saya tidak dapati seorang pun anak si perempuan tua ini dalam tempat tahanan ini, dengan tujuan untuk menagih wang tebusan yang lebih besar lagi", dan dengan demikian beliau enggan melepaskan perempuan tua itu dengan bayaran enam ekor unta muda, lalu Abu Sardi pun memberitahu Uyainah dengan mengatakan: "Bebaskanlah perempuan tua itu, kerana dia sudah terlalu tua, mulutnya tidak berbisa lagi (cakapnya didengar dan dipatuhi), buah susunya (teteknya) tidak berbonjol lagi, dan perutnya tidak dapat melahirkan anak lagi, dan suaminya pun tiada lagi, dan susunya pun sudah kering, oleh itu bebaskanlah dia dengan bayaran enam ekor unta muda". Kemudian Uyainah itu datang berjumpa dengan al-Aqraa' mengadukan halnya itu dan perkataan Abu Sardi itu, maka jawab al-Aqraa': "Memang benar apa yang dikatakan Abu Sardi itu sebab anda tidak mengambil perempuan tua itu dalam keadaan cantik dan putih menarik, dan bukan juga dalam keadaan separuh umur yang masih cantik dan lemah lembut". Kebetulan pula di kalangan orang perempuan yang menjadi tawanan ada seorang saudara susuan RasululLah s.a.w. yang bernama al-Syaima binti al-Harith lalu Uyainah itu bersikap kasar kepadanya lalu perempuan itu pun memberitahunya: "Wahai RasululLah! Saya ini saudara susuanmu!" Lalu RasululLah s.a.w. bertanya kepadanya: "Apakah tanda dan alamat (serta buktinya)?" Maka jawabnya: "Ini parut bekas gigitan RasululLah s.a.w. ketika saya menggendong RasululLah dahulu!" Maka RasululLah s.a.w. teringat dan terkenangkan tanda itu lalu membentang kain hamparannya sambil mempersilakan kakak susuannya itu duduk di atasnya sambil memintanya membuat pilihan sama ada ingin tinggal bersama-samanya dengan beroleh sepenuh layanan dan penghormatan ataupun ingin balik semula ke pangkuan kaumnya, lalu dia memilih untuk pulang kepada kaumnya dengan mendapat bayaran sagu hati daripada RasululLah s.a.w., lalu RasululLah s.a.w. mengikuti pilihannya itu. Kejadian ini berlaku sebelum rombongan kaum Hawazin datang mengadap RasululLah s.a.w. dan sebelum dibuat keputusan memulangkan semua orang tawanan kepada kaumnya. Di samping itu juga RasululLah s.a.w. telah berkenan memberi hadiah kepada kakak susuannya itu seorang sahaya perempuan lalu saudara susuan RasululLah s.a.w. pun mengahwinkan keduadua orang sahaya itu.

Di sebalik berita dan hukum-hukum yang amat berfaedah ini ada teladan yang sepatutnya diikuti oleh para penguasa dan pihak-pihak yang memegang pucuk pimpinan.

FASAL LIMA: TANAH

Perkara 153 - Tanah

Adapun tanah-tanah yang dapat dikuasai oleh kaum Muslimin itu terbahagi kepada tiga jenis:

1. Tanah yang diambil dan dikuasai dengan menggunakan kekerasan dan kekuatan senjata sehingga mereka (orang kafir) terpaksa meninggalkan tanah itu sama ada dengan sebab dibunuh, ditawan ataupun pengusiran. Ulama Islam pula telah berbeza pendapat mengenai hukum tanah itu sesudah dikuasai oleh kaum Muslimin.

Imam Syafi'i berpendapat bahawa tanah itu menjadi harta rampasan atau *ghanimah* seperti harta-harta yang lain dan hendaklah dibahagikan di antara anggota tentera yang merampasnya, kecuali mereka rela melepaskan hak mereka maka tanah itu dijadikan sebagai harta wakaf untuk kepentingan dan faedah kaum Muslimin.

Imam Malik pula berpendapat bahawa tanah yang berkenaan menjadi harta wakaf pada ketika ia dirampas dan tidak boleh dibahagikan di antara anggota tentera yang menawannya.

Manakala Imam Abu Hanifah pula menyatakan bahawa pihak imam berhak membuat pilihan sama ada hendak dijadikan tanah itu sebagai harta yang dibahagikan di kalangan anggota tentera yang menawan dan merampasnya dan dengan demikian tanah itu menjadi sebahagian daripada tanah *'usyur*, ataupun menyerahkannya semula kepada orang musyrik dengan dikenakan bayaran cukai *kharaj* ke atasnya dan dengan demikian tanah itu menjadi tanah *kharaj*, dan orang musyrik yang mendiami dan mengusahakannya menjadi orang kafir *zimmi* ataupun dijadikan tanah itu sebagai tanah wakaf kepada semua orang Islam. Dengan demikian tanah itu menjadi negeri Islam, sama ada ia didiami oleh orang Islam ataupun dikembalikan kepada orang musyrik sesudah ditakluki oleh orang Islam, dan sama sekali tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada orang musyrik supaya tanah itu tidak menjadi tempat kediaman atau negeri musuh.

2. Ada juga tanah yang dapat dimiliki dengan cara diambil daripada orang musyrik itu secara mudah sahaja kerana mereka sendiri berundur dari situ. Setelah tanah itu dikuasai oleh negara Islam, maka tanah itu menjadi tanah wakaf dan ada pendapat yang mengatakan bahawa tanah itu tidak akan menjadi tanah wakaf sehingga ia diisytiharkan oleh imam dengan melafazkan perkataan wakaf dan mengenakan kutipan *kharaj* ke atasnya sebagai upah mengawasi dan menjaga keselamatannya, yang diambil daripada orang yang mengusahakan tanah itu, sama ada daripada kalangan orang Islam ataupun orang kafir yang terikat dengan janji perdamaian (*mu'ahad*) dan dikumpulkan hasil pendapatan *kharaj* dengan bayaran cukai *'usyur*nya dan hasil pengeluarannya kecuali hasil daripada buah kurma yang sudah ada pada ketika itu yang

tidak wajib diambil cukai *'usyur*nya, dan dalam keadaan seperti ini pihak imam diberi hak membuat pilihan sama ada hendak menetapkan cukai *kharaj* ke atasnya ataupun mengadakan sistem pawah buah-buahannya, dan dengan demikian maka tanaman yang lumrah ditanam di situ iaitu tanaman kurma dikenakan cukai *'usyur* dan tanahnya dijadikan tanah *kharaj*.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa tidak boleh dikumpulkan cukai *'usyur* dengan *kharaj*, kerana cukai *'usyur* itu gugur dengan berlakunya *kharaj* dan tanah itu menjadi negeri Islam, dan tanah itu tidak boleh dijual atau digadai, tetapi boleh dijual pokok yang ada di atasnya, sama ada pokok kurma ataupun pokok-pokok lain.

3. Tanah itu dikuasai secara damai dengan syarat ianya dikekalkan dalam milik orang musyrik dengan dikenakan cukai *kharaj* yang mesti dibayar. Keadaan seperti ini boleh berlaku dalam dua bentuk:

(a) Bahawa imam mengadakan persetujuan damai dengan mereka (orang musyrik itu) dengan syarat bahawa hak milik tanah itu menjadi kepunyaan kita (orang Islam) dan dengan demikian tanah itu menjadi sejenis harta wakaf di dalam sebuah negeri Islam, dan tidak boleh dijual dan digadai dan *kharaj* yang dikenakan kepada mereka menjadi sejenis upah kerja yang tidak akan gugur walaupun mereka memeluk agama Islam tetapi diambil (dipungut) *kharaj*nya jika tanah itu berpindah kepada orang Islam yang lain daripada mereka. Dengan perdamaian ini mereka menjadi orang yang mendapat jaminan keselamatan, dan jika mereka membayar cukai jizyah maka bolehlah diberi kebenaran kepada mereka menetap di atas tanah itu untuk selama-lamanya. Kalau mereka enggan membayar jizyah mereka tidak boleh dipaksa membayarnya tetapi mereka tidak diberi jaminan dapat tinggal terus di atas tanah itu kecuali dalam dalam tempoh biasa yang diberikan kepada orang yang mendapat jaminan keselamatan, iaitu untuk tempoh empat bulan, dan tidak melebihi satu tahun. Bagi memberi kebenaran kepada mereka untuk tinggal empat bulan atau satu tahun ada dua cara.

(b) Bahawa mereka diberikan jaminan melalui janji perdamaian dengan syarat bahawa tanah-tanah itu menjadi milik mereka dengan dikenakan bayaran cukai *kharaj* yang mesti mereka tunaikan. *Kharaj* ini setaraf dengan hukum jizyah, dan jika mereka memeluk agama Islam maka gugurlah kewajipan membayar jizyah itu, dan tanah mereka tidak menjadi sebuah negeri Islam tetapi terikat dengan perjanjian damai, dan mereka berhak menjual dan menggadainya. Jika hak milik tanah itu bertukar kepada seorang Islam maka tidak dikutip cukai *kharaj*nya dan mereka boleh menetap di situ selama mereka masih terikat dengan perjanjian damai, dan tidak juga dikutip cukai jizyah diri mereka kerana mereka tidak tinggal di dalam negeri Islam.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa dengan berlakunya perdamaian itu maka dengan sendirinya negeri mereka itu menjadi sebahagian daripada negeri Islam dan mereka pun menjadi orang kafir *zimmi* yang dipungut cukai jizyah diri mereka. Kalau mereka melanggar syarat perjanjian damai sesudah mereka menetap di situ maka soal itu menimbulkan perbezaan pendapat *fuqaha*. Imam Syafi'i berpendapat bahawa jika tanah mereka dijadikan milik negara, maka tanah itu merupakan sebahagian daripada tanah yang berdasar kepada hukumnya dan jika tidak dijadikan milik negara maka tanah itu menjadi negeri musuh.

Imam Abu Hanifah pula menyatakan: "Jika dalam negeri mereka itu ada orang Islam ataupun ada di antara mereka dengan negeri musuh itu sebuah negeri orang Islam, maka tanah itu menjadi negeri Islam, dan penduduknya berhak dilayani sebagai orang yang menderhaka kepada pemerintah (*al-Bughah*), dan jika tiada orang Islam langsung di kalangan mereka dan juga tiada sebuah negeri Islam pun di antara mereka dengan negeri musuh maka negeri mereka itu adalah negeri musuh".

Abu Yusuf dan Muhammad menyatakan bahawa dalam kedua-dua keadaan seperti ini negeri itu menjadi negeri musuh.

Perkara 154 - Pembahagian Harta *Ghanimah*

Pada asalnya, RasululLah s.a.w. membahagikan harta *ghanimah* itu mengikut pandangannya sendiri. Apabila orang Muhajirin dan Ansar saling berebut untuk mendapatkan *ghanimah,* maka Allah S.W.T. telah menetapkan bahawa ia menjadi hak milik RasululLah s.a.w. yang berhak meletakkan di mana sahaja yang beliau mahu.

Hadis yang bermaksud:

> *"Abu Umamah al-Bahili telah merawikan, katanya: "Saya telah bertanya kepada 'Ubadah bin al-Samit tentang maksud perkataan al-Anfal di dalam firman Allah ayat 1, surah al-Anfal yang bermaksud "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu (terserah) bagi Allah dan Rasul-Nya (untuk menentukan pembahagiannya). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu, serta taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, jika betul kamu orang yang beriman ...". Maka 'Ubadah bin al-Samit pun menjawab: "Ayat ini turun mengenai kami orang yang berjuang di medan perang Badar, ia diturunkan ketika kami telah berbalah mengenai pembahagian harta rampasan perang itu dan dengan sebab perbalahan itu akhlak kami pun menjadi buruk, lalu Allah menarik balik harta rampasan perang itu daripada tangan kami, dan menjadikan hak menentukan pembahagiannya kepada RasululLah s.a.w. lalu beliau membahaginya sama rata di antara semua kaum Muslimin dan RasululLah s.a.w. memilih daripada sekian banyak harta rampasan perang Badar itu ialah pedang Zulfikar, iaitu yang sebelumnya pedang kepunyaan Munabih bin al-Hajjaj dan beliau mengambil harta ghanimah itu menjadi bahagiannya sendiri dan tidak membahaginya mengikut lima bahagian hinggalah Allah 'Azza Wa Jalla menurunkan ayat surah al-Anfal, iaitu sesudah selesai peperangan Badar".*

Firman Allah:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ . . .

سورة الأنفل ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (RasululLah), dan anak-anak yatim, dan orang miskin, serta ibnu sabil (orang musafir yang keputusan) ... .*

(Surah al-Anfal 8:41)

Dengan turunnya ayat ini maka Allah mengambil alih tugas membahagikan harta-harta *ghanimah*, seperti Allah menurunkan perintah mengenai pembahagian zakat. *Ghanimah* pertama yang telah dibahagi oleh RasululLah mengikut kaedah *khumus* sesudah Peperangan Badar itu ialah *ghanimah* (yang dirampas) daripada kaum Bani Qainuqa'.

Apabila harta *ghanimah* itu dapat dikumpulkan dalam masa peperangan masih berlaku lagi, maka harta itu belum dapat dibahagikan sehingga peperangan selesai, supaya dapat dipastikan bahawa kemenangan dan kejayaan serta kekuatan pemerintahan Islam benar-benar menjadi kenyataan, juga supaya anggota tentera yang ikut berjuang itu tidak membuat kecoh mengenainya yang boleh menyebabkan disiplin mereka kucar-kacir dan mereka dapat dipukul mundur dan dihancurkan oleh pihak musuh. Apabila peperangan benar-benar telah tamat maka bolehlah harta *ghanimah* itu dibahagikan di tempat peperangan itu berlaku ataupun ditangguhkan hingga balik semula ke negeri Islam, mengikut kebijaksanaan panglima tentera yang berkenaan.

Imam Abu Hanifah menyatakan: "Tidak dibenarkan harta *ghanimah* itu dibahagikan di negeri musuh hinggalah selamat sampai ke negeri Islam, maka pada ketika itu bolehlah harta itu dibahagikan, pihak panglima memulakan pembahagian itu dengan pakaian dan alat-alat kelengkapan musuh yang tewas (mati) di dalam peperangan itu dan memberikan kepada setiap orang tentera yang berhasil membunuh dan menewaskan musuhnya, sama ada Imam atau ketua negara memberikan arahan seperti itu ataupun tidak".

FASAL ENAM: JIZYAH

Perkara 155 - Sejarah Jizyah di Sisi Orang-orang Yunani

Abu Yusuf telah menyatakan dalam kitab *Al-Kharaj*: "Menunaikan jizyah itu adalah suatu kewajipan atas semua orang (kafir) *zimmi* yang tinggal di desa dan orang *zimmi* yang lain daripada penduduk Hirah (Iraq) dan seluruh pelosok negeri, iaitu daripada orang Yahudi, Kristian, Majusi, Sabi'in, Samirah, kecuali

orang Kristian daripada suku Bani Taghlib dan orang Kristian Najran sahaja". Kewajipan membayar jizyah itu dikenakan ke atas orang lelaki sahaja, dan tidak dikenakan kepada orang perempuan dan kanak-kanak iaitu untuk orang berada (kaya) jumlah bayaran jizyahnya ialah 48 dirham dan untuk orang golongan pertengahan 24 dirham, dan di atas orang yang masih memerlukan bantuan dan buruh yang bekerja sendiri 12 dirham, yang dikutip daripada mereka sekali setahun, yang dikira dengan nilai mata wang dirham.

Adakah Jizyah Itu Berlainan daripada Kharaj?

Dalam kitab *Ensiklopedia Islam dan Sejarah Tamadun Islam* karangan Georgi Zaidan[17] dan juga kitab karangan Dr. Badawi Abdul Latiff, bahawa jizyah dan *kharaj* itu serupa sahaja kerana kedua-duanya dikutip daripada orang bukan Islam, dan kedua-duanya juga termasuk sebahagian daripada harta *al-fay'* dan dikutip mengikut waktu yang ditentukan dalam setiap tahun, tetapi berbeza pula kerana jizyah itu dikutip berdasarkan orang dan gugur dengan sebab memeluk agama Islam, sedangkan *al-kharaj* dikutip berdasarkan tanah dan tidak gugur dengan sebab menganut Islam.

Sejarah Jizyah

Jizyah telah dikenal sejak zaman tamadun kuno, iaitu pada zaman pemerintahan Yunani, Rumawi, Parsi dan Byzentium.

Jizyah pada Zaman Yunani

Pungutan jizyah ini telah dikuatkuasakan oleh orang Yunani Athens kepada para penduduk kawasan pesisir Asia Kecil di sekitar abad kelima sebelum Masehi sebagai bayaran kepada perlindungan yang diberikan oleh pihak Yunani kepada mereka daripada ancaman serangan orang Fenicia, dan Fenicia pada zaman itu adalah sebahagian daripada negeri yang tunduk kepada pengaruh kerajaan Parsi. Dengan demikian maka bandar-bandar di kawasan pesisir Asia Kecil itu selalu sahaja meminta bantuan Athens setiap kali pihak musuh mengancam akan menyerang negeri mereka. Pihak Athens pun menyahut permintaan itu dan memberi perlindungan kepadanya dengan dikenakan cukai jizyah yang mesti dibayar oleh penduduk bandar-bandar itu.

Perkara 156 - Jizyah pada Zaman Rumawi

Pihak berkuasa kerajaan Rumawi telah menguatkuasakan kutipan jizyah ke atas bangsa-bangsa yang ditaklukinya, dan jumlah jizyah itu jauh lebih besar daripada kadar jizyah yang dikutip oleh kaum Muslimin kemudiannya, kerana apabila orang Rumawi menakluk negeri Ghalia (Perancis), mereka telah mene-

17 Jilid Pertama.

tapkan kutipan jizyah sebanyak sembilan hingga 15 dinar ke atas setiap orang penduduk, bagi setiap tahun, ataupun lebih kurang tujuh kali ganda daripada jizyah yang dikutip oleh kaum Muslimin kemudiannya. Jizyah pula tidak semuanya besar dalam semua negeri yang ditakluk oleh kerajaan Rumawi, tetapi mereka memberi sebab mengapa kutipan daripada rakyat negeri Perancis itu sangat tinggi adalah kerana jizyah itu dikutip daripada orang hartawan dan bangsawan yang diwajibkan membayar jizyah itu bagi pihak hamba sahaya dan orang gaji mereka.

Jizyah di bawah kerajaan Rumawi dikutip daripada orang lelaki yang merdeka dan juga hamba mulai daripada umur empat belas tahun dan daripada orang perempuan mulai daripada umur dua belas tahun hingga kepada umur enam puluh lima tahun, untuk semua sekali lelaki dan perempuan.

Perkara 157 - Jizyah di Bawah Pemerintahan Byzentium

Pungutan cukai jizyah di bawah kerajaan Byzentium tidak berubah dengan kutipan pada zaman kerajaan Rumawi, dan pungutan jizyah di bawah kekuasaan Byzentium itu dilakukan dengan cara paksa kepada semua rakyat tanpa sebarang sikap kasihan belas dan kadar kutipannya juga tidak dibuat mengikut satu sistem yang tetap, bahkan jumlahnya selalu lebih dan kurang mengikut keadaan yang dihadapi oleh kerajaan yang memerintah dan suasana negara, dan pihak kerajaan menentukan jumlah cukai jizyah yang mesti dibayar oleh penduduk sesebuah kampung dan jumlah itu dibahagikan sendiri oleh para penduduk kampung itu di kalangan mereka. Keadaan seperti ini berlaku di Mesir dalam abad ke-4 Masihi, dan sistem kutipan lama ini telah diganti dengan suatu sistem baru yang menetapkan bahawa cukai diri itu dikenakan ke atas setiap rakyat dan sistem ini berjalan terus hinggalah negeri Mesir ditakluki oleh orang Arab (kaum Muslimin).

Perkara 158 - Jizyah di Bawah Kerajaan Parsi

Jizyah merupakan suatu sumber penghasilan yang penting di bawah pemerintahan kerajaan Parsi dan urusan kutipan jizyah terus kucar-kacir dan tidak teratur hinggalah tiba pada zaman pemerintahan Anu Syirwan mengambil alih jawatan Kisra lalu beliau pun memberi perhatian berat kepada urusan kewangan dan perekonomian negara, lalu baginda pun menguatkuasakan suatu sistem yang teratur, dengan menentukan kadar bayaran dan menetapkan masa pembayarannya dan menambah jumlah kutipan cukai itu setiap kali bertambahnya pendapatan dan penghasilan. Dalam kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* karangan Ibn al-Hasan al-Syaibani yang terkenal dengan nama Ibn al-Athir dalam huraiannya mengenai langkah yang diambil oleh Kisra Anu Syirwan mengenai urusan cukai *kharaj* dan tentera, dengan menyatakan: "Pihak kerajaan mengenakan bayaran jizyah ke atas rakyat jelata, kecuali pembesar negeri, anggota keluarga diraja dan kaum bangsawan, anggota tentera, ketua-ketua jabatan, kerani dan pegawai-pegawai kerajaan, setiap orang dikenakan cukai jizyah mengikuti taraf kedudukannya, iaitu 12, 8, 6 dan 4 dirham.

Faktor yang menyebabkan Kisra mengecualikan bayaran jizyah daripada anggota tentera, bahawa baginda telah memikirkan tugas semua anggota tentera yang didapatinya mempertaruhkan jiwa untuk mempertahankan kedaulatan dan menjaga keamanan negara. Setiap orang yang seperti ini adalah layak untuk tidak dikenakan beban yang lebih tinggi lagi daripada beban tugasnya itu, supaya dia dapat menumpukan sepenuh masanya dalam menunaikan tugasnya dengan ikhlas, dan baginda tidak memandang kepada orang lain selain daripada tentera. Adapun semua rakyat jelata yang lain, seperti golongan petani yang mengusaha dan membangunkan tanah, maka mereka berkewajipan memberikan sumbangan kewangan untuk melaksanakan tugas-tugas umum negara supaya pihak negara dapat menanggung belanja angkatan tentera dan semua urusan perkhidmatan awam.

Perkara 159 - Sistem Jizyah di Bawah Pemerintahan Islam

Persoalan jizyah pada zaman hayat RasululLah s.a.w. belum diatur melalui suatu sistem yang lengkap ataupun melalui kaedah-kaedah yang tetap, juga belum ditentukan kadar dan jumlah serta jenis bayarannya. Oleh sebab itulah kadang-kadang jizyah itu dikutip dalam bentuk emas, dan kadang-kadang pula diambil daripada kain dan bahan-bahan pakaian.

Al-Imam Yahya bin Jabir yang terkenal dengan panggilan al-Bilazari telah menulis dalam kitabnya yang bernama *Futuh al-Buldan*: "Bahawa para penduduk Tabuh telah mengikat perjanjian damai dengan RasululLah s.a.w. mengenai bayaran jizyah, lalu datanglah Yahnat bin Rukyat ketua kampung Ailat lalu membuat perjanjian damai dengan RasululLah s.a.w. berdasarkan syarat bahawa setiap orang dewasa mesti membayar satu dinar untuk setahun". Dirawikan daripada al-Zuhri: "Bahawa RasululLah s.a.w. telah mengutus Khalid bin al-Walid bin al-Mughirah untuk menemui penduduk Daumat al-Jandal yang tunduk di bawah kekuasaan kerajaan Kufah, lalu Khalid pun berhasil menawan ketua penduduk Daumat al-Jandal itu dan menyuruh mereka membayar jizyah".

Perkara 160 - Jizyah pada Zaman Pemerintahan Khalifah Abu Bakar r.a.

Sistem pungutan jizyah seperti di atas itu terus diamalkan pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar r.a. dan belum berlaku sebarang perubahan yang ketara kecuali jizyah itu biasanya dikutip dalam bentuk wang tunai. Sebab utamanya ialah kebanyakan negeri-negeri yang dapat ditakluk pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar itu terdapat banyak wang tunai, kerana negeri-negeri itu adalah negeri orang 'Ajam (bukan negeri Arab), dan memang tidak diragukan sedikit pun bahawa kepingan wang tunai memang banyak sekali di negeri-negeri itu, berlainan dengan orang Arab yang kebanyakan harta mereka adalah berbentuk unta, kambing dan lembu sahaja.

Dalam kitab *Futuh al-Buldan,* Imam Ahmad bin Yahya yang terkenal

dengan nama al-Bilazari[18] menyatakan: "Saya telah diceritakan oleh Bakar bin al-Haitham daripada Abdul Razak bin Mu'ammar, daripada al-Zhuri, katanya, penduduk Tubalah dan Jaras telah memeluk Islam tanpa sebarang pertempuran, maka RasululLah s.a.w. pun telah memerintahkan mereka supaya tetap memiliki harta yang mereka miliki sebelum memeluk agama Islam, dan RasululLah s.a.w. juga telah menetapkan bahawa setiap orang penganut agama ahli kitab membayar satu dinar dan meletakkan syarat ke atas mereka supaya memberikan layanan baik kepada orang Islam, dan melantik Abu Sufyan bin Harb menjadi Gabenor Jaras".

Mereka menceritakan lagi: "RasululLah s.a.w. pun terus menuju ke Tabuk, iaitu di bawah kekuasaan dan sebahagian daripada kawasan Syam untuk memerangi orang yang menentangnya daripada saki baki tentera Rumawi, dan pegawai Rumawi serta suku Lahm dan Juzam dan lain-lainnya, iaitu dalam tahun 9 Hijrah, tetapi beliau tidak mendapat sebarang tentangan, dan terus tinggal di Tabuk beberapa hari lamanya, yang para penduduknya telah bersetuju mengadakan perjanjian damai dengan syarat membayar jizyah. Pada ketika berada di Tabuk itu juga beliau telah dikunjungi oleh Yuhnah bin Rukyah ketua penduduk Ailah, lalu beliau pun bersetuju menerima perdamaian dengan syarat setiap orang yang cukup umur membayar satu dinar setiap tahun, hingga jumlah kutipan di situ mencapai jumlah 300 dinar".

RasululLah s.a.w. juga telah mengenakan syarat kepada mereka supaya memberi layanan baik kepada setiap orang Islam yang lalu dan singgah di tempat mereka, dan menulis sepucuk surat kepada mereka meminta mereka memelihara syarat itu dan mencegah sebarang kejadian yang tidak baik. Demikianlah keterangan al-Bilazari dalam masalah ini.

Perkara 161 - Bentuk-bentuk Jizyah yang Dikenakan ke Atas Orang-orang Mesir

Al-Bilazari telah menulis lagi dalam kitab *Futuh al-Buldan,* daripada Abdullah bin Amru bin al-'As, katanya: "Orang ramai menjadi keliru mengenai kedudukan negeri Mesir; kerana sesetengah mereka mengatakan negeri Mesir telah ditakluki dengan kekerasan (berperang) manakala sebahagian yang lain pula mengatakan negeri Mesir ditakluki dengan cara damai ...".

Al-Zubir bin al-'Awam adalah orang pertama yang memanjat benteng pertahanan negeri Mesir, lalu ketua benteng itu memberitahu ayahku dengan katanya: "Kami telah mendengar khabar tentang apa yang kamu lakukan di Syam, dan ketetapan yang kamu buat supaya orang Yahudi dan Nasrani membayar jizyah dan ketetapan memberikan hak milik tanah kepada pemilik asalnya supaya mereka memajukan tanah itu dan membayar cukai *kharaj*nya. Kalaulah kamu bersedia berbuat seperti itu kepada kami dan mengusir kami keluar dari kampung halaman kami. Maka (cerita Abdullah bin Amru lagi) ayahku pun bermesyuaratlah dengan orang Islam, maka orang Islam pun memberi persetujuan supaya ayahku menerima tawaran orang Mesir itu,

18 Imam Ahmad bin Yahya, *Futuh al-Buldan*, Jilid 1.

kecuali beberapa orang sahaja di antara mereka yang meminta supaya tanah negeri Mesir itu dibahagikan di antara mereka, maka dengan persetujuan itu ayahku pun menetapkan bayaran jizyah sebanyak dua dinar setahun ke atas setiap orang dewasa, kecuali kalau dia seorang miskin, dan ayahku juga telah menetapkan di samping jizyah dua dinar itu tiga *irdab* biji gandum (*irdab* sejenis sukatan Mesir), dua *qist* (alat timbang Mesir) minyak, dua *qist* madu dan dua *qist* cuka sebagai bahan makanan orang Islam yang mesti dibawa ke pusat mengumpul bahan-bahan itu untuk dibahagi-bahagikan kepada orang Islam. Maka orang Islam pun menjalankan bancian tentang jumlah mereka semua dan seluruh penduduk Mesir diwajibkan memberi sumbangan kepada setiap orang Islam itu sehelai jubah bulu, songkok (atau topi) dan sehelai serban dan beberapa helai seluar dan sepasang sarung kaki (*khuf*) setiap tahun, ataupun jubah bulu digantikan dengan pakaian kaum Qitbi, dan beliau pun menulis syarat kepada mereka jika mereka tunaikan apa yang disebutkan itu maka isteri-isteri dan anak-anak mereka tidak akan dijual dan ditawan, dan harta benda milik mereka juga kekayaan mereka tetap dalam tangan mereka terus. Maka ayahku menulis surat kepada Amir al-Mukminin memberi laporan mengenai keputusan yang diambilnya dan Amir al-Mukminin pun memberikan persetujuan kepadanya, dan dengan demikian tanah di negeri Mesir menjadi sebahagian daripada tanah *kharaj*, dengan dikuatkuasanya syarat dan dikeluarkan surat jaminan maka sebahagian orang berpendapat bahawa negeri Mesir telah ditakluki secara damai".

Kemudiannya dibuat ketetapan mengenai *kharaj* tanah negeri Mesir, dengan ditentukan bahawa setiap *jarib* (luas tanah) cukai *kharaj*nya satu dinar dan tiga *irdab* bahan makanan setiap tahun, dan setiap orang dewasa dua dinar, dan ketetapan ini dilaporkan kepada Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. Daripada Yazid bin Abi Hubaib bahawa al-Muqauqis (pemerintah Mesir seumpama gabenor berkuasa penuh mewakili kerajaan Rumawi) telah mengadakan perjanjian damai dengan Amru bin al-'As bahawa orang Rumawi yang hendak keluar meninggalkan negeri Mesir maka diberi kebenaran keluar dan sesiapa di antara mereka yang ingin tinggal menetap di Mesir juga diberi kebenaran berbuat demikian mengikut perintah yang diberikan kepadanya dan supaya setiap orang Qitbi (penduduk Mesir asli) membayar cukai jizyah sebanyak dua dinar. Perjanjian damai ini telah sampai ke pengetahuan Raja Rumawi maka kejadian itu menyebabkan baginda murka dan memerintahkan supaya dikerahkan angkatan tentera untuk menyerang Mesir, maka mereka pun menutup pintu (benteng) bandar Iskandariah dan mereka pun mengisytiharkan perang kepada 'Amru bin al-'As. Maka al-Muqauqis pun pergi berjumpa dengan Amru sambil menyatakan: "Saya minta daripada anda tiga perkara sahaja:

(a) Anda jangan lagi memberi kemudahan dan layanan baik kepada orang Rumawi seperti yang telah anda lakukan sebelum ini kerana mereka telah menipu saya.

(b) Anda jangan membatalkan kemudahan yang telah anda berikan kepada orang Qitbi kerana mereka tidak membuat angkara yang menyebabkan kemudahan itu menjadi terbatal.

(c) Kalau saya mati maka anda perintahkan supaya saya dikebumikan di sebuah gereja di Iskandariah" dan beliau menyebut nama gereja itu.

Maka 'Amru bin al-'As pun menjawab: "Permintaan seperti ini adalah yang paling mudah saya laksanakan. Kebetulan pula ada beberapa buah kampung di Mesir yang memberontak dan menentang (pemerintahan Islam di bawah pimpinan 'Amru bin al-'As), lalu tentera 'Amru pun menawan sebahagian mereka dan meminta persetujuan dari Madinah untuk menjalankan hukuman itu maka Khalifah 'Umar bin al-Khattab pun menjawab supaya menahan mereka manakala sekumpulan orang Qitbi diberi layanan sebagai orang kafir *zimmi*, kerana mereka sudah pun terikat dengan perjanjian yang belum mereka langgar". Maka 'Amru bin al-'As pun menulis surat kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab memberitahunya mengenai penaklukan Iskandariah, kandungan surat itu adalah seperti berikut: "Maka sesungguhnya Allah S.W.T. telah memberi kurnia kepada kita untuk menakluki Iskandariah dengan kekerasan dan gagah perkasa tanpa sebarang perjanjian dan persetujuan daripada mana-mana pihak...". Semua peristiwa ini dipandang sebagai suatu perdamaian mengikut pendapat Yazid bin Abu Hubaib.

Daripada Yazid bin Abi Hubaib 'Amru bin al-'As telah mengutip cukai *kharaj* dan jizyah Mesir sebanyak 1000 kali 1000 (iaitu sama ada dengan satu juta) dan jumlah yang dikutip oleh Abdullah bin Sa'ad bin Abi Sarhin sebanyak 4000 kali 1000 (empat juta), sehingga menyebabkan Khalifah 'Uthman berkata kepada 'Amru bin al-'As: "Sesungguhnya hasil kacukan atau pendebungaan selepas anda begitu banyak sekali susunya ...". Maka 'Amru pun menjawab: "Hal itu kerana kamu telah menguruskan anak-anaknya (yakni tidak memberi anaknya minum susu ibunya)".

Katanya (Yazid bin Abi Hubaib): "Dalam tahun 21 Hijrah, Khalifah 'Umar bin al-Khattab telah menulis surat kepada 'Amru bin al-'As memberitahunya bahawa penduduk Madinah sedang menghadapi kesusahan dan memintanya supaya mengirimkan hasil *kharaj* yang lebih daripada keperluan negeri Mesir itu ke Madinah melalui jalan laut, maka 'Amru pun datang membawa bantuan minyak, dan apabila seorang jiran mendapat bantuan itu maka jiran disebelahnya ikut mendapat bantuan itu, kemudian bantuan itu dibahagikan di pusat pembahagian di Madinah dan dibahagikan kepada orang ramai dengan cara bersukat, tetapi bantuan itu jadi terputus dalam peristiwa fitnah pertama (yang menyebabkan terbunuhnya Khalifah 'Uthman). Kemudian bantuan itu dihantar pula pada zaman pemerintahan Mu'awiyah dan Yazid, tetapi terputus pula kiriman itu hingga pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan. Akhirnya terus dibawa bantuan itu hinggalah pada zaman pemerintahan Abu Jaafar ataupun sebelumnya".

Daripada Yazid bin Abi Hubaib lagi bahawa orang yang dikenakan bayaran jizyah di Mesir itu diberi jaminan damai pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar, iaitu selepas perdamaian kali pertama yang telah disebutkan tadi dengan dikenakan bayaran tambahan sebanyak dua dinar lagi sebagai ganti gandum, minyak, madu dan cuka, sebagai tambahan atas jizyah sebanyak dua dinar pertama itu. Oleh yang demikian setiap orang dikenakan membayar

empat dinar setahun, dan mereka diberi pilihan untuk menerima tawaran itu. Dengan demikian mereka menghormati dan sayang kepada pihak berkuasa yang memberikan kemudahan seperti itu.

Daripada al-Jaisyani, katanya: "Saya mendengar suatu kumpulan orang yang sempat menyaksikan penaklukan Mesir memberitahu bahawa apabila 'Amru bin al-'As menakluki Mesir (al-Fustat) beliau telah mengarahkan Abdullah bin Huzafah al-Sahami supaya menuju ke 'Ain Syams, maka dia pun dapat menguasai tanahnya dan membuat perjanjian damai dengan penduduk-penduduk kampung di sekitarnya serupa dengan yang dilakukan oleh 'Amru di al-Fustat".

'Amru juga telah mengarahkan Kharijah bin Huzafah al-'Adawi supaya menuju ke al-Fayyum dan al-Asymunin, Ikhmim dan Busyrawaat iaitu beberapa buah desa di Hulu Mesir, lalu Kharijah pun menunaikan perintah itu.

Beliau telah memberikan arahan kepada 'Umair bin Wahab al-Jumahi supaya pergi ke Tunis, Dimyat, Taunah, Syata, Daqhalah, Banna, Busair dan perintah itu telah ditunaikan.

'Amru juga telah mengarahkan Aqbat bin Amir al-Jahmi dan ada orang mengatakan dia memerintahkan Wardan iaitu sahayanya yang mempunyai Pasar Wardan di Mesir untuk pergi ke kawasan pedalaman maka perintah dan arahan itu pun dilakukan. Oleh yang sedemikian maka sempurnalah penaklukan Mesir oleh 'Amru bin al-'As, maka seluruh tanah di negeri Mesir menjadi tanah *kharaj*.

Daripada al-Salti bin Abi 'Aaseem jurutulis kepada Hayyan bin Syuraih bahawa dia telah membaca surat 'Umar bin Abdul Aziz kepada Hayyan yang menjadi gabenornya di Mesir, bahawa negeri Mesir telah ditakluki dengan kekerasan tanpa sebarang perjanjian dan persetujuan.

Perkara 162 - Dasar Mengisytiharkan Harta dan Rampasan Harta dalam Islam

Daripada Abdullah bin al-Mubarak, katanya: "Khalifah 'Umar bin al-Khattab telah mencatat semua harta kepunyaan pegawai-pegawainya ketika beliau melantik mereka memegang jawatan masing-masing, kemudian beliau meminta mereka membuat keterangan bersumpah mengenai harta yang berlebihan daripada yang telah dicatatkan itu, dan kadang-kadang beliau mengambil balik harta itu daripada mereka". Beliau juga telah menulis surat kepada 'Amru bin al-'As dengan katanya: "Telah menjadi buah mulut orang ramai bahawa anda memiliki harta benda, bahan-bahan makanan, bejana perhiasan dan haiwan yang semuanya belum anda miliki ketika anda dilantik menjadi Gabenor Mesir dahulu ...". Maka 'Amru pun menjawab surat itu dengan menyatakan: "Bahawa negeri kami adalah negeri pertanian dan tempat orang berniaga, jadi apa yang ada pada kami itu ialah lebihan daripada perbelanjaan yang diperlukan untuk nafkah hidup kami ...". Maka Khalifah 'Umar pun menulis lagi kepada 'Amru: "Sebenarnya saya sudah cukup menerima berita kelakuan buruk para pegawaiku, dan surat anda kepada saya adalah sepucuk surat yang menyebabkan

hilangnya perasaan risau di hati dan kerana hendak mengambil tindakan dengan cara yang benar. Sesungguhnya saya telah berburuk sangka kepadamu, dan saya telah memerintahkan Muhammad bin Musalmah untuk membuat penilaian secara terperinci mengenai hartamu. Oleh yang demikian tunjukkanlah kepadanya apa yang dia minta supaya ditunjukkan, dan keluarkanlah kepadanya apa yang dia minta, dan maafkanlah dia kerana bersikap kasar kepadamu kerana dia mengesyaki ada sesuatu perbuatan menyembuyikan sesuatu daripada pengetahuan ...". Maka, 'Amru pun membuat keterangan bersumpah mengenai harta miliknya.

Perkara 163 - Penaklukan Iskandariah serta Pengenaan *Kharaj* dan Jizyah

Sesudah menakluki negeri Mesir maka 'Amru bin al-'As pun menetap di Mesir. Kemudian beliau menulis surat kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab mohon perintahnya untuk mara ke Iskandariah. Maka Khalifah 'Umar pun mengirim surat perintah seperti yang dikehendaki oleh 'Amru itu, maka beliau pun mengerah angkatan tenteranya untuk menuju ke Iskandariah di dalam tahun 21 Hijrah dan melantik Kharijah bin Huzafah menjadi pemerintah di Mesir (di sekitar Kaherah sekarang). Di Iskandariah, telah berkumpul orang Rumawi dan Qibti yang telah membuat pakatan untuk menentang kemaraan tentera 'Amru dengan mengatakan: "Lebih baik kita serangnya di al-Fustat sebelum dia sempat sampai ke mari dan menembus masuk ke Iskandariah". Maka kedua-dua tentera itu pun bertembung di al-Khartun dan berlakulah suatu pertempuran yang hebat dan 'Amru telah berhasil menewaskan mereka serta membunuh ramai tentera mereka, dan dalam tentera musuh terdapat ramai penduduk dari kawasan Sakha, Bilhit dan Saltin dan ramai lagi orang lain yang datang memberi sokongan dan bantuan kepada mereka.

Kemudian 'Amru pun mara terus hingga tiba ke Iskandariah, dan didapati para penduduk di bandar itu sedang bersiap sedia untuk memeranginya. Namun demikian orang Qibti selalunya lebih suka memilih perundingan; maka beliau didatangi oleh utusan al-Muqauqis meminta berdamai dan mengadakan gencatan senjata untuk sementara, tetapi 'Amru menolak permintaan itu. Maka al-Muqauqis pun memerintah kaum wanita supaya berdiri di atas pokok kota Iskandariah sambil menghadapkan muka mereka ke sebelah dalam tembok, dan menyuruh orang lelaki yang bersenjata lengkap berdiri sambil menghadapkan muka mereka kepada kaum Muslimin dengan tujuan untuk menakutkan kaum Muslimin itu; maka 'Amru pun mengirimkan utusan untuk memberitahu al-Muqauqis: "Bahawa kami sudah nampak apa yang kamu lakukan itu, tetapi kekalahan yang telah dideritai oleh orang yang telah dikalahkan itu bukan kerana ramainya bilangan kami. Kami telah pun bertempur dengan Raja kamu, Herelius (Raja Rumawi) tetapi beliau telah menerima nasibnya seperti yang kamu ketahui ...". Maka al-Muqauqis pun berkata kepada pegawai-pegawainya: "Kaum itu memang bercakap benar, mereka telah berjaya mengusir raja kita keluar daripada tanah jajahannya hingga pulang ke

Konstantinopal. Oleh itu kita patut sekali menyerah kalah ...", tetapi para pegawainya menentang keras pendiriannya dan memilih untuk bertempur, maka berlakulah suatu pertempuran hebat di antara kedua belah pihak, iaitu sesudah mereka dikepung oleh kaum Muslimin selama tiga bulan.

Kemudian 'Amru pun menakluki Iskandariah dengan kekuatan pedang dan menawan semua harta yang ada dalam benteng itu tanpa membunuh para penghuninya dan tanpa menawan mereka sebagai orang tebusan, dan memberikan hak perlindungan kepada mereka. Kemudian beliau pun menulis surat kepada Khalifah 'Umar memberitahu berita penaklukan itu, dan surat berkenaan dibawa oleh al-Sukuni yang membawa hasil kutipan satu per lima bahagian *ghanimah* yang dikutip.

Ada pula cerita yang mengatakan bahawa al-Muqauqis telah mengadakan perjanjian damai dengan 'Amru bin al-'As dengan membayar 13 000 dinar, juga dengan syarat diberi kebenaran kepada sesiapa yang ingin meninggalkan Iskandariah supaya keluar dari situ dan kepada sesiapa yang ingin tinggal menetap di situ diberi kebenaran menetap, juga dengan syarat setiap orang dewasa membayar jizyah sebanyak dua dinar setahun. Maka 'Amru pun menulis surat memberi jaminan kepada mereka dengan tertakluk kepada syarat yang telah dipersetujui itu. Kemudian 'Amru pun melantik Abdullah bin Huzafah sebagai Penguasa bandar Iskandariah dengan disertai oleh suatu kumpulan orang Islam yang lain, dan beliau pun kembalilah ke al-Fustat. Kemudian orang Rumawi yang masih tinggal di Iskandariah pun menulis surat memberitahu kepada raja mereka Konstantain mengenai kecilnya jumlah kaum Muslimin yang tinggal di Iskandariah itu, juga mengenai keadaan mereka yang terhina dan juga beban membayar jizyah yang dipaksakan ke atas mereka. Maka raja Konstantain pula mengirim seorang panglimanya yang bernama Manuel dengan 300 kapal perang yang lengkap dengan alat senjata dan anggota tentera. Maka Manuel pun menyerbu masuk ke Iskandariah sambil membunuh orang Islam yang tinggal di situ, kecuali beberapa orang sahaja yang sempat melarikan diri dan terselamat daripada angkatan tentera Rumawi itu. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 25 Hijrah. Sesudah berita mengenai serangan mengejut ini sampai ke pengetahuan panglima 'Amru maka beliau pun mengerah sejumlah 15 000 anggota tentera terus mara ke Iskandariah, dan sesampainya di situ didapati pihak musuh telah keluar daripada Iskandariah dan pergi membuat kacau di beberapa buah kampung Mesir. Kemudian kaum Muslimin pun bertempur dengan menggunakan anak panah untuk beberapa ketika, tetapi tentera kaum Muslimin sudah siap sedia dengan perisai. Kemudian berlakulah pertempuran dahsyat di antara kedua belah pihak yang berakhirnya dengan kehancuran pihak orang kafir itu. Oleh yang demikian pihak musuh tiada tempat lain untuk berlindung dan bertahan kecuali Iskandariah sahaja, maka mereka pun membina benteng dan kubu di situ sambil memasang *'uradah* (sejenis alat peperangan zaman dahulu yang boleh melontar batu dari jarak jauh). Maka mereka pun diserang dengan hebat sekali oleh 'Amru dengan memasang *minjaniq* (sejenis alat peperangan zaman dahulu yang boleh melontar batu-batu besar hingga boleh merobohkan benteng pertahanan musuh) robohlah dinding benteng musuh, dan terus menyerang dengan dahsyatnya, akhirnya pihak musuh dapat ditewaskan, manakala kaum

wanita dan kanak-kanak dijadikan sebagai orang tawanan perang. Sebahagian orang Rumawi yang masih tinggal di Iskandariah melarikan diri pulang ke Rom, dan musuh AllahS.W.T. Manuel pun dibunuh, dan 'Amru dengan angkatan tentera Islam pun merobohkan benteng Iskandariah, kerana 'Amru telah bernazar kalau dia berjaya menakluk Iskandariah maka beliau akan merobohkan dinding bentengnya.

Maka pihak yang mengisahkan cerita ini pun mengatakan: "Maka 'Amru pun menguatkuasakan kutipan cukai *kharaj* ke atas tanah-tanah di Iskandariah dan kutipan jizyah ke atas para penduduknya...".

Diriwayatkan pula bahawa al-Muqauqis telah mengasingkan diri daripada penduduk Iskandariah ketika mereka melanggar perjanjian damai yang telah dimeterai dengan Amru bin al-'As, tetapi 'Amru telah memberi jaminan supaya menetap di Mesir dengan syarat-syarat yang telah disebut sebelum ini.

Dirawikan daripada Musa bin Ali, katanya: "Jumlah pungutan jizyah Iskandariah ialah 18 000 dinar, dan pada zaman pemerintahan Hisyam bin Abdul Malik jumlah jizyah itu bertambah menjadi 36 000 dinar".

Perkara 164 - Adakah Bani Taghlib Juga Telah Dikenakan Jizyah?

Seterusnya dilaksanalah syarat-syarat perdamaian yang telah dicapai di antara Khalifah 'Umar dengan orang Kristian Bani Taghlib di negeri Syam, dan diambil jizyah daripada mereka atas kadar sekali ganda daripada jumlah zakat kaum Muslimin. Ini sesudah mereka diseru supaya menganut Islam tetapi mereka enggan, kemudian mereka disuruh membayar jizyah yang biasa tetapi mereka merasa tidak senang hati membayarnya, dengan mengatakan: "Kalaulah jizyah itu bukan seperti jizyah yang dibayar oleh orang 'Ajam itu maka kami tidak rela membayarnya, dan oleh itu biarlah kami membayarnya dan menjaga agama kami ...". Kemudian mereka pun membawa diri dengan tujuan ingin bergabung dengan orang Rumawi yang tinggal menetap di Rom, tetapi Khalifah 'Umar memerintahkan supaya mereka itu dicari, dan sesudah ditemui beliau pun mengadakan perjanjian damai dengan mereka iaitu sesudah bermesyuarat dengan sahabat-sahabat RasululLah s.a.w. dengan syarat mereka membayar cukai lebih sekali ganda daripada zakat yang dibayar oleh kaum Muslimin. Kemudian Khalifah 'Umar pun berkata: "Bayaran ini adalah sejenis jizyah juga, tetapi panggillah apa jua yang kamu suka ...".

Perkara 165 - Adakah Khalifah 'Umar Pernah Melipatgandakan Jumlah Jizyah dan Apakah Motifnya dan Adakah Ia Boleh Dianggap Sebagai Zakat atau Jizyah?

Kutipan cukai berganda ini dinamakan zakat atau sedekah tetapi Khalifah 'Umar menamakan sebagai *jizyah* juga.

Kenapakah beliau berpuas hati dengan berbuat demikian dan apakah yang mendorong beliau bertindak begitu?

Sebenarnya perbezaan nama adalah suatu perkara yang mudah dan kecil sahaja, dan Khalifah berpuas hati berbuat demikian selama hal ini boleh membawa manfaat dan *maslahat* umum kepada agama Islam dan kaum Muslimin. Beliau terdorong mengambil sikap sedemikian kerana bimbangkan mereka akan bergabung dengan orang Rumawi dan menjadi musuh agama Islam. Apa yang beliau harapkan adalah supaya mereka memeluk agama Islam dan menjadi pembantu orang Islam menentang musuh-musuh mereka kerana mereka adalah suku bangsa Arab yang mempunyai perasaan mulia dan bangga sebagai orang Arab yang menyebabkan mereka merasa berkewajipan memelihara kehormatan diri dan harta mereka yang disumbangkan kepada perbendaharaan negara. Ini adalah suatu kebaikan untuk kaum Muslimin dan memberi kebaikan kepada perbendaharaan negara daripada melarikan diri dan menggabungkan diri mereka kepada pihak Rumawi.

Perkara 166 - Adakah Layanan Baik kepada Tetamu Sebagai Kewajipan yang Mesti Dilakukan oleh Orang yang Kalah Perang?

Terdapat beberapa hak dan kewajipan yang didapati dan mesti ditunaikan oleh orang Arab kepada negeri-negeri yang ditakluki. Hak-hak itu menjadi bertambah banyak dan berkembang serta berubah-ubah pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar. Antara hak-hak kaum Muslimin ialah memberikan sambutan dan layanan yang baik kepada seseorang gabenor dan penguasa apabila dia tiba di sesuatu tempat, juga kepada orang yang menjadi utusan dan duta-duta dan orang Islam yang berhenti dan singgah di negeri-negeri yang berkenaan. Namun demikian tempoh mendapat layanan baik itu pada zaman Khalifah 'Umar ditentukan sekadar tidak lebih daripada tiga hari sahaja, sedangkan tempoh bertamu lebih daripada itu pada zaman hayat RasululLah s.a.w. dan juga pada zaman Khalifah Abu Bakar, dan mungkin sekali hal yang demikian berkaitan dengan luasnya daerah pemerintahan dan penaklukan Islam.

Perkara 167- Pembinaan Jalan Raya dan Jambatan

Termasuk dalam perjanjian damai zaman Khalifah 'Umar bin al-Khattab, ialah syarat pihak yang meminta damai itu supaya membina dan membaiki jalan serta jambatan dan juga membina empangan air atau seumpamanya yang tidak pernah berlaku dalam perjanjian damai zaman Islam sebelumnya.Ini berkemungkinan kerana pada zaman Khalifah 'Umar ini amat sukar membina jalan-jalan raya.

Perkara 168 - Adakah Masalah Kutipan Jizyah Itu Mengalami Perubahan?

Berdasarkan keterangan yang telah diberikan sebelum ini dan juga penjelasan mengenai beberapa kewajipan dan hak banyak perubahan dan pemba-

haruan telah dialami pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar yang begitu berbeza sekali dengan keadaan yang berlaku pada zaman pemerintahan RasulullLah s.a.w. dan Khalifah Abu Bakar r.a.

Keadaan seperti ini sebenarnya berhubung kait dengan masalah pembentukan negara yang pada peringkat permulaan masih belum tersusun dan teratur lagi, ditambah pula dengan jabatan-jabatan dan pentadbirannya yang sangat terbatas sekali, kerana daerah kekuasaan pemerintahan pada zaman itu hanya terhad di sekitar kawasan Semenanjung Arab sahaja. Perbezaan ini wujud dengan berlakunya penaklukan kaum Muslimin ke atas seluruh pelosok benua yang telah tunduk kepada kekuasaan Islam dengan memberikan sumbangan wang. Adapun pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar keadaan telah berjalan dengan teratur dan pentadbiran juga telah lancar dan mantap. Bancian jumlah penduduk negara dijalankan dan diketahui juga perbezaan di antara orang kaya dengan orang miskin dan orang pertengahan, dan juga telah didapati banyak bahan, ada yang perlu dimasukkan di dalam teks perjanjian, yang berupa syarat-syarat dan kewajipan-kewajipan yang belum dikenal pasti pada zaman pemerintahan Islam sebelumnya. Hal itu adalah kerana bertambah pesatnya kemajuan dan meluasnya kekuasaan Islam ke atas pemerintahan negara-negara Mesir, Iraq dan Syam dan stabilnya perjalanan jentera kerajaan. Tatkala kaum Muslimin menumpukan perhatian mengenai urusan pemerintahan negara-negara itu dan luas pula pergaulan mereka dengan penduduk negara-negara yang berkenaan, dan mereka pula dapat mengadakan perhubungan serta beroleh pengetahuan mengenai tamadun negara-negara itu maka mereka pun mengambil dasar-dasar pokok tamadun itu, yang menyebabkan mereka beroleh banyak pengalaman dalam mentadbir negara dan mengendalikan urusan pemerintahan. Mereka juga dapat mengenal sendi-sendi kemajuan dan syarat-syaratnya serta perkembangan dan pertumbuhan. Dengan yang demikian mereka pun melakukan beberapa perkara yang belum pernah dilakukan serta memperbaiki jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan yang merupakan bahan keperluan bagi umat Islam dari segi peperangan dan perdagangan. Oleh yang demikian mereka jadikan pembangunan itu suatu masalah yang perlu dipikul bersama oleh semua penduduk negara. Keadaan ini dengan sendirinya memberitahu kepada kita mengenai permulaan berlakunya penyusunan dan perancangan pembangunan dan juga kaedah-kaedah pentadbiran kewangan dan sebagainya pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab.

Perkara 169 - Golongan Manakah yang Dikenakan Membayar Jizyah Itu?

Firman Allah S.W.T.:

قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ

وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٢٩

Terjemahan: *Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada Hari Akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu daripada orang yang diberikan kitab (Kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar jizyah dengan keadaan taat dan merendah diri.*

(Surah al-Taubah 9 : 29)

Makna Secara Harfiah[19]

Di dalam ayat suci di atas Allah menyatakan mengenai sikap kaum Muslimin terhadap orang kafir Kitabi, iaitu orang Yahudi dan Nasrani (Kristian) yang telah sesat daripada segi akidah dan menyelewengkan hukum-hakam kitab *Taurat* dan *Injil*, serta ingkar daripada segi akidah tauhid, kerana mereka telah menjadikan paderi-paderi dan pendeta-pendeta ahli agama mereka sebagai tuhan-tuhan yang mereka patuhi selain Allah S.W.T. Paderi-paderi dan ahli-ahli agama mereka menetapkan peraturan syariat agama mereka mengenai perkara-perkara ibadat, mengharamkan dan menghalalkan sesuatu sesuka hati mereka sahaja, maka mereka pun mengikut dengan patuh dan taatnya semua hukum-hakam yang ditetapkan oleh ahli-ahli agama mereka itu. Dengan berbuat demikian maka mereka telah syirik kepada Allah, kerana orang Yahudi percaya bahawa 'Uzair itu adalah putera Allah, manakala orang Nasrani pula mengatakan dengan penuh kepercayaan bahawa Nabi Isa itu putera Allah ataupun Allah sendiri. Mereka juga tidak percaya kepada kehidupan Hari Akhirat kerana mereka mendakwa bahawa Hari Akhirat itu adalah suatu bentuk kehidupan rohaniah semata-mata dan kehidupan di alam akhirat bahawa semua manusia menjadi seperti malaikat belaka. Mereka juga tidak mengharamkan perkara-perkara yang telah diharamkan oleh Allah S.W.T. dan juga oleh RasululLah s.a.w., kerana orang Yahudi telah menghalalkan perbuatan riba dan lainnya, manakala orang Nasrani pula telah menghalalkan banyak jenis makanan dan minuman yang telah diharamkan oleh Allah. Mereka hanya percaya kepada agama yang bercorak tradisional sahaja yang telah disifat dan dihuraikan oleh para paderi mereka dengan berdasarkan ijtihad fikiran mereka, bukan agama sebenar yang telah diwahyukan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Isa dan Nabi Musa a.s.

Orang Yahudi pula tidak memelihara kemurniaan dan keaslian kitab *Taurat* yang telah diwahyukan kepada Nabi Musa, yang telah dijadikan panduan oleh Nabi Musa dan nabi-nabi sesudahnya dalam menjalankan peme-

19 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *op.cit.*, hlm. 1214 dan 1215.

rintahan, sehinggalah mereka telah didera dan diseksa oleh Allah dengan penaklukan orang Babylon ke atas negeri mereka dan mereka pun lari bertempiaran membawa diri. Orang Babylon bertindak sewenang-wenangnya dan bermaharajalela membakar Haikal tempat ibadat orang Yahudi dan membakar kitab-kitab suci yang tersimpan di dalamnya, di samping mengusir orang Yahudi keluar dari negeri tumpah darah mereka sendiri hingga tinggal berselerak di negeri Babylon dan lain-lainnya, dan mereka pun tunduk kepada undang-undang dan peraturan negeri Babylon itu. Apabila orang Babylon membawa mereka kembali semula ke negeri asal mereka, mereka sudah tidak lagi mempunyai nas-nas daripada kitab *Taurat* yang asli dan sebahagiannya masih menghafal sebahagian nas kitab suci itu, maka mereka pun mencatat dan menulis setiap nas syariat Allah yang masih mereka ingat, dalam keadaan bercampur-aduk dengan nas dan teks syariat Babylon seperti perintah paderi mereka yang bernama 'Azra ('Uzair). Kemudian mereka pindah dan selewengkan pula kandungan kitab suci itu (*Taurat*) dan tidak menegakkan hukum Allah seperti yang diperintahkan kepada mereka. Orang Nasrani pula tidak memelihara dengan baik semua hukum dan panduan yang telah disampaikan oleh Nabi Isa, iaitu panduan yang bercorak akidah kepercayaan dan wasiat-wasiat berharga.

Sesudah berlalu tiga abad (300 tahun) kemudiannya berlakulah beberapa seminar rasmi untuk menyusun dan merumuskan semula kandungan kitab *Injil*, maka dibuat keputusan untuk berpegang kepada empat buah sahaja kitab *Injil* daripada sejumlah lebih 70 buah *Injil* yang telah ditolak dan diisytiharkan tidak betul dan tidak boleh dipakai lagi.

Maksud firman Allah di atas, perangilah mereka apabila timbul keadaan yang memerlukan peperangan, seperti pencabulan dan serangan yang mereka lancarkan ke atas kamu atau negara kamu, ataupun wujudnya tekanan mereka ke atas kamu, ataupun fitnah dan ugutan mengenai kesucian agama kamu, ataupun ancaman kepada keamanan dan kesejahteraan kamu seperti yang telah dilakukan oleh orang Rumawi kepada kamu dahulu. Perangilah mereka sehingga kamu mendapat keamanan dan jaminan bahawa mereka akan membayar jizyah kepada kamu iaitu dengan syarat bahawa mereka hendaklah taat dan patuh kepada kedaulatan dan kekuasaan kamu serta pemerintahan kamu. Di samping itu kamu berkewajipan pula untuk melayan mereka dengan penuh keadilan dan memberikan sepenuh perlindungan kepada mereka daripada sebarang ancaman bahaya, dan memberi sepenuh jaminan kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama mereka. Bergaullah atas dasar ihsan, keadilan dan persamaan, dan dengan berbuat demikian bererti kamu merintis jalan kepada mereka untuk memeluk Islam, berdasarkan keadilan dan budi baik kamu yang mereka dapati dan nikmati di bawah pemerintahan kamu.

Al-Mawardi menyatakan: "Dalam firman Allah S.W.T., *'An Yadin* (dengan taat) itu ada dua pengertian; pertama ialah dalam keadaan kaya dan mampu mengeluarkan dan membayar jizyah itu dan keduanya ialah bahawa mereka beriktikad bahawa dalam menerima bayaran jizyah itu kita (kaum Muslimin adalah dalam keadaan mempunyai kuasa untuk memerintah mereka".

Manakala dalam perkataan *wahum saghirun* (dan merendahkan diri)

juga dapat difahami sebagai mempunyai dua pengertian juga, iaitu pertama, mereka dalam keadaan hina-dina dan lemah; dan kedua, bahawa berlaku ke atas mereka hukum Islam.

Oleh yang demikian maka jizyah itu dikenakan ke atas orang Najran dan Ailah, iaitu daripada orang Nasrani berketurunan Arab dan juga penduduk Daumat al-Jandal, yang juga orang Arab. Jizyah juga telah diambil oleh RasululLah s.a.w. daripada orang Yahudi negeri Yaman, juga daripada orang Majusi Hajri dan al-Bahrain.

Sabda RasululLah s.a.w.:

سنوا بهم أهل الكتاب

Terjemahan: *Layanilah mereka (orang Majusi) itu sebagai ahli kitab.*

Maka berdasar kepada prinsip inilah jizyah itu telah dipungut oleh Khalifah 'Umar bin al-Khattab daripada orang Majusi yang tinggal di negeri Iraq, dan memang tidak ada sebarang perbezaan hukum mengenai kafir ahli kitab itu di antara orang Arab dengan bukan Arab, kerana ahli kitab itulah puak yang dikenakan kewajipan membayar jizyah dan juga layak diterima bayaran jizyah mereka.

Perkara 170 - Membincangkan Masalah Jizyah Secara Lebih Terperinci

Dalam huraian yang lalu kita telah menyebutkan bahawa RasululLah s.a.w. telah menetapkan kadar jizyah mengikut suasana dan keadaan berasaskan prinsip saling reda meredai yang timbul dalam perbincangan di antara kaum Muslimin dengan pihak musuh mereka daripada orang kafir. Kemudian RasululLah s.a.w. menerima ikatan damai dengan orang Najran, kedua-dua pihak telah sama bersetuju mengenai bayaran jizyah yang berjumlah 2000 *hallah* (*hallah* itu ialah sejenis alat timbang wang di Najran) dalam bulan Safar dan 1000 *hallah* lagi dalam bulan Rejab. Harga dan nilai satu *hallah* itu ialah satu *auqiah*, dan satu *auqiah* itu sama dengan 40 dirham.

RasululLah s.a.w. juga telah mengadakan perjanjian damai dengan penduduk-penduduk Azrah dengan kadar bayaran jizyah sebanyak 100 dinar dalam setiap bulan Rejab. Beliau juga telah mengikat perjanjian damai dengan penduduk-penduduk Maqta dengan bayaran 1/4 daripada harga barang-barang, alatan perang, buah-buahan dan binatang ternakan mereka.

Bayaran jizyah berlaku tanpa sebarang penentuan yang tetap hinggalah pada akhir zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar, selepas Khalifah 'Umar mengambil alih teraju pemerintahan dan penaklukan negeri-negeri begitu kerap sekali berlaku. Khalifah 'Umar menulis surat kepada panglima-panglima tentera memberi arahan kepada mereka supaya memungut cukai jizyah daripada semua orang lelaki dewasa. Di kawasan yang mata wangnya daripada perak hendaklah dikutip 40 dirham daripada setiap orang lelaki, manakala di

kalangan orang yang mempunyai mata wang emas supaya dikutip empat dinar. Mereka (orang kafir itu) wajib pula memberi sumbangan bekalan makanan kepada kaum Muslimin, iaitu bijirin gandum dan minyak atas kadar tiga *qist* setiap bulan daripada setiap penduduk di Semenanjung Arab dan negeri Syam.

Kemudian kadar bayaran itu dipinda pula dan ditentukan mengikut kedudukan dan taraf seseorang itu dalam kehidupan dan juga mengikut kadar kemampuan mereka. Oleh yang demikian, ditetapkan bahawa setiap orang yang benar-benar kaya (dapat dilihat daripada keadaan hidupnya) 48 dirham yang dibayar secara beransur sebanyak 4 dirham sebulan dan ke atas orang pertengahan (bertaraf sederhana) dikenakan sebanyak 24 dirham dengan bayaran ansur 1 dirham sebulan. Bayaran tidak dikenakan ke atas kaum wanita, kanak-kanak, orang tua dan paderi-paderi yang tidak bercampur gaul dengan orang ramai kecuali bagi negeri-negeri yang maju serta telah diatur jumlah dan cara pembayaran jizyah dalam perjanjian-perjanjian yang dimeterai.

Begitu juga halnya dengan Amru bin al-'As yang telah mengikat perjanjian damai dengan orang Mesir dengan syarat bahawa setiap orang Qibti yang dewasa membayar 2 dinar setahun. Tiada sebarang bayaran dikenakan ke atas setiap orang tua yang tidak mampu bekerja dan juga kanak-kanak yang masih kecil dan belum cukup umur, demikian juga kaum wanita. Mereka juga dikenakan syarat supaya menyambut dan memberi layanan baik kepada setiap orang Islam yang singgah di tempat mereka selama tiga hari sebagai tanda pandai melayan tetamu dan sikap muhibah.

Kerap kali juga jumlah dan kadar jizyah itu ditentukan dengan mengambil kira jumlah wang yang masih baki dalam tangan daripada hasil pendapatan mereka sesudah ditolak nafkah dan perbelanjaan yang perlu, iaitu seperti yang berlaku kepada penduduk-penduduk al-Jazirah di Iraq, kerana pihak berkuasa yang menakluki tempat itu telah menetapkan jumlah bayaran sebanyak 1 dinar sahaja setahun ke atas setiap orang dewasa. Apabila Abdul Malik bin Marwan mengambil alih jawatan khalifah beliau membuat keputusan untuk menaikkan kadar kutipan jizyah itu. Maka diperintahkan gabenornya di kawasan itu supaya membuat bancian jumlah penduduk dan juga jumlah pendapatan setiap orang pekerja bagi tempoh satu tahun, iaitu dengan terlebih dahulu ditolak nafkah dan belanja makan pakai dan juga lauk-pauknya, juga ditolak hari-hari cuti dalam setahun, maka didapati hasilnya bahawa jumlah bayaran jizyah ke atas setiap orang itu ialah 4 dinar seorang. Kemudian beliau pun menguatkuasakan supaya mereka membayar jumlah itu dan oleh yang demikian beliau memandang semua orang sama sahaja tarafnya.

Perkara 171 - Jizyah Dikenakan ke Atas Orang-orang Bukan Islam

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, jizyah itu dikenakan ke atas orang bukan Islam. Oleh yang demikian sesiapa sahaja yang memeluk Islam maka dengan sendirinya gugurlah kewajipan membayar jizyah, kecuali pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan, kerana al-Hajjaj telah menetapkan

supaya setiap orang kafir *zimmi* yang memeluk Islam dikenakan juga kewajipan membayar jizyah.

Khalifah Abdul Malik telah mengarahkan saudaranya Abdul Aziz, yang menjadi gabenornya di negeri Mesir supaya mengenakan bayaran jizyah itu ke atas orang kafir *zimmi* yang telah memeluk Islam. Maka Abdul Aziz bin Juhairah pun bermesyuarat dengan seorang penasihat dan pembantu kanannya mengenai arahan ini. Hasilnya, dia merasa keberatan untuk melaksanakan arahan itu, dan beliau pun memberi jawapan kepada Khalifah Abdul Malik dengan katanya: "Aku pohon perlindungan Allah bahawa andalah orang pertama yang membuat peraturan seperti itu di negeri Mesir, kerana demi Allah orang *zimmi* itu telah begitu berat menanggung jizyah yang dikenakan oleh paderi-paderi mereka. Bagaimanakah pula anda hendak membebankan bayaran itu ke atas orang yang memeluk Islam daripada kalangan mereka? ... ". Maka beliau pun membiarkan sahaja arahan tersebut tanpa dilaksanakan.

Setelah Khalifah 'Umar bin Abdul Aziz mengambil alih tampuk pemerintahan, beliau telah membatalkan peraturan itu bagi negeri Iraq. Sesudah itu tiada lagi sebarang kutipan jizyah dikenakan ke atas semua orang Islam.

Bayaran jizyah itu diterima daripada orang bukan Islam, di mana sahaja mereka berada, kecualilah kalau mereka itu daripada kalangan orang Arab penyembah berhala, ataupun kalangan orang murtad, kerana tidak boleh diterima sebarang bayaran daripada mereka, kecuali Islam ataupun pedang.

Berkenaan dengan orang Nasrani, Yahudi, Majusi dan penyembah-penyembah berhala daripada orang bukan Arab, maka bolehlah diterima daripada mereka sama ada Islam, jizyah ataupun pedang.

Maksud utama hukum ini ialah menyatukan umat Arab. Oleh sebab itulah RasululLah s.a.w. telah menghapuskan kepercayaan menyembah berhala daripada seluruh pelosok Semenanjung Arab pada zaman hayatnya.

Pada masa Khalifah 'Umar bin Abdul Aziz mengambil alih tampuk pemerintahan, beliau menghalau keluar semua saki baki orang Nasrani dan Yahudi yang masih tinggal di Semenanjung Arab.

Baru sebentar tadi kita telah menegaskan bahawa kewajipan membayar jizyah itu tidak dikuatkuasakan kecuali ke atas orang dewasa yang sihat sahaja. Ini memberi pengertian bahawa bayaran itu adalah sebagai bayaran untuk menggantikan kewajipan keluar berperang, yakni bahawa setiap orang pembayar cukai jizyah itu tidak terlibat dengan kerahan tenaga untuk keluar berperang, seperti juga bayaran itu menangkis segala sikap permusuhan dan pencerobohan ke atas mereka.

Perkara 172 - Beberapa Perjanjian Berkenaan Jizyah

1. Dalam perjanjian damai yang telah dimeterai di antara Khalid bin al-Walid dengan pemimpin paderi al-Natif terdapat ayat-ayat berikut: "Saya membuat perjanjian dengan kamu untuk menerima bayaran jizyah dan memelihara keselamatan kamu pada setiap tahun. Oleh yang demikian kalaulah kami memberi perlindungan kepada kamu, maka berhaklah kami menerima

bayaran jizyah. Kalau kami tidak melindungi kamu, maka tiada sebarang kewajipan membayar jizyah sehingga kami memberi perlindungan kepada kamu terlebih dahulu".

2. Dalam perjanjian yang dimeterai di antara Abi 'Ubaidah bin al-Jarrah dengan penduduk-penduduk negeri Syam, Abu 'Ubaidah telah membuat perjanjian supaya mereka membayar jizyah sebagai imbangan kepada perlindungan yang diberikan oleh kaum Muslimin kepada mereka tetapi beliau menolak bayaran jizyah itu pula kemudiannya dengan mengatakan: "Kami telah memberi balik kepada kamu apa yang telah kami ambil dahulu dan kami masih terikat lagi dengan syarat yang telah dipersetujui bersama di antara kedua belah pihak, sehinggalah Allah memberi kemenangan kepada kami ke atas mereka ...", iaitu pada ketika beliau mengetahui tentang wujudnya beberapa kumpulan orang Rumawi yang sedang membuat persiapan untuk menyerang orang Islam. Pelepasan yang beliau lakukan ini adalah dengan tujuan menjaga keselamatan orang Islam daripada dikhianati oleh penduduk-penduduk tempatan itu.

Di bawah ini ada beberapa keterangan mengenai kandungan beberapa perjanjian hasil daripada penaklukan Islam yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar:

(a) Dalam perjanjian (persetujuan) damai di antara Suwaid bin Muqrin (seorang panglima perang Khalifah 'Umar) dengan penduduk Jurjan sesudah tempat itu ditakluki ialah peruntukan berikut: "Kamu adalah pihak yang membayar jizyah dan kami adalah pihak yang berkewajipan memberi perlindungan dan menjaga keselamatan. Sesiapa sahaja di antara kamu yang kami pohon bantuan dalam urusan menjaga keselamatan itu maka dia akan mendapat bayaran atas sumbangannya sebagai ganti atas cukai yang dikenakan ke atasnya ...".

(b) Manakala dalam perundingan-perundingan di antara utusan-utusan Khalifah 'Umar, iaitu Abdul Rahman bin Rabi'ah dan Suraqah bin 'Amru dengan Raja al-Bab terdapat perbincangan seperti berikut: Raja al-Bab telah bertitah: "Dengan selesainya perjanjian ini maka mulai hari ini beta adalah sebahagian daripada tuan-tuan, dan tangan beta akan terus saling berpegang dengan tangan tuan-tuan, dan kami akan membayar kepada tuan-tuan ... , semoga tuan-tuan beroleh kejayaan dan dapat meneruskan rancangan yang tuan-tuan ingin lakukan itu ...".

Daripada keterangan ini, iaitu dengan cara mengemukakan dan menyebut beberapa nas perjanjian-perjanjian itu maka ia menjadi bukti yang nyata sekali bahawa jizyah itu dikuatkuasakan sebagai imbangan dan balasan kepada perlindungan dan pertahanan yang diberikan, dan diberikan pelepasan membayar jizyah itu kepada orang yang ikut serta memberikan sumbangan dalam usaha mempertahankan diri dan negara daripada serangan-serangan

pihak musuh ataupun memberi sumbangan untuk menghancurkan pihak musuh. Oleh yang demikian, bukanlah tujuan utama kutipan jizyah itu untuk menghina dan menindas, seperti yang dikatakan oleh beberapa kalangan ahli sejarah kerana yang demikian itu boleh menjejaskan sikap tolak ansur dan keadilan Islam.

Imam Abu al-Hasan al-Mawardi ada menyebutkan bahawa perjanjian-perjanjian damai di antara kaum Muslimin dengan ahli *zimmah* (orang kafir yang mendapat kehormatan beroleh perlindungan daripada orang Islam) itu adalah berlaku secara saling bersetuju dan rela di antara kedua belah pihak dengan berdasar kepada beberapa syarat tertentu yang wajib dihayati dan diikuti pada setiap masa. Dalam semua keadaan, pelaksanaannya juga adalah berdasar kepada catatan yang wujud dalam nas-nas dan syarat-syarat perjanjian itu.

Perkara 173 - Adakah Jizyah Merupakan Sumber Utama Penghasilan Negara?[20]

Sumber utama penghasilan dan pendapatan negara yang dikutip oleh 'Amru bin al-As dan para penguasa selepasnya, tidak lain daripada hasil kutipan jizyah yang telah diwajibkan sejak beberapa lama sebelum berlakunya penaklukan Islam iaitu sejak zaman Rumawi dan Byzentium yang telah dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan ke atas rakyat jelata tanpa timbang rasa dan belas kasihan sedikit pun. Di samping itu, jumlah dan kadar yang dikenakan adalah lebih besar daripada jizyah yang dikenakan oleh orang Arab, kerana pihak-pihak berkuasa yang berkenaan itu telah mengutipnya daripada semua orang dan semua peringkat lapisan rakyat jelata, tanpa sebarang perbezaan di antara yang kecil dengan yang besar, muda dengan yang tua dan lelaki dengan perempuan.

Apabila jumlah pemeluk agama Islam bertambah ramai, sama ada kerana mengejar sesuatu kepentingan atau dengan penuh keyakinan tentang kebenaran agama Islam, kutipan cukai jizyah telah merosot dan menurun begitu banyak sekali iaitu ke paras 130 000 dinar (78 000 paun Mesir) sesudah ia dipungut oleh 'Amru bin al-As pada zaman permulaan penaklukan Islam daripada jumlah 6 juta penduduk atas kadar 12 juta dinar (7 200 000 paun Mesir).[21]

Keadaan ini telah memeranjatkan para petugas dan pegawai-pegawai di wilayah tersebut hinggakan sebahagian daripada mereka terus mengutip jizyah itu tanpa mengecualikan orang yang baru memeluk agama Islam. Oleh kerana perbuatan itu didapati bercanggah dengan hukum syara' maka khalifah-khalifah tidak memberikan persetujuan kepada langkah-langkah seperti ini.

Perkara 174 - Jenis-jenis Jizyah

Jizyah itu terbahagi kepada dua bahagian:

---

20 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Dasar Politik Pencukaian*, hlm. 172

21 Lihat graf dan catatan *al- Muqrizi*, Jilid 1, hlm. 107.

(a) Jizyah ke atas setiap rakyat (lelaki); dan
(b) Jizyah secara jumlah yang dikenakan kepada semua penduduk sesebuah kampung.

Jizyah bentuk yang pertama seperti di atas yang telah berlaku di Mesir kerana ia sesuai dan selaras dengan perjanjian damai yang telah dimeteraikan di antara 'Amru bin al-'As dengan al-Muqaiqis, yang telah dipersetujui bersama bahawa setiap orang yang wajib membayar jizyah itu ialah enam juta orang walaupun yang sebenarnya jumlah mereka itu lebih ramai daripada itu, iaitu lapan juta orang semuanya. Mengikut hasil bancian yang dijalankan oleh Ibn Rifa'ah yang disebutkan dalam penyata bancian itu, terdapat lebih daripada 10 000 buah kam-pung. Di sebuah kampung yang paling kecil pun mengandungi penduduk tidak kurang daripada 500 orang yang dikenakan bayaran jizyah yang berkenaan.

Manakala para pengarang (kitab dan buku) pula kecuali sedikit sekali telah bersetuju bahawa jumlah orang yang layak membayar cukai jizyah di Mesir adalah berjumlah enam juta orang dan ini disokong pula oleh jumlah kutipan jizyah yang berjumlah 12 juta dinar, iaitu 7 200 000 paun Mesir. Jumlah ini ialah hasil daripada kutipan yang telah dilakukan oleh 'Amru bin al-'As pada tahun yang kedua daripada pemerintahannya di negeri Mesir.

FASAL TUJUH: *AL-KHARAJ*

Perkara 175 - Definisi *Al-Kharaj*

Al-Mawardi telah menerangkan bahawa dalam bahasa orang Arab perkataan *al-kharaj* itu ialah nama bagi setiap bentuk sewaan dan hasil pendapatan.

Di antara perkataan yang memberikan pengertian sedemikian ialah seperti sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud: *"Kharaj boleh juga dilakukan dalam bentuk jaminan ..."*.

Kemudian al- Mawardi telah menyebutkan ayat al-Qur'an ini (sebagai penjelasan kepada pengertian yang telah beliau sebutkan di atas):

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ خَرْجًا فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيْرٌ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّٰزِقِينَ ﴿٧٢﴾

سورة المؤمنين ٢٣ : اية ٧٢

Terjemahan: *Atau adakah (mereka menolak seruanmu itu kerana) engkau meminta kepada mereka suatu pemberian (sebagai hasil pendapatan seruanmu?) (Ini pun tidak!) Kerana engkau percaya pemberian Tuhanmu lebih baik, dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.*

(Surah al-Mu'minūn 23:72)

Al-Mawardi menyatakan lagi, yang dimaksudkan dengan perkataan *kharjan* dalam ayat di atas ialah upah dan manfaat (kepentingan). Manakala perkataan *kharaaju rabbika* (Pemberian Tuhan-mu) itu mengandungi dua pengertian, iaitu:

(a) Rezeki kurnia Tuhan-Mu di dunia ini.
(b) Ganjaran pahala Tuhan-Mu di akhirat kelak.

Ayat di atas bersamaan maksudnya dengan ayat ini:

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾

سورة القلم ٦٨ : اية ٤٦

Terjemahan: *Pernahkah engkau (wahai Muhammad) meminta sebarang bayaran kepada meraka (mengenai ajaran Islam yang engkau sampaikan) lalu mereka merasa berat menanggung bayaran itu (sehingga menjauhkan diri daripada menyahut seruanmu) ?*

(Surah al-Qalam 68:46)

Dan juga ayat Surah *'Hud'*:

يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِى ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾

سورة اهود ١١ : اية ٥١

Terjemahan: *Wahai Kaumku! Tiadalah aku meminta upah daripada kamu tentang (ajaran yang aku sampaikan) itu. Upahku hanyalah daripada Allah yang menciptakan daku; maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal (untuk mengetahui kebenaran?)*

(Surah Hūd 11:51)

Pengertian seperti di bawah ini terdapat dalam kitab kamus *al-Muhit* (karangan al-Fairuzabadi), Bab *jim fasal kha*, perkara *kharaja*: *al-kharju*: ialah *al-itawah* (cukai), seperti *kharaj* dan sama juga dengan perkataan jamaknya *akhraj*, *akhrarij* dan *akhrijah*. Maksud sabda RasululLah s.a.w.: *"Kharaj boleh dilakukan dalam bentuk jaminan"* atau *"kharaj boleh dibuat dengan jaminan"* dengan pengertian bahawa pihak pembeli seorang sahaya itu berhak mengambil manfaat daripada tenaga sahaya itu, kerana tenaga itulah yang menjadi jaminannya; misalnya seseorang itu telah membeli seorang sahaya dan menggunakan tenaganya untuk suatu masa yang tertentu kemudian didapatinya sahaya yang berkenaan ada sesuatu cacat dan 'aib, maka si pembeli itu berhak menyerah balik sahaya yang berkenaan kepada pihak penjual dan menuntut dibayar balik harganya.

Adapun manfaat yang telah diperolehinya, iaitu tenaga sahaya berkenaan, merupakan suatu benda yang halal baginya kerana ia menjadi jaminan atas pembeliannya itu.

Dalam kitab *Lisan al-Arab*[22] terdapat keterangan seperti berikut: *Al-kharj* dan *al-Kharaj* itu ialah satu perkataan sahaja, iaitu sejumlah tertentu wang dikeluarkan oleh kaum itu dalam tempoh setahun (sekali setahun). Al-

22 Ibn Manzur, *Lisan al- Arab*, Jilid 3, Perkara *Kharaj*, cetakan pertama di Babulaq, tahun 1300 H, hlm. 76.

Zujaj mengatakan *al-kharaj* itu ialah sumber (penghasilan), manakala *al-kharaj* pula ialah nama bagi wang yang dikeluarkan seagai bayaran. *Al-kharaj* pula bermakna manfaat yang diperoleh daripada tenaga seseorang sahaya lelaki atau perempuan. Perkataan *al-kharj* dan *al-kharaj* juga bermakna cukai yang dikutip daripada wang rakyat.

Pernah juga diguna perkataan seperti ini: "Si Polan itu telah mengenakan *kharaj* ke atas sahayanya" iaitu apabila kedua belah pihak tuannya bersetuju membayar cukai pada setiap bulan. Oleh yang demikian pula sahaya yang berkenaan bebas melakukan pekerjaannya sendiri dan dalam keadaan seperti ini sahaya itu dinamakan sebagai seorang sahaya yang di*kharaj*kan.

Pengertian *al-kharaj* dan *al-itawah* boleh disamakan juga dengan pengertian perkataan *akhra, akharij* dan *akhrijah.*

Al-Zujaj menerangkan selanjutnya: "Adapun *kharaj* yang telah ditetapkan oleh Khalifah 'Umar kepada al-Sawad (kawasan pedalaman seperti kawasan perkampungan dan desa) dan juga kepada tanah-tanah *al-Fay'*, ia boleh diertikan sebagai hasil kerana Khalifah 'Umar telah memerintahkan supaya tanah-tanah itu diukur dan disukat dan diserahkan (diberi milik) kepada para petani tempatan dengan syarat mereka membayar cukai tanah yang dipanggil *kharaj.* Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa *kharaj* itu juga bererti cukai tanah yang dikutip daripada wilayah-wilayah yang dikuasai secara damai, kerana *kharaj* itu juga serupa dengan *kharaj* yang diambil daripada para petani tadi".

Akhir sekali ada pula pendapat yang mengatakan bahawa jizyah juga dipanggil *kharaj*, kerana jizyah itu merupakan suatu hasil atau cukai yang diwajibkan ke atas orang zimmi itu ... .

Oleh yang demikian jelaslah bahawa *al-kharaj* itu mempunyai pengertian-pengertian seperti berikut:

(a) Upah;
(b) Hasil;
(c) Cukai (royalti);
(d) Nama bagi sesuatu pembayaran; dan
(e) Sejumlah wang yang dibayar oleh sesuatu kaum setahun sekali.

Di samping itu ada pula pihak yang berpendapat bahawa perkataan *al-kharaj* itu bukanlah berasal daripada bahawa Arab kerana ia telah disalin daripada perkataan Yunani melalui orang Byzantine (keterangan daripada *Ensiklopedia Islam*), ataupun menjadi perkataan Arab yang berasal daripada perkataan *Arami cheregia* yang memberi pengertian umum sebagai cukai.

Dalam *Ensiklopedia Islam* pula terdapat pengertian seperti berikut tentang perkataan *al-kharaj* itu: "Suatu perkataan Arab yang telah dipinjamkan oleh orang Arab daripada istilah pentadbiran Rumawi *xoqynia* yang secara umumnya bermakna cukai yang dikutip daripada orang bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam (yang sama pengertiannya dengan perkataan jizyah. Perkataan *al-kharaj* dipandang juga sebagai satu perkataan Arab asli

dengan pengertian cukai tanah dan mulai pada tahun-tahun permulaan abad pertama Hijrah maka perkataan *al-kharaj* itu dimaksudkan sebagai pengertian khusus, iaitu cukai yang dikutip daripada tanah yang diberi milik, iaitu serupa dengan perkataan jizyah yang sekarang ini hanya digunakan dengan pengertian cukai kepala".

Pada zaman keagungan Islam, iaitu pada zaman berlakunya penaklukan Islam ke atas beberapa buah negeri asing, para penduduk negeri-negeri yang berkenaan telah diberikan kebebasan memiliki serta mengusahakan tanah-tanah milik mereka dan ditetapkan bahawa pemilikan tanah-tanah itu tertakluk kepada peraturan pembayaran cukai. Oleh yang demikian pemilik-pemilik tanah yang berkenaan dikehendaki membayar suatu jumlah cukai tertentu daripada hasil tanah mereka sebagai jizyah atau cukai kepada Perbendaharaan Negara. Mereka terus dikenakan cukai seperti ini di sepanjang zaman, bahkan hingga mereka memeluk agama Islam (lihat *al-fay'*). Memang telah menjadi kebiasaan seperti ini ketika negeri-negeri berkenaan di bawah takluk kekuasaan Rumawi dan Parsi, orang Arab masih terus memakai kaedah kutipan cukai mengikut peraturan lama dalam masalah kutipan cukai. Oleh yang demikian kutipan cukai dalam bentuk bijian gandum dan bahan makanan lainnya telah dilakukan di wilayah-wilayah serta kawasan desa malah di-kawasan-kawasan pekan. Namun, beberapa kalangan pegawai mukim telah melakukan kutipan cukai melalui wang tunai. Akibatnya Perbendaharaan Negara telah beroleh hasil yang lumayan daripada sumber ini, terutama sekali dalam abad pertama Hijrah.

Kita dapati pada zaman permulaan Kerajaan 'Abbasiyah ada beberapa orang ulama terkemuka (seperti Abu Yusuf al-Khasaf dan Yahya bin Adam) menyimpulkan hadis-hadis Nabi dan peraturan-peraturan syara' mengenai masalah *kharaj* sambil menyusunnya di dalam beberapa bab khusus dalam kitab-kitab karangan mereka.

Undang-undang khusus yang berkaitan dengan masalah kutipan cukai *al-kharaj* merupakan satu masalah yang sangat penting pada zaman itu. Tetapi sesudah rakyat negeri-negeri yang dapat ditakluki itu menganut agama Islam secara menyeluruh, maka mereka telah diberi pengecualian daripada membayar *kharaj* itu secara beransur-ansur dan diputuskan bahawa mereka cukup hanya membayar cukai *'usyur* (10 peratus) daripada penghasilan tanah sahaja (sila lihat perkara *'usyur*). Kemudian pemakaian sistem *kharaj* pun dibatalkan sama sekali. Oleh sebab itulah kita tidak temui lagi huraian dan perbincangan mengenai masalah *kharaj* ini dalam kitab-kitab fiqh zaman mutakhir ini kecuali beberapa hukum yang terperinci mengenai cukai individu ataupun "cukai kepala". Hukum-hukum yang berkenaan dengan *kharaj* tidak disebutkan lagi kecuali secara sepintas lalu sahaja, ataupun bolehlah dikatakan mereka (para *fuqaha*) telah melupakannya langsung. Namun demikian, kita boleh merujuk kepada kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah* iaitu sebuah kitab khusus membicarakan hukum-hukum tentang masalah *kharaj* secara terperinci.

Walau bagaimanapun perkataan *kharaj* ini telah pun dipakai dalam kitab suci al-Qur'an dan juga hadis-hadis Nabi s.a.w. dan menjadi sebutan biasa

dalam masyarakat Arab sebelum era penaklukan Islam lagi. Di antara sekian banyak hadis yang menyebutkan perkataan *kharaj* itu ialah sabda RasululLah s.a.w. (ketika beliau merasmikan Pasar Madinah):

هذا سوقكم لاخراج عليكم فيه

Terjemahan: *Ini pasar kamu sendiri, dan kamu tidak akan mendapat kutipan cukai (kharaj) di sini ... .*

Perkara 176 - *Al-Kharaj* Sebagai Sumber Pendapatan

Al-kharaj merupakan sumber pendapatan negara yang penting. Dalam huraian yang lalu kita telah sebutkan bahawa *kharaj* itu adalah dikutip sebagai hasil tanah daripada orang musyrik yang telah berdamai dengan negara Islam. Khalifah-khalifah Islam telah melantik pegawai-pegawai dan petugas-petugas khas untuk mengutip *kharaj* yang merupakan sumber hasil utama untuk membayar gaji tentera dan juga perbelanjaan pentadbiran awam dan kebajikan masyarakat; manakala wang yang baki lagi itu dihantar ke Perbendaharaan Negara dan khalifah berkuasa membelanjakannya untuk melaksanakan projek-projek tertentu.

Abu Yusuf telah memberikan garis panduan dalam kitabnya *al-Kharaj* berkenaan beberapa sifat yang perlu dimiliki sebagai syarat kelayakan bagi pegawai-pegawai dan petugas untuk mengutip *kharaj*, dengan mengatakan: "Hendaklah pegawai dan petugas berkenaan seorang ahli dalam hukum fiqh dan juga seorang yang alim (mempunyai ilmu pengetahuan secukupnya), juga suka bertukar-tukar fikiran dengan cendekiawan, sentiasa dapat mengawal diri daripada melakukan maksiat, tidak gentar kepada cacian orang dalam menjalankan tugas kerana Allah dan juga tidak dibimbangkan berlaku zalim jika membuat sesuatu keputusan".

Perkara 177 - Prinsip Pengisytiharan Harta

Urusan mengutip cukai *kharaj* biasanya diawasi sendiri oleh khalifah-khalifah, yang juga kerapkali mengambil tindakan tegas ke atas beberapa orang pegawai yang cuai dan curang dalam menjalankan tugas mereka. Untuk mengawal daripada berlakunya kecurangan dalam kutipan cukai, Khalifah 'Umar telah memperkenalkan satu sistem dan kaedah yang dipanggil sebagai "Sistem Bersumpah" iaitu diperiksanya dengan teliti terlebih dahulu harta kepunyaan seseorang calon pegawai yang akan dilantik untuk mengutip cukai, yang juga diikuti dengan memaksa mereka membayar balik wang yang diperoleh secara tidak jujur semasa menjalankan tugas itu, pada ketika akan bersara atau dipersarakan, iaitu penghasilan yang tidak seimbang dengan gaji mereka. Berdasarkan sistem atau kaedah ini jugalah Muawiyah telah membayar balik kepada Jabatan Perbendaharaan (Baitulmal) separuh daripada jumlah cukai yang dipungutnya.

Perkara 178 - Kebebasan Mengutip *Kharaj*

Tidak Sahnya Hukum Memberi Kebebasan kepada Pegawai untuk Mengutip Kharaj daripada Segi Hukum Syara'

Sesungguhnya prinsip memberikan kebebasan penuh kepada para pegawai untuk mengutip *kharaj* itu adalah tidak sah mengikut hukum syara' kerana setiap pegawai itu merupakan seorang petugas yang wajib bersikap amanah dan menunaikan apa juga amanah yang perlu ditunaikan dan menyampaikan apa yang dapat dikutipnya kepada pihak yang berkenaan. Maka dengan sikap amanah itu tidak sepatutnya ia mengurangkan hasil kutipannya dan dia tidak berhak memiliki pendapatan yang berlebihan.

Perkara 179 - Sikap Para Sahabat Terhadap Prinsip Kebebasan Kutipan *Kharaj*?

Sesungguhnya para sahabat pada zaman permulaan Islam sangatlah bersikap keras dalam melarang dan menentang perbuatan memberi kebebasan mengutip *kharaj*; tetapi keadaan tersebut berubah setelah sistem khalifah menjadi sistem beraja yang berdasarkan keturunan. Oleh yang demikian, beberapa orang khalifah telah memberikan hak kebebasan penuh kepada beberapa orang pegawainya untuk mengutip *kharaj*. Pegawai-pegawai itu berhasil memperoleh pendapatan tambahan yang agak lumayan. Di samping itu pula pegawai-pegawai yang berkenaan diberi hak mengutip *kharaj* dalam wilayah kekuasaan mereka untuk kepentingan diri mereka sendiri mengikut penilaian dan perhitungan mereka dan berhak pula menggunakan wang yang lebih itu untuk diri mereka sendiri. Di antara penguasa yang paling terkenal memberikan hak kebebasan mengutip *kharaj* kepada pegawai-pegawainya ialah Yahya bin Barmak.[23]

Perkara 180 - Masalah *Kharaj* Mengikut Pandangan Ahli-ahli Ilmu Fiqh Islam

Kharaj ialah cukai yang dipungut daripada hasil tanah yang telah ditakluki oleh kaum Muslimin baik dengan kekerasan ataupun dengan cara damai. Abu Yusuf berpendapat bahawa *kharaj* ialah *al-fay'* juga. Beliau mengatakan adapun *kharaj* itu ialah *al-fay'* di sisi kita iaitu *kharaj* daripada tanah, walLahua'lam, kerana Allah berfirman di dalam Kitab Suci-Nya:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ . . .

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

23 *Percukaian dan Masyarakat Sosialis Arab*, Jilid 1, mulai hlm. 663.

Terjemahan: *Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar dan desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, bagi kaum kerabat (RasululLah), anak-anak yatim, orang miskin serta orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya daripada kalangan kamu ... .*

(Surah al-Hasyr 59 : 7).

Abu Yusuf mengatakan: "Hukum ini, walLahua'lam, adalah untuk orang beriman yang datang sesudah para sahabat itu hinggalah ke Hari Akhirat kelak. Bilal telah mendesak Khalifah 'Umar r.a. supaya membahagi-bahagikan harta *al-fay'* yang telah dikurniakan Allah kepada mereka yang berasal dari negeri Iraq dan Syam. Seterusnya mereka mendesak lagi. Bahagikanlah tanah-tanah itu di kalangan anggota-anggota tentera seperti dibahagikan harta *ghanimah* kepada anggota tentera ...", tetapi Khalifah 'Umar menolak desakan mereka itu.

Abu 'Ubaidah berpendapat bahawa cukai jizyah juga terdapat dalam harta *al-fay'* kerana *kharaj* itu dikutip daripada hasil tanah dan jizyah dikutip berdasarkan jumlah kepada manusia; manakala tanah dan harta-harta yang seumpamanya yang diberikan Allah sebagai harta *al-fay'* adalah juga sebahagian daripada harta yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka hasil kejayaan dan kemenangan mereka mengalahkan musuh mereka.

Berdasarkan penjelasan di atas maka harta *al-fay'* itu tidaklah khusus dengan *kharaj* sahaja, tetapi ia mengandungi *kharaj* dan juga jizyah. Ini selaras dengan pandangan Abu Yusuf yang mengatakan bahawa *al-fay'* itu ialah *kharaj* juga kerana ia tidak boleh dibahagikan di kalangan anggota tentera yang menyertai pertempuran, tetapi tanah itu dipegang terus di bawah kawalan pemerintah dan dibelanjakan wang hasil *kharaj*nya untuk kepentingan kaum Muslimin pada setiap zaman, mengikut ketetapan pandangan Khalifah 'Umar mengenai tanah negeri Iraq dan Syam. Demikian juga halnya dengan jizyah itu dikenakan khusus ke atas orang kafir *zimmi* yang menjadi pemilik asal tanah-tanah yang ditawan oleh kaum Muslimin. Masalah penaklukan tanah ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis hukum, iaitu:

1. Tanah yang para pemilik asalnya memeluk agama Islam, maka tanah itu tetap menjadi hak milik mereka, dan mereka wajib membayar cukai $^1/_{10}$ daripada pendapatannya, iaitu sebagai zakat, bukan *kharaj*.

2. Tanah yang telah ditakluk secara damai dengan dikenakan bayaran *kharaj* yang termaklum, maka bayarannya ialah mengikut persetujuan yang telah dicapai dengan para penduduk tempatan yang mereka tidak wajib membayar lebih daripada itu.

3. Tanah yang telah ditakluki dengan cara kekerasan, dan telah berlaku perbezaan di antara ulama kaum Muslimin, seperti berikut:

(a) Sebahagian mereka berpendapat cara penyelenggaraannya sama dengan penyelenggaraan harta *ghanimah*, iaitu hendaklah dibahagikan secara *khumus* (dibahagi kepada lima bahagian), dan empat per limanya dibahagikan kepada anggota tentera yang telah menyertai peperangan, manakala satu per lima bahagian yang masih tinggal lagi itu dibahagikan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya.

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَ
ٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ . . .

سورة الأنفل ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu per limanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, untuk Rasul-Nya, untuk kerabat (RasululLah), anak-anak yatim, orang miskin, serta ibnu-sabil (orang musafir yang terputus perbelanjaan) ... .*

(Surah al-Anfāl 8:41)

(b) Sebahagian mereka yang lain pula berpendapat bahawa hukum dan keputusan mengenai pembahagiannya adalah terserah kepada budi bicara Imam (Ketua Negara). Sekiranya Imam berpendapat bahawa harta itu hendaklah dijadikan sebagai *ghanimah* dengan mengenakan *khumus*nya dan membahagikannya seperti yang telah dibahagikan oleh RasululLah s.a.w. di Khaibar, maka dia berhak berbuat demikian; dan jika Imam berpendirian untuk menjadikannya sebagai harta *al-fay'* dan tidak mahu mengenakan *khumus* dan tidak mahu membahagikannya, dan supaya dia dijadikan harta wakaf untuk kepentingan seluruh kaum Muslimin, seperti yang telah dilakukan oleh Khalifah 'Umar di al-Sawad, iaitu tanah al-Jazirah di Iraq, dan tanah itu dipanggil *al-sawad* kerana tanah itu adalah tanah pertanian yang diteduhi oleh bayang pokok dan tanaman, maka ia kelihatan hitam berlainan dengan tanah putih, kerana ia tanah yang kering kontang tanpa sebarang tumbuhan.

Abu Yusuf telah mengatakan bahawa beliau telah diceritakan oleh al-Laith bin Sa'ad daripada Habib bin Abi Thabit, katanya: "Bahawa para sahabat RasululLah s.a.w. dan satu kumpulan kaum Muslimin mahukan supaya Khalifah 'Umar bin al-Khattab membahagikan tanah di negeri Syam sama seperti RasululLah s.a.w. membahagikan tanah di Khaibar. Orang yang kuat sekali mendesak Khalifah 'Umar supaya berbuat demikian ialah al-Zubir bin al-Awam dan Bilal bin Rubah". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Adakah kamu mahu supaya kita tidak meninggalkan sebarang bahagian untuk kaum Muslimin sesudah kita kelak?" Kemudian beliau berkata lagi: "Ya Tuhanku! Çukuplah setakat itu desakan Bilal dan sahabat-sahabatnya ...". Perawi pun mengatakan:

"Maka kaum Muslimin pun berpendapat bahawa wabak taun yang menimpa mereka, iaitu Bilal dan sahabat-sahabatnya itu, di Amwas adalah hasil daripada doa Khalifah 'Umar yang membuat keputusan bahawa penduduk negeri Syam itu dianggap sebagai orang kafir *zimmi* yang mesti membayar *kharaj* kepada kaum Muslimin ...".

Telah dirawikan daripada Ibrahim al-Taimi, katanya, apabila kaum Muslimin menakluk al-Sawad, mereka berkata kepada Khalifah 'Umar: "Bahagikanlah tanah ini kepada kami, kerana kami telah menakluknya dengan kekerasan", tetapi Khalifah 'Umar enggan memenuhi desakan mereka lantas menjawab: "Kalau begitu apakah lagi yang dapat kita tinggalkan kepada orang selepas kita (iaitu orang Islam). Memang saya bimbang untuk membahagikannya takut-takut kamu akan berkelahi mengenai pembahagian air iaitu bekalan air untuk bertanam nanti setiap orang ingin hendak mendapatkan bekalan air yang mencukupi ...". Maka Khalifah 'Umar pun memerintahkan supaya penduduk asal al-Sawad menetap di situ, mengerjakan tanahnya dengan dikenakan membayar cukai jizyah dan cukai *kharaj* atas tanah mereka, dan beliau tidak membahagikan tanah itu kepada anggota tentera yang berkenaan.

Khalifah 'Umar juga telah menulis surat kepada Sa'ad bin Abi Waqas pada hari penaklukan Iraq, seperti berikut: "Sesungguhnya saya telah menerima surat anda yang menyatakan bahawa orang ramai mendesak supaya dibahagikan *ghanimah* kepada mereka, supaya harta *al-fay'* yang telah dikurnia oleh Allah dibahagikan kepada mereka. Maka lihatlah berapa banyakkah harta yang telah mereka peroleh dan bahagikanlah di antara mereka kecuali tanah dan sungai-sungainya, biarkanlah menjadi milik para pengusahanya supaya tanah itu menjadi harta seluruh kaum Muslimin. Ini kerana kalau kita bahagikan tanah itu di antara orang yang menyertai perang ini nescaya tiada suatu pun yang baki untuk orang kemudian ...".

Abu Yusuf mengatakan: "Saya telah mendapat perkhabaran daripada beberapa orang ulama Madinah, kata mereka, apabila Khalifah 'Umar dikunjungi oleh suatu kumpulan tentera dari Iraq yang dipimpin oleh Sa'ad bin Abi Waqas, penasihat Nabi Muhammad s.a.w. mengenai pembahagian tanah yang telah dikurnia oleh Allah sebagai harta *al-fay'* di negeri Iraq dan Syam, maka satu kumpulan mereka bersuara supaya semua harta yang mereka rampas dan tanah yang mereka takluki itu dibahagikan kepada mereka sebagai hak mereka". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Kalau begitu bagaimanakah pula nasib orang Islam yang lahir selepas zaman kita, yang mendapati bahawa tanah yang dahulunya dikerjakan oleh orang bukan Arab itu telah dibahagikan dan dijadikan tanah pusaka yang diwarisi. Permintaan seperti itu bukanlah satu pendapat yang baik ...".

Maka Abdul Rahman bin 'Auf pun mencelah: "Kalau begitu apakah pendapatnya? Sebenarnya tanah dan orang bukan Arab itu tidak lain daripada harta *al-fay'* yang telah dikurniakan Allah kepada mereka...".

Khalifah 'Umar pun menjawab: "Memang benarlah seperti yang anda katakan itu tetapi saya tidak berpendapat begitu. Demi Allah tiada lagi sebuah negeri yang ditakluk selepas zamanku ini yang mempunyai penghasilan yang besar seperti tanah ini, bahkan (kalau dibahagikan) ia akan menjadi suatu beban kepada kaum Muslimin ...".

Maksud ucapan Khalifah 'Umar seperti itu ialah: "Bahawa negeri yang baru ditakluki seperti Iraq dan Syam itu merupakan negeri yang paling kaya dengan hasil mahsulnya. Mana-mana jua negeri yang akan dapat ditakluki selepas zamannya mungkin tidak mempunyai hasil dan kekayaan seperti yang terdapat di negeri Iraq dan Syam, bahkan mungkin memerlukan pertolongan daripada negeri yang lain". Dengan demikian kalaulah tanah negeri Iraq dan Syam itu dibahagi bersekali dengan penduduknya daripada kalangan orang bukan Arab, maka dengan apakah dapat dipertahankan keselamatan negara dan zuriat orang itu dan juga perempuan-perempuan janda di negeri ini dan juga di negeri-negeri yang lain dapat diberikan wang saraan? Mendengar jawapan seperti itu mereka terus juga mendesak Khalifah 'Umar dengan mengatakan: "Adakah patut anda hendak mewakafkan harta yang telah Allah kurniakan sebagai harta *al-fay'* kepada kami kepada orang yang tidak hadir menyertai peperangan dan juga kepada anak cucu orang yang tidak pernah hadir di medan perang? ...". Tetapi Khalifah 'Umar tetap berpendirian tegas dengan mengatakan bahawa desakan itu merupakan satu pandangan sahaja dan bukan satu kesimpulan hukum.

Khalifah 'Umar pun tetap memegang pendirian itu. Maka perawi pun menyambung ceritanya lagi: "Maka Khalifah 'Umar pun bermesyuarat dengan orang Muhajirin angkatan pertama mengenai masalah ini tetapi mereka tidak mencapai sebarang kata sepakat kerana Abdul Rahman bin 'Auf tetap dengan pendiriannya supaya tanah itu dibahagikan kepada mereka, sedangkan Sayidina 'Uthman, 'Ali dan Talhah serta Ibn 'Umar bersetuju dengan pandangan Khalifah 'Umar. Kemudian Khalifah 'Umar pun mengirim utusan untuk menjemput 10 orang puak Ansar, iaitu lima orang daripada kalangan puak Aus dan lima orang daripada kalangan puak Khazraj[24], iaitu daripada kalangan ketua masyarakat mereka". Sesudah mereka berkumpul, maka Khalifah 'Umar pun memuji Allah dan membuka majlis itu serta berucap: "Sesungguhnya saya tidak bermaksud hendak memeranjatkan kamu selain daripada hendak mengajak kamu menyertai saya dalam menunaikan amanah yang tidak dipikulkan ke atas bahu saya tentang urusan kamu semua, sebab saya hanyalah seorang manusia biasa seperti kamu juga. Kamu semua pada hari ini sedang menghadapi kebenaran, kerana saya telah ditentang oleh orang yang menentangku dan disetujui oleh orang yang bersetuju denganku. Sama sekali saya tidak bermaksud meminta kamu mengikut kecenderungan dan fikiranku kerana Allah yang sentiasa bercakap benar tetap berada bersama-sama kamu. Sesungguhnya saya tidak bercakap mengenai sesuatu perkara yang saya kehendaki, melainkan kerana hendak menegakkan kebenaran jua ...". Maka para hadirin pun menjawab: "Memang kami dengar dengan baik ucapan Amir al-Mukminin itu". Lalu Khalifah 'Umar pun meneruskan ucapannya dengan berkata: "Tentu kamu telah mendengar percakapan kaum yang telah mendakwa saya telah menzalimi hak mereka, sedangkan saya sentiasa mohon perlindungan Allah daripada melakukan sesuatu perbuatan zalim dan aniaya, sebab kalaulah saya menzalimi mereka di dalam sesuatu perkara dan saya berikan hak mereka kepada

24 Kita telah kemukakan sebuah riwayat yang hampir sama dengan riwayat ini berkenaan masalah ini.

orang lain maka bererti saya telah melakukan kejahatan. Tetapi saya berpendapat bahawa tiada lagi satu tanah pun yang dapat ditawan dan ditakluki selepas tanah milik Kasar ini kerana sesungguh-nya Allah telah memberikan kita *ghanimah* daripada harta, tanah dan para pekerja mereka. Maka saya telah pun bahagikan kepada mereka harta *ghanimah* yang mereka peroleh itu kepada pihak yang berhak menerimanya. Saya juga telah mengeluarkan bahagian satu per limanya dengan membahagikannya mengikut tempatnya dan saya sedang membahagikannya (belum selesai masih ada sebahagiannya dalam tangan saya lagi). Saya telah berfikir untuk menahan pembahagian tanah bersama para pekerjanya itu dengan mengenakan cukai *kharaj* dan cukai jizyah atas setiap mereka sebagai bayaran *al-fay'* kepada kaum Muslimin. Ini termasuk anggota-anggota tentera dan anak cucu mereka nanti dan orang yang lahir pada zaman akan datang. Adakah anda semua dapat memikirkan perihal tanah dan kawasan yang sangat luas itu, yang tentunya memerlukan kepada orang yang mengusahakannya?"

"Adakah anda tidak memikirkan perihal bandar-bandar besar seperti Syam, al-Jarizah, Kufah, Basrah dan Mesir? Semua bandar itu mesti dipenuhi dengan tentera dan pengawal keselamatan, yang semuanya mesti dibayar upah dan gajinya. Oleh itu daripada manakah kita dapat membayar gaji mereka kalau semua tanah dan para pekerja itu dibahagikan kepada anggota tentera?"

Lantas mereka semua pun menjawab: "Memang benar dan tepat sekali fikiran dan pendapat anda itu. Pendapat itulah yang terbaik, sebab kalau kawasan yang luas itu bersama pelaburan dan bandarnya tidak dipenuhi dengan tentera dan pegawai-pegawai pemerintah menjalankan tugas yang menyebabkan semua orang gerun, tentu sekali orang kafir akan menguasai semula semua tempat dan bandar itu ...". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Sekarang sudah jelaslah masalahnya (iaitu saya sudah dapat mengenal pasti sikap yang benar dan dapat membuat keputusan serta kesimpulan yang tegas dalam masalah ini). Kalau begitu, siapakah orangnya yang sanggup menjalankan tugas mentadbir masalah tanah dan para pekerja itu? ...". Maka para hadirin pun sepakat untuk memilih Uthman bin Hunaif untuk menjalankan tugas itu sambil mengatakan bahawa dia mempunyai fikiran dan pandangan jauh dan mempunyai pengalaman yang banyak. Maka Khalifah pun mencari dan melantiknya menjadi pengurus dan pentadbir tanah al-Sawad itu. Dengan tercapainya persetujuan itu maka seluruh kaum Muslimin pun sepakat untuk menahan tanah itu dengan mengenakan cukai *kharaj* dan keputusan tersebut membawa kebajikan serta keberkatan kepada mereka semua pada zaman itu dan juga pada zaman akan datang.

Perkara 181 - Kajian Tentang Hasil Tanah *(Kharaj)* Negeri Mesir pada Zaman Pemerintahan Khalifah 'Umar bin Al-Khattab (23 Hijrah = 644 Masihi)

Setelah selesai urusan penaklukan Mesir, maka 'Amru bin al-'As pun memberikan perhatian kepada masalah kewangan negeri itu. Namun demikian, dalam

tahun pertama beliau hanya berhasil mengutip sejumlah wang yang tidak lebih daripada satu juta dinar sahaja (600 000 paun Mesir),[25] sedangkan al-Muqauqis sebelumnya telah mengutip sejumlah 20 juta dinar iaitu 12 juta paun Mesir.

Jumlah kutipan jizyah yang sangat berkurangan ini telah menimbulkan kemarahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab hingga berlakulah surat-menyurat yang panjang lebar di antara beliau dengan 'Amru bin al-'As, sebahagiannya seperti berikut:

Perkara 182 - Surat Khalifah 'Umar bin Al-Khattab kepada Amru bin Al-'As

Selamat sejahtera diucapkan kepada anda. Sesungguhnya saya memuji Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Maka saya sendiri merasa pelik berkenaan banyak sekali jumlah surat-surat saya kepada anda tentang kelembapan dan kelambatan anda dalam urusan mengutip *kharaj* dan juga surat anda yang menerangkan beberapa kesulitan yang terpaksa dihadapi. Anda tentu sekali sudah maklum bahawa saya tidak reda dengan sikap anda kecuali atas dasar kebenaran yang nyata, dan saya tidak mengutus anda ke Mesir untuk mencari makan untuk diri kamu, tetapi justeru untuk anda menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh mengutip *kharaj* dan menjalankan pentadbiran yang cekap. Sebaik sahaja sampai surat saya maka bawalah *kharaj* itu kerana ia adalah harta *al-fay'* untuk seluruh kaum Muslimin, kerana seperti anda sudah maklum saya sedang dikerumuni oleh suatu kaum yang terkurung. Wassalam.

Maka Amru bin al 'As pun menjawab surat seperti itu seperti berikut: "Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Kepada 'Umar bin al-Khattab daripada Amru bin al-'As. Selamat sejahtera untuk anda. Sesungguhnya saya memuji Allah yang tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Sesungguhnya saya menerima surat Amir al-Mu'minin yang menegur kelembapan saya (menganggap saya bersikap lembap) dan mendakwa saya berdegil daripada melaksanakan kebenaran dan menyeleweng daripada jalan yang betul. Demi Allah bukanlah saya enggan menjalankan tugas yang anda maklum itu, tetapi rakyat jelata yang meminta tangguh menjelaskan bayaran itu sehingga hasil mereka dapat dipungut. Oleh sebab itulah saya telah memberikan pertimbangan kepada kaum Muslimin kerana saya dapati bahawa bersikap lembut kepada mereka adalah lebih bijak daripada menekan mereka, hingga menyebabkan mereka menjual barang-barang keperluan mereka". Wasallam.

Dalam kitab Ibn Abdul Hakam beliau menyatakan:[26] "Kami telah diceritakan oleh Hisyam bin Ishak al-'Amiri katanya, Khalifah 'Umar bin al-Khattab telah menulis surat kepada Amru al-'As memerintahkannya supaya bertanya kepada al-Muqauqis mengenai hal ehwal negeri Mesir, mengenai daripada manakah datangnya sumber kemakmuran dan kemelesetannya". Maka sesudah ditanya oleh Amru akan hal itu, al-Muqauqis pun menjawab bahawa kemakmuran dan kemelesetannya bersumber daripada lima sebab:

---

25 Rujuk al-Kin, dalam kitab *Fadail Misr*, hlm. 201 dan Abu Salih.
26 Rujuk kitab Ibn Abdul Hakam, hlm.161.

(a) Bahawa kutipan *kharaj*nya dilakukan pada suatu masa sahaja ialah apabila rakyat jelata selesai menuai dan memungut hasil pertanian mereka.

(b) Bahawa diberi kelonggaran membayar *kharaj* itu pada suatu masa secara sekali gus, iaitu sesudah rakyat selesai daripada memerah hasil anggur mereka.

(c) Pihak berkuasa hendaklah menggali parit dan tali air untuk mengairi bendang mereka setiap tahun.

(d) Pihak berkuasa juga perlu menutup (membina) dan memperbaiki jambatan serta sistem perparitannya.

(e) Jangan diterima (berlembut) kepada rakyat yang menderhaka, sebab kalau dijalankan sikap seperti ini nescaya negeri jadi makmur, tetapi jika sebaliknya negara akan menghadapi kemelesetan.

Manakala Khalifah 'Umar menegur Amru bin al-'As atas sikapnya melambatkan kutipan hasil *kharaj*, maka dia pun menulis kepada Amru supaya dihantar seorang rakyat Mesir ke Madinah. Maka Amru pun mengirimkan seorang bangsa Qibti yang agak berumur dan Khalifah 'Umar pun meminta laporan orang yang berkenaan mengenai keadaan negeri Mesir dan juga mengenai kutipan hasil *kharaj*nya sebelum zaman Islam. Maka orang itu pun memberi keterangan seperti berikut: "Wahai Amir al-Mu'minin! Biasanya kutipan *kharaj* itu tidak boleh dilakukan kecuali sesudah negara berada dalam keadaan makmur, sedangkan petugas anda tidak memandang kepada faktor kemakmuran rakyat itu tetapi bertindak mengikut keadaan yang lahir dan nampak di mata kasar sahaja seolah-olah dia mahu mengutip *kharaj* itu untuk satu tahun sahaja". Maka Khalifah 'Umar pun faham akan penerangan orang yang berkenaan dan memaafkan sikap Amru yang pada mulanya dianggapnya sebagai cuai menjalankan tugas.

Perkara 183 - Jumlah Kutipan *Kharaj*

Berdasarkan riwayat al-Balazuri, bahawa kutipan *kharaj* di Mesir pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab telah mencapai jumlah 3 300 000 paun Mesir, manakala berdasarkan riwayat Ibn Abdul Hakam jumlahnya ialah 716 000 paun Mesir, manakala mengikut riwayat al- Ya'kubi pula jumlahnya ialah 420 000 paun Mesir.

Perkara 184 - Perbezaan di Antara Harta *Al-Fay'* dengan Zakat

Perbezaannya ialah peruntukan harta-harta zakat itu adalah terbatas kepada orang yang telah ditetapkan dalam ayat suci al-Qur'an:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan) pada jalan Allah, orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah 9 : 60)

Manakala harta-harta *al-fay'* pula boleh digunakan untuk perbelanjaan kepentingan umum masyarakat kaum Muslimin dan penentuannya hendaklah dilakukan melalui ijtihad. Ia juga boleh digunakan untuk perbelanjaan membayar gaji anggota tentera, membayar gaji hakim-hakim dan juga guru-guru dan semua kakitangan kerajaan yang bertugas dalam bidang perkhidmatan awam.

Perkara 185 - Bagaimanakah Khalifah 'Umar Membezakan Tanah yang Diambil Secara Kekerasan dengan Tanah yang Dirampas Tanpa Kekerasan (Damai)? Adakah Gugur Kutipan *Kharaj* pada Tanah Jenis Pertama dan AdakahPernah Berlaku Sebarang Pindaan ke Atas Tanah Jenis Kedua?

Al-Balazuri telah menyebutkan dalam kitab *Futuh al Buldan* seperti berikut: Seorang lelaki telah datang menghadap Khalifah 'Umar bin al-Khattab lantas berkata: "Saya sudah masuk Islam. Oleh sebab itu angkatlah (beri kebebasan kepada) saya daripada kewajipan membayar *kharaj*.". Maka Khalifah pun menjawab: "Tidak boleh kerana tanahmu itu telah dirampas dengan menggunakan kekerasan ...".

Yahya bin Adam merawikan bahawa seorang lelaki lain pula telah datang menghadap Khalifah 'Umar sambil mengatakan: "Sesungguhnya tanah di kawasan anu itu berupaya membayar hasil yang lebih tinggi daripada jumlah yang dikutip daripada mereka ...". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Kita tidak berhak berbuat begitu kerana tanah itu telah termasuk dalam syarat perjanjian di antara kita dengan mereka ...".

Dengan jawapan seperti itu maka Khalifah 'Umar memberikan perbezaan di antara dua perkara itu, iaitu bagi tanah yang dirampas dengan kekerasan tidak gugur *kharaj*nya dengan sebab masuk Islam, manakala tanah yang terikat dengan perjanjian damai kadar *kharaj* itu tidak boleh ditambah daripada kadar yang sudah ditetapkan dalam syarat perjanjian itu.

Perkara 186 - Bagaimanakah Khalifah 'Umar Membuat Perbezaan di Antara Jizyah dengan *Kharaj*?

Yahya bin Adam telah merawikan bahawa seorang lelaki bernama Dahqan, seorang penduduk 'Ain al-Namir, datang mengadap Khalifah 'Umar. Maka Khalifah 'Umar berkata kepadanya: "Adapun jizyah kamu kami hapuskan. Tanah kamu adalah kepunyaan kaum Muslimin dan kalau anda mahu, kami masih boleh memberi kepada anda mengerjakannya serta menjadikan anda sebagai ketua pelayan kami ...".

Jawapan Khalifah 'Umar yang terakhir itu menjadi nas yang membezakan di antara jizyah dengan *kharaj*.

FASAL LAPAN: *AL-'USYUR*

Perkara 187 - *Al-'Usyur* pada Zaman Yunani, Parsi, Roman dan Mesir di Bawah Pemerintahan Firaun

Di antara peraturan kewangan yang biasa dilaksanakan mengikut Dasar Kewangan Negara ialah mengenakan cukai-cukai tertentu ke atas komoditi atau barang perdagangan ahli *al-zimmah* (orang kafir *zimmi*) dan juga ahli *al-harb* (orang kafir harbi yang bermusuhan dengan negara Islam) yang membawa komoditi atau barangan perdagangan mereka melalui negara Islam.

Al-'usyur ialah cukai-cukai yang dikenakan ke atas komoditi perdagangan yang dieksport ke luar atau diimport ke dalam negara Islam.

Peraturan mengutip cukai *'usyur* ini telah pun berlaku di kalangan orang Yunani dan Rumawi semenjak zaman purba lagi, kerana orang Yunani (di bawah kekuasaan kerajaan republik di Athens) telah mengenakan kutipan cukai dua peratus yang dinamakan cukai komoditi dan bahan-bahan keluaran asing.

Keadaan yang serupa juga berlaku di kalangan orang Parsi dan Mesir Purba, yang kutipan cukai jenis ini telah berjalan dengan aktifnya hinggakan penghasilan negara Mesir telah bertambah begitu pesat sekali pada zaman penjajahan Rumawi ke atas negara itu akibat beberapa pembaharuan dan peraturan yang telah diperkenalkan oleh pihak berkuasa Rumawi dalam bidang kewangan negara. Keadaan itu juga adalah akibat daripada maju dan lancarnya hubungan dagang di antara Mesir dengan negeri al-Naubah yang telah berjalan sebelum itu, kerana orang al-Naubah telah mengeksport pelbagai jenis komoditi dan barangan yang bermutu tinggi ke negeri Mesir, yang kemudiannya dieksport pula oleh orang Mesir ke seluruh dunia.

Mesir pula telah memperoleh sumber penghasilan daripada pelbagai jenis cukai, seperti cukai eksport dan import, kerana pelabuhan Iskandariah pada zaman purba termasuk sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang penting. Ia merupakan satu-satunya tempat persinggahan bagi hasil-hasil eksport dan import di samping menjadi pengkalan bagi mengirimkan perbekalan kepada beberapa buah negara lain.

Perkara 188 - *Al-'usyur* pada Zaman Islam

Setelah Islam memegang kekuasaan, iaitu pada zaman pemerintahan Amir al-Mu'minin, 'Umar bin al-Khattab, beliau telah menguatkuasakan kutipan cukai *'usyur* ini, yang belum dikutip pada zaman pemerintahan RasululLah s.a.w. dan pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar. Hal ini kerana perkembangan negara Islam pada ketika itu dan juga suasana semasa di peringkat permulaan pembentukan negara itu belum mengizinkan kutipan cukai seperti itu. Sedangkan pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar kawasan-kawasan dan wilayah-wilayah yang dikuasai telah bertambah luas dan penghasilan daripada perdagangan dan perniagaan merupakan satu sumber rezeki yang sedang berkembang dengan pesatnya di seluruh wilayah dengan beroleh perlindungan negara, iaitu perniagaan yang dijalankan secara tukar-menukar barangan di antara anggota masyarakat. Dengan demikian wajarlah negara memperoleh sumbangan pendapatan daripada keuntungan perniagaan para pedagang yang berkenaan, iaitu seperti yang dilaksanakan dalam sistem ekonomi moden dengan nama cukai kastam dan eksais, dan juga dengan nama cukai pendapatan dan lain-lain.

Perkara 189 - Adakah Islam Membenarkan Kutipan Cukai Tidak Langsung Selain Cukai Langsung

Diriwayatkan daripada Ziad bin Hudair, katanya: "Saya telah dilantik oleh Khalifah 'Umar untuk menguruskan soal kutipan cukai *'usyur*, iaitu beliau (Khalifah) telah memerintahkan supaya saya mengutip sebanyak 10 peratus daripada pedagang warganegara musuh, lima peratus daripada pedagang kafir *zimmi* dan dua peratus daripada para pedagang Islam...".

Daripada keterangan di atas nyatalah pihak penggubal undang-undang Islam tidak hanya memberikan perhatian kepada masalah kutipan cukai-cukai yang langsung sahaja, tetapi telah membuat ketetapan supaya dikutip cukai-cukai yang tidak langsung ke atas barangan dan komoditi yang diimport dan yang dieksport dari negara Islam.

Abu Musa al-Asy'ari telah menulis surat kepada Khalifah 'Umar r.a.[27] memberi maklumat kepadanya (Khalifah) bahawa para pedagang Muslim telah pergi membawa barang dagangan mereka ke negeri musuh, maka (pihak kerajaan negeri yang berkenaan) telah mengutip 10 peratus daripada para pedagang Muslim itu; maka Khalifah 'Umar pun menjawab surat yang berkenaan dengan mengatakan: "(Kalau begitu) kutiplah cukai 10 peratus itu daripada mereka (para pedagang warganegara musuh) sama dengan kadar yang mereka kutip daripada para pedagang Muslim dan kutiplah lima peratus daripada pedagang kafir *zimmi*, manakala daripada para pedagang Muslim pula kutiplah satu dirham daripada 40 dirham, iaitu 2½ peratus.

Jawapan yang diberikan oleh Khalifah 'Umar di atas mengandungi satu prinsip yang menjadi panduan dalam sistem kutipan cukai kastam pada zaman

27 Abu Yusuf, *al-Kharaj*, hlm. 125.

moden ini, iaitu prinsip melayan pihak asing seperti mereka melayan kita ataupun *al-muamalah bil mithli.*

Perkara 190 - Bancian Cukai *Kharaj* pada Zaman Khalifah Uthman bin 'Affan

Pada zaman pemerintahan para Khalifah al-Rasyidin, dalam tahun 30 Hijrah, iaitu semasa pemerintahan Khalifah Uthman bin 'Affan, satu bancian telah dibuat tentang hasil kutipan cukai *kharaj* daripada wilayah-wilayah Iraq, Barqah, Afrika dan Cyprus, yang hasilnya adalah seperti berikut:

Jadual 3 Jumlah kutipan kharaj (dalam nilai dirham)

Wilayah	*Kharaj* dalam jumlah dirham
Iraq	135 000 000
Mesir	40 000 000
Barqah	130 000
Afrika	27 000 000
Cyprus	27 000
Jumlah	202 202 000

Iaitu sejumlah 200 juta dirham. Ini tidak termasuk *kharaj* dari Syam, al-Jazirah, Armenia, Azarbaijan dan negeri Parsi sebelah timur kawasan pedesaan Iraq, yang mempunyai senarai jumlah *kharaj*nya sendiri dan juga belum termasuk cukai (royalti) lima peratus yang disumbangkan kepada negara melalui kutipan *ghanimah* daripada semua medan pertempuran. Pendapatan ini merupakan suatu penghasilan negara yang cukup besar pada zaman pertama Islam, iaitu zaman para Khalifah al-Rasyidin.

Perkara 191 - Adakah Kementerian Kewangan itu Sama Taraf dengan Baitulmal dalam Islam?

Istilah baitulmal telah digunakan pada zaman permulaan Islam dan ia serupa dengan Kementerian Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan pada zaman ini.

Perkataan baitulmal bererti tempat mengumpul semua jenis harta yang dapat dikutip, iaitu harta yang terdiri daripada zakat, beberapa jenis *ghanimah* dan *kharaj* supaya ia terkumpul di bawah kekuasaan dan jagaan khalifah atau gabenor yang akan meletakkannya mengikut arahan Allah dalam bidang perkhidmatan orang ramai baik pada zaman perang ataupun pada masa damai.

Memang tiada sebarang keraguan bahawa istilah ini adalah suatu istilah

Islam yang belum pernah dikenal pada zaman jahiliah dahulu. Kerana dalam masyarakat jahiliah belum wujud sebuah negara pun, iaitu negara yang mempunyai seorang pemerintah atau ketua yang diberi kuasa memegang amanah mengenai harta orang ramai yang boleh dibelanjakannya untuk kepentingan umum. Hanya yang boleh digambarkan dalam sistem bersuku dan berkabilah yang bercorak jahiliah ialah seorang ketua suku atau Syeikh Kabilah dengan kekuasaan pemimpin moral itu hanya mempunyai peranan dalam menghadapi dan menyelesaikan bencana dan kesusahan yang melanda kabilah atau sukunya yang memerlukan perbelanjaan besar yang tidak mampu dipikul sendirian oleh seseorang individu dalam kabilahnya itu, iaitu seperti yang selalu berlaku dalam kes membayar *diyat* atau ganti rugi kepada orang yang terbunuh, dan juga dalam menyediakan alat-alat kelengkapan perang dan perkhidmatan umum.

Perkara 192 - Adakah Baitulmal itu Ditubuhkan Sebelum atau Selepas Hijrah?

Majoriti *fuqaha* membuat keputusan bahawa baitulmal Islam itu belum lagi ditubuhkan pada peringkat awal Islam, iaitu di Makkah sebelum RasululLah s.a.w. berpindah ke Madinah yang terkenal sebagai *Dar al-Hijrah* itu. Ini adalah berpunca daripada sebab-sebab berikut:

(a) Masyarakat Islam di Makkah merupakan sebuah masyarakat yang sangat memerlukan keamanan dan kerukunan. Mereka masih belum mempunyai syarat-syarat penting bagi pembentukan sebuah masyarakat yang sebenar, kerana kaum Muslimin di Makkah terus-menerus terpaksa menghadapi kezaliman serta perbuatan aniaya yang sangat dahsyat dan tekanan terbuka.

(b) Kebanyakan orang yang beriman kepada agama baru ini pada zaman Makkah adalah terdiri daripada orang miskin dan hamba sahaya, terutama sekali sesudah orang yang kuat dan mampu bertahan berhijrah ke Habsyah. Kumpulan orang yang seperti ini tentu sekali tidak dapat memikirkan tentang masalah mencari harta dan wang, tentang penyusunan struktur masyarakat ataupun membuat peraturan mengenai urusan wang masuk dan wang keluarnya.

(c) Sumber utama yang memberi sumbangan kepada tabung baitulmal ini ialah zakat dan harta-harta *ghanimah*. Sedangkan zakat diwajibkan ketika kaum Muslimin yang berada di Madinah sesudah hijrah dan kaum Muslimin di Makkah tidak mempunyai sebarang kekuatan yang membolehkan mereka mendapat harta *ghanimah* sebagai hasil pertempuran bersenjata di antara mereka dengan orang musyrik.

Ulama sejarah Islam memutuskan bahawa baitulmal itu belum ditubuhkan kecuali sesudah berlaku hijrah Nabi s.a.w. ke Madinah. Di Madinahlah kaum Muslimin merasa perlu dan didesak oleh keadaan untuk menubuhkan

baitulmal itu kerana di Madinahlah mereka selalu menyebutkan perkataan *al-fay'* dan selalu membincangkan masalah *kharaj* dan juga segala hukum syara' yang wajib dilakukan mengenai semua harta itu, juga mengenai tanah *kharaj* dan segala hasil mahsul yang diperoleh daripadanya baik secara damai ataupun kekerasan, dan mereka juga sering membincangkan masalah zakat dan nisabnya daripada sumber haiwan, hasil tanaman dan bahan-bahan perniagaan juga daripada emas dan perak.

Hal ini ialah kerana apabila RasululLah s.a.w. berada dalam keadaan kuat dan kukuh di Madinah dan kekuatan Islam pun mula menonjol, RasululLah s.a.w. mulalah mengirim pasukan pengawal yang mengandungi satu jumlah kakitangan yang tertentu, yang menyekat kebebasan perjalanan rombongan perdagangan Quraisy yang sentiasa bergerak di antara Makkah dengan Syam, dengan tujuan menimbulkan rasa takut di kalangan orang Quraisy itu tentang wujud dan munculnya suatu kuasa yang sedang berkembang, juga bertujuan menuntut bela atas penderitaan mereka dan saudara-saudara mereka yang masih tertindas di Makkah akibat kezaliman dan penindasan orang Quraisy.

Memang telah berlaku beberapa pertempuran di antara kaum Muslimin dengan orang Musyrik dan orang Islam telah berhasil merampas beberapa jenis pakaian musuh yang masih belum perlu diberikan perhatian berat dan panduan serta sistem khusus daripada langit melalui wahyu.

Daripada Abdullah bin 'Umar, katanya: "RasululLah s.a.w. telah mengutuskan satu pasukan kecil yang bersenjata ke negeri Najd, dan saya pun ikut serta dalam pasukan itu. Maka kami berhasil merampas beberapa ekor unta dan kambing sehingga bahagian kami menjadi dua ekor unta maka RasululLah s.a.w. telah membahagikan kepada kami seekor unta pada setiap orang".

Demikianlah keadaan yang berlaku di kalangan kaum Muslimin berkenaan harta rampasan perang hinggalah berlaku peperangan besar Badar, yang dalam peperangan itu kaum Muslimin telah berjaya mendapat harta rampasan yang sangat banyak, terdiri daripada bahan-bahan pakaian dan perhiasan, haiwan, alat-alat kelengkapan perang di samping 70 orang tawanan daripada beberapa orang pemuka dan ketua-ketua orang Quraisy.

Memang tidak diragukan lagi bahawa inilah harta kekayaan yang begitu besar dan banyak yang didapati oleh kaum Muslimin yang diberikan perhatian berat oleh RasululLah s.a.w. yang juga menyebabkan baginda mula berfikir untuk mengadakan suatu sistem dan kaedah mengenai pembahagiannya dan juga cara-cara untuk membelanjakannya.

Perkara 193 - Mengapakah Islam Menentang Menerima TebusanTawanan Perang pada Peringkat Permulaan tetapi Membenarkannya Selepas itu?

Adakah Orang Tawanan Perang Boleh Ditebus dengan Wang ataupun Dibunuh?

RasululLah s.a.w. telah bermesyuarat dengan para sahabatnya mengenai hal itu lalu tercapailah persetujuan untuk menerima wang tebusan daripada

mereka. Maka wang tebusan itu pun diterima dan dibahagikan kepada orang Islam berserta dengan harta *ghanimah* yang lain, satu hal yang menyebabkan RasululLah s.a.w. mendapat teguran dan celaan daripada Allah S.W.T. dalam Surah *'al-Anfal'* ayat 67 dan sesudahnya.

Ayat itu ialah:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا
وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾ لَّوْلَا كِتَٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ
أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

سورة الأنفل ٨ : اية ٦٧ ، ٦٨

Terjemahan: *Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kalaulah tidak (kerana) adanya ketetapan daripada Allah yang telah terdahulu, tentulah kamu ditimpa azab seksa yang besar disebabkan (penebus diri) yang kamu ambil (daripada orang tawanan) itu.*

(Surah al-Anfal 8:67 – 68)

Selepas daripada teguran yang halus ini daripada Tuhan yang Maha Pemurah maka lembaran teguran itu dilipat pada ketika itu juga dan turunlah ayat berikut:

فَكُلُوا۟ مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

سورة الأنفل ٨ : اية ٦٩

Terjemahan: *Maka makanlah daripada apa yang telah kamu dapati (dalam peperangan) itu, sebagai benda halal lagi baik, serta bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah al-Anfal 8:69)

Keadaan seperti ini berlaku pada peringkat permulaan dakwah iaitu pada ketika agama Islam sangat memerlukan kekuatan dan kekukuhan, tetapi ketika Islam sudah cukup dan mendapat perhatian dunia maka kaum Muslimin pun diberikan kebenaran untuk menerima bayaran tebusan diri daripada pihak musuh, iaitu sesudah turunnya ayat daripada Surah *'Muhammad'*:

فَإِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَضَرْبَ ٱلرِّقَابِ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا۟ ٱلْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّۢا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّىٰ
تَضَعَ ٱلْحَرْبُ أَوْزَارَهَا ۚ ذَٰلِكَ وَلَوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَٱنتَصَرَ مِنْهُمْ وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَا۟ بَعْضَكُم بِبَعْضٍ ۗ وَٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟
فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَلَن يُضِلَّ أَعْمَٰلَهُمْ ﴿٤﴾ سَيَهْدِيهِمْ وَيُصْلِحُ بَالَهُمْ ﴿٥﴾

سورة محمد ٤٧ : اية ٤ ، ٥

Terjemahan: *Dengan yang demikian, apabila kamu berjuang menentang orang kafir (dalam peperangan jihad) maka pancunglah lehernya, sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyaknya (serta mengalahkannya) maka tawanlah (sesiapa yang hidup) dan ikatlah mereka dengan kukuhnya. Setelah selesai pertempuran itu maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak memberi kebebasan (kepada orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusnya. (Bertindaklah demikian terhadap golongan kafir yang menceroboh) sehinggalah berakhir peperangan jihad itu (dan lenyaplah sebab-sebab yang menimbulkannya). Demikianlah (kamu diperintahkan melakukannya). Dan sekiranya Allah menghendaki, tentulah Dia membinasakan mereka (dengan tidak payah kamu memeranginya); tetapi Dia (perintahkan kamu berbuat demikian) kerana hendak menguji kesabaran kamu menentang golongan yang kufur dan ingkar (yang mencerobohi kamu). Orang yang telah berjuang serta gugur syahid pada jalan Allah (mempertahankan agama-Nya), maka Allah tidak sekali-kali akan mensia-siakan amal-amal mereka. Allah akan memimpin mereka yang berjuang (ke jalan mendapat sebaik-baik balasan) dan menjadikan keadaan mereka baik dan berguna (di dunia dan di akhirat).*

(Surah Muhammad 47 : 4 – 5)

Demikianlah keadaan yang berlaku dalam peperangan pada zaman hayat Nabi Muhammad s.a.w. setiap harta *ghanimah* itu datang dan pergi pada suatu ketika sahaja sehinggalah diwajibkan bayaran zakat dan unta-unta serta binatang-binatang zakat menjadi banyak sekali jumlahnya yang dijaga oleh gembalanya. Adapun harta benda yang lain seperti bahan pakaian dan sebagainya maka semuanya dibahagikan oleh RasululLah s.a.w. pada ketika itu juga kepada kaum Muslimin iaitu di masjid ketika orang Islam berkumpul untuk bersembahyang. Keadaan seperti itu berterusan hinggalah pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan beberapa ketika pada zaman Khalifah 'Umar. Masjid menjadi tempat dikumpulkan wang dan semua harta benda dan dibahagikan kepada kaum Muslimin mengikut perintah yang telah ditetapkan oleh syariat Islam mengenai pembahagian harta zakat dan *ghanimah*.

Perkara 194 - Bagaimanakah Berlakunya Perubahan Mengenai Pembahagian Harta Rampasan yang Berupa Pakaian Musuh dan Harta *Ghanimah* yang Lain; dan Bilakah Mula Ditubuhkan Jabatan yang Berkaitan dengannya, dan Bagaimanakah Baitulmal Ditubuhkan?

Daripada Sa'id bin al-Musayyab r.a., beliau berkata setelah Khalifah 'Umar dibawakan harta *khumus* orang Parsi (daripada peperangan yang berlaku di antara kaum Muslimin dengan orang Parsi), beliau pun berkata: "Demi Allah tiada atap yang dapat melindungi harta-harta ini daripada hujan dan panas melainkan langit sahaja (kerana terlalu banyaknya harta itu) sehingga saya dapat membahagikannya kepada orang ramai". Maka beliau pun memerin-

tahkan supaya semua harta itu dibawa ke masjid. Maka beliau pun menyuruh Abdul Rahman bin 'Auf dan Abdullah bin Arqam menjaga harta-harta itu sehingga mereka berdua terpaksa tidur di masjid kerana menunaikan perintah Khalifah itu. Kemudian Khalifah 'Umar pun tiba dan beliau menyuruh dibawa kain untuk membungkus harta tersebut. Apabila harta itu dibuka, Khalifah 'Umar ternampak suatu benda yang belum pernah dilihatnya, iaitu permata intan, mutiara, emas dan perak, maka beliau pun menangis. Abdul Rahman bin 'Auf bertanya kepadanya: "Keadaan seperti inilah satu-satunya yang perlu disyukuri. Apakah yang menyebabkan anda menangis ...". Maka jawab Khalifah 'Umar: "Memang benar sekali apa yang anda katakan, tetapi Allah tidak memberi harta seperti ini kepada sesuatu kaum melainkan Allah mencetuskan permusuhan dan rasa saling membenci di kalangan sesama mereka ...". (Memang benar sekali telahan dan ramalan Khalifah 'Umar itu, sebab selepas beberapa tahun sahaja daripada peristiwa ini maka tercetuslah peristiwa malang yang besar, iaitu fitnah pembunuhan Khalifah 'Uthman bin 'Affan, yang diikuti pula oleh huru-hara perpecahan dan fitnah yang memecahbelahkan kaum Muslimin dan menimbulkan permusuhan dan saling membenci di antara sesama mereka sendiri. Timbullah pula selepas itu beberapa rangkaian pertarungan dan peperangan yang bermula dengan peperangan al-Jamal, di antara Sayidina 'Ali dengan para penentangnya, di antara 'Ali dengan Muawiyah, kemudian Khalifah 'Ali dengan puak Khawarij dan di antara puak Khawarij dengan Muawiyah (Kerajaan Bani Umaiyah).

Kemudian Khalifah 'Umar pun bertanya: "Adakah kita mesti cedok harta ini dengan tangan untuk dibahagikan kepada mereka atau kita mesti sukat dengan menggunakan cupak? ... ", iaitu apakah yang mesti dilakukan untuk membahagikan harta itu adakah dengan cara dikaut dengan tangan atau disukat sahaja?

Perkara 195 - Permulaan Penubuhan Jabatan Kewangan dan Baitulmal

Apabila penaklukan negeri-negeri terus berjalan dengan pesatnya dan wang penghasilan makin bertambah jumlahnya maka tiada jalan lain bagi Khalifah 'Umar kecuali membuat penyusunan dan peraturan yang rapi mengenai penghasilan dan pengeluaran wang dan harta-harta itu dengan cara menubuhkan jabatan yang khusus mengenai perbendaharaan negara yang mencatat dan mengawasi masalah wang masuk dan wang keluar. Seterusnya dibuat anggaran yang tepat mengenai bayaran gaji anggota tentera dan juga elaun sagu hati mereka, dan dicatatkan di dalamnya mengenai jumlah sumbangan yang diberikan kepada orang Muhajirin dan Ansar. Kemudian beliau memerintahkan supaya setiap orang wali atau gabenor wilayah juga mempunyai sebuah jabatan khusus berkaitan masalah kewangan serupa dengan jabatan yang telah dibentuk di peringkat pusat, yang mencatatkan jumlah wang masuk dan juga wang keluar.

Memang boleh dikatakan bahawa baitulmal telah ditubuhkan sejak Pe-

perangan Badar dan pembentukannya menjadi lengkap pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar, ataupun dengan pengertian yang lebih luas lagi penyempurnaan penubuhannya itu berlaku di hari-hari terakhir pemerintahan Khalifah 'Umar iaitu pada ketika ditubuhkan jabatan-jabatan khusus dan dicatat dengan jelas dan betul semua penghasilan baitulmal dan juga perbelanjaan yang dikeluarkan. Ini berlaku sesudah penaklukan negeri-negeri semakin meluas serta bertambahnya wang dan harta benda dengan sebab penaklukan negeri-negeri Syam, Iraq dan Mesir.

Ibn Taimiyah menyatakan: "Memang belum wujud sebuah badan atau jabatan yang khusus berkenaan dengan catatan wang dan harta yang diperoleh dan dibahagikan pada zaman hayat RasululLah s.a.w. dan Khalifah Abu Bakar, kerana harta dan wang itu telah dibahagikan sedikit demi sedikit. Tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab wang menjadi banyak dan kawasan kekuasaan negara bertambah luas serta ramai pula rakyat jelatanya, lalu beliau pun menubuhkan sebuah jabatan khusus mengenai urusan para pejuang iaitu anggota-anggota tentera. Oleh yang demikian jabatan urusan tenteralah merupakan jabatan pertama yang telah ditubuhkan oleh Khalifah 'Umar. Manakala baitulmal pula mendapat penghasilan daripada pelbagai sumber. Di antaranya ialah:

(a) *Al-Kharaj ;*
(b) Jizyah;
(c) *'Usyur* Perniagaan;
(d) Satu per lima (*khumus*) daripada harta *ghanimah;* dan
(e) Zakat".

Perkara 196 - Barang-barang yang Hilang dan Harta Peninggalan Orang yang Tidak Mempunyai Waris

Sebahagian daripada harta yang hilang dan tidak dapat dikesan pemiliknya dan juga harta peninggalan orang yang tidak ada warisnya kerapkali diserahkan kepada tabung baitulmal supaya dapat dibelanjakan untuk kepentingan umum kaum Muslimin. Al-Kasani[28] telah mengemukakan beberapa perkara yang boleh digunakan wang yang berkenaan (iaitu daripada yang tidak diketahui pemiliknya dan wang orang yang tiada warisnya) katanya: "Wang itu boleh dibelanjakan untuk merawat dan membeli ubat bagi orang miskin yang sakit, membeli kain kafan bagi orang mati, membiayai anak-anak pungut, membayar tebusan dan ganti rugi kerana kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai kaum keluarga, saudara mara, menanggung belanja orang yang tidak berupaya mencari nafkah dan tidak mempunyai anak-anak atau orang yang wajib menanggung nafkahnya". Oleh yang demikian, maka Imamlah yang berkewajipan menyerahkan hak-hak itu kepada pihak-pihak yang berkaitan dengannya.

---

28 Pengarang kitab *Badai'e al-Sanai'ie fil Fiqhil Hanafi.*

FASAL SEMBILAN: CUKAI

Perkara 197 - Cukai-cukai: Jenis dan Ciri Khusus Mengikut Pandangan Ibn Khaldun[29]

Ibn Khaldun menyatakan "Ketua negara selalu sahaja menguatkuasakan pelbagai jenis cukai yang dikaitkannya dengan barang-barang jualan dan sebagai tambahannya sering mengenakan suatu kadar yang tertentu terhadap harga-harga barangan di pasaran, juga ke atas pelbagai jenis barangan yang berada dalam kawasan bandar ..."[30] yang jelas sekali menunjukkan bahawa cukai-cukai baru seperti ini belum pernah wujud lagi sebelumnya.

Mengikut Ibn Khaldun selanjutnya, keadaan seperti ini merupakan suatu bentuk cukai "tidak langsung" yang menyebabkan pihak peniaga atau pengeluar terpaksa menambah kadar cukai-cukai baru itu ke atas harga barang jualannya. Dengan berbuat demikian, bermakna dia memindahkan beban pihak pengguna. Rakyat jelata terpaksa membayarnya dalam bentuk harga barangan yang mahal, iaitu satu keadaan yang disifatkan oleh Ibn Khaldun dengan katanya: "Tol-tol (*mukus*) itu ialah bayaran tambahan yang dikenakan ke atas bahan jualan supaya ia menjadi mahal. Kerana para penjual runcit dan saudagar mengambil kira kadar keuntungan ke atas semua bahan atau barang dagangan serta semua belanja yang mereka keluarkan. Oleh sebab itu, timbul tol atau *mukus* yang dimasukkan ke dalam kira-kira nilai dan harga barangan yang dijual ...".[31] Memang sudah diketahui bahawa semua cukai dalam Islam yang telah disebutkan dalam nas-nas agama adalah termasuk dalam jumlah cukai-cukai yang "langsung", iaitu yang disebutkan oleh Ibn Khaldun dengan katanya: "Sesungguhnya sedekah (zakat), *kharaj*, dan jizyah itu adalah sebagai cukai yang wajib dikeluarkan mengikut panduan dan arahan syara', dan sedikit pembahagiannya. Kewajipan-kewajipan syara' itu merupakan perintah yang mempunyai batas sempadan yang tidak boleh dilanggar...".[32] Oleh sebab itu apabila sahaja cukai-cukai langsung yang dapat dipungut oleh pihak berkuasa itu didapati tidak mencukupi, maka pihak berkuasa akan mengadakan berbagai-bagai bentuk cukai yang tidak langsung pula, kerana cukai-cukai syara' itu ada mempunyai batas dan sempadan yang tidak boleh dilanggar ... .

Suatu perkara yang menarik perhatian kita, yang boleh menyebabkan kita merasa kagum, ialah bahawa Ibn Khaldun bukan hanya mampu memisahkan kedua-dua bentuk cukai yang langsung dengan yang tidak langsung, yang memang diamalkan sebagai tradisi dalam beberapa abad kemudian, tetapi beliau juga telah memberi isyarat dan panduan mengenai ketertiban zaman dan keadaan bagi melaksanakan setiap jenis cukai itu. Mengenai pentertiban

29 Ibn Khaldun menggunakan perkataan *Jibayah* sebagai ganti perkataan cukai (Rujuk kitab karya Dr. Ibrahim al-Tahawi).
30 Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, Fasal Tiga, (*Al-Mukus* di peringkat akhir negara).
31 *Ibid.*, Fasal Empat, (Tamadun asas kemakmuran).
32 *Ibid.*

zaman itu, beliau menyatakan: "Kemudian negara itu biasanya menjalani kaedah tuntutan tamadun, iaitu daripada segi memenuhi tuntutan kemewahan hidup dan pembaziran belanja, dengan mengikut jejak langkah negara-negara dan kerajaan sebelumnya". Oleh yang demikian, jumlah wang keluar khususnya pihak sultan bertambah dengan begitu menonjol sekali, iaitu dalam bentuk nafkah perbelanjaan kaum keluarganya sendiri, dan hadiah-hadiah yang dikurniakannya kepada orang yang disukainya. Oleh sebab itu, cukai yang dapat dikutip tidak cukup untuk memenuhi semua keperluan itu, dan negara perlu mengadakan berbagai-bagai cukai tambahan untuk membayar gaji para pengawal dan perbelanjaan sultan, yang mana pihak sultan selalu sahaja membuat penambahan jawatan dalam bidang pentadbiran dan pembahagian tugas pegawai serta kakitangan kerajaan, seperti yang telah kita katakan tadi. Dengan sendirinya jumlah wang keluar dan keperluan keadaan mewah dan bayaran gaji pegawai akan bertambah. Akibatnya negara menghadapi kesempitan belanja dan tidak mampu memenuhi keperluan-keperluan itu daripada jumlah cukai yang sudah dituntut dan dikutip. Dengan bertambahnya keperluan dan tuntutan perbelanjaan tentera dan sebagainya, maka pihak sultan atau ketua negara terpaksalah memperkenalkan berbagai-bagai jenis dan bentuk cukai baru.[33]

Oleh sebab itu sultan biasanya mengambil tindakan menambahkan nilai cukai yang ada, dan jika masih belum mencukupi, diperkenalkan pula pelbagai bentuk cukai tidak langsung, dan jika masih belum mencukupi juga maka secara beransur-ansur ditambah pula kadar yang dikenakan ke atas cukai tidak langsung itu. Seterusnya tindakan sultan itu biasanya tidak terhenti setakat itu sahaja, malah sultan sering didorong oleh perasaan ingin merampas dan mengambil alih harta orang kaya. Tentang masalah ini Ibn Khaldun menyatakan: "Kemudian bertambah banyaklah keperluan ketua negara kepada harta dan wang, manakala kaum kerabat raja dan orang besar negara pula suka berbelanja besar dan hidup mewah daripada harta dan wang peninggalan nenek moyang mereka bukan pada tempatnya, dengan cara memohon restu daripada sultan atau ketua negara, dan mengambil sikap yang berlainan sekali daripada sikap nenek moyang mereka yang suka mengamalkan prinsip saling tegur menegur dan nasihat menasihati. Dengan demikian, sultan berpendapat bahawa dialah yang paling berhak memiliki semua wang dan harta yang ada dalam negara yang dibentuk oleh nenek moyangnya. Beliau memutuskan untuk mengambil alih semua wang dan harta itu daripada pemiliknya untuk kegunaan dan kepentingan dirinya sendiri, satu persatu dan sedikit demi sedikit, mengikut peringkat dan taraf hidup mereka dan juga mengikut keutamaan pihak berkuasa ...".[34]

Keterangan ini memberi pengertian bahawa perhatian dan tumpuan minat pihak berkuasa untuk merampas dan mengambil alih harta rakyat itu bukan satu masalah baru yang muncul setelah lahirnya teori sosialisme, tetapi merupakan satu masalah yang sejak zaman dahulu lagi telah diketahui orang

33 *Ibid.*
34 *Ibid.*, (Harta-harta sultan dan para pembesar negeri untuk memajukan negara).

dan kerap kali berlaku pada zaman Ibn Khaldun, dan barangkali pada zaman sebelum beliau lagi.

Dengan demikian, bolehlah dikatakan dengan penuh kepercayaan bahawa teori sosialisme itu bukan merupakan sumber asal pemikiran mengenai pemiliknegaraan, walaupun teori itu sering dijadikan rujukan dalam menyelesaikan keadaan yang sesuai, terutama sekali apabila harta benda itu digunakan oleh para pemiliknya dengan cara yang kurang siuman, dan untuk projek yang tidak membawa pulangan kepada masyarakat. (Ini bererti bahawa seandainya pihak berkuasa mengambil sikap untuk memiliknegarakan harta orang tertentu, bukanlah bererti sikap itu bersumber daripada teori sosialisme).

Perkara 198 - Pengaruh Cukai

Ibn Khaldun telah membicarakan tentang pengaruh cukai setelah beberapa abad masalah itu diperbincangkan oleh ahli-ahli ekonomi Barat, kerana beliau menyatakan: "Sebahagian besar jumlah kutipan cukai itu adalah bersumber daripada para petani dan pedagang, terutama sekali setelah diperkenalkan sistem tol dan berkembangnya kaedah mengutip cukai setelah wujudnya sistem tol itu ...",[35] iaitu isyarat umum yang beliau berikan mengenai pengaruh cukai yang langsung sahaja. Isyarat mengenai cukai-cukai tidak langsung pula ditegaskan seperti ini: "Pada umumnya penghidupan rakyat jelata itu adalah bersumber daripada berjual beli. Oleh yang demikian, kalaulah pasar itu tidak berfungsi, iaitu tiada amalan berjual beli maka kehidupan mereka menjadi susah dan tidak bermaya lagi, dan dengan sendirinya merosot ataupun musnah langsung sistem pungutan cukai yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa, kerana sebahagian besar kutipan cukai itu mulai daripada negara pada Zaman Pertengahan atau sesudahnya adalah bersumber daripada kutipan tol ke atas barang-barang yang dijual beli ...".[36]

Beliau juga mengatakan: "Sesungguhnya tol itu termasuk dalam nilai-nilai dan harga-harga barangan perniagaan ...".[37]

Perkara 199 - Jabatan Pendaftaran

Siasah dan dasar yang diikuti oleh RasululLah s.a.w. iaitu beliau tidak suka melambatkan pembahagian dan peruntukan harta itu kepada saluran-saluran-nya yang telah ditetapkan oleh hukum syara'.

Hanzalah bin Saifi, yang pernah bertugas sebagai seorang kerani RasululLah s.a.w. telah merawikan (beliau juga ditugaskan menyimpan cap mohor RasululLah s.a.w.): "Bahawa adalah menjadi kelaziman RasululLah s.a.w. untuk membahagikan semua harta itu pada hari yang sama, dan oleh sebab itu, maka tiada harta yang disimpan, ataupun belum wujud lagi baitulmal dan juga

35 *Ibid.*, (Masalah bahawa perniagaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa itu boleh menjejaskan kutipan cukai).
36 *Ibid.*, (Kezaliman pemerintahan boleh menghancurkan kemakmuran dan pembangunan).
37 *Ibid.*, (Kemajuan dan tamadun adalah matlamat pembangunan).

buku catatan yang menyenaraikan jumlah kaum Muslimin pada zaman hayat RasululLah s.a.w.

Pada satu ketika RasululLah s.a.w. mahu supaya bancian dibuat tentang jumlah orang yang telah memeluk agama Islam, maka beliau memerintahkan supaya dibuat senarai yang berkenaan, dan para sahabat pun menulis suatu senarai yang mengandungi 1500 orang lelaki. Namun demikian perintah dan arahan RasululLah s.a.w. itu bukanlah merupakan titik permulaan bagi penubuhan suatu sistem pentadbiran awam yang tetap. Keadaan seperti itu terus berjalan sehingga pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar. Pada zaman pemerintahan khalifah pertama itu, beliau melaksanakan amalan yang biasa dilakukan sebelumnya, iaitu apabila ada harta yang tiba di Madinah yang berasal daripada beberapa buah negeri, maka harta itu terus dibawa ke masjid RasululLah s.a.w. dan terus dibahagikan kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya. (RasululLah s.a.w. dan Khalifah Abu Bakar belum lagi membuat sebarang ketetapan sebagai panduan mengenai jumlah pemberian sagu hati kepada kaum Muslimin).

Setelah Islam menjadi bertambah kuat, dan negeri-negeri yang berjaya ditakluki di sebelah timur dan barat bertambah luas bertambah banyaklah jumlah wang dan harta benda, dan tentera Islam yang melakukan penaklukan itu berhasil menguasai tanah-tanah milik Kisra di negeri Parsi dan juga tanah-tanah Hercules (Raja Rumawi), dan bertambah ramailah pula jumlah anggota tentera Muslimin hingga sukar dihitung lagi tanpa buku catatan. Oleh kerana negara Islam telah bertukar corak menjadi sebuah negara yang disegani oleh semua pihak, maka dengan sendirinya pihak yang berkenaan terpaksalah mengadakan suatu sistem pentadbiran yang menyeluruh, dan diperkenalkan kaedah-kaedah tetap mengenai urusan penyusunan dan pentadbiran pejabat.

Perkara 200 - Definisi Diwan

Al- Mawardi dan Ibn Khaldun menyatakan:[38] *"Diwan* ialah sebuah buku yang diwujudkan untuk menjaga dan memelihara semua urusan yang berkaitan dengan hak-hak kerajaan, baik yang berupa tugas pekerjaan dan harta benda, dan juga mengenai pegawai-pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas daripada kalangan pegawai tentera dan pegawai awam. Buku itu disimpan dalam tempat menyimpan rekod kerajaan, yang juga disebutkan sebagai *diwan,* kemudian perkataan *diwan* itu digunakan juga kepada tempat menyimpan catatan dan rekod-rekod di pejabat-pejabat kerajaan dan juga dalam kerajaan itu sendiri".

Memang tiada sebarang keraguan bahawa soal yang paling penting dalam bidang kewangan negara ialah penubuhan *diwan* (jabatan) dan mengadakan catatan dan rekod serta dalam buku yang disimpan dalam *diwan* atau jabatan itu. Penubuhan baitulmal yang dipandang sebagai suatu bahagian yang paling penting dalam *diwan* itu. Dengan perkataan yang lebih halus lagi baitulmal adalah *diwan* yang tertinggi sekali yang menjadi sumber rujukan kepada *diwan-diwan* yang lain. Oleh sebab itulah baitulmal dikenal sebagai *al-Diwan*

38 Abu al-Hassan al-Mawardi, *op. cit.*, dan Ibn Khaldun, *op. cit.*, Jilid 1.

al-Saami (*Diwan* Tertinggi), iaitu bagi tujuan menjaga dan memelihara harta benda kaum Muslimin dan juga untuk mengawal dan memelihara hak-hak mereka, serta membanci dan membuat kira-kira mengenai penghasilan dan wang masuk negara daripada pelbagai sumber bagi membiayai urusan yang berkaitan dengan saraan dan gaji tentera termasuk juga para pegawai dan kakitangan kerajaan serta gaji para hakim dan lain-lain. Selain itu, wang negara juga digunakan untuk membeli alat-alat kelengkapan untuk peperangan, seperti senjata dan alat-alat kelengkapan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain untuk kepentingan rakyat jelata.

Perkara 201 - Bahasa yang Digunakan dalam Jabatan Kewangan

Kerja mencatat dan merekod wang serta harta benda ialah dengan menggunakan bahasa negeri-negeri (negara) yang memerintah sebelum zaman Islam. Oleh yang demikian, catatan kewangan dan harta benda itu belum lagi dilakukan dalam bahasa Arab seperti catatan yang dibuat mengenai anggota tentera kerana pada ketika itu orang Arab masih belum mempunyai kecekapan dan kelayakan yang membolehkan mereka mengendalikan urusan jabatan-jabatan itu dengan berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dilakukan oleh bangsa-bangsa yang terdahulu, yang telah mencapai taraf tamadun lebih dahulu. Dengan perkataan yang lebih tepat, ia adalah kerana sistem dan tugas ilmiah ini belum lagi dikenali di kalangan mereka sebelum itu.

Perkara 202 - Jabatan-jabatan Kerajaan di Mesir Menjalankan Urusannya dalam Bahasa Greek

Urusan pentadbiran kewangan di Syam terus dilakukan dalam bahasa Rumawi, manakala jabatan-jabatan kewangan di Iraq menjalankan urusannya dengan menggunakan bahasa Parsi. Jabatan-jabatan kewangan negeri Mesir menjalankan urusannya dalam bahasa Greek, bukan dalam bahasa Qibti, kerana bahasa Greek adalah bahasa rasmi negeri Mesir, dan semua jabatan kewangan menjalankan urusannya dalam bahasa Greek pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar. Hal ini berdasarkan dokumen yang bernama *Awraq al-Bardi* yang telah dijumpai. Terdapat catatan dalam dokumen-dokumen itu yang menggunakan bahasa Yunani dan bahasa Arab. Dokumen-dokumen berkenaan berasal dari zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik. Di antara dokumen dan watikah itu ialah sebuah dokumen yang berbentuk surat keputusan yang berasal daripada Abdullah bin Abdul Malik ketua mengenai urusan hal ehwal ibadat dan kutipan *kharaj* di Mesir. Dalam dokumen itu mengandungi perkataan *Bismillahirrahmanirrahim* dan *alhamdulillah-hirabbil'alamin*, dan: "Inilah surat perintah yang dikeluarkan oleh al-Amir Abdullah bin Abdul Malik dalam tahun 86 Hijrah ...".

Sebuah dokumen lain ialah surat perintah yang dikeluarkan atas arahan al- Amir Qurah bin Syuraik; manakala dokumen yang ketiga pula tersebut dalam beberapa nama di samping jumlah wang yang dibayarnya.

Semua dokumen ini ditulis di atas kertas daripada daun lontar dalam bahasa Yunani dan bahasa Arab. Ini membuktikan bahawa kedua-dua bahasa

itu digunakan dalam pejabat-pejabat kerajaan, iaitu bahasa Yunani sebagai bahasa rasmi untuk menulis catatan, manakala bahasa Arab pula ialah bahasa pihak berkuasa yang memerintah.

Dalam beberapa lembaran kertas daun lontar itu telah ditemui beberapa tulisan dalam bahasa Qibti bersama-sama dengan bahasa Yunani dan bahasa Arab. Mungkin penemuan inilah yang mendorong sesetengah kalangan sejarawan untuk membuat anggapan bahawa Qibti itu adalah bahasa rasmi negara, iaitu bahasa yang digunakan dalam urusan mencatat dan merekodkan sesuatu dalam jabatan-jabatan kerajaan. Tetapi majoriti ahli sejarah mengatakan bahawa: "Tulisan dalam bahasa Qibti itu terdapat di bahagian akhir atau hujung dokumen-dokumen itu sahaja, ataupun di sebelah belakangnya dengan dakwat (tinta) yang berlainan daripada dakwat naskhah asal dokumen berkenaan".

Di samping itu pula masih belum dijumpai hingga sekarang, suatu dokumen yang ditulis dalam bahasa Qibti pada zaman pemerintahan orang Arab di Mesir.

Inilah suatu fakta yang menyokong pendapat majoriti ahli sejarah bahawa bahasa Qibti itu dipandang sebagai bahasa kelas tiga pada zaman itu.

Perkara 203 - Jabatan Ketenteraan pada Zaman Khalifah 'Umar

Untuk tujuan meningkatkan taraf perkhidmatan ketenteraan, dan memberikan perhatian serta menjaga hak-hak dan kepentingan bidang itu, Khalifah 'Umar berpendapat bahawa perlulah ditubuhkan sebuah *diwan* atau jabatan khusus mengenai urusan anggota-anggota tentera mengikut kaedah yang telah dilakukan oleh bangsa-bangsa yang terdahulu.

Dengan demikian jabatan berkenaan anggota tentera itupun ditubuhkan iaitu sebuah jabatan pertama yang diasaskan pada zaman Islam di ibu negara Madinah. Catatan dan semua urusan jabatan itu adalah dalam bahasa Arab yang dikendalikan oleh satu kumpulan pemuda Quraisy yang mahir. Penubuhan jabatan ini berlaku pada tahun 20 Hijrah seperti yang dikatakan oleh Ibn Khaldun (Jilid 1, hlm. 203) dan al-Mawardi (hlm. 190).

Ibn al-Mawardi menegaskan bahawa motif utama yang mendorongkan Khalifah 'Umar menubuhkan jabatan itu adalah kerana bertambah banyaknya harta dan wang yang mencurah masuk ke Madinah daripada seluruh negeri yang ditakluki. Kebanjiran wang masuk ini mulai berlaku pada zaman permulaan pemerintahan Khalifah 'Umar, kerana belum sampai setahun tempoh pemerintahan beliau kaum Muslimin sudah berhasil menguasai sebahagian besar negeri Syam dan Iraq.

Perkara 204 - Kenapakah Khalifah 'Umar Menyerahkan Urusan Mentadbir Jabatan-jabatan Itu kepada Orang Ajam?

Khalifah 'Umar telah memberi kepercayaan untuk menjalankan tugas mentadbir jabatan-jabatan negara itu kepada orang Ajam (orang bukan Arab) walaupun hal itu boleh mendedahkan jabatan-jabatan itu kepada masalah kehilangan dan sikap mencuaikan tugas. Keadaan ini berlaku kerana orang Arab sendiri masih memerlukan pengalaman dan kepandaian dalam membuat

catatan dan melakukan pendaftaran serta rekod-rekod jabatan itu dengan mahir dan cekap seperti sepatutnya. Inilah yang menyebabkan Khalifah 'Umar terpaksa meminta bantuan daripada orang yang mempunyai kemahiran daripada negeri-negeri yang baru ditakluki itu kerana agama Islam sendiri tidak melarang kaum Muslimin daripada mengikuti perkembangan kemajuan yang telah dicapai oleh umat-umat yang lain. Kalaulah agama Islam menyempitkan ruangan kemajuan itu dan melarang umatnya daripada meniru dan mengambil contoh daripada bangsa-bangsa lain nescaya Khalifah 'Umar tidak mengambil keputusan mencontohi kemajuan yang telah dicapai oleh umat-umat lain seperti umat Rumawi dan Parsi mengenai urusan penubuhan dan pentadbiran pejabat dan penyusunan angkatan tentera.

Perkara 205 - Sejak Bilakah Jabatan-jabatan Kerajaan Menggunakan Bahasa Arab Sepenuhnya?

Jabatan-jabatan kerajaan masih lagi menggunakan bahasa-bahasa umat terdahulu dalam bidang pentadbiran hinggalah pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik dan puteranya al-Walid. Mulai daripada zaman pemerintahan kedua-dua khalifah inilah semua urusan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan dilakukan dalam bahasa Arab sepenuhnya.

Perubahan besar ini berlaku akibat bertukarnya sistem pemerintahan dan suasana yang menyelubungi negara Islam sendiri. Pemerintahan telah bertukar coraknya daripada sistem berkhalifah menjadi sistem beraja, daripada berkeadaan serba sederhana (kekampungan) menjadi satu umat yang maju dan daripada keadaan buta huruf menjadi umat yang pandai menulis. Ini adalah hasil pergaulan mereka dengan bangsa-bangsa yang telah ditakluki itu, dan minat yang begitu besar untuk mempelajari bahasa dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemajuan umat tersebut. Sementara itu di antara bukti yang menunjukkan kepintaran orang Arab dan kematangan pentadbiran mereka ialah perubahan yang dilakukan ke atas bahasa pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan itu tidaklah berlaku secara sekali gus, peringkat permulaannya berlaku di Jordan dan setelah didapati bahawa sistem pentadbiran yang menggunakan bahasa Arab ini terbukti layak barulah ia dilaksanakan di negeri Syam dan Parsi dan seterusnya di negeri Mesir. Fiet ada menyebutkan bahawa beberapa lembar tulisan di atas daun lontar telah dijumpai bertulis dalam bahasa Arab dan Yunani pada tahun 22 Hijrah, dan dengan demikian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa bahasa Arab itu digunakan sebagai bahasa pentadbiran di samping bahasa Yunani pada akhir zaman pemerintahan Khalifah 'Umar, tetapi dengan sifat yang bukan rasmi.

Perkara 206 - Adakah Khalifah 'Umar Pernah Menyimpan Sebahagian daripada Wang Baitulmal Sebagai Jaminan dalam Menghadapi Sebarang Kemungkinan?

Harta benda dan wang yang terdapat dalam perbendaharaan negara (baitulmal) kaum Muslimin, kebanyakannya dalam bentuk emas dan perak. Begitu

juga keadaan kewangan negara di Syam, Mesir dan Iraq, iaitu jumlahnya sangat banyak dan pendapatan negara pula berlebihan daripada perbelanjaan. Tetapi mengapakah Khalifah 'Umar tidak menyimpan wang itu? Mengapakah beliau tidak bersikap berhati-hati dalam membelanjakan wang dan menyimpan wang yang berlebihan itu untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal timbul?

Mengapakah pula Khalifah 'Umar tidak mengambil berat bagi menubuhkan tabung cadangan negara Islam dengan menyalahi dasar yang telah dilakukan oleh negara-negara lain sebelumnya? Kalau beliau berbuat demikian tentulah kekuasaan kerajaan akan menjadi bertambah kukuh dengan adanya tabung simpanan yang disatukan dalam baitulmal seperti wang lebihan daripada kutipan jizyah, *kharaj* dan *ghanimah* yang sangat besar jumlahnya itu sebagai persediaan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul pada masa-masa kecemasan.

Mungkin faktor yang menyebabkan Khalifah 'Umar tidak memikirkan masalah menubuhkan tabung wang simpanan seperti itu adalah kerana beliau beranggapan bahawa menyimpan dan menabung wang dan harta itu adalah sebahagian daripada amalan biasa sistem pemerintahan beraja yang sentiasa bertujuan mengumpulkan harta dan menabung wang dengan tujuan mengekalkan pengaruh dan kuasa pemerintahan.

Perkara 207 - Bagaimanakah Pendapat Ibn Khaldun Berkenaan Penubuhan *Diwan* oleh Khalifah 'Umar?

Ibn Khaldun mengatakan: "Bahawa orang yang pertama sekali menubuhkan *diwan* dalam negara Islam itu ialah Khalifah 'Umar bin al-Khattab ...".

Perkara 208 - Bagaimana pula Pendapat Abu Al-Hasan Al-Mawar dalam Kitab *Al-Ahkam Al- Sultaniyah*?

Al-Mawardi menyatakan bahawa Abu Hurairah telah tiba di Madinah dengan membawa wang yang begitu banyak daripada Bahrain. Maka Khalifah 'Umar pun bertanya kepadanya: "Berapakah jumlah wang yang anda bawa?" Maka Abu Hurairah pun menjawab: "500 000 ...".

Maka Khalifah 'Umar bertanya lagi: "Anda ingatkah apa yang anda katakan itu? Nampaknya anda ini sedang mengantuk. Pergilah tidur dahulu dan datanglah semula pagi esok".

Sesudah Abu Hurairah tiba keesokan paginya Khalifah 'Umar pun bertanya lagi: "Berapakah jumlah wang yang anda bawa itu?" Maka Abu Hurairah pun menjawab: "500 000 ...".

"Adakah jumlah itu benar-benar cukup?" tanya Khalifah 'Umar lagi, maka Abu Hurairah pun menjawab: "Yang saya tahu itulah jumlahnya ...".

Maka Khalifah 'Umar pun berucap dengan katanya: "Para hadirin sekalian! Sesungguhnya kita telah menerima banyak wang. Kalau kamu mahu kami sukat wang itu untuk kamu, kami akan menyukatnya, dan kalau kamu mahu

supaya saya membilangnya maka saya akan bilang ...". Lantas bangkitlah seorang lelaki sambil berkata: "Wahai Amir al-Mu'minin! Saya telah melihat orang Ajam mencatat jumlah wang itu dalam buku catatan, dan oleh sebab itu catatlah wang yang hendak dibahagikan kepada kami itu ...".

Orang lain pula berpendapat bahawa sebab utama Khalifah 'Umar menubuhkan jabatan bagi mencatat semua wang dan harta itu ialah bahawa Khalifah telah mengutus suatu rombongan (untuk membawa wang ke suatu tempat) dan kebetulan pada ketika itu al-Hurmuzan ada dalam majlis itu, maka beliau pun memberi pandangan: "Terdapat sejumlah wang yang anda kirimkan melalui mereka. Oleh sebab itu kalaulah seorang daripada mereka tidak menyertai rombongan ini atau sengaja membuat lambat dalam perjalanannya maka dari manakah orang yang akan menerima kiriman itu akan dapat mengetahui jumlah yang sebenar ataupun mengenalnya. Oleh sebab itu tubuhkanlah sebuah *diwan* untuk mereka ...". Maka Khalifah 'Umar pun bertanya kepada al-Hurmuzan mengenai apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *diwan* itu, maka al-Hurmuzan pun memberi penjelasan mengenai apakah sebenarnya *diwan* itu.

Khalid bin al-Walid telah berkata: "Ketika saya tinggal di negeri Syam maka saya dapati raja-raja negeri itu telah membuat catatan berkenaan jumlah penduduknya dan telah mendaftar nama anggota tentera mereka, maka oleh kerana itu adakanlah bancian penduduk dan catatlah nama anggota tentera (kita)". Khalifah 'Umar pun memanggil 'Uqail bin Abi Talib, Mukharamah bin Naufah, dan Jubair bin Mut'am iaitu tiga orang pemuda Quraisy dan memerintahkan supaya mencatat nama semua penduduk Madinah mengikut taraf serta keadaan kehidupan mereka. Pemuda-pemuda itupun mulalah menulis catatan itu dimulai dengan suku Bani Hasyim, kemudian diikuti pula dengan nama Khalifah Abu Bakar serta kaum keluarga dan suku kaumnya, kemudian Khalifah 'Umar serta kaum keluarga dan suku kaumnya dan akhir sekali semua suku kaum dan kabilah dan mencatat sejarah perkembangan pemerintahan khalifah lalu mengangkat catatan itu kepada Khalifah 'Umar. Apabila Khalifah 'Umar melihat senarai catatan itu beliau mengatakan: "Tidak, saya tidak bersetuju catatan dibuat seperti ini. Saya mahu catatan ini ditulis semula dimulai dengan nama kaum kerabat RasululLah s.a.w. terlebih dahulu, mulai daripada kerabat yang paling dekat, kemudian dengan yang dekat dan seterusnya hingga kamu mencatat nama 'Umar sesuai dengan taraf dan kedudukannya". Maka seorang kerabat Sayidina Abbas pun mengucapkan terima kasih kepada Khalifah atas sikap dan pendiriannya itu sambil mengatakan bahawa beliau benar-benar seorang yang menghargai peranan silaturrahim. Zaid bin Aslam telah merawikan daripada ayahnya bahawa kaum Bani 'Adie telah datang menghadap Khalifah 'Umar sambil mengatakan: "Kamu adalah seorang Khalifah pengganti RasululLah s.a.w. dan juga pengganti Abu Bakar, manakala Abu Bakar ialah Khalifah pengganti RasululLah s.a.w., maka alangkah eloknya kalau kamu letakkan diri kamu sesuai dengan tempat yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada kamu (dengan maksud mencatatkan namanya di tempat yang sesuai dengan taraf kedudukannya sebagai seorang Khalifah ...".

Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Bekh, bekh wahai Bani 'Adie. Kamu hendak mencari makan melalui belakangku dan kamu hendak menghapuskan pahala amal kebajikanku? Tidak ... tidak boleh saya lakukan demikian. Kamu pun demikian juga. Nama kamu akan dicatat sesuai dengan ketika kamu menerima seruan dakwah agama ini, dan dengan demikian buku catatan nama kamu adalah sesuai dengan taraf kamu (yakni nama kamu akan dicatatkan di penghujung sekali). Saya mempunyai dua orang sahabat karib yang telah merintis satu jalan kalau saya membuat sesuatu yang bertentangan dengan keputusan mereka berdua itu nescaya saya pula ditentang orang dan ingatlah bahawa kita semua tidak akan mendapat kurnia Allah di dunia dan juga di Hari Akhirat nanti atas semua amal pekerjaan kita melainkan dengan adanya Nabi Muhammad s.a.w., kerana beliaulah orang yang paling mulia di sisi kita dan kaum keluarganya adalah kaum yang paling mulia dan tinggi tarafnya di kalangan semua orang Arab, kemudian orang yang paling dekat dengan beliau dan kaum keluarganya. Demi Allah kalaulah orang Ajam itu melakukan sesuatu pekerjaan yang baik dan kita orang Arab ini tidak melakukan sesuatu pekerjaan pun, maka merekalah lebih berhak mendapat tempat di sisi Nabi Muhammad s.a.w. daripada kita pada Hari Akhirat kelak kerana orang yang sedikit amalannya itu tidak dapat dibantu oleh keturunan dan anak buahnya yang ramai".

'Amir telah merawikan bahawa tatkala Khalifah 'Umar hendak memulakan catatan dalam *diwan* (buku daftar) maka beliau pun bertanya: "Dengan nama siapakah saya akan mula menulis daftar ini?" Abdul Rahman bin 'Auf menjawab: "Mulailah dengan nama anda sendiri ...". Khalifah 'Umar pun menjawab: "Saya masih ingat lagi ketika saya bersama RasululLah s.a.w. dan beliau selalu sahaja memulakan sebutannya daripada Bani Hasyim lebih dahulu kemudian dengan nama Bani al-Muttalib dan lain-lainnya ...". Khalifah 'Umar mencatat nama kaum-kaum selain puak Quraisy daripada satu kaum hingga satu kaum, kemudian sehingga selesai suku Quraisy semuanya barulah beliau mulai dengan puak Ansar pula. Apabila sampai ke peringkat ini, Khalifah 'Umar pun memerintahkan: "Mulailah dengan nama kaum kerabat dan suku kaum Sa'ad bin Mu'az daripada suku *al-kharaj* dahulu, kemudian kaum keluarga yang paling rapat dengan Sa'ad ...".

Al- Zuhri merawikan daripada Sa'id bin al- Musayyab bahawa peristiwa itu berlaku dalam bulan Muharram tahun 13 Hijrah.

Perkara 209 - Apakah yang Telah Ditulis oleh Al- Balazurri dalam Kitab *Futuh Al- Buldan* Tentang Penubuhan *Diwan*?

Setelah selesai membuat catatan semua penduduk dalam buku daftar (*diwan*) itu mengikut taraf hubungan mereka dengan RasululLah s.a.w. maka Khalifah 'Umar pun memberi keutamaan pembayaran sagu hati dan ganjaran kepada mereka berdasarkan siapakah yang lebih dahulu memeluk agama Islam dan juga kepada hubungan kerabat dengan RasululLah s.a.w.; sedangkan Khalifah Abu Bakar berpendapat bahawa pembahagian itu hendaklah dilakukan secara

sama rata di antara semua orang dan tidak memberi keutamaan kepada faktor siapakah yang masuk Islam lebih dahulu?

Akan tetapi Khalifah 'Umar membuat keputusan untuk memberi keutamaan kepada orang yang menganut agama Islam lebih dahulu, dan demikianlah juga pandangan dan pendirian Khalifah 'Uthman bin 'Affan dan juga pendapat Imam Abu Hanifah, serta ahli-ahli ilmu fiqh negeri Iraq.

Pada ketika Khalifah 'Umar melihat Khalifah Abu Bakar memberi layanan sama rata kepada semua orang beliau pun bertanya: "Adakah patut anda memberi layanan yang sama kepada orang yang telah melakukan hijrah sebanyak dua kali (ke Habsyah dan Madinah) dan bersembahyang menghadap dua qiblat dengan orang yang baru menganut agama Islam pada hari penaklukan bandar Makkah kerana takutkan kilauan pedang? ...". Maka Khalifah Abu Bakar pun menjawab: "Mereka semuanya beramal kerana Allah, dan pahala mereka adalah terserah kepada Allah dan dunia ini hanya tempat laluan sementara sahaja bagi semua orang ...". Maka Sayidina 'Umar pun menjawab: "Saya tidak mahu memberi layanan kepada orang yang telah memerangi RasululLah s.a.w. itu sama seperti orang yang telah ikut berperang bersama-sama dengan RasululLah s.a.w.". Oleh yang demikian, setelah *diwan* dan buku catatan diadakan maka Khalifah 'Umar pun memberi keutamaan daripada segi pembayaran sagu hati dengan berdasarkan siapa yang terlebih dahulu masuk Islam dan menetapkan kadar bayaran kepada setiap orang yang telah menyertai Peperangan Badar sebanyak 500 dirham setahun. Kemudian beliau menentukan kadar bayaran sagu hati kepada semua orang berdasarkan taraf kedudukan mereka mengikut kadar kemahiran mereka membaca kitab suci al-Qur'an dan juga mengikut kadar jihad mereka dan beliau menetapkan kadar pemberian kepada penduduk negeri Yaman, Syam dan Iraq dengan bayaran 2000 dirham setiap orang. Dalam masalah ini beliau telah mengatakan: "Kalaulah wang bertambah banyak nescaya saya akan berikan setiap orang itu 4000 dirham, iaitu seribu untuk kudanya, 1000 untuk senjatanya, dan 1000 untuk belanja dia musafir manakala 1000 lagi untuk dia tinggalkan kepada anak isterinya di rumah".

Pada asalnya Khalifah 'Umar tidak memberi sebarang peruntukan bantuan kepada bayi yang baru lahir sehingga bercerai susu (selesai menyusu) sehinggalah pada suatu malam beliau mendengar keluhan seorang ibu yang memaksa anaknya berhenti menyusu sedang anak kecilnya itu menangis. Beliau (Khalifah 'Umar) pun bertanya kepada ibu itu mengenai sebab bayi itu menangis. Jawab ibu itu: "Kerana 'Umar tidak mahu memberi bantuan kepada bayi dan kanak-kanak sehingga dia berhenti menyusu. Oleh sebab itulah sekarang saya memaksanya berhenti menyusu supaya 'Umar memberi bantuan kepadanya ...". Beliau lantas berkata: "Kasihan 'Umar, banyak sekali dia berbuat dosa tapi dia tidak mengetahuinya ...". Kemudian beliau pun memerintahkan kepada tukang-tukang canangnya supaya mencanangkan: "Jangan kamu paksa anak-anak kamu cepat-cepat berhenti menyusu kerana kami akan memberi bantuan kepada setiap bayi Islam yang baru lahir, dan apabila bayi itu bertambah besar maka bantuannya ditambah menjadi 200 dirham, dan

apabila telah cukup umur maka bantuan itu akan ditambah lagi. Setelah menjalankan percubaan beberapa ketika Khalifah 'Umar mendapat kesimpulan bahawa setiap orang lelaki itu cukup dengan bekalan makanan sebanyak dua *jarib* (karung) bagi setiap bulan. Demikianlah beliau terus memberikan bantuan makanan kepada setiap orang lelaki, wanita dan hamba sahaya sebanyak dua *jarib* sebulan, dan kadar itu berjalan terus-menerus sehingga menjadi sebutan yang lumrah kepada setiap orang yang hendak mendoakan supaya sahabatnya mendapat kekalutan dan kesusahan yang dikatanya: "Semoga Allah memotong *jarib*nya ...".

Al-Mawardi menyambung keterangan mengenai masalah ini dengan mengatakan bahawa *diwan* dan senarai itu dilakukan mengikut kaedah pentadbiran orang Arab mengenai tertib nama orang ramai dan juga mengikut siapa yang lebih dahulu masuk Islam serta berkelakuan baik serta patuh beragama. Sesudah golongan yang masuk Islam lebih dahulu meninggal, maka keutamaan diberikan pula kepada siapakah yang lebih berani berperang dan lebih sanggup dan tahan menghadapi ujian malapetaka. Demikianlah kaedah keutamaan yang dilakukan dalam senarai kadar gaji anggota tentera ketika mula-mula dahulu, iaitu mengikut panggilan yang terdekat dan tertib mengikut hukum syara'.

Perkara 210 - *Diwan* Bayaran dan Kutipan Wang: Sejak Bilakah Ditulis dalam Bahasa Arab?

Diwan membayar dan mengutip wang setelah lahirnya Islam dengan berdasarkan kaedah ini: Bagi negeri Syam dan Iraq dijalankan seperti yang pernah dilakukan sebelumnya.

Dengan demikian, *diwan* dan jabatan kerajaan di negeri Syam dilakukan dalam bahasa Rumawi kerana negeri itu pada asalnya merupakan sebahagian daripada tanah jajahan orang Rumawi. *Diwan* di negeri Iraq menggunakan bahasa Parsi kerana pada asalnya negeri itu menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Parsi. Keadaan seperti ini terus berlangsung hinggalah pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan yang telah memberi arahan supaya *diwan* di negeri Syam menggunakan bahasa Arab dalam tahun 81 Hijrah.

Perkara 211 - Bilakah *Diwan* Negeri Iraq Mula Membuat Catatan dalam Bahasa Arab dan Bagaimanakah Ia Berlaku?

Penggunaan bahasa Parsi dalam *diwan* di Iraq telah ditukar kepada bahasa Arab disebabkan oleh suatu peristiwa, iaitu seorang kerani al-Hajjaj yang bernama Zadan Farukh mempunyai seorang rakan sekerja bernama Saleh bin Abdul Rahman yang sedang menulis di hadapannya dengan menggunakan bahasa Arab dan Parsi. Zadan Farukh mengajaknya bercakap mengenai al-Hajjaj yang biasa dipandang rendah oleh Zadan Farukh itu. Saleh berkata kepada Zadan Farukh: "Sesungguhnya al- Hajjaj sangat sayang kepadaku dan tidak percaya kepadamu dan saya bimbang nanti dia akan memberi keutamaan

kepada saya melebihimu". Jawab Zadan Farukh: "Sahlah kau harapkan keadaan seperti itu akan berlaku kerana dia (al-Hajjaj) lebih berhajat kepada saya daripada saya berhajat kepadanya kerana tiada orang lain yang dapat menyempurnakan pekerjaannya dengan baik selainku ...". Saleh menjawab lagi: "Baiklah, kalau saya mahu mengubah kira-kira kewangan ini kepada bahasa Arab pasti saya mampu melakukannya ...". Zadan Farukh pun menjawab dengan nada mencabar: "Kalau begitu silalah buat sehelai kertas ataupun sebaris tulisan sahaja supaya dapat saya lihat ...". Saleh menyahut cabaran itu dan melakukan kira-kira itu dalam bahasa Arab sepenuhnya. Tidak berapa lama Zadan Farukh mati terbunuh dalam zaman kekuasaan Abdul Rahman bin al-As'ath dan al-Hajjaj telah melantik Saleh untuk mengambil alih tugas-nya. Saleh menceritakan kepada al-Hajjaj tentang pertengkaran yang berlaku di antaranya dengan Zadan Farukh itu. Al-Hajjaj kemudian memerintahkan supaya bahasa pentadbiran jabatannya ditukar daripada bahasa Parsi kepada bahasa Arab. Saleh menerima arahan itu dengan memohon satu tempoh tertentu untuk memindahkan semua kerja pentadbiran itu ke dalam bahasa Arab. Apabila anak Zadan Farukh yang bernama Murdansyah bin Zadan Farukh mendengar berita ini, dia pun menawarkan wang sebanyak 100 000 dirham supaya Saleh meminta maaf kepada al-Hajjaj atas kesanggupannya itu dan menyatakan bahawa dia tidak berupaya memindahkan pentadbiran yang menggunakan bahasa Parsi itu kepada bahasa Arab tetapi Saleh enggan menerimanya. Murdansyah sangat marah lantas berkata kepada Saleh: "Allah akan memotong rezekimu di dunia seperti kamu telah memotong asal usul bahasa Parsi ...". Berkenaan hal ini kerani Khalifah Marwan yang bernama Abdul Hamid bin Yahya telah berkata: "Sungguh besar sekali jasa Saleh sebagai penamat penggunaan bahasa Parsi di jabatan-jabatan kerajaan ...".

Perkara 212 - Apakah Masalah-masalah Utama dalam Senarai Besar *Diwan* Kerajaan

1. Masalah pengesahan jawatan anggota tentera dan kadar pangkat serta gaji mereka.

2. Masalah urusan pentadbiran mengenai ketetapan dan perintah serta hak-hak (Khalifah dan para pegawai tinggi negara).

3. Masalah perlantikan dan pemecatan pegawai dan kakitangan kerajaan; dan

4. Masalah wang masuk dan wang keluar (di bawah jabatan kewangan dan baitulmal).

Perkara 212 - Sistem Feudalisme

Sistem feudal bukanlah hasil daripada pemerintahan Islam, malah ia telah pun dikenali sejak zaman sebelum Islam lagi dan telah dilaksanakan dengan cara yang dipandang jijik oleh hati nurani manusia.

Sesuatu sistem itu dimaksudkan sistem feudal apabila seseorang raja berhasil menakluk ataupun menawan sebuah negeri dan terus berkuasa di negeri itu maka tanah-tanah di negeri-negeri yang berkenaan itu dibahagikannya kepada para panglima perang dan para pengawalnya sebagai suatu anugerah kepada mereka berdasarkan khidmat dan taat setia mereka kepadanya serta pengorbanan mereka dalam bidang ketenteraan dan sosial. Oleh yang demikian, para panglima dan pengawal itulah yang mengatur dan menguruskan pembahagian tanah itu kepada anak-anak buah dan orang bawahannya. Ini bererti, raja mengurniakan kawasan-kawasan tanah itu kepada para panglima dan pembesarnya sebagai membalas jasa pengorbanan mereka kerana menjaga keselamatan diri dan juga takhta kerajaannya. Sistem feudal ini begitu meluas di Eropah pada Zaman Pertengahan dahulu. Oleh yang demikian, setiap orang yang diberi milik tanah itu dapat memiliki tanah berkenaan serta sesuatu yang terdapat di atas tanah itu sama ada daripada kalangan manusia, haiwan ataupun tumbuh-tumbuhan.

Sistem feudal dalam Islam, kalaupun ada ia bukanlah dalam bentuk memberi milik tanah dengan cara merampasnya daripada tangan para pemilik asalnya dan diberi milik kepada orang yang melakukan penaklukan negeri itu. Tanah yang dipandang sebagai tanah feudal itu ialah tanah yang menjadi milik kaum Muslimin dengan sebab penaklukan negeri dan yang tidak mempunyai sebarang pemilik tetap yang menuntut hak milik tanah itu, seperti tanah-tanah yang dahulunya menjadi hak kepunyaan raja-raja atau maharaja dan kaum keluarganya dan anak-anak raja (pangeran dan tengku) yang lari keluar negeri kerana takut mati. Demikian jugalah tanah-tanah yang para pemiliknya telah mati dibunuh dalam peperangan ataupun yang telah melarikan diri.

Khalifah 'Umar telah memilih tanah-tanah kepunyaan Kisra di Iraq, tanah-tanah kepunyaan para pembesar dan kaum keluarganya, juga tanah kepunyaan orang yang telah ditawan di medan perang ataupun telah melarikan diri ke negeri musuh atau tanah yang bertakung air dan yang masih hutan rimba.

Abu Yusuf telah menulis seperti berikut:[39] "Adapun tanah-tanah itu dijadikan sebagai tanah yang masih belum dimiliki oleh sesiapa pun. Memang telah tercatat dalam *diwan* (buku rekod) bahawa Khalifah telah mengambil alih harta-harta kepunyaan Kisra dan keluarga Kisra, semua orang yang lari meninggalkan medan pertempuran, orang yang terbunuh dalam pertempuran, tanah yang dibanjiri air dan juga tanah belukar. Maka Khalifah 'Umar telah memberi milik iaitu setaraf dengan pembahagian milik yang masih belum dimiliki oleh sesiapa dan tidak juga dimiliki oleh ahli waris. Bagi tanah seperti itu, pihak Imam atau kepala negara yang adil berhak memberi milik tanah itu kepada orang yang telah membuat jasa dalam menyebarkan agama Islam iaitu seperti jasa berjihad dan memberikan khidmat cemerlang kepada negaranya. Di samping itu pula Imam hendaklah sentiasa menggunakan harta itu dengan baik tanpa mencari sebarang kepentingan untuk dirinya sendiri. Demikian

39 Abu Yusuf, *op. cit.*, hlm. 53.

jugalah tindakan yang dilakukannya berkenaan masalah pemberian hak milik tanah. (Maka inilah caranya pembahagian milik tanah di negeri Iraq mengikut tinjauan dan pandangan saya. Demikian jugalah cara pembahagian yang telah dilakukan oleh al-Hajjaj (kemudian oleh 'Umar bin Abdul Aziz, kerana Khalifah 'Umar telah melaksanakan keputusan ini dengan berpandu kepada ajaran sunah)".

Kemudian Abu Yusuf bercakap pula berkenaan sistem pembahagian tanah feudal di tanah Hijaz, Makkah, Madinah dan tanah-tanah lain di Semenanjung Arab, tanah di Basrah dan Khurasan mengenai cara berlakunya sistem feudal sejak zaman hayat RasululLah s.a.w. dan pada zaman kemudiannya. Beliau telah menyatakan selanjutnya: "Semua tanah yang ditakluki di negeri-negeri Iraq, Hijaz, Yaman, Taif dan semua tanah di Semenanjung Arab pada asalnya adalah kosong, terbiar dan masih belum menjadi milik atau tidak menjadi tanah pusaka kepunyaan sesiapa pun dan tidak ada sebarang kesan bangunan di atas tanah itu. Maka Imam berhak memberi milik tanah itu kepada orang yang akan memajukannya dan jika tanah yang berkenaan terletak dalam kawasan tanah yang bercorak *kharaj,* maka pihak yang menerima tanah itu dikenakan membayar *kharaj*. Jika tanah itu terletak dalam kawasan yang dikenakan *'usyur* maka dia wajib membayar cukai *'usyur*nya".

Kemudian Abu Yusuf memberi nasihat kepada Khalifah al-Rasyid dengan mengatakan: "Dan saya berpendapat bahawa pihak Imam tidak sepatutnya membiarkan tanah yang belum dimiliki dan juga tiada sebarang bangunan di atasnya. Oleh yang demikian, Imam berhak membahagikan milik tanah yang berkenaan kerana perbuatan seperti itu lebih menjamin kemakmuran negara dan boleh membawa hasil *kharaj* yang lebih besar ...".

Nasihat Abu Yusuf kepada Khalifah al-Rasyid itu memberi pengertian bahawa dasar dan polisi negara atau kerajaan Islam dalam masalah memberi hak milik tanah yang baru ditakluki itu berpandukan satu daripada dua cara:

(a) Sama ada memindah hak milik tanah itu kepada pihak negara dengan pendapat bahawa semua pekerja yang mengusahakan tanah itu adalah orang yang mengambil upah mengerjakannya, iaitu menjadikan tanah itu sebagai sebahagian daripada tanah *kharaj* seperti yang berlaku di negeri Syam dan Iraq.

(b) Memecahkan tanah-tanah berkenaan menjadi lot-lot kecil yang dibahagikan kepada orang yang mengerjakannya supaya mereka menjadi pemilik-pemilik tanah itu dan hapuslah segala gejala pemilikan tanah secara besar-besaran dan segala akibat serta kesan yang buruk, seperti yang berlaku di Andalus (Sepanyol).

Perkara 214 - Sistem Pembahagian Milik Tanah dalam Islam dan Sistem yang Serupa dengannya

Sistem pembahagian milik tanah dalam Islam hampir sama dengan yang dinamakan sekarang sebagai "Domino Tanah". Kaedah pembahagian tanah yang

telah dilakukan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khattab dalam membahagikan tanah kepada para individu tanpa campur tangan negara dalam hak milik tanah itu adalah serupa dengan pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang kewangan pada zaman moden ini yang menyarankan supaya pihak negara memberi kebebasan milik tanah itu kepada rakyat jelata. Ini berlaku kerana pihak pemerintah tidak cekap mentadbir urusan mengusaha dan membangunkan tanah itu kerana di bawah kawalan pihak kerajaan hasil yang dapat dikutip daripada tanah yang berkenaan adalah sangat kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan penghasilan yang boleh didapati oleh para individu daripada tanah milik mereka sendiri. Juga kerana pembangunan tanah itu dapat dijalankan lebih berkesan dengan diberikan kebebasan individu dan juga dapat menjamin bertambahnya hasil-hasil negara.

Perkara 215 - Tanah-tanah yang Belum Dimiliki

Hasil penaklukan negeri-negeri seperti Iraq, Syam dan lain-lainnya, terdapat banyak jumlah tanah yang terbiar kosong tanpa diusahakan kerana tiada pemiliknya dan juga tiada pihak yang mengerjakannya, ataupun kerana tanah itu pada asalnya menjadi kepunyaan raja-raja atau negara yang telah ditakluki. Tanah seperti inilah yang telah diambil oleh Khalifah 'Umar bin al- Khattab dan diserahkan sebagai *al-sawaafi* (yang dibersihkan) kerana Khalifah telah menyerahkannya secara bersih dan sejati kepada baitulmal. Ia juga dinamakan sebagai *al-qatai'e* (yang dipotong-potong) kerana kemudiannya ia dipotong dan dipecah-pecahkan kepada pihak yang menjaga dan mengerjakannya.

Perkara 216 - Bagaimanakah Pendapat Abu Yusuf Tentang Pemberian Hak Milik Tanah (*Qatai'e*)

Tanah yang dikatakan sebagai tanah feudal di negeri Iraq itu ialah semua tanah kepunyaan Kisra dan kaum kerabatnya sendiri yang masih belum dimiliki atau menjadi hak milik seseorang yang lain. Oleh sebab itu, ia dipanggil juga sebagai "tanah-tanah kosong untuk pertanian".

Pernah dirawikan bahawa Khalifah 'Umar telah mengambil alih kekuasaan memerintah tanah yang dahulunya menjadi milik Kisra, Maharaja Parsi serta kaum kerabatnya atau setiap orang yang tewas dalam pertempuran, melarikan diri ke negeri musuh, ataupun ditenggelami air. Khalifah 'Umar terus menyerahkan urusan menyempurnakan pentadbirannya kepada baitulmal dan tidak memberi milik kepada sesiapa pun.

Perkara 217 - Kedudukan Sebenar Tentang Sistem Feudal dalam Islam dan Pembohongan yang Telah Dilakukan oleh Orang Feudal yang Berniat Jahat Terhadap Islam

Di antara golongan yang suka membuat dakwaan palsu terhadap Islam ialah golongan yang mendakwa bahawa Islam telah menaja dan memperkenalkan

sistem feudalisme yang diperkenal dan diamalkan di Eropah pada abad-abad per-tengahan. Dakwaan-dakwaan seperti itu adalah suatu pembohongan yang jelas sekali palsu.

Memang sebelum ini pun telah kita tegaskan bahawa persamaan nama dan sebutan itu tidaklah menafikan wujudnya perbezaan di antara kedua sistem (yang bersamaan nama dan sebutan itu). Memang terdapat sesetengah golongan yang sentiasa menaruh perasaan benci terhadap Islam dan seringkali membuat dakwaan bahawa Islam telah memperkenalkan sistem feudalisme yang telah diamalkan di Eropah pada abad-abad pertengahan dahulu. Tetapi perbezaan di antara kedua sistem yang berlaku pada zaman pemerintahan Islam dengan yang berlaku di Eropah sangat jauh bezanya bagaikan langit dengan bumi. Ini kerana sistem feudalisme yang berlaku di Eropah adalah suatu sistem yang memberikan kuasa kepada pemilik tanah untuk memiliki tanah yang sangat luas bagi semua petani dan pekerja termasuk haiwannya dalam bentuk pemilikan yang membenarkan pihak pemilik berkenaan membuat keputusan dan mengambil tindakan terhadap tanah yang berkenaan dan juga para petani, pekerja dan haiwan yang ada di atas tanah itu tanpa terikat dengan undang-undang ataupun peraturan yang berkaitan dengan akhlak dan budi pekerti. Oleh yang demikian, kiranya tanah itu dijual oleh pihak pemiliknya kepada orang lain maka dengan sendirinya bertukarlah hak milik tanah itu termasuk para petani, pekerja dan haiwannya kepada pihak pemilik yang baru.

Faktor inilah yang ditolak dan tidak dapat diterima oleh Islam dalam membuat undang-undang dan peraturannya berkenaan masalah kehidupan umat manusia. Menurut pandangan Islam petani adalah manusia yang bebas, merdeka serta mempunyai kehormatan dan keperibadian di samping kemampuan diri yang lengkap sempurna. Oleh yang demikian, tidak boleh diberikan sebarang perhatian dan diambil kira sedikit pun mengenai persamaan sebutan dan nama di antara sistem feudal Islam dengan sistem feudal Eropah kerana jurang perbezaan di antara kedua-dua sistem itu adalah sangat jauh.

Perkara 218 - Contoh dan Perbandingan Corak Pemerintahan Khulafa' al- Rasyidin

Sahib, pengarang buku *al- Fakhri* telah menyatakan bahawa ciri dan sifat umum bagi era pemerintahan Khulafa' al- Rasyidin dapat disimpulkan seperti berikut: "Ketahuilah bahawa bentuk pemerintahan para Khulafa' al- Rasyidin itu tidak sama dengan bentuk atau corak mana-mana jua sistem pemerintah yang ada di dunia ini, kerana corak dan sistem pemerintahan mereka adalah lebih dekat kepada corak *misali* dalam semua masalah yang berbentuk duniawi dan *ukhrawi*, dan memang tiada tolok bandingnya dengan corak pemerintahan apa jua pun ...".

Daripada segi rupa dan bentuknya pemerintahan mereka serupa dengan corak dan bentuk pemerintahan nabi-nabi, dan daripada segi petunjuk yang dibawanya lebih mirip kepada petunjuk wali-wali. Manakala daripada segi penaklukan mereka sama dengan penaklukan yang telah dilakukan oleh para

maharaja yang perkasa. Kehidupan mereka pula sentiasa bersikap serba sederhana dalam semua urusan hidup termasuk makanan dan pakaian. Pernah seorang daripada mereka berjalan kaki di pasar sambil memakai baju gamis yang lusuh dan bertampal hingga ke separuh betisnya, sedangkan makanan mereka pula setaraf dengan makanan orang yang paling miskin dalam masyarakat mereka.

Corak pemerintahan empat orang Khulafa' al-Rasyidin lebih mirip dengan corak pemerintahan yang berlandas kepada ajaran agama dan jauh daripada corak pemerintahan keduniaan dalam semua keadaan. Setiap orang khalifah yang empat itu sentiasa memakai kain daripada kanvas yang keras dan kasar, sepatunya pula diperbuat daripada sabut, dan selendang pedangnya juga daripada sabut. Beliau sering berjalan bersendirian tanpa pengawal di pasar-pasar dan kalau bercakap dengan seorang rakyat yang paling rendah taraf hidupnya maka percakapannya lembut dan semua rakyat jelata pula memandangnya sebagai sebahagian daripada ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Di bawah pemerintahan para Khulafa' al- Rasyidin semua orang Islam adalah tentera dan peperangan mereka adalah kerana agama bukan kerana dunia. Dalam golongan mereka pula sentiasa ada orang yang sanggup memberikan sumbangan daripada sebahagian hartanya yang baik dan halal untuk kebajikan serta ibadat kepada Allah. Mereka tidak mengharapkan sebarang ganjaran atas perbuatan mereka menganut agama Islam dan membantu perjuangan Nabi mereka Muhammad s.a.w. kecuali kurnia daripada Allah S.W.T. semata-mata.

Perkara 219 - Pandangan Georgi Zaidan Tentang Keadaan Hidup Khulafa' al-Rasyidin

Mendiang Georgi Zaidan,[40] pengasas Yayasan al-Hilal telah menulis: "Keadaan hidup Khulafa' al-Rasyidin", seperti berikut:

"Daripada huraian yang lalu dapatlah kita melihat bahawa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin itu ditegakkan di atas tonggak taqwa dan dibina dengan berdasarkan keadilan, manakala khalifah-khalifahnya hidup dalam keadaan yang paling sederhana dan bersahaja. Setiap khalifah pada zaman itu telah menjalankan tugas pemerintahan negaranya dengan berpandukan prinsip-prinsip agama dan setiap khalifah sentiasa memakai baju yang dibuat daripada *kirbas* yang kasar (*kirbas* ialah kapas putih) daripada kapas dan memakai sepatu atau selipar daripada sabut, dan selendang pedangnya juga daripada sabut, juga sering berjalan di pasar-pasar seperti rakyat biasa. Apabila dia bercakap kepada orang yang paling dekat dengannya, maka boleh didengar suara orang lain yang bercakap lebih keras daripadanya. Khalifah-khalifah menganggap keadaan hidup seperti itu sebagai sebahagian daripada ajaran agama dan mereka sentiasa menjalankan pemerintahan dengan berpandukan kepada prinsip taqwa, keadilan dan teladan yang baik.

40 Georgi Zaidan, *Sejarah Tamadun Islam*, Jilid 1, hlm. 62 dan 86.

Makanan mereka pula adalah lebih rendah tarafnya daripada jenis makanan orang miskin, mereka mengurangkan makanan seperti itu bukan kerana miskin atau tidak berupaya mendapatkan makanan yang baik-baik, tetapi justeru kerana simpati dan belas kasihan kepada orang miskin daripada kalangan rakyat jelata mereka sendiri, kerana Khalifah 'Ali bin Abi Talib ada memiliki barang-barang keperluan yang tinggi bertimbun dan semuanya dibahagikannya kepada orang miskin.

Khulafa' al-Rasyidin tidak menghiraukan soal wang serta harta benda dan memang keadaan seperti itu menjadi sikap semua sahabat Nabi pada zaman mereka. Keadaan seperti itu mungkin berpunca daripada dekatnya zaman mereka dengan zaman hayat Nabi dan suasana zaman kenabian itu masih dapat dirasakan serta mempengaruhi suasana hidup mereka. Tetapi setelah zaman Nubuwwah itu telah jauh berselang, maka kehebatannya pun mulai hilang dan semua orang pada zaman itu pun hidup mengejar kemewahan dunia semata-mata.

Al-Mas'udi ada menyebutkan bahawa pada hari Khalifah 'Uthman wafat terdapat dalam simpanannya sebanyak 150 000 dinar dan satu juta dirham manakala harta-hartanya di Wadi al- Qura, Hunain dan lain-lainnya adalah dianggarkan bernilai 100 000 dinar, di samping unta dan kuda yang banyak sekali jumlahnya.

Seterusnya, Georgi Zaidan menegaskan lagi dalam kitabnya *Sejarah Tamadun Islam dalam Zaman Pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin* dengan mengatakan: "Bahawa zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin itu merupakan zaman keemasan Islam iaitu zaman terlaksananya keadilan dan taqwa, pemerintahan dilaksanakan berdasarkan asas-asas keadilan dan kejujuran serta penuh keghairahan kepada agama dan mengenepikan keduniaan".

Perkara 220 - Cukai-cukai Tidak Langsung dalam Islam

Khalifah 'Umar bin al- Khattab telah melarang mengutip cukai *'usyur* lebih daripada sekali kepada seorang peniaga yang membawa satu barang yang sama selama beberapa kali dalam masa satu tahun. Sesungguhnya telah dirawikan mengenainya Khalifah 'Umar[41] bahawa salah seorang pegawai pengutip cukai *'usyur* telah mengambil tindakan mengutip cukai berulang kali, iaitu seorang *zimmi* daripada kaum Bani Taghlib telah melalui tempat pemerintahan cukai dengan membawa sejumlah kuda bersamanya, maka pegawai itu pun menilai harga kuda itu sebanyak 20 000 sambil berkata kepada orang *zimmi* itu: "Berikanlah kuda-kuda itu kepadaku dan terimalah wang sebanyak 19 000 atau bayarlah kepada saya 1000 dan ambillah kuda ...". Peniaga orang *zimmi* itu membayar 1000 (dirham) seperti yang diminta itu sambil membawa kudanya, kemudian dia melalui semula tempat pemeriksaan itu dalam perjalanan balik pada tahun itu juga, maka pegawai itu meminta supaya dibayar cukai 1000 lagi; lalu orang *zimmi* pun bertanya dalam nada membantah: "Adakah anda ambil

41 Abu Yusuf, *op. cit.*

1000 daripada saya setiap kali saya lalu di sini?" Pegawai itu pun menjawab: "Ya". Maka peniaga daripada suku Taghlib itu pulang menghadap Khalifah 'Umar di Madinah sambil mengadukan tindakan pegawai pemungut cukai yang berkenaan, maka Khalifah pun menjawab: "Sudah cukup apa yang anda bayar itu dan (pegawai itu) tidak boleh mengutip lebih daripada itu. Peniaga itu lalu pula di tempat pemeriksaan dengan anggapan bahawa pemungut cukai itu pasti akan meminta supaya dia membayar cukai sebanyak 1000 sekali lagi, tetapi rupanya pegawai yang berkenaan terlebih dahulu telah mendapat satu surat arahan daripada Khalifah 'Umar dengan menyatakan: "Sesiapa sahaja yang lalu di tempat anda dan anda telah memungut cukai daripadanya, maka jangan pungut apa-apa bayaran lagi daripada orang yang membawa barang yang sama selama setahun, kecuali anda dapati dia membawa barang yang lebih (daripada yang dia bawa dahulu) ...".

Peristiwa ini jelas membuktikan betapa Khalifah 'Umar memberikan perhatian kepada masalah mengadakan sistem meringankan cukai kastam dan peristiwa ini juga membuktikan bahawa pungutan cukai itu dilakukan berdasarkan nilai dan harga barang bukan atas jenis dan mutu barang itu. Peristiwa ini juga membuktikan bahawa pihak pegawai mestilah menjalankan tugasnya dengan saksama dan teliti sambil memberikan kebebasan kepada pihak pembayar dalam membayar cukai berdasarkan penilaian yang betul dan menyerahkan barang berdasarkan harga yang telah dinilai supaya tidak timbul sebarang perasaan tidak puas hati dalam membayar cukai. Kaedah seperti ini menjadi satu prinsip penting dalam kaedah pungutan cukai dan duti kastam pada zaman moden ini.

Perkara 221 - Bagaimanakah Islam Memperkenalkan Prinsip-prinsip Keadilan, Keyakinan dan Penyelarasan Ekonomi Semenjak 12 Abad Mendahului Zaman Adam Smith

Keunggulan perundangan Islam tidak hanya terbatas kepada aspek memperkenalkan asas-asas kutipan cukai moden sahaja, malah ia merangkumi juga prinsip-prinsip percukaian itu sendiri. Dalam pandangan para penulis dan ilmu zaman moden ini cukai itu hendaklah berpandukan empat prinsip: keadilan, keyakinan, persefahaman dan ekonomi.

Para penulis dan ilmuan zaman kini terus menisbah dan menghubungkaitkan prinsip ini kepada seorang tokoh penulisan abad ke-18, iaitu Adam Smith, manakala sebahagian mereka membuat rujukan mengenainya daripada orang Perancis yang bernama Turgot. Sebaliknya mereka lupa dan sengaja tidak mengambil kira bahawa Islam yang telah menaja prinsip-prinsip itu dan telah pun melaksanakannya dalam amalan kutipan cukai pada zaman pemerintahannya.

Perkara 222 - Prinsip Keadilan

Adam Smith, seorang tokoh ekonomi bangsa Inggeris, telah memberi penjelasan mengenai prinsip keadilan itu dengan katanya: "Rakyat jelata di sese-

buah negara perlulah mengambil bahagian dan menyertai bersama dalam menanggung segala urusan perbelanjaan kerajaan, mengikut kemampuan dan keupayaannya, iaitu mengikut kadar penghasilan yang diperoleh dan dinikmatinya di bawah perlindungan pihak negara ...". Prinsip-prinsip ini telah pun diperkenalkan oleh Islam melalui perundangan dan peraturannya mengenai kutipan cukai.

Zakat wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam tanpa sebarang perbezaan di antara yang muda dengan tua, besar dan kecil dan lelaki dengan wanita. Berlainan sekali dengan peruntukan yang wujud dalam sistem perundangan Barat kuno yang memberi pelepasan cukai di kalangan bangsawan dan tokoh-tokoh agama kerana orang bangsawan dan tokoh-tokoh agama itu mengikut pandangan sebahagian ulama mereka pada zaman lampau telah memberikan sumbangan kepada masyarakat dengan mempersembahkan darah mereka (yang mulia dan dipandang tidak sama dengan darah orang biasa, bagi kaum bangsawan) dan doa-doa mereka (bagi ahli-ahli agama); sedangkan zakat itu wajib ke atas semua orang Islam mengikut nisbah dan kadar harta benda mereka dan diberikan pelepasan daripada menunaikan zakat itu kepada orang yang tidak mampu menunaikannya, iaitu orang yang hartanya tidak mencukupi had nisab harta yang wajib dikeluarkan zakat tersebut.

Zakat juga diberi pelepasan mengikut pandangan tokoh-tokoh fiqh mazhab Hanbali kepada orang yang menanggung hutang yang melebihi had nisab.[42]

Ulama Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa hutang juga (yang melebihi daripada had nisab) boleh menyebabkan pelepasan zakat, kecuali zakat pertanian dan buah-buahan. Manakala dalam pandangan ulama Mazhab Syafi'i pula, hutang tidak boleh menyebabkan pelepasan zakat. Di samping itu pihak penggubal undang-undang Islam sangat memberikan perhatian kepada soal mengambil kira penghasilan yang sebenar ataupun yang dijangka dengan tepatnya dalam menentukan kadar nisab zakat, seperti yang kita dapati dalam kajian berkenaan masalah zakat. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa undang-undang Islam, ketika membuat keputusan memberi pelepasan kepada orang yang mempunyai penghasilan yang terbatas, dan mengambil kira masalah hutang dan belanja yang dikeluarkan untuk pengeluaran (kos pengeluaran), telah meletakkan beberapa asas moden bagi prinsip percukaian pada zaman moden ini. Undang-undang Islam tidak membataskan kaedah ini mengenai urusan zakat sahaja, tetapi kaedah ini merangkumi urusan cukai *kharaj* dan *'usyur* juga kerana Khalifah 'Umar telah melarang dikenakan cukai ke atas tanah yang tidak mampu mengeluarkan hasil. Beliau juga melarang daripada memungut cukai *'usyur* dua kali setahun ke atas barangan yang sama, sama seperti para *fuqaha* yang telah membuat ketetapan pelepasan bayaran *kharaj* kepada orang yang tidak berupaya mengusahakan tanah pertaniannya ataupun orang yang hasil pertaniannya ditimpa bencana kerosakan.[43]

Di samping itu, RasululLah s.a.w. sendiri telah menetapkan satu prinsip cukai dengan mengatakan:

"Tidak boleh dikutip zakat dua kali dalam satu tahun".

---

42 Rujuk kitab *Fiqh Empat Mazhab*, hlm. 475.
43 Abu al-Hassan al-Mawardi, *op. cit.*, hlm. 244.

Perkara 222 - Para *Fuqaha* Telah Mentafsirkan Hadis Tersebut dengan Membuat Satu Dasar iaitu Tidak Wajib Dikenakan Zakat Dua Kali Setahun dengan Sebab yang Sama[44]

Huraian ini merupakan satu takrif yang lengkap dan meliputi tegahan daripada berulang-ulangnya kutipan zakat. Takrif ini masih terus lagi dipelajari hingga sekarang dalam bidang ilmu kewangan. Mereka juga telah membuat rumusan tambahan ke atas takrif ini dengan menyatakan bahawa sesiapa yang memiliki barang-barang dagangan dan haiwan ternakan hanya wajib membayar zakat satu kali sahaja, dan pihak pemilik itu tidak boleh dituntut supaya membayar dua kali dan dua bentuk zakat.

Perkara 223 - Prinsip Keyakinan Pencukaian

Dalam mentakrifkan prinsip keyakinan ini Adam Smith menegaskan bahawa cukai yang wajib dibayar oleh rakyat itu hendaklah ditetapkan dengan cara yakin dan nyata, tanpa sebarang kesamaran atau kekeliruan dan sikap memandai sendiri daripada pihak yang mengutipnya iaitu semasa membayar cukai, cara membayar dan jumlah yang dibayar itu nyata dan jelas dan diketahui oleh pihak yang membayarnya dan juga oleh setiap orang. Prinsip ini telah pun dihayati oleh pihak penggubal undang-undang Islam dan saya tegaskan bahawa undang-undang Islam telah pun melaksanakan prinsip ini secara berkesan dan menyeluruh, iaitu seperti yang dapat dilihat mengenai kadar penentuan zakat itu dengan jelas dan nyata sekali dalam beberapa hadis RasululLah s.a.w. Kadar penentuan *kharaj* dan *'usyur* pula ditetapkan oleh Khalifah 'Umar bin al- Khattab. Penentuan terperinci mengenai bahan-bahan yang terlibat dengan cukai *kharaj* dan *'usyur* pula menjadi bahan kajian para *fuqaha* yang telah membuat huraian mengenai hukum-hukum dan kaedah-kaedahnya.

Perkara 224 - Pemilihan Petugas-petugas Mengutip Zakat bagi Mengelakkan Sikap Menyalahguna Kuasa dalam Membuat Nilaian Cukai

Islam tidak hanya memerintahkan supaya ditentukan kadar cukai dan juga undang-undang yang berkaitan dengannya sahaja, tetapi memberikan perhatian berat kepada masalah bersikap cermat dalam membuat pemilihan dan perlantikan pegawai-pegawai dan semua kakitangan pemungut cukai. Kita mestilah mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan, dengan anggapan bahawa keadilan itu tidak hanya terbatas dalam bidang perundangan sahaja tetapi meliputi soal pelaksanaan yang baik dan teratur rapi. Dalam masalah ini Abu Yusuf telah menyatakan (dalam suratnya memberikan nasihat kepada Khalifah al-Rasyid): "Wahai Amir al-Mu'minin, perintahlah pegawai-pegawai tuanku supaya memilih seorang yang amanah, jujur dan tidak bersikap tamak, yang selalu bersikap suka memberi dan menerima nasihat dan jujur kepada tuanku dan rakyat jelata Tuanku; kalau sudah didapati orang yang bersifat

44 Rujuk kitab *al-Mugh'ni*, hlm. 629.

demikian, maka lantiklah dia menjaga pegawai pengutip zakat di segenap penjuru negeri. Berilah perintah kepadanya supaya melantik beberapa orang kakitangan dan pembantu daripada kalangan kaum yang dia reda dan puas hati tentang kejujuran mereka dan arif tentang mazhab dan aliran fikiran mereka serta sikap amanah supaya mereka menjalankan tugas mengumpul kutipan zakat di seluruh negara dan menyerahkan kepadanya (sebagai ketua kutipan zakat itu) ...".

"Patik telah mendapat khabar bahawa ada pegawai-pegawai pemungut cukai *kharaj* telah menyuruh orang bawahan mereka pergi mengutip cukai daripada rakyat jelata, maka orang suruhan itu pun melakukan perbuatan aniaya dan bertindak sesuka hati mereka sendiri sambil mengutip wang dan harta yang tidak halal. Oleh sebab itu elok benar dipilih orang yang bersifat jujur dan tidak tamak". Abu Yusuf menyatakan selanjutnya: "Maka perlulah bersikap hati-hati dalam melantik orang yang bertugas mengutip *kharaj*, di samping menyelidiki latar belakang mengenai mazhab aliran fikiran mereka dan meneliti tentang cara mereka beribadat, seperti penelitian latar belakang orang yang hendak dilantik menjadi hakim di mahkamah ... ".[45]

RasululLah s.a.w. telah memerintahkan semua petugas mengutip zakat supaya bersikap sederhana dan menghayati ibadat yang wajib. Sabda RasululLah s.a.w.

العامل على الصدقة بالحق كالغازى فى سبيل الله.

Terjemahan: *Seorang petugas yang melaksanakan urusan zakat dengan jujur itu serupa dengan seorang pejuang dalam peperangan sabil.*

RasululLah s.a.w. bersabda kepada seorang petugas mengutip zakat dengan katanya:

اتق الله يا أبا الوليد لاتجئ يوم القيامة ببعير تهمله على رقبتك له رغاء، أو بقرة لها خوار، أو شاة لها ثواج.

Terjemahan: *Bertaqwalah kepada Allah wahai Aba al-Walid. Janganlah hendaknya anda tiba pada Hari Akhirat kelak dengan memikul seekor unta yang bersuara bising, ataupun seekor lembu yang bertebah (bersuara nyaring) atau seekor kambing yang sedang bertebek.*

Hadis dirawikan daripada RasululLah s.a.w. bahawa seorang petugas mengutip zakat telah datang menghadapRasululLah s.a.w. dengan memberitahu:

هذا لكم وهذا أهدى إلى...

Terjemahan: *Yang ini untuk kamu dan yang ini dihadiahkan kepada saya ... .*

45 Abu Yusuf, *al-Kharaj*, hlm. 80 dan 106.

ما بال عامل أبعثه فيقول: هذا لكم وهذا أهدى إلى أفلا قعد فى بيت أبيه أو بيت أمه حتى ينظر أيهدى إليه أم لا؟ والذى نفسى بيده لا يأخذ منها شيئاً إلا جاء به يوم القيامة يحمله على رقبته، إما بعير له رغاء أو بقرة لها خوار أو شاة لها ثواج.

Terjemahan: *Maka RasululLah s.a.w. pun bangkit berdiri sambil bersabda: "Apakah halnya seorang petugas yang saya utus untuk menjalankan tugasnya telah mengatakan: Yang ini untuk kamu dan yang ini telah dihadiahkan kepada saya. Mengapakah dia tidak duduk sahaja di rumah ayah atau ibunya supaya dia dapat melihat sama ada orang memberi hadiah atau tidak kepadanya? Demi Allah yang jiwaku dalam tangan-Nya dia tidak berhak mengambil sesuatu apa pun daripada harta zakat itu dan kalau dia mengambil juga maka dia akan tiba pada Hari Akhirat kelak dalam keadaan memikul harta itu di atas bahunya, sama ada seekor unta yang sedang bersuara bising, atau seekor lembu sedang bertebah ataupun seekor kambing sedang bertebek .*

Kemudian RasululLah s.a.w. pun mengangkat kedua belah tangannya sambil bersabda: *"Ya Tuhanku! Sudahkahku sampaikan seruan itu?"* RasululLah s.a.w. juga telah melarang (para petugas mengutip zakat) daripada memilih harta yang paling baik untuk diambil sebagai zakat. Sabda Junjungan s.a.w.[46] lagi:

إيا كم وكرائم أموالهم: إن الله تعالى لم يسألكم خيره ولم يأمر كم بشره.

Terjemahan: *Janganlah kamu ambil harta mereka yang paling baik sekali. Dan sabdanya lagi: "Sesungguhnya Allah tidak meminta kamu memberi harta yang paling baik dan tidak juga menyuruh dikeluarkan harta yang paling buruk ... ".*

Kaum Muslimin tidak merasa cukup setakat membuat pilihan yang terbaik ke atas diri para petugas dalam bidang kutipan cukai dengan memberikan pelbagai panduan dan arahan kepada mereka tetapi mereka juga telah berusaha memilih para petugas itu daripada kalangan orang yang dihormati dan disegani dalam masyarakat; kerana Abu Yusuf telah merawikan bahawa Abu 'Ubaidah telah memberikan pendapatnya kepada Khalifah 'Umar dengan katanya: "Anda telah melakukan keaiban kepada sahabat-sahabat RasululLah s.a.w. (kerana bersikap teliti dalam memilih petugas-petugas itu)". Maka Khalifah 'Umar pun menjawab: "Wahai Abu 'Ubaidah! Kalaulah saya tidak meminta bantuan ahli-ahli agama mengenai keselamatan agamaku, kepada siapakah lagi yang boleh saya minta bantuan ... ?" Jawab Abu 'Ubaidah : "Kalau anda hendak berbuat demikian bantulah mereka mengawal diri mereka daripada melakukan pengkhianatan,...". (Yakni jika anda lantik mereka menjadi petugas maka bayarlah gaji mereka secukupnya sesuai dengan tugas mereka yang berat

46 *Ibid.*, hlm. 123 dan *al-Mugh'ni*, hlm. 475.

itu supaya mereka tidak merasa perlu mencari pendapatan daripada sumber yang tidak sah bagi menampung keperluan hidup mereka).

Perkara 225 - Prinsip Persefahaman dalam Mengutip Cukai

Adam Smith memberikan huraian mengenai prinsip persefahaman ini dengan mengatakan: "Kutipan cukai itu hendaklah dilakukan pada waktu dan kaedah yang selaras dan sefahaman dengan pihak pembayar ...". Jika kita rujukkan masalah ini kepada kitab-kitab fiqh nescaya kita dapati bahawa kitab-kitab fiqh kita juga mengandungi keterangan yang berkaitan dengan cara kutipan zakat melalui kaedah yang menjamin kemudahan dan sikap berlembut kepada pihak pembayar. Para *fuqaha* telah memandang zakat itu wajib dikeluarkan daripada buah-buahan apabila jelas buah-buahan itu sesuai dipungut dan pada biji-bijian itu apabila ia keras.

Abu Musa mengatakan: "Zakat bijian itu wajib ditunaikan pada hari ia ditunaikan ataupun dipungut", berdasarkan firman Allah S.W.T.

. . . وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ . . .

سورة الأنعام ٦ : اية ١٤١

Terjemahan: ... *Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya ... .*

(Surah al-An'ām 6:141)

Zakat itu ditunaikan daripada jenis harta itu juga, sama ada semasa ia elok ataupun buruk.[47]

Majoriti *fuqaha* berpendapat bahawa pihak Imam berhak mengutus pekerjanya untuk membuat nilaian zakat apabila buah anggur dan kurma mula nampak ranum dan dengan demikian dapatlah diketahui kadar zakatnya. Pihak pemilik pula boleh diberi pilihan antara memberi persetujuan untuk membayar jumlah zakat atau menjual buah-buahan itu terlebih dahulu ataupun menyimpannya hingga ke suatu waktu yang munasabah. Para *fuqaha* juga telah meletakkan suatu kewajipan kepada pihak petugas yang membuat nilaian zakat itu supaya memberi pelepasan daripada nilaian itu sebanyak satu per tiga atau satu per empat bahagian buah-buahan itu dengan tujuan memberi keringanan kepada pihak pemilik, yang juga perlu makan sendiri dan menjamu para tetamu dan jiran tetangga mereka, sanak saudara dan handai taulan mereka; dan mungkin juga ada buah-buahan yang gugur atau dimakan oleh burung dan orang lalu lalang. Oleh yang demikian kalaulah diminta supaya mereka membayar zakat daripada semua buah-buahan yang ada pada ketika membuat penilaian itu nescaya boleh merugikan mereka. Waktu mengeluarkan zakat ialah sesudah biji-bijiannya dibersihkan dan buah-buahnya dikeringkan, manakala pada barang-barang perniagaan pula apabila cukup tempoh setahun.

47 Rujuk *al-Mugh'ni*, hlm. 571.

Setiap orang yang sempat membaca surat-surat kiriman di antara Khalifah 'Umar bin al-Khattab dengan Amru bin al-'As,[48] pasti akan merasa kagum dengan sikap bertimbang rasa kedua-dua tokoh itu kepada pihak pemilik harta dan sikap mereka yang inginkan supaya prinsip persefahaman di antara kedua-dua pihak itu dipelihara (terutama sekali pihak pembayar). Khalifah 'Umar telah mengirim surat kepada Amru bin al-'As supaya bertanya kepada al-Muqauqis berkenaan hal ehwal negeri Mesir dan cara bagaimana membangunkan negeri itu, juga apakah faktor yang membawa kemakmuran dan juga keruntuhan negeri itu. Maka al-Muqauqis pun menyebutkan lima cara untuk memelihara kemakmuran negeri itu sambil menyebutkannya satu persatu. Di antara cara-cara itu ialah supaya cukai *kharaj*nya dikutip sekali gus, iaitu dalam satu masa yang tertentu, atau pada ketika pihak petani selesai mengutip hasil pertanian mereka, dan tidak dikutip cukai itu pada satu ketika tertentu pula, iaitu sesudah mereka selesai memerah buah angur mereka. 'Amru merasa senang hati mendapat nasihat seperti itu dan menulis surat kepada semua kakitangannya di segenap pelosok negeri supaya mengikut nasihat itu. Ketika Khalifah 'Umar bersungut kerana 'Amru lambat mengutip dan mengirim hasil kutipan cukai *kharaj* ke Madinah, 'Amru menjawab sungutan itu dengan menyatakan: "Rakyat jelata telah memohon kepada saya supaya mereka dapat mengutip hasil tanaman mereka terlebih dahulu, maka saya pun menunggu waktu yang munasabah untuk mengutip cukai itu, kerana bersikap timbang rasa kepada mereka adalah lebih baik daripada bersikap keras dan kasar sehingga mereka terpaksa menjual barang-barang keperluan mereka ...".

Perkara 226 - Prinsip Ekonomi dalam Pencukaian

Berkenaan prinsip ekonomi, Adam Smith telah memberi penjelasan seperti berikut: "Pelaksanaan dan kutipan cukai hendaklah dilakukan dengan satu cara yang baik supaya cukai itu dapat dikutip daripada pihak pembayar dengan kos yang paling rendah ...". Dalam masalah ini kita boleh meneliti kandungan kitab karangan Abu Yusuf, iaitu isi surat yang dikirimnya kepada Khalifah Harun al-Rasyid. Beliau menegaskan: "Sewajarnyalah dilantik orang yang jujur dan tidak bersifat tamak dalam tugas mengutip cukai, kerana jika tuanku lantik seorang lelaki yang boleh diharap dan dipercayai kerana keteguhan agamanya dan sikap amanahnya bererti tuanku ikut mengurniakan rezeki kepada rakyat jelata mengikut kadar yang tuanku dapat lihat daripada kejujuran petugas itu, dan juga bererti tuanku tidak mengutip cukai yang melebihi daripada kadar yang sepatutnya ...".

Abu Yusuf juga telah menegur dan mengkritik sistem paksaan dalam mengutip cukai, yang terkenal sebagai sistem *taqbil* (mahu menerima sahaja). Dalam masalah ini beliau telah menyatakan:[49] "Saya berpendapat janganlah dikutip sesuatu cukai daripada tanah al-Sawad dan bukan al-Sawad (tanpa diteliti terlebih dahulu sama ada tanah itu mengeluarkan hasil) tanpa usul

48 Abu Yusuf, *op. cit.*, hlm. 80.
49 *Ibid.*, hlm. 105.

periksa mungkin melakukan perbuatan aniaya kepada pihak pembayar dan memberatkan mereka membayar cukai yang tidak patut mereka bayar. Perbuatan seperti ini boleh membawa keruntuhan kepada negara dan kebinasaan rakyat jelata, sedangkan pegawai yang hanya mahu menerima cukai sahaja tanpa usul periksa tidak mahu ambil tahu kesusahan rakyat, asalkan dia dapat mengutip hasil yang membawa keuntungan pada dirinya sahaja ...".

"Sesungguhnya Allah S.W.T. memerintahkan supaya diambil daripada mereka benda yang lebih daripada keperluan hidup mereka sahaja dan Allah tidak menghalalkan mengambil sesuatu daripada mereka dengan keadaan melebihi daripada kemampuan dan keupayaan mereka. Sesungguhnya saya tidak suka kepada sikap memaksa sebab saya tidak percaya bahawa petugas itu tidak akan mengenakan sebarang tekanan kepada pembayar cukai, lantas mengambil tindakan menganiaya para pembayar cukai seperti yang telah saya sebutkan tadi. Dengan berbuat demikian, rakyat jelata mendapat kesusahan dan runtuhlah apa yang mereka bina selama ini serta hancurlah sistem *kharaj* yang sebenarnya. Sesungguhnya, sebab utama yang telah membinasakan umat-umat sebelum mereka ialah sikap menekan kebenaran hingga kebenaran itu terpaksa dibeli dan sikap mereka menonjolkan kezaliman hingga orang terpaksa membayar wang tebusan atau perlindungan untuk menghindarkan diri daripada terkena kezaliman itu ...".

Perkara 227 - Teori Tradisi dan Teori Islam Tentang Pencukaian, yang Bertujuan Menggunakan Cukai Sebagai Alat untuk Mencapai Kemajuan Sosial, Politik dan Ekonomi

Jika kita berikan perhatian kepada matlamat-matlamat utama yang hendak dicapai daripada mengenakan cukai nescaya kita dapati bahawa teori tradisional dalam ilmu kewangan secara umumnya memandang bahawa cukai yang digunakan sebagai satu alat untuk mencapai satu matlamat sosial atau ekonomi tidak akan berjaya mencapai tujuannya ataupun tidak mampu membawa hasil daripada segi kewangan. Teori ini ternyata palsu kerana dalam abad ke-20 banyak negara di dunia yang menggunakan sistem percukaian itu sebagai alat untuk mencapai reformasi sosial dan untuk mendekatkan jurang perbezaan di antara golongan yang berada dengan yang tidak berada dan juga sebagai alat memajukan sektor perekonomian dengan memberi galakan supaya dilaksanakan beberapa aktiviti yang perlu dilakukan.

Dasar inilah yang menjadi satu panduan beberapa buah negara moden dalam abad ke-20 ini dan dasar ini telah pun diperkenalkan oleh Islam sejak awal lagi; kerana Islam telah memperkenalkan kewajipan menunaikan zakat untuk melaksanakan beberapa matlamat sosial yang sangat mulia seperti yang telah digambarkan oleh beberapa ayat suci al-Qur'an, hadis-hadis Nabi s.a.w. dan pendapat para *fuqaha*.

Firman Allah:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ

وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

سورة التوبة ٩: اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan diri-nya, orang yang berhutang untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, orang musafir (yang keputusan perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah 9 : 60)

Firman Allah:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا . . .

سورة التوبة ٩: اية ١٠٣

Terjemahan: *Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).*

(Surah al-Taubah 9:103)

Firman Allah:

وَفِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

سورة الذاريات ٥١: اية ١٩

Terjemahan: *Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah al-Dhāriyāt 51:19)

Firman Allah lagi :

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

سورة المعارج ٧٠: اية ٢٤، ٢٥

Terjemahan: *Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-har-tanya, menjadi hak yang termaklum, bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah al-Ma'ārij 70:24 – 25)

RasululLah s.a.w. telah bersabda ketika beliau mengutus Mu'az r.a. ke negeri Yaman:

ادعهم إلى شهادة أن لا إله إلا الله وأني رسول الله: فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله قد افترض عليهم خمس صلوات فى كل يوم وليلة. فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقة فى أموالهم تؤخذ من أغنيائهم وترد على فقرائهم.

Terjemahan: *Serulah mereka untuk membuat pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa saya adalah utusan (pesuruh) Allah; jika mereka patuh mengikuti seruanmu yang pertama itu maka beritahulah kepada mereka bahawasanya Allah telah menetapkan kewajipan ke atas mereka supaya mendirikan sembahyang lima kali sehari semalam, dan jika mereka mengikut dan patuh kepada seruanmu yang kedua itu maka sampaikanlah kepada mereka bahawa Allah telah mengenakan kepada mereka kewajipan mengeluarkan zakat atas mereka, yang diambil daripada orang kaya mereka dan diberi balik kepada orang miskin mereka ... .*

Imam Ibn Hazmin telah membuat huraian ringkas tentang hukum-hukum perundangan Islam berkenaan masalah ini dengan menyatakan:[50] "Sesungguhnya Allah telah meletakkan kewajipan ke atas orang kaya dalam setiap buah negeri untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada orang fakir dan miskin dan pihak yang berkuasa hendaklah memaksa orang kaya berbuat demikian jika hasil bayaran zakat tidak cukup untuk memberi bantuan kepada mereka (orang miskin) dan juga jika harta benda semua orang Islam yang ada dalam negeri itu masih belum cukup untuk memberi pertolongan (maka bolehlah diambil daripada harta orang bukan Islam). Hasil kutipan itu hendaklah diberikan kepada orang miskin dalam bentuk bahan-bahan keperluan utama seperti bahan makanan, pakaian musim sejuk dan musim panas secukupnya dan juga bantuan tempat kediaman yang dapat memberi perlindungan kepada mereka daripada hujan dan panas terik matahari serta daripada terdedah kepada pandangan orang yang lalu lalang ...".

Perkara 228 - Cukai dan Kaitannya dengan Jaminan Sosial

Di sebalik mengenakan kewajipan membayar zakat dan cukai, Islam mempunyai suatu matlamat yang murni, iaitu matlamat memberi bantuan kepada orang yang perlu kepada bantuan. Dengan matlamat seperti ini, Islam telah memberikan contoh utama kepada seluruh dunia mengenai prinsip jaminan sosial, iaitu suatu prinsip yang belum mampu dijangkau oleh pemikiran orang Barat melainkan pada masa kebelakangan ini, negara-negara Barat telah memberikan pemerhatiannya kepada masalah jaminan sosial akibat pengaruh aliran komunisme dan sosialisme, dengan tujuan menarik perhatian rakyat di negara-negara yang berkenaan bagi membantu pihak yang berkuasa menghadapi saat-saat genting pada masa peperangan dunia yang kedua. Prinsip jaminan sosial ini dapat dilihat kemunculannya pada tahun 1941 iaitu negeri United Kingdom telah mencapai kata sepakat dengan negara Amerika Syarikat

50 *Siri Kajian Islam*, hlm. 167.

untuk menaja sebuah piagam yang dikenal sebagai Piagam Atlantik, yang mengandungi ketegasan tentang perlunya dilaksanakan jaminan sosial bagi setiap individu. Manakala dalam Butiran Lima Piagam itu telah ditegaskan mengenai hasrat pihak yang berkuasa United Kingdom dan Amerika untuk melaksanakan kerjasama sepenuhnya dengan semua bangsa di dunia dalam lapangan perekonomian dan memberikan jaminan sosial kepada seluruh umat manusia. Dalam Perkara Enam pula telah disebutkan dengan tegas tentang keinginan: "Mewujudkan perdamaian yang menjamin kesenangan dan keselesaan hidup bagi semua bangsa, supaya seluruh umat manusia dapat hidup dalam suasana aman damai di negara masing-masing dan semua individu dapat hidup aman dan bebas daripada sebarang ancaman perasaan bimbang dan kemiskinan ...".

Kemudian beberapa buah negara Barat mula mengambil langkah melaksanakan prinsip jaminan sosial itu melalui saluran perundangan yang khusus. Namun demikian negara-negara itu masih belum terlepas daripada teguran dan kritik kerana kelemahan yang terdapat dalam sistem pelaksanaan itu, kerana unsur-unsur syariat dan perundangan Islam masih belum diserapkan ke dalam undang-undang yang berkaitan dengan jaminan sosial itu. Negara-negara berkenaan masih belum menetapkan bahawa sistem jaminan sosial itu hendaklah dilaksanakan merangkumi semua lapisan dan golongan rakyat tanpa mengira apa bangsa dan warna kulit serta meliputi punca-punca penghidupan yang mulia dan terhormat seperti yang telah dilakukan oleh Islam. Kami telah menyebutkan masalah ini dalam sebuah buku karangan kami[51] mengenai pelbagai jenis jaminan sosial, yang kami simpulkan dengan ringkasnya di sini seperti berikut:

Jaminan Moral

Hadis Rasulullah s.a.w.:

أحب لأخيك ماتحب لنفسك ...

Terjemahan: *Kasihlah kepada saudaramu seperti kasihmu kepada dirimu sendiri ... .*

Jaminan Akademik

Hadis Rasulullah s.a.w.:

من كتم علما لجمه الله بلجام من نار يوم القيامة. ...

Terjemahan: *Sesiapa sahaja yang menyembunyikan sesuatu ilmu nescaya Allah akan mengekang mulutnya dengan kekang daripada api neraka pada Hari Akhirat kelak ... .*

---

51 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Beberapa Panduan Umum Islam Tentang Beberapa Sistem Semasa.*

Inilah panduan yang terdapat dalam hadis Nabi yang memberi pengertian bahawa setiap orang yang berilmu tidak boleh bersikap kedekut dengan ilmunya dan tidak boleh menyembunyikan apa yang difahaminya baik yang berupa rahsia-rahsia syariat ataupun sains supaya dia tidak menjadi seorang yang dipuja dan diagungkan kerana mempunyai keistimewaan dalam bidang ilmu pengetahuan.

Jaminan (Kesejahteraan) Politik

Telah tersebut dalam hadis Nabi s.a.w.:

كلكم راع وكلكم مسئول عن رعيته ...

Terjemahan: *Setiap kamu adalah pemimpin (pemerintah) dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab terhadap orang-orang yang di bawah pimpinannya ... .*

Ini memberi pengertian bahawa seluruh masyarakat terjamin untuk dapat menikmati dasar pemerintahan yang bersih dan terhindar daripada berlakunya kemungkaran dan penyelewengan.

Sabda RasululLah s.a.w.:

المسلمون تتكافا دماؤهم ويسعى بذمتهم أدناهم وهم يد على من سواهم...

Terjemahan: *Semua orang Islam itu sama sahaja darah mereka dan orang yang rendah kedudukannya menjadi jaminan keselamatan di bawah mereka dan mereka menjadi penguasa yang mengawasi keselamatan orang yang lain (yang bukan Islam) ... .*

Para *fuqaha* telah mencapai persetujuan secara *ijma'* bahawa apabila seseorang memberi perlindungan kepada seorang yang lain, dan menjamin keselamatan seorang itu, maka jaminan perlindungan dan keselamatan itu hendaklah dihormati oleh pihak pemerintah tanpa melihat kepada taraf kedudukan orang yang memberikan jaminan itu, sama ada dia seorang alim atau jahil, seorang yang kuat ataupun lemah, lelaki ataupun perempuan, kecuali apabila kepentingan negara memerlukan supaya diambil tindakan yang berlainan.

Jaminan Mempertahankan Negara

Setiap orang Islam dalam sebuah negara wajib bersikap setiakawan dengan seluruh warganegara yang lain untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.

Jaminan Jenayah

Seluruh masyarakat Islam bertanggung jawab memberi bantuan kepada setiap

orang yang dikenakan membayar ganti rugi dalam sesuatu kejadian jenayah, apabila dia dan kaum keluarganya tidak mampu membayar ganti rugi.Bayaran itu hendaklah dibayar daripada wang perbendaharaan negara (baitulmal).

Jaminan Akhlak

Seluruh masyarakat Islam bertanggungjawab menjaga kesucian akhlak umum kerana dengan terjaminnya akhlak, masyarakat dan negara akan terjamin daripada ancaman kekacauan, kerosakan dan penjajahan.

Jaminan Ekonomi

Islam sentiasa menumpukan perhatiannya kepada masalah perekonomian rakyat. Dengan demikian ia sentiasa memerintahkan para penganutnya supaya sentiasa berusaha melindungi harta benda setiap individu daripada digunakan dengan sia-sia dan membazir. Islam juga sentiasa melarang penyalahgunaan urusan ekonomi negara dengan cara melakukan monopoli dan mempermain-mainkan harga barang atau melakukan penipuan dalam ber*muamalat.*

Oleh sebab itulah Islam meletakkan kewajipan kepada pihak negara supaya menegah perbuatan menipu, juga supaya mengambil tindakan keras ke atas pengamal monopoli dengan cara merampas harta benda mereka dan membahagi-bahagikannya kepada rakyat jelata dengan dikenakan harga dan kos yang berpatutan dan keuntungan yang munasabah.

Jaminan Kebebasan Beribadat

Masyarakat Islam berkewajipan menjaga dan mempertahankan syiar-syiar agama dengan melaksanakan perkara-perkara yang menjadi fardu kifayah daripada segi ibadat.

Kemajuan dalam Bidang Peradaban

Setiap urusan yang memberi faedah dan manfaat kepada masyarakat, baik yang berkaitan dengan pekerjaan duniawi, keagamaan, politik, ekonomi, pertanian, perniagaan, akademik atau kesusasteraan.

Sabda RasululLah s.a.w.:

الخلق كلهم عيال الله وأحبهم إليه أنفعهم لعياله ...

Terjemahan: *Seluruh makhluk ini adalah hamba Allah belaka, dan makhluk Allah yang paling dikasihi-Nya ialah yang paling banyak memberikan manfaat kepada hamba rakyat-Nya ... .*

Jaminan Kehidupan

Mengenakan kewajipan kepada masyarakat untuk memberikan perhatian dan

menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang miskin dan malang, orang sakit dan yang memerlukan bantuan.

Jaminan seperti ini dilaksanakan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan:

(a) Fakir miskin;
(b) Orang sakit;
(c) Orang buta;
(d) Penganggur atau pesara;
(e) Orang tua;
(f) Orang yang terbiar;
(g) Orang buangan;
(h) Anak-anak yatim;
(i) Orang tawanan perang; dan
(j) Orang yang menanggung beban hutang.

Perkara 225 - Sumber-sumber Perbelanjaan Skim Jaminan Sosial

Kita telah menerangkan sebelum ini tentang sebahagian daripada sumber-sumber dalam huraian ringkas berkenaan dengannya. Sumber-sumber kewangan adalah bertujuan supaya Skim Jaminan Sosial itu dapat dilakukan dengan berkesan. Di antara sumber-sumber penting itu ialah:

Zakat

Zakat diwajibkan ke atas harta-harta yang bergerak dan juga barang-barang perniagaan dengan kadar 2.5 peratus dan juga ke atas hasil ternakan haiwan sebanyak 2.5 peratus juga. Demikian juga zakat daripada hasil buah-buahan dan tanaman, dengan kadar 10 peratus daripada pendapatan tanah yang mendapat siraman air hujan, iaitu tanpa menggunakan tenaga dan belanja; sebanyak lima peratus daripada pengeluaran tanah yang disiram dengan sistem perairan yang menggunakan alat-alat dan seumpamanya.

Manakala harta yang cukup nisab *syar'ie*nya, iaitu 20 *misqal* emas ataupun yang bersamaan dengan 12 paun Mesir (emas) dikenakan zakat setelah cukup tempoh setahun. Harta itu hendaklah melebihi daripada keperluan asas setiap manusia. Oleh yang demikian, harta yang tidak termasuk dalam hitungan harta yang wajib dikeluarkan zakat ialah rumah kediaman, alat senjata yang disediakan khusus untuk mempertahankan diri, alat-alat kenderaan, kitab-kitab ilmu pengetahuan serta alat-alat keperluan dan kelengkapan perusahaan.

Mengenai zakat harta benda pula dapatlah diperhatikan bahawa zakat itu disediakan untuk suatu golongan tertentu sahaja seperti yang telah dinyatakan oleh ayat dalam Surah *'al-Taubah'*:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ

وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

سورة التوبة ٩ : اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah 9 : 60)

Dapat diperhatikan bahawa zakat harta merupakan satu hak masyarakat yang dikutip oleh negara dan dibahagikannya kepada orang ramai, iaitu dikutip daripada orang yang mukalaf daripada segi hukum syara' dan memiliki harta yang cukup nisabnya, sesuai dengan firman Allah:

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

سورة المعارج ٧٠ : اية ٢٤، ٢٥

Terjemahan: *Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum; Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah al-Ma'ārij 70:24 – 25)

Dapat diperhatikan juga bahawa zakat setiap buah negeri itu dibahagikan kepada orang yang berhak menerimanya dalam negeri yang berkenaan tetapi apabila zakat itu berlebihan daripada keperluan orang yang berhak menerimanya dalam negeri asalnya maka wang zakat yang berlebihan itu hendaklah dihantar kepada baitulmal di peringkat pusat supaya dapat dibelanjakan kepada orang yang berhak menerimanya di negeri-negeri lain pula supaya dapat dilaksanakan prinsip jaminan sosial kepada seluruh warganegara.

Undang-undang Berkenaan Nafkah

Undang-undang ini adalah khusus berkaitan dengan nafkah dan perbelanjaan kedua ibu bapa, nenek moyang, anak-anak cucu, adik beradik, bapa-bapa saudara sebelah ayah dan ibu, emak-emak saudara sebelah ayah dan ibu serta anak cucu mereka. Demikian juga nafkah serta perbelanjaan para isteri dan bekas-bekas isteri yang masih dalam tempoh 'idah, hamba sahaya mengikut hak yang ditentukan oleh Allah, juga perbelanjaan binatang-binatang peliharaan yang menjadi tanggungan tuannya.

Termasuk dalam maksud nafkah juga ialah belanja makan minum, pakaian, tempat kediaman, layanan dan rawatan ketika sakit, memberi pelajaran serta mengahwinkan anak-anak dan orang tanggungan.

Undang-undang Wasiat

Hukum agama memberi kebenaran kepada setiap orang untuk memberi wasiat satu per tiga jumlah hartanya dan boleh juga memberi wasiat mengenai jumlah yang lebih daripada satu per tiga dengan mendapat izin ahli-ahli warisnya.

Undang-undang Wakaf

Undang-undang wakaf terbahagi kepada dua iaitu wakaf untuk kaum keluarga dan wakaf untuk projek-projek kebajikan.

Wakaf untuk keluarga ialah wakaf jaminan sosial untuk kaum keluarga orang yang melakukan wakaf itu dan juga untuk anak cucu serta zuriatnya. Wajiblah disebutkan dengan jelas dalam *aqad* (perjanjian dan pernyataan) bahawa tujuan wakaf adalah untuk menubuhkan badan-badan kebajikan seperti yayasan kebajikan dan kemasyarakatan.

Wakaf untuk tujuan dan projek kebajikan pula dilakukan bagi mencapai jaminan kesejahteraan sosial bagi semua badan dan yayasan kebajikan.

Undang-undang Berkenaan Ghanimah dan Fay'

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا
نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

سورة الحشر ٥٩ : اية ٧

Terjemahan: *Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, bagi RasululLah s.a.w., bagi kaum kerabat (RasululLah s.a.w.), anak-anak yatim, orang miskin, serta orang musafir (yang keputusan)..(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya daripada kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh RasululLah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa yang dilarang kamu melakukannya patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).*
(Surah al-Hasyr 59:7)

Firman Allah:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ . . .

سورة الأنفل ٨ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang maka sesungguhnya satu per limanya (dibahagi-*

kan) untuk (jalan) Allah dan untuk Rasul-Nya, untuk kerabat (RasululLah s.a.w.), anak-anak yatim, orang miskin dan ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan) ... .

(Surah al-Anfal 8:41)

Undang-undang Berkenaan Nazar

Firman Allah:

ثُمَّ لْيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلْيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

سورة الحج ٢٢ : اية ٢٩

Terjemahan: *Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya, dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan BaitulLah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.*

(Surah al-Hajj 22:29)

Undang-undang Rikaz (Bahan Galian)

Iaitu semua jenis logam yang terdapat dalam perut bumi sama ada daripada jenis logam yang boleh diketuk atau dibersihkan seperti emas, perak, tembaga, atau batu-batu permata yang bermutu tinggi, atau berbagai-bagai jenis barang yang boleh didapati daripada dasar lautan seperti mutiara dan sebagainya ataupun bahan-bahan cecair yang mengalir di bawah permukaan bumi seperti petroleum dan sebagainya. Semua barang seperti ini adalah menjadi hak milik negara.

Undang-undang Berkenaan Kafarah

Firman Allah:

. . . وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٨٤

Terjemahan:... *Dan wajib ke atas orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah, iaitu memberi makan orang-orang miskin ... .*

(Surah al-Baqarah 2:184)

Undang-undang Menyembelih Korban

Firman Allah:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ ﴿٢﴾

سورة الكوثر ١٠٨ : اية ٢

Terjemahan: *Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, serta sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur) ... .*
(Surah al-Kauthar 108:2)

Undang-undang Zakat Fitrah

Zakat fitrah wajib dibayar oleh setiap orang lelaki untuk dirinya sendiri dan untuk semua orang tanggungannya atas kadar 15 *qirisy* bagi setiap orang (dinilai harga bahan makanan seperti beras dan sebagainya dengan kadar satu gantang Baghdad sekali setahun menjelang Hari Raya Puasa).

Beberapa Jenis Harta yang Lain

Setelah kawasan yang dapat ditakluki menjadi bertambah luas pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab, dengan sendirinya bertambah pula hasil mahsul negara. Beberapa buah jabatan diwujudkan untuk mengendalikan urusan wang dan harta yang banyak itu dengan diikuti oleh susunan pentadbiran negara dan merekodkan semua jenis harta benda dan peristiwa yang penting.

Al-Kasaa'i, seorang ulama terkemuka pada abad ke-6 Hijrah telah menyebutkan bahawa di antara hasil pendapatan negara yang dicatat simpanannya dalam baitulmal ialah beberapa jenis harta seperti berikut:

(a) Pelbagai jenis zakat yang diperuntukkan bagi perbelanjaan yang telah ditentukan oleh ayat Surah *'al-Taubah'*:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ
وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ

سورة التوبة ٩ : اية ٦٠

Terjemahan: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai suatu ketetapan (yang datangnya) dari Allah ... .*
(Surah al-Taubah 9:60)

(b) Kutipan cukai jizyah daripada setiap rakyat *zimmi* dan hasil *kharaj* (cukai) tanah. Hasil pendapatan ini dibelanjakan untuk mendaulatkan agama dan menyelenggarakan urusan kepentingan awam, termasuklah untuk membayar gaji gabenor dan pegawai-pegawai agama juga untuk anggota tentera, polis dan pasukan keselamatan. Wang negara juga digunakan untuk memperbaiki dan membina jalan-jalan raya serta mendirikan masjid-masjid, benteng-benteng pertahanan, juga

jelujur dan jambatan-jambatan, membina pelabuhan dan membaiki aliran sungai.

(c) Kutipan satu per lima pendapatan *ghanimah*, *al-fay'* dan *rikaz* (logam dan galian) yang dibelanjakan untuk menyelenggarakan urusan fakir miskin dan anak-anak yatim.

(d) Pelbagai jenis harta yang diserahkan kepada negara kerana tiada pewaris yang berhak menerimanya, yang boleh digunakan untuk membiayai urusan memberi layanan kepada para pesakit dan urusan rumah sakit serta rumah orang tua.

Perkara 230 - Kutipan Cukai dalam Islam Sebagai Persediaan Menghadapi Kesukaran dan Bencana

Memang telah disebutkan sebelum ini bahawa Islam telah meletakkan kewajipan kepada pihak berkuasa baitulmal untuk memberikan pertolongan cemas kepada orang yang ditimpa bahaya pada masa berlaku bencana dan malapetaka seperti banjir, gempa bumi, kebuluran dan sebagainya.

Pertolongan cemas yang dituntut oleh Islam tidak hanya sekadar memberikan bantuan khemah-khemah sebagai tempat kediaman sementara dan bahan-bahan makanan sahaja tetapi dengan menyediakan peluang kehidupan yang selesa dan terhormat seperti orang lain juga.

Oleh sebab pada umumnya pihak perbendaharaan negara selalu tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk memenuhi kewajipan yang datang dengan mendadak ini terhadap orang yang terkena bencana, maka pihak berkuasa boleh mengenakan pelbagai jenis cukai tambahan yang khusus untuk menghadapi bencana itu daripada orang kaya, iaitu mengikut kadar kemampuan masing-masing (*Taxable Capacity*). Tindakan seperti itu merupakan satu syarat persaudaraan dan saling bantu-membantu yang diwajibkan oleh Islam sebagai lambang perpaduan masyarakat.

Perkara 231 - Mengutip Cukai Dibenarkan oleh Islam

Firman Allah:

لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّۦنَ وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُو
فُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ فِى ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

سورة البقرة ٢ : اية ١٧٧

Terjemahan: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, Hari Akhirat, segala malaikat, segala Kitab-kitab dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, kepada orang yang meminta-minta, dan untuk memerdekakan hamba sahaya; mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, juga pada masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. (Orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah 2:177)

Ada tersebut dalam hadis al-Syarif, sabda Junjungan s.a.w.:

إن الله فرض على أغنياء المسلمين فى أموالهم بالقدر الذى يسع فقراءهم ، ومن يجهد الفقراء إذا جاعوا وعروا إلا بما يشبع أغنياؤهم - ألا وإن الله يحاسبهم حساباً شديداً ويعذبهم عذاباً أليماً ... .

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah telah meletakkan kewajipan ke atas orang Islam yang kaya supaya memberi sumbangan daripada harta mereka atas kadar yang dapat memberi kelegaan kepada orang miskin daripada kalangan mereka (sesama orang Islam). Dan sesiapa yang sanggup membiarkan orang miskin terus menderita lapar dan bertelanjang tanpa pakaian dan tanpa bantuan makanan yang boleh menyebabkan mereka merasa kenyang seperti orang kaya merasa kenyang maka ingatlah bahawa sesungguhnya Allah akan menghitung mereka dengan hitungan yang sangat berat dan mengazab mereka dengan azab yang tidak terperi sakitnya ... .*

Khalifah 'Umar bin al-Khattab pernah berkata: "Kalaulah ditakdirkan saya masih dipanjangkan umur untuk hidup seperti saya hidup dahulu, nescaya akan saya ambil harta orang kaya yang begitu banyak berlebihan dan akan saya bahagikannya kepada orang Muhajirin yang miskin".

Daripada nas-nas di atas dapatlah difahamkan bahawa kalaulah wang zakat yang ada dalam perbendaharaan negara tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan orang yang perlu dibantu di bawah skim jaminan masyarakat dan perbendaharaan negara tiada wang simpanan lain yang mencukupi untuk skim itu, maka pelaksanaannya memerlukan diambil sekadar yang dapat bagi menampung keperluan skim itu daripada harta benda orang ramai, terutama orang kaya, jika perlu boleh dihabiskan harta berkenaan.

Perkara 232 - Imam Ghazali Memberi Sokongan Kuat kepada Konsep Mengutip Cukai

Sokongan beliau itu ditegaskan dalam "Bab Syukur" dan beliau telah memperakui: "Bahawa hak atas harta itu tidak hanya terbatas setakat menunaikan

zakat, sedekah atau kifarah sahaja, tetapi hak terhadap harta begitu luas sampai ke peringkat mencapai keselesaan hidup seluruh manusia dan kerukunan hidup masyarakat".

Mengenai masalah ini juga Imam Ghazali menyatakan: "... maka demikian jugalah pendapat kami yang mengatakan orang awam boleh menyimpan wang dan harta serta boleh berjimat cermat dalam perbelanjaan yang melebihi daripada kadar penilaian zakat kerana mengikut perasaan kedekut mereka yang sudah menjadi pembawaannya, bukanlah merupakan pendapat yang mutlak benarnya ...".

Imam Ghazali meneruskan huraiannya lagi dengan mengatakan: "Apabila berlaku sesuatu keadaan yang apabila anggota-anggota tentera tidak mempunyai wang (kerana tidak dibayar gajinya) dan perbendaharaan negara atau baitulmal juga tidak mempunyai wang yang mencukupi bagi menanggung semua perbelanjaan yang berkaitan dengan anggota-anggota tentera, dan keadaan sedemikian boleh menimbulkan kebimbangan bahawa pihak musuh akan menyerbu masuk ke dalam negeri Islam dan juga akan berlaku keadaan huru- hara dan kacau-bilau dalam negara. Maka pada ketika itu pihak Imam atau ketua negara berhak mengutip cukai khusus daripada orang kaya sekadar cukup untuk menyelenggarakan bayaran gaji anggota tentera, kerana kita juga tahu (mengenai kaedah *fiqhiyah* yang menyatakan) bahawa apabila timbul kedua bahaya atau bencana maka hendaklah dihindarkan bahaya atau bencana yang lebih besar dan diterima bahaya atau bencana yang kecil; kerana cukai yang dibayar oleh orang kaya itu amatlah kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan bahaya yang akan menimpa dirinya sendiri dan juga harta bendanya apabila negara tidak mempunyai anggota tentera yang mengawal ketenteraman dan keselamatan negara dan mencegah daripada belakunya kejahatan dan kejadian yang tidak diingini".[52]

Perkara 233 - Pandangan al-Imam Syeikh Mahmud Syaltut dan Syeikh Muhammad al-Sayis Tentang Masalah Cukai dalam Kitab *Perbandingan Mazhab-mazhab*

Kita dapat melihat dan memikirkan sendiri bahawa pihak *wali al-Amri* berhak apabila didesak oleh sesuatu keadaan yang memaksa untuk mengenakan sebarang cukai tambahan kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam yang mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan negara, atas kadar atau jumlah yang dapat menampung dan memenuhi kepentingan umum dan menyelesaikan keperluan yang sangat mendesak. Keadaan cukai khusus itu tidak menghalang pihak berkuasa atau *wali al-Amri* daripada mengutip bayaran cukai yang telah diwajibkan oleh Allah S.W.T. sebagai suatu amal ibadat yang diperintahkan oleh agama, iaitu cukai yang berbentuk zakat bagi membersihkan mereka daripada dosa dan menyucikan mereka daripada budi pekerti yang buruk.

52 Rujuk kitab *al-Mustasfa*, Jilid 1, hlm. 303.

Perkara 234 - Pada Pandangan Islam, Cukai Merupakan Alat untuk Mencapai Matlamat Ekonomi

Undang-undang Islam sentiasa memberi jaminan bahawa pelaksanaan peraturan cukai merupakan suatu alat untuk mencapai matlamat negara dalam bidang perekonomian. Hal ini jelas dapat dilihat daripada pelaksanaan zakat ke atas emas dan perak, yang sentiasa memberi dorongan kepada pemiliknya supaya melaburkannya (harta itu), supaya dia dapat membayar zakat daripada sumber pendapatan itu.

RasululLah s.a.w. bersabda mengenai masalah ini:

من ولى يتيما له مال فليتجر له ولايتركه حتى تأكله الصدقة ... .

Terjemahan: *Sesiapa yang menjaga dan mengurus harta anak yatim maka hendaklah dia menggunakan harta itu berniaga bagi kepentingan anak yatim dan jangan membiarkan sahaja harta itu tanpa diniagakan atau dilaburkan sehingga habis untuk membayar zakat sahaja ... .*

Demikian juga Khalifah 'Umar bin al-Khattab sengaja menggunakan wang cukai kastam sebagai alat untuk menggalakkan mengimport bahan-bahan yang diperlukan. Dengan demikian bahan-bahan itu menjadi lebih murah kerana harganya turun sebanyak lima peratus berbanding dengan barang-barang yang dibawa oleh para peniaga rakyat negara musuh yang sentiasa berulang-alik membawa bahan-bahan makanan ke Madinah al-Munawarah. Dasar seperti inilah yang selalu diamalkan sekarang, yang juga merupakan suatu kaedah terbaru dalam kutipan cukai kastam.

Perkara 235 - Peraturan Islam yang Berkaitan dengan Usaha Mencegah Perbuatan Mengelakkan daripada Membayar Cukai?

Islam tidak hanya meletakkan asas-asas moden kepada sistem percukaian dalam wadah, prinsip dan matlamatnya sahaja, malah asas-asas itu juga mengandungi jaminan-jaminan mengenai pembayaran cukai. Pada zaman moden ini kita dapati banyak undang-undang di beberapa negara membuat perakuan mengenai berbagai-bagai bentuk jaminan yang bertujuan mencegah pihak pembayar cukai daripada menggelakkan diri mereka daripada membayar cukai. Oleh sebab itu, undang-undang telah meletakkan kewajipan ke atas pihak pembayar cukai supaya mengemukakan pengakuan mengenai semua harta kepunyaannya, ataupun membuat peraturan supaya pengakuan yang dibuat itu memang benar, dan mewajibkannya supaya mengemukakan dokumen-dokumen dan surat-surat keterangan mengenai semua hartanya kepada pegawai-pegawai perbendaharaan supaya dapat disahkan kebenaran dan kesahihannya.

Undang-undang itu juga mengandungi peruntukan yang menyatakan bahawa pihak pembayar cukai hendaklah membayar cukai dalam tempoh yang telah ditetapkan. Menetapkan juga jumlah denda yang wajib dibayarnya, sama

ada yang berbentuk wang ringgit dan juga yang berbentuk kesalahan jenayah. Jika dia cuai menunaikan kewajipan membayar cukai, maka dia dituntut supaya membayar cukai dengan cara paksa. Apabila dia tidak membayarnya juga, maka kuasa istimewa diberikan kepada pihak perbendaharaan untuk mengambil tindakan ke atas harta benda kepunyaan pihak pembayar. Hak ini membolehkan pihak perbendaharaan mendapat bayaran lebih dahulu daripada pihak piutangnya. Jika mereka sama-sama bertembung dalam membuat tuntutan bayaran hutang, maka pihak perbendaharaan juga diberi kuasa untuk menahan harta orang yang berkenaan jika dia mengambil tindakan sendiri ke atas hartanya.

Pelbagai bentuk jaminan bayaran cukai telah diperkenalkan oleh Islam yang mewajibkan setiap orang Islam memberitahu kepada pegawai-pegawai zakat mengenai jumlah hartanya dan mewajibkannya supaya tidak menyembunyikan sesuatu daripada pegawai zakat yang berkenaan.

قال رسول الله: لايصدر المصدق عنكم إلا وهو راض ... .

Terjemahan: *RasululLah s.a.w. telah bersabda:*[53] *"Janganlah seorang pegawai zakat itu pulang meninggalkan kamu melainkan dalam keadaan dia berpuashati (mengenai kebenaran keterangan kamu tentang harta yang kamu miliki) ... .*

Hadis Dirawikan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa RasululLah s.a.w. telah bersabda:

إن حقا على الناس إذا قدم عليهم المصدق أن يرحبوا به ويخبروه بأموالهم كلها ، ولا يخفوا عنه شيئا ، فإن عدل فسبيل ذلك ، وإن كان غيره واعتدى لم يضر إلا نفسه وسيخلف الله لهم... .

Terjemahan: *Adalah menjadi kewajipan setiap orang yang didatangi oleh pegawai pentaksir zakat supaya menyambutnya dengan baik dan memberitahu kepadanya tentang semua harta mereka dan jangan menyembunyikan sesuatu apa pun. Oleh yang demikian kalaulah pegawai itu bersikap adil, maka ia memang menjadi tugasnya dan jika tidak jujur atau bertindak melebihi batas maka dia hanya membahayakan dirinya sendiri dan Allah pasti akan menggantikan kerugian mereka (yang teraniaya itu) ... .*

Hadis yang bermaksud:

Dirawikan daripada Abu Zar, katanya: "Pegawai-pegawai penilai zakat telah datang menemui kami dan menambah jumlah zakat yang mesti kami keluarkan; jadi kami menyembunyikan jumlah harta kami yang sebenar mengikut kadar yang mereka tambahkan itu". Maka jawab Abu Zar: "Jangan sembunyikan, tapi kumpulkanlah semua harta supaya mereka melihatnya,

53 Abi Kasim bin Salam, *al-Amwaal*, hlm. 106.

dan katakanlah kepada mereka, sesuatu yang menjadi hak kamu ambillah, dan yang bukan hak sebenarnya maka tinggalkanlah, dan jika mereka bertindak melampaui batas maka semua zakatmu dan harta yang mereka ambil secara tidak betul itu dikumpulkan dalam jumlah timbangan amal kebajikanmu pada Hari Akhirat kelak ...".

Perkara 236 - Pandangan *Fuqaha* Tentang Perbuatan Mengelakkan Diri daripada Membayar Cukai

Para *fuqaha* telah melarang perbuatan sengaja mencari helah yang bertujuan mengelakkan diri daripada membayar cukai, seperti seseorang pemilik harta itu mengambil keputusan untuk menggunakan wang atau hartanya sebelum cukup tahun ataupun dia melakukan sesuatu tindakan yang menyebabkan wang atau hartanya itu tidak mencukupi nisab dengan tujuan melarikan diri daripada membayar cukai dan zakatnya. Dalam keadaan seperti ini para *fuqaha* Islam telah menyatakan bahawa harta demikian wajib dikeluarkan zakatnya walaupun didapati tidak mencukupi nisab atau tempoh setahun akibat perbuatan curang itu.

Berkenaan masalah seperti inilah Abu Yusuf memberikan pandangannya dengan mengatakan: "Sama sekali tidak halal bagi setiap orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat mengelakkan diri daripada membayar zakat dan tidak halal juga dia mengeluarkan harta daripada miliknya untuk menjadi hak milik sesuatu kumpulan orang lain daripada dirinya sendiri dengan tujuan hendak memecahkan harta itu iaitu dengan cara memberi kepada setiap orang beberapa ekor unta, lembu ataupun kambing dengan tujuan mengelakkan diri daripada membayar zakat. Demikian juga setiap orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat itu tidak boleh membuat helah untuk membatalkan zakat dengan sesuatu cara dan sebab ...". Dengan memberikan pandangan sedemikian bererti para *fuqaha* telah membuat rumusan untuk membanteraskan sikap mengelakkan diri daripada membayar zakat atau cukai, iaitu perbuatan yang dikenal dalam istilah orang Barat sebagai "Mengelakkan diri secara sah mengikut undang-undang daripada membayar cukai" ataupun *Legas Evasion*. Perbuatan seperti ini banyak sekali dilakukan di Amerika kerana memang menjadi kebiasaan dan resam orang Amerika untuk berselindung di sebalik bayang undang-undang selama perbuatan itu boleh membawa manfaat dan faedah kebendaan kepada dirinya.[54]

Undang-undang Islam telah memberi kebenaran kepada pihak pemerintah untuk mengambil zakat secara paksa daripada setiap orang yang enggan membayarnya. Pihak pemerintah juga berhak memberikan amaran keras secara takzir kepada orang seperti itu.[55] Khalifah Abu Bakar sendiri telah memerangi orang yang enggan dan ingkar membayar zakat sesudah RasululLah s.a.w. wafat, walaupun beliau telah ditegur oleh Sayidina 'Umar dengan mengatakan: "Kenapakah anda sanggup memerangi manusia (kerana enggan membayar zakat) padahal RasululLah s.a.w. telah bersabda: "Saya telah di-

54 *Ilmu Kewangan dan Undang-undang Kewangan*, hlm. 310.
55 Kitab *al-Mugh'ni*, hlm. 435.

perintah supaya memerangi umat manusia semuanya sehingga mereka membuat pengakuan dan penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah (mengucapkan kalimah syahadah). Maka sesiapa yang mengucapkannya (kalimah syahadah), maka sesungguhnya terpeliharalah harta benda dan darahnya daripadaku melainkan dengan cara yang hak sedangkan hisab dan perhitungannya terserahlah kepada Allah S.W.T. ...". Khalifah Abu Bakar menjawab: "Demi Allah saya akan memerangi orang yang memisah dan membezakan di antara sembahyang dengan zakat kerana zakat itu merupakan satu hak (Allah) ke atas harta. Demi Allah kalaulah mereka enggan memberikan kepada saya seekor anak kambing seperti yang telah mereka berikan kepada RasululLah s.a.w. nescaya akan saya perangi mereka kerana enggan memberikan seekor anak kambing itu kepada saya ...".

Perkara 237 - Denda atas Sikap Sengaja Melambatkan Bayaran Hutang (Tunggakan) Cukai

Sesetengah *fuqaha* berpendapat bahawa pihak imam (pemerintah) berhak mengambil sebahagian harta orang yang enggan membayar zakat dengan berpandukan sabda RasululLah s.a.w.:

من أباها فإني آخذها وشطر ماله ...

Terjemahan: Sesiapa yang enggan membayar zakat maka saya berhak mengambil zakat itu daripadanya dan berhak pula mengambil sebahagian hartanya ... .

Pendapat ini telah diamalkan oleh pihak pembuat undang-undang negara Mesir dalam tahun 1956 ketika mereka dapati pihak pembayar cukai sengaja suka melambatkan pembayarannya.

Perkara 238 - Keutamaan Hutang Cukai Menurut Pandangan Islam

Sesetengah kalangan *fuqaha* iaitu seperti *fuqaha* daripada mazhab Syafi'i memandang bahawa hutang zakat itu lebih kuat dan utama daripada semua jenis hutang yang lain, iaitu harta yang wajib dikeluarkan zakatnya pada ketika kewajipannya paling utama untuk ditunaikan, melebihi sebarang kewajipan yang lain.

Imam Syafi'i sendiri berpendapat bahawa harta benda yang masih terikat dengan pemberian zakat itu tidak sah dibuat sebarang urusan mengenainya, kerana pemilik harta membuat perkiraan dan urusan mengenai harta yang bukan menjadi miliknya, ataupun dia mencampuradukkan harta miliknya dengan yang bukan miliknya, kerana harta itu tidak dipisahkan (di antara bahagian zakat dengan bahagian lainnya), dan dengan demikian penjualan harta terbatal dan tidak sah.

Imam Abu Hanifah telah memberikan pendapatnya mengenai zakat hasil

pertanian dan buah-buahan: "Pegawai pengutip zakat (amil) berhak membuat tuntutan supaya jualan barang-barang yang tidak ditunaikan zakatnya itu dibatalkan, iaitu dalam bahagian yang dikenakan zakatnya. Penjualan itu juga terbatal dan tidak sah jika pihak pemilik harta enggan menunaikan zakatnya".

Beginilah hukum-hukum Islam yang memperakui hak-hak keistimewaan yang juga telah diberikan oleh undang-undang moden sekarang kepada pihak perbendaharaan negara.

Selain itu, undang-undang Islam tidak cukup setakat hanya memberikan jaminan-jaminan keistimewaan yang bercorak duniawi sahaja, kerana Islam memang arif bahawa umat manusia itu sentiasa dikongkong oleh perasaan kedekut, dan sentiasa menginginkan timbunan emas dan perak. Manusia juga selalu bersikap melampau apabila dia merasakan dirinya kaya, kerana harta itu merupakan ujian dan perhiasan hidup di dunia.

Umat manusia juga memang bersifat kedekut. Oleh itu di samping beberapa jaminan yang bercorak duniawi tadi Islam menambahkan lagi satu jaminan yang sangat kuat dan berkesan,aqidah keagamaan. Oleh itu Islam menetapkan zakat menjadi rukun agama yang ketiga daripada rukun-rukunnya yang lima perkara itu dan al-Qur'an telah memberikan galakan dan perangsang kepada para penganutnya supaya menunaikan kewajipan zakat pada lebih daripada 70 tempat dalam sebutan ayat suci al-Qur'an dan dalam kebanyakan sebutan zakat itu dikembarkan sebutannya dengan sembahyang.

Firman Allah S.W.T.

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٤٢

Terjemahan: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.*

(Surah al-Baqarah 2:43)

Firman Allah S.W.T.

. . . وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن زَكَوٰةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

سورة الروم ٣٠ : اية ٣٩

Terjemahan: ... *Sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang yang beroleh pahala berganda-ganda.*

(Surah al-Rūm 30:39)

Dan firman Allah:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾ الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُم بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ﴿٧﴾

سورة فصلت ٤١ : اية ٦ ، ٧

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaan-Nya), serta pohonlah kepada-Nya agar mengampuni (dosa-dosamu yang telah lalu). Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain) iaitu orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan harta bendanya) dan mereka pula kufur dan ingkar akan adanya Hari Akhirat".*

(Surah Fussilat 41:6 – 7)

Inilah sebahagian daripada hukum-hukum Islam yang jelas dan terang yang telah meletakkan suatu asas dan tapak yang kukuh dan kuat kepada suatu sistem percukaian yang lengkap dan meliputi suatu zaman yang telah ditutup oleh kegelapan dan dibentangi oleh kejahilan serta sikap keterlaluan yang melampau dalam bidang kewangan. Allah yang Maha Pengasih telah melimpahkan kurnia iradah-Nya dengan mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. pemimpin semua rasul ke seluruh alam dengan membawa hidayah petunjuk serta al-Qur'an dan telah pun membebaskan akal fikiran umat manusia daripada belenggu kejahilan dan tradisi menyembah berhala.

FASAL SEPULUH: *AL-HISBAH*

Perkara 239 - Sistem *Al-Hisbah*

Sistem *al-Hisbah* merupakan suatu sistem yang diperkenalkan oleh kaum Muslimin sendiri dan belum pernah ditaja oleh kaum-kaum lain sebelumnya, dan telah diikuti oleh orang Kristian berikutan dengan rangkaian serangan-serangan mereka yang terkenal sebagai Perang Salib.[56]

Al-Syizari telah mengatakan bahawa *al-Hisbah* ialah tindakan mencegah yang perbuatannya menimbulkan bencana dan mudarat kepada orang ramai dalam urusan pemasaran dan perusahaan mereka, iaitu seperti mencegah para peniaga daripada melakukan perbuatan menyorok barang atau monopoli dan memaksa mereka menjual barang-barang yang disorok itu dengan harga yang berpatutan secara paksaan, melarang dan mencegah perbuatan menipu para pengeluar yang kebanyakannya berasal daripada kaum tani yang tinggal di desa-desa supaya mereka tidak menjual barangan mereka kepada orang tengah dengan harga yang terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga di pasaran, juga mengawasi tukang-tukang roti, pencetak-pencetak buku dan pemilik-pemilik perusahaan seperti pekedai-pekedai ubat, penjual minyak wangi dan

56 Al- Syizari, kitab *Nihayah al-Rutbah Fi Talabi al-Hisbah.*

penenun kain daripada menipu orang ramai membeli bahan-bahan makanan dan keperluan-keperluan mereka yang lain. Memang telah disebutkan dalam beberapa buah kitab yang lain mengenai kewajipan yang mesti dilakukan oleh pegawai-pegawai jabatan *al-Hisbah* ini dalam mengawasi badan-badan perusahaan dan perniagaan.

Ibn Taimiyah telah memberikan pendapatnya mengenai masalah *al-Hisbah* dengan mengatakan: "Adapun tugas pegawai jabatan *al-Hisbah* ialah menjalankan Amal Makruf dan Nahi Munkar dalam semua urusan yang tidak menjadi tugas khusus pegawai-pegawai tinggi kerajaan, hakim-hakim dan pegawai-pegawai jabatan kerajaan yang lain".

Pegawai atau petugas jabatan *al-Hisbah* boleh bertugas menggesa orang ramai supaya menunaikan fardu Jumaat dan mendirikan sembahyang jamaah, bercakap benar dan menunaikan amanah, juga melarang mereka daripada semua perbuatan mungkar seperti berdusta, mengkhianat dan semua urusan yang berkaitan dengannya seperti melakukan penipuan timbangan dan sukatan, dan juga penipuan dalam urusan perusahaan, jual beli, hutang piutang dan perjanjian haram.

Al-Kadi al-Mawardi[57] telah membahagikan tugas pegawai jabatan *al-Hisbah* (Unit Penguatkuasa) kepada tiga bahagian. Pertama, perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah S.W.T. Kedua, perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak sesama umat manusia dan ketiga, urusan yang menjadi hak bersama Allah dengan manusia.

Manakala urusan yang berkaitan dengan umat manusia itu ada dua jenis sama ada yang umum dan yang khusus.

(a) Urusan umum yang berkaitan dengan umat manusia seperti sebuah negeri yang keputusan air minum atau runtuhnya benteng pertahanan. Dalam masalah ini sekiranya baitulmal mempunyai simpanan wang yang cukup maka rakyat jelata negeri berkenaan tidaklah diwajibkan memberi sumbangan untuk membaiki sistem bekalan air minum dan membina benteng negeri kerana urusan itu menjadi satu kewajipan pihak pemerintah atau baitulmal. Demikian juga halnya jika ditakdirkan Masjid Jamik di negeri yang berkenaan didapati runtuh, maka sekiranya perbendaharaan atau baitulmal tidak mempunyai wang untuk membiayai pembinaan masjid, maka urusan membina benteng, memperbaiki sistem bekalan air minum membina semula masjid dan memberi layanan kepada orang musafir adalah menjadi kewajipan orang kaya dalam negeri itu. Sekiranya orang kaya mengambil alih tugas itu maka pihak pegawai *al-Hisbah* tidak lagi berkewajipan mengendalikan urusan itu; tetapi sekiranya tiada pihak yang menjalankan tugas itu maka pihak pegawai *al-Hisbah* berkewajipan menyampaikan masalah itu ke pengetahuan sultan (raja) sambil memberi dorongan kepada para hartawan untuk menjalankan tugas itu, jika didapati seluruh rakyat menghadapi bahaya dan ancaman tanpa keperluan.

57 Al-Mawardi, kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah*.

(b) Urusan khusus yang berkaitan dengan umat manusia ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak yang diabai serta tidak ditunaikan dan hutang-hutang yang tidak dibayar. Oleh yang demikian, pihak pegawai Jabatan *al-Hisbah* berhak menyuruh supaya hak-hak itu ditunaikan dan hutang-hutang itu dibayar apabila diminta oleh pihak-pihak yang mempunyai hak. Pegawai *al-Hisbah* juga berhak meminta dan mendesak supaya memberi nafkah kepada kaum kerabat, apabila diperintah oleh pihak hakim, dan membayar saraan hidup orang yang menjadi tanggungan seseorang, seperti anak-anak kecil dan lain-lain lagi.

Manakala perkara yang menjadi hak bersama di antara Allah dengan umat manusia itu di antaranya ialah bahawa pihak tuan punya hamba sahaya terlalu bersikap keras terhadap hak-hak hamba sahayanya yang lelaki dan perempuan dan memerintahkan mereka supaya melakukan pekerjaan yang berat-berat yang tidak mampu mereka lakukan. Begitu juga dengan pemilik-pemilik binatang ternakan yang mengabaikan tugas mereka memberi makanan dan menjaga kesihatan binatang-binatang peliharaan mereka, supaya para pemilik itu tidak menyuruh binatang-binatang itu membuat pekerjaan yang berat sehingga menganiaya binatang-binatang itu. Begitu juga dengan seseorang yang mengambil anak angkat tetapi bersikap cuai menjaganya maka pihak pegawai *al-Hisbah* berhak memerintahkannya supaya menunaikan hak-hak itu di bawah undang-undang jagaan iaitu dengan menjaga kepentingan dan haknya ataupun menyerahkannya kepada pihak yang bertugas menyelenggarakan masalah itu.

Di antara tugas-tugas lain Jabatan *al-Hisbah* (Unit Penguatkuasa) itu ialah melarang dan menegah orang yang berlagak sebagai orang yang berilmu pengetahuan daripada mempengaruhi dan mengelirukan orang lain dengan sikap dan lagaknya yang palsu dan sekiranya perlu halnya akan didedahkan kepada orang ramai supaya mereka tidak terpedaya dengan sikap yang sedemikian itu. Pihak *al-Hisbah* juga berkewajipan untuk mencegah dan menyekat apa jua bentuk perjanjian yang dilarang oleh hukum syara', seperti perbuatan menipu dalam berjual beli dan mempermainkan harga (memalsukan wang dan sebagainya), dengan cara mencegah dan memberi pengajaran kepadanya melalui tindakan tertentu mengikut suasana dan keadaan.

Jabatan urusan *al-Hisbah* juga berkewajipan mencegah dan melarang perbuatan menipu sukatan dan timbangan. Jika pegawai *al-Hisbah* merasa ragu-ragu tentang timbangan dan dacing yang digunakan oleh orang tertentu, maka dia hendaklah mengambil tindakan segera untuk memastikan tidak berlakunya penipuan sambil memberi amaran keras dan jika perlu mengambil tindakan undang-undang yang berpatutan bagi mencegah perbuatan menipu.

Di antara perkara mungkar yang berkaitan dengan hak-hak sesama manusia itu ialah melarang dan mencegah seseorang itu daripada mencabuli hak jiran tetangga atau anak isteri jiran tetangganya. Urusan ini termasuk mencegah pihak yang terlibat dalam urusan sewa-menyewa dan upah-me-

ngupah daripada mencabuli hak orang yang berurusan dengannya; dan apabila seorang majikan mencabuli hak pekerjanya dengan cara mengurangi upah atau memotong gajinya atau menyuruh bekerja lebih masa dan sebagainya dan mungkir daripada menunaikan persetujuan yang telah dibuat sebelum itu, ataupun pihak pekerja pula yang cuai dalam menyempurnakan tugasnya kepada pihak majikan dengan cara malas atau lambat bekerja ataupun menuntut bayaran upah tambahan; juga jika seseorang doktor cuai dalam menjalankan tugasnya hingga mengakibatkan merebaknya penyakit dalam masyarakat, maka pihak Jabatan *al-Hisbah* berkewajipan menasihatinya dan perlu mengambil sesuatu tindakan yang wajar supaya sikap seperti itu tidak menjadi amalan pihak doktor tersebut. Demikian juga urusan yang berkaitan dengan pekerjaan kraftangan, penenunan dan pencelupan kain dan sebagainya perlulah diawasi dengan sempurna supaya tidak berlaku sebarang penipuan dan pengkhianatan.

Sementara itu pihak Jabatan *al-Hisbah* juga mestilah sentiasa memberikan perhatian kepada masalah kerosakan dan ketidaklancaran sesuatu pekerjaan dan tugas awam, walau tidak ada seorang pun yang membuat sungutan dan pengaduan. Termasuk dalam urusan mengawal kemungkaran terhadap hak-hak Allah dan umat manusia ialah berlakunya sebarang serangan dan gangguan kepada orang kafir *zimmi* dan mencegah para pemilik hamba daripada membebankan hamba sahaya mereka melakukan sesuatu pekerjaan yang di luar daripada kemampuan mereka.

Daripada huraian mengenai pelbagai sistem dan undang-undang jaminan kesejahteraan sosial dan juga sistem *al-Hisbah* dan lainnya dapatlah difahami dengan penuh sedar dan insaf bahawa melalui beberapa prinsipnya yang agung dan undang-undangnya yang unik itu, Islam terus memberi pimpinan dan panduan kepada seluruh penduduk dunia hinggalah ke tahun 1200 Masihi, iaitu pimpinan daripada segi kekuatan, sistem dan kaedah bekerja yang kemas, corak pemerintahan yang mudah dan sederhana, budi pekerti yang luhur, tingginya taraf kehidupan, undang-undang yang sejajar dengan sifat-sifat kemanusiaan, agama serta budi pekerti, penyelidikan ilmiah, sains, perubatan dan falsafah.

Manakala sumber kewangan daripada kutipan zakat dan lain-lainnya adalah diperoleh daripada semua bandar dan daerah dalam kawasan negara yang berkenaan, dengan berpandukan kepada prinsip keadilan dalam pembahagian harta.

Firman Allah:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ٢٨٦

Terjemahan: *Allah tidak memberkati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebajikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya ... .*

(Surah al-Baqarah 2:286)

Peruntukan itu biasanya dibelanjakan untuk projek-projek yang berkaitan dengan jaminan kesejahteraan masyarakat. Oleh yang demikian, setiap orang miskin akan memperoleh keperluan asasnya dan setiap orang buta ada pemandunya, setiap orang lumpuh dan tidak terdaya bekerja mempunyai pembantu, setiap orang yang menanggung hutang diberikan peruntukan untuk membayar hutangnya, dan setiap orang yang mati dalam keadaan miskin akan mendapat perlindungan untuk anak-anak dan keluarganya sesudah dia meninggal dunia. Dengan keadaan sedemikian maka terpeliharalah pertumpahan darah secara sewenang-wenangnya, dan terkawallah kehormatan dan juga maruah diri daripada dicabuli dan seluruh umat manusia akan bebas daripada cengkaman kejahilan, kebimbangan dan kepercayaan karut, hinggalah Khalid bin al-Walid ketika memimpin peperangan di negeri Iraq telah berhasil menakluki dan membuat pengisytiharan dalam perjanjian damai dengan penduduk al-Hirah yang sebahagian besar beragama Kristian bahawa mereka akan mendapat jaminan kesejahteraan masyarakat dalam menghadapi zaman tua, keadaan sakit dan kemiskinan: "Saya telah membuat keputusan untuk mereka seperti berikut. Di mana sahaja ada orang yang daif dan tidak mampu bekerja, ataupun ditimpa sebarang kemalangan, atau seorang kaya yang jatuh miskin dan orang yang biasanya berhutang memberi sedekah kepadanya, maka dia diberi pelepasan daripada membayar cukai jizyah dan dia sekeluarga akan mendapat saraan daripada baitulmal selama dia masih tinggal dalam negara Islam".

Jaminan yang diberikan oleh Khalid bin al-Walid ini bertepatan sekali dengan amalan yang telah dilakukan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khattab yang telah melaksanakan projek sistem jaminan kesejahteraan sosial masyarakat kepada orang bukan Islam seperti Yahudi.

Satu masalah yang perlu disebutkan di sini ialah bahawa agama Islam sentiasa memerintah para imam dan pemimpin negara supaya sentiasa menempatkan diri mereka sebagai pemimpin yang penuh bertimbang rasa, bukannya sebagai pengutip cukai yang bersikap garang. Hal ini sentiasa diberikan perhatian, sehingga Khalifah 'Uthman bin 'Affan sentiasa menyebut masalah ini dalam surat-surat yang dikirimkannya kepada gabenor-gabenor wilayah, seperti berikut:" Sesungguhnya Allah S.W.T. sentiasa memerintahkan para imam supaya menjadi pemimpin dan Allah tidak menyuruh dan memberi arahan supaya mereka menjadi pengutip cukai sahaja. Ketahuilah bahawa perjalanan pemerintahan yang paling adil sekali ialah bahawa kamu hendaklah sentiasa memberi perhatian kepada keadaan hidup kaum Muslimin dan juga mengenai kewajipan-kewajipan yang mesti mereka lakukan. Oleh itu, berilah kepada mereka hak-hak mereka dan ambil serta terima apa yang menjadi kewajipan mereka. Kemudian berikan perhatian kepada orang *zimmi* dan berilah bantuan yang perlu serta ambillah daripada mereka apa yang menjadi kewajipan mereka ...".

Adalah menjadi tugas dan kewajipan sesebuah negara Islam untuk melaksanakan dengan baik dan berkesan sistem jaminan kesejahteraan sosial daripada wang kutipan zakat iaitu dalam urusan yang berkaitan dengan bantuan dan menyelenggarakan urusan orang miskin dan lain-lain keperluan sosial

hingga tercapailah jaminan kesejahteraan sosial yang memuaskan. Yusuf bin 'Umar telah membuat peruntukan khusus dalam anggaran belanjawan wilayah yang terletak di bawah kekuasaannya sebanyak 10 juta dirham setiap tahun untuk menghadapi dan menyelesaikan kejadian-kejadian yang mungkin timbul dan juga untuk memberi bantuan kepada anak-anak gadis yang masih belum berkahwin.[58]

58 Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, *Adakah Islam Menetapkan Suatu Sistem Perekonomian yang Lengkap?,* dan *Politik Percukaian,* hlm. 354.